MenerajuiAsia

Maybank

LAPORAN TAHUNAN 2014



LAPORAN TAHUNAN

Maybank

BERSAMA MEMAJUKAN ASEAN

13.8%
Pulangan atas Ekuiti

11.75%
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Tahap 1

Pulangan Pemegang Saham
Dividen sesaham 57 sen
Hasil dividen 6.2%

Bersama Memajukan ASEAN

Maybank telah dikenali sebagai bank serantau sejak 1960, dengan penubuhan operasinya di Malaysia serta cawangan di Singapura dan Brunei dalam tahun yang sama. Akar umbi kami di ASEAN sebagai sebuah Kumpulan begitu dalam dengan kehadiran di kesemua 10 buah negara ASEAN.

Kami berjaya menempatkan kedudukan kami dalam komuniti ASEAN kerana kami percaya dengan penerapan kepelbagaian dan penglibatan bersama dengan komuniti serta menyediakan perkhidmatan kewangan yang mempunyai nilai mesra insan.

Kami telah membiayai rumah pertama pelanggan-pelanggan kami, membantu mereka memulakan perniagaan kecil-kecilan dan menjadi rakan kongsi dalam mengembangkan perniagaan di seluruh rantau ini. Banyak lagi pengalaman yang telah kami kongsikan bersama, dan kami berharap dapat terus menjadi sebahagian daripadanya untuk tahun-tahun yang akan datang.

Kami amat berbesar hati dapat berada bersama komuniti di tempat kami beroperasi dan melengkapkan mereka untuk masa hadapan serta peluang yang lebih baik untuk kehidupan yang gemilang.

Dalam laporan ini, kami mengetengahkan kembara kami dalam menginsankan perkhidmatan kewangan dan aspirasi kami terhadap ASEAN dan rantau ini.

Mesyuarat Agung Tahunan Malayan Banking Berhad Ke-55

Rujuk muka surat 235 hingga 238 untuk maklumat Mesyuarat Agung Tahunan dan Kalendar Kewangan.

Kuala Lumpur Convention Centre,
Grand Ballroom, Tingkat 3,
Kuala Lumpur City Centre,
50088 Kuala Lumpur, Malaysia

Selasa
7 April 2015
jam 10.00 pagi

KANDUNGAN

Ulasan Maybank **4**
Ulasan 2014 **6**

Untuk menghubungi kami, sila rujuk muka surat 231 untuk Maklumat Korporat dan muka surat 232 untuk Direktori Kumpulan.

Laporan tahunan ini boleh didapati di laman sesawang www.maybank.com/ar2014

Laporan Korporat

Laporan Penyata Kewangan

Laporan Tahunan Maybank 2014 terkandung dalam dua laporan: Laporan Korporat dan Penyata Kewangan.

MESEJ UNTUK PEMEGANG SAHAM

Kenyataan Pengerusi **12**
Kenyataan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan **14**

ULASAN ORGANISASI

Profil Korporat & Rangkaian Global **18**
Sejarah, Inovasi & Kepimpinan **20**
Unit Perniagaan Strategik **24**
Struktur Korporat Kumpulan **27**
Struktur Organisasi Kumpulan **28**
Pengurusan Kualiti Perkhidmatan Kumpulan **30**

STRATEGI & KEMAMPANAN

Strategi **36**
Peluang-peluang di ASEAN **39**
Indeks Prestasi Utama **42**
Nilai Teras & Jenama Maybank **44**
Kod Etika & Perilaku **45**
Kemampanan di Maybank **46**

KEPIMPINAN & KAKITANGAN

Lembaga Pengarah **48**
Profil Lembaga Pengarah **50**
Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan **57**
Jawatankuasa Syariah Kumpulan **64**
Modal Insan Kumpulan **66**

Kaedah untuk mendapatkan akses kepada Laporan Tahunan

Kaedah mendapatkan lebih banyak maklumat dalam Laporan Tahunan

Kaedah mendapatkan lebih banyak maklumat di **www.maybank.com**

Nikmati kandungan interaktif dengan mengimbas ikon AR

Maklum balas

Kami memerlukan maklum balas anda untuk memastikan kami telah menyediakan maklumat yang anda perlukan. Untuk borang maklum balas, imbas kod QR menggunakan telefon pintar anda. Anda boleh juga menghantar e-mel ke ir@maybank.com.my

6 langkah mudah untuk mengimbas ikon AR

1. Cari Aplikasi Maybank AR dari Apple App Store atau Google Play menggunakan telefon pintar.
2. Tekan butang aplikasi dan mulakan muat turun (Sila semak padanan peranti anda sebelum mula memuat turun).
3. Apabila sudah dimuat turun, klik "Buka" untuk melancarkan Aplikasi Augmented Reality (AR).
4. Klik "Mula" dari Aplikasi Maybank AR untuk melancarkan kamera AR.
5. Cari Ikon AR dalam buku dan imbas menggunakan kamera AR untuk menikmati kandungan interaktif AR.
6. Anda perlu menekan butang interaktif untuk mencari kandungan tambahan.

ULASAN PRESTASI

Ulasan Ekonomi & Industri	**80**
Ulasan Kewangan Kumpulan	**86**
Pengurusan Modal	**94**
Prestasi Kewangan	**96**
Maklumat Pelabur	**103**

ULASAN SEKTOR PERNIAGAAN

Perkhidmatan Kewangan Komuniti	**116**
Perbankan Global	**122**
Operasi Luar Negara	
- Antarabangsa	**134**
- Singapura	**140**
- Indonesia	**142**
Insurans & Takaful	**144**
Perbankan Islam Kumpulan	**150**
Teknologi Kumpulan	**156**
Operasi Kumpulan	**160**

TADBIR URUS KORPORAT & AKAUNTABILITI

Penyata Tadbir Urus Korporat	**166**
Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman	**181**
Laporan Jawatankuasa Audit	**184**
Pengurusan dan Pematuhan Risiko	**188**
Laporan Jawatankuasa Syariah Kumpulan	**196**
Tanggungjawab Korporat	**198**

PENCAPAIAN

Maybank Dalam Media	**206**
Ulasan Peristiwa 2014	**212**
Anugerah & Pengiktirafan	**220**

MAKLUMAT LAIN

Analisis Pemegang Saham	**224**
Klasifikasi Pemegang Saham	**226**
Perubahan dalam Modal Saham	**226**
Hartanah dimiliki oleh Kumpulan Maybank	**229**
Senarai 10 Hartanah Utama Dimiliki oleh Kumpulan Maybank	**230**
Maklumat Korporat	**231**
Direktori Kumpulan	**232**

MAKLUMAT AGM

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-55	**235**
Penyata Iringan Notis Mesyuarat Agung Ke-55	**237**
Kalendar Kewangan	**238**
• Borang Proksi	

Notis: Laporan Tahunan 2014 Malayan Banking Berhad ini adalah terjemahan dari laporan asal yang telah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Pihak Bank telah berusaha membuat terjemahan yang terbaik. Anda boleh juga merujuk kepada versi Bahasa Inggeris, jika perlu.

Ulasan Maybank

Kami adalah bank peneraju ASEAN

Maybank merupakan kumpulan perkhidmatan kewangan terbesar Malaysia dengan operasi yang sedang berkembang di rantau ASEAN.

Dengan jumlah aset sebanyak **RM640 bilion** dan permodalan pasaran sebanyak **RM85.5 bilion**, Maybank berada pada kedudukan keempat dari segi aset di antara bank-bank di ASEAN dan termasuk dalam senarai 120 bank terutama di dunia, termasuk bank Islam ketiga terbesar di dunia. Pendapatan operasi bersih bagi TK2014 berjumlah sebanyak RM18.5 bilion.

Profil Korporat & Rangkaian Global, m/s. 18

Nilai-nilai kami

Kami menghidupkan nilai-nilai teras T.I.G.E.R. iaitu Kerja Berpasukan, Integriti, Pertumbuhan, Kecemerlangan & Kecekapan, Membina Perhubungan dan memastikan kami sentiasa mematuhi Kod Etika yang ketat.

Nilai-nilai kami, m/s 44; Kod Etika, m/s. 45

Visi, Misi dan Tumpuan

VISI KAMI

untuk menjadi peneraju serantau dalam perkhidmatan kewangan

dengan merealisasikan potensi sebenar kami di seluruh Pasaran Utama dan selanjutnya

MISI KAMI

untuk menginsankan perkhidmatan kewangan

dan memahat hasrat bagi mengukuhkan perhubungan kami dengan komuniti di tempat kami beroperasi

TUMPUAN KAMI

terus memberikan nilai yang mampan kepada pemegang saham

dengan memanfaatkan budaya prestasi yang tinggi dan Struktur Kumpulan yang telah disemak semula

Strategi, m/s. 37

Masa Depan Maybank di ASEAN

Kami amat yakin dengan masa hadapan ASEAN menerusi pengenalan Komuniti Ekonomi ASEAN yang akan dirasmikan pada 2015.

Kehadiran kami di semua negara ASEAN menempatkan kami pada kedudukan yang baik untuk menyokong dan mendapat manfaat daripada peluang pertumbuhan ASEAN diketika kami menyediakan penyelesaian berinovasi kepada para pelanggan.

Menjalankan perniagaan di ASEAN merupakan kekuatan kami memandangkan kami memiliki warisan, tenaga mahir dan jalinan perhubungan untuk meneroka peluang-peluang pasaran.

Peluang-peluang di ASEAN , m/s. 39

Matlamat Strategik

Matlamat strategik kami untuk tempoh 5-tahun sehingga 2015:

- **Penyedia Perkhidmatan Kewangan Runcit No.1 yang tiada tandingan di Malaysia menjelang 2015**
- **Bank pemborong ASEAN terkemuka yang seterusnya mengembangkan operasi ke Timur Tengah, China dan India**
- **Peneraju Insurans dan Takaful di Malaysia yang tiada tandingan & peserta serantau sedang muncul**
- **Organisasi serantau sebentar dengan ~40% keuntungan sebelum cukai dijana daripada operasi antarabangsa menjelang 2015**
- **Peneraju global dalam Pembiayaan Islam**

Strategi, m/s. 38

Kedudukan di Pasaran

Maybank merupakan **kumpulan perbankan peneraju** di Malaysia dan **keempat di ASEAN** dari segi aset, pinjaman dan deposit serta menyasarkan untuk kekal sebagai 5 syarikat utama di pasaran serantau.





Sumber: Bloomberg

No.1 di Malaysia **Ke-4 di ASEAN**

Ulasan Maybank

Rangkaian perkhidmatan yang meluas

Maybank menyediakan rangkaian perkhidmatan kewangan yang lengkap di bawah pilar perniagaan utama: Perkhidmatan Kewangan Komuniti (termasuk perbankan konsumer, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan perbankan perniagaan), Perbankan Global (termasuk perbankan korporat, perbankan pelaburan, pasaran global dan perbankan transaksi), dan Insurans & Takaful, yang dilengkapkan dengan operasi perniagaan antarabangsa. Perkhidmatan Kewangan Islam turut ditawarkan di seluruh unit perniagaan.

- **Ditubuhkan pada 1960**
- **Beribu pejabat di Kuala Lumpur, Malaysia**
- **Memiliki operasi di 20 negara termasuk di 10 negara ASEAN**
- **Disenaraikan di Bursa Malaysia pada 1962 dan merupakan syarikat terbesar dalam senarai Bursa**
- **Lebih 47,000 kakitangan yang memberi perkhidmatan kepada 22 juta pelanggan**

Pilar Perniagaan	Unit Perniagaan	Kemajuan pada 2014	Nisbah PBT Kumpulan	Ulasan perniagaan
Perkhidmatan Kewangan Komuniti	Termasuk: • Konsumer • PKS Runcit • Perbankan Perniagaan (korporat bersaiz sederhana dan PKS)	• Menubuhkan Pusat Kecemerlangan Serantau untuk Kad, Pengurusan Kekayaan dan PKS Runcit. • Melancarkan bahagian Kekayaan Peribadi dan Perdana di pasaran terpilih.	38.3%	*m/s. 116*
Perbankan Global	Termasuk: • Perbankan Korporat • Perbankan Pelaburan (Maybank Kim Eng) • Perbankan Global • Perbankan Transaksi • Pengurusan Aset	• Meningkatkan platform perbankan transaksi menerusi pakatan dengan Dagang NeXchange (DNeX). • Menambahbaik keupayaan Pasaran Modal Ekuiti dan Pasaran Modal Hutang. • Mengembangkan perniagaan pengurusan aset serantau.	32.3%	*m/s. 122*
Antarabangsa	Termasuk operasi di: • Singapura • Indonesia • Wilayah Besar China • Filipina dan pasaran luar negara	• Menyelaraskan jenama bahagian Kekayaan Peribadi dan Perdana di seluruh kumpulan. • Menubuhkan struktur organisasi serantau baru untuk memacu agenda regionalisasi. • Mendapat lesen perbankan di Myanmar.	21.3%	*m/s. 134*
Insurans & Takaful	Insurans Konvensional: • Insurans Hayat • Insurans Am Takaful (Insurans Islam): • Keluarga • Am	• Etiqa memperkenalkan perniagaan insurans hayat di Singapura.	8.1%	*m/s. 144*

Pembiayaan Islam Memanfaatkan model yang kini digunakan untuk menawarkan produk-produk Islam di seluruh kumpulan

m/s. 150

Perluasan Geografi

Pasaran utama Maybank terdiri daripada Malaysia, Singapura dan Indonesia.
Kami memiliki operasi di 10 negara ASEAN dengan rangkaian cawangan berjumlah 1,185 pejabat di ASEAN. Kami turut memiliki operasi pusat kewangan antarabangsa di Hong Kong, Shanghai, London, New York dan Bahrain selain syarikat sekutu di Pakistan (MCB Bank dengan 1,242 cawangan) dan Vietnam (An Binh Bank dengan 145 cawangan).

Unit Perniagaan Strategik, m/s. 24

Sumbangan Antarabangsa

Sumbangan PBT dan peratusan pinjaman dari luar negara masing-masing adalah sebanyak 28.8% dan 40.3%.

Keuntungan sebelum Cukai



Pinjaman Kasar





Ulasan 2014

RM6.72 bilion
Keuntungan Bersih

Keuntungan bersih meningkat ke paras tertinggi baru kepada RM6.72 bilion dan mencapai sasaran ROE pada 13.0%-14.0%. Prestasi TK2014 disokong oleh pertumbuhan pendapatan operasi bersih yang lebih tinggi di seluruh tunggak perniagaan dan pengurusan kos yang lebih baik.

Ulasan Kewangan Kumpulan, m/s. 86

57.0 sen
Dividen Sesaham

Dividen sesaham meningkat 6.5% berbanding TK2013, sekali gus meningkatkan nisbah pembayaran dividen kepada 78.5% berbanding 71.9% pada tahun sebelumnya dan hasil dividen yang menggalakkan sebanyak 6.2%.

Saham Maybank, m/s. 112

13.4%
Pertumbuhan Pembiayaan Kumpulan

Pertumbuhan pembiayaan Kumpulan melepasi sasaran 13.0% didorong oleh pertumbuhan kukuh di Pasaran-pasaran Lain (tidak termasuk Malaysia, Singapura & Indonesia) sebanyak 47.5%, menaikkan sumbangan pembiayaan antarabangsa sebanyak 40.3% daripada jumlah pembiayaan kasar Kumpulan berbanding dengan 37.9% tahun lalu. Pertumbuhan pembiayaan di Malaysia dan Singapura turut melepasi pertumbuhan industri.

Petunjuk Prestasi Utama, m/s. 42

11.75%
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Tahap 1

Mengekalkan kedudukan modal yang kukuh dengan keupayaan yang mencukupi untuk meneruskan pertumbuhan perniagaan dengan nisbah Modal Ekuiti Biasa Tahap 1 [sejajar dengan Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM (Komponen Modal)] yang meningkat 49 mata asas kepada 11.75%. Jumlah Nisbah Modal turut meningkat sebanyak 57 mata asas kepada 16.24%.

Pengurusan Modal, m/s. 94

43.8% Pembiayaan Islam
kepada Jumlah Pembiayaan Malaysia

Pembiayaan Islam berkembang 24.9%, meningkatkan nisbahnya kepada jumlah pembiayaan Malaysia dari 38.9% pada akhir TK2013, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai bank Islam terbesar di Malaysia, dan yang ketiga terbesar di peringkat antarabangsa dari segi saiz aset.

Perbankan Islam, m/s. 150

No.1
Bilangan Janji Niaga ASEAN ECM

Maybank Kim Eng meraih jumlah bilangan janji niaga ASEAN yang tertinggi bagi Pasaran Modal Ekuiti ASEAN pada 2014 bernilai USD1.9 bilion. Ia berada pada kedudukan No.2 bagi terbitan Bon Domestik ASEAN di Asia Tenggara.

Perbankan Pelaburan, m/s. 126

12.7%
Pertumbuhan Jumlah Aset-Aset Kewangan (Perbankan Pelanggan Mewah & Kaya)

Mengembangkan perniagaan Kekayaan Peribadi dan Perdana dengan Jumlah Aset Kewangan berkembang sebanyak 14.1% untuk segmen Perbankan Pelanggan Kaya dan 11.1% untuk Segmen Perbankan Pelanggan Mewah.

Antarabangsa, m/s. 134, Singapura, m/s. 140

25.9%
Penguasaan Pasaran Pembiayaan Perdagangan Malaysia

Mengekalkan kedudukan kukuh sebagai peneraju dalam pembiayaan perdagangan dan pengurusan tunai dengan penguasaan jumlah transaksi di pasaran Malaysia sebanyak 41.3%.

Perbankan Transaksi, m/s. 128

Pengembangan Serantau
Myanmar, China, Singapura

Maybank terus mengembangkan perniagaan dan tapak operasinya. Ia membuka cawangan pertama di Myanmar, dan cawangan ketiganya di Kunming, China. Di Singapura, perniagaan insurans menerusi Etiqa dan perniagaan Kekayaan Peribadi telah dilancarkan.

Antarabangsa, m/s. 134; Singapura, m/s. 140

70% Kadar Kejayaan
Pelaksanaan Penggantian Kakitangan

Kadar kejayaan pelaksanaan pelan penggantian kakitangan adalah sebanyak 70%, lebih tinggi berbanding sasaran sebanyak 60%, dan ini menunjukkan keberkesanan pelan penggantian kakitangan Kumpulan dan mencerminkan rangka kerja pengurusan tenaga mahir Kumpulan yang kukuh.

Petunjuk Prestasi Utama, m/s. 43

Nota: Keuntungan bersih bersamaan dengan Keuntungan boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank seperti dinyatakan dalam penyata kewangan yang telah diaudit.

Ulasan 2014

TINJAUAN KEWANGAN

Keuntungan Bersih
RM6.72 bilion



Pendapatan Sesaham
74.2 sen



Pulangan atas Ekuiti
13.8%



Jumlah Aset
RM640.3 bilion



Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan
RM403.5 bilion



Jumlah Nisbah Modal
16.235%^^



Dividen Kasar Sesaham
57.0 sen



Pemodalan Pasaran
RM85.5 bilion



Harga Saham
RM9.17



* *Merujuk kepada tempoh kewangan enam bulan yang berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan tahun kewangan (TK) dari 30 Jun kepada 31 Disember.*
\# *Dikira berdasarkan peruntukan semula wajaran tambahan modal sebanyak RM3.66 bilion yang diraih pada bulan Oktober 2012.*
^ *RWCR dan mengandaikan pelaburan semula penuh dengan Pelan Pelaburan Semula Dividen.*
^^ *Nisbah Jumlah Modal (TCR) dikira mengikut Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia pada 28 November 2012.*

PERISTIWA PENTING PADA 2014

15 Januari - Perkhidmatan Kekayaan Perdana Maybank dilancarkan di Singapura dan Malaysia.

4 Februari - Maybank muncul sebagai bank pertama yang menawarkan pembiayaan dagangan dalam Ringgit Malaysia (RM) di China melalui cawangan di Beijing dan Shanghai.

13 Februari - John Chong dilantik sebagai CEO Kumpulan Maybank Kim Eng dan Maybank Investment Bank Berhad.

23 Mei - Maybank buat pertama kalinya melancarkan penyenaraian transaksi di pasaran PRO-BOND TOKYO yang menjana JPY31.1 bilion (AS$305 juta).

18 Jun - PT Bank Internasional Indonesia Tbk (BII) menerbitkan hutang Subordinat sebanyak IDR1.5 trilion dan Sukuk Mudharabah sebanyak IDR300 bilion.

12 Ogos - Maybank melancarkan cabang insurans hayatnya, Etiqa Insurance Pte. Ltd., untuk mengedarkan produk melalui Maybank Singapura.

29 Ogos - Amirul Feisal Wan Zahir dilantik sebagai Ketua Kumpulan, Perbankan Global, berkuat kuasa 1 Oktober.

8 September - Maybank melancarkan Aplikasi Maybank2u, membolehkan semua transaksi Maybank2u dilakukan melalui telefon pintar.

1 Oktober - Maybank mendapat lesen untuk membuka cawangan di Myanmar.

31 Oktober - Maybank melancarkan myTrade2Cash, kemudahan pembiayaan dagangan dalam talian berpusat bagi PKS, ditawarkan dengan kerjasama Dagang NeXchange Bhd, yang pertama seumpamanya di ASEAN.

28 November - Pemegang saham BII meluluskan terbitan hak sebanyak IDR1.5 trilion pada Mesyuarat Agung Luar Biasa.

28 November - Maybank melancarkan Nota Pasaran Sekuriti GreTai sulungnya yang tersenarai sebanyak USD500 juta.

18 Disember - Maybank (Cambodia) Plc. melancarkan Perkhidmatan Kekayaan Perdana pada majlis pembukaan rasmi cawangan Maybank ke-18 di Kemboja.

Ulasan Peristiwa, m/s. 212

Kami sedia berkhidmat untuk mereka yang berada di sekeliling kami...

Karya Beribu Harapan di Langit
oleh **Mohd Azim Zainudin**
Anugerah Fotografi Maybank
Fotografi Jalanan

DIECUT

Karya 'Pasar Siti Khadijah in Kelantan'
oleh **Wan Salahuddin Bin Wan Ismail**
Anugerah Fotografi Maybank 2012
Fotografi Jalanan

...dan bersama-sama membina hubungan untuk pelanggan kami berkembang bersama ASEAN.

MESEJ UNTUK PEMEGANG SAHAM

Kenyataan Pengerusi **12**
Kenyataan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan **14**

ULASAN ORGANISASI

Profil Korporat & Rangkaian Global **18**
Sejarah, Inovasi & Kepimpinan **20**
Unit Perniagaan Strategik **24**
Struktur Korporat Kumpulan **27**
Struktur Organisasi Kumpulan **28**
Pengurusan Kualiti Perkhidmatan Kumpulan **30**

DIECUT

MEMPERKAYAKAN KEHIDUPAN INSAN

1974

Pelancaran Skim Kredit Luar Bandar

1976

Pelancaran Perkhidmatan Perbankan Bas Bergerak

2002

Bekerjasama dengan Hospital Selayang untuk membantu menubuhkan Pusat Transplan Hepar

2010

Melancarkan buat pertama kalinya cawangan perbankan mesra orang kurang upaya bagi pelanggan berkerusi roda di seluruh negara

2012

Yayasan Maybank mengembangkan program biasiswa tempatan untuk merangkumi pelajar peringkat pra universiti

Kenyataan Pengerusi

TAN SRI DATO' MEGAT ZAHARUDDIN BIN MEGAT MOHD NOR

Pengerusi

TK2014
Keuntungan Bersih RM6.72 bilion

"Saya berharap kami telah mendapat tempat di hati masyarakat dengan komitmen kami dalam melaksanakan rangkuman kewangan bagi semua pemegang kepentingan kami."

Pemegang Saham yang Dihormati,

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, saya dengan bangganya melaporkan bahawa Syarikat kami telah mencatatkan keuntungan yang membanggakan tahun demi tahun, hasil daripada usaha untuk menjadi peneraju perkhidmatan kewangan serantau. Saya telah menyebut tentang beberapa pencapaian mercu tanda, termasuk pembesaran tapak perniagaan kami dalam pasaran utama seperti Asia Tenggara dan Wilayah Besar China.

Saya juga pernah menyebut bagaimana dalam urusan dalaman, kami meningkatkan keupayaan pengurusan organisasi dan hubungan kami serta titik pertemuan fizikal dan maya kami untuk memastikan pelaksanaan produk dan perkhidmatan yang lebih baik dalam memenuhi keperluan pelanggan. Oleh itu, saya berharap kami telah mendapatkan tempat di hati masyarakat dengan komitmen kami untuk melaksanakan rangkuman kewangan bagi semua pemegang kepentingan kami.

Bagaimanapun, pada tahun 2014, persekitaran perniagaan menjadi lebih mencabar bagi industri perkhidmatan kewangan. Pertumbuhan KDNK menjadi perlahan dalam pasaran utama kami seperti Singapura, Indonesia dan juga Wilayah Besar China manakala aktiviti pasaran modal bagi separuh pertama tahun ini agak kurang memberangsangkan.

Berdasarkan keadaan ini, saya berpendapat bahawa Syarikat kami telah menunjukkan prestasi yang memuaskan, memberikan Pulangan ke atas Ekuiti (ROE) sebanyak 13.8%. Keuntungan bersih mencecah rekod baru RM6.72 bilion. Usaha pengurusan kos berterusan kami dikawal pertumbuhan overhed, yang mengurangkan kesan prestasi hasil yang lebih lembut. Kami juga mengekalkan asas modal yang kukuh, dengan Nisbah Modal Ekuiti Biasa Tahap 1 pada 11.75%, lebih tinggi daripada tahap 11.25% pada akhir tahun 2013.

Dalam Kumpulan Maybank, kakitangan memberi tumpuan kepada penguasaan nilai dan mewujudkan peluang di negara-negara yang keadaan perniagaannya lebih baik. Oleh itu, di pasaran tempatan kami di Malaysia yang menyumbang kira-kira 70% daripada keuntungan sebelum cukai (PBT), hampir semua sektor perniagaan kami menunjukkan prestasi yang mengagumkan. Antara yang membuat pencapaian memberangsangkan ialah Perkhidmatan Kewangan Komuniti dan Insurans & Takaful, yang mencapai pertumbuhan keuntungan sebelum cukai, masing-masing sebanyak 32.5% dan 15.2%.

Kenyataan Pengerusi

"Kepelbagaian tenaga kerja kami merangkumi warga dari lebih 30 negara, menjadikannya satu aset pelbagai budaya yang cemerlang dalam pasaran ASEAN yang liberal."

Dalam satu lagi pencapaian yang boleh dibanggakan di Malaysia, Maybank telah dipilih sebagai Majikan Terbaik Siswazah 2014 buat julung kalinya dalam Anugerah 100 Majikan Utama Malaysia 2014. Ini bukan sahaja jelas menunjukkan budaya dan amalan pekerjaan kita, tetapi juga keupayaan kami untuk menarik bakat baru ke dalam organisasi.

Penekanan kepada peningkatan produktiviti terus membuahkan hasil, dengan produktiviti meningkat 1.2% di seluruh Kumpulan. Sebagai contoh, kami dapat mengekalkan kekuatan tenaga kerja kami dengan lebih 47,000 kakitangan walaupun menambah 17 cawangan baru dalam kawasan pertumbuhan sasaran kami. Peningkatan berterusan infrastruktur IT kami untuk menambahbaik pengalaman perbankan dalam talian pelanggan Kumpulan juga telah membantu meningkatkan produktiviti kakitangan.

Kami mencapai kemajuan yang baik dalam meningkatkan usaha kemampanan Kumpulan pada tahun 2014. Melangkah ke hadapan, kami akan berpandukan Pelan Kemampanan Kumpulan 20/20, yang menggariskan komitmen kami dalam bidang persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG) termasuk komuniti dan kewarganegaraan, penglibatan kakitangan serta produk dan perkhidmatan.

Pengiktirafan terhadap usaha kemampanan semasa kami wujud melalui penyenaraian kami dalam senarai 20 teratas di Indeks ESG Bursa Malaysia FTSE4Good serta pelbagai anugerah untuk Laporan Kemampanan kami. Kami juga telah melancarkan Agenda Keterangkuman dan Kepelbagaian Kumpulan (GIDA), yang antara lain, bertujuan untuk memastikan peningkatan penglibatan wanita dalam kedudukan kepimpinan di seluruh Kumpulan dan membolehkan penyertaan yang lebih besar dalam menjana kekayaan untuk rakyat di negara-negara yang kami beroperasi, khususnya komuniti PKS.

Melalui Yayasan Maybank, kami terus menyokong program tanggungjawab korporat (CR) dengan begitu berkesan sekali, terutamanya program celik kewangan CashVille Kidz yang pernah memenangi anugerah, serta inisiatif pembiayaan mikro di Indonesia dan Pusat Pemindahan Hepar Hospital Selayang.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, kami mengambil tindakan segera untuk menghulurkan bantuan bencana alam seperti Taufan Hagupit di Filipina dan banjir paling teruk pernah dicatatkan yang melanda pantai timur Semenanjung Malaysia pada bulan Disember. Bilangan jam tenaga sukarelawan Maybank untuk Hari CR Global dan inisiatif Cahaya Kasih meningkat sebanyak 20% daripada tahun sebelumnya kepada 142,900 jam. Ini merupakan satu bukti kepada kepercayaan mendalam yang dipegang oleh kakitangan Maybank untuk menyumbang semula kepada masyarakat. Anda boleh melihat butiran mengenai usaha CR kami dalam Laporan Kemampanan 2014.

Di peringkat Lembaga Pengarah, terdapat beberapa perubahan dengan persaraan seorang pengarah pada bulan April dan pelantikan dua pengarah baru. Encik Zainal Abidin Jamal bersara selepas berkhidmat dalam Lembaga Pengarah sejak Julai 2009. Pelantikan Datuk R. Karunakaran dan Encik Cheng Kee Check akan membawa perubahan baru mengenai bagaimana kita memandu perjalanan Pengurusan Kumpulan dan juga memudahkan perancangan penggantian Lembaga Pengarah dengan persaraan masa depan.

Dengan Asia Tenggara sebagai salah satu pasaran tumpuan kami, kami menunggu kewujudan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) menjelang akhir tahun 2015, yang mewakili satu pasaran lebih 600 juta orang. Tenaga kerja kami yang pelbagai merangkumi warga daripada lebih 30 negara, menjadikannya aset berbilang budaya yang cemerlang dalam pasaran ASEAN yang liberal. Kakitangan kami juga mahir dalam menggunakan teknologi untuk penghantaran cepat produk dan perkhidmatan bagi melayani pelanggan yang semakin bertambah.

Sebagai sebahagian daripada usaha serantau yang diperkenalkan tahun lepas, kami berhasrat untuk menjadi lebih tangkas dan terus memanfaatkan kunci kira-kira yang kukuh untuk membantu pengembangan pelanggan kami dalam AEC. Anda mungkin ingat bahawa Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan kami, Datuk Abdul Farid Alias, memperkukuh penekanan serantaunya melalui penyusunan semula pasukan kepimpinan beliau berkuat kuasa pada 1 Januari 2014. Struktur baru itu memusatkan kepimpinan bagi tiga perniagaan utama - Perkhidmatan Kewangan Komuniti, Perbankan Global dan Insurans & Takaful - dengan Ketua-ketua Negara masing-masing menyediakan penyelarasan domestik. Berikutan penyusunan semula tersebut, Maybank memperoleh sinergi Kumpulan yang lebih besar dan pengurusan risiko yang lebih baik.

Untuk memberi ganjaran kepada para pemegang saham, kami mencadangkan dividen akhir sebanyak 33 sen sesaham bagi tahun 2014, atau pembayaran sebanyak RM3.08 bilion. Ini menjadikan dividen bersih tahun ini sebanyak RM5.27 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 11.9% berbanding tahun sebelumnya untuk asas saham yang diperbesarkan berikutan Pelan Pelaburan Semula Dividen (DRP) kami.

Sekali lagi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pemegang kepentingan kami di atas sokongan yang diberikan kepada kami dalam misi untuk menginsankan perkhidmatan kewangan, dan dalam usaha untuk memperluas dan mempelbagaikan skop rangkuman kewangan dalam pelbagai komuniti yang mana kami memberikan perkhidmatan.

TAN SRI DATO' MEGAT ZAHARUDDIN BIN MEGAT MOHD NOR
Pengerusi

S&J

Apakah tinjauan kami bagi 2015?

Permulaan 2015 penuh dengan ketidaktentuan dalam pelbagai bidang, daripada kejatuhan harga minyak mentah kepada kelemahan beberapa matawang Asia. Walaupun harga minyak mentah yang rendah memberi tempoh kelegaan kepada beberapa sektor, keadaan ini juga mengecutkan pendapatan negara-negara pengeksport minyak seperti Malaysia.

Tetapi bukanlah semuanya tidak menggalakkan. Kami menjangkakan rantau ini akan melihat lebih kestabilan politik dengan pemimpin serantau di Asia Tenggara dan Wilayah Besar China memberikan sepenuh perhatian kepada memacu pertumbuhan ekonomi pada tahun 2015.

Apakah prospek yang anda fikir akan ditawarkan oleh Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC)?

Butiran AEC masih lagi di peringkat pelaksanaan dan ini mengehadkan jangkaan kami terhadap kesannya. Peluang akan wujud kerana ramai di ASEAN yang kedudukan kewangannya masih ditahap rendah tetapi AEC juga akan memperhebat persaingan memandangkan rakan industri kami juga memandang ke rantau ini untuk pengembangan kerana KDNKnya yang berkembang pesat.

Maybank telah meletakkan asas dalam meluaskan rangkaiannya untuk berkhidmat kepada penduduk ASEAN yang besar. Kami adalah salah satu daripada lima pemain terbesar perkhidmatan kewangan ASEAN dengan kehadiran jenama di kesemua 10 negara ASEAN. Oleh itu, kami akan dapat bersaing dengan berkesan dalam bidang perdagangan rentas sempadan dan aktiviti perkhidmatan lain.

Kenyataan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

DATUK ABDUL FARID ALIAS

Presiden &
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Mengorak Langkah ke HADAPAN 2015

- Mengutamakan pengalaman pelanggan.
- Kekal fokus, dan menyampaikan nilai dari francais kami.
- Membina kekuatan melalui operasi antarabangsa kami.

Pemegang saham yang dihormati,

Ketika saya mula menulis kenyataan ini pada awal Januari 2015, saya masih terus menerima mesej-mesej tahun baru. Saya dan rakan-rakan kembali ke pejabat dengan harapan baru supaya perpaduan yang kita nikmati sebagai sebuah negara dan sebagai warga global berikutan beberapa tragedi yang kita lihat pada tahun 2014, akan memberi kita kekuatan yang lebih besar pada tahun 2015.

Bagi kami di Kumpulan Maybank, cabaran 2014 menjelaskan lagi tujuan kami sebagai sebuah organisasi, dan sebab kewujudan kami. Misi kami "Menginsankan Perkhidmatan Kewangan" bermakna pelanggan dan masyarakat adalah fokus operasi kami dan juga menjadi sumber penciptaan nilai pemegang saham jangka panjang. Malah, pelanggan menjadi aset paling penting Kumpulan, kerana mereka sentiasa bersama kami melalui perjalanan Kumpulan Maybank. Kami telah mencapai kedudukan dalam pasaran yang ada hari ini kerana sokongan berterusan dan kepercayaan mereka kepada kami.

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014



LAPORAN TAHUNAN Maybank

Kenyataan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

MENGUTAMAKAN PENGALAMAN PELANGGAN

Seperti yang dinyatakan dalam laporan pada tahun lepas, Kumpulan telah melaksanakan penyusunan semula yang diselaraskan dengan agenda serantau kami. Salah satu daripadanya adalah penugasan semula Pengurusan Kualiti Perkhidmatan Kumpulan secara langsung di bawah pejabat saya. Sejak itu, kami telah memperluaskan tumpuan daripada Kualiti Perkhidmatan kepada Pengalaman Pelanggan, yang bermakna pandangan kami melangkaui langkah-langkah kualiti perkhidmatan dan sebaliknya memberi tumpuan kepada 'bagaimana' kami boleh meningkatkan pengalaman pelanggan dalam apa jua cara. Antara objektif paling penting adalah memastikan pelanggan mendapat nilai yang mereka harapkan, dan kami pula dapat memberikannya dengan cara yang berkesan dari segi kos. Kami percaya bahawa apabila keperluan pelanggan dijaga, keperluan para pemegang saham secara automatik akan turut terjaga.

Izinkan saya berkongsi beberapa rujukan khusus untuk ini. Sebagai peneraju perkhidmatan kewangan serantau, kami perlu menyediakan pengalaman pelanggan yang konsisten dalam bidang asas seperti pengendalian aduan. Sebelum ini, kami mempunyai beberapa contoh yang dijadikan panduan di seluruh negara dalam mengendalikan hal tersebut. Walau bagaimanapun, pada tahun lepas kami memperkenalkan rangka kerja pengendalian aduan serantau untuk menyokong cara yang standard bagi mengendalikan aduan pelanggan di seluruh Kumpulan. Rangka kerja ini bertujuan untuk menggunakan maklum balas yang diberikan oleh pelanggan sebagai sumber bagi pemulihan perkhidmatan dan juga sebagai wawasan untuk membantu membentuk produk dan perkhidmatan baru. Melangkah ke hadapan, rangka kerja mengenai pengendalian aduan yang kini dilaksanakan di Maybank Singapura, Maybank Filipina dan PT Bank Internasional Indonesia (BII Maybank) akan terus dipertingkatkan dengan cara ini.

> **"Para pelanggan adalah aset paling penting kumpulan, sentiasa teguh bersama kami melalui perjalanan Kumpulan. Kedudukan pasaran yang ada pada hari ini dapat dicapai kerana sokongan berterusan dan kepercayaan pelanggan kepada kami."**

Melangkaui kepuasan pelanggan, kami telah melihat sendiri bagaimana hubungan rapat dengan pelanggan telah mengubah organisasi kami. Melihat pelanggan kami menjadi lebih aktif di seluruh ASEAN telah mendorong kami untuk berubah daripada kumpulan perbankan perdagangan Malaysia kepada sebuah kumpulan perkhidmatan kewangan serantau. Ketika kami bermula, Kumpulan Maybank lebih menumpukan kepada produk. Sekarang kami semakin berubah tumpuan lebih kepada penyelesaian. Sebagai contoh, lima tahun yang lalu kami mewujudkan pasukan Liputan Pelanggan di bawah Perbankan Global untuk menjadi pusat perhubungan utama dengan pelanggan korporat kami di Malaysia dan rantau ini. Melalui Liputan Pelanggan, kami mampu untuk merencanakan keperluan khusus pelanggan dan menyesuaikan penyelesaian dengan matlamat mereka, serta memberikan perkhidmatan kepada mereka di seluruh rangkaian serantau. Melangkah ke hadapan, aspirasi kami adalah untuk meningkatkan peruntukan sumber lebih banyak kepada segmen pelanggan dalam ruang korporat.

Di Indonesia, operasi BII Maybank juga telah menerima pakai pelbagai inisiatif untuk menambahbaik pengalaman perkhidmatan pelanggannya. Tumpuan terutamanya ke arah meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pasukan barisan hadapan, dan juga kesedaran kakitangan mengenai pemilikan perkhidmatan. BII Maybank juga berada di kedudukan nombor satu untuk lima tahun berturut-turut sejak 2009/2010 oleh Institut Pengajian Pengurusan Perkhidmatan Indonesia. Satu lagi anugerah penting ialah Anugerah Kecemerlangan Pengalaman Perkhidmatan 2014.

Maybank Singapura menjadi salah satu pusat kecemerlangan kami untuk pengalaman pelanggan di cawangan-cawangan di seluruh rantau ini. Melalui pelbagai inisiatif yang diperkenalkan pada tahun 2014, masa menunggu purata bagi perkhidmatan kaunter telah dikurangkan separuh di antara Januari dan Disember 2014 manakala metrik di pusat hubungan bertambah baik dengan peratusan panggilan dijawab dalam masa 20 saat, empat kali ganda lebih cekap pada tahun ini.

Menyebut tentang pengalaman pelanggan tidak akan lengkap tanpa menonjolkan peranan teknologi. Kami adalah penyedia perbankan dalam talian yang terbesar di pasaran Malaysia dan kami komited untuk menjadi tapak perbankan gaya hidup digital, memberikan pelanggan kemudahan yang mereka ingini supaya dapat melakukan urusan bank dengan kami pada bila-bila masa, di mana sahaja. Kami sentiasa mencari cara untuk meningkatkan pengalaman pelanggan melalui M2U dan M2U Serantau kami. Silalah terus menjadi pemerhati dan pengkritik serta memberi maklum balas kepada kami supaya kami dapat terus bertambah baik.

KEKAL FOKUS, DAN MENYAMPAIKAN NILAI DARI FRANCAIS KAMI

Walaupun 2014 merupakan tahun yang mencabar, Syarikat kami terus menunjukkan kekuatan utama yang timbul daripada francais yang kukuh yang dibina sejak beberapa dekad dan bakat lebih daripada 47,000 warga Maybank. Sambil mengemudikan cabaran 2014, kami mengekalkan kepimpinan dalam semua tunggak perniagaan kami. Dalam Perkhidmatan Kewangan Komuniti (CFS), kami telah menyepadukan sektor perbankan runcit pasaran utama kami bagi membolehkan inisiatif rantau silang yang akan memacu aspirasi serantau kami, termasuk penubuhan pusat kecemerlangan serantau bagi segmen perniagaan tertentu.

Dengan pelantikan Amirul Feisal Wan Zahir sebagai Ketua Kumpulan yang baru berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2014, Perbankan Global terus menambahbaik model liputannya merentasi rantau ini, memperoleh 16% lagi urus janji utama pada 2014 berbanding pada tahun sebelumnya.

Perbankan Global juga mengukuhkan model perniagaan serantau untuk semua jenis perniagaan seperti perbankan pelaburan di bawah Maybank Kim Eng (MKE), Pasaran Global, Transaksi Perbankan dan Kumpulan Pengurusan Aset. Tunggak Perbankan Antarabangsa kami juga mencatatkan pendapatan operasi bersih dan sumbangan pinjaman kasar yang lebih tinggi kepada Kumpulan kerana daya tarikan yang semakin berkembang di negara ASEAN dan di Wilayah Besar China.

Kami terus menguasai pasaran Insurans Am dan Takaful di Malaysia, dengan bahagian pasaran sebanyak 12.3%. Kami telah melihat sumbangan daripada premium biasa kepada perniagaan insurans Hayat dan Keluarga berkembang sejajar dengan penekanan kami untuk menyasarkan lebih banyak pendapatan berulang, dengan sumbangan 52.4% berbanding 48% pada tahun 2013 untuk perniagaan insurans Hayat & Keluarga.

Melihat kepada prestasi keseluruhan kami, pendapatan untuk tunggak perniagaan kami seperti CFS, Perbankan Global, Perbankan Antarabangsa serta Insurans dan Takaful meningkat tahun ke tahun (T-ke-T), dengan Pasaran Global dan Perbankan Pelaburan mempamerkan prestasi pendapatan yang stabil walaupun aktiviti pasaran modal yang lebih perlahan. Hampir semua jenis perniagaan mencatatkan pendapatan fi yang lebih tinggi T-ke-T dengan Insurans dan Takaful dan Perbankan Korporat, masing-masing berkembang sebanyak 33.8% dan 21.5%.

Dengan latar belakang ini, Maybank telah berjaya mencapai keuntungan bersih sebanyak RM6.72 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 (TK2014) - yang tertinggi dalam sejarah kami dan 2.5% lebih tinggi, dari rekod prestasi tertinggi tahun lepas. Pendapatan berasaskan dana bersih kami berkembang 5.9% pada masa pertumbuhan pinjaman kasar Kumpulan adalah pada 13.4%, melebihi sasaran kami sebanyak 13.0%. Pemacu utama pertumbuhan pinjaman yang kukuh itu adalah pasaran antarabangsa seperti Wilayah Besar China dan Singapura, masing-masing dengan pertumbuhan pinjaman sebanyak 33.9% dan 13.3%.

Kenyataan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

"Dengan Malaysia mengambil alih jawatan pengerusi ASEAN tahun ini, fokus perniagaan serantau kami akan terus mematerikan kedudukan sebagai kumpulan perkhidmatan kewangan ASEAN sebenar."

Pertumbuhan kukuh dalam portfolio antarabangsa kami telah menyaksikan peningkatan 9.5% dalam pendapatan berasaskan dana bersih, menaikkan keseluruhan pendapatan operasi bersih antarabangsa meningkat kepada 6.5% dan meningkatkan sumbangannya kepada pendapatan operasi bersih Kumpulan. Deposit Kumpulan meningkat 11.1% dengan pasaran utama Singapura dan Malaysia masing-masing menyumbang pertumbuhan sebanyak 16.5% dan 7.4%.

Pendapatan keseluruhan kami berasaskan fi bersih adalah lebih rendah T-ke-T kerana asas yang lebih tinggi pada tahun 2013. Oleh itu, pendapatan operasi bersih kami kekal tidak berubah dalam TK2014 tetapi pengurusan pertumbuhan overhed kami untuk tahun ini adalah baik, yang hanya meningkat sebanyak 2.1%. Pendapatan sesaham adalah 74.2 sen bagi TK2014.

Kami selesa dengan kekuatan nisbah modal kami, dengan CET1 pada 11.75% dan jumlah modal pada 16.24%. Walaupun kami pada mulanya mensasarkan pulangan ke atas ekuiti (ROE) sebanyak 15.0% bagi TK2014, kami menyediakan panduan yang disemak semula terdiri daripada 13.0% -14,0% pada pertengahan tahun ini selepas separuh pertama perlahan yang timbul daripada aktiviti pasaran modal yang rendah dan aktiviti pemberian pinjaman yang lebih perlahan di Malaysia dan Indonesia. Kami mengalami peningkatan dalam kedua-dua bahagian tersebut pada separuh kedua tahun ini, membantu kami mencapai ROE tahun penuh sebanyak 13.8%.

MEMBANGUNKAN KEKUATAN MELALUI OPERASI ANTARABANGSA KAMI

Kami mencapai beberapa prestasi perniagaan yang cemerlang pada tahun ini, di bawah kepimpinan Datuk Lim Hong Tat, yang memegang dua tanggungjawab iaitu sebagai Ketua Kumpulan bagi CFS dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Singapura, dan juga Pollie Sim, Ketua Pegawai Eksekutif, Antarabangsa kami. Dalam jangkaan integrasi ekonomi serantau di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) pada tahun ini, Datuk Lim, Pollie dan pasukan mereka telah bekerja keras bagi memastikan kami bersedia untuk berkhidmat kepada masyarakat besar seramai kira-kira 600 juta orang di bawah AEC. Kami mencapai sinergi yang lebih baik melalui rangka kerja serantau dan mencatatkan perolehan yang lebih tinggi daripada jualan silang produk dan penyelesaian kepada pelanggan korporat kami.

Di Singapura, Datuk Lim dan pasukannya mampu mengimbangi perkembangan asas aset dan menguruskan keperluan pembiayaan kami. Buku pinjaman kami berkembang sebanyak 13.3%, hasil daripada sumbangan yang lebih tinggi daripada pengguna dan segmen komersial. Pertumbuhan dalam pinjaman pengguna sebanyak 15.3% diterajui oleh peningkatan dalam pinjaman perumahan manakala pinjaman komersial berkembang 12.3% berikutan permintaan dalam segmen komersial. Asas deposit di Singapura juga berkembang 16.5%, berikutan simpanan tetap dan CASA masing-masing meningkat 18.1% dan 12.1%. Sejajar dengan inisiatif serantau kami, kami juga mengembangkan Insurans dan Takaful melalui kehadiran jenama Etiqa, dengan pengenalan Etiqa dalam pasaran insurans nyawa Singapura.

TK2014 juga merupakan tahun pertama operasi penuh bagi perniagaan Kekayaan Peribadi Maybank untuk pelanggan berpendapatan tInggi, berpusat di Singapura. Pada tahun pertama ini, perniagaan tersebut mencapai Jumlah Aset Kewangan daripada kedua-dua Aset di Bawah Pengurusan (AUM) dan pinjaman sebanyak RM13 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM4 bilion adalah aset baru, yang merupakan petunjuk mengenai potensi penciptaan nilai perniagaan baru ini.

Usaha serantau kami dalam menyediakan penyelesaian merentas sempadan dan memperoleh aliran perdagangan antara rantau ASEAN dan China juga telah berkembang melalui operasi antarabangsa kami, yang diketuai oleh Pollie. Satu kejayaan besar dicapai apabila kami berjaya mendapat lesen perbankan di Myanmar. Ini mengukuhkan kehadiran kami di rantau ini dan keupayaan untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan dengan lancar di seluruh rantau ini. Kemasukan ke Myanmar akan membolehkan kami memudahkan perdagangan rentas sempadan, bukan sahaja di pasaran teras kami tetapi juga di Sub Serantau Wilayah Besar Mekong.

Kenyataan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Myanmar membantu mengukuhkan kehadiran kami di Indochina, yang juga termasuk pasaran seperti Kemboja, Vietnam dan Laos. Di Kemboja, bukan sahaja kami menambah lima cawangan baru untuk meningkatkan liputan Phnom Penh dan memasuki tiga wilayah baru, kami juga melancarkan perkhidmatan Kekayaan Perdana untuk memenuhi segmen mewah Kemboja yang semakin berkembang. Kami telah diberikan lesen perdagangan bon di Vietnam dan operasi di Laos memperoleh keuntungan pada tahun 2014.

Satu lagi pasaran antarabangsa yang telah menunjukkan daya tarikan yang kuat pada tahun 2014 adalah Wilayah Besar China, yang mana kami menyediakan perkhidmatan borong dan perbankan pelaburan kepada pelanggan komersil dan korporat di Hong Kong dan China. Kami mengembangkan jejak serantau dan membuka cawangan China terbaru kami di Kunming, Yunnan. Selain sebagai pengatur mandat utama untuk beberapa urusan yang ketara, satu lagi pencapaian penting dalam perniagaan Perbendaharaan dan Transaksi Perbankan kami adalah pelantikan Maybank sebagai Pembuat Pasaran Renminbi/Dollar Singapura, sebagai tambahan kepada keupayaan Renminbi/Ringgit Malaysia yang sedia ada.

Pollie dan pasukannya telah melakukan tugas yang cemerlang dalam mengembangkan portfolio Antarabangsa (yang tidak termasuk Singapura dan Indonesia), dengan sumbangan PBT daripada portfolio ini meningkat 32.8% tahun ke tahun.

HALANGAN YANG DIALAMI PADA 2014

Di tengah-tengah kejayaan pada tahun 2014, wujud beberapa halangan yang terpaksa ditangani. Walaupun hampir semua operasi antarabangsa kami berjalan dengan baik, operasi kami di Indonesia telah terjejas oleh keadaan pasaran yang memberi kesan kepada beberapa penghutang korporat dalam industri-industri tertentu. Kami terpaksa membuat peruntukan kerugian pinjaman yang lebih tinggi untuk akaun-akaun korporat, yang mengurangkan sumbangan PBT dari Indonesia kepada Kumpulan sebanyak lebih daripada separuh dan memberi impak kepada kualiti aset Indonesia.

Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan kepada para pemegang saham bahawa Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan telah bekerja bersama-sama rakan-rakan BII Maybank kami untuk menangani kebimbangan ini. Pertama, kita telah memprofilkan semula perniagaan Perbankan Global dengan fokus yang lebih menyebelahi kepada pelanggan dan industri selaras dengan keinginan risiko Kumpulan. Kedua, untuk mengelakkan kemerosotan lanjut kualiti aset, kami telah mengetatkan prosedur kelulusan kredit dan memperkenalkan matriks kelulusan baru dan had untuk memastikan kawalan yang lebih ketat ke atas kelulusan pinjaman. Kami juga memantau keadaan pasaran yang berpotensi memberi kesan buruk kepada beberapa peminjam korporat.

Saya perlu menekankan bahawa kecuali beberapa penghutang korporat yang telah menjejaskan operasi BII, segmen lain dalam BII Maybank telah berjalan dengan baik. Sebagai contoh, segmen perbankan pengguna dan perbankan perniagaan BII Maybank meningkat masing-masing sebanyak 16.0% dan 15.5%. Segmen perbankan perniagaan, yang juga sebahagian daripada portfolio bukan pengguna BII Maybank, termasuk perniagaan PKS, pembiayaan rantaian bekalan dan pembiayaan mikro.

Selain daripada jualan tinggi dalam kualiti aset di Indonesia, kami juga telah melihat nisbah Pinjaman Rosot Nilai Kasar (GIL) kami bagi Malaysia meningkat kepada 1.85% daripada 1.69% setahun yang lalu. Sebab utama yang menyumbang kepada nisbah GIL yang lebih tinggi adalah peruntukan yang dibuat untuk akaun perbankan perniagaan yang lama. Walaupun begitu, kami tetap selesa dengan nisbah kualiti aset berbanding kedudukan modal kami.

Kami menyedari keadaan pasaran dan keperluan untuk mengimbangi pertumbuhan dengan pemeliharaan kualiti aset. Oleh itu, kami akan membuat semakan dan setelah itu, tidak berkembang secara agresif apabila dirasakan patut. Semakan lebih rendah bagi panduan pinjaman TK2014 bagi Malaysia dan Indonesia pada tahun ini adalah salah satu daripada contohnya.

Walaupun begitu, sukacita saya nyatakan bahawa Kumpulan telah mencatatkan keuntungan tinggi bagi TK2014. Ini adalah bukti kualiti portfolio perniagaan dalam Kumpulan, yang kami berhasrat untuk lindungi ketika kami terus maju dengan usaha serantau.

TINJAUAN KAMI UNTUK KPI UTAMA 2015

Permulaan 2015 sedikit terganggu dengan turun naik yang dilihat dalam pasaran komoditi dan matawang. Kesan jangka panjang pasaran yang tidak menentu bergantung kepada berapa lama keadaan ini akan berlanjutan. Bagaimanapun, apa yang kami harapkan adalah pelbagai peluang di sebalik cabaran di dalam pasaran operasi kami. Dengan Malaysia mengambil alih jawatan pengerusi ASEAN tahun ini, fokus perniagaan serantau kami akan terus mematerikan kedudukan kami sebagai kumpulan perkhidmatan kewangan ASEAN sebenar. Kami menjangkakan lebih banyak manfaat akan wujud dengan pengenalan Bank ASEAN Berkelayakan dalam masa terdekat di bawah Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN.

Dalam perutusan saya kepada para pemegang saham pada tahun lepas, saya bercakap mengenai pengambilan postur risiko yang betul untuk mengimbangi keperluan modal dan memberikan pulangan optimum kepada para pemegang saham. Dengan matlamat ini, Kumpulan telah memulakan strategi cekap modal, yang akan memacu penggunaan modal yang lebih produktif dalam jangka masa sederhana hingga jangka panjang. Keperluan untuk menjadi cekap modal adalah lebih kritikal sekarang ketika kita menyediakan diri untuk keperluan penampanan modal tambahan yang akan diperkenalkan untuk bank-bank penting tempatan dari segi sistemik.

Seperti pada TK2014, kami akan tetap teguh dalam program pengurusan kos strategik kami untuk memastikan bahawa kami menguruskan pertumbuhan overhed dalam julat yang selesa bersabit dengan pertumbuhan pendapatan operasi bersih kami. Beberapa tindakan yang akan diuruskan secara aktif termasuk mengawal perbelanjaan IT, perbelanjaan pemasaran serta perbelanjaan am dan pentadbiran. Dalam program ini, kami akan terus memacu peningkatan produktiviti, pada ketika kami berusaha untuk meningkatkan keuntungan nisbah kos bagi setiap pekerja.

Dengan pertimbangan ini, panduan kami untuk petunjuk prestasi utama TK2015 adalah:

Pulangan ke atas Ekuiti	13%-14%
Pertumbuhan Pinjaman Kumpulan	9%-10%
Pertumbuhan Pinjaman Malaysia	8%-9%
Pertumbuhan Pinjaman Singapura	8%-9%
Pertumbuhan Pinjaman Indonesia	13%-15%
Pertumbuhan Deposit Kumpulan	9%-10%

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan Maybank atas komitmen dan sumbangan mereka kepada prestasi Kumpulan pada tahun lalu. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pelanggan dan pemegang saham kami di atas kepercayaan, kesetiaan dan sokongan berterusan yang diberikan sepanjang tahun yang agak mencabar itu.

Saya juga berterima kasih di atas bimbingan berharga yang diberikan oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah Maybank dan entiti lain dalam Kumpulan, serta badan-badan kawal selia di semua negara-negara yang kami beroperasi.

Terima kasih.

Maybank Kita, Masa Depan Kita.

DATUK ABDUL FARID ALIAS
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Profil Korporat & Rangkaian Global

Maybank merupakan satu daripada kumpulan perbankan peneraju di rantau ini dengan akar umbinya tertanam begitu dalam di hati komuniti ASEAN. Ditubuhkan di Malaysia pada 1960, Maybank memulakan penerokaannya di pasaran serantau sejak dahulu lagi, berkembang secara berperingkat-peringkat sehingga kini menjadi bank keempat terbesar di Asia Tenggara dari segi aset.

Maybank juga merupakan kumpulan perkhidmatan kewangan terbesar di Malaysia dan kini beroperasi di tiga buah pasaran utama yang terdiri dari Malaysia, Singapura dan Indonesia, di kesemua 10 buah negara ASEAN dan juga di negara-negara utama Asia serta pusat kewangan global. Dengan rangkaian 2,400 buah pejabat dan sejarah penglibatan lebih 54 tahun, Maybank mempunyai pemahaman mendalam untuk memenuhi keperluan setiap segmen pelanggan sama ada pelanggan runcit, PKS atau multinasional besar. Dan secara konsisten ia telah menunjukkan keupayaannya untuk menawarkan penyelesaian berinovasi untuk semua.

Sejak bertahun-tahun lamanya, Maybank telah membina kemahirannya dalam bidang perkhidmatan kewangan yang luas dan hari ini perkhidmatannya termasuk perbankan komersil, perbankan pelaburan, pembrokeran saham, insurans dan takaful, perbankan Islam, perbankan luar pesisir, pengurusan aset, pembiayaan modal teroka dan perbankan internet.

Sejak sekian lama Kumpulan Maybank dikenali dari segi kepimpinan dan kekuatan kewangan. Dalam tempoh dua tahun lalu, ia telah dikenalpasti sebagai antara 20 Bank Terkukuh di Dunia oleh majalah Bloomberg Markets. Selain daripada itu, ia juga telah meraih anugerah antarabangsa bagi kecemerlangan dan inovasi dan ini menjadi bukti terhadap standard tinggi yang digunakan dalam setiap bidang operasinya. Cabang perbankan Islam Kumpulan iaitu Maybank Islamic Berhad dikenalpasti sebagai kalangan peneraju dunia dalam bidangnya – ia disenaraikan sebagai bank Islam utama di Asia Pasifik dan ketiga di dunia dari segi aset.

Misi Maybank untuk menginsankan perkhidmatan kewangan jelas menunjukkan komitmennya untuk memastikan semua pelanggan mudah mendapatkan pembiayaan kewangan, menyediakan terma dan harga yang adil, menasihatkan pelanggan berdasarkan kepada keperluan dan sentiasa dekat dengan masyarakat. Kumpulan terus bertekad dalam usahanya untuk memastikan operasi dan perhatian yang mampan terhadap masyarakat di tempat ia beroperasi. Ini bukan sahaja menerusi usaha-usaha untuk membiayai kemajuan ekonomi dan peruntukan terhadap perkhidmatan kewangan yang moden, tetapi juga menerusi program komuniti berinovasi yang memberi kesan terhadap kehidupan anggota masyarakat yang terpinggir. Yayasan Maybank, cabang serantaunya mengendalikan inisiatif Tanggungjawab Korporat, memberi sokongan menerusi penglibatan sukarelawan kakitangan dan kekal menjadi jentera utama bagi memberi kesan positif kepada ramai masyarakat Asia yang memerlukan dalam usaha membina masa hadapan yang lebih baik untuk semua.

PASARAN UTAMA

Malaysia
402 cawangan;
7 cawangan menerusi Maybank Investment Bank

Singapura
22 cawangan;
5 cawangan menerusi Maybank Kim Eng

Indonesia
428 cawangan menerusi pemilikan 78.95% dalam Bank Internasional Indonesia (BII);
6 cawangan menerusi Maybank Kim Eng;
1 cawangan menerusi Maybank Syariah Indonesia

Sila layari **www.maybank.com/worldwide** *untuk maklumat lanjut.*

Unit Perniagaan Strategik, m/s. 24

PASARAN ANTARABANGSA

Bahrain
1 cawangan

Brunei
2 cawangan

Kemboja
Maybank (Cambodia) Plc:
21 cawangan

China
3 cawangan

Hong Kong
1 cawangan;
2 cawangan menerusi Maybank Kim Eng

India
1 cawangan menerusi Maybank Kim Eng;
1 cawangan di Mumbai menerusi BII

Profil Korporat & Rangkaian Global



Pasaran Utama
Malaysia, Singapura dan Indonesia

Pasaran utama kami iaitu Malaysia, Singapura dan Indonesia menyumbang 88.6% daripada jumlah Keuntungan Kumpulan Sebelum Cukai (PBT) pada TK2014. Malaysia merupakan penyumbang terbesar dengan 59.7% daripada jumlah pinjaman kasar Kumpulan berpunca dari pasaran ini dan menyumbang 71.2% kepada PBT Kumpulan. Ini diikuti oleh Singapura dengan sumbangan PBT sebanyak 14.4% disebabkan oleh francais perbankan komersial dan pengguna yang kukuh.

PBT Kumpulan 2014



2,400
PEJABAT
Lebih 2,400 pejabat di 20 negara

22 juta
PELANGGAN
Lebih 47,000 kakitangan yang memberi perkhidmatan kepada lebih 22 juta pelanggan

RM640 bil
JUMLAH ASET
Bank terbesar di Malaysia

Laos
1 cawangan

London
1 cawangan;
1 cawangan menerusi Maybank Kim Eng

Labuan
Maybank International (L) Ltd:
1 cawangan

Myanmar
1 pejabat perwakilan

New York
1 cawangan;
1 cawangan menerusi Maybank Kim Eng

Pakistan
1,242 cawangan menerusi pemilikan 20% dalam MCB Bank;
4 cawangan menerusi pemilikan 32.5% dalam Pak-Kuwait Takaful Company

Papua New Guinea
Maybank (PNG) Ltd:
2 cawangan

Filipina
Maybank Philippines Inc.:
79 cawangan;
3 cawangan menerusi Maybank Kim Eng

Arab Saudi
1 cawangan menerusi Anfaal Capital

Thailand
51 cawangan menerusi Maybank Kim Eng

Uzbekistan
1 cawangan menerusi pemilikan 35% dalam Uzbek Leasing International

Vietnam
2 cawangan, 8 cawangan menerusi Maybank Kim Eng;
145 cawangan menerusi pemilikan 20% dalam An Binh Bank

Sejarah, Inovasi & Kepimpinan

Pencapaian utama Maybank sejak penubuhannya pada 1960 membuktikan komitmennya terhadap inovasi dan kecemerlangan, dan ini menjadikannya peneraju dalam industri perbankan di Asia Tenggara.

1960-1962

1960
- Maybank ditubuhkan pada 31 Mei dan memulakan operasi di Kuala Lumpur pada 12 September.
- Malayan Finance Corporation (kemudian dikenali sebagai Mayban Finance) ditubuhkan, syarikat kewangan milik penuh bank yang pertama.
- Maybank membuka cawangan luar negara yang pertama di Brunei Darussalam.
- Cawangan Maybank di Singapura bermula.

1962
- Operasi Maybank Hong Kong dibuka pada 12 Februari, diikuti pembukaan cawangan di London pada 12 September.
- Pada 17 Februari, Maybank disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (kemudian dikenali sebagai Bursa Malaysia).

1973-1981

1973
- Pada bulan September, Maybank menubuhkan sayap perbankan pelaburannya – Asian and Euro-American Merchant Bankers Bhd (ASEAMBANKERS). Bank subsidiari ini telah dinamakan Maybank Investment Bank pada 2009.

1974
- Bank pertama memperkenalkan skim kredit luar bandar.

1976
- Bank pertama memperkenalkan perkhidmatan perbankan bas bergerak.

1977
- Pada bulan Jun, Mayban-Phoenix Assurance Bhd – yang mana Bank memegang 70% ekuiti – ditubuhkan untuk menawarkan taja jamin risiko insurans am. Baki 30% dipegang oleh British Phoenix Assurance. Pada 10 Oktober 1986, Mayban-Phoenix Assurance dinamakan semula sebagai Mayban Assurance.

1978
- Peneraju operasi perbankan menggunakan komputer di Malaysia.

1980
- Maybank melancarkan kad kredit pertamanya – kad Maybank Visa Classic.

1981
- Bank pertama di Malaysia menyediakan Mesin Juruwang Automatik (ATM).

Sejarah, Inovasi & Kepimpinan

1983-1993

1983
- Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan batu asas Menara Maybank, ibu pejabat Maybank pada bulan September.

1984
- Cawangan Maybank di New York dibuka pada bulan September.

1986
- Maybank perkenalkan rangkaian ATM bersepadu terbesar yang pertama di negara ini. Konsortium Perbankan Automatik (ABC) menghubungkan Kwong Yik Bank, Mayban Finance dan Maybank di Malaysia dan Singapura, melibatkan sejumlah 296 ATM.

1988
- Balai Seni Maybank dan Muzium Numismatik Maybank secara rasmi dibuka oleh Tan Sri Dato' Jaffar Hussein, Gabenor Bank Negara Malaysia. Ini diikuti dengan perasmian Menara Maybank pada bulan Jun 1988 oleh Perdana Menteri.
- Maybank merupakan institusi kewangan pertama memperkenalkan pembayaran IPO baru menerusi ATM.

1990
- Maybank menubuhkan bank luar pesisir di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan.

1992
- Pada Januari, Mayban Securities ditubuhkan.
- Maybank Autophone dilancarkan, menjadikan Maybank sebagai bank tempatan pertama yang menawarkan perkhidmatan telefon berkomputer.

1993
- Mayban Ventures memulakan operasi.
- Aseam Leasing and Credit Bhd. ditubuhkan, menawarkan aktiviti pajakan dan sewa beli.

1994-2004

1994
- Maybank (PNG) Ltd memulakan perniagaannya di Port Moresby pada bulan Oktober, dengan cawangan kedua dibuka di Lae pada 1997.
- Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad secara rasmi melancarkan PT Maybank Nusa Internasional, syarikat usaha sama dengan PT Bank Nusa Internasional Indonesia.

1996
- Pada bulan Mac, cawangan Hanoi dan sebuah pejabat perwakilan di Ho Chi Minh dibuka secara rasminya. Pada bulan Oktober 2005, Ho Chi Minh dijadikan cawangan rasmi, sekali gus menjadikannya cawangan kedua di Vietnam.
- Peneraju bankasurans di Asia Tenggara.
- Maybank menjual Kwong Yik Bank kepada Rashid Hussain Berhad pada bulan Disember.

1997
- Bank pertama menawarkan keselesaan untuk penerbangan tanpa tiket bagi penerbangan domestik menerusi MAS Electronic Ticketing (MASET).
- Maybank menguasai 60% saham kepentingan dalam PNB-Republic Bank di Filipina, yang dinamakan semula sebagai Maybank Philippines Inc.

2000
- Bank pertama menawarkan perkhidmatan "Pandang dan Bayar" di Malaysia menggunakan kad kredit dan perkhidmatan debit langsung menerusi Internet dengan Mesiniaga Bhd.
- Bank pertama di Malaysia dan Asia Tenggara yang menawarkan perkhidmatan seragam ATM dan kaunter bagi perkhidmatan di Malaysia, Singapura, Brunei dan Filipina.
- Bank Malaysia yang pertama membuka cawangan di Shanghai, Republik Rakyat China.
- Maybank melancarkan Maybank2u.com pada bulan Jun, menjadikannya bank pertama di Malaysia memperkenalkan perkhidmatan perbankan Internet.
- Maybank telah mengambil alih Pacific Bank Bhd dan Phileo Allied Bank Bhd sebelum menggabungkannya dalam operasi Maybank pada tahun 2001.

2001
- Maybank dan Fortis International NV, salah sebuah penyedia perkhidmatan kewangan bersepadu yang terbesar di Eropah, bekerjasama untuk menubuhkan Mayban Fortis Holdings Bhd menerusi usaha sama 70:30.
- Maybank Tower, ibu pejabat baru Maybank Singapura dibuka secara rasmi.
- Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi melancarkan Dataran Maybank di Kuala Lumpur.

2002
- Maybank Takaful mula beroperasi, menjadikannya syarikat Takaful pertama dimiliki oleh sebuah bank konvensional di Malaysia.

2003
- Bank pertama melancarkan kiosk Perbankan Internet Malaysia, Kiosk Internet Maybank2u.com.
- Maybank secara rasminya melancarkan cawangan di Bahrain, menjadi bank Malaysia yang pertama beroperasi di negara berkenaan.

2004
- Maybank menjadi bank tempatan pertama memperkenalkan e-Dividen. e-Dividen adalah sistem pembayaran dividen bersepadu yang menyelaraskan pemprosesan dividen dan pembayaran melalui system pengurusan tunai perusahaan Bank berkenaan iaitu Maybank2e.net.
- Keseluruhan operasi dan perniagaan Mayban Finance Bhd diserah hak kepada Maybank.

Sejarah, Inovasi & Kepimpinan

Kami menerokai **laluan perjalanan yang asas** dan **perubahan positif** untuk **mewujudkan lebih banyak nilai.**

2005-2009

2005
- Pengambilalihan Malaysia National Insurance Bhd, syarikat insurans terbesar di negara ini berserta subsidiarinya, Takaful Nasional Sdn Bhd, penyedia insurans Takaful utama di Malaysia.

2006
- Bank pertama menawarkan perbankan mudah alih menerusi sistem pesanan ringkas diikuti dengan penggunaan Perkhidmatan Mudah Alih M2U menggunakan telefon GPRS/3G pada 2006.
- Maybank menjadi penerbit tunggal dan pengurus kad caj American Express dan mengambilalih perniagaan saudagar kad ini di Malaysia.
- Bank Malaysia pertama menyediakan perkhidmatan rangkaian serantau bagi kemudahan pengeluaran tunai di kaunter. Ini melibatkan pejabat-pejabatnya di Malaysia, Singapura, Brunei Darussalam dan Filipina, dikenali sebagai Region Link.
- Maybank muncul sebagai penaja utama bagi Kejohanan Golf Terbuka Malaysia Maybank untuk tempoh lima tahun. Penajaan ini kemudiannya dilanjutkan selama lima tahun lagi bermula 2011.

2007
- Bank pertama memperkenalkan penyelesaian pembiayaan komoditi berstruktur bagi pelanggan perniagaan.
- Bank pertama melancarkan perkhidmatan penyelesaian wang mudah alih lengkap di Malaysia dengan Maxis.
- Kumpulan Maybank melancarkan Etiqa, jenama baru bagi perniagaan insurans konvensional dan takaful di bawah Mayban Fortis Holdings.

2008
- Bank pertama melancarkan Bankcard, kad dwi kegunaan susulan kerjasama dengan Visa International pada 2008.
- Maybank diiktiraf sebagai Jenama Paling Bernilai Di Malaysia pada 2007 & 2008.
- Maybank menubuhkan subsidiari perbankan Islamnya, Maybank Islamic Berhad.
- Maybank mengambilalih kepentingan dalam PT Bank Internasional Indonesia, An Binh Bank di Vietnam dan MCB Bank Ltd di Pakistan.

2009
- Bank pertama memperkenalkan kemudahan dalam talian bagi membuat pelaburan tambahan dalam unit ASB dengan PNB.
- Maybank melancarkan kemudahan pembayaran mudah alih tanpa wayar yang pertama di negara ini bagi perkhidmatan penghantaran Pizza Hut.
- Bekerjasama dengan Maxis, Nokia, Touch n' Go dan Visa untuk melancarkan satu program yang julung kali di dunia, pembayaran bergerak tanpa sentuhan menggunakan komunikasi lapangan (NFC) melalui telefon Nokia.

2009-2011

2009
- Maybank dan Permodalan Nasional Berhad bersama memperkenalkan kemudahan dalam talian bagi pelaburan tambahan dalam unit ASB menerusi perbankan dalam talian.
- Maybank menyempurnakan dengan jayanya terbitan hak berjumlah RM6 bilion – terbitan terbesar dalam sejarah korporat Malaysia.

2010
- Menjadi syarikat tersenarai pertama di Bursa Malaysia mengumumkan pelan pelaburan semula dividen.
- Bank pertama di Malaysia meraih lebih AS$100 bilion dalam jumlah aset dan lebih AS$1 bilion keuntungan selepas cukai.
- Bank pertama melancarkan cawangan mesra orang kurang upaya bagi pengguna kerusi roda di seluruh negara.
- Maybank meraikan sambutan ulang tahun ke-50.
- Maybank melancarkan TradeConnex, bank tempatan pertama di Malaysia yang menawarkan produk pembiayaan perdagangan konvensional yang menyeluruh dalam talian.
- Maybank Islamic melancarkan Wakaf, program komuniti berstruktur pertama diperkenalkan oleh sebuah institusi kewangan di Malaysia untuk pelanggan.
- Maybank Singapura melancarkan pakej pembiayaan Islam pertama bagi SME di Singapura.
- Pelancaran kad kredit Pantai American Express, kad jenama bersama pertama di Malaysia dan Asia bersama penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan.
- PT Bank Maybank Indocorp, ditukar menjadi perbankan Islam sepenuhnya dan dinamakan semula sebagai Maybank Syariah Indonesia.
- Yayasan Maybank ditubuhkan dengan peruntukan awal sebanyak RM50 juta untuk mempelopori inisiatif tanggungjawab korporat Kumpulan di rantau ini.

2011
- Bank pertama di Malaysia melancarkan "Skim Pinjaman Gadai Janji Luar Negara" yang menawarkan kemudahan pinjaman perumahan hartanah di London dalam Ringgit Malaysia.
- Pengambilalihan Kim Eng Holdings Ltd, kumpulan perbankan pelaburan yang disenaraikan di Singapura serta memiliki platform serantau yang kukuh.
- Pelancaran usaha sama strategic menerusi Perkhidmatan Perbankan Perkongsian dengan Pos Malaysia Berhad bagi menyediakan perkhidmatan terpilih Maybank di lebih 400 cawangan Pos Malaysia di seluruh negara.
- Bank Malaysia pertama memperkenalkan "Maybank 2 Kad" yang menyediakan dua kad kredit kepada pemegang kad dengan hanya 1 permohonan.
- Menjadi Bank Kelayakan Penuh pertama di Singapura untuk melancarkan Kad Debit Platinum dengan ciri-ciri NETS FlashPay.
- Bank Malaysia pertama melancarkan eCustody, platform elektronik berasaskan internet yang menawarkan pelanggan-pelanggan institusi kemudahan pengurusan dalam talian terhadap akaun penjagaan amanah dengan Kumpulan Maybank.
- Memperkenalkan identiti korporat baru yang diinspirasikan menerusi misinya untuk "Menginsankan Perkhidmatan Kewangan di Seluruh Asia".

Sejarah, Inovasi & Kepimpinan

2012-2013

2012

- Maybank menjadi bank tempatan pertama yang memeterai perjanjian dengan empat buah bank sekali gus dari Myanmar untuk memperkenalkan perkhidmatan pindahan wang, Maybank Money Express (MME) ke negara berkenaan.
- Maybank mengukuhkan komitmen operasi jangka panjang di Kemboja dengan memperbadankan operasi tempatannya di negara berkenaan.
- Yayasan Maybank buat pertama kalinya mengembangkan program biasiswa pengajian tempatan dengan turut menawarkan biasiswa pra universiti. Yayasan menyalurkan biasiswa kepada 19 pelajar dari golongan memerlukan untuk meneruskan pengajian di universiti terkemuka awam dan swasta dalam negara.
- Maybank menambah rangkaiannya di China dengan pembukaan cawangan baru di Beijing untuk meningkatkan operasinya di Wilayah Besar China.
- Perdana Menteri Malaysia merasmikan pembukaan cawangan pertama Maybank Laos, yang melengkapkan jejak Kumpulan di semua 10 negara ASEAN.
- Maybank Singapura melaksanakan Swap Kadar Keuntungan Islam bersandarkan kepada pinjaman Islam bersindiket yang mencerminkan keupayaannya dalam penyelesaian lindung nilai Islam.
- Jenama Paling Bernilai Malaysia.
- Maybank mengumumkan kejayaan penyelesaian program pembinaan buku berkaitan penempatan persendiriannya untuk meraih kira-kira RM3.66 bilion (ASS$1.2 bilion) pada kadar diskaun berbanding harga pasaran. Penempatan persendirian ini disenaraikan sebagai yang terbesar dalam sejarah korporat Malaysia. Tawaran ini menerima sambutan yang baik daripada pelabur institusi domestik dan luar negara.
- Maybank Philippines Inc. melancarkan Kad Kredit Maybank di Filipina.
- Maybank Philippines Inc. mengumumkan perpindahan ke pejabat baru di Pusat Korporat Maybank di Bonifacio Global City di Taguig.
- Maybank menjadi bank pertama di Singapura memperkenalkan Aplikasi Maybank Smart TV yang memanfaatkan keupayaan penuh Samsung Smart TV untuk mewujudkan saluran perkhidmatan dalam talian yang benar-benar berinovasi buat pelanggan dan bukan pelanggan.
- Maybank melancarkan platform Pengurusan Tunai Serantau yang dilaksanakan menerusi laman web Maybank2E, di Singapura bagi meraih peluang di pasaran pengurusan tunai Asia yang sedang pantas berkembang.
- Maybank memperkenalkan perkhidmatan perbankan internet, Maybank2u di Kemboja bagi kemudahan pelanggan menggunakan perkhidmatan ini yang telah menerima banyak anugerah.
- Maybank mengembangkan rangkaiannya di Kemboja dengan membuka cawangan ke-12 di Zon Ekonomi Khas Phnom Penh.

2013

- Maybank merupakan bank ASEAN yang pertama menggunapakai platform Microsoft Windows 8 untuk aplikasi perbankan mudah alih korporatnya iaitu, Maybank2E-Regional Cash.
- Maybank melancarkan pelan berkaitan pelaburannya yang pertama, Luxury Edition, yang merupakan pelan insurans dana tertutup premium tunggal berkaitan pelaburan di Malaysia yang menawarkan gabungan pelindungan insurans dan pelaburan bagi pasaran barangan mewah.
- Maybank melancarkan Maybank2u Pay, satu lagi pengenalan baru oleh sebuah bank di Malaysia. Maybank2u Pay merupakan laluan pembayaran untuk memudahkan pembelian di blog beli belah yang menawarkan bukan hanya transaksi pantas dan selamat, tetapi juga selesa dengan pengalaman beli belah dalam talian yang boleh dipercayai.
- Maybank mengembangkan kerjasama jenama bersama dengan Manchester United (MU) dengan membawakan kad “Maybankard Visa Infinite Manchester United” ke pasaran iaitu kad jenama bersama pertama di dunia dengan Manchester United, yang disasarkan untuk segmen pelanggan kaya.

2013-2014

- Maybank mengembangkan Skim Pinjaman Gadai Janji Luar Negara (OMLS) untuk turut merangkumi pembelian hartanah kediaman di pasaran-pasaran baru – iaitu Sydney, Perth dan Singapura. Pelabur-pelabur Malaysia kini boleh menikmati keselesaan untuk membiayai pembelian hartanah di negara berkenaan dalam matawang Ringgit. Maybank merupakan Bank yang pertama di Malaysia memperkenalkan OMLS.
- Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, merasmikan pelancaran Maybank Islamic Asset Management di Forum Islam Sedunia di London.

2014

- Pelancaran perkhidmatan pengeluaran wang tanpa kad menerusi ATM – perkhidmatan pertama diperkenalkan di Malaysia yang mana pengeluaran wang boleh dibuat tanpa menggunakan kad ATM.
- Penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak pertama di Malaysia dikenali sebagai, ‘Pusat Penjagaan Kanak-kanak Maybank Tiger Cubs’, yang merupakan pusat sokongan penjagaan kanak-kanak di masa kecemasan untuk anak-anak kakitangan.
- Satu-satunya organisasi yang ditubuhkan di Malaysia yang tergolong dalam “Towers Watson Global High Performing Company Norm” yang menjadi penanda aras yang diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk organisasi dengan pencapaian tinggi.
- Bank pertama di Malaysia yang menawarkan pembiayaan perdagangan di seluruh Asia dalam matawang Ringgit Malaysia (RM). Perkhidmatan ini membolehkan pelanggan untuk menikmati keselesaan untuk melaksanakan transaksi perdagangan bersama rakan niaga di Malaysia menggunakan RM secara langsung.
- Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Maybank memeterai perjanjian Jaminan Portfolio, perjanjian pertama seumpamanya dan yang terbesar di negara ini yang membuktikan komitmen kedua-dua institusi untuk meningkatkan laluan untuk pembiayaan untuk semua peringkat perniagaan kecil dan sederhana.
- Mengembangkan pasaran anuiti tertangguh menerusi pengenalan Pelan ‘Smart Retirement Xtra’, pelan insurans anuiti tertangguh yang pertama di Malaysia yang ditawarkan menerusi saluran Bankasurans.
- Memperkenalkan kad Maybank Visa Debit Platinum – kad pertama yang membolehkan transaksi menerusi Visa payWave di Malaysia.
- Pelancaran buat pertama kali transaksi senarai awam di Pasaran TOKYO PRO-BOND yang meraih JPY31.1 bilion (bersamaan AS$305 juta) bertempoh tiga tahun, yang juga merupakan Pro-Bond pertama diterbitkan menerusi program terbitan Nota Jangka Sederhana (MTN) Pelbagai Matawang bernilai AS$5 bilion.
- Memperkenalkan M2U Pay ‘Snap&Sell’, aplikasi mudah alih inovatif yang pertama yang memberikan keselesaan kepada penggunanya untuk menjual produk di mana jua dan pada bila-bila masa di platform media sosial.
- Menjadi yang pertama memperkenalkan kad kredit Visa Signature yang menawarkan pengembalian tunai atas asas harian dan juga fleksibiliti untuk menukar ganjaran mata Treats kepada tunai.
- Menduduki tangga 3 syarikat teratas di Malaysia dan antara 100 syarikat di Asia yang mencatatkan prestasi tinggi yang mampan oleh Channel NewsAsia dan juga yang pertama di Asia.
- Melancarkan myTrade2Cash, platform pembiayaan perdagangan komprehensif dan yang pertama diperkenalkan di Asia. Platform ini memberikan keselesaan kepada PKS untuk memohon kemudahan pembiayaan daripada Maybank menerusi platform dalam talian DneX.
- Melancarkan M2U Visa Direct dengan kerjasama Visa International, perkhidmatan pindahan wang yang pertama diperkenalkan di Malaysia yang menawarkan alternatif untuk menghantar wang ke akaun kad visa kepada penerima di 200 buah negara.
- Pelancaran Maybank Visa payWave Micro Tag – kaedah baru dan selesa untuk membuat pembayaran yang memanfaatkan teknologi Visa payWave yang juga pertama kali diperkenalkan di Malaysia. Perkhidmatan baru ini membolehkan pembayaran tanpa sentuhan dibuat menerusi pelekat elektronik Micro Tag yang dihubungkan ke kad Visa, yang diletakkan berasingan di atas barangan peribadi milik pemegang kad seperti dompet, telefon atau kunci kereta.

Unit Perniagaan Strategik

Malayan Banking Berhad merupakan syarikat pegangan dan entiti senarai awam bagi Kumpulan Maybank yang memiliki cawangan di Malaysia, Singapura dan pusat-pusat kewangan antarabangsa seperti London, New York, Hong Kong dan Bahrain.

Subsidiari utama Maybank di luar negara terdiri daripada PT Bank Internasional Indonesia Tbk, Maybank Philippines Incorporated, Maybank (Cambodia) Plc, Maybank (PNG) Ltd di Papua New Guinea dan Maybank International (L) Ltd di pusat kewangan luar pesisir Labuan.

Subsidiari operasi utama terdiri daripada Maybank Islamic Berhad, Maybank Investment Bank Berhad, Maybank Kim Eng Holdings Limited dan Etiqa Insurance Berhad. Maybank memiliki syarikat-syarikat sekutu di Pakistan (menerusi pemilikan 20% dalam MCB Bank) dan di Vietnam (menerusi pemilikan 20% dalam An Binh Bank).

Struktur Korporat Kumpulan, m/s. 27

PERBANKAN ISLAM

Maybank Islamic Berhad
Maybank Islamic Berhad merupakan syarikat milik penuh Kumpulan Maybank yang memiliki lesen perbankan Islam penuh. Maybank Islamic juga merupakan penyedia produk dan perkhidmatan kewangan Islam utama di ASEAN. Maybank Islamic memanfaatkan infrastruktur dan rangkaian Kumpulan bagi menawarkan penyelesaian kewangan patuh Syariah yang lengkap. Portfolio produk dan perkhidmatannya yang luas ditawarkan menerusi lebih 400 rangkaian cawangan Maybank di Malaysia dan juga di Indonesia, Singapura, Hong Kong, London dan Bahrain. Pada 2014, ia kekal sebagai peneraju bagi keseluruhan penguasaan pasaran kewangan dan deposit.

Maybank Syariah indonesia
PT Bank Maybank Syariah Indonesia (Maybank Syariah) ditubuhkan berikutan penukaran entiti perbankan komersial PT Bank Maybank Indocorp kepada perbankan Islam (syariah) pada 2010. Maybank Syariah berhasrat menjadi peneraju penyedia perkhidmatan Syariah dan pilihan utama di Indonesia serta di rantau ini. Strategi perniagaannya menumpukan kepada perbankan korporat dan juga khidmat nasihat.

Perkhidmatan perbankan korporat dan pelaburan khususnya melibatkan janji niaga dua hala, pembiayaan bersindiket dan 'club' bagi perbadanan tempatan dan multinasional, terutamanya entiti di Indonesia dan Malaysia. Sementara itu, perkhidmatan perbendaharaan pula menumpukan kepada operasi pasaran wang dan perdagangan tukaran matawang asing yang meliputi fungsi urusniaga barisan hadapan dan khidmat penyelesaian barisan belakang dan sokongan.

PERBANKAN PELABURAN

Maybank Investment Banking Berhad
Maybank Investment Bank Berhad (Maybank IB) merupakan syarikat subsidiari milik penuh Maybank. Maybank IB juga adalah operasi perbankan pelaburan Maybank Kim Eng di Malaysia. Ia menawarkan rangkaian lengkap produk dan penyelesaian perbankan pelaburan termasuk pembiayaan korporat dan penasihat, penasihat strategik, pasaran ekuiti, pembrokeran saham, pasaran hutang, derivatif dan penyelidikan.

Maybank Kim Eng Holdings Limited
Maybank Kim Eng Holdings Limited merupakan syarikat milik penuh Maybank. Perniagaan Maybank Kim Eng merentas seluruh dunia dengan pejabat di Singapura, Hong Kong, Thailand, Indonesia, Filipina, India, Vietnam, Great Britain dan Amerika Syarikat. Ia menyediakan perkhidmatan dalam pembiayaan korporat, pasaran hutang, pasaran modal ekuiti, derivatif, pembrokeran saham runcit dan institusi serta penyelidikan.

Unit Perniagaan Strategik

INSURANS

eTiQa

Insurance & Takaful

Etiqa
Etiqa merupakan jenama perniagaan Insurans dan Takaful Kumpulan Maybank yang menawarkan semua jenis dan kelas polisi insurans Hayat dan Am serta Takaful Keluarga dan Am menerusi pelbagai saluran pengedaran. Insurans konvensional ditanggung oleh Etiqa Insurance Berhad manakala bagi perlindungan takaful pula diberikan oleh Etiqa Takaful Berhad. Takaful merupakan aturan berasaskan bantuan dipersetujui bersama yang mana peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada tabung bersama disediakan untuk manfaat bersama yang dibayar kepada peserta takaful atau penerima manfaat bila mana berlakunya keadaan yang dipersetujui terlebih dahulu.

Etiqa mempunyai barisan agensi yang kuat terdiri daripada lebih 15,000 ejen, 31 cawangan di seluruh Malaysia, rangkaian pengedaran Bankasurans yang luas di lebih daripada 400 cawangan Maybank selain bank pihak ketiga; dan juga koperasi dan broker. Etiqa merupakan satu daripada perintis bagi jualan langsung menerusi internet dengan perkhidmatan dalam talian di Motortakaful.com/Maybank2u.

PENGURUSAN ASET

Maybank Asset Management

Maybank Asset Management Group Berhad
Maybank Asset Management Group ("Kumpulan AM Maybank") merupakan salah satu perintis dalam industri pengurusan aset tempatan yang memiliki lebih daripada 30 tahun pengalaman. Ia terdiri daripada syarikat pegangan saham, Maybank Asset Management Group Berhad dan lima syarikat subsidiari di empat pasaran utama ASEAN iaitu Malaysia, Singapura, Indonesia dan Thailand. Syarikat subsidiari ini termasuk Maybank Asset Management Sdn Bhd, Maybank Asset Management Singapore Pte. Ltd., PT Maybank GMT Asset Management, Maybank Asset Management Thailand Co, Ltd, Maybank Islamic Asset Management Sdn. Bhd. dan Maybank Private Equity Sdn. Bhd.

Entiti ini menyediakan rangkaian luas penyelesaian pelaburan yang tertumpu di Asia untuk semua kelas pelabur seperti perbadanan, institusi, dana pencen, insurans, syarikat takaful dan pelanggan individu. Perkhidmatan portfolio pengurusan dana syarikat ini meliputi pelbagai produk dari ekuiti, pendapatan tetap hinggalah instrumen pasaran wang menerusi mandat secara langsung, unit amanah dan dana borong. Aset pengurusan di bawah Kumpulan AM Maybank sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak RM15.2 bilion, yang mana 57% terdiri daripada aset konvensional dan 43% aset berlandaskan Syariah.

OPERASI ANTARABANGSA

Maybank

Maybank Singapura
Maybank Singapura merupakan Bank Kelayakan Penuh (QFB) dengan saiz aset bersih kira-kira S$57 bilion dan barisan kakitangan lebih daripada 1,800. Kami telah membina penglibatan yang menggalakkan dalam pasaran runcit dan perbankan lebih 5 dekad yang lalu sehingga kini. Hari ini, kami menerajui pasaran dalam menyediakan penyelesaian kewangan pilihan kepada pelanggan dalam berbagai-bagai bentuk produk perbankan dan perkhidmatan Islam.

Rangkaian kami yang terdiri daripada 27 lokasi perkhidmatan adalah yang terbesar di antara bank asing di Singapura. Sebagai sebahagian daripada atm5 – satu-satunya rangkaian mesin juruwang automatik (ATM) yang dikongsi bersama 7 peserta QFB, kami menawarkan pelanggan dengan capaian kepada lebih 200 ATMs di seluruh pulauan ini.

bii



Maybank

PT Bank Internasional Indonesia Tbk
PT Bank Internasional Indonesia Tbk (BII) merupakan subsidiari Maybank. Ia merupakan bank komersial kesembilan terbesar dari segi aset dan disenaraikan di Bursa Saham Indonesia (Ticker: BNII). BII menyediakan perkhidmatan kewangan penuh bagi pelanggan-pelanggan perniagaan, runcit dan perbankan global. Sehingga 31 Disember 2014, rangkaian BII terdiri daripada 428 cawangan, termasuk cawangan Syariah, dua cawangan luar negara iaitu di Mumbai dan Mauritius serta 1,530 ATM termasuk Mesin Deposit Tunai (CDM). Jumlah deposit pelanggan BII adalah sebanyak Rp102.5 trilion manakala jumlah aset pula sebanyak Rp143.4 trilion.

Maybank

Maybank International (L) Ltd dan Cawangan Maybank International Labuan
Maybank International (L) Ltd dan Cawangan Maybank International Labuan ditubuhkan pada 2013, sebagai cawangan luar pesisir. Operasi ini dikhususkan sebagai Pusat Kecemerlangan Kumpulan bagi kredit matawang asing dan menyediakan perkhidmatan perbankan antarabangsa termasuk deposit dan pinjaman matawang asing, pembiayaan perdagangan, perkhidmatan perbendaharaan dan penyelesaian perbankan Islam. Ia merupakan tambahan kepada Maybank International (L) Ltd yang ditubuhkan pada 1990 sebagai syarikat subsidiari milik penuh Kumpulan Maybank.

Unit Perniagaan Strategik

Maybank Wilayah Besar China
Maybank Wilayah Besar China terdiri daripada operasi kami di Hong Kong, Shanghai, Beijing dan di Kunming, yang paling terbaru. Ia menyediakan perkhidmatan perbankan pemborongan dan perbankan pelaburan kepada pelanggan komersial dan korporat di Hong Kong dan China, serta bidang khusus penyelesaian rentas sempadan untuk memudahkan aliran dana antara Wilayah Besar China dan ASEAN.

Maybank Philippines Incorporated
Maybank Philippines Incorporated (MPI) yang merupakan bank komersial penuh yang menyediakan perkhidmatan untuk kedua-dua sektor perbankan runcit dan pemborongan. Ia menawarkan penyelesaian kewangan yang lengkap bagi pasaran pengguna dan segmen terpilih bagi perbadanan-perbadanan kelas tertinggi di Filipina. MPI turut terlibat dalam operasi perbendaharaan dengan tumpuan terhadap operasi pasaran wang dan dagangan tukaran matawang asing. Ia turut mengendalikan rangkaian lengkap 79 buah cawangan di seluruh Filipina.

Kelompok Maybank Indochina
Maybank Indochina terdiri daripada syarikat subsidiari di Kemboja, cawangan penuh di Vietnam dan Laos, serta pejabat perwakilan di Myanmar. Kami menawarkan perkhidmatan perbankan pemborongan kepada segmen pelanggan komersial dan korporat di seluruh Indochina dan turut menyediakan perkhidmatan perbankan runcit di Kemboja dan Laos.

Maybank (Cambodia) PLC
Pada April 2012, Maybank ditubuhkan di negara ini menjadi Maybank (Cambodia) Plc., dan ini menunjukkan komitmen jangka panjang kami di Kemboja selain selari dengan pendirian Maybank sebagai bank serantau. Ia menyediakan perkhidmatan perbankan lengkap kepada pengguna, PKS dan segmen komersial serta korporat menerusi 21 buah cawangan di negara ini.

SYARIKAT SEKUTU

MCB Bank Ltd
MCB Bank merupakan syarikat sekutu Maybank dengan pemilikan 20%. Sebagai satu daripada bank peneraju di Pakistan dengan lebih 60 tahun pengalaman, MCB berperanan penting mewakili negara ini di pentas global. Ia memiliki operasi di Sri Lanka, Dubai, Bahrain, Azerbaijan dan Hong Kong. Perkhidmatannya disediakan menerusi rangkaian 1,242 cawangan termasuk 27 cawangan perbankan Islam di Pakistan dan sembilan lagi cawangan di luar negara. MCB memiliki asas deposit yang besar berjumlah Rs676 bilion dan jumlah aset sebanyak Rs941 bilion.

An Binh Bank
An Binh Bank merupakan syarikat sekutu Maybank dengan pemilikan 20%. Ditubuhkan pada Mei 1993, An Binh Bank telah berkembang daripada sebuah bank luar bandar menjadi sebuah bank bandar yang menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan komersial lengkap. Dengan 20 tahun pengalaman beroperasi, An Binh Bank telah mencapai kedudukan yang kukuh dalam industri perbankan Vietnam dengan rangkaian lebih daripada 146 cawangan dan pejabat cawangan kecil yang terletak di kesemua 29 wilayah di negara ini.

Sila layari **www.maybank.com/worldwide** *untuk maklumat lanjut.*

Struktur Korporat Kumpulan

pada 31 Januari 2015

MALAYAN BANKING BERHAD

PERBANKAN KOMERSIAL

- **100%** Maybank Islamic Berhad (Perbankan Islam)
- **98.31%*** PT Bank Internasional Indonesia Tbk (Perbankan)
  - **100%** PT BII Finance Center (Pembiayaan Pelbagai)
  - **62%** PT Wahana Ottomitra Multiartha Tbk (Pembiayaan Pelbagai)
- **100%** PT Bank Maybank Syariah Indonesia (Perbankan Islam)
- **99.97%** Maybank Philippines Incorporated (Perbankan)
- **100%** Maybank (Cambodia) Plc (Perbankan)
- **100%** Maybank International (L) Limited (Perbankan Luar Persisir)
- **100%** Maybank (PNG) Limited (Perbankan)
- **20%** MCB Bank Limited (Perbankan)
- **20%** An Binh Commercial Joint Stock Bank (Perbankan)
- **35%** Uzbek Leasing International A.O. (Pajakan)

PERBANKAN PELABURAN

- **100%** Maybank IB Holdings Sdn Bhd (Pegangan Pelaburan)
  - **100%** Maybank Kim Eng Holdings Limited (Pegangan Pelaburan)
    - **100%** Maybank Kim Eng Securities Pte Ltd (Urus Niaga Sekuriti)
    - **83.50%** Maybank Kim Eng Securities (Thailand) Plc (Urus Niaga Sekuriti)
    - **100%** Maybank ATR Kim Eng Capital Partners, Inc. (Pegangan Pelaburan)
    - **80%** PT Maybank Kim Eng Securities (Urus Niaga Sekuriti)
    - **100%** Maybank Kim Eng Securities (London) Limited (Urus Niaga Sekuriti)
    - **100%** Maybank Kim Eng Securities USA Inc. (Urus Niaga Sekuriti))
    - **100%** Kim Eng Securities (Hong Kong) Limited (Urus Niaga Sekuriti)
    - **75%** Kim Eng Securities India Private Limited (Urus Niaga Sekuriti)
    - Subsidiari-subsidiari Lain
  - **100%** Maybank Investment Bank Berhad (Perbankan Pelaburan)
    - **100%** BinaFikir Sdn Bhd (Perundingan & Penasihat)
    - Subsidiari-subsidiari Lain

INSURANS & TAKAFUL

- **100%** Etiqa International Holdings Sdn Bhd (Pegangan Pelaburan)
  - **69.05%** Maybank Ageas Holdings Berhad (Pegangan Pelaburan)
    - **100%** Etiqa Insurance Berhad (Insurans Hayat & Am)
    - **100%** Etiqa Takaful Berhad (Takaful Keluarga & Am)
    - **100%** Etiqa Life International (L) Limited (Insurans Pelaburan Luar Pesisir)
    - **100%** Etiqa Offshore Insurance (L) Limited (Perkhidmatan Pengurusan)
    - **100%** Etiqa Overseas Investment Pte Ltd (Pegangan Pelaburan)
      - **32.5%** Pak-Kuwait Takaful Company Limited (Perniagaan Takaful)
    - **100%** Etiqa Insurance Pte Ltd (Perkhidmatan Pengurusan)

PENGURUSAN ASET

- **100%** Maybank Asset Management Group Berhad (Pegangan Pelaburan)
  - **100%** Maybank Asset Management Sdn Bhd (Pengurusan Dana)
    - **99%** PT Maybank GMT Asset Management (Pengurusan Dana)
  - **100%** Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd (Pengurusan Dana)
  - **100%** Maybank Private Equity Sdn Bhd (Pelaburan Ekuiti Swasta)
    - **100%** MAM DP Ltd (Pengurusan Dana)
  - **100%** Maybank Asset Management (Thailand) Company Limited (Pengurusan Dana)
  - **100%** Maybank Asset Management Singapore Pte Ltd (Pengurusan Dana)

LAIN-LAIN

- **100%** Maybank Trustee Berhad (Perkhidmatan Pemegang Amanah)
- **100%** Maybank Shared Services Sdn Bhd (Perkhidmatan Perkongsian IT)
- Subsidiari-subsidiari Lain

Nota:

1. *Di mana syarikat-syarikat pegangan pelaburan tidak disenaraikan, pegangan saham yang ditunjukkan merupakan kepentingan efektif.*
2. *Syarikat-syarikat yang tidak ditunjukkan termasuk syarikat yang dorman, di bawah pelupusan sukarela oleh ahli, telah menamatkan operasi atau menyediakan perkhidmatan nomini.*
3. *Rujuk Nota 62 : Senarai lengkap syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat sekutu dalam Penyata Kewangan Laporan Tahunan 2014 untuk senarai lengkap syarikat-syarikat subsidiari Maybank dan syarikat sekutunya.*

* *Kepentingan efektif. Rujuk pada Nota 62, Nota kaki 16, muka surat 241 dalam Penyata Kewangan Laporan Tahunan 2014.*

Struktur Organisasi Kumpulan

DATUK ABDUL FARID ALIAS

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

PERNIAGAAN

DATUK LIM HONG TAT

Ketua Kumpulan Perkhidmatan Kewangan Komuniti
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Maybank Singapura

Bertanggungjawab memacu strategi, pertumbuhan dan prestasi perniagaan CFS yang meliputi segmen konsumer, perbankan perniagaan dan Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) dan juga perkongsian rangkaian jualan dan pengedaran di pasaran utama di seluruh dunia. Dengan bekerja bersama pasukan kerja di setiap negara, fungsi teras pasukan serantaunya adalah untuk menjana sinergi merentas sempadan bagi perniagaan CFS dalam bidang pengurusan kekayaan, perbankan pelanggan berpendapatan tinggi dan mewah, perniagaan kad, perbankan perniagaan dan PKS serta inisiatif-inisiatif lain seperti perkongsian amalan terbaik, arahan tugasan kakitangan dan memanfaatkan pelaburan bersama.

AMIRUL FEISAL WAN ZAHIR

Ketua Kumpulan Perbankan Global (GB)

Bertanggungjawab bagi keseluruhan strategi, pertumbuhan dan prestasi perniagaan Perbankan Global (GB) yang merangkumi pasukan kerja perbankan pelaburan, perbankan korporat, pemasaran global, perbankan transaksi, pengurusan aset dan liputan pelanggan, yang berperanan sebagai pusat perhubungan tunggal bagi pelanggan korporat dan institusi kami. Turut bertanggungjawab bagi kejayaan pelaksanaan inisiatif dan transformasi perniagaan termasuk memacu perniagaan GB di seluruh rantau menerusi Ketua GB di setiap pasaran utama bersama Ketua bahagian liputan pelanggan dan produk di setiap pasaran. GB turut meliputi fungsi pembiayaan, strategi, undang-undang, pengurusan risiko dan teknologi maklumat (IT) yang menyokong liputan pelanggan dan setiap barisan perniagaan.

MUZAFFAR HISHAM

Ketua Kumpulan Perbankan Islam
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Maybank Islamic Berhad

Bertanggungjawab menguruskan dan menetapkan strategi utama bagi perniagaan perbankan Islam Kumpulan, memantau pengurusan produk, Pasaran Global Islam, pembangunan perniagaan, pengurusan Syariah, pengurusan strategik dan juga pengurusan risiko. Tanggungjawab terasnya termasuk mewujudkan formula strategi perniagaan, memantau kewangan dan prestasi perniagaan dan juga melaksanakan dasar-dasar dan rangka kerja serta memastikan pelaksanaan perniagaan perbankan Islam di seluruh Kumpulan patuh Syariah. Muzaffar Hisham turut bertanggungjawab dalam memacu strategi "Mendahulukan Islam" di seluruh Kumpulan dan membina Perbankan Islam Kumpulan Maybank (MGIB) untuk menjadi institusi kewangan Islam peneraju di dunia.

KAMALUDIN AHMAD

Ketua Kumpulan Insurans & Takaful
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Maybank Ageas Holdings Bhd (MAHB)

Bertanggungjawab bagi memacu dan menguruskan keseluruhan strategi, keuntungan dan pertumbuhan perniagaan Insurans dan Takaful Kumpulan di Malaysia dan Singapura. Selain daripada menguruskan perniagaan hayat/keluarga dan am, kumpulan kerjanya turut memantau semua keputusan pelaburan, komersial, perancangan korporat, pengurusan risiko dan IT berkaitan dengan operasi Insurans & Takaful Kumpulan. Tanggungjawab teras pasukan kerjanya diselaraskan untuk mencapai aspirasi Etiqa. Ini termasuk mengukuhkan tapak pengedaran, mengembangkan PBT menerusi pertumbuhan organik dan pengembangan serantau, mengukuhkan kedudukan teratas Takaful dan menjadikan Etiqa sebagai jenama pilihan utama di kalangan rakyat Malaysia.

FUNGSI

MOHAMED RAFIQUE MERICAN BIN MOHD WAHIDUDDIN MERICAN

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

Bertanggungjawab bagi mengurus dan meneruskan strategi bagi fungsi kewangan di seluruh Kumpulan. Pasukan kerjanya diletakkan sebagai rakan kongsi perniagaan serantau, yang memantau tunggak tujuh fungsi pilar, iaitu Kawalan Kewangan, Perbendaharaan Korporat, Percukaian, Pelaporan Prestasi & Perhubungan Pelabur, Pemerolahan Strategik, Strategi Kewangan dan Operasi Kewangan. Turut menyediakan sokongan langsung kepada segmen perniagaan dalam Kumpulan Maybank menerusi pasukan kerja pembiayaan perniagaan dan pembiayaan peringkat negara. Kewangan Kumpulan turut menyediakan kepakaran dalam pengurusan modal, pembiayaan korporat, pengurusan pemulihan korporat, cukai dan MIS (Sistem Maklumat Pengurusan).

NORA ABD MANAF

Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan

Bertanggungjawab bagi pembangunan dan pelaksanaan semua aspek berkaitan kakitangan dalam Kumpulan Maybank. Beliau bertanggungjawab membangunkan strategi kakitangan dan dasar menerusi Pusat Kepakaran Modal Insan Maybank yang digunakan dan dilaksanakan di seluruh Kumpulan, pelbagai bidang perniagaan dan negara. Beliau memastikan keberkesanan strategi dan dasar Pengurusan Modal Insan di seluruh Kumpulan. Tumpuan utama dan objektif beliau dalam TK2015 adalah bagi meyempurnakan hasrat Kumpulan, mengukuhkan budaya prestasi tinggi, memantapkan kedudukan organisasi sebagai majikan pilihan utama terunggul dan memastikan Maybank berpandangan jauh ketika ia memulakan fasa kedua transformasi ke arah 2020.

MICHAEL FOONG SEONG YEW

Ketua Pegawai Strategi Kumpulan
Pejabat Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Bertanggungjawab dalam menguruskan program transformasi Kumpulan di seluruh rantau dan membangunkan strategi jangka panjang Kumpulan. Beliau mengetuai Pejabat Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan yang mana pasukan kerjanya akan memantau kemajuan dan perkembangan objektif strategik pasukan. Mereka turut mendorong produktiviti dan program penambahbaikan pengurusan kos ketika memantau pelbagai projek yang membawa keupayaan baru dan perluasan kawasan baru. Selain itu, memartabatkan jenama Maybank dan juga kedudukan Kumpulan dengan pemegang-pemegang kepentingan luaran adalah menjadi bidang tumpuan utama. Pasukan kerja Pembangunan Korporat dan Inovasi memantau agenda Inovasi Kumpulan untuk menjadikan Maybank dikenali sebagai bank peneraju inovasi.

Struktur Organisasi Kumpulan

NEGARA

DR JOHN LEE HIN HOCK

Ketua Pegawai Risiko Kumpulan

Bertanggungjawab bagi pengurusan risiko Kumpulan termasuk kredit dan pematuhan. Pasukan kerjanya menyediakan pandangan mengenai pengurusan risiko, kredit dan pematuhan Kumpulan menerusi penubuhan strategi risiko, rangka kerja dan dasar-dasar Kumpulan, selain menilai dan memantau secara bebas semua risiko yang dihadapi. Risiko Kumpulan komited untuk menjadi rakan perniagaan dan memastikan penciptaan nilai bagi menyokong aspirasi Kumpulan.

DATUK LIM HONG TAT

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Maybank Singapura

Bertanggungjawab untuk memacu keseluruhan keuntungan dan pertumbuhan operasi Kumpulan Maybank di Singapura. Dengan bekerjasama rapat bersama lain-lain entiti Kumpulan Maybank di Singapura - Maybank Kim Eng dan Etiqa Insurance, tanggungjawab teras pasukan kerjanya termasuk mengukuhkan francais Kumpulan di Singapura dengan mengoptimumkan sinergi, memanfaatkan peluang-peluang perniagaan dan membangunkan segmen pasaran baru untuk memacu strategi pertumbuhan yang selari dengan matlamat Negara untuk menjadi peneraju penyedia penyelesaian kewangan, menyediakan perkhidmatan kewangan lengkap kepada pelanggan-pelanggan dengan pendekatan yang tersusun dan lancar.

POLLIE SIM

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Antarabangsa

Bertanggungjawab untuk menyusun, menerajui dan menggerakkan transformasi operasi luar negara Kumpulan yang meliputi 14 negara tidak termasuk Singapura dan Indonesia. Tanggungjawab utama pasukan kerjanya ini adalah untuk membina sinergi lebih besar dan mempercepatkan keuntungan francais Maybank di seluruh lanskap antarabangsa untuk pertumbuhan jangka panjang dan juga menjadikan Bank sebagai peneraju perkhidmatan kewangan serantau.

GEOFF STECYK

Ketua Pegawai Teknologi Kumpulan

Bertanggungjawab bagi mengarah dan memacu inisiatif teknologi Kumpulan untuk menyokong objektif strategi jangka panjang Kumpulan Maybank. Beliau menumpukan kepada penggunaan teknologi sebagai kelebihan daya saing untuk membina keupayaan strategik serantau yang berbeza untuk Kumpulan. Pasukan kerjanya memantau pembangunaan dan menggerakkan aplikasi teknologi dan infrastruktur dikesemua unit perniagaan dan negara di mana Kumpulan Maybank beroperasi. Tanggungjawab teras pasukan kerjanya termasuk menyempurnakan pelaksanaan projek, penyelesaian arkitektur dan sistem rekaan, pembangunan kod dan ujian dan juga perkhidmatan sokongan operasi. Tanggungjawab lain termasuk definisi piawaian teknologi dan rangka kerja, pentadbiran prinsip arkitektur Kumpulan dan memastikan pematuhan penyelesaian teknologi Kumpulan dengan standard keselamatan kebangsaan dan antarabangsa.

TASWIN ZAKARIA

Presiden Direktor Bank Internasional Indonesia

Bertanggungjawab bagi keseluruhan prestasi perniagaan dan pertumbuhan BII. Pasukan kerjanya memantau perjalanan operasi BII, yang bukan hanya termasuk perkhidmatan perbankan seperti perbankan runcit, perniagaan dan global tetapi juga semua aspek-aspek lain termasuk pengurusan risiko, pembiayaan, modal insan, operasi dan IT, undang-undang dan pematuhan. Beliau juga bertanggungjawab untuk memanfaatkan kekuatan Kumpulan Maybank dalam menerokai peluang meluaskan pasaran dan pada masa sama mengukuhkan operasi Kumpulan di Indonesia.

JEROME HON

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan

Bertanggungjawab memantau keseluruhan infrastruktur operasi dalaman bagi memastikan integrasi dan kecekapan perkhidmatan. Pasukan kerjanya terdiri daripada Terminal Bayaran dan Khidmat Layan Diri, Pusat Operasi Perdagangan, Pejabat Transformasi & Pengurusan Projek, Sistem Pengurusan Kolateral Kumpulan, Pentadbiran Kredit, Operasi Perbendaharaan dan Hartanah, Sekuriti & Penilaian. Tanggungjawab teras pasukan kerjanya termasuk membangunkan dan meningkatkan pemprosesan untuk menyokong semua transaksi perbankan dan memastikan operasi harian berfungsi dengan lancar.

Pengurusan Kualiti Perkhidmatan Kumpulan

Pengurusan Kualiti Perkhidmatan Kumpulan Maybank (GSQM) telah meluaskan tumpuannya daripada Kualiti Perkhidmatan kepada Pengalaman Pelanggan. Menerusi asas perkhidmatan yang kukuh, kami berusaha untuk meningkatkan kualiti interaksi kami dengan pelanggan selain memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan demi kepentingan bersama serta memacu pembangunan yang komprehensif. Kami berhasrat untuk memupuk dan mengukuhkan hubungan yang berteraskan kesetiaan melalui interaksi perbankan yang positif. Ini sejajar dengan aspirasi kami menjadi organisasi yang berpaksikan pelanggan.

GSQM telah diperkenalkan pada tahun 2010 berlandaskan misi untuk menjadi pusat khidmat pelanggan sekaligus membaikpulih perkhidmatan dengan merangka pelbagai inisiatif berkaitan khidmat pelanggan yang dijalankan oleh Kumpulan Maybank. Inisiatif ini tertakluk dalam menifesto perkhidmatan Maybank, iaitu "Berkhidmat dengan Ikhlas". Sehubungan ini, Maybank berjanji untuk memberi perkhidmatan berdasarkan nilai-nilai yang tertera dalam "HEART" (Humanity, Efficiency, Appreciation, Respect and Trust).

Dari tahun 2010 hingga 2014, GSQM menerajui pelbagai inisiatif transformasi, projek dan kempen yang bermatlamat untuk mengekalkan konsistensi dan melaksanakan perjanjian jenama Maybank terhadap pelanggan dengan memastikan strategi perkhidmatan berjalan lancar dan kecemerlangan operasi ditingkatkan.

Bidang tumpuan utama GSQM termasuklah pengurusan aduan, pengetahuan produk, penganalisaan pendapat pelanggan dan pemerhatian terhadap masa menunggu di setiap cawangan Maybank.

Pengurusan Kualiti Perkhidmatan Kumpulan

ULASAN 2014

MAKLUM BALAS PELANGGAN

Maklum balas diperolehi daripada Pendapat Pelanggan sepanjang tahun memerlukan peningkatan pengetahuan tentang produk kami dan perlunya tumpuan kepada pelanggan di pelbagai segmen konsumer. Langkah transformasi kami turut memerlukan pengenalan terhadap rangka kerja pengendalian aduan serantau dan perlunya untuk meningkatkan proses pengurusan yang diamalkan ketika ini.

PENGENDALIAN ADUAN

Pendapat pengguna dari pelbagai kaji selidik di tahun-tahun yang terdahulu menunjukkan bahawa satu daripada masalah utama yang kami hadapi adalah pengurusan aduan kami. Walaupun kami telah mengatasi masalah dalam perkara ini, kami masih meneruskan pelaburan terhadap rangka kerja pengendalian aduan ini. Aduan yang diterima bukan hanya dilihat sebagai ruang untuk memulihkan perkhidmatan, tetapi juga peluang untuk mendapatkan pandangan berharga daripada pelanggan bagi membantu untuk membentuk produk baru dan inovatif yang sinonim dengan jenama Maybank.

Pada 2014, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) mengumumkan keputusan Indeks Kepuasan Pengguna (CSI) di kalangan 9 buah bank yang menjadi ahli Persatuan Bank-Bank Di Malaysia (ABM). Jumlah aduan yang dikemukakan oleh pelanggan berkurangan daripada 25% pada 2012 kepada 18% pada 2013 dengan 48% responden menyatakan bahawa aduan mereka telah dikendalikan dengan baik. Ini membuktikan komitmen kami untuk menangani kebimbangan pelanggan dan memberikan mereka jaminan bahawa kami akan sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan mereka.

PENGETAHUAN PRODUK

Kakitangan Maybank di setiap peringkat patuh dengan misi Kumpulan untuk menginsankan perkhidmatan kewangan. Langkah-langkah proaktif diambil untuk melengkapkan kakitangan dengan kemahiran yang diperlukan untuk melibatkan diri secara proaktif dengan pelanggan dan menyediakan penyelesaian kewangan yang sewajarnya bagi memenuhi keperluan dan keutamaan mereka.

Skrip panduan dan peringatan visual disediakan bagi mengingatkan kakitangan supaya menggunapakai pendekatan 'Jangan Berkata Tidak' kepada semua pelanggan di dalam dan luar Bank. Tekanan suara dan lenggok tubuh membantu untuk membina keyakinan dan kesetiaan pelanggan terhadap jenama Maybank. Langkah ini dilengkapkan lagi dengan memberi penekanan terhadap mendapatkan dan mengekalkan pengetahuan produk menerusi penilaian setiap suku tahunan. Penyertaan aktif lebih daripada 22,000 kakitangan barisan hadapan dan sokongan dalam penilaian pada 2014 menyaksikan pemulihan 2% berbanding keputusan yang diperolehi dalam tahun sebelumnya. Dalam kaji selidik yang dijalankan baru-baru ini, lebih daripada 50% kepimpinan di cawangan merasakan bahawa penilaian ini telah menyumbang kepada peningkatan dalam penyelesaian masalah, penglibatan pelanggan dan jualan di cawangan.

BENGKEL MELATIH PELATIH

Di Maybank, kami percaya bahawa kakitangan kami merupakan aset kami yang terbesar. Kami komited untuk membangunkan dan mengekalkan pendekatan perkhidmatan yang menjadi contoh di setiap barisan hadapan kami. Hampir 600 Duta Perkhidmatan kami telah menghadiri bengkel Melatih Pelatih yang diadakan di seluruh negara untuk membantu mereka mengenalpasti dan mengamalkan pendekatan dan etika perkhidmatan yang menjadi contoh di setiap pusat perkhidmatan. Testimoni kakitangan yang direkodkan selepas bengkel ini termasuk menyemarakkan semangat bekerjasama dalam kumpulan, meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan meningkatkan tahap keyakinan untuk memberikan pengalaman pelanggan yang terbaik.

PEMULIHAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Peningkatan merupakan satu daripada Nilai Teras yang diterapkan dalam diri semua kakitangan Maybank. Kami percaya tentang perlunya sentiasa meningkatkan keupayaan bagi memastikan pelanggan selesa dan yakin. Baru-baru ini kami telah melibatkan pakar dalam industri untuk menambahbaik cara kami berurusan ketika ini. Hasilnya, pengalaman pelanggan tahap tertinggi telah dicapai untuk segmen yang terpilih dengan pelaksanaan 22 kaedah terbaik paling cepat. Sebanyak 14 daripada kaedah ini dijadual untuk diselesaikan pada awal 2015 untuk mempercepatkan langkah transformasi Pengalaman Pelanggan kami.

HALA TUJU 2015

Pada 2015, Pengurusan Kualiti Perkhidmatan Kumpulan (GSQM) menyusun semula kedudukannya sebagai Pengurusan Pengalaman Pelanggan Kumpulan (GCEM) untuk mengukuhkan kedudukan kami sebagai organisasi yang amat mementingkan pelanggan. GCEM memainkan peranan penting dalam memacu tema kami iaitu 'Melaksanakan Visi' syarikat. Kami membantu untuk sentiasa mendorong pengalaman paling baik buat semua pelanggan yang melibatkan jenama Maybank. Kami bertujuan untuk membawa mereka kepada penyatuan jenama menerusi pelbagai kempen dan inisiatif yang mengutamakan pengguna untuk tahun yang akan datang. Kami menguatkan tumpuan strategi kami terhadap transformasi kakitangan, kaedah-kaedah pemprosesan dan dasar-dasar kami. Ini akan memastikan bahawa kami sentiasa selari dengan keperluan pengguna, dan memberikan perkhidmatan yang pantas dan mengurangkan kos operasi. Tumpuan kami pada 2015 termasuk menetapkan piawaian bagi standard perkhidmatan dan meningkatkan rangka kerja di seluruh pasaran utama kami untuk terus mengukuhkan kehadiran serantau kami.

Kami berusaha membuka mata masyarakat untuk mengenalpasti peluang-peluang yang lebih baik...

Karya mengenai operasi harian di kilang tembikar yang telah meningkatkan pendapatan penduduk dan menyumbang kepada kestabilan ekonomi
oleh **Nguyen Thanh Hai**
Anugerah Fotografi Maybank 2013
Fotografi Jalanan

Wajah-wajah di Perarakan Chingay yang meraikan Tahun Baru Cina. Setiap tahun, bakat-bakat seni persembahan antarabangsa diundang untuk memeriahkan sambutan.
oleh **Wong Chek Poh**
Anugerah Fotografi Maybank 2013
Fotografi Portret

...kerana kami sedar bahawa perkembangan masyarakat akan menentukan pertumbuhan bangsa.

STRATEGI & KEMAMPANAN

Strategi	**36**
Peluang-peluang di ASEAN	**39**
Indeks Prestasi Utama	**42**
Nilai Teras & Jenama Maybank	**44**
Kod Etika & Perilaku	**45**
Kemampanan di Maybank	**46**

KEPIMPINAN & KAKITANGAN

Lembaga Pengarah	**48**
Profil Lembaga Pengarah	**50**
Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan	**57**
Jawatankuasa Syariah Kumpulan	**64**
Modal Insan Kumpulan	**66**

DIECUT

MEMPERKUKUHKAN CITA-CITA SERANTAU

1990

Maybank menubuhkan bank luar pesisir di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan

2000

Maybank menjadi bank Malaysia pertama membuka cawangan di Shanghai, PRC

Peserta Unduk Ngadau, Cynthia Kong Sue Mei, 24 tahun mencuba pakaian tradisional Dusun Tindal di butik pakaian traditional di Kota Kinabalu, Sabah. Unduk Ngadau merupakan pertandingan ratu cantik yang menjadi satu daripada acara utama Pesta Menuai Sabah.
oleh **Ruslan bin Lusi**
Anugerah Fotografi Maybank 2013
Fotografi Media

2010

Melancarkan TradeConnex untuk menawarkan produk konvensional lengkap bagi pembiayaan perdagangan dalam talian

2011

Maybank menjadi bank Malaysia pertama menawarkan kemudahan pinjaman gadai janji dalam ringgit bagi hartanah di London

2012

Maybank memeterai perjanjian dengan 4 bank dari Myanmar untuk memperkenalkan perkhidmatan penghantaran wang Maybank Money Express ke negara berkenaan

Strategi

MICHAEL FOONG

Ketua Pegawai Strategi Kumpulan
Pejabat Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

2014 KEUTAMAAN STRATEGIK

Pada 2014, kami telah berjaya menunjukkan prestasi yang konsisten menerusi tumpuan khusus kepada bidang pertumbuhan, menambahbaik produktiviti dan meningkatkan pengurusan kos. Semua ini, bersama dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif utama yang lain, telah memantapkan lagi asas Kumpulan yang kukuh untuk meraih peluang-peluang perniagaan pada 2015 dan tahun-tahun berikutnya.

1 2 3 4

REGIONALISASI

- Visi kami menjadi peneraju perkhidmatan serantau memerlukan kami untuk terus mengukuhkan dan mengembangkan kehadiran strategik kami di peringkat serantau.
- Pada 2014, bilangan cawangan kami di Filipina, Kemboja dan Wilayah Besar China semakin berkembang. Dengan memanfaatkan kemahiran insurans Kumpulan, operasi insurans serantau kami dikembangkan dengan pelancaran Etiqa di Singapura. Kami juga merupakan satu-satunya bank Malaysia yang diberikan lesen perbankan asing di Myanmar.

PRODUKTIVITI & KECEKAPAN

- Kakitangan dan budaya korporat kami kekal menjadi bidang tumpuan utama ketika kami meneruskan kecekapan kakitangan dan kumpulan kerja menerusi Program Produktiviti Kumpulan dan usaha-usaha untuk meningkatkannya.
- Pada 2014, Struktur Kumpulan yang disemak semula dilaksanakan, manakala di luar operasi, kami diiktiraf sebagai Syarikat Berprestasi Tinggi di Dunia[1] & Majikan Graduan No.1 di Malaysia[2].

PORTFOLIO PERNIAGAAN

- Ketika kami mengembangkan perniagaan serantau secara strategik, kami terus mengenalpasti peluang-peluang yang sedia ada untuk mengoptimumkan dan memudahkan portfolio perniagaan.
- Pada 2014, dasar 'Mendahulukan Islam' telah memberi kesan dari segi peningkatan sumbangan pembiayaan Islam kepada jumlah portfolio pinjaman. Selain itu, kami juga menjadi bank pertama yang memperkenalkan Pembiayaan Perdagangan dalam nilai ringgit di China.

HASIL

- Dengan pengenalan keperluan modal baru mudah tunai oleh pihak penguatkuasa, kami telah meningkatkan tumpuan terhadap pengurusan modal dan mudah tunai untuk menyokong keuntungan keseluruhan.
- Pada 2014, usaha dipertingkatkan untuk memperolehi aset berkualiti tinggi, menginstitusikan tahap harga berdasarkan risiko dan mengekalkan pertumbuhan pendapatan bukan faedah.

Keupayaan Kumpulan untuk berjaya mencapai Keutamaan Strategik seperti yang ditetapkan, telah diimbangi dengan pengurusan risiko, kunci kira-kira dan modal yang mantap.

Pengurusan Risiko, m/s. 188 *Semakan Kewangan Kumpulan, m/s. 86* *Pengurusan Modal, m/s. 94*

[1] Budaya Syarikat Berprestasi Tinggi Towers Watson Global
[2] 2014 Anugerah 100 Majikan Graduan Peneraju di Malaysia

Strategi

Pada 2014, kami terus memberi tumpuan untuk merealisasikan keutamaan strategik dengan memanfaatkan bidang pertumbuhan dalam segmen perniagaan utama dan menguruskan kos keseluruhan. Dalam melaksanakan tindakan ini, kami telah mencapai kemajuan yang mantap dalam melaksanakan aspirasi tahun 2015. Dengan sokongan Struktur Kumpulan yang disemak semula, kami berada pada kedudukan yang baik untuk terus meneroka peluang-peluang perniagaan serantau pada 2015 dan selanjutnya, serta merealisasikan visi kami untuk menjadi Kumpulan peneraju perkhidmatan kewangan serantau.

VISI KAMI

menjadi peneraju perkhidmatan kewangan serantau

dengan merealisasikan potensi sebenar di seluruh Pasaran Utama kami dan di luar lingkungannya

- Akar umbi kami di ASEAN dan pengembangan di Asian menyediakan kedudukan kukuh untuk mengenalpasti dan meraih peluang perniagaan serantau.
- Produk dan perkhidmatan kewangan kami yang lengkap serta rekod perkhidmatan lebih 54 tahun menjadikan kami rakan perniagaan buat pelanggan-pelanggan kami di seluruh dunia.

MISI KAMI

menginsankan perkhidmatan kewangan

mendorong dan menetapkan kemahuan kami untuk mengukuhkan perhubungan dengan komuniti di mana kami beroperasi

- Kami menumpukan kepada usaha untuk menyediakan laluan kewangan yang selesa.
- Kami sentiasa berazam untuk menawarkan kesaksamaan terma dan harga.
- Kami memberi nasihat kepada pelanggan berdasarkan kepada keperluan mereka.
- Kami amat berbangga dapat sentiasa berada di hati setiap komuniti.

TUMPUAN KAMI

terus memberikan nilai pemegang saham yang mampan

dengan memanfaatkan budaya prestasi tinggi dan Struktur Kumpulan yang disemak semula

- Kami telah memulakan jejak transformasi sejak 2008 untuk memberikan kecekapan, produktiviti dan sinergi yang lebih luas bagi meningkatkan prestasi perniagaan.
- Kami berusaha untuk sentiasa berada di atas dalam persaingan bagi menghasilkan nilai pemegang saham yang mampan.
- Kami mempunyai rekod prestasi yang baik dalam inovasi dan juga sebagai organisasi berprestasi tinggi.

Strategi

2015 MATLAMAT STATEGIK

MELAKSANAKAN STRATEGI KAMI

Kami terus mencatatkan kemajuan dalam mencapai 5 matlamat strategik yang menjadi panduan bagi strategi kami.

5 Matlamat Strategik	Penyedia Perkhidmatan Kewangan Runcit No.1 menjelang 2015 yang tiada tandingan di Malaysia	Bank pemborong ASEAN terkemuka yang seterusnya mengembangkan operasi ke Timur Tengah, China dan India	Peneraju Insurans dan Takaful di Malaysia yang tiada tandingan & peserta serantau sedang muncul	Organisasi serantau sebentar dengan ~40% keuntungan sebelum cukai dijana daripada operasi antarabangsa menjelang 2015	Peneraju global dalam Pembiayaan Islam
Pencapaian 2014	• Bank runcit di Malaysia yang meraih keuntungan paling tinggi di Malaysia dengan Keuntungan Sebelum Cukai sebanyak RM4.3 bilion. • Mencatat prestasi lebih baik dari industri dengan pertumbuhan pesat pembiayaan (+11%) dan deposit (+7.9%). • Kami menduduki sekurang-kurangnya dua tempat teratas dalam penguasaan pasaran bagi semua produk utama.	• Kami mengekalkan kedudukan peneraju dalam pasaran tempatan bagi pembiayaan korporat, deposit bukan runcit dan pembiayaan perdagangan. • Kami meningkatkan kedudukan dalam liga serantau bagi perbankan pelaburan: › #1 dalam Pasaran Modal Ekuiti di ASEAN › #2 dalam Bon Domestik di ASEAN › #3 dalam Bon Islam Global › #3 dalam Pinjaman Bersindiket di ASEAN[1]	• Kami mengekalkan kedudukan paling atas dalam Takaful dengan penguasaan pasaran sebanyak 47.3% bagi Takaful Am dan 20.5% bagi Takaful Keluarga. • Kami mengekalkan kedudukan paling atas dalam Bankasurans dengan penguasaan pasaran 16.8% bagi Jumlah Premium Perniagaan Baru untuk Insurans Hayat. • Kami melancarkan Etiqa Insurance Pte Ltd di Singapura dan ketika ini kami menawarkan produk Insurans Hayat Etiqa menerusi cawangan Maybank Singapura.	• Kami memiliki perniagaan antarabangsa yang merangkumi 30.3%[2] daripada jumlah Keuntungan Sebelum Cukai Kumpulan. • Kami menjadi satu-satunya bank ASEAN yang memiliki operasi di kesemua 10 buah negara ASEAN dan turut mengembangkan kehadiran di China. Kami menjadi bank ASEAN pertama yang menubuhkan cawangan di Kunming, China dan satu-satu bank dari Malaysia yang mendapat lesen perbankan asing di Myanmar.	• Kami merupakan bank Islam ketiga terbesar di dunia dan terbesar di ASEAN.[3] • Kami mencapai Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkumpul (CAGR) 5-tahun sebanyak 31% bagi aset jauh melebihi pencapaian CAGR industri Islam dunia sebanyak 11%.[4] • Kami merupakan peneraju penyedia perkhidmatan kewangan sejagat yang diiktiraf di luar negara oleh The Banker dan The Asset Triple A.
Tumpuan Hala Tuju Masa Hadapan	• Mendalamkan susun atur segmen dan merungkai nilai daripada inisiatif Kecemerlangan Operasi. • Menggunakan strategi digital untuk menempah kedudukan sebagai peneraju. *Perkhidmatan Kewangan Komuniti, m/s. 116*	• Model liputan yang diperhalusi untuk mendalamkan perhubungan dan mencipta nilai tambah bagi perniagaan. • Menajamkan keupayaan penerokaan serantau untuk mendorong pertumbuhan pendapatan. *Perbankan Global, m/s. 122*	• Produk berkaitan pelaburan, persaraan dan endowmen. • Meneruskan pengembangan serantau dengan memanfaatkan operasi Kumpulan. *Insurans & Takaful, m/s. 144*	• Meningkatkan produktiviti dan keuntungan sambil memantapkan penglibatan serantau. • Memanfaatkan keupayaan serantau dan rangkaian global yang luas untuk meraih aliran rentas sempadan. • Mempercepatkan pertumbuhan pendapatan fi dan pulangan atas modal. *Operasi Luar Negara, m/s. 134*	• Mengembangkan kedudukan teratas sebagai institusi kewangan Islam inovatif yang menyediakan penyelesaian yang mengutamakan pelanggan. • Menetapkan kedudukan sebagai pusat rujukan global mengenai pengetahuan syariah dan amalan terbaik menerusi Pusat Kecemerlangan Syariah. *Perbankan Islam, m/s. 150*

Nota :
1. Sumber: Bookrunner
2. Pasca pelarasan BII yang tidak memasukkan peruntukan yang dibuat bagi dua akaun besar korporat. Keuntungan Sebelum Cukai normal BII bagi TK2014 adalah sebanyak IDR1,690 bilion
3. Sumber: The Banker, terbitan November 2014
4. Sumber: The Banker (Global CAGR)

Peluang-peluang di ASEAN

Merealisasikan potensi pertumbuhan jangka panjang

Sebagai kumpulan perkhidmatan kewangan serantau ASEAN, Maybank berada pada kedudukan yang baik untuk mendapat manfaat daripada pertumbuhan jangka panjang Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) pada 2015.

Kehadiran kami di kesemua 10 negara ASEAN meletakkan kami pada kedudukan yang kukuh bagi menyokong dan mendapat manfaat daripada setiap pertumbuhan ASEAN selagi kami menyediakan penyelesaian inovatif buat pelanggan. Melakukan perniagaan di ASEAN merupakan kekuatan kami memandangkan kami memiliki warisan, bakat dan hubungan untuk meraih peluang-peluang pasaran. Kami menyenaraikan beberapa sebab yang membuatkan kami amat ternanti-nantikan peluang pertumbuhan di ASEAN.

"Three Paths to Prosperity" oleh McKinsey

Institut Global McKinsey Global (MGI) mencadangkan tiga potensi yang memacu pulangan bagi syarikat-syarikat ASEAN, kerajaan dan para pelabur: iaitu globalisasi, urbanisasi dan penggunaan teknologi pemusnah. Setiap daripadanya telah digunakan, tetapi boleh terus menambahkan pertumbuhan dengan ketara.

"Three Paths to Prosperity for South East Asia" oleh MGI



Sumber: Laporan MGI November 2014: "South East Asia at the crossroads: Three Paths to Prosperity."

Titik Infleksi Perbelanjaan Modal

Perbelanjaan modal (capex) ASEAN sebagai sebahagian daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah dinaikkan secara berperingkat-peringkat, dan ini bermakna perbelanjaan modal akan memacu pertumbuhan. Terdapat potensi bagi perbelanjaan modal untuk meningkat kerana perdagangan bebas akan mengakibatkan pelaburan modal baru. Kitaran peningkatan perbelanjaan modal ASEAN sememangnya bercanggah dengan kitaran pengurangan perbelanjaan modal China.

Kitaran Perbelanjaan Modal ASEAN berbanding China



Sumber: CEIC, Maybank Kim Eng Research.

Peluang-peluang di ASEAN

Merealisasikan potensi pertumbuhan jangka panjang

Lembaran imbangan kurang berkeumpilan

Keupayaan untuk membiayai perbelanjaan modal bergantung kepada demografik dan lembaran imbangan yang kurang berkeumpilan. ASEAN adalah satu contoh, khususnya Indonesia, Filipina dan Vietnam. Kedua-dua kitaran perbelanjaan modal dan kredit ASEAN mempunyai kapasiti untuk meningkat.

Hutang berbanding KDKN mengikut sektor, 2013

%	Jumlah Hutang Sektor Swasta berbanding KDNK	Jumlah Hutang Kerajaan berbanding KDNK	Jumlah Hutang berbanding KDNK
Pasaran Negara Maju			
Jepun	168	243	411
AS	160	105	264
Zon Euro	164	93	257
China	168	49	217
Indonesia	55	22	77
India	68	67	135
Kemboja	54	n/a	n/a
Malaysia	170	53	223
Filipina	44	53	97
Singapura	129	105	234
Thailand	181	32	213
Vietnam	110	49	159

Sumber: "Deleveraging? What Deleveraging?," oleh Luigi Buttiglione, Philip R. Lane, Lucrezia Reichlin dan Vincent Reinhart, International Center for Monetary and Banking Studies, September 2014, CEIC, World Bank, Maybank Kim Eng Research

M&A sedang meningkat

Penggabungan & Pengambilalihan (M&A) semakin meningkat sejak beberapa tahun lalu menjelang pelancaran AEC. M&A didominasi khususnya oleh sektor bukan kitaran seperti sektor kewangan dan pengguna. Ketika segmen kewangan sedang berhadapan dengan semakan yang ketat oleh pihak berkuasa, segmen pengguna pula dijangka akan diberikan lebih tumpuan.

Sektor Pengguna dan Kewangan Mendominasi M&A Serantau



Sumber: Bloomberg, Maybank Kim Eng Research

Bahagian pelaburan langsung asing (FDI) dalam rantau sedang meningkat

Rajah ini menunjukkan purata bahagian pelaburan kepada pelaburan langsung asing (FDI) masih kekal di dalam rantau ASEAN. Dalam tahun-tahun terdahulu, terdapat peningkatan yang kukuh dan satu perlima daripada bahagian FDI ini kini adalah di kalangan ASEAN.

Trend Perkongsian Pelaburan FDI Intra-ASEAN



Sumber: ASEAN Secretarial, CEIC, Maybank Kim Eng Research

Keperluan infrastruktur yang semakin meningkat

Institut McKinsey Global (MGI) mengunjurkan sebanyak AS$7 trilion diperlukan di negara ekonomi ASEAN bagi keperluan infrastruktur antara 2014 hingga 2030. Memandangkan aliran urbanisasi dan demografi yang kukuh, perbelanjaan ini perlu wujud bagi mengelakkan pertumbuhan tergendala disebabkan oleh kekangan dalam infrastruktur.

Pelaburan Infrastruktur yang diperlukan dan Pelaburan Hartanah, AS$ trilion



Sumber: Analisis McKinsey Global Institute. diambil daripada "South East Asia at the crossroads: Three paths to prosperity" November 2014. Dikeluarkan semula dengan izin oleh Maybank Kim Eng Research

Peluang-peluang di ASEAN

Merealisasikan potensi pertumbuhan jangka panjang

Potensi untuk penglibatan kewangan yang tinggi

Tahap penglibatan kewangan masih rendah dalam banyak bahagian di ASEAN. Bagaimanapun, dengan perubahan profil simpanan, kemajuan dalam teknologi dan adaptasi perbankan mudah alih, penglibatan kewangan seharusnya meningkat. Potensi ini kelihatan besar di Vietnam, Kemboja, Indonesia, Laos, malahan di Filipina.

Akaun Bank Rasmi



Sumber: World Bank Financial Inclusion Data, Maybank Kim Eng Research

Peningkatan nisbah penyimpan utama

Nisbah Penyimpan ASEAN (berusia antara 40-60 daripada jumlah penduduk) dijangka terus meningkat. Bagi 2010-30E, aliran peningkatan nisbah Penyimpan Utama dan pertengahan usia di negara ASEAN mempunyai potensi untuk mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi dan prestasi pasaran kewangan.

Aliran Demografik di ASEAN



Sumber: Pangkalan Data Penduduk PBB, Maybank Kim Eng Research

Potensi peningkatan insurans yang ketara

Industri insurans masih kurang membangun di banyak negara ASEAN berbanding di negara maju di Utara Asia. Apabila teknologi dan pasaran diperkukuhkan, pembangunan produk-produk berbeza yang menggerakkan simpanan menunjukkan potensi masih wujud walaupun di pasaran ASEAN yang maju.

Penembusan Insurans sebagai % kepada KDNK



Sumber: Swiss Re Sigma No 3/2014. Data terpilih diterbitkan dengan kebenaran yang diberikan kepada Maybank Kim Eng Research

Perbankan Islam sedia untuk berkembang

Industri kewangan Islam ASEAN dijangka berkembang sekali ganda menjelang 2018, meningkat daripada AS$388 bilion ketika ini untuk mencecah AS$770 bilion menjelang 2018. Ketika ini, ASEAN merangkumi 19.4% daripada penguasaan pasaran global sebanyak AS$2 trilion dalam industri kewangan Islam dunia dan penguasaan global dijangka mencapai 26% menjelang 2018.

Industri Kewangan Islam ASEAN Bersaiz Besar

	Perbankan 1H 2014	Dana Akhir-2014	Takaful 1H 2014	Sukuk Akhir-2014	Jumlah (dalam AS$ bilion)
ASEAN	172.1	22.1	3.1	190.3	387.6
Asia	203.8	23.2	3.9	204.3	435.2
GCC	564.2	29.4	9.0	93.2	695.8

Sumber: KFH Research Limited dan Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia

Nota:
Maklumat oleh Maybank Kim Eng yang diambil daripada buku Big Ideas: The Charts of ASEAN. Maklumat mengenai Three Paths of Prosperity dan data mengenai infrastruktur negara ASEAN pula daripada Institut McKinsey Global (MGI). Maklumat insurans diperolehi daripada Swiss Re. Maklumat perbankan Islam diperoleh daripada KFH Research Limited dan Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia.

Petunjuk Prestasi Utama

Kami menjejaki prestasi berbanding pengukur **12 kunci utama** dan **matrik operasi**, untuk menilai kemajuan dalam pencapaian matlamat strategik kami dan mewujudkan nilai untuk pemegang saham.

2014 Petunjuk Utama

PULANGAN ATAS EKUITI (ROE)

Matlamat: Untuk memberikan pulangan yang munasabah dan pada masa sama menyeimbangi keperluan untuk mengekalkan asas modal yang selesa. ROE disifatkan sebagai keuntungan yang disumbangkan kepada pemegang saham berbanding purata ekuiti pemegang saham (yang terdiri daripada modal saham, pendapatan yang dikekalkan dan rizab-rizab lain) dalam tahun kewangan ini.

Pencapaian: Kami dapat mencapai sasaran yang disemak semula (berbanding sasaran awal sebanyak 15%) yang juga pulangan yang konsisten dengan mengekalkan keuntungan dalam persekitaran yang mencabar dan mengekalkan tahap modal yang selesa.

Sasaran Awal:
15.0%
Sasaran disemak semula:
13%-14%

Maklumat tambahan di m/s. 86



PERTUMBUHAN PEMBIAYAAN KUMPULAN

Matlamat: Untuk meningkatkan operasi pembiayaan di seluruh Kumpulan dengan pendekatan yang menguntungkan dan bertanggungjawab.

Pencapaian: Pembiayaan Kumpulan melepas sasaran sebanyak 13.0% yang didorong oleh kekukuhan pertumbuhan pembiayaan dari pasaran antarabangsa dan momentum pertumbuhan positif di Singapura dan Malaysia.

Sasaran 2014:
13.0%
Pencapaian:
13.4%

Maklumat tambahan di m/s. 91



PERTUMBUHAN PEMBIAYAAN DI MALAYSIA

Matlamat: Untuk menghasilkan pertumbuhan pembiayaan dalam pasaran domestik yang tinggi sedikit daripada pertumbuhan industri.

Pencapaian: Pertumbuhan pembiayaan domestik mencatatkan sebanyak 9% iaitu masih dalam sasaran disemak semula antara 9%-10% dan melepasi pertumbuhan industri sebanyak 8.7%.

Sasaran Awal:
12.0%
Sasaran disemak semula:
9%-10%
Pertumbuhan Industri:
8.7%

Maklumat tambahan di m/s. 91



NISBAH PEMBAYARAN DIVIDEN

Matlamat: Untuk menyediakan pulangan yang memuaskan untuk pemegang saham dengan kadar dasar dividen antara 40%-60%.

Pencapaian: Melepasi kadar dasar 40%-60% dan turut memberikan bayaran dividen yang tinggi berbanding tahun sebelumnya sambil mengekalkan Pelan Pelaburan Semula Dividen yang terus mengukuhkan asas modal Kumpulan.

Sasaran 2014:
40%-60%
Pencapaian:
78.5%

Maklumat tambahan di m/s. 93



PERTUMBUHAN DEPOSIT KUMPULAN

Matlamat: Untuk mengukuhkan pengambilan deposit di pasaran utama bagi membiayai pertumbuhan aset.

Pencapaian: Pertumbuhan deposit Kumpulan berada dalam lingkungan sasaran kerana kami berjaya menguruskan pertumbuhan di sebalik persekitaran yang mencabar.

Sasaran Awal:
13.0%
Sasaran disemak semula:
10%-12%

Maklumat tambahan di m/s. 92



PERTUMBUHAN PEMBIAYAAN DI SINGAPURA

Matlamat: Untuk menghasilkan pertumbuhan pembiayaan lebih tinggi daripada industri dengan memberi tumpuan terhadap segmen khusus dan peluang-peluang merentas sempatan.

Pencapaian: Pertumbuhan pembiayaan di Singapura melepasi sasaran, sebanyak 13.3% dan melebihi pertumbuhan pembiayaan dalam industri iaitu 5.9%, disokong oleh segmen pengguna dan komersial.

Sasaran 2014:
13.0%
Pencapaian:
13.3%
Pertumbuhan Industri:
5.9%*

** Purata pertumbuhan pinjaman industri merangkumi perniagaan unit pinjaman domestik.*

Maklumat tambahan di m/s. 91



Petunjuk Prestasi Utama

PERTUMBUHAN PEMBIAYAAN DI INDONESIA

Matlamat: Untuk mengembangkan pembiayaan ke paras yang sama atau lebih tinggi daripada industri.

Pencapaian: Pertumbuhan kurang daripada sasaran berikutan pembiayaan Perbankan Global yang menguncup sebanyak 22.2% akibat ia memberi tumpuan semula terhadap strategi dalam perbankan korporat. Pembiayaan Perbankan Konsumer, bagaimanapun berkembang pada kadar yang sewajarnya sebanyak 16.0%.

Sasaran Awal:
17%-20%
Sasaran disemak semula:
16%-17%
Pertumbuhan Industri:
11.4%



Maklumat tambahan di m/s. 91

JUMLAH NISBAH MODAL

Matlamat: Untuk mengekalkan asas modal yang kukuh dengan menggunapakai pengurusan modal yang berhemah supaya lebih tinggi daripada keperluan minimum pengawal selia Bank Negara Malaysia.

Pencapaian: Jumlah nisbah melebihi keperluan oleh pengawal selia sebanyak 8% yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Keperluan BNM:
8%



Maklumat tambahan di m/s. 92

Sasaran 2015

SUMBANGAN OPERASI ANTARABANGSA KEPADA KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (PBT) KUMPULAN

Matlamat: Untuk mengembangkan pendapatan yang dijana dari luar Malaysia selari dengan strategi regionalisasi kami.

Pencapaian: Sumbangan PBT Antarabangsa kurang sedikit berikutan sumbangan yang rendah daripada operasi Kumpulan di Indonesia. Dari segi asas* yang diselaras, sumbangan PBT Antarabangsa seharusnya sebanyak 30.3%.

Sasaran 2015:
40.0%
Pencapaian:
28.8%



** Tidak termasuk peruntukan yang dibuat untuk dua akaun korporat besar di Indonesia.*

Maklumat tambahan di m/s. 90

PEMBIAYAAN ISLAM BAGI PEMBIAYAAN DALAM NEGERI MAYBANK

Matlamat: Untuk meningkatkan pembiayaan Islam sebagai sebahagian daripada pinjaman domestik Maybank yang selaras dengan peranan Malaysia sebagai hab kewangan Islam.

Pencapaian: Kami menunjukkan peningkatan pada tahun 2015 dengan pembiayaan Islam meningkat sebanyak 25%, iaitu lebih pantas berbanding pinjaman domestik yang berada pada 9%.

Sasaran 2015:
33.0%
Pencapaian:
43.8%



Maklumat tambahan di m/s. 150

Petunjuk Bakat

MEREALISASIKAN PENGGANTIAN BAGI JAWATAN TUJUAN KRITIKAL

Matlamat: Mengukur keberkesanan dan ketepatan dalam Pengurusan Penggantian. Calon-calon yang berbakat akan melalui proses Pelan Penggantian di mana mereka akan diberi pendedahan untuk memastikan mereka melaksanakan Pelan apabila munculnya kekosongan Jawatan Tujuan Kritikal. Hasil daripada langkah-langkah yang dijalankan memastikan kami akan terus menumpukan perhatian dalam merealisasikan potensi bakat baharu untuk mengambil alih tugas-tugas penting dalam Kumpulan.

Pencapaian: Melepasi sasaran 60% yang ditetapkan dengan pencapaian sebanyak 70% pada tahun 2014. Jumlah yang direkodkan pada tahun ini juga telah melepasi prestasi 2013 yang berada pada 65% menunjukkan rangka kerja Pengurusan Bakat Kumpulan yang kukuh.

Sasaran 2014:
60.0%
Pencapaian:
70.0%



Maklumat tambahan di m/s. 69

WANITA DALAM KELOMPOK JAWATAN PENGGANTIAN KRITIKAL

Matlamat: Tumpuan kepada memacu kepelbagaian dalam pucuk kepimpinan telah terbukti memberi nilai kepada pemegang saham.

Pencapaian: Peratusan wanita yang berada pada kelompok jawatan Misi Kritikal telah meningkat dari 32.6% pada tahun 2013 kepada 35.1% pada tahun 2014. Dari segi angka sebenar, jumlah tersebut berganjak dari 168 individu pada tahun 2013 kepada 264 pada tahun 2014. Peningkatan ini adalah hasil dari inisiatif-inisiatif kepelbagaian.

Pencapaian:
35.1%

Maklumat tambahan di m/s. 75

Nilai Teras & Jenama Maybank

NILAI TERAS

Nilai T.I.G.E.R. mentakrifkan kepercayaan dan pendirian kami. Ia merupakan prinsip yang menjadi pembimbing kepada kami di dalam situasi yang tidak terdapat di dalam buku peraturan.

KERJA BERPASUKAN

Kami bekerja bersama-sama sebagai satu pasukan berdasarkan sikap saling menghormati dan penuh keikhlasan

INTEGRITI

Kami jujur, profesional dan beretika dalam segala urusan

KEMAJUAN

Kami bersemangat dalam memastikan peningkatan dan inovasi yang berterusan

KECEMERLANGAN & KEBERKESANAN

Kami komited dalam mencapai prestasi terbaik serta menawarkan perkhidmatan cemerlang

MENJALIN PERHUBUNGAN

Kami terus menjalinkan perhubungan jangka panjang yang menguntungkan

JENAMA MAYBANK

Maybank bersemangat untuk sentiasa menambahbaik dan berinovasi. Ini juga merupakan penyebab mengapa kami berusaha untuk menjadi perintis produk dan perkhidmatan serta berkhidmat kepada pelanggan untuk memenuhi keperluan mereka, menyediakan cara hidup yang lebih baik dan menyediakan mereka untuk masa hadapan yang lebih baik.

Walaupun perniagaan kami kompleks, kami telah menerima pakai pendekatan yang fleksibel untuk menyelesaikan masalah tetapi masih dalam skop peraturan yang ditetapkan. Kami teguh dalam menghormati komitmen kami kerana kami tahu bahawa kepercayaan dengan pihak berkepentingan itu boleh dibina dengan menepati janji yang diberi kepada mereka.

Rangkaian produk dan perkhidmatan kami melambangkan kepercayaan kami untuk melakukan perkara yang betul. Kami menasihati pelanggan kami berdasarkan kepentingan yang terbaik buat mereka. Ini adalah sebab mengapa kami melangkah jauh untuk berkhidmat kepada pelanggan kami. Kami mempercayai bahawa pelanggan kami menerima perkhidmatan yang terbaik kerana komitmen dan dedikasi kakitangan kami.

Kami ingin menjalinkan hubungan yang kukuh dan menguntungkan buat kedua-dua pihak untuk mencapai hubungan yang mampan. Ini mungkin bermaksud memberi pertolongan kepada pelanggan memulakan perniagaan dengan membuka gerai makan pertama sehinggalah menolong mereka berkembang hingga ke luar negara. Kami sentiasa akan menyokong pelanggan kami melalui detik-detik sukar atau senang, untuk memastikan bahawa mereka mempunyai peluang untuk berkembang.

Kami amat berbangga dapat memenangi hati dan kepercayaan pelanggan kami. Kami akan terus komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik buat pelanggan kami.

Dengan meletakkan kepentingan buat pelanggan setiap hari, kami Mengisankan Perkhidmatan Kewangan.

Nilai Jenama Maybank
(AS$ billion)

2.2

Sumber: 2015 BrandFinance® Banking 500 League Table Results.

Brand Finance
TOP 100
BANKING
BRAND 2015

BrandFinance®:
100 Jenama Perbankan Terbaik 2015

WORLD BRANDING AWARDS
BRAND OF THE YEAR
BANKING – MALAYSIA
2014 – 2015

Anugerah Jenama Dunia:
Jenama Terbaik Tahunan

PUTRA
BRAND AWARDS
THE PEOPLE'S CHOICE
GOLD

Anugerah Putra:
Emas

Kod Etika & Perilaku

Maybank sebagai pemegang amanah dana awam, bertanggungjawab menjaga integriti dan kredibilitinya.
Berdasarkan fahaman ini, Maybank telah menetapkan secara jelas Kod Etika dan perilaku untuk kakitangannya. Kod ini menggariskan prinsip yang jelas bagi memberi panduan kepada semua kakitangan Maybank dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Ia menetapkan piawaian amalan perbankan yang baik.

TUJUAN KOD INI ADALAH UNTUK:

1. Menjaga nama baik Maybank dan mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap Kumpulan Maybank.
2. Mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap keselamatan dan integriti sistem perbankan.
3. Mengekalkan hubungan yang adil dan saksama antara Kumpulan Maybank dengan pelanggannya.
4. Menjaga integriti diri dan profesionalisme kakitangan Kumpulan Maybank.

KOD TERSEBUT MELARANG KAKITANGAN DARIPADA:

1. Melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti perniagaan yang bersaing atau berkonflik dengan kepentingan Bank.
2. Menyalah guna atau menyelewengkan kedudukan mereka di dalam Bank bagi mengambil peluang untuk faedah diri sendiri atau faedah individu lain.
3. Menyalah gunakan maklumat. Kakitangan tidak seharusnya meniru, mengeluarkan atau menggunakan sebarang maklumat yang diperolehi sepanjang menjalankan tugas sama ada untuk faedah mereka sendiri atau orang lain secara langsung atau tidak langsung.

SEBAGAI TAMBAHAN, KAKITANGAN SEHARUSNYA:

1. Memastikan integriti dan ketepatan rekod serta urus niaga.
2. Memastikan layanan yang adil dan saksama dalam setiap urusan perniagaan yang dijalankan atas nama Bank.
3. Mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi dalam hubungan dengan pelanggan.
4. Menjaga hubungan dan urusan sulit antara bank dengan pelanggannya. Walau bagaimanapun, maklumat sulit tentang pelanggan boleh diberi atau disediakan kepada pihak ketiga hanya setelah menerima persetujuan bertulis daripada pelanggan atau apabila pendedahan ini dibenarkan di bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan, 1989.
5. Menguruskan urusan kewangan mereka dengan baik dan tidak mendedahkan diri mereka dengan sebarang masalah kewangan yang memalukan.
6. Menghormati dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan operasi Bank.

Kemampanan di Maybank

Kemajuan kemampanan kami selari dengan misi untuk menginsankan perkhidmatan kewangan. Pada tahun 2014, Pelan Kemampanan 20/20 yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah berkuat kuasa dengan objektif untuk melaksanakan pendekatan berdasarkan impak yang menumpukan perhatian kepada isu berkaitan alam sekitar, sosial dan juga tadbir urus (ESG).

Melalui Pelan Kemampanan 20/20, kami mensasar untuk menyelaraskan kemajuan kemampanan dengan strategi korporat kami untuk mencapai pertumbuhan yang menyeluruh buat kesemua pihak-pihak berkepentingan. Kami ingin mencipta nilai yang bermakna dan dihargai dalam semua aspek, sama ada di tempat kerja, pasaran, alam sekitar dan juga komuniti melalui langkah-langkah yang memberi impak kepada masyarakat global tapi masih releven di peringkat tempatan. Pencapaian matlamat dan juga nilai yang telah direalisasikan telah menyumbang kepada daya saing perniagaan dan amat penting untuk mengekalkan kedudukan kami untuk beroperasi.

Pendekatan Berdasarkan Impak

Pelan Kemampanan 20/20 bukan sahaja menentukan bidang tumpuan kami malah ia menguruskan sasaran kami dan menentukan isu-isu yang kami hadapi serta menjadi panduan kepada kami dalam memenuhi kehendak pihak-pihak berkepentingan. Melangkah kehadapan dengan pendekatan berdasarkan impak dalam amalan kemampanan, kami berupaya mengesan kemajuan kami, serta dapat memahami dengan lebih baik tentang hubung kait isu kemampanan dan bagaimana tindakan bersepadu yang melibatkan pihak berkepentingan dapat memberi impak kepada pelbagai bidang.

Pelan Kemampanan 20/20

Komuniti dan Kewarganegaraan

Untuk memberi nilai jangka panjang buat komuniti dan persekitaran dengan menjadi warganegara korporat yang banyak memberi impak.

Kakitangan

Untuk membina tempat kerja dengan penglibatan penuh dan terangkum bagi membantu kami berhubung dengan pelanggan serta membuat keputusan perniagaan yang lebih baik.

Akses kepada Produk dan Perkhidmatan

Kami merancang untuk mengintegrasikan pertimbangan ESG ke dalam produk dan perkhidmatan kami menjelang tahun 2020 untuk mengamalkan pembiayaan yang lebih bertanggungjawab, menggalakkan rangkuman kewangan dan menolong para pelanggan kami membina keupayaan kewangan.

Tiga tunggak utama ini bertindak sebagai kayu pengukur dalam mencapai matlamat kami dan juga menjadi penggerak utama untuk bergerak kehadapan dengan sepuluh komitmen yang kami jejaki pada tahun 2015. Komitmen-komitmen tersebut akan dilaksanakan dalam jabatan yang berlainan untuk mempromosikan fokus kemampanan Maybank yang merangkumi tunggak-tunggak utama tersebut.

Kemampanan di Maybank

GAMBARAN KESELURUHAN

Komuniti dan Kewarganegaraan

Melabur untuk memberi impak

Melalui Kumpulan dan Yayasan Maybank, kami melabur dalam program kemampanan untuk memperoleh nilai sosial dan merealisasikan hasil yang ketara pada jangka panjang dalam bidang berikut:

pendidikan

memperkasakan masyarakat

kesenian dan kebudayaan

hidup sihat

alam sekitar & kepelbagaian biologi

bantuan bencana

Masyarakat

Penglibatan kakitangan

Membina penglibatan tenaga kerja dengan meletakkan platform penglibatan kakitangan.

Pembelajaran dan pembangunan

Membina kakitangan berprestasi tinggi dengan meningkatkan kemahiran mereka.

Bakat dan kepimpinan

Memupuk bakat dengan menyediakan sokongan yang perlu untuk pertumbuhan dan juga peluang-peluang untuk menggalakkan kecemerlangan di dalam organisasi ini.

Kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan

Membina tenaga kerja yang sihat dan bahagia dengan menggalakkan keseimbangan di antara kerja dan kehidupan, selain juga kesejahteraan fizikal dan emosi para pekerja.

Tempat kerja yang pelbagai dan inklusif

Mengekalkan tenaga kerja inklusif yang menerima kepelbagaian kaum dan jantina.

Akses kepada Produk dan Perkhidmatan

Tanggungjawab kepada alam sekitar

Menguruskan penglibatan ekologi dengan mempertimbangkan impak secara langsung dan tidak langsung ke atas alam sekitar selari dengan pertumbuhan serantau kami.

Tumpuan terhadap pelanggan

Fokus dalam membina hubungan yang rapat dengan pelanggan dan meningkatkan keupayaan kewangan komuniti dengan memberi akses kepada penyelesaian yang efektif dan berpatutan.

Pendigitalan

Memanfaatkan pendigitalan yang meningkatkan mutu kehidupan untuk mengurangkan jurang di antara kami dan para pelanggan.

Pengawasan produk

Meneraju amalan pertumbuhan dan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab untuk memenuhi komitmen kemampanan kami.

PEMANTAUAN IMPAK

Perlaksanaan Pelan Kemampanan 20/20 Maybank dijangka mengambil masa selama lima tahun dan kami akan bersungguh-sungguh dalam melaporkan kemajuan kami dalam Laporan Kemampanan tahunan kami. Laporan kami juga telah berkembang – dengan Laporan Kemampanan Maybank 2013 amat signifikan kerana laporan dibuat mengikut garis panduan Inisiatif Laporan Global (GRI) G4, Garis Panduan Laporan Kemampanan dan ia juga merupakan laporan kemampanan G4 kami yang pertama.

Pembangunan keupayaan dalam bidang kemampanan memerlukan peningkatan untuk memastikan usaha kemampanan selaras dengan aktiviti ekonomi kami.

Maklumat lebih lanjut tentang usaha kemampanan Maybank pada tahun 2014 boleh didapati pada muka surat 198 Laporan Tahunan ini.

Sila layari **www.maybank.com/sustainability** *untuk maklumat lanjut.*

Lembaga Pengarah

ERRY RIYANA HARDJAPAMEKAS

DATUK MOHAIYANI SHAMSUDIN

DATUK R. KARUNAKARAN

DATO' MOHD SALLEH HJ HARUN

DATO' DR TAN TAT WAI

TAN SRI DATO' MEGAT ZAHARUDDIN MEGAT MOHD NOR

DATO' SERI ISMAIL SHAHUDIN

Lembaga Pengarah

DATO' JOHAN ARIFFIN

DATUK ABDUL FARID ALIAS

TAN SRI DATUK DR HADENAN A. JALIL

CHEAH TEIK SENG

CHENG KEE CHECK

MOHD NAZLAN MOHD GHAZALI
Penasihat Perundangan & Setiausaha Syarikat

Profil Lembaga Pengarah

TAN SRI DATO' MEGAT ZAHARUDDIN MEGAT MOHD NOR

Pengarah Bukan Eksekutif
Bukan Bebas
(Pengerusi)

66 tahun
Warganegara Malaysia

Ahli Bersekutu Royal School of Mines, UK; Sarjana Muda Sains (Kepujian), Kejuruteraan Perlombongan, Imperial College of Science & Technology, University of London

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor dilantik sebagai Pengarah dan Pengerusi Maybank pada 1 Oktober 2009. Beliau pernah menjadi Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Maybank dari bulan Julai 2004 hingga Februari 2009.

Beliau mempunyai kerjaya yang cemerlang dalam industri minyak dan gas selama 31 tahun dengan Royal Dutch Shell Group of Companies dan pernah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Perniagaan Serantau dan Pengarah Urusan, Shell Exploration and Production B.V. sebelum bersara pada awal 2004. Beliau juga merupakan Pengerusi Maxis Communications Berhad dari Januari 2004 hingga November 2007, Etiqa Insurance & Takaful dari Januari 2006 hingga Februari 2009, Lembaga Getah Malaysia dari Februari 2009 hingga Mei 2010, Pengarah Capital Market Development Fund dari bulan Januari 2004 hingga Januari 2010 dan Pengarah Woodside Petroleum Ltd, syarikat senarai awam di Australian Securities Exchange, daripada Disember 2007 hingga April 2011.

Beliau kini memegang jawatan ahli lembaga pengarah dalam syarikat-syarikat di bawah Kumpulan Maybank termasuk Pengerusi Maybank Investment Bank Berhad dan Pesuruhjaya Presiden PT Bank Internasional Indonesia Tbk. Beliau juga adalah Pengerusi PADU Corporation dan Pengarah Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF, Malaysia dan juga Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan.

Beliau telah menghadiri kesemua 13 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan merupakan penama kepada Permodalan Nasional Berhad, pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

DATO' MOHD SALLEH HJ HARUN

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
(Naib Pengerusi)

70 tahun
Warganegara Malaysia

Felow Institut Bank-bank Malaysia; Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia

Dato' Salleh Hj Harun telah dilantik sebagai Pengarah dan Naib Pengerusi Maybank pada 18 November 2009. Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan, dan Jawatankuasa Skim Saham Pekerja.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Akauntan Kanan di Perbendaharaan antara tahun 1971 hingga 1974, sebelum menyertai Kumpulan Maybank pada tahun 1974 sebagai Pengurus Pelaburan Aseambankers Malaysia Berhad (kini dikenali sebagai Maybank Investment Bank Berhad), sebelum berpindah ke Bank Rakyat untuk tugasan singkat pada tahun 1978. Dato' Salleh kemudiannya kembali berkhidmat dengan Kumpulan Maybank dengan memegang pelbagai jawatan kanan yang terakhir sebagai Pengarah Eksekutif Maybank dari 1994 hingga 2000. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, jawatan yang dipegang sehingga tahun 2004. Beliau kemudiannya menyertai Lembaga Pengarah Kumpulan RHB termasuk sebagai Pengerusi RHB Insurance Berhad sehingga November 2009.

Beliau kini memegang jawatan pengarah dalam syarikat-syarikat di bawah Kumpulan Maybank termasuk menjadi Pengerusi Maybank Ageas Holdings Berhad, Etiga Insurance Berhad, Etiqa Takaful Berhad, Etiqa Insurance Pte Ltd dan Maybank Philippines Inc. Beliau juga Pengarah Scicom (MSC) Berhad dan Asia Capital Reinsurance Malaysia Sdn Bhd.

Beliau telah menghadiri 10 daripada 13 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

Dato' Salleh tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

Profil Lembaga Pengarah

DATUK ABDUL FARID ALIAS

Pengarah Eksekutif
Bukan Bebas
(Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan)

47 tahun
Warganegara Malaysia

Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School, Harvard University; Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Denver University, Amerika Syarikat; Sarjana Muda Sains (Perakaunan), Pennsylvania State University, University Park, Amerika Syarikat

Datuk Abdul Farid Alias dilantik sebagai Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan serta Pengarah Eksekutif Maybank pada 2 Ogos 2013. Beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan dan ahli Jawatankuasa Semakan Kredit Lembaga Pengarah.

Beliau merupakan Timbalan Presiden dan Ketua, Perbankan Global dari 1 Julai 2010 sebelum pelantikannya sebagai Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Beliau menyertai Kumpulan Maybank pada 2008.

Sebelum menyertai Maybank, beliau mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam bidang perbankan pelaburan, kewangan korporat dan pasaran modal ketika berkhidmat di Aseambankers Malaysia Berhad (1992-1994), Schroders (1994-1995), Malaysian International Merchant Bankers Berhad (1996-1997), J.P. Morgan (1997-2005) dan Khazanah Nasional Berhad (2005-2008).

Ketika ini, keanggotaannya dalam Lembaga Pengarah syarikat dalam Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengarah Maybank Investment Bank Berhad dan Maybank Ageas Holdings Berhad. Beliau juga merupakan Pesuruhjaya di PT Bank Internasional Indonesia Tbk. Jawatannya dalam syarikat-syarikat lain termasuk sebagai Pengerusi Malaysia Electronic Payment System Sdn Bhd dan Pengarah Cagamas Holdings Berhad.

Datuk Abdul Farid Alias kini merupakan Pengerusi Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia dan Naib Pengerusi Institut Jurubank Bertauliah Asia (dulunya dikenali sebagai Institut Bank-bank Malaysia). Beliau juga merupakan ahli Majlis Perbankan ASEAN, Persatuan Jurubank Asia, Program Jawatankuasa Pelanggan Kanan Visa dan Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP). Beliau juga telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Penasihat Pasaran Sedang Muncul, Institut Kewangan Antarabangsa yang berpangkalan di London.

Beliau telah menghadiri kesemua 13 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014.

Datuk Abdul Farid Alias tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



TAN SRI DATUK DR HADENAN A. JALIL

Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif

69 tahun
Warganegara Malaysia

Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Henley Management College, UK; Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan, Asian Institute of Management, Filipina; Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya

Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil telah dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 15 Julai 2009. Beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit dan sebagai ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan serta Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan bagi Lembaga Pengarah.

Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil merupakan Ketua Audit Negara dari tahun 2000 hingga 2006. Beliau berkhidmat dengan Kerajaan selama 36 tahun dalam pelbagai jawatan termasuk Perbendaharaan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dan Kementerian Kerja Raya sebelum pelantikannya sebagai Ketua Audit Negara.

Keanggotaannya ketika ini dalam Lembaga Pengarah syarikat dalam Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengarah Maybank Islamic Berhad. Beliau merupakan anggota Lembaga Penyeliaan An Binh Commercial Joint Stock Bank, Vietnam. Beliau juga Pengerusi Protasco Berhad, Pelangi Management Sdn Bhd, Roadcare Sdn Bhd dan PNB Commercial Sdn Bhd (dan syarikat-syarikat subsidiarinya). Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil juga Pengerusi kepada Lembaga Pengarah Gabenor Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur dan sebelum ini merupakan Pengerusi Panel Penilaian Operasi, Suruhanjaya Anti Rasuah Malaysia. Selain itu, beliau menduduki kerusi Lembaga Pengarah Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd, THP Sinar Sdn Bhd dan University Tun Abdul Razak Sdn Bhd, selain sebagai anggota Jawatankuasa Audit, Johor Corporation.

Beliau telah menghadiri 12 daripada 13 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

Tan Sri Datuk Dr Hadenan tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

Profil Lembaga Pengarah

DATO' SERI ISMAIL SHAHUDIN

Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif

64 tahun
Warganegara Malaysia

Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya

Dato' Seri Ismail Shahudin telah dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 15 Julai 2009. Beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Semakan Kredit Lembaga Pengarah dan ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah.

Beliau pernah menjadi Pengerusi Bank Muamalat Malaysia Berhad dari 2004 hingga persaraannya dalam bulan Julai 2008. Beliau pernah menjawat jawatan kanan di Citibank, berkhidmat di Malaysia dan New York, United Asian Bank dan Maybank di mana beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif pada tahun 1997. Beliau meninggalkan Maybank pada tahun 2002 bagi memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MMC Corporation Berhad.

Beliau kini merupakan ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat dalam Kumpulan Maybank termasuk Pengerusi Maybank Islamic Berhad dan Pengarah MCB Bank Limited, Pakistan. Beliau juga Pengerusi Kumpulan Faber dan pengarah beberapa syarikat senarai awam termasuk EP Manufacturing Berhad, Opus International Consultants Ltd, syarikat yang tersenarai di New Zealand Stock Exchange dan Aseana Properties Limited, syarikat yang tersenarai di London Stock Exchange.

Beliau telah menghadiri 11 daripada 13 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014.

Dato' Seri Ismail tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

DATO' DR TAN TAT WAI

Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif

68 tahun
Warganegara Malaysia

PhD dalam bidang Ekonomi, Harvard University, AS; Sarjana Ekonomi, University of Wisconsin (Madison), AS; Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Kejuruteraan Elektrik & Ekonomi, Massachusetts Institute of Technology, AS

Dato' Dr Tan Tat wai telah dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 15 Julai 2009. Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan juga ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan, dan Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan Lembaga Pengarah.

Beliau memulakan kerjaya di Bank Negara Malaysia pada tahun 1978, mengendalikan penyelidikan dalam dasar ekonomi dan kemudiannya sebagai pakar perunding BNM, Bank Dunia dan Universiti Bangsa-bangsa Bersatu selama beberapa tahun. Beliau berkhidmat sebagai Setiausaha dan ahli Majlis Perdagangan Tidak Nampak Malaysia yang ditubuhkan bagi merumuskan dasar untuk mengurangkan defisit Malaysia dalam perdagangan perkhidmatan. Beliau merupakan bekas ahli Majlis Perniagaan Malaysia lantikan Kerajaan, ahli Meja Bulat Korporat Malaysia; ahli majlis Industri Pulau Pinang, Majlis Koordinasi Perindustrian (ICC) dan Jawatankuasa Daya Saing Perniagaan Kebangsaan (NCBC) yang ditubuhkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Beliau telah mewakili Malaysia sebagai ahli Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) dan juga Majlis Wawasan Universiti Terbuka.

Dalam Kumpulan Maybank, beliau merupakan Pengarah Maybank Trustees Berhad. Beliau juga Pengarah Eksekutif Southern Steel Berhad sejak Januari 2014 dan pernah berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Kumpulan Southern Steel selama kira-kira 20 tahun. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah Shangri-La Hotels (M) Bhd, NSL Ltd, sebuah syarikat tersenarai di Singapura dan Starglow Investments Ltd serta beberapa syarikat senarai awam yang lain. Beliau juga merupakan Pengarah dan pernah menjadi Presiden Lam Wah Ee Hospital, sebuah institusi yang bukan berasaskan keuntungan.

Beliau telah menghadiri kesemua 13 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Dato' Dr Tan Tat Wai tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

Profil Lembaga Pengarah

CHEAH TEIK SENG

Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif

61 tahun
Warganegara Malaysia

Felow Institut of Chartered Accountants in England and Wales; dan Ijazah Sarjana Muda Sains, University of Manchester, UK

Cheah Teik Seng telah dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 26 Ogos 2009. Beliau berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah.

Sebagai seorang pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam kerajaan persekutuan, beliau mula menyertai perkhidmatan awam pada awal tahun '80-an. Setelah meninggalkan sektor kerajaan, beliau memegang pelbagai jawatan dalam industri perkhidmatan perbankan dan kewangan di Malaysia serta di London, Hong Kong dan Singapura. Beliau pernah berkhidmat dengan Public Bank, Chase Manhattan Bank, Merrill Lynch, Goldman Sachs, UBS dan dengan BNP Paribas sebagai Pengarah Urusan selama 9 tahun. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif ECM Libra Avenue Group pada tahun 2006. Beliau kini merupakan Pengarah dan rakan kongsi Aktis Capital Singapore Pte Ltd.

Beliau kini juga ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat di bawah Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengerusi Maybank (Cambodia) Plc., Maybank Kim Eng Holdings Ltd dan Maybank Agro Fund Sdn Bhd dan juga Pengarah Maybank Investment Bank Berhad dan Maybank Kim Eng Securities (Thailand) Public Company Limited.

Cheah Teik Seng turut menduduki kerusi Lembaga Pengarah syarikat-syarikat senarai awam yang lain seperti Drillsearch Energy Limited di Australia dan MJC Investments Corp. di Filipina. Beliau turut menjadi Pengarah bagi syarikat-syarikat ekuiti swasta di Hong Kong dan China.

Beliau telah menghadiri kesemua 13 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2014.

Cheah Teik Seng tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

DATO' JOHAN ARIFFIN

Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif

56 tahun
Warganegara Malaysia

Sarjana Pentadbiran Perniagaan, University of Miami, AS; Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Indiana University AS

Dato' Johan Ariffin dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 26 Ogos 2009. Beliau berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Audit dan Semakan Kredit Lembaga Pengarah.

Beliau memulakan kerjaya dalam bahagian hartanah di Citibank. Kemudiannya, beliau memegang pelbagai jawatan kanan di beberapa buah anak syarikat tersenarai awam di samping memulakan perniagaannya sendiri dalam perundingan pengiklanan dan pemasaran serta perniagaan pembangunan hartanah. Beliau kemudiannya mengetuai Bahagian Hartanah Danaharta sebagai Pengurus Besar Kanan sebelum menerajui TTDI Development Sdn Bhd hingga bulan Januari 2009.

Beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah anak syarikat Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengerusi Maybank International (L) Limited dan Maybank International Trust (L) Ltd dan juga Pengarah Maybank Ageas Holdings Berhad, Etiqa Insurance Berhad dan Etiqa Takaful Berhad. Beliau juga adalah Pengerusi Mitraland Properties Sdn Bhd dan Pengarah Sime Darby Property Berhad selain Ahli Majlis Kebangsaan bagi Persatuan Pemaju Perumahan Hartanah Malaysia (REHDA).

Beliau telah menghadiri kesemua 13 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2014.

Dato' Johan tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

Profil Lembaga Pengarah

DATUK MOHAIYANI SHAMSUDIN

Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif

66 tahun
Warganegara Malaysia

Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) Cornell University, Ithaca, New York, AS; Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) Knox College, Galesburg, Illinois, AS

Datuk Mohaiyani dilantik sebagai Pengarah di Maybank pada 22 Ogos 2011. Beliau berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Semakan Kredit Lembaga Pengarah.

Beliau pernah berkhidmat dengan Amanah Chase Merchant Bank Berhad dan Seagrott & Campbell Sdn Bhd sebelum mengasaskan syarikat pembrokeran saham sendiri, Mohaiyani Securities Sdn Bhd in 1985 dan memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan. Ketika pembabitan aktifnya dalam industri pembrokeran saham, beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Kuala Lumpur Stock Exchange (kini dikenali sebagai Bursa Malaysia Berhad) dan Pengerusi Persatuan Syarikat-syarikat Pembrokeran Saham Malaysia. Selain itu, beliau dilantik sebagai ahli beberapa kumpulan kerja barisan tertinggi kebangsaan seperti Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC), Majlis Perundingan Ekonomi Negara II (MAPEN II), Majlis Maklumat Teknologi Negara (NITC), Jawatankuasa Kewangan Tahap Tertinggi bagi Tadbir Urus Korporat di Kementerian Kewangan dan Majlis Penasihat Kebangsaan bagi wanita di Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Komuniti.

Beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat-syarikat dalam Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengerusi Maybank Asset Management Group Berhad dan Maybank Asset Management Sdn Bhd serta Pengarah Maybank Investment Bank Berhad. Beliau kini merupakan Pengarah Capital Market Development Fund dan juga sebagai ahli dan pemegang amanah di Yayasan Institut Jantung Negara, Yayasan NUR, Yayasan Kepimpinan Perdana dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO).

Beliau telah menghadiri kesemua 13 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014.

Datuk Mohaiyani tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



ERRY RIYANA HARDJAPAMEKAS

Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif

65 tahun
Warganegara Indonesia

Ijazah Sarjana Muda Ekonomi/Perakaunan, Universiti Padjadjaran, Bandung, Indonesia; Kursus Pengurusan Kewangan, Harvard Business School, AS

Erry Riyana Hardjapamekas dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 25 Jun 2012. Beliau juga dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah.

Beliau memiliki lebih daripada 30 tahun pengalaman bekerja. Kemahiran utama beliau adalah dalam bidang pengurusan am dan kewangan yang mana beliau telah meluangkan masa selama 12 tahun, termasuk 4 tahun sebagai Pengarah Kewangan PT Timah sebelum dilantik sebagai Pengarah Presiden PT Timah Tbk pada Mac 1994, jawatan yang dipegangnya selama 8 tahun. Dalam industri perbankan, beliau merupakan Pesuruhjaya Presiden PT Bank BNI Tbk dari Februari 2008 hingga Mei 2009, dan sebelum itu sumbangannya kepada pasaran modal Indonesia telah membawa kepada pemilihannya sebagai anggota Lembaga Pesuruhjaya di Jakarta Stock Exchange pada 1996 dan sebagai Pesuruhjaya Presidennya dari Mac 1998 hingga April 2001.

Erry Riyana juga telah dilantik sebagai Pesuruhjaya dan Naib Pengerusi Suruhanjaya Membanteras Rasuah Republik Indonesia pada 2003, jawatan yang dipegangnya hingga 2007. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan Nasional bagi Pindahan Perniagaan Ketenteraan republik itu dari 2008 hingga 2009, diikuti dengan pelantikannya sebagai anggota Jawatankuasa Pemilihan Pesuruhjaya bagi Suruhanjaya Membanteras Rasuah pada 2010 dan 2011. Selain itu, sejak 2011, beliau telah memegang jawatan sebagai Pengerusi Kumpulan Bebas Reformasi Birokrasi Nasional.

Ketika ini, Erry Riyana merupakan Pengerusi (Ketua Pesuruhjaya) PRT MRT (Transit Aliran Ringan) di Jakarta dan Pesuruhjaya Bebas bagi PT ABM Investama Tbk, PT Hero Supermarket Tbk, PT Tirta Investama/Danone Aqua dan juga PT Weda Bay Nickel. Beliau juga merupakan Pemeriksa Luar (Kesesuaian & Kelayakan) di Otoritas Jasa Kewangan (Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan).

Beliau telah menghadiri 11 daripada 13 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014.

Erry Riyana tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

Profil Lembaga Pengarah

DATUK R. KARUNAKARAN

Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif

64 tahun
Warganegara Malaysia

Kursus Lepasan Ijazah Perancangan Projek Perindustrian, University of Bradford, United Kingdom; Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Perakaunan) Kepujian, Universiti Malaya

Datuk R. Karunakaran dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 16 Julai 2014. Selain itu, beliau turut menjadi ahli Jawatankuasa Semakan Kredit, Penamaan dan Imbuhan, serta Lembaga Pengarah Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan berkuat kuasa 1 Ogos 2014.

Beliau menyertai Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (dulunya dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia) ("MIDA") pada Ogos 1972 dan berkhidmat dalam pelbagai jawatan termasuk Timbalan Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan Ketua Pengarah. Beliau turut berkhidmat sebagai Pengarah MIDA Singapura, Cologne (Jerman) dan London (England). Dengan pengalaman selama 36 tahun di MIDA, Datuk R. Karunakaran bersara sebagai Ketua Pengarah MIDA pada Jun 2008, jawatan yang disandang selama 4 tahun. Sepanjang perkhidmatannya di MIDA, Datuk R. Karunakaran bertanggungjawab mempromosikan dan menyelaras pembangunan sektor pembuatan dan perkhidmatan di Malaysia termasuk menggalakkan pelaburan domestik dan asing di Malaysia.

Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelaburan Projek Berimpak Tinggi. Beliau juga merupakan ahli 'PEMUDAH', pasukan petugas khas yang ditubuhkan oleh Perdana Menteri untuk membantu perniagaan, meningkatkan sistem penyampaian dari segi proses, prosedur, undang-undang dan sumber manusia.

Jawatan pengarahnya dalam syarikat di dalam Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengerusi Maybank Private Equity Sdn Bhd dan juga Pengarah Etiqa Insurance Berhad, Maybank (Cambodia) Plc, Maybank Asset Management Group Berhad, Maybank Asset Management Sdn Bhd dan Maybank Agro Fund Sdn Bhd.

Beliau turut menduduki kerusi lembaga pengarah syarikat-syarikat senarai awam seperti Integrated Logistics Berhad, IOI Corporation Berhad dan Bursa Malaysia Berhad.

Beliau menghadiri 6 daripada 7 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2014, sejak pelantikannya pada 16 Julai 2014.

Datuk R. Karunakaran tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

CHENG KEE CHECK

Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif

50 tahun
Warganegara Malaysia

LLB (Kepujian), National University of Singapore

Cheng Kee Check dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 19 November 2014. Beliau turut berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Audit dan Semakan Kredit Lembaga Pengarah berkuat kuasa pada 1 Disember 2014.

Beliau merupakan seorang peguam korporat di Tetuan Skrine, tempat di mana beliau mula menjadi pengamal undang-undang sebaik sahaja kemasukannya diterima di Mahkamah Singapura dan Malaysia pada 1990. Beliau telah menjadi rakan kongsi firma guaman sejak 1997 dan telah menjadi pegamal undang-undang selama lebih 24 tahun. Sepanjang kerjayanya, Cheng Kee Check terlibat dalam urusniaga korporat yang luas termasuk pengambilalihan, penggabungan dan pembelian serta penstrukturan korporat.

Ketika ini, beliau menduduki kerusi lembaga pengarah syarikat-syarikat bukan senarai awam, termasuk PNB Development Sdn Bhd dan Seriemas Development Sdn Bhd. Beliau juga merupakan anggota Jawatankuasa Pelaburan di Amanah Saham Wawasan 2020.

Beliau menghadiri kesemua 2 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2014 sejak pelantikannya pada 19 November 2014.

Cheng Kee Check tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan merupakan penama kepada Permodalan Nasional Berhad, pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

Profil Lembaga Pengarah

MOHD NAZLAN MOHD GHAZALI

Penasihat Perundangan & Setiausaha Syarikat

Mohd Nazlan merupakan Penasihat Perundangan & Setiausaha Syarikat Maybank, dan juga Ketua Khidmat Korporat & Perundangan Kumpulan. Beliau merupakan lulusan Sarjana Muda dalam bidang Falsafah Perundangan serta Sarjana Sastera, kedua-duanya dari Universiti Oxford. Beliau juga merupakan Barrister at Law (Lincoln's Inn) dan Peguambela & Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Rakan Kongsi dan Ketua Pasaran Modal Ekuiti di Tetuan Zaid Ibrahim & Co, dengan pengkhususan dalam hal-hal berkaitan perundangan korporat, perkhidmatan kewangan dan undang-undang sekuriti terutamanya urus niaga korporat seperti peningkatan modal dan penggabungan & pengambilalihan sebelum menyertai Maybank pada tahun 2005. Sebelum itu, beliau bertugas di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia selama lebih kurang 7 tahun hingga tahun 2000 dan jawatan terakhir beliau adalah Pengurus Besar, Bahagian Penguatkuasaan, dengan tanggungjawab meliputi bahagian penyiasatan, pendakwaan dan aduan. Beliau juga pernah berkhidmat di Pejabat Pengerusi Eksekutif dan Bahagian Terbitan & Pelaburan ketika di Suruhanjaya Sekuriti. Mohd Nazlan memulakan kerjaya beliau pada tahun 1991 di Tetuan Shook Lin & Bok, menguruskan hal-hal korporat, pemindahan hak dan perbankan.

Sila layari **www.maybank.com/directors** *untuk maklumat lanjut.*

Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan

DATUK ABDUL FARID ALIAS

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Datuk Abdul Farid Alias dilantik sebagai Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank, pada 2 Ogos 2013. Sebelum pelantikannya, Datuk Farid merupakan Timbalan Presiden & Ketua Perbankan Global Kumpulan Maybank.

Tanggungjawab
Datuk Farid mempelopori strategi perniagaan dan pertumbuhan Kumpulan Maybank di seluruh barisan perniagaan dan negara di mana Maybank beroperasi bagi memastikan keseimbangan antara kecemerlangan operasi, tadbir urus yang kukuh dan pertumbuhan perniagaan. Beliau juga bertanggungjawab bagi membangun dan memacu penawaran nilai hala tuju pengalaman pelanggan Maybank yang merentasi semua barisan perniagaan dan sempadan wilayah serantau serta memastikan nilai kemampanan jangka panjang untuk pemegang saham.

Pengalaman
Datuk Abdul Farid memiliki lebih 20 tahun pengalaman dalam perbankan pelaburan dan pasaran modal ketika berkhidmat di pelbagai bank saudagar dan pelaburan seperti Aseambankers Malaysia Berhad dari 1992 hingga 1994, Schroders dari 1994 hingga 1995, Malaysia International Merchant Bankers Berhad dari 1996 hingga 1997, dan J.P. Morgan dari 1997 hingga 2005, di Kuala Lumpur dan Singapura, dan di Khazanah Nasional Berhad dari 2005 hingga 2008.

Kelayakan
Ijazah Sarjana Pentadbiran, Kewangan, University of Denver, AS; Sarjana Muda Sains dalam bidang Perakaunan, Pennsylvania State University, University Park, AS; dan pendidikan eksekutif bagi Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School.

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan
Ahli Lembaga Pengarah Maybank Investment Bank Berhad, Maybank Ageas Holdings Berhad dan Cagamas Holdings Berhad, perbadanan gadai janji nasional. Ahli Lembaga Pesuruhjaya PT Bank Internasional Indonesia. Pengerusi Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia dan Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd (MEPS) serta Naib Pengerusi Institut Jurubank Bertauliah Asia. Ahli Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP), Persatuan Jurubank Asia (ABA) Jawatankuasa Sokongan Dasar dan Jawatankuasa Penasihat Pasaran Sedang Muncul di Institut Kewangan Antarabangsa yang berpangkalan di London.

DATUK LIM HONG TAT

Ketua Kumpulan, Perkhidmatan Kewangan Komuniti
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Maybank Singapura

Datuk Lim Hong Tat dilantik sebagai Ketua Kumpulan, Perkhidmatan Kewangan Komuniti Kumpulan Maybank dan CEO, Maybank Singapura sejak 1 Januari 2014. Beliau sebelum ini merupakan Timbalan Presiden dan Ketua, Perkhidmatan Kewangan Komuniti.

Tanggungjawab
Sebagai Ketua Kumpulan, Perkhidmatan Kewangan Komuniti, beliau bertanggungjawab untuk memacu dan melaksanakan strategi perbankan komuniti Bank di seluruh pusat operasinya. Ini meliputi perbankan cawangan, pembiayaan pelanggan, Perbankan PKS dan Perniagaan, jualan dan pengedaran, pengurusan kekayaan, pembayaran, perbankan maya, inovasi produk dan segmen pelanggan. Beliau turut bertanggungjawab dalam mengembangkan perniagaan semua entiti Maybank di Singapura. Ini merangkumi seluruh produk dan perkhidmatan kewangan – perbankan komersial, perbankan global, perbankan pelaburan dan insurans.

Pengalaman
Datuk Lim menyertai Maybank sebaik sahaja menamatkan pengajian pada 1981. Beliau memiliki pengalaman selama 32 tahun yang merangkumi semua aspek perbankan, menguruskan cawangan, perbankan serantau, kad kredit dan operasi perbankan antarabangsa termasuk memegang jawatan pengurusan kanan sebagai Pengarah/Presiden & CEO Maybank Philippines Incorporated, Ketua Perbankan Antarabangsa dan Ketua Perbankan Konsumer dalam Kumpulan Maybank.

Kelayakan
Sarjana Muda Ekonomi (Pentadbiran Perniagaan) (Kepujian), Universiti Malaya; Diploma Pemasaran dan Jualan Perkhidmatan Bank, Pusat Pengurusan Antarabangsa.

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan
Pengarah Maybank Kim Eng Holdings Ltd; Maybank Kim Eng Securities Ptd Ltd; Etiqa Insurans Pte Ltd; Maybank Philippines Incorporated; Ahli Majlis Pelanggan Visa Asia Pasifik; Ahli Lembaga Pengarah EFMA (Persatuan Pengurusan Kewangan Eropah); Ahli Majlis Persatuan Bank-bank di Singapura.

Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan



AMIRUL FEISAL WAN ZAHIR
Ketua Kumpulan Perbankan Global

Amierul Feisal Wan Zahir dilantik sebagai Ketua Kumpulan, Perbankan Global pada 1 Oktober 2014.

Tanggungjawab
Feisal bertanggungjawab bagi perniagaan Perbankan Global yang merangkumi Kumpulan Maybank Kim Eng (Perbankan Pelaburan dan Pembrokeran Saham), Liputan Pelanggan, Pasaran Global, Perbankan Korporat, Perbankan Transaksi dan Maybank Asset Management Group. Selaku Ketua Kumpulan Perbankan Global, beliau akan menumpukan perhatian dalam memperkasakan dan menambahbaik perniagaan Perbankan Global di pasaran utama serantau di Singapura, Filipina dan Indonesia.

Pengalaman
Feisal memulakan kerjaya di KPMG Plc, London dan kemudiannya menyertai Schroders (kemudian ditukar nama kepada Citigroup Global Markets) di Kuala Lumpur, Singapura dan Hong Kong sehingga 2004. Feisal mengembangkan kerjayanya dalam pelbagai jabatan dalam bahagian Perbankan Pelaburan termasuk Pembiayaan Projek dan Pengswastaan, Pembiayaan Korporat, Penggabungan & Pengambilalihan selain liputan bagi Kumpulan Industri bermodal besar. Pada 2004, beliau menyertai BinaFikir Sdn. Bhd. sebagai pemegang saham dan Pengarah Eksekutif. Empat tahun kemudian beliau dilantik sebagai Pengarah Urusan, Ketua Perbankan Pelaburan bagi Maybank Investment Bank yang mana beliau bertanggungjawab mentransformasi dan memperbaharui Perbankan Pelaburan, Pembiayaan Korporat, Pasaran Modal Ekuiti dan Jabatan Ekuiti Swasta. Pada 2010, beliau menyertai Permodalan Nasional Berhad sebagai Naib Presiden Eksekutif, Projek Khas dan kemudiannya dipinjamkan ke Chemical Company of Malaysia Berhad sebagai Pengarah Eksekutif dan kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan.

Kelayakan
Felow Institute of Chartered Accountants of England and Wales; Sarjana Muda Ekonomi (Perakaunan dan Kewangan), London School of Economics.

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan
Pengarah Bukan Eksekutif Maybank Kim Eng Holdings Berhad.

MOHAMED RAFIQUE MERICAN BIN MOHD WAHIDUDDIN MERICAN
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

Mohamed Rafique Merican dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan sejak 1 Jun 2012.

Tanggungjawab
Rafique bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan, modal dan pembiayaan Kumpulan. Beliau memantau Jabatan Pengawal Kewangan Kumpulan, Bendahari Korporat Kumpulan, Cukai Kumpulan, Prestasi & Perhubungan Pelabur Kumpulan, Pemerolehan Strategik Kumpulan, Pejabat Kewangan Strategik Kumpulan dan Operasi Kewangan Kumpulan (Pengurusan Pemulihan Korporat dan Pengurusan Maklumat Enterpris).

Pengalaman
Beliau memiliki lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam sektor korporat, termasuk lima tahun pengalaman sebagai Ketua Pegawai Kewangan di Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Malakoff Berhad. Sebelum menyertai TNB pada 2009, beliau berkhidmat di Radicare (M) Sdn Bhd, syarikat konsesi pengurusan kemudahan di hospital-hospital di Lembah Klang, Selangor, Kelantan, Terengganu dan Pahang sebagai Ketua Pegawai Operasi, sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif. Beliau juga memegang jawatan di dalam bidang kewangan korporat dan penasihat di Kumpulan Amanah Capital dan Bumiputra Merchant Bankers Berhad dalam tahun-tahun awal kerjayanya.

Kelayakan
Beliau merupakan Felow Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA), United Kingdom, serta Akauntan Bertauliah dan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan
Ahli Majlis Penasihat Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA) Malaysia.

Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan

DR JOHN LEE HIN HOCK
Ketua Pegawai Risiko Kumpulan

Dr John Lee dilantik sebagai Ketua Pegawai Risiko Kumpulan sejak 17 Januari 2011.

Tanggungjawab
Dr John Lee bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko, termasuk risiko kredit dan pematuhan di seluruh Kumpulan.

Pengalaman
Dr John Lee sebelum ini berkhidmat di Amanah Merchant Bank dan Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE). Sebelum pelantikannya di Maybank, beliau berkhidmat sebagai perunding dan penasihat perkhidmatan kewangan yang mana beliau menjadi rakan kongsi Penasihat Perniagaan KPMG untuk tempoh 13 tahun, membantu pelbagai institusi kewangan di seluruh pasaran Asia Pasifik. Beliau memiliki pengalaman mendalam dalam industri kewangan dan pengurusan risiko dengan pengkhususan dalam kewangan Islam, strategi perniagaan, pengurusan risiko dan pengurusan prestasi.

Beliau telah diiktiraf sebagai Pengurus Risiko Bank Terbaik 2013 oleh Asia Risk dan Pengurus Risiko Terbaik 2014 oleh Asian Banker pada Oktober menerusi sumbangannya kepada Kumpulan dan industri.

Kelayakan
Sarjana Muda Ekonomi, Monash University, Australia. Ijazah Doktor Falsafah Ekonomi, Monash University, Australia. Felow Akauntan Amalan Bertauliah Australia (CPA Australia); ahli Persatuan Kewangan Amerika, Persatuan Ekonometrik dan Persatuan Pengajian Kewangan.

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan
Ahli Kumpulan Kerja Pengurusan Risiko Mudah Tunai Kumpulan dan Kumpulan Kerja Pengurusan Risiko bagi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB); Ahli Lembaga Penasihat Perniagaan, Universiti Monash (cawangan Malaysia).

NORA ABD MANAF
Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan

Nora Abd Manaf dilantik sebagai Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan, Kumpulan Maybank berkuat kuasa pada 1 Januari 2014. Sebelum pelantikan beliau merupakan Naib Presiden Eksekutif Kanan dan Ketua, Modal Insan Kumpulan, Kumpulan Maybank.

Tanggungjawab
Nora bertanggungjawab merangka strategi pengurusan dan perancangan pembangunan Modal Insan Kumpulan meliputi semua aspek kakitangan dan prestasi. Menerajui Program Transformasi Kakitangan sejak 2009, Nora memberi tumpuan untuk mempersiapkan strategi utama semasa dan masa hadapan dalam mencapai Aspirasi Maybank 2020.

Pengalaman
Sebelum menyertai Maybank, beliau berkhidmat di Kumpulan Standard Chartered selama lebih 9 tahun dengan jawatan terakhir sebagai Ketua Sumber Manusia di Scope International (subsidiari milik penuh Standard Chartered UK Plc). Jawatan yang dipegangnya dalam Kumpulan ini termasuk Naib Presiden Eksekutif Inisiatif Strategik, PT Bank Permata, Indonesia, peranan dalam jawatan pembangunan kepimpinan di London, memainkan peranan dalam integrasi di Hong Kong pasca pengambilalihan SCB terhadap Chase Retail Bank HK, Ketua Imbuhan Malaysia dan Ketua Sumber Manusia, Perbankan Pemborongan Global Malaysia. Sebelum Standard Chartered, beliau berkhidmat dalam pelbagai syarikat multinasional dan pertubuhan tempatan yang besar termasuk dalam sektor telekomunikasi iaitu di Maxis dan separa konduktor di Intel.

Kelayakan
Akauntan Bertauliah berdaftar dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA); sijil pasca sizwazah Pembangunan Sumber Manusia, Cornell University; Sijil 'Strengths Coach' Tahap II (Gallup); Jurulatih Bertauliah ICAEW (Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales QPRT).

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan
Pengerusi Persatuan Bank-bank Perdagangan Malaya (MCBA); Pengerusi Kumpulan Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (HRMDG); ahli jawatankuasa Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), dan juga sebagai anggota Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC); dilantik sebagai Pengerusi Malaysia GLC G20 HR Circle; dan diserapkan dalam Global HR50-Profesional Sumber Insan Unggul Dunia.

Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan

MUZAFFAR HISHAM

Ketua Kumpulan, Perbankan Islam
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO),
Maybank Islamic Berhad

Muzaffar Hisham merupakan Ketua Kumpulan, Perbankan Islam dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Maybank Islamic Berhad sejak 30 Mac 2011.

Tanggungjawab
Sebagai Ketua Perbankan Islam Kumpulan dan CEO Maybank Islamic, Muzaffar memainkan peranan penting bagi menguruskan dan memantau keseluruhan francais perbankan Islam Malayan Banking Berhad dan memastikan bahawa operasinya berada pada platform selari yang memanfaatkan sumber-sumber Kumpulan. Ketika ini, bidang tanggungjawabnya termasuk memastikan strategi bagi perniagaan perbankan Islam Kumpulan termasuk produk pembangunan dan penyerahan, sokongan pemasaran serta risiko dan pengurusan pematuhan Syariah, mempelopori pengembangan Perbankan Islam Kumpulan di ASEAN dan seluruh dunia.

Pengalaman
Muzaffar memiliki pengalaman selama 20 tahun dalam perkhidmatan perbankan dan kewangan. Beliau memulakan kerjaya di Asian International Merchant Bankers Berhad di Bahagian Perbankan Korporat. Beliau kemudiannya menyertai Amanah Merchant Bank Berhad dan Amanah Short Deposits Berhad yang mana beliau terbabit secara meluas dalam perniagaan Hutang Korporat dan Pembiayaan dari hutang bersindiket hinggalah memberi nasihat mengenai sekuriti hutang swasta. Beliau turut terlibat dalam pelbagai penstrukturan hutang dan korporat sepanjang krisis kewangan 1997/1998. Sepanjang melaksanakan tugasnya di CIMB Investment Bank dan HSBC Amanah, Muzaffar terlibat dalam perniagaan perbankan pelaburan. Sebelum menyertai Maybank, Muzaffar merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Islamic Bank Berhad. Sebelumnya beliau adalah ahli Lembaga Pengarah CIMB Insurance Brokers Sdn Bhd. Beliau menerima Anugerah Asset Triple A 2013, Anugerah Kepimpinan Industri bagi Pakar Bank Islam Terbaik di atas sumbangannya dalam membangunkan kewangan Islam serantau dan membangunkan perniagaan perbankan Islam Kumpulan.

Kelayakan
Sarjana Muda Sains (Kepujian) Ekonomi dan Perakaunan, University of Bristol, United Kingdom.

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan
Pengerusi Jawatankuasa Standard, Persatuan Institut Perbankan Islam Malaysia (AIBIM); ahli H.M. Treasury U.K. Global Islamic Finance and Investment Group; Lembaga Pengarah ANFAAL Capital, Saudi Arabia; dan ahli INCEIF Professional Development Panel.

KAMALUDIN AHMAD

Ketua Kumpulan, Insurans & Takaful
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO),
Maybank Ageas Holdings Bhd (MAHB)

Kamaludin Ahmad dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Maybank Ageas Holdings Bhd (MAHB) dan Ketua Kumpulan, Insurans & Takaful berkuat kuasa 1 Disember 2013.

Tanggungjawab
Beliau bertanggungjawab mendorong dan menguruskan keseluruhan strategi, keuntungan dan pertumbuhan perniagaan Insurans dan Takaful Kumpulan di Malaysia dan Singapura. Selain menguruskan perniagaan hayat/keluarga dan am, pasukan kerjanya turut memantau operasi pelaburan, komersial, perancangan korporat, pengurusan risiko dan keputusan IT yang berkaitan dengan Insurans dan Takaful. Tanggungjawab teras kumpulan kerjanya diselaraskan untuk mencapai aspirasi Etiqa. Ini termasuk mengukuhkan operasi pengedaran, meningkatkan keuntungan menerusi pertumbuhan organik dan pengembangan serantau, mengukuhkan kedudukan Takaful sebagai peneraju dan menjadikan Etiqa sebagai jenama pilihan di kalangan rakyat Malaysia.

Pengalaman
Kamaludin menyertai Kumpulan Maybank sebagai CEO Etiqa Insurance Berhad pada 4 Jun 2012 untuk memacu perniagaan insurans konvensional Etiqa. Sebelum menyertai Etiqa, beliau merupakan Ketua Strategi & Prestasi Korporat di Kumpulan UEM. Beliau pernah bersama AIG selama 15 tahun dengan jawatan terakhir sebagai Naib Presiden Serantau, Asia Pasifik. Beliau juga pernah berkhidmat di Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan AmInvestment Bank.

Kelayakan
Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Actuarial, University of Kent, England.

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan
Tiada.

Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan

GEOFF STECYK
Ketua Pegawai Teknologi Kumpulan

Geoff Stecyk dilantik sebagai Ketua Pegawai Teknologi Kumpulan, Kumpulan Maybank, berkuat kuasa 1 Januari 2014. Sebelum pelantikannya, beliau merupakan Ketua Perkhidmatan Transformasi Enterpris Kumpulan Maybank.

Tanggungjawab
Beliau mengatur strategi, mengarah, memandu dan membina keupayaan strategik serantau yang boleh dibezakan. Ini bagi membolehkan Kumpulan menggunakan teknologi sebagai kelebihan daya saing dengan mendapat manfaat dari segi perkhidmatan dan kos.

Pengalaman
Beliau menyertai Maybank pada November 2008 sebagai Ketua Pegawai Transformasi yang mengetuai Program Pemulihan Prestasi LEAP30. Sebelum menyertai Maybank, beliau merupakan Ketua Bankasurans Negara dengan American International Assurance (AIA) China dari 2006 hingga 2008. Lebih awal dari itu, beliau adalah Naib Presiden Eksekutif Integrasi Perniagaan Southern Bank Berhad dari 2001 hingga 2004. Beliau terlibat dalam transformasi bank tersebut meliputi semua bidang utama peruncitan dan perbankan PKS dengan tumpuan kepada usaha memacu pertumbuhan pendapatan segera untuk membiayai transformasi penstrukturan dalam jangka sederhana.

Kelayakan
Sarjana Muda Perdagangan (Pemasaran/Kewangan), University of Alberta, Kanada.

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan
Ahli Lembaga Maybank (PNG) Ltd; Pengerusi Jawatankuasa Pemanduan Institusi Kewangan, Bank Negara Malaysia.

POLLIE SIM
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Antarabangsa

Pollie Sim dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Antarabangsa Kumpulan Maybank berkuat kuasa pada 1 Oktober 2013.

Tanggungjawab
Pollie bertanggungjawab terhadap strategi, menerajui dan mentransformasi operasi antarabangsa Kumpulan yang meliputi 14 buah negara, tidak termasuk Singapura dan Indonesia. Tanggungjawab utama pasukan kerjanya adalah untuk membina sinergi yang lebih luas dan mempercepatkan keuntungan francais Maybank di seluruh lanskap antarabangsa untuk pertumbuhan jangka panjang, dan juga untuk mengukuhkan kedudukan Bank sebagai peneraju perkhidmatan kewangan serantau.

Pengalaman
Sebelum pelantikan terbarunya sebagai CEO Antarabangsa bagi Kumpulan Maybank, Pollie menerajui Maybank Singapura pada Julai 2006. Beliau memiliki lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam industri Perbankan dan kewangan serta pernah memegang banyak jawatan kanan dalam Kumpulan Maybank. Beliau bertanggungjawab menerajui dan membangunkan perniagaan perbankan runcit Maybank di Singapura. Sebelum menyertai Maybank Singapura, Pollie merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Mayban Finance (S) Ltd. Pada 2012, Pollie dianugerahkan sebagai FICP Kehormat (Profesional Industri Kewangan Bertauliah) oleh Institut Perbankan & Kewangan (IBF) Singapura dan turut menerima Anugerah Kepimpinan Kehormat bagi Pacific Rim Bankers Programme.

Kelayakan
Pollie menyempurnakan Program Eksekutif Stanford pada tahun 2014. Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Brunel University of West London, United Kingdom. Beliau menamatkan pengajian di Institut Pengurusan Singapura dengan Diploma Pengajian Pengurusan, di mana beliau menduduki tempat teratas dan memenangi 3 Anugerah Emas untuk Kecemerlangan Akademik. Beliau juga mempunyai Diploma Pemasaran & Jualan Perkhidmatan Bank dari Pusat Pengurusan Antarabangsa.

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan
Pengarah Bukan Eksekutif bagi beberapa syarikat, Singapore Unit Trusts Ltd, Maybank Philippines Incorporated, Maybank (Cambodia) Plc; Pengerusi Majlis Pelaburan Unit Amanah Singapura, wakil Maybank dalam Lembaga Pengarah Persatuan Jurubank Asia (ABA).

Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan

TASWIN ZAKARIA
Presiden Direktor
Bank Internasional Indonesia (BII)

Taswin, yang merupakan warga Indonesia, dilantik sebagai Presiden Direktor sejak 11 November 2013.

Tanggungjawab
Taswin bertanggungjawab terhadap keseluruhan prestasi perniagaan dan pertumbuhan BII. Beliau memantau operasi BII, termasuk perkhidmatan perbankan seperti perbankan runcit, perniagaan dan global dan juga pengurusan risiko, kewangan, modal insan, operasi & IT, undang-undang dan pematuhan. Beliau turut bertanggungjawab dalam memanfaatkan kekuatan Kumpulan Maybank untuk mendapatkan sebahagian besar daripada penguasaan pasaran dan pada masa sama mengukuhkan kekuatan operasi Kumpulan Maybank di Indonesia.

Pengalaman
Taswin telah berkhidmat sebagai ahli bebas Lembaga Pesuruhjaya BII sejak 2003 hingga 11 November 2013. Beliau juga merupakan ahli bebas Lembaga Pesuruhjaya PT Jasa Angkasa Semesta Tbk (2005-2013), Presiden Direktor PT Indonesia Infrastructure Finance (2010-2011), Pengarah Barclays Bank Plc Indonesia dan Ketua bagi Asia untuk Pasaran Modal Alternat/Kewangan Islam di Barclays (2001-2003). Beliau merupakan Naib Presiden Deutsche Bank AG, Jakarta dan juga Ketua Pasaran Modal Hutang dan Pengurusan Risiko Liabiliti (1997-2001). Beliau memulakan karier dalam bidang perbankan di Citibank NA, Jakarta, yang mana beliau merupakan Ketua Unit Penstrukturan Korporat dan Pembiayaan Projek (1992-1997).

Kelayakan
Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan, dalam bidang Perakaunan, Cum Laude (Kepujian), Ohio State University, AS.

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan
Tiada.

MICHAEL FOONG SEONG YEW
Ketua Pegawai Strategi Kumpulan,
Pejabat Presiden & CEO Kumpulan

Michael Foong dilantik sebagai Ketua Pegawai Strategi Kumpulan, berkuat kuasa 1 Januari 2014. Beliau sebelum ini merupakan Ketua Pegawai Strategi & Transformasi Kumpulan Maybank.

Tanggungjawab
Michael menerajui Pejabat Presiden & CEO Kumpulan, yang bertanggungjawab untuk memacu agenda regionalisasi, pembangunan perniagaan, transformasi dan program produktiviti Kumpulan di seluruh rantau, selain membangunkan objektif strategik jangka panjang Kumpulan. Beliau turut memantau unit Pembangunan & Inovasi Korporat Kumpulan dan juga Hal Ehwal Korporat, Pemasaran Strategik dan Pengurusan Kualiti Perkhidmatan Kumpulan.

Pengalaman
Sebelum menyertai Kumpulan Maybank, Michael merupakan Pengarah Urusan Accenture, perunding amalan pengurusan di Malaysia. Beliau meluangkan masa selama 17 tahun menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan dalam sektor perkhidmatan kewangan di seluruh Asia, terutamanya bank dan juga syarikat insurans dan bursa-bursa saham. Rekod perkhidmatan beliau termasuk perancangan korporat, merancang strategi kumpulan dan perniagaan, model operasi, proses penyusunan semula perniagaan, rangka kerja pengurusan prestasi dan strategi ICT. Antara 2004 dan 2011, beliau menumpukan kepada perancangan dan pelaksanaan program transformasi berskala besar berbilang tahun untuk bank di Malaysia dan Singapura.

Michael pernah memegang pelbagai jawatan pengurusan di Accenture. Beliau bersama-sama menguruskan unit Penerokaan Teknologi Asia-Pasifik milik Accenture dari 2000 hingga 2002, dan diikuti dengan pejabat Pembangunan Korporat Accenture di Asia-Pasifik. Michael telah berkhidmat di seluruh pelusuk Asia Pasifik dan meluangkan masa selama tujuh tahun menerajui pejabat Accenture di Beijing, Shanghai, Hong Kong, Sydney, Singapura, Tokyo dan Jakarta.

Kelayakan
Sarjana Sastera dalam Pengajian Ekonomi dan Pengurusan daripada Cambridge University, United Kingdom; Program Pengurusan Perniagaan Lanjutan daripada Kellogg Graduate School of Management di Northwestern University, Chicago, AS.

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan
Tiada.

Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan

JEROME HON KAH CHO
Ketua Pegawai Operasi Kumpulan

Jerome Hon dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, berkuat kuasa pada 1 Disember 2013.

Tanggungjawab
Jerome bertanggungjawab merangka dan membangunkan strategi operasi bagi menyokong visi dan misi Kumpulan Maybank. Beliau memantau keseluruhan operasi dan pemprosesan Kumpulan dan memastikan pelaksanaan khidmat sokongan yang cekap dan berkesan.

Pengalaman
Sebelum pelantikannya, Jerome merupakan Ketua Eksekutif Audit Maybank selama lebih 7 tahun dan tugasnya memantau fungsi Audit Dalaman Maybank dan juga syarikat-syarikat subsidiarinya. Jerome telah berkhidmat dengan Maybank selama 20 tahun dan telah memegang pelbagai jawatan dalam Kumpulan Maybank termasuk Perakaunan, Operasi Berpusat dan jawatan pengurusan utama syarikat-syarikat subsidiari Kumpulan Maybank yang terlibat dalam perniagaan amanah dan pembrokeran pasaran hadapan. Sebelum menyertai Maybank, beliau berkhidmat dengan firma perakaunan selama 8 tahun. Sepanjang tempoh tersebut, beliau terlibat dalam berbagai jenis audit termasuk perkhidmatan kewangan, insurans, perkilangan dan lain-lain perkhidmatan.

Kelayakan
Institut Akauntan Am Bertauliah Malaysia (MICPA); Ahli MICPA; Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan
Tiada.

Sila layari **www.maybank.com/management** *untuk maklumat lanjut.*

Jawatankuasa Syariah Kumpulan

DR AZNAN BIN HASAN
Pengerusi

Profesor Madya, Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Dr Aznan bin Hasan telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah pada 1 Mei 2014.

Pada masa ini beliau adalah Profesor Madya dalam undang-undang Islam dan bekas ketua Jabatan Undang-undang Islam, Kulliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Dr Aznan menerima Ijazah pertamanya dalam bidang Syariah dari Universiti al-Azhar dan Ijazah Sarjana dalam Syariah dari Universiti Kaherah dengan cemerlang (mumtaz). Kemudian beliau memperolehi Ph.D dari University of Wales, Lampeter, United Kingdom.

Beliau ketika ini adalah Presiden Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam (ASAS). Beliau juga merupakan Timbalan Pengerusi Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti dan bekas Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. Dr Aznan berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga Penasihat Syariah, Barclays Capital (DIFC, Dubai), ahli Lembaga Penasihat Syariah, ABSA Islamic Bank (Afrika Selatan), FNB Bank, Yasaar Limited, Khalij Islami, European International Islamic Bank (EIIB), AmanahRaya Berhad, Amanah Raya Investment Bank Labuan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan beberapa institusi kewangan yang lain serta badan-badan korporat di kedua-dua peringkat tempatan dan antarabangsa. Beliau adalah Penasihat Syariah berdaftar bagi Skim Unit Amanah Islam dan sekuriti Islam (Sukuk), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia serta ahli Jawatankuasa Penyelaras Pertubuhan Zakat Antarabangsa Nasional (IZO), badan penasihat yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, dan ahli, Lembaga Pengawasan Syariah Yayasan Waqaf (Yayasan Waqaf), sebuah entiti korporat yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk menyelia aplikasi Waqaf di Malaysia.

Dr Aznan juga seorang pengarang yang terkenal dalam bidang kewangan Islam dan sehingga kini, telah menghasilkan beberapa buku dan penerbitan dalam jurnal dan telah membentangkan beberapa kertas prosiding di pelbagai acara/persidangan antarabangsa.

DR AHCENE LAHSASNA
Ahli

Profesor Madya, Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF)

Dr Ahcene Lahsasna dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah pada 11 Jun 2009.

Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perundangan Islam dan Undang-undang Islam dari Algeria, serta Ijazah Sarjana dan PhD dalam dua-dua bidang yang sama dari Universiti Islam Antarabangsa (IIUM). Dr Ahcene mendapat Sijil Profesional Kewangan Islam Bertauliah dari INCEIF.

Beliau merupakan Profesor Madya dan Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan INCEIF. Dr Lahsasna merupakan Penasihat Syariah Berdaftar bagi Skim Unit Amanah Islam dan Sekuriti Islam (Sukuk) di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Syariah Etiqa Takaful dan Jawatankuasa Penasihat Syariah Majlis Perancangan Kewangan Malaysian (MFPC). Dr Lahsasna menduduki kerusi Panel Akreditasi FAA, yang dilantik oleh Agensi Akreditasi Kewangan Malaysia.

DR ISMAIL BIN MOHD @ ABU HASSAN
Ahli

Penolong Profesor, Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Dr Ismail bin Mohd @ Abu Hassan dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah pada 1 April 2007.

Ketika ini, beliau merupakan Pembantu Profesor di Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, UIAM. Beliau merupakah graduan Kepujian Kelas Pertama dalam bidang Syariah dari Universiti Malaya dan diikuti LL.M dalam bidang Undang-undang Perbandingan dari School of Oriental Studies, University of London. Beliau kemudiannya mendapatkan PhD dalam bidang Perbandingan Undang-undang Pembuktian dari Universiti Manchester, United Kingdom. Dr Ismail telah berkhidmat sebagai Pensyarah di Kulliyyah Undang-undang, UIAM selama lebih 25 tahun. Beliau turut terlibat dalam menulis pelbagai perkara berkaitan Undang-undang Syariah, khususnya mengenai Wasiat dan Amanah. Beliau telah menerbitkan beberapa buah buku termasuk "The Legal History of Malaysia", "Estate Planning for Muslims" dan "Isu-Isu Harta Pusaka", "Practical Guide for Financial Planner Vol 1,2,3" dan "Muslim Law in Wealth and Estate Transfer" untuk Pustaka Nasional Singapura.

Dr Ismail adalah pakar Malaysia yang pertama untuk memberi keterangan dalam kes sulung/pertama melibatkan cabaran terhadap keabsahan nuzriah dalam perkara berkaitan harta pusaka di hadapan Mahkamah Tinggi Singapura (melibatkan Wasiat/Nazar bagi Saman Asal Haji Ibrahim 601221). Beliau juga muncul sebagai seorang pakar dalam kes-kes berkaitan harta pusaka di Singapura, Brunei dan Malaysia. Beliau merupakan salah seorang daripada ahli jawatankuasa yang merangka undang-undang Islam bagi Wasiat dan Amanah bagi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Kehakiman Islam Malaysia.

Beliau merupakan Penasihat Syariah untuk Amanahibah Malaysia sejak 2001. Dr Ismail juga menduduki kerusi Lembaga Pemegang Amanah untuk Infaq lil Waqf, ANGKASA, Ahli Jawatankuasa Syariah bagi Koperasi Angkasa (KOPSYA) ANGKASA dan sebagai ahli Lembaga Pengarah serta ahli Jawatankuasa Syariah, Etiqa Takaful Malaysia. Beliau adalah Penasihat Syariah berdaftar bagi Skim Unit Amanah Islam dan sekuriti Islam (Sukuk), Suruhanjaya Sekuriti, Malaysia dan merupakan Penasihat Syariah kepada Amanah Hartanah Bumiputera sejak 2010.

Jawatankuasa Syariah Kumpulan

Pengarah Penyelidikan, Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (ISRA)

Dr Marjan binti Muhamad dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah pada 1 Mei 2013.

Dr Marjan Muhamad merupakan Pengarah Penyelidikan, Jabatan Hal Ehwal Penyelidikan di Akademi Peyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (ISRA). Sebelum menyertai ISRA, beliau merupakan tutor di Fakulti Kehakiman dan Undang-undang di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ilmu Wahyu Islam dan Warisan (Fiqh dan Usul al-Fiqh) dari UIAM pada 1998 dan meneruskan Ijazah Sarjana dan PhD di universiti yang sama, kedua-duanya dalam Ilmu Islam dan Warisan Terungkap (Fiqh dan Usul-Fiqh). Oleh kerana penglibatan beliau di ISRA, beliau telah secara aktif menghasilkan pelbagai kertas penyelidikan dan artikel di peringkat antarabangsa mengenai kewangan Islam. Sebelum ini Dr Marjan adalah seorang Ahli Jawatankuasa Syariah RHB Islamic Bank dari 2011-2013.

Penolong Profesor, Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Dr Mohammad Deen bin Mohd Napiah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah pada 1 April 2005.

Beliau kini merupakan Penolong Profesor di Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim di UIAM. Beliau memperolehi ijazah pertama dalam bidang Pengajian Syariah & Islam dari Universiti Kuwait. Beliau berkelulusan Doktor Falsafah dari Glasgow Caledonian University, Scotland. Sebelum dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah Maybank Islamic, beliau merupakan Penasihat Syariah EON Bank Berhad dari 1997-2003. Beliau kini merupakan Penasihat Syariah kepada Amanah Hartanah Bumiputera sejak 2010, Penilai Akademik bagi Agensi Kualiti Malaysia (MQA) sejak 2001 dan juga merupakan Ahli Jawatankuasa Kerja untuk Terminologi Halal di Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM). Dr Mohammad Deen adalah Penasihat Syariah berdaftar bagi Skim Unit Amanah Islam dan Sekuriti Islam (Sukuk) di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Beliau juga merupakan Ahli Panel Jawatankuasa Tatatertib, Lembaga Tatatertib Peguambela & Peguamcara Majlis Peguam Malaysia.

Penyelidik, Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (ISRA)

Dr Mohamed Fairooz bin Abdul Khir dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah pada 1 Mei 2013.

Beliau adalah seorang penyelidik di ISRA dan Ketua Unit Perbankan Islam. Sebelum menyertai ISRA, beliau berkhidmat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) selama lapan tahun sebagai pensyarah di Jabatan Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan. Beliau adalah Penasihat Syariah berdaftar bagi Skim Unit Amanah Islam dan Sekuriti Islam (Sukuk) dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Syariah AGRO Bank, MNRB Retakaful dan Takaful Ikhlas. Beliau memperolehi PhD dan Sarjana Syariah dari Universiti Malaya, dengan pengkhususan dalam bidang Fiqh, Usul alFiqh dan Kewangan Islam, serta Ijazah dalam bidang yang sama dari UIAM. Beliau juga mempelajari Syariah di Jordan di bawah program yang diselia oleh Ulama Syariah Jordan yang terkemuka. Dr Mohamed Fairooz telah dianugerahkan Anugerah Biasiswa Syariah oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk kajian Ph.D dalam bidang kewangan Islam. Beliau terlibat secara aktif dalam penyelidikan berkaitan dengan kewangan Islam. Sebelum ini beliau adalah seorang penasihat Syariah kepada Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF).

Pensyarah, University Malaysia Sabah

Encik Sarip bin Abdul dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah pada 1 April 2011.

Beliau adalah seorang pensyarah di Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengkhusus dalam bidang Syariah, Muamalat Islam dan Kewangan Islam. Beliau memperolehi ijazah pertama dalam bidang Syariah dari Universiti Al-Azhar, Mesir dan Ijazah Sarjana Fiqh dan Usul Al-Fiqh dari Universiti Jordan, Amman, Jordan. Encik Sarip sedang mengikuti Ph.D dalam bidang Syariah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Syariah Baitulmal Sabah.

Nota: Tempoh Encik Sarip sebagai ahli Jawatankuasa Syariah MIB tamat pada 30 April 2015

Modal Insan Kumpulan

NORA ABD MANAF

Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan

2015

Keutamaan Kami

- Mempercepatkan pembinaan keupayaan dan mengekalkan tahap penglibatan kakitangan.
- Mengoptimumkan kos untuk membolehkan tahap produktiviti maksimum bagi memberikan hasil kelas dunia.
- Menginstitusikan budaya berprestasi tinggi dan menanamkan minda operasi cemerlang.

2014

Ulasan

- Majikan Terbaik Tahunan, Maybank merupakan kumpulan perkhidmatan kewangan pertama yang menduduki tempat teratas dalam senarai keseluruhan 100 majikan popular di Malaysia meliputi semua industri di negara ini dalam Anugerah 100 Majikan Graduan Terkemuka Malaysia 2014. Kedudukan ini meningkat jauh berbanding kedudukan ke-17 pada 2009. Maybank juga Pemenang bagi Kategori Perkhidmatan Perbankan dan Kewangan selama empat tahun berturut-turut di Anugerah 100 Majikan Graduan Terkemuka 2014.
- Selama dua tahun berturut-turut Maybank mendapat pengiktirafan daripada Towers Watson (TW) sebagai satu-satunya syarikat yang ditubuhkan di Malaysia termasuk dalam senarai Syarikat Amalan Berprestasi Tinggi Global Towers Watson. Pengiktirafan ini menjadi penanda aras bagi syarikat berprestasi tinggi di dunia yang menepati dua kriteria: (a) mengekalkan prestasi kewangan terbaik dan (b) penanda aras amalan sumber manusia untuk Syarikat Berprestasi Tinggi Global.
- Dari segi kepelbagaian dan kemampanan, Maybank merupakan pemenang bagi kategori Organisasi Malaysia Terbaik untuk Anugerah Keseimbangan Kerja dan Kehidupan 2014 oleh Talent Corporation Malaysia Berhad dengan kerjasama Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat serta pemenang bagi Anugerah Amalan Tempat Kerja Terbaik menerusi Anugerah Pelaburan Kemampanan Malaysia 2014 yang diberikan oleh Persatuan Akauntan Bertauliah.
- Produktiviti kami telah menunjukkan perkembangan positif tahun demi tahun sejak kami menyelaraskannya dengan inisiatif untuk meningkatkan produktiviti utama. Pendapatan bersih bagi setiap pekerja meningkat kepada RM393,924 pada tahun 2014 daripada RM388,067 pada tahun 2013 dan RM351,517 pada 2012. Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) bagi setiap pekerja adalah sebanyak RM193,695 pada 2014 (RM167,142 pada 2012 dan RM185,669 pada 2013) manakala pendapatan bagi setiap kos kakitangan adalah sebanyak 3.7 kali.

Modal Insan Kumpulan

Usaha berterusan dan disiplin dalam melaksana, menjejaki dan menambahbaik Pelan Transformasi Kakitangan dan Persekitaran Tempat Kerja sepanjang 5 tahun lalu telah memastikan prestasi kewangan yang mampan dan menggalakkan, serta kejayaan yang jelas ke arah budaya korporat yang baik. Ia juga menghasilkan amalan Pengurusan Bakat dan Pembangunan yang diiktiraf pihak luar sebagai amalan terbaik serta berjaya menarik bakat dan mengekalkan tenaga mahir yang tinggi, semuanya dilaksanakan sambil kami memastikan tahap penglibatan kakitangan yang tinggi.

Sejak 2008, kami telah berusaha menggerakkan inisiatif transformasi kakitangan dan kami amat bersyukur kerana mendapat pengiktirafan sebagai perintis dalam banyak aspek – berdasarkan kepada anugerah yang diterima setakat ini.

MENGEKALKAN PENGLIBATAN KAKITANGAN

Pelaksanaan Pelan Transformasi Kakitangan telah berjaya menaikkan tahap penglibatan kakitangan setaraf dengan syarikat berprestasi tinggi di dunia, berbanding tahap penglibatan yang lebih rendah daripada syarikat berprestasi tinggi global sebelum 2009.

MENGEKALKAN TAHAP PENGLIBATAN YANG TINGGI

adalah kunci utama bagi memastikan produktiviti tinggi dan merealisasikan pulangan yang kukuh terhadap pelaburan dalam sumber manusia.

Indeks Penglibatan Kakitangan Keseluruhan

sebanyak 82% kekal tinggi, berikutan perubahan transformasi dan struktural dibuat.

Berbanding Penanda Aras Dalaman dan Luaran: -3% berbanding 2012; -1% berbanding 2011; +3% berbanding Towers Watson Global Financial Services (GFS) Norm; -3% berbanding Towers Watson Global High Performing Company (GHPC) Norm.

Indeks Prestasi Tinggi (HPI)

sebanyak 76%. Berbanding Penanda Aras Dalaman & Luaran: -1% berbanding 2012; +2% berbanding 2011; +5% berbanding GFS Norm; -5% berbanding GHPC Norm.

Sepuluh Faktor Utama Melebihi Tahap Budaya Syarikat Berprestasi Tinggi Global:

- Pengurus bertanggungjawab terhadap prestasi mereka.
- Kepuasan kakitangan kerana terlibat dalam keputusan yang memberi kesan terhadap kerja mereka.
- Pengurusan Kanan mempunyai visi masa hadapan yang jelas.
- Organisasi menjalankan peranan dalam memajukan kakitangan mengikut potensi mereka sepenuhnya.
- Mendapatkan pendapat dan idea dari kakitangan.
- Pengurusan Sektor menyediakan hala tuju yang jelas.
- Organisasi menjalankan tanggungjawab yang cemerlang dalam memastikan kakitangan diberitahu mengenai perkara yang menjejaskan mereka.
- Penyelia kerap memberikan maklum balas terhadap prestasi mereka.
- Pengurusan Kanan memilki strategi formula perniagaan yang baik.
- Peluang pembelajaran dan pembangunan kakitangan untuk menambahbaik kemahiran dalam pekerjaan yang sedang dipegang.

Sumber: Kaji Selidik Penglibatan Kakitangan Kumpulan Maybank 2014 (EES) yang dikendalikan pada S1 2014.

90%

kakitangan rela bekerja lebih daripada yang diperlukan untuk membantu kejayaan organisasi.

Maklumat awal laporan hasil kaji selidik ini telah dikeluarkan dan diedarkan kepada kakitangan menerusi wakil Sektor yang dilengkapi dengan alat yang diperlukan bagi berkongsi keputusan kaji selidik dengan pasukan kerja masing-masing serta membangunkan pelan tindakan.

Modal Insan Kumpulan

Indeks Nilai Teras (CVI) sebanyak 78%. Berbanding Penanda Aras Dalaman & Luaran: -1% vs 2012; +3% vs 2011; +4% vs GFS Norm; -3% vs GHPC Norm

Nilai Teras kami, T.I.G.E.R. (Kerja Berpasukan, Integriti, Pertumbuhan, Kecemerlangan & Kecekapan, Membina Perhubungan) membentuk identiti yang sangat kuat dan faktor penyatuan bagi keluarga besar kami yang terdiri daripada 47,000 kakitangan, di 20 buah negara di seluruh dunia. Nilai-nilai ini diterapkan ke dalam tingkah laku semua kakitangan Kumpulan dan menjadi panduan tentang cara kami bekerja dan berurusan dengan pihak yang berkepentingan serta masyarakat di mana kami beroperasi.

Menerusi EES 2014, kami menyedari bahawa Nilai-nilai kami menjadi kunci utama penglibatan kakitangan. Pada tahun berkenaan, kami melancarkan Kempen Nilai Teras dalam Kumpulan, bertemakan "Menghidupkan Nilai Teras, Menepati Janji". Kempen yang berlangsung selama satu tahun yang berteraskan lima pemacu utama jenama Maybank ini bermatlamat untuk mengukuhkan Nilai-nilai dengan menterjemahkannya kepada tindakan yang berimpak besar. Sesi dialog mingguan yang dipanggil "Value Chats" (atau V-Chats) telah menyediakan laluan bagi pengukuhan perbincangan secara H.O.T. (Jujur, Terbuka & Saling Mempercayai). Sesi ini telah mendorong kakitangan untuk menyumbang buah fikiran untuk diberi penambahbaikan, menggalakkan kerjasama yang lebih kukuh bagi menambahbaik produktiviti dan persekitaran kerja – yang semuanya menjadi eleman yang amat penting untuk meningkatkan budaya berprestasi tinggi.

Lebih daripada 1,400 idea dijana untuk meningkatkan produktiviti. Maklum balas yang berimpak besar dari V-Chats telah dikongsi bersama sebagai amalan terbaik untuk menggalakkan kecemerlangan dan menjana buah fikiran di kalangan kakitangan. Idea-idea utama mewakili tema dan idea terbaik telah diberi pengiktirafan dan diraikan. Kejayaan kempen ini amat memberi kesan dan V-Chats telah dikenalpasti mampu menambahbaik kecemerlangan operasi, produktiviti dan prestasi selain memberikan inspirasi di seluruh Kumpulan.

Kakitangan kerap akan dilibat menerusi platform yang berbeza dan pelbagai seperti Taklimat Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif (PCEO) dan Sektor, Siri Perbincangan dengan Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) Kumpulan dan Pengerusi serta sesi "Pemimpin Mengajar Pemimpin" yang mana seorang EXCO akan meluangkan dua kali setiap bulan di waktu pagi untuk mengendalikan sesi ini. Sesi Taklimat PCEO Kumpulan yang diadakan setiap suku tahunan akan mengumpulkan kira-kira 800 pengurus di pejabat di seluruh dunia yang dihubungkan menerusi siaran laman sesawang ke sesi Taklimat yang diadakan di ibu pejabat di Kuala Lumpur. Platform penglibatan ini direka untuk pemimpin bagi melakar hala tuju yang jelas, menetapkan dan menerangkan mengenai jangkaan selain menggalakkan penglibatan kakitangan untuk menyempurnakan matlamat dan misi Kumpulan. Menerusi sesi penglibatan ini, kakitangan akan mendapat latihan secara langsung daripada pemimpin-pemimpin tertinggi dalam Kumpulan Maybank.

Saluran emel Tanya Pengurus Kanan (ASM) merupakan satu lagi saluran yang diwujudkan pada 2010 untuk memberikan mesej yang melibatkan komunikasi yang jelas dari peringkat bawahan hinggalah ke EXCO Kumpulan. Pada 2014, 139 daripada soalan yang dikemukakan di saluran ini telah membawa kepada tindakan yang berjaya diterjemahkan kepada idea baru. Idea ini kemudiannya telah dilaksanakan untuk menambahbaik kemudahan kakitangan dan persekitaran pejabat selain perkara-perkara yang memberi kesan kepada pelanggan.

Datuk Abdul Farid Alias, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan berkongsi maklumat mengenai prestasi kewangan Kumpulan pada Taklimat PCEO Kumpulan di hadapan 300 orang ketua pengurusan di seluruh Kumpulan.

MEMPERCEPATKAN REALISASI SINERGI DARIPADA SEMUA SUMBER DI SELURUH NEGARA OPERASI KAMI

Struktur baru Organisasi EXCO Kumpulan dan pelaporan matriks dimulakan pada 1 Januari 2014 untuk mempercepatkan realisasi potensi sebenar daripada pergaulan bersama.

Program promosi jelajah Transformasi Serantau oleh EXCO Kumpulan yang berlangsung sepanjang tahun di Singapura, Hong Kong, Filipina, Indonesia dan di seluruh Malaysia merupakan platform yang penting untuk menyelaraskan kakitangan dengan pendekatan usaha sama Kumpulan dan kaedah melakukan perniagaan. Promosi jelajah ini menekankan kepada menanamkan semangat bekerjasama dengan mengukuhkan nilai-nilai kami dan komunikasi secara H.O.T yang mana kakitangan berkongsi pandangan, maklum balas dan amalan terbaik untuk saling mempengaruhi, mencabar dan memberi inspirasi sesama sendiri.

Bengkel 'Pengemudian Organisasi Matriks dan Bekerjasama untuk Kejayaan Perniagaan' direka di peringkat dalaman dan diuruskan sepenuhnya oleh fasilitator syarikat ini wajib dihadiri oleh kesemua 1,000 pemimpin di seluruh Kumpulan pada 2014. Pelaksanaan program ini dibuat bagi memastikan pemimpin memahami cara kerja yang diperlukan mengikut struktur baru dan bagi mereka untuk disampaikan kepada pasukan kerja masing-masing dan mengikut aturan yang ditetapkan. Sebanyak 16 sesi dianjurkan pada tahun berkenaan yang melibatkan gabungan penyertaan sempadan fungsi dan geografi untuk mengatur penglibatan merentas sempadan di setiap bengkel. Lebih 91% peserta telah menyertai bengkel ini dan selebihnya selesai pada awal 2015. Program ini merupakan piawaian dalam kurikulum kecekapan kakitangan dan kempimpinan.

Bagi memastikan matlamat strategik struktur baru ini dicapai sepenuhnya, pelbagai pembolehcara yang berjaya termasuk keupayaan mengemudi organisasi matriks diletakkan, semuanya di bawah tajaan dan pengendalian EXCO Kumpulan. Perkara ini akan dipantau dengan teliti oleh Jawatankuasa Pengendalian Penyusunan Semula Kumpulan (GRSC) yang terdiri daripada ahli-ahli EXCO peringkat Kumpulan, yang ditubuhkan pada Oktober 2013. Jawatankuasa ini turut mengendalikan pengurusan maklum balas berpusat dan platform penyelesaian isu yang meliputi semua kebergantungan seperti pengurusan rangka kerja pemegang kepentingan, kewangan dan perakaunan, pemboleh cara sistem teknologi maklumat (IT) dan pemprosesan, perancangan tenaga kerja, pengurusan dan penyumberan, pengurusan tenaga mahir, pembangunan dan penempatan pekerja, serta komunikasi dan pengurusan perubahan.

Modal Insan Kumpulan

KECEKAPAN OPERASI

Kami terus memanfaatkan teknologi untuk Pengurusan Modal Insan (HCM). Ketika kami mengembangkan platform Modal Insan (HR) dalam talian dan pangkalan data untuk semua, dari aktiviti HR hinggalah Pembangunan Tenaga Mahir di seluruh Kumpulan, kami terus menambahbaik kecekapan operasi keseluruhan dari segi kepantasan, ketepatan dan konsistensi selain meningkatkan produktiviti kakitangan untuk menumpukan terhadap aktiviti strategik yang akan memberikan keputusan perniagaan yang dihajati.

Regionalisasi myHR2u, portal layan diri kakitangan dalam talian, merupakan inisiatif memberangsangkan dalam memperkasakan pemprosesan dan amalan HCM dalam Kumpulan, kunci utama transformasi dan regionalisasi prestasi perniagaan dan agenda produktiviti Kumpulan. Kami menjangkakan akan menyelesaikan pelaksanaan ini di seluruh Kumpulan menjelang S32015. Dalam tahun 2014, 40 pemprosesan manual telah dipindahkan ke pemprosesan terus dalam talian menerusi myHR2u. Dengan peningkatan pengguna dan kepelbagaian gaya telefon pintar, kami telah mengembangkan keselesaan HCM dengan mewujudkan aplikasi bagi myHR2u yang dikenali sebagai myHR2u Mobile-On-The-Go, yang dijadual untuk diperkenalkan pada 2015.

Bagi meningkatkan tahap perkhidmatan kami kepada pengguna dalaman, kami telah menaik taraf kemudahan meja bantuan HR Helpdesk. Secara purata, jumlah aduan yang diterima pada TK2013 dan TK2014 adalah sebanyak 23,000 setiap tahun. Sistem “Maklumbalas Interaktif Suara” dan “Sistem Pengurusan Panggilan” telah diperkenalkan pada akhir 2014 bagi memastikan kecekapan pengurusan pertanyaan dan pengalaman pelanggan dalaman yang lebih baik. Lain-lain inisiatif penambahbaikan perkhidmatan yang diperkenalkan termasuk Hari Terbuka HR dan Hari Duta GHC yang mana pada setiap hari Jumaat minggu pertama setiap bulan, kakitangan GHC dilibatkan dalam forum khusus bersama rakan sekerja untuk mendapatkan maklum balas terhadap keperluan mereka.

PEMBANGUNAN TENAGA MAHIR & KEPIMPINAN

Kami terus meningkatkan ketersediaan kelompok bakat tenaga mahir dan kepimpinan sambil kami mempercepatkan transformasi serantau, mengembangkan aktiviti perniagaan dan meningkatkan penglibatan kami di rantau ini. Kami memiliki rangka kerja pengurusan tenaga mahir yang mantap yang menghasilkan modal insan berpendidikan untuk ditempatkan di kalangan tenaga kami yang pelbagai di seluruh Kumpulan selain membolehkan kami untuk membentuk program yang bersesuaian mengikut peringkat, pengkhususan, dan kepimpinan berbeza. Kami menggunakan proses amalan terbaik global dalam mengenalpasti tenaga mahir, setanding atau lebih baik daripada organisasi berprestasi tinggi di dunia. Menerusi Audit Pembangunan Kepimpinan (LDA) yang dikendalikan oleh PwC berbanding standard institut Saratoga global dan serantau, kami mendapat penarafan amalan terbaik global untuk enam daripada sembilan aspek yang ditetapkan, manakala baki tiga lagi aspek dinilai sebagai amalan yang baik.

Kami terus mencapai 100% penyelesaian semakan tenaga mahir pelbagai peringkat yang diperkenalkan pada 2009, iaitu bagi Semakan Tenaga Mahir sektor, Negara dan Kumpulan. Sesi ini memainkan peranan kritikal dalam mengenalpasti tenaga mahir yang tepat untuk peranan yang sesuai selain membangunkan potensi tenaga mahir menerusi pelbagai program kenaikan pangkat pihak kepimpinan.

Kehilangan pekerja mahir telah dikurangkan kepada 14% pada 2014 berbanding 17% pada 2013 dan hampir 50% pada 2009. Kadar penerimaan tawaran kerja (mengukur daya tarikan organisasi sebagai majikan) kekal sebanyak 90% secara konsisten sepanjang beberapa tahun yang lepas berbanding kurang daripada 60% sebelumnya. Kadar pengekalan kakitangan pula telah meningkat berbanding kurang daripada 40% pada 2008, kepada 52% pada 2009 dan 86% pada 2014.

Kadar penggantian kakitangan lebih daripada 70% dan pelantikan dalaman hampir 80% berbanding sasaran yang dinyatakan iaitu untuk mengisi lapan jawatan bagi setiap 10 kekosongan jawatan di kalangan calon dalaman. Ini jelas menunjukkan komitmen kami untuk meningkatkan tahap tenaga mahir dalaman ke tahap global dan pada masa sama mengekalkan komitmen kami ke arah kepelbagaian dan penglibatan. Dari segi pergerakan di peringkat antarabangsa telah meningkat kepada lebih 130 tenaga mahir yang dihantar bagi tugasan antarabangsa berbanding 100 orang pada 2013 dan 53 orang pada 2012.

Program Kecekapan Pasukan Utama merupakan program dua tahun untuk mengukuhkan kecekapan EXCO Kumpulan dan kakitangannya. Seramai 42 ketua-ketua pengurusan terlibat dalam program ini pada 2014. Dalam tahun ini juga kami memperkenalkan program dalaman peningkatan kepimpinan utama yang dikenali sebagai Strategi Mempercepatkan Kesediaan Tenaga Mahir (STAR) yang melengkapkan rantaian pembangunan pucuk kepimpinan kami. Program ini merangkumi tiga matlamat iaitu mencapai kekuatan kedudukan kepimpinan utama yang mampan bagi tempoh program jangka panjang yang mampan; mempercepatkan kesediaan bagi mencari pengganti dan membangunkan ketua di kalangan EXCO Kumpulan yang mampu menyumbang bagi aspirasi Maybank selepas tempoh 2015. Seramai 45 ketua pemimpin kanan dari Malaysia, Singapura, Indonesia dan Filipina menyertai program dua tahun ini yang dijayakan di pusat-pusat kewangan utama seperti di Singapura, China dan Amerika Syarikat. Seramai empat peserta STAR ini telah menamatkan kursus dalam program Transisi Kepimpinan Menjadi CEO (TLC) yang bermatlamat untuk menyediakan tenaga mahir pengurusan peringkat pertengahan menyiapkan diri dengan peranan seperti CEO dalam tempoh tiga tahun menerusi platform intervensi kepimpinan yang disusun rapi. Pemilihan ini mengukuhkan kecekapan program TLC dalam membangunkan pelbagai personaliti kepimpinan. Seramai 67 peserta telah menamatkan kursus TLC ini dan 61 peserta lagi sedang mengikut kursus ini dalam pelbagai peringkat program berkenaan. Sebanyak 73% daripada peserta yang telah tamat kursus kini sama ada memegang peranan besar, mengembangkan skop tanggungjawab masing-masing atau telah maju dengan memegang peranan lain dalam Kumpulan.

Kami turut menawarkan beberapa program pembangunan junior dan program tenaga mahir yang dibangunkan sendiri untuk memupuk potensi kemahiran untuk mengekalkan kakitangan dalam jangka panjang dan bagi mereka untuk menduduki jawatan utama dalam Kumpulan. Program-program ini adalah seperti berikut:

- Program Bersepadu Pelaku Berpotensi Tinggi (HIP) – sehingga kini lebih daripada 750 generasi Y berpotensi tinggi mengikuti kursus ini yang dikendalikan di Malaysia, Indonesia dan Filipina.

- Maybank “Elevator Pitch Challenge” (MEPC) di Malaysia – memberi peluang kepada 32 bakat-bakat muda untuk menunjukkan kebolehan berfikir secara kritikal dan menunjukkan bakat mengemukakan buah fikiran kepada Pengerusi dan EXCO Kumpulan. MEPC merupakan program yang amat berjaya dan akan diperkenalkan di seluruh Kumpulan.

- Program Perantis Maybank Global (GMAP), merupakan program penggiliran tugasan selama dua tahun dalam sektor yang dipilih oleh tenaga mahir, termasuk tugasan antarabangsa untuk mendalami operasi rangkaian global Kumpulan. Jurulatih dan mentor yang berkenaan telah dilantik untuk memberi tunjuk ajar kepada Perantis Maybank Global di sepanjang program ini. Program GMAP ini telah dikembangkan pada 2014 kepada GMAP PLUS di mana mereka yang bercita-cita untuk menjadi Akauntan Bertauliah ditawarkan tajaan penuh di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) tanpa sebarang ikatan atau kontrak. GMAP terus menjadi daya tarikan utama bagi prospek tenaga mahir dan ia telah dicalonkan dalam senarai akhir tiga program terbaik bagi Program Latihan Pengurusan Terbaik dalam Anugerah 100 Majikan Graduan Terkemuka Malaysia 2014.

- Program Pengurusan Cawangan Peringkat Kemasukan (BMELP) telah diperkenalkan untuk mengenalpasti, meningkatkan kemahiran dan membuat persediaan bagi cawangan/pusat untuk mendorong kami untuk menerajui ruang runcit di negara ini. Program ini menggabungkan latihan intensif di kelas dengan pengalaman sebenar operasi di cawangan dan pusat perniagaan. Sejak 2011, seramai 117 peserta telah menyertai BMELP dengan hampir satu pertiga diletakkan di bawah kelompok kemajuan pantas kepada para Pengurus Cawangan dan Penolong Pengurus Cawangan dalam tempoh tiga tahun yang pertama.

- Maybank-EY satu lagi inisiatif kemasukan untuk terus mengukuhkan bakat tenaga mahir dalam bidang Kewangan dan Perakaunan dalam Kumpulan. Dengan kerjasama Ernst & Young, seramai 18 peserta dalam 3 kumpulan menyertai program bekerja sepenuh masa dengan EY di bahagian Audit. Pada akhir tahun ketiga, peserta akan memiliki pengalaman audit serta sijil profesional yang diperlukan dan sedia untuk menyertai Maybank.

Modal Insan Kumpulan

- Bakal tenaga kerja mahir juga boleh menyertai Maybank menerusi Program Latihan Amali yang menyediakan peluang kepada siswazah untuk mendapatkan pengalaman bekerja sebenar dan mengumpulkan kemahiran untuk meningkatkan keupayaan untuk mendapat pekerjaan selepas menamatkan pengajian. Pada 2014, seramai 205 pelatih telah mendaftar ke dalam program ini dan 15% telah diserap sebagai kakitangan tetap di Maybank.

Platform pengambilan kakitangan pelbagai saluran seperti Anugerah Biasiswa Kumpulan Maybank dan pertandingan kes perniagaan inovatif yang menonjol, Maybank GO Ahead Challenge (MGAC), telah menjadi platform berkenaan dalam mendapatkan bakat tenaga mahir terbaik di rantau ini untuk mengembangkan kerjaya dengan Kumpulan. Maybank terus menyemarakkan arena pertandingan di kalangan pelajar dengan menawarkan pengalaman berbeza yang direka untuk merangsang, mendorong dan memajukan para peserta.

Edisi ketiga MGAC pada 2014 dilangsungkan dengan janji yang lebih besar, lebih baik dan lebih berani. Lebih 10,000 permohonan diterima dalam tempoh permohonan singkat yang hanya dibuka selama lapan minggu. Jumlah permohonan ini meningkat lebih dua kali ganda daripada 2013 dan lonjakan 900% berbanding 2012 (1,000 permohonan). Bilangan negara peserta juga meningkat daripada 10 pada 2013 kepada 20 buah negara dan ini membuktikan kejayaan terhadap inisiatif globalisasi kami. Permohonan datang dari lebih 20 warganegara dari rantau ASEAN, AS, UK, China dan Hong Kong, Algeria, Sepanyol, Mauritius, Maldives dan Itali. Buat pertama kalinya juga, kami menerima permohonan dari negara seperti Russia, AS, Kazakhstan dan Myanmar. Bilangan mereka yang termasuk dalam senarai akhir juga meningkat daripada 30 peserta pada 2012 kepada 54 peserta pada 2013 dan 60 peserta pada 2014 bagi memastikan lebih banyak peluang bagi bakat-bakat muda untuk menyertai Maybank.

Untuk MGAC 2014, kami meningkatkan elemen inovasi dengan memperkenalkan peringkat Kampus kepada semua peserta dari kampus yang menyertainya di seluruh rantau ini. Buat pertama kalinya, Peringkat Akhir telah berlangsung di dua bandaraya iaitu di Kuala Lumpur dan Jakarta, bagi para peserta mengalami sendiri operasi serantau Maybank. Selain hadiah tunai, kumpulan pemenang turut mendapat peluang untuk menghadiri program Maybank STAR di Shanghai, yang merupakan program pembangunan kepimpinan untuk 50 pemimpin utama dalam Kumpulan Maybank untuk bertukar idea serta pembelajaran.

Seramai 85% daripada mereka yang menyertai Maybank daripada MGAC yang terdahulu dan tamat daripada pengajian mereka kini menyertai keluarga Maybank di negara seperti Singapura, Indonesia, Filipina, New York, Kemboja dan Malaysia. MGAC akan diteruskan pada 2015 sebagai platform yang menghubungkan minda di rantau ini dengan matlamat bersama bagi mencapai kerjaya yang bermakna dalam organisasi serantau. Dari perspektif pembinaan bangsa, MGAC menunjukkan komitmen Maybank untuk membangunkan bakat-bakat tenaga mahir di negara sendiri dengan menyumbangkan kemahiran untuk memajukan negara-negara yang disertai Maybank selain menjadikan Malaysia sebagai pusat tenaga mahir global dalam aspirasi negara menjelang 2020.

Sama seperti MGAC, Skim Anugerah Biasiswa Maybank telah menarik minat peringkat tertinggi dari segi minda pelajar dan siswazah. Pada 2014, kami menerima hampir 10,000 permohonan berbanding 6,000 pada 2013. Kami memberikan 50 biasiswa kepada para penerima untuk meneruskan pengajian universiti di dalam dan di luar negara dalam bidang-bidang berkaitan dengan pengurusan perniagaan atau perkhidmatan kewangan. Penerima biasiswa ini terikat dengan Maybank untuk tempoh tiga tahun jika mereka belajar di dalam negara dan lima tahun jika pengajian di luar negara. Ketika ini terdapat 158 penerima biasiswa Maybank yang sedang belajar di institusi pengajian tinggi terbaik di dalam dan luar negara. Kami turut memperkenalkan biasiswa kategori istimewa untuk mereka yang berjaya dari keluarga yang berpendapatan rendah di bawah RM24,000 setahun. Sebanyak 15 biasiswa telah diserahkan kepada pelajar yang berkenaan untuk meneruskan pengajian dalam disiplin berkaitan kewangan atau bidang keutamaan dalam Program Transformasi Ekonomi negara; seperti perubatan, seni bina dan pendidikan. Biasiswa ini tidak mengenakan sebarang ikatan. Jumlah tajaan biasiswa sepanjang 2014 adalah sebanyak RM12 juta.

Kalangan warga Maybank dan Puan Nora Abd Manaf, Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan, masing-masing dengan gembiranya meraikan kejayaan Maybank mendapat Anugerah 100 Majikan Graduan Terbaik di Malaysia

STRATEGI GANJARAN BERLANDASKAN PRESTASI

Ketika kami mengtransformasi perniagaan, strategi ganjaran kami telah dihubungkan dengan strategi perniagaan bagi memastikan keuntungan organisasi akan menghasilkan pulangan nilai untuk pemegang kepentingan selain menarik, mengekalkan dan memotivasi warga kerja untuk meningkatkan kemahiran, prestasi dan pertumbuhan kerjaya mereka dalam organisasi. Pendekatan menyeluruhi ke arah struktur ganjaran kami menawarkan kedua-dua ganjaran berbentuk kewangan dan bukan kewangan. Gaji pokok dijadikan penanda aras pasaran untuk kekal berdaya saing selain banyak lagi manfaat untuk kakitangan. Manfaat ini antara lain termasuk perubatan, kesihatan dan pengalaman kerja seperti anugerah perkhidmatan, program keseimbangan kerja-kehidupan dan masa kerja anjal.

Dalam tahun kewangan, dua Perjanjian Bersama (CA) berkaitan dengan Maybank telah dimuktamadkan dan dimeterai. Perjanjian CA yang pertama melibatkan Maybank dan Maybank Philippines Inc. CA yang kedua pula antara Persatuan Bank-bank Komersial (MCBA) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (NUBE).

Kami memberi ganjaran kepada kakitangan selari pendekatan meritokrasi kami. Ganjaran berasaskan prestasi termasuk bonus berubah/insentif, pelan insentif jangka panjang (seperti Skim Pemisahan Kakitangan (ESS)) dan skim insentif prestasi perniagaan. Pada 2014, kami menawarkan ESS Kumpulan kali keempat. Ketika ini terdapat 16 pelan insentif perniagaan yang ditawarkan untuk mengiktiraf prestasi yang luar biasa. Pelan Insentif Penasihat Kewangan Kakitangan telah diperkenalkan pada 2014 apabila Perkhidmatan Kewangan Komuniti (CFS) Malaysia melaksanakan pendekatan segmen pada 2015 untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan mewah untuk memastikan ia kekal menguntungkan Maybank.

Kami telah menambah platform lain untuk mendorong motivasi dan mengiktiraf kakitangan untuk dijadikan teladan. Ini termasuk pengiktirafan terhadap prestasi tertinggi untuk pengurus terbaik, eksekutif, bukan eksekutif, Kakitangan Maybank muda terbaik, pegawai/saluran jualan terbaik, juara nilai teras, sukarelawan korporat bertanggungjawab, anugerah khidmat jangka panjang, anugerah kecemerlangan akademik kakitangan dan peluang pembangunan kerjaya. Di Malaysia, kami memberi ganjaran sebanyak RM877,308.20 bagi kakitangan untuk mengambil pelbagai kursus profesional dan siswazah. Pada 2014, 1,998 kakitangan menerima anugerah perkhidmatan lama untuk tempoh 10, 20, 30 dan 40 tahun perkhidmatan dengan setiap satu menerima hadiah berupa syiling emas dan sijil penghargaan.

Selain manfaat kakitangan yang ditawarkan di bawah pakej jumlah ganjaran kami, Maybank Malaysia memiliki Tabung Kebajikan Kakitangan Kumpulan Maybank (TKKKM) yang menyediakan bantuan kewangan untuk kakitangan dan keluarga mereka yang menderita sakit, kemalangan dan kehilangan atau kerosakan harta benda disebabkan oleh bencana alam selain kes-kes yang tidak mendapat perlindungan di bawah skim kakitangan yang disediakan oleh Kumpulan. Pada 2014, seramai 593 kakitangan di Maybank Malaysia menerima lebih daripada RM898,773 daripada TKKKM. Contoh inisiatif kebajikan yang telah diberi pertimbangan iaitu dalam bencana banjir besar yang melanda baru-baru ini pada Disember 2014. Maybank telah bertindak pantas untuk membantu rakan-rakan sekerja dan komuniti yang terjejas akibat bencana yang berlaku di Kelantan dan Pahang. Lebih 800 kakitangan telah mendaftar sebagai sukarelawan untuk membantu mengagihkan bekalan kecemasan untuk rakan-rakan dan komuniti serta membantu membersihkan rumah rakan-rakan sekerja dan cawangan Kumpulan.

Modal Insan Kumpulan

Selain daripada peruntukan makanan dan bekalan kecemasan, kakitangan yang terjejas turut dipindahkan dan ditempatkan di lokasi alternatif. Kakitangan turut berkumpul dan menganjurkan kempen meraih dana di peringkat dalaman di seluruh Kumpulan untuk rakan sekerja yang terjejas dan telah meraih lebih daripada RM500,000 dalam tempoh sebulan. Jumlah itu telah disalurkan kepada TKKKM. Dana kecemasan sebanyak RM1,000 telah diagihkan dengan segera kepada kakitangan yang menghadapi kerosakan rumah akibat banjir berkenaan. Sehingga kini, TKKKM telah mengagihkan sejumlah RM356,000 kepada kakitangan yang terlibat. Maybank turut memberikan kupon yang boleh ditebus untuk membeli barangan elektrik kepada kakitangan yang terjejas banjir. Bantuan kewangan selanjutnya akan disediakan sebaik sahaja kakitangan telah menentukan bentuk kerugian. Kakitangan yang mengalami trauma akibat banjir telah menerima sesi kaunseling pasca banjir yang dikendalikan oleh Pusat Kesiapsiagaan dan Pusat Tindak Balas, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kami memberikan lebih daripada kebiasaan dan turut memberi perhatian dan sokongan terhadap keluarga kakitangan kami. Pada 2014, kami telah mengagihkan sebanyak RM308,000 kepada 622 anak-anak kakitangan yang cemerlang dalam peperiksaan awam di Malaysia, manakala di Singapura, 19 anak-anak kakitangan telah menerima SG$16,600. Di bawah Bantuan Kewangan Maybank untuk anak-anak kakitangan memasuki institusi Pengajian Tinggi dan Asrama telah melibatkan sebanyak RM100,900 kepada 131 pelajar, di Malaysia pada 2014. Bagi kakitangan yang memiliki anak-anak di bawah program Kembali ke Sekolah, di Malaysia sebanyak RM199,200 telah diperuntukkan untuk 996 pelajar. Di BII Maybank, di bawah BII Biasiswa Prestasi, sebanyak IDR1,014 bilion telah diberikan kepada 439 anak-anak kakitangan yang cemerlang dalam pelajaran mereka.

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN

Kami terus melaksanakan yang terbaik dalam program pembelajaran dan pembangunan untuk memupuk kakitangan kami di pelbagai peringkat. Pendekatan nisbah intervensi 70:20:10 (Pembelajaran melalui pengalaman: Kejurulatihan, Mentor & Rangkaian: pembelajaran formal) menggariskan struktur bersepadu rangka kerja nisbah pembelajaran yang memberi penekanan kepada pembelajaran melalui pengalaman untuk membantu kakitangan kami membangunkan minat yang lebih besar untuk belajar sendiri selain menyediakan program pembelajaran yang menyeluruh. Diselaraskan dengan Saranan Nilai Majikan (EVP) “GO Ahead” yang mana kakitangan digalakkan untuk bertanggungjawab terhadap kemajuan peribadi mereka dengan meningkatkan kemahiran, mengambil tanggungjawab yang lebih besar, tugasan berganti dan tugasan antarabangsa. Komitmen ini ditunjukkan menerusi pelaburan kami dalam pembelajaran dan pembangunan yang telah melepasi penanda aras global.

Pada TK2014, perbelanjaan pembelajaran Kumpulan adalah sebanyak RM117.9 juta. Di Malaysia, perbelanjaan pembelajaran berjumlah RM90.6 juta dan ini melepasi standard minimum yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia sebanyak 12.3%. Hari latihan bagi setiap kakitangan ditetapkan pada purata 4.21 hari iaitu lebih tinggi daripada penanda aras global oleh Persatuan Pembangunan Tenaga Mahir (dulunya dikenali sebagai ASTD) penanda aras global 3.81 hari. Aktiviti pembelajaran sepanjang tahun yang dikaji telah menumpukan kepada pengukuhan pengetahuan dan kemahiran bagi meningkatkan kecekapan operasi dan kecemerlangan perkhidmatan yang mendedahkan pemimpin kepada aliran inovasi untuk menambahbaik kemahiran kepimpinan mereka, mengembangkan pensijilan kakitangan untuk melaksanakan model perniagaan dengan jayanya, seperti pendekatan segmen pelanggan bagi jualan dan juga pematuhan kepada keperluan pihak pengawal selia. Portal utama kami, MyCampus, menyediakan kakitangan akses dalam talian 24 jam untuk menyertai program yang lengkap dan luas tentang pembelajaran dan pembangunan meliputi 345 kursus e-pembelajaran. Pada 2014, penggunaan e-pembelajaran telah melibatkan 273,206 jam pembelajaran.

Dalam tahun ini juga, Modal Insan Kumpulan dan Pengurusan Kredit Kumpulan (GCM) telah memulakan program bersama untuk meningkatkan kemahiran kredit dan merapatkan jurang kecekapan kakitangan kredit teras di seluruh Kumpulan. Kakitangan kredit teras ditempatkan di bawah program Pensijilan Kredit Profesional (PCC) oleh Asian Institute of Chartered Banker (AICB) untuk kakitangan di Malaysia, Penilaian Kemahiran Kredit (CSA) oleh Omega untuk pekerja di Malaysia dan negara-negara lain serta Program Akreditasi Kredit Dalaman Maybank (MICAP) oleh GCM. Lebih daripada 1,100 atau 93.3% daripada kakitangan kredit teras di seluruh Kumpulan yang menyertai program ini telah menerima Sijil Kredit masing-masing.

Dengan pencapaian ini, Maybank terus melaksanakan lebih daripada standard industri pada 2014 dan menghasilkan bilangan kakitangan pentauliahan CCP paling ramai, berbanding pesaing. Maybank turut mencatatkan bilangan graduan paling tinggi semasa majlis Graduasi AICB.

Pada 2014, kami memperkenalkan platform pembelajaran baru untuk mengukuhkan budaya pembelajaran dalam organisasi selain untuk pertumbuhan profesional dan peribadi. Tiga siri baru yang dikenali sebagai Siri Kemahiran Teknikal, Siri Pengarang dan Kepimpinan Penyelidikan telah dilancarkan untuk kepimpinan dan kakitangan kami untuk mempelajari gaya baru dan mendapatkan pandangan daripada pengamal terbaik dalam bidang dan pengkhususan yang berbeza. “Siri Cendikiawan” diteruskan pada 2014, dengan 11 program, setengah hari setiap satu, pembelajaran untuk pengurus kanan yang melibatkan pakar-pakar pengurusan, pakar kepimpinan dan pemimpin cendekiawan dari seluruh dunia. Penceramah-penceramah ini berkongsi pandangan mereka mengenai pelbagai disiplin, seperti strategi, pengambilan risiko, pemusatan pelanggan, meningkatkan keupayaan diri dan pasukan, serta kepintaran global.

Kurikulum pengurusan dan kepimpinan yang komprehensif di bawah Program Eksekutif Hebat Maybank, Pengurus Hebat dan Kepimpinan Hebat Maybank melibatkan program yang dibangunkan secara dalaman dan luaran yang diberikan oleh Rakan Pembelajaran yang cekap dan bertauliah. Kurikulum pembelajaran dibina berasaskan set kecekapan kepimpinan Maybank yang dibangunkan sendiri (SEARCH & SEARCH Plus) dan menyediakan rangka kerja pembelajaran yang disediakan khusus untuk peringkat kakitangan yang berbeza bagi melengkapkan mereka untuk memimpin kendiri, kumpulan dan organisasi. Seramai 1,743 bakat utama mendapat manfaat dari program ini berbanding tahun sebelumnya.

Untuk memastikan kejayaan inisiatif transformasi baru CFS Malaysia yang menggunapakai pendekatan segmentasi untuk pelanggan mewah dengan tumpuan khusus bagi meningkatkan kecekapan operasi kami, pemusatan pelanggan dan produktiviti, program pembelajaran yang berstruktur telah dilaksanakan untuk barisan hadapan baru (dikenali sebagai Penasihat Kewangan Peribadi (PFA)). PFA diberi amanah untuk mengukuhkan perhubungan Pelanggan Mewah menerusi komunikasi yang berterusan dan tawaran produk yang lengkap. Konsep PFA bagi CFS Malaysia bermula pada TK2015. Program latihan PFA menumpukan kepada kemahiran, pengetahuan produk yang lengkap, kecekapan peribadi, pengalaman kemahiran jualan dan pemasaran. Latihan disediakan bagi membolehkan mereka untuk mendapatkan sijil yang diperlukan untuk mengembangkan jualan dan produk pembiayaan selain meningkatkan keupayaan profesional. Lebih daripada 650 PFA telah menyertai program ini sehingga Disember 2014. Kecekapan program ini terbukti pada pelancaran pengenalannya di 12 cawangan pada 2014 yang mana peningkatan jualan dialami bagi produk insurans dan pembiayaan selain pengalaman pelanggan yang lebih baik.

Dengan jumlah tugasan antarabangsa yang bertambah tahun demi tahun dan keperluan untuk memastikan bakal petugas kami bersiap sedia untuk berkhidmat dalam persekitaran baru mereka, kami telah merangka Program Mobility Global pada 2014. Seramai 31 bakat tenaga mahir di seluruh Kumpulan telah menghadiri program ini, yang didatangkan dari pelbagai bahagian dan negara seperti Kemboja, China, Hong Kong, Indonesia, Filipina, Vietnam dan Malaysia.

Untuk menggalakkan lagi budaya membaca, pada Jun 2014, kami telah melaksanakan program e-buku dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) untuk membolehkan kakitangan mendapatkan e-buku PNM seperti buku profesional dan peningkatan diri. Usaha sama buat pertama kali antara PNM dan sebuah badan korporat di Malaysia membolehkan kakitangan untuk mendapatkan laluan selesa bagi 500 e-buku dan memuat turun buku-buku berkenaan ke dalam komputer peribadi atau peranti mudah alih yang boleh digunakan untuk pembangunan pelajaran berterusan. Pada masa sama, kami meningkatkan kemudahan di Akademi Maybank di Bangi, Malaysia untuk persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif.

Maybank telah melaksanakan Program Peralihan Kerjaya (CTP) berstruktur untuk mengatur semula dan meningkatkan kemahiran kakitangan yang terganggu oleh perniagaan dan pengaturcaraan semula operasi supaya mereka terus menunjukkan prestasi. Ia memberikan mereka ketangkasan untuk melaksanakan peranan baru dengan cepat. Kejayaan CTP telah menyumbang kepada sekumpulan bakat tenaga mahir yang tersedia dan pendekatan ini akan diperkenalkan di Indonesia. Pada 2014, seramai 119 kakitangan telah dipindahkan ke jawatan baru.

Modal Insan Kumpulan

RANGKA KERJA PEMBELAJARAN KUMPULAN MAYBANK



* Rangka kerja ini merangkumi semua kakitangan dalam unit di Maybank termasuk syarikat subsidiari dan negara iaitu BII, MPI, MIB, Etiqa, MKE.

Dewan Kuliah diperbaharui di Akademi Maybank

TEMPAT KERJA & KESEJAHTERAAN

Anugerah yang diterima oleh Maybank pada 2014 terdiri daripada "Anugerah Utama" bagi kategori Kewangan, Insurans dan Hartanah di Anugerah Kecemerlangan OSH Nasional 2014. Anugerah ini mengiktiraf organisasi di seluruh negara yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam pelaksanaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) di tempat kerja mereka. Ia juga menjadi testimoni tentang keutamaan yang diberi kepada keselamatan dan kesejahteraan di tempat kerja, berlandaskan Testimoni Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kami sebagai janji untuk kakitangan dan pihak berkepentingan. Ketika Maybank mempercepatkan momentum sebagai organisasi serantau, Modal Insan Kumpulan akan menumpukan terhadap perkongsian meluas amalan terbaik OSH di seluruh Kumpulan. Kami kini sedang melaksanakan rangka kerja OSH Maybank Malaysia dengan Maybank BII Indonesia, mengikut peraturan OSH Indonesia.

Modal Insan Kumpulan

Penjagaan OSH turut dikembangkan kepada vendor dan Maybank merupakan satu-satunya bank yang melaksanakan standard tertinggi terhadap keselamatan di tempat kerja yang melibatkan kontraktor di premis, selari dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan jumlah kemalangan yang melibatkan kontraktor berisiko tinggi. Pengenalan Program Keselamatan Kontraktor pada 2011 seperti Pasport Keselamatan NIOSH-Maybank (NMSP) di bangunan utama Maybank merupakan contoh untuk memastikan keselamatan dan kesihatan semua kontraktor ketika bekerja. Semua usaha dijalankan oleh Maybank pada 2014 untuk membuat persiapan yang perlu bagi pelaksanaan penuh NMSP pada 2015.

Pelbagai inisiatif diteruskan untuk mempromosikan kesedaran terhadap OSH di kalangan kakitangan dan pemegang kepentingan di tempat kerja kami. Aktiviti berkaitan kesihatan dan kesejahteraan merupakan inisiatif tahunan untuk menggalakkan gaya hidup sihat. Antara program dan kempen yang memanfaatkan warga Maybank dan juga ahli keluarga mereka adalah Bengkel Ergonomik, Bengkel Keibubapaan Positif, Bengkel Terapi Minda@Kerja dan Program Perjalanan Selamat yang memanfaatkan lebih 1,000 kakitangan pada 2014. Kami turut menyediakan sesi kaunseling untuk mereka yang terjejas akibat bencana.

Ceramah kesihatan bulanan popular oleh pakar dalam kerjaya perubatan meliputi pelbagai topik yang berkaitan kesihatan pekerjaan, penyakit utama termasuk yang lazim dihidapi oleh kaum wanita serta gaya hidup sihat seperti Program Pengurusan Berat Badan “Trim & Fit”. Hari Terbuka Kesihatan dan Kesejahteraan yang dianjurkan pada 2014 mempromosikan kesedaran terhadap gaya hidup sihat untuk kakitangan. Lebih daripada 1,900 kakitangan menghadiri program ini pada 2014.

Kami membuat keputusan untuk memulakan secara rasmi Dasar Keseimbangan Kerja-Kehidupan di seluruh Kumpulan pada 2013 walaupun kami memulakan inisiatif keseimbangan gaya hidup lebih awal dalam konteks Pelan 5-tahun Transformasi Kakitangan dan Prestasi yang dilaksanakan sepenuhnya pada 2009. Dengan pendekatan perniagaan terhadap keseimbangan gaya hidup ini, kakitangan menjadi lebih produktif. Ciri-ciri utama dalam Program Kerja Fleksibel yang dulu diamalkan mengikut permintaan, kini diuruskan dalam dasar yang disampaikan di seluruh Kumpulan merangkumi jadual fleksibel tetap, masa fleksi, lokasi kerja fleksi dan penukaran kepada pekerjaan masa tetap sambilan. Lebih daripada 100 kakitangan diluluskan bagi Program Kerja Fleksibel ini dalam tempoh 15 bulan lalu.

Maybank memiliki inisiatif lain yang diperkenalkan secara rasmi bagi memastikan keseimbangan kerja-gaya hidup dicapai dengan jayanya bagi kedua-dua organisasi dan juga kakitangan. Pusat Jagaan Kanak-kanak Kakitangan Maybank (MT3C) ditubuhkan pada Januari 2014 dan dipercayai menjadi yang pertama seumpamanya mengendalikan pusat jagaan hanya untuk tujuan kecemasan di Malaysia. Ibu bapa yang berdepan dengan masalah untuk meletakkan anak mereka dalam jagaan, menggunakan kemudahan di pusat ini bagi melegakan minda untuk tempoh sementara dan pada masa sama mereka mencari perkhidmatan penjagaan alternatif. Kemudahan penjagaan kanak-kanak kecemasan ini menyokong Maybank untuk menumpukan kepada usaha menambahbaik produktiviti.

Sejak penubuhan MT3C untuk kanak-kanak berusia dari 3 – 6 tahun, dan sehingga Februari 2015, seramai 691 anak-anak kakitangan telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan ini. Ramai dari kanak-kanak menggunakan perkhidmatan ini terdiri daripada mereka yang berusia tiga tahun ke bawah, manakala 52% pula berusia kurang dari 2 tahun. MT3C turut menyediakan ruang menyusu badan untuk para ibu mengekalkan hubungan dengan bayi mereka, walaupun di tempat kerja.

Satu daripada inisiatif penjagaan kesihatan penting adalah pengubahsuaian Pusat Rekreasi Maybank di Menara Maybank yang dibuka kepada lebih 6,000 kakitangan di bangunan ini dan cawangan-cawangan berhampiran, serta pesara Maybank. Pengubahsuaian ini termasuk kemudahan baru seperti ruang latihan kardio, studio kepantasan dan aerobik, gelanggang skuasy dan badminton, permainan pepapan, serta kemudahan bilik salinan dan mandi.Turut disediakan, gimnasium berasingan untuk wanita berikutan maklum balas daripada kakitangan wanita. Kemudahan-kemudahan ini melengkapkan pelbagai kemudahan bersukan lain di Akademi Maybank yang terdiri daripada trek, kolam renang, gelanggang tenis, padang bola dan gimnasium.

Maybank mempunyai rekod yang membuktikan sokongannya terhadap sukan di kalangan kakitangan. Kakitangan kami mewakili beberapa bidang sukan di negara ini dan akan terus kekal berbuat demikian. Dalam Liga Hoki TNB Malaysia, Maybank menduduki tempat keenam dan bagi keseluruhan Kejohanan Piala TNB kami menduduki tempat keempat. Pasukan Maybank terus muncul sebagai juara keseluruhan dalam acara sukan tahunan Majlis Sukan Bank-Bank Malaysia sejak 1982. Lebih 2,000 kakitangan Maybank dari seluruh Kumpulan menyertai acara dua tahunan Karnival Sukan Maybank 2014.

SUKARELAWAN KAKITANGAN: MENGILHAMKAN MAKNA & KEMAMPANAN

Program sukarelawan Cahaya Kasih (CK) merupakan program sukarelawan perdana Maybank yang mana kakitangan menyumbang masa dan kemahiran mereka untuk memberikan perubahan positif dan perbezaan ke dalam komuniti di mana sahaja Maybank beroperasi. Dalam tahun yang dikaji, lebih daripada 26,200 sukarelawan menyumbangkan lebih daripada 142,900 jam bekerja untuk Cabaran CK dan aktiviti-aktiviti lain. Kecenderungan mereka untuk kerja sukarela ini dibuktikan dengan penyertaan aktif dalam banyak Program Sukarelawan Cahaya Kasih seperti inisiatif mampan Cabaran CK, Hari CR Global Maybank, sambutan perayaan dengan komuniti, acara-acara/kempen di peringkat kebangsaan yang mempromosikan keharmonian, selain turut membantu secara sukarela ketika bencana alam.

Kami terus memastikan program sukarelawan ini selari dan dilaksanakan dengan berkesan di seluruh Kumpulan dengan melatih Pengurus-pengurus Perancangan yang bertanggungjawab untuk menyelaras inisiatif kesukarelawanan di seluruh Kumpulan. Seramai 103 Pengurus Perancangan Cahaya Kasih di serata Kumpulan menghadiri bengkel 3-hari yang bermatlamat untuk menambahbaik perancangan dan pelaksanaan inisiatif selain berkongsi program kecekapan untuk peserta lain meningkatkan aktiviti mereka.

Hari CR Global Maybank menyaksikan warga kerja Maybank dari seluruh dunia melaksanakan inisiatif jangka panjang dalam menunjukkan sisi kebaikan mereka. Hari Maybank Global Kelima pada 2014 bertemakan Menginspirasikan Komuniti Global, menggariskan pencapaian dari segi penyertaan dan pelbagai inisiatif yang telah dijalankan. Seramai 24,971 kakitangan dari seluruh dunia terlibat dalam acara ini, naik 6.2% berbanding 2013. Jumlah jam sukarelawan juga meningkat kepada 129,921 (berbanding 92,000 pada 2013).

Pada 2014, kami melancarkan pusingan kedua Cabaran CK dengan 96 inisiatif telah dilaksanakan yang selari dengan Tunjang CR Yayasan Maybank iaitu Memperkasakan Komuniti, Kehidupan Sihat, Kepelbagaian Persekitaran dan Seni & Budaya. Daripada 96 inisiatif yang dilaksanakan, 43% menumpukan kepada pemerkasaan masyarakat, 36% mengenai Pendidikan, 17% Kehidupan Sihat, 3% Kepelbagaian Persekitaran dan 1% Seni & Budaya. Kemajuan inisiatif ini dikongsi di dalam laman mikro Cahaya Kasih. Ia boleh dilayari oleh semua warga Maybank untuk berkongsi tentang amalan terbaik.

Dengan kecemerlangan pasukan kerja dan jiwa yang besar, sukarelawan banjir Maybank telah bekerjasama menganjurkan usaha untuk membantu mereka yang terjejas akibat bencana ini

Modal Insan Kumpulan

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Abdul Farid Alias menyertai aktiviti "Habitat Kemanusiaan" di Maybank New York

Lembaga Pengarah, Pengerusi, EXCO Kumpulan, warga Maybank dan anak-anak yatim menikmati detik-detik istimewa bersama di Sambutan Deepavali Kumpulan Maybank

Bazar Amal 2014 Modal Insan Kumpulan di Midvalley Megamall

Puan Nora Manaf, Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan menyertai warga Maybank dan anak-anak kurang berkemampuan untuk membuat sampul hadiah tradisional Kraker Krismas pada sambutan Krismas yang penuh keceriaan

Anak-anak dari rumah kebajikan menerima hadiah Hari Raya pada sambutan Hari Raya Kumpulan Maybank

Kempen membaca buku Maybank Kemboja

Modal Insan Kumpulan

DASAR KEPELBAGAIAN, KETERANGKUMAN & JANTINA

Sebagai organisasi serantau dengan kakitangan dari lebih 30 negara, kami menghargai kepelbagaian dan perbezaan dengan mendapatkan pengalaman dan kreativiti untuk memberikan kami lebih kecekapan, kemahiran dan pengalaman yang luas bagi meningkatkan keupayaan selain memberi kesan kepada perniagaan. Dasar Kepelbagaian dan Keterangkuman yang mentadbir semua aspek amalan dan aktiviti kakitangan, memastikan tiada penindasan atau gangguan, dan diasaskan kepada peraturan meritokrasi. Prinsip ini ditanamkan dalam strategi, dasar dan amalan HR dari pengambilan kakitangan hinggalah latihan, memberi ganjaran dan pampasan serta kenaikan pangkat, persaraan, latihan, aktiviti kesihatan dan riadah, dan inisiatif tanggungjawab korporat di kalangan kakitangan seperti yang dilaporkan dalam bahagian ini. Dasar ini turut diamalkan dalam perhubungan perniagaan kami dengan pemegang kepentingan.

Nisbah jantina sentiasa dipantau sebagai sebahagian daripada standard papan pemuka kakitangan sejak lima tahun lalu dalam program transformasi kami. Ia turut dipantau sebagai sebahagian daripada Agenda Keterangkuman dan Kepelbagaian Kumpulan Maybank (GIDA) menerusi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam papan skor EXCO Kumpulan. Kami terus memajukan agenda wanita kami untuk mempercepatkan pembangunan dan meningkatkan prestasi dan pada masa sama berjaya menyeimbangkan permintaan terhadap kerjaya dan kehidupan peribadi. Selain daripada banyak program untuk mewujudkan persekitaran mesra kakitangan seperti aturan kerja yang fleksibel, cuti bersalin 90 hari, cuti untuk bapa, peruntukan bagi kos bersalin untuk kakitangan yang layak, sambutan seperti Hari Wanita Antarabangsa Kumpulan Maybank, program kesihatan, dan MT3C, kami turut menubuhkan Jawatankuasa Wanita Maybank. Jawatankuasa ini berfungsi dalam struktur semasa Maybank untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam pengurusan atasan dan telah menggariskan lima sasaran untuk dilaksanakan pada 2015. Sasaran ini bukan sahaja meliputi kejayaan melantik wanita berkelayakan ke dalam 30% jawatan kosong peringkat pengurusan pada 2014, tetapi juga kejayaan cemerlang dalam perniagaan yang diperolehi dari pengetahuan diri wanita, sebagai contoh – keperluan dan corak pembelian dan pengurusan kewangan wanita. Inisiatif penting lain yang dilaksanakan pada lewat 2013 adalah pelancaran program Wanita Mentor Wanita (WMW) yang membentuk 35 menti wanita yang dipasangkan dengan mentor dari kalangan pengurusan kanan.

Pada 2014, wanita dalam kumpulan kerja Maybank terdiri daripada 58%. Penglibatan wanita dalam jawatan pengurusan kanan telah meningkat daripada 11% pada 2008 kepada 35% pada 2014. Wanita dalam kelompok pelan penggantian untuk jawatan-jawatan penting meningkat daripada 19% pada 2010 kepada 35.1% pada 2014.

Puan Nora Abd Manaf, Ketua Modal Insan Kumpulan menerima Anugerah "Organisasi Malaysia Terbaik" daripada Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Anugerah Kehidupan di Tempat Kerja 2014

Kami berusaha untuk memperkasakan kakitangan kami dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan...

'Kelas 2011'
oleh **Terence John Ryman Terry**
Anugerah Fotografi Maybank 2012
Jurugambar Tahunan Terbaik

Diecut

'Penunggang Basikal'
oleh **Augusto Dela Cruz**
Anugerah Fotografi Maybank 2013
Fotografi Jalanan

...untuk memastikan prestasi kami didorong oleh inovasi yang berterusan.

ULASAN PRESTASI

Ulasan Ekonomi & Industri	**80**
Ulasan Kewangan Kumpulan	**86**
Pengurusan Modal	**94**
Prestasi Kewangan	**96**
- Ringkasan Kewangan Kumpulan 5-Tahun	**96**
- Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan	**98**
- Prestasi Kewangan Suku Tahunan Kumpulan	**99**
- Faedah Utama Berkaitan Aset dan Liabiliti	**99**
- Penyata Nilai Tambah	**100**
- Maklumat Segmental	**101**
Maklumat Pelabur	**103**
- Perhubungan Pelabur	**103**
- Analisis Pemegang Saham	**107**
- Saham Maybank	**109**
- Jumlah Pulangan Pemegang Saham	**111**
- Penciptaan Nilai Pemegang Saham Jangka Panjang	**114**

ULASAN SEKTOR PERNIAGAAN

Perkhidmatan Kewangan Komuniti	**116**
Perbankan Global	**122**
Operasi Antarabangsa	
- Antarabangsa	**134**
- Singapura	**140**
- Indonesia	**142**
Insurans & Takaful	**144**
Perbankan Islam Kumpulan	**150**
Teknologi Kumpulan	**156**
Operasi Kumpulan	**160**

PERINTIS INOVASI

1978

Menerajui pengkomputeran dalam operasi perbankan di Malaysia

1981

Bank Malaysia pertama memperkenalkan mesin juruwang automatik (ATM) di Malaysia

1992

Bank pertama di Malaysia menawarkan perkhidmatan perbankan telefon berkomputer

2000

Bank pertama di Malaysia memperkenalkan perkhidmatan perbankan Internet

2006

Bank pertama menawarkan perbankan SMS diikuti M2U Mobile menggunakan telefon GPRS/3G

Ulasan Ekonomi & Industri

Ekonomi: Pertumbuhan ekonomi global pada 2014 adalah stabil pada 3.3% (2013: 3.3%) tetapi tidak seimbang di seluruh negara ekonomi utama di tengah-tengah pengembangan ekonomi berterusan di AS (2014: 2.4%; 2013: 2.2%), zon Euro yang suram (2014: 0.9%; 2013: -0.4%), Jepun yang stagnan (2014: 0.0%; 2013: 1.6%) dan kelembapan di China (2014: 7.4%; 2013: 7.7%).

Sektor Perbankan: Dalam tahun sehingga Oktober, Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (AS) mengurangkan rangsangan monetari secara berperingkat-peringkat (iaitu pengurangan kuantatif atau QE). Ini diikuti dengan isyarat dasar selanjutnya yang stabil menerusi garis panduan kenaikan kadar faedah pada 2015. Ini telah mencetuskan penghindaran risiko dan perubahan dalam aliran modal keluar dari matawang dana setiap negara ekonomi utama dan pasaran sedang muncul, berpihak kepada matawang dan aset berasaskan dolar AS. Pada masa sama, harga minyak mentah jatuh secara mendadak.

EKONOMI GLOBAL DAN ASEAN



ULASAN

Pasaran kewangan dunia juga turun naik kerana Rizab Persekutuan AS mengurangkan rangsangan monetari secara beransur-ansur (iaitu kelonggaran kuantitatif atau QE) pada tahun kewangan ini yang berakhir pada Oktober, diikuti oleh isyarat mengembalikan dasar lanjut melalui sasaran kenaikan kadar faedah pada 2015. Ini mencetuskan penghindaran risiko dan perubahan dalam aliran modal dari matawang dan aset ekonomi utama yang lain dan pasaran baru muncul, berpihak kepada matawang AS dan aset berasaskan dolar AS. Pada masa yang sama, harga minyak mentah jatuh mendadak.

Pada 2014, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar ASEAN-6 berada pada tahap perlahan iaitu 4.4% (2013: 5.1%) berikutan prestasi tidak seimbang di kalangan negara-negara berkenaan. Ini menunjukkan faktor kitaran struktur, dasar dan politik setiap negara. Keseluruhannya, penurunan pertumbuhan di Singapura, Indonesia dan Vietnam serta pertumbuhan stagnan di Thailand telah mengimbangi pertumbuhan pesat di Malaysia dan Filipina.

KDNK Benar Global

perubahan %	% KDNK Dunia	2013	2014	2015E
Dunia		**3.3**	**3.3**	**3.6**
Ekonomi Negara Maju	**46.0**	**1.4**	**1.8**	**2.2**
US	22.4	2.2	2.4	3.2
Eurozone	17.1	(0.4)	0.9	1.0
Jepun	6.1	1.5	0	1.0
UK	3.7	1.7	2.7	2.7
BRIC	**21.5**	**4.1**	**3.4**	**2.9**
Brazil	2.9	2.5	0.2	0.8
Rusia	2.7	1.3	0.6	(2.2)
India	2.6	5	5.5	6.1
China	13.3	7.7	7.4	7
Asian NIEs	**3.3**	**3.0**	**3.1**	**3.2**
Korea Selatan	1.9	3.0	3.3	3.5
Taiwan	0.7	2.1	3.7	3.6
Hong Kong	0.4	2.9	2.5	3.0
Singapura	0.4	4.4	2.9	2.8
ASEAN-5	**2.6**	**5.2**	**4.7**	**5.4**
Indonesia	1.1	5.6	5	5.5
Thailand	0.5	2.9	0.7	4.0
Malaysia	0.4	4.7	6.0	4.5
Filipina	0.2	5.4	6.1	7.0
Vietnam	0.4	7.2	5.9	6.2
Asia kecuali Jepun	**21.9**	**6.6**	**6.5**	**6.3**
Jumlah Dagangan Dunia		**3.0**	**3.1**	**3.8**

Sumber: IMF, Konsensus, Maybank-KE

Ulasan Ekonomi & Industri

TINJAUAN

Tinjauan bagi 2015 dijangkakan mencabar memandangkan perbezaan pertumbuhan dan dasar kewangan di kalangan negara-negara utama serta turun naik dalam pasaran kewangan, matawang dan harga komoditi kemungkinan akan berterusan. Pertumbuhan ekonomi global dijangka akan naik sedikit kepada 3.6% pada 2015 (2014: 3.3%), terutamanya didorong oleh peningkatan dalam pertumbuhan KDNK benar AS (2015E: 3.2%; 2014: 2.4%), di tengah-tengah pertumbuhan lembap zon Euro (2015E: +1.0%; 2014E: +0.8%) dan Jepun (2015E: +1.0%; 2014: +0.0%) selain kelembapan berterusan di China (2015E: +7.0%; 2014: +7.4%). Permintaan luaran didorong oleh AS dan perdagangan intra-ASEAN serta perniagaan dan aliran pelaburan menerusi pelancaran Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) akan menjadi faktor utama kenaikan pertumbuhan pada 2015 di ASEAN-6 (2015E: +5.0%; 2014: +4.4%) di tengah-tengah keadaan persekitaran domestik yang bercampur-campur.

Tinjauan risiko utama pada 2015 termasuk kenaikan kadar faedah AS lebih awal dan lebih agresif daripada yang dijangkakan; kitaran baru krisis zon Euro berikutan kegagalan untuk menyelesaikan kebuntuan antara Greece dan troika EU-ECB-IMF di bawah program menyelamat syarikat bermasalah di negara ini; pembiayaan yang sukar di China; dan deflasi. Dalam konteks yang berlainan pertumbuhan dijangkakan akan lebih baik di zon Euro dan Jepun hasil daripada langkah-langkah dasar yang khusus (seperti QE Bank Pusat Eropah; penangguhan kenaikan cukai penggunaan pusingan kedua di Jepun yang pada asalnya dijadual akan dilaksanakan pada Oktober 2015 selepas kenaikan pada April 2014 yang menyebabkan kemelesetan teknikan pada S2 2014), dan juga pemulihan harga komoditi.

MALAYSIA

ULASAN EKONOMI

Pertumbuhan KDNK benar Malaysia cepat berkembang kepada 6.0% pada 2014 (2013: 4.7%), didorong oleh perbelanjaan pengguna yang berdaya tahan (2014: 7.1%; 2013: 7.2%) dan lantunan dalam permintaan luar negeri bersih (2014: 19.7%; 2013: -12.6%) berikutan pertumbuhan eksport (2014: 5.1%; 2013: 0.6%) yang mengatasi pertumbuhan import (2014: 3.9%; 2013: 2.0%). Ini mengimbangi kelembapan dalam penggunaan Kerajaan (2014: 4.4%; 2013: 6.3%) dan pembentukan modal tetap kasar (2014: 4.7%; 2013: 8.5%).

Malaysia: KDNK mengikut Permintaan dan Sektor

perubahan %	**2013**	**2014**
KDNK Benar	**4.7**	**6**
Mengikut Permintaan		
Permintaan Domestik	7.4	6.0
Perbelanjaan Penggunaan Swasta	7.2	7.1
Perbelanjaan Penggunaan Kerajaan	6.3	4.4
Pembentukan Modal Tetap Kasar	8.5	4.7
Permintaan Luaran Bersih	(12.6)	19.7
Eksport Barangan & Perkhidmatan	0.6	5.1
Import Barangan & Perkhidmatan	2	3.9
Mengikut Sektor		
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	2.1	2.6
Perlombongan & Kuari	0.7	3.1
Pembuatan	3.5	6.2
Pembinaan	10.9	11.6
Perkhidmatan	5.9	6.3

Sumber: Jabatan Perangkaan

TINJAUAN EKONOMI

Pertumbuhan di Malaysia dijangka turun ke paras 4.5% pada 2015 (2014: 6.0%), sebahagian besarnya disebabkan oleh kesan daripada harga minyak mentah yang rendah, dan harga komoditi yang lemah secara umumnya, berikutan eksport bersih (2015E: -2.2%; 2014: 19.7%) dan juga pendapatan kerajaan berkaitan minyak yang menyebabkan pemotongan perbelanjaan kerajaan (2015E: -4.3%; 2014: 4.4%) untuk mencapai sasaran semakan semula bajet defisit KDNK sebanyak -3.2% (sasaran asal 2015: -3% KDNK; 2014: -3.5% KDNK). Juga terdapat kesan terhadap sektor minyak & gas dan aktiviti berkaitan berikutan pemotongan perbelanjaan modal dan operasi industri berkenaan. Selain itu, perbelanjaan pengguna disasarkan berkurangan (2015E: 6.3%; 2014: 7.1%) kesan daripada pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015. Faktor yang membantu termasuk perbelanjaan pembangunan Kerajaan dan perbelanjaan modal yang berterusan oleh syarikat syarikat bukan berkaitan minyak & gas serta syarikat berkaitan kerajaan untuk mengekalkan pertumbuhan pembentukan modal tetap (2015E: 6.1%; 2014: 4.7%), beberapa rangsangan kepada daya saing eksport berikutan kelemahan Ringgit, dan juga kesan pendapatan positif daripada kejatuhan harga bahan bakar berikutan keputusan kerajaan sebelum ini untuk mengapungkan subsidi harga petrol dan diesel apabila harga minyak mentah jatuh, kadar cukai pendapatan individu yang dikurangkan 1% - 3%, dan juga kesinambungan program pemberian tunai (BR1M) untuk membantu golongan berpendapatan rendah.

ULASAN SEKTOR PERBANKAN 2014

Pada 2014, pertumbuhan pinjaman sistem perbankan Malaysia turun sedikit keapda 9.3% tahun-ke-tahun (T-ke-T) daripada kadar pertumbuhan 10.6% pada 2013, apabila kadar pertumbuhan kedua-dua isi rumah dan bukan isi rumah turun. Pertumbuhan pinjaman isi rumah mengakhiri 2014 pada 9.9% berbanding 12.0% pada 2013 manakala pertumbuhan pinjaman bukan isi rumah berkurangan kepada 8.5% pada 2014 daripada 8.9% pada 2013.

Ulasan Ekonomi & Industri

Pertumbuhan pinjaman hartanah kediaman kekal kukuh apabila ia berkembang sebanyak 12.9% pada 2014 berbanding 13.4% pada 2013, dan merangkumi 29% daripada jumlah sistem pinjaman. Pinjaman automotif yang berjumlah 12% daripada sistem pinjaman menyaksikan sedikit pertumbuhan iaitu sebanyak 2.3% pada 2014 berbanding 6.2% pada 2013. Pinjaman hartanah bukan kediaman (13% daripada jumlah pinjaman), berkembang pada kadar lebih perlahan tetapi tetap teguh, sebanyak 14.9% pada 2014 berbanding 17.8% pada 2013. Pertumbuhan pembiayaan kad kredit dan peribadi kekal rendah pada 2014 dengan peningkatan hanya 1.2% dan 3.9% setiap satu. Pinjaman isirumah merangkumi 57% daripada jumlah pinjaman industri pada akhir 2014.

Terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) kekal kukuh dengan nlai terbitan sebanyak RM85.5 bilion pada 2014, atau 2% lebih tinggi berbanding jumlah terkumpul RM83.9 bilion yang diterbitkan pada 2013. Nisbah kenaikan pinjaman/deposit industri meningkat kepada 86.7% pada akhir Disember 2014 daripada 84.6% dalam tempoh sama pada 2013. Berbanding pertumbuhan jumlah deposit 7.6%, deposit Akaun Semasa dan Akaun Simpanan (CASA) meningkat pada kadar lebih perlahan sebanyak 4.0% dan merangkumi 25.6% daripada jumlah deposit pada akhir 2014.

Kualiti aset kekal cemerlang dengan nisbah pinjaman rosot nilai bersih industri berkurangan kepada hanya 1.2% pada akhir Disember 2014. Liputan kerugian pinjaman amat menggalakkan sebanyak 107%. Nisbah modal kekal kukuh dengan nisbah modal Ekuiti Biasa Tahap-1 industri sebanyak 12.6%, nisbah modal Tahap-1 sebanyak 13.3% dan nisbah modal berwajaran risiko sebanyak 15.2%.

Malaysia: Pertumbuhan Pinjaman Kasar Industri



Malaysia: Kualiti Aset Industri



TINJAUAN SEKTOR PERBANKAN 2015

Persekitaran operasi kekal mencabar pada 2015 di tengah-tengah pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah dan ketidaktentuan yang meningkat di peringkat makro, khususnya berkenaan pergerakan matawang dan komoditi.

Pertumbuhan ekonomi dijangka berkurangan kepada 4.5% pada 2015 daripada 6.0% pada 2014 dan permintaan pengguna dijangka akan berkurangan dalam tempoh terdekat, pasca pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan mulai 1 April. Ini dijangka akan menyumbang kepada pertumbuhan sederhana dalam pinjaman isi rumah pada 2015. Cabaran lain tahun ini termasuk pengekalan margin kerana persaingan pembiayaan masih wujud di tengah-tengah kedudukan mudah tunai yang lebih ketat.

Bagaimanapun, apa yang positif adalah banyak projek infrastruktur utama dijangka akan diteruskan seperti dirancang dan ini seharusnya membantu mengekalkan tahap pertumbuhan pinjaman perniagaan pada 2015. Selain itu, industri berasaskan eksport seharusnya terus berkembang dengan baik berikutan nilai Ringgit yang lebih berdaya saing. Dasar monetari, bagaimanapun, dijangka kekal menggalakkan. Kualiti aset kekal menggalakkan namun lebih perhatian diperlukan di tengah-tengah turun naik dan ketidaktentuan di dalam dan luar negara.

SINGAPURA

ULASAN EKONOMI

Singapura mencatatkan pertumbuhan yang perlahan sebanyak 2.9% pada 2014 (2013: 4.4%) apabila permintaan domestik dan luar negara bersih susut disebabkan segmen-segmen perbelanjaan pengguna (2014: 2.5%; 2013: 3.6%), penggunaan kerajaan (2014: 0.1%; 2013: 11.5%), eksport (2014: 2.1%; 2013: 4.5%) dan import (2014: 1.4%; 2013: 3.8%) lebih perlahan manakala pembentukan modal tetap kasar berkurangan (2014: -1.9%; 2013: 1.1%).

Ulasan Ekonomi & Industri

Singapura: KDNK Mengikut Permintaan dan Sektor

% perubahan	2013	2014
KDNK Benar	**4.4**	**2.9**
Mengikut Permintaan		
Permintaan Domestik	3.6	0.5
Perbelanjaan Penggunaan Swasta	3.6	2.5
Perbelanjaan Penggunaan Kerajaan	11.5	0.1
Pembentukan Modal Tetap Kasar	1.1	(1.9)
Permintaan Luar Negara Bersih	9	6.4
Eksport Barangan & Perkhidmatan	4.5	2.1
Import Barangan & Perkhidmatan	3.8	1.4
Mengikut Sektor Pembuatan		
Pembuatan	1.7	2.6
Pembinaan	6.3	3
Perkhidmatan	6.1	3.2

Sumber: CEIC

TINJAUAN EKONOMI

Pertumbuhan Singapura dijangka perlahan kepada 2.5% pada 2015 (2014: 2.9%) di persimpangan antara halangan dan sokongan, serta faktor kitaran dan struktural. Faktor halangan termasuk tekanan kenaikan terhadap kadar faedah domestik. Faktor struktural adalah seperti kesesakan disebabkan dasar dalam pasaran pekerjaan untuk memacu produktiviti telah menjejaskan sektor intensif buruh dan aktiviti-aktivitinya, termasuk menyebabkan kos buruh yang tinggi yang menyebabkan pemindahan lokasi perniagaan dan kilang. Ini diburukkan lagi oleh faktor kitaran, seperti penurunan perumahan yang berlanjutan ketika kerajaan menarik balik atau mengurangkan langkah untuk membendung spekulasi dan harga hartanah. Memastikan ekonomi akan terus berkembang adalah dorongan inflasi dan kuasa membeli yang menggalakkan kesan daripada minyak mentah yang lebih rendah – harga bahan bakar – terhadap penggunaan swasta, walaupun kejatuhan harga minyak mentah turut memberi kesan negatif kepada industri berkaitan minyak dan gas. Aktiviti perdagangan luar negara dan kewangan dijangka secara relatifnya lebih positif tetapi turun naik memandangkan dasar pertumbuhan dan monetari yang berbeza di kalangan negara-negara ekonomi utama, termasuk jangkaan kenaikan terhadap perdagangan intra-ASEAN, aliran perniagaan dan pelaburan menerusi pelaksanaan AEC.

ULASAN SEKTOR PERBANKAN 2014

Pada 2014, pertumbuhan pinjaman unit perbankan domestik di seluruh sistem di Singapura bergerak perlahan sebanyak 5.9% pada 2014 berbanding 17.0% pada 2013. Kelembapan ini berlaku di seluruh industri ini.

Pertumbuhan pinjaman pengguna turun kepada 5.1% pada 2014 berbanding 9.0% pada 2013. Pinjaman pengguna merangkumi 38.9% daripada jumlah pinjaman industri pada akhir 2014. Pertumbuhan terjejas disebabkan oleh kelemahan pasaran hartanah (+6.5% T-ke-T) dan pinjaman kenderaan yang berkurangan (-19.2% T-ke-T). Pinjaman hartanah kediaman merangkumi 29.2% daripada jumlah pinjaman pada 2014.

Pertumbuhan pinjaman perniagaan susut daripada 22.9% pada 2013 kepada 6.4% pada 2014. Kelemahan ini disebabkan oleh pinjaman perdagangan am yang merangkumi 12.8% daripada sistem pinjaman sehingga akhir 2014. Pertumbuhan pinjaman perdagangan am menyusut kepada 2.9% pada 2014 berbanding 32.3% pada 2013.

Mudah tunai diperketatkan pada 2014 dengan nisbah pinjaman/deposit industri meningkat daripada 106.8% pada akhir-Disember 2013 kepada 110.5% pada akhir Disember 2014. Berbanding pertumbuhan jumlah deposit sebanyak 2.4% pada 2014, deposit Akaun Semasa dan Akaun Simpanan (CASA) meningkat lebih pantas sebanyak 4.7% pada 2014, dan merangkumi 62.1% daripada jumlah deposit pada akhir 2014.

Kualiti aset kekal kukuh dengan nisbah rosot nilai kasar industri menyusut kepada 0.94% pada akhir Disember 2014 berbanding 1.08% pada akhir 2013. Liputan kerugian pinjaman berada pada tahap yang amat menggalakkan sebanyak 159.1%. Tahun 2014 menyaksikan sedikit tekanan terhadap pinjaman perumahan tetapi kes ini terpencil dan tidak menunjukkan risiko sistemik. Nisbah modal kekal kukuh dengan nisbah Ekuiti Biasa Tahap-1 industri sebanyak 13.6%, nisbah modal teras 13.6% dan nisbah modal berwajaran risiko 16.0%.

Tren Hutang Tidak Berbayar (NPL)



Pinjaman dan Pendahaluan bagi Unit Perbankan Domestik kepada Pelanggan Bukan Bank



TINJAUAN SEKTOR PERBANKAN 2015

Momentum ekonomi dijangka lemah sedikit tahun ini. Tinjauan mendapati sektor perbankan kemungkinan kekal positif dengan jangkaan pengembangan margin bukan faedah lebih mengimbangai kelemahan dalam pertumbuhan pinjaman industri. Langkah mengetatkan sektor hartanah akan terus menjejaskan pertumbuhan pinjaman pengguna.

Kami menjangkakan kenaikan kadar jangka pendek untuk meningkatkan margin faedah bersih. Kualiti aset pula dijangka kekal kukuh, disokong oleh imbangan penyata isirumah dan korporat yang kukuh dan jangkaan terhadap kadar faedah yang mungkin akan menyederhana.

Ulasan Ekonomi & Industri

INDONESIA

ULASAN EKONOMI

Ekonomi Indonesia yang menyederhana untuk tempoh empat sukuan berturut-turut pada 2014 kepada 5.0% (2013: 5.6%), terjejas akibat pengguna, perniagaan dan pelabur yang berhati-hati, ketika pemilihan Parlimen dan Presiden negara berkenaan. Ia juga disebabkan kenaikan harga bahan bakar dan kadar faedah, kerajaan mengharamkan eksport galian mentah dan juga kejatuhan harga komoditi. Pertumbuhan yang perlahan ini menyeluruh berikutan penurunan sedikit dalam segmen perbelanjaan pengguna (2014: 5.1%; 2013: 5.4%), penggunaan kerajaan (2014: 2.0%; 2013: 6.9%) dan pembentukan modal tetap kasar (2014: 4.1%; 2013: 5.3%), selain pengecutan dalam permintaan luar negara bersih (2014: -27.5%; 2013: 130.8%) apabila eksport merosot (2014: 1.0% 2013: 4.2%) manakala import pula meningkat (2014: 2.2%; 2013: 1.9%).

Indonesia: KDNK Mengikut Permintaan dan Sektor

% perubahan	**2013**	**2014**
KDNK Benar	**5.6**	**5.0**
Mengikut Permintaan		
Permintaan Domestik	5.5	4.5
Perbelanjaan Penggunaan Swasta	5.4	5.1
Perbelanjaan Penggunaan Kerajaan	6.9	2.0
Pembentukan Modal Tetap Kasar	5.3	4.1
Permintaan Luaran Bersih	130.8	(27.5)
Eksport Barangan & Perkhidmatan	4.2	1
Import Barangan & Perkhidmatan	1.9	2.2
Mengikut Sektor		
Pertanian, Ternakan, Perhutanan & Perikanan	4.2	4.2
Perlombongan & Kuari	1.7	0.5
Pembuatan	4.5	4.6
Pembinaan	5.2	5.6
Perkhidmatan	6.1	7.0
Sumber: CEIC	6.5	6.1

TINJAUAN EKONOMI

Ekonomi Indonesia dijangka berkembang lebih pantas sebanyak 5.5% pada 2015 (2014: 5.0%) apabila aktiviti ekonomi dianggarkan stabil selepas ketidaktentuan berlaku dalam politik pada 2014. Perbelanjaan pengguna dan perniagaan, khususnya dijangka akan kukuh berikutan sentimen yang bertambah baik. Perbelanjaan penggunaan dan pelaburan kerajaan dijangkakan bertambah kukuh selari dengan kapasiti fiskal yang lebih besar daripada perbelanjaan yang lebih rendah terbadap subsidi bahan bakar dan pindahan simpanan kepada sokongan terhadap aktiviti ekonomi yang produktif, khususnya dari segi perbelanjaan terhadap ekonomi dan infrastruktur sosial yang menjadi sasaran utama kerajaan baru. Risiko utama kepada tinjauan Indonesia ini adalah sensitif terhadap turun naik dalam pasaran kewangan negara berkenaan, matawang, aliran modal dan aliran harga komoditi.

ULASAN SEKTOR PERBANKAN 2014

Pada 2014, sektor perbankan Indonesia berkembang secara perlahan iaitu sebanyak 12%, berbanding 22% pada 2013, dan kelembapan ini boleh dirasai di kesemua bahagian pinjaman bukan isi rumah. Pinjaman untuk modal kerja, yang merangkumi 50% daripada pinjaman industri, menurun kepada hanya 12% pada akhir 2014 berbanding 20% pada 2013. Pertumbuhan pinjaman untuk pelaburan jatuh kepada 14% pada 2014 berbanding 35% pada 2013. Pinjaman isi rumah yang meliputi kira-kira 30% daripada portfolio jumlah pinjaman sektor perbankan mengekalkan pertumbuhan yang secara perbandingannya stabil pada 11% pada 2014 berbanding 14% pada tahun sebelumnya.

Gadai janji, yang merupakan 30% daripada pinjaman isi rumah menyaksikan penyusutan dalam pertumbuhan berikutan pelaksanaan bayaran pendahuluan yang tinggi untuk pembelian selepas rumah pertama. Dasar ini dilaksanakan pada akhir 2013 dan telah menyebabkan pengembangan gadai janji merosot kepada hanya 8% pada 2014 berbanding 33% pada 2013. Sebaliknya, pinjaman automotif melonjak kepada 15% pada 2014 daripada hanya 6% pada 2013. Tahap yang rendah pada 2013 juga disebabkan oleh keperluan bayaran pendahuluan yang tinggi pada ketika itu.

Ulasan Ekonomi & Industri

Mudah tunai diperketatkan pada 2014. Ini menyebabkan nisbah pinjaman kepada deposit (LDR) kekal tinggi sebanyak 90% di sebalik kelembapan dalam pengembangan pinjaman. Kos pembiayaan meningkat selari dengan pertumbuhan deposit tetap yang tinggi daripada 16% pada 2013 kepada 23% pada 2014, yang meningkatkan nisbah deposit tetap kepada jumlah deposit sebanyak 47% berbanding 44% sebelumnya. Pengembangan pesat dalam deposit tetap ini lebih tinggi berbanding jumlah penurunan kadar pertumbuhan akaun semasa dan simpanan iaitu masing-masing sebanyak 7%. Sehubungan itu, pertumbuhan jumlah deposit pada 2014 adalah tidak berubah pada 14% pada tahun berkenaan.

Kualiti aset merosot selari dengan peningkatan kadar inflasi, tetapi pinjaman tidak berbayar (NPL) masih pada tahap yang boleh diuruskan iaitu pada 2.3% pada 2014, naik 1.8% berbanding 2013. Sebaliknya, nisbah modal bertambahbaik dengan nisbah modal teras meningkat kepada 18% pada 2014 berbanding 16% pada 2013, dan nisbah modal berwajaran risiko pula sebanyak 20%, naik daripada 18% dalam tahun sebelumnya.

Indonesia: Pertumbuhan Pinjaman Kasar Industri



Indonesia: Kualiti Aset Industri



TINJAUAN SEKTOR PERBANKAN 2015

Pertumbuhan ekonomi Indonesia dijangka kekal stabil tahun ini dan sektor perbankan kemungkinan mengikuti aliran ini dengan pertumbuhan pinjaman dan deposit stabil dan kualiti aset terkawal. Dengan 10 peserta utama dalam sektor perbankan yang menguasai 60% daripada mudah tunai pasaran, jurang prestasi antara bank besar dan kecil, mungkin akan bertambah luas.

Antara segmen yang dirancang oleh kerajaan sebagai sasaran adalah sektor pengguna dan infrastruktur. Gadai janji pula mungkin akan meningkat memandangkan bank kini sedia untuk mengurangkan kadar faedah untuk menggalakkan permintaan. Program pinjaman pengguna kerajaan juga mungkin berkembang lebih pantas terutamanya di luar bandar. Projek infrastruktur dilihat sebagai medium sumber pertumbuhan jangka panjang memandangkan kemungkinan berlaku kelewatan dalam pelaksanaannya. Bagaimanapun profil risiko pinjaman ini akan menjadi rendah memandangkan kebanyakan projek yang dilaksanakan adalah berkaitan kerajaan.

Pelan telah dirancang untuk meningkatkan daya saing sektor perbankan domestik setanding dengan rantau ini dan untuk meningkatkan penglibatan bank tempatan dalam projek pembangunan nasional. Penekanan akan diberikan kepada bank-bank yang dimiliki kerajaan, yang mana kami percaya akan muncul sebagai penerima manfaat utama dalam jangka panjang.

Ulasan Kewangan Kumpulan

MOHAMED RAFIQUE MERICAN

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

ULASAN TK2014

Kumpulan Maybank melalui tempoh TK2014 yang mencabar, khususnya dalam separuh pertama tahun kewangan. Bagaimanapun, kami berjaya mendapat daya tarikan dalam separuh kedua, sekali gus membolehkan Kumpulan untuk menutup tahun kewangan dengan keuntungan bersih sebanyak RM6.72 bilion dan Pulangan atas Ekuiti sebanyak 13.8%.

Pertumbuhan perniagaan dan operasi antarabangsa serta peruntukan kerugian yang menurun menyumbang kepada prestasi keuntungan bersih

- Pertumbuhan pendapatan operasi bersih tahun kewangan dari semua pilar perniagaan utama kami menyokong pertumbuhan pendapatan operasi bersih Kumpulan.
- Kumpulan turut merekodkan prestasi yang kukuh daripada operasi antarabangsa, yang merekodkan peningkatan tertinggi dalam pendapatan operasi bersih sebanyak RM347 juta berbanding segmen-segmen lain, yang menghasilkan sumbangan sebanyak 36.1% kepada pendapatan operasi bersih Kumpulan Maybank dalam TK2014 berbanding 34.4% pada TK2013.
- Keseluruhan pendapatan berasaskan fi bersih bagi tahun yang dikaji adalah lebih rendah sebanyak 10.7% T-ke-T khususnya disebabkan oleh keuntungan tukaran matawang yang rendah pada TK2014 berbanding TK2013.
- Menyedari keadaan pasaran, kami telah mengetatkan perbelanjaan overhed dan ini telah menyebabkan kos meningkat hanya 2.1%.
- Kumpulan mencatatkan pertumbuhan pinjaman kasar tahunan sebanyak 7.5% dalam tempoh separuh pertama TK2014, tetapi momentum ini meningkat dalam separuh kedua sebanyak 18.7%. Ini memberi kesan kepada pertumbuhan pinjaman Kumpulan yang berkembang 13.4% sepanjang tahun, lebih tinggi daripada garis panduan pertumbuhan pinjaman di Malaysia dan Singapura serta mengatasi prestasi dalam industri.
- Pinjaman luar negara berkembang sebanyak 20.6%, dan ini menyebabkan peningkatan dalam sumbangan luar negara kepada pinjaman Kumpulan kepada 40.3% berbanding 37.9% pada TK2013.
- Begitu juga dengan deposit yang mendapat tarikan selepas separuh pertama yang menghasilkan pertumbuhan sebanyak 11.1% T-ke-T.
- Kedudukan modal Kumpulan Maybank kekal diuruskan dengan baik dengan jumlah nisbah modal sebanyak 16.24% berbanding 15.66% setahun yang lalu.

Cabaran yang memberi kesan terhadap prestasi sebahagian besarnya atas dorongan pasaran

- Lain-lain pendapatan operasi pada TK2014 turun berbanding tahun kewangan sebelumnya berikutan pendapatan tukaran matawang asing dan keuntungan perdagangan yang lebih rendah.
- Nisbah rosot nilai kasar meningkat kepada 1.52% berbanding 1.48% pada akhir TK2013 berikutan akaun tertentu yang mengalami rosot nilai dalam tahun kewangan. Bagaimanapun, kualiti aset Kumpulan dalam portfolio konsumer dan korporat bagi Malaysia dan Singapura masih lagi pada tahap selesa.
- Berikutan kos pembiayaan yang tinggi, margin faedah bersih susut sebanyak 12 mata asas kepada 2.31% pada TK2014.

Lembaga Pengarah telah mencadangkan dividen akhir peringkat tunggal sebanyak 33 sen yang terdiri daripada bahagian tunai sebanyak 10 sen sesaham biasa dan bahagian boleh pilih sebanyak 23 sen sesaham biasa. Bahagian boleh pilih boleh dilabur semula di bawah Pelan Pelaburan Semula Dividan.

Jumlah dividen peringkat tunggal bagi tahun kewangan adalah sebanyak 57.0 sen sesaham, yang mewakili nisbah pembayaran dividen bersih sebanyak 78.5%. Ini mewakili peningkatan sebanyak 3.5 sen atau 6.5% daripada jumlah dividen sesaham pada TK2013. Sila rujuk muka surat Saham Maybank dalam Laporan Tahunan ini untuk maklumat lanjut mengenai dividen.

Ulasan Kewangan Kumpulan

Kumpulan Maybank sekali lagi mencapai rekod dengan keuntungan bersih sebanyak RM6.72 bilion dan ROE sebanyak 13.8% walaupun beroperasi dalam tahun yang mencabar. Keputusan yang mantap ini menjadi bukti kepada francais yang kukuh serta pendekatan kami yang memberi tumpuan terhadap pelaksanaan strategi dan pertumbuhan pilar perniagaan serantau kami dan pada masa sama menguruskan kecekapan dan kedudukan modal.

KEUNTUNGAN BOLEH DIAGIH KEPADA PEMEGANG EKUITI BANK
RM6.72 bilion
TK2013: RM6.55 bilion

NISBAH KOS BERBANDING PENDAPATAN
48.9%
TK2013: 47.8%

JUMLAH NISBAH MODAL
16.24%
TK2013: 15.66%

SUMBANGAN PBT PASARAN ANTARABANGSA
28.8%
TK2013: 30.3%

PULANGAN ATAS EKUITI
13.8%
TK2013: 15.1%

PERTUMBUHAN PINJAMAN KASAR
13.4%
TK2013: 14.0%

Petunjuk Kewangan & Operasi Utama	TK2014	TK2013
Pulangan Atas Ekuiti (%)	13.8	15.1
Margin Faedah Bersih (%)	2.31	2.43
Nisbah Fi berbanding Pendapatan (%)	31.9	35.7
Nisbah Pinjaman berbanding deposit (%)	91.8	89.9
Kos berbanding pendapatan* (%)	48.9	47.8
Kualiti Aset		
Nisbah Rosot Nilai Pinjaman Kasar (%)	1.52	1.48
Nisbah Rosot Nilai Pinjaman Bersih (%)	1.04	0.95
Liputan Kerugian Pinjaman (%)	95.6	107.5
Kadar pengenaan hapus kira (charge off) (mata asas)	(11)	(23)
Kecukupan Modal (Kumpulan)		
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Tahap 1	11.75	11.25
Jumlah Nisbah Modal	16.24	15.66

*Jumlah kos tidak termasuk pelunasan aset tidak nampak BII dan Kim Eng

Ulasan Kewangan Kumpulan

ANALISIS PENYATA PENDAPATAN TK2014



Tahun Kalendar 2011: Termasuk keputusan 12 bulan dari 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2011.

Ringkasan Keuntungan & Kerugian (RM juta)	TK2014	TK2013	T-ke-T
Pendapatan berasaskan dana bersih *	12,616.0	11,916.9	5.9%
Pendapatan berasaskan fi [1]	5,899.3	6,360.7	(7.3)%
Pendapatan bersih daripada premium insurans	3,946.1	3,941.3	0.1%
Pendapatan berasaskan fi dan pendapatan bersih daripada premium insurans	9,845.4	10,302.0	(4.6)%
Manfaat insurans bersih & tuntutan yang ditanggung, perbelanjaan fi & komisen bersih dan cukai dana hayat dan takaful	(3,930.8)	(3,680.5)	6.8%
Pendapatan berasaskan fi bersih *	5,914.6	6,621.5	(10.7)%
Pendapatan operasi bersih	18,530.6	18,538.4	(0.0)%
Perbelanjaan overhed	(9,111.3)	(8,927.9)	2.1%
Keuntungan operasi sebelum peruntukan (PPOP) [2]	9,419.3	9,610.4	(2.0)%
Kerugian rosot nilai	(470.8)	(880.1)	(46.5)%
Keuntungan operasi *	8,948.5	8,730.3	2.5%
Keuntungan sebelum cukai dan zakat (PBT) *	9,111.6	8,869.6	2.7%
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti (Keuntungan Bersih) [3]	6,716.5	6,552.4	2.5%
Pendapatan Sesaham EPS - Asas (sen)	74.2	75.8	(2.2)%

[1] Pendapatan berasaskan fi merupakan gabungan nilai lain-lain pendapatan operasi dan pendapatan berasaskan fi daripada operasi Perbankan Islam

[2] Keuntungan operasi sebelum peruntukan (PPOP) adalah bersamaan dengan keuntungan operasi sebelum kerugian rosot nilai

[3] Keuntungan bersih adalah bersamaan dengan keuntungan boleh agih kepada pemegang ekuiti Bank

* Jumlah Kumpulan disatukan, segmen perniagaan Insurans dan Takaful meliputi 7.3% pendapatan berasaskan dana bersih, 13.3% pendapatan berasaskan fi, 10.0% keuntungan operasi dan 9.8% PBT

Pendapatan berasaskan dana bersih menyokong pertumbuhan pendapatan bersih

- Kumpulan memberikan prestasi kewangan yang memuaskan dalam TK2014 walaupun berdepan dengan persekitaran operasi yang mencabar dengan PBT meningkat sebanyak 2.7% kepada RM9.1 bilion dan keuntungan bersih berkembang 2.5% kepada RM6.72 bilion.
- Pendapatan operasi bersih Kumpulan disokong oleh peningkatan pendapatan berasaskan dana bersih yang meningkat 5.9%. Bagaimanapun, keseluruhan pendapatan bersih telah diimbangi oleh kelemahan pendapatan berasaskan fi bersih yang susut 10.7% daripada tahun sebelumnya. Ini disebabkan terutamanya oleh keuntungan tukaran matawang asing yang rendah pada TK2014 berbanding kenaikan AS$ yang tinggi pada TK2013. Akibatnya, pendapatan operasi bersih pada TK2014 tidak berubah berbanding RM18.5 bilion pada TK2013.

Ulasan Kewangan Kumpulan

Pengurusan kos yang berdisiplin menghasilkan pertumbuhan overhed yang lebih perlahan

- Perbelanjaan overhed berkembang 2.1%, kadar paling perlahan dalam tempoh 3 tahun kerana pihak pengurusan melaksanakan kawalan kos yang ketat berikutan pertumbuhan pendapatan operasi bersih yang rendah.
- Dalam tahun kewangan, kami melaksanakan pembendungan kos yang agak besar dalam perbelanjaan kakitangan untuk insentif pembolehubah.
- Keseluruhan peningkatan kos ini berikutan kos kakitangan, pentadbiran dan am yang lebih tinggi serta kos penubuhan yang ditanggung ketika meneruskan strategi serantau. Bagaimanapun, sumbangan kos kakitangan kami kepada jumlah overhed berkurangan daripada 55.4% pada TK2013 kepada 55.1% pada TK2014.

Kerugian rosot nilai menyumbang kepada keuntungan yang tinggi

- Kerugian rosot nilai menurun 46.5% kepada RM471 juta pada TK2014 apabila elaun individu dan kolektif bertambah baik dan Kumpulan berupaya merekodkan pemulihan yang tinggi bagi hutang lapok dalam tahun kewangan yang meningkat daripada RM826 juta pada TK2013 kepada RM936 juta pada TK2014.
- Pendapatan sesaham turun 2.2% kepada 74.2 sen pada TK2014 kerana asas saham Kumpulan meningkat berikutan pelan pelaburan semula dalam tahun kewangan yang mengatasi pertumbuhan keuntungan bersih.

ULASAN PERNIAGAAN

- Pada TK2014, pendapatan kami dipelbagaikan di seluruh segmen perniagaan. Semua tunggak perniagaan kami seperti, Perkhidmatan Kewangan Komuniti (CFS), Perbankan Global, Perbankan Antarabangsa dan Insurans & Takaful, merekodkan peningkatan pendapatan bersih. Pasaran Global dan Perbankan Pelaburan bagaimanapun, menyaksikan hanya sedikit penurunan dalam pendapatan operasi bersih masing-masing sebanyak RM5 juta (-0.3%) dan RM21 juta (-1.4%) di sebalik aktiviti pasaran modal yang perlahan.

Pendapatan Operasi Bersih dan PBT mengikut segmen perniagaan

Pendapatan Operasi Bersih (RM bilion)



Nota: Keuntungan operasi bersih untuk Kumpulan termasuk perbelanjaan ibu pejabat dan lain-lain berjumlah RM2.0 bilion untuk TK2014 dan RM1.2 bilion untuk TK2013.

Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat (RM bilion)



Nota: Keuntungan sebelum cukai dan zakat bagi Kumpulan termasuk perbelanjaan ibu pejabat & lain-lain berjumlah RM2.0 bilion pada TK2014 dan RM1.2 bilion pada TK2013.

Ulasan Kewangan Kumpulan

CFS meneruskan pertumbuhan stabil

- CFS, yang merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan operasi bersih dan PBT Kumpulan masing-masing sebanyak 40.6% dan 46.9% terus menunjukkan pertumbuhan pendapatan operasi bersih yang positf dengan peningkatan sebanyak 3.4% bagi pendapatan berasaskan dana bersih apabila pertumbuhan pinjaman bagi PKS, gadai janji dan pembiayaan automotif kekal menggalakkan serta kenaikan 0.5% dalam pendapatan berasaskan fi. Selain itu, CFS turut mendapat manfaat daripada kerugian rosot nilai yang rendah berikutan pemulihan hutang lapuk dalam segmen perbankan perniagaan yang menyebabkan kenaikan PBT sebanyak 32.5% pada 2014.

Perbankan Global menerima kesan daripada aktiviti pasaran modal yang lemah

- Perbankan Global yang terdiri daripada perbankan korporat, pasaran global, perbankan pelaburan dan pengurusan aset turut menyaksikan peningkatan dalam pendapatan operasi bersih dan PBT masing-masing sebanyak 2.0% dan 3.1%. Pertumbuhan ini disokong oleh pendapatan berasaskan fi bersih yang tinggi sebanyak 7.0%. Bagaimanapun, pendapatan bersih berasaskan dana menguncup sebanyak 3.8% berikutan pertumbuhan pinjaman korporat yang perlahan di Malaysia sepanjang TK2014.

Operasi Antarabangsa terus mendapat lonjakan dengan mencatat peningkatan pendapatan operasi bersih tertinggi

- Operasi perbankan antarabangsa kami mencatatkan perolehan yang tinggi, disokong oleh pertumbuhan pendapatan bersih berasaskan dana. Penyumbang utama adalah Singapura dan Wilayah Besar China yang menyumbang pertumbuhan pinjaman yang kukuh masing-masing sebanyak 13.3% dan 33.9%.
- Pertumbuhan mantap dalam operasi antarabangsa adalah berikutan peningkatan sumbangan perolehan luar negara kami daripada 34.4% pada TK2013 kepada 36.1% pada TK2014. Bagaimanapun, sumbangan PBT luar negara merosot kepada 28.8% pada TK2014 daripada 30.3% dalam tahun sebelumnya berikutan sumbangan rendah daripada Indonesia. Operasi Malaysia kekal menjadi penyumbang utama kepada pendapatan operasi bersih dan PBT Kumpulan masing-masing sebanyak 63.9% dan 71.2%.

Insurans & Takaful merekodkan pertumbuhan dua digit berikutan kenaikan MTM

- Insurans & Takaful merekodkan pertumbuhan pendapatan operasi bersih dua digit masing-masing sebanyak 13.5% dan PBT sebanyak 15.2% sebahagian besarnya disumbangkan oleh pendapatan bersih berasaskan fi yang tinggi dan ini termasuk keuntungan tidak direalisasi daripada sekuriti dan pemindahan lebihan yang diambil pada akhir tahun.

Pendapatan Operasi Bersih Kumpulan dan PBT mengikut Geografi









Ulasan Kewangan Kumpulan

ANALISIS PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Jumlah aset Kumpulan Maybank sebanyak RM640.3 bilion pada 31 Disember 2014, 14.3% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya didorong oleh pertumbuhan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, deposit dan penempatan di institusi serta dana tunai dan dana jangka pendek.

Pinjaman Kasar Kumpulan	TK2014	TK2013	T-ke-T
Malaysia[1] (RM bilion)	243.6	223.6	9.0%
Perkhidmatan Kewangan Komuniti	168.8	151.9	11.1%
Perbankan Global	74.8	71.7	4.4%
Singapura (S$ bilion)	35.1	31.0	13.3%
Konsumer	12.2	10.6	15.3%
Komersial	22.9	20.4	12.3%
Indonesia (Rp' trilion)	109.3	103.7	5.4%
Konsumer	41.0	35.3	16.0%
Bukan-konsumer	68.4	68.4	(0.1%)
Lain-lain Pasaran	38.8	26.3	47.5%
Perbankan Pelaburan (RM bilion)	4.4	3.5	24.6%
Pinjaman Kasar Kumpulan[2] (RM bilion)	410.5	361.8	13.4%

[1] Mengambil kira bahagian-bahagian lain - Dis 2014: 0.0 vs Dis 2013: 0.0

[2] Termasuk pinjaman Islam yang dijual kepada Cagamas tetapi tidak termasuk pelupusan faedah

Pertumbuhan pinjaman Kumpulan diterajui oleh pertumbuhan antarabangsa yang mantap

- Jumlah pinjaman Kumpulan berkembang 13.4% T-ke-T kepada RM410.5 bilion, disokong oleh pertumbuhan pinjaman yang kukuh dalam operasi antarabangsa yang merekodkan pertumbuhan sebanyak 20.6% diterajui oleh Pesisir Labuan (98.4%), Wilayah Besar China (33.9%), Indochina (31.9%) dan Singapura (13.3%).
- Pertumbuhan pesat daripada operasi antarabangsa kami adalah akibat daripada peningkatan sumbangan luar negara kepada pinjaman kasar Kumpulan daripada 37.9% pada TK2013 kepada 40.3% pada TK2014.
- Pertumbuhan pinjaman Singapura sebanyak 13.3% melepasi pertumbuhan industri sebanyak 5.9% dengan pertumbuhan kukuh dalam kedua-dua segmen konsumer dan komersial.
- Operasi Indonesia mencatatkan pertumbuhan pinjaman 5.4% apabila portfolio bukan pengguna susut sedikit 0.1% berikutan keputusan Bank supaya segmen korporat memberi tumpuan kepada pelanggan berprofil risiko lebih baik. Dalam tahun kewangan, berikutan kawalan yang ketat, operasi Indonesia kami turut menyeimbangi semula portfolio dengan memberi lebih tumpuan kepada segmen pengguna yang menghasilkan pertumbuhan pinjaman sebanyak 16.0%.

Pinjaman Malaysia (RM bilion)	TK2014	TK2013	T-ke-T
Perkhidmatan Kewangan Komuniti	168.8	151.9	11.1%
Konsumer	135.7	121.9	11.3%
Jumlah Gadai Janji	60.9	53.8	13.3%
Kewangan Automotif	38.6	35.0	10.5%
Kad Kredit	5.8	5.6	4.5%
Unit Amanah	28.3	26.3	7.4%
Pinjaman Runcit lain	2.1	1.3	60.6%
Perbankan Perniagaan dan PKS	33.1	29.9	10.5%
PKS	7.5	6.0	24.4%
Perbankan Perniagaan	25.5	23.9	6.9%
Perbankan Global (Korporat)	74.8	71.7	4.4%
Malaysia	243.6	223.6	9.0%

- Pinjaman kami di Malaysia berkembang 9.0% dan terus melepasi pertumbuhan industri sebanyak 8.7% berikutan pertumbuhan positif di seluruh segmen perniagaan.
- CFS, yang menyumbang sebanyak 69.3% kepada jumlah pinjaman Malaysia berkembang 11.1% yang didorong oleh segmen pengguna, PKS dan Perbankan Perniagaan. Perbankan Global menyaksikan pertumbuhan pinjaman satu digit sebanyak 4.4% apabila sebahagian pelanggan lebih menggemari bentuk pembiayaan alternatif, termasuk bon tidak berpenarafan, dan juga pembiayaan dalam matawang dolar AS, di peringkat awal tahun.
- Pinjaman konsumer kami meningkat sebanyak 11.3% disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam portfolio gadai janji yang meliputi 44.9% daripada pinjaman pengguna di Malaysia.
- Pinjaman pembiayaan automotif, yang merupakan komponen kedua terbesar dalam pinjaman pengguna mencatatkan pertumbuhan 10.5% apabila penguasaan pasaran meningkat kepada 23.1% daripada 21.5% pada TK2013.
- Pinjaman segmen Perbankan Perniagaan dan PKS berkembang 10.5% apabila produk baru segmen PKS antaranya, Pinjaman Bersih PKS dan Jaminan Portfolio RM 1B mencatat pencapaian positif.

Deposit Kasar Kumpulan	TK2014	TK2013	T-ke-T
Malaysia (RM bilion)	278.3	259.1	7.4%
Deposit Simpanan	38.5	37.6	2.4%
Akaun Semasa	72.8	65.8	10.6%
Deposit Tetap	140.8	138.3	1.8%
Lain-lain	26.2	17.4	50.4%
Singapura (S$ bilion)	39.6	34.0	16.5%
Deposit Simpanan	4.5	4.1	9.7%
Akaun Semasa	5.3	4.7	14.2%
Deposit Tetap	29.0	24.7	17.2%
Lain-lain	0.8	0.5	64.4%
Indonesia (Rp trilion)	102.8	107.5	(4.4%)
Deposit Simpanan	23.5	24.7	(5.0%)
Akaun Semasa	16.3	17.7	(7.6%)
Deposit Tetap	62.4	65.1	(4.1%)
Deposit Kasar Kumpulan (RM' bilion)	439.6	395.6	11.1%

Ulasan Kewangan Kumpulan

Pertumbuhan deposit Kumpulan disokong oleh pertumbuhan pasaran Antarabangsa dan Malaysia

- Deposit Kumpulan meningkat sebanyak 11.1% kepada RM439.6 bilion, diterajui oleh pertumbuhan deposit sebanyak 16.5% di Singapura dan 7.4% di Malaysia.
- Di Indonesia, mudah tunai terus mencabar sekali gus meberi kesan terhadap aktiviti pengumpulan deposit dan menyebabkan pertumbuhan deposit menguncup sebanyak 4.4%.
- Di Malaysia, pertumbuhan deposit disokong oleh pertumbuhan dua digit daripada CFS iaitu sebanyak 12.3%. Ini berikutan pertumbuhan deposit PKS Runcit dan perbankan perniagaan sebanyak 18.0% dan pertumbuhan deposit pengguna sebanyak 9.1% yang disebabkan oleh peningkatan program perhubungan dalam segmen Pelanggan Berpendapatan Tinggi dan Mewah selain kempen-kempen taktikal dan penggajian untuk mendapatkan dana baru.
- Di Singapura, pertumbuhan deposit 16.5% telah melepasi pertumbuhan deposit industri sebanyak 7.1% dan pertumbuhan kukuh ini menyumbang kepada peningkatan deposit tetap sebanyak S$4.3 bilion atau 17.2%. Operasi Singapura turut mencapai peningkatan CASA sebanyak 12.1% yang menghasilkan nisbah CASA yang secara relatifnya menggalakkan sebanyak 24.9%.
- Memandangkan Kumpulan mengalami persaingan pembiayaan di seluruh pasaran utama, nisbah CASA bagi Kumpulan jatuh sedikit kepada 35.3% pada akhir TK2014 berbanding 36.1% pada akhir TK2013 dan nisbah pinjaman berbanding deposit bagi Kumpulan naik sedikit 1.9% kepada 91.8% pada akhir TK2014 daripada 89.9% pada TK2013.

Nisbah Rosot Nilai Pinjaman Kasar & Rosot Nilai Pinjaman Bersih



Kualiti aset naik sedikit tetapi kekal pada jajaran yang selesa

- Nisbah pinjaman rosot nilai kasar Kumpulan sebanyak 1.52% pada akhir TK2014 merupakan 4 mata asas (bps) lebih tinggi berbanding pada akhir TK2013 berikutan akaun tertentu di Malaysia dan Indonesia. Liputan kerugian pinjaman pula sebanyak 95.6% berbanding 107.5% yang dilaporkan setahun yang lalu. Bagaimanapun, liputan kerugian pinjaman termasuk Rizab Peraturan adalah sebanyak 100.0% pada akhir TK2014.
- Singapura terus mengekalkan kualiti aset yang kukuh apabila nisbah pinjaman rosot nilai bersih meningkat daripada 0.29% pada akhir TK2013 kepada 0.23% pada akhir TK2014.

Kecukupan modal kekal kukuh

- Kumpulan terus memiliki modal yang baik dengan nisbah Modal Ekuiti Teras Tahap 1, Nisbah Modal Tahap 1 dan Jumlah Nisbah Modal masing-masing sebanyak 11.75%, 13.54% dan 16.24%. Sila rujuk kepada muka surat Pengurusan Modal dalam laporan tahunan ini untuk maklumat lanjut mengenai kedudukan modal kami.
- Dalam menuju ke hadapan, kami akan sentiasa memastikan dapat mengekalkan tahap modal yang cekap dan gabungan optimum komponen modal yang berbeza bagi memastikan sokongan yang mencukupi risiko asas perniagaan Kumpulan. Ini bagi mengoptimumkan pertumbuhan dan untuk bertahan dengan permintaan walau dalam apa jua keadaan pasaran.

Pengurusan Modal, m/s. 94

Kecukupan Modal

Kumpulan



Bank



1 Sebelum dividen dicadangkan
2 Selepas dividen dicadangkan, dengan jangkaan kadar pelaburan semula 85%
3 Selepas dividen dicadangkan, berrdasarkan kepada Garis Panduan Pelaksanaan BNM *

Nota:
- CET1, Tahap 1 dan Jumlah Nisbah Modal dikira selari dengan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) yang dikeluarkan oleh BNM pada November 2012.
- Berdasarkan kepada kadar pelaburan semula sebanyak 85% di bawah DRP sepenuhnya, Nisbah CET1 seharusnya masing-masing berjumlah 10.58% (Kumpulan) dan 9.23% (Bank).
- * Nisbah Modal dikira berdasarkan kepada pelaksanaan Garis Panduan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) BNM yang dikeluarkan pada 8 Mei 2013.

Ulasan Kewangan Kumpulan

Berazam untuk memberi ganjaran kepada pemegang saham

- Dividen akhir tahap tunggal sebanyak 33 sen melibatkan 9,319 juta saham biasa RM1.00 sesaham, dengan jumlah bersih sebanyak RM3.1 bilion telah dicadangkan oleh Lembaga Pengarah untuk diagihkan kepada pemegang saham yang layak. Dividen akhir yang dicadangkan ini terdiri daripada 10 sen sesaham tahap tunggal bagi bahagian tunai yang akan dibayar berjumlah RM932 juta dan bahagian boleh pilih sebanyak 23 sen sesaham berjumlah RM2.1 bilion.
- Jika diluluskan oleh pemegang saham, jumlah dividen tahap tunggal bagi TK2014 adalah 57.0 sen sesaham yang bersamaan dengan nisbah pembayaran sebanyak 78.5%, dan melebihi dasar nisbah pembayaran dividen Kumpulan iaitu antara 40-60% dan lebih tinggi daripada nisbah pembayaran sebanyak 71.9% yang dibuat dalam tahun kewangan sebelumnya.

Saham Maybank, m/s. 112

Nisbah Pembayaran Dividen



Dividen Kasar (sen)



* Kadar Pelaburan Semula untuk Pelan Pelaburan Semula Dividen

\# Dividen bersih sebanyak 28.5 sen yang mana 15 sen adalah dividen tahap tunggul

JANGKAAN PADA 2015

- Strategi Kumpulan pada TK2014 untuk kekal fokus terhadap pelaksanaan strategi serantau dan pertumbunan tunggak perniagaan telah membolehkan kami untuk menjana satu lagi rekod keuntungan pada TK2014 walaupun berhadapan dengan persekitaran operasi yang mencabar.
- Bagaimanapun, kami mengekalkan tinjauan konservatif untuk 2015 kerana kami menjangkakan harga komoditi akan meneruskan turun naiknya yang boleh mengurangkan permintaan pinjaman daripada beberapa sektor di rantau ini, tekanan margin faedah bersih, di tengah-tengah persaingan pembiayaan dan perbelanjaan pengguna yang lebih ketat. Sehubungan itu, pada TK2015, Kumpulan akan kekal fokus terhadap penjanaan pendapatan menerusi tunggak perniagaan yang telah distruktur untuk beroperasi dengan lancar di seluruh rantau ini selain meneruskan tumpuan terhadap produktiviti Kumpulan.
- Kami turut merancang untuk menggunakan strategi modal berkesan dan menumpukan terhadap strategi serantau kami serta mengukuhkan kedudukan kami di ASEAN bagi membolehkan kami memanfaatkan peluang-peluang dalam Komuniti Ekonomi ASEAN.

Pengurusan Modal

PENGENALAN

Pendekatan Kumpulan terhadap pengurusan modal didorong oleh objektif strategiknya sambil memastikan bahawa keperluan peraturan, sasaran modal dan kehendak risiko dipenuhi pada setiap masa di seluruh Kumpulan. Kecekapan pengurusan modal merupakan asas terhadap kemampanan Kumpulan. Sehubungan itu, Kumpulan menguruskan kedudukan modalnya, gabungan modal dan peruntukan modal secara proaktif untuk memenuhi jangkaan pihak pemegang kepentingan utama seperti pengawal selia, pemegang saham, pelabur, agensi penarafan dan penganalisis sambil memastikan bahawa pulangan atas modal berpadanan dengan risiko yang diambil oleh setiap unit perniagaan, syarikat subsidiari dan cawangan-cawangan luar negara. Proses ini melibatkan semakan secara berterusan dan kelulusan daripada pengurusan kanan Maybank serta Lembaga Pengarah, selari dengan kehendak risiko Kumpulan dan sasaran nisbah kecukupan modal.

Peranan pengurusan modal adalah bagi memastikan tahap modal mencukupi dan memiliki gabungan modal yang cekap untuk:

- Mengekalkan nisbah kecukupan modal di tahap yang mencukupi, melebihan keperluan minimum pihak pengawal selia yang akan menyokong pertumbuhan perniagaan dan risiko material yang diambil.
- Mengekalkan penarafan kredit Kumpulan yang kukuh daripada agensi penarafan antarabangsa.
- Memperuntukkan dan melaksanakan kecekapan modal di unit perniagaan, syarikat subsidiari dan cawangan luar negara untuk mengoptimumkan pulangan modal.
- Mengekalkan keanjalan untuk memanfaatkan peluang-peluang masa hadapan; dan
- Membina dan melabur dalam perniagaan, termasuk dalam perniagaan yang mempunyai tekanan yang munasabah.

PENGURUSAN MODAL DI MAYBANK

Pengurusan modal Kumpulan adalah berpandukan kepada dasar-dasar dan prosedur pengurusan modal yang mantap di seluruh Kumpulan. Pendekatan Kumpulan untuk menguruskan modal adalah ditetapkan dalam pelbagai rangka kerja yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan (EXCO), Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), dan Lembaga Pengarah serta pihak-pihak yang berkenaan, antara lain:

a. Rangka Kerja Pengurusan Modal

Rangka Kerja Pengurusan Modal terdiri daripada tadbir urus, dasar dan prosedur yang menetapkan syarat-syarat untuk pengurusan modal yang berkesan di peringkat Kumpulan dan entiti. Ini termasuk mengenal pasti, menilai, memantau, mengurus dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan modal kepada jawatankuasa seperti EXCO, Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) dan Lembaga Pengarah.

Rangka Kerja Pengurusan Modal mengandungi asas untuk menetapkan sasaran modal dalaman dan juga prinsip-prinsip untuk pembangunan dan penggunaan Pengukuran Prestasi Penyelarasan Risiko (RAPM) untuk mengukur dan mengurus pulangan atas modal di seluruh Kumpulan.

b. Pelan Kontingensi Modal

Memelihara tahap modal semua entiti di seluruh kumpulan adalah amat penting. Pelan Kontingensi Modal adalah untuk memastikan pemantauan kedudukan modal dan menyediakan rangka kerja tadbir urus yang berkesan dan mempertingkatkan proses sekiranya berlaku krisis modal.

Pelan Kontingensi Modal memformulasikan dasar, strategi dan pelan tindakan untuk memulihkan modal kembali ke tahap yang menggalakkan dalam masa yang paling cepat tanpa menjejaskan rancangan perniagaan, pertumbuhan aset dan agenda strategik.

c. Pelan Modal Tahunan

Pelan Modal Tahunan melibatkan perancangan terperinci pelan modal strategik Kumpulan untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun. Pelan ini menggariskan unjuran modal, keperluan modal, tahap modal dan campuran modal untuk menyokong pelan perniagaan Kumpulan dan objektif strategiknya.

Selain itu, Pelan Modal Tahunan turut meliputi kemas kini terhadap keperluan modal pengawal selia selari dengan keperluan modal dalam bidang kuasa di mana Kumpulan mempunyai penglibatan, jangkaan terhadap pemegang kepentingan utama antara lain, seperti pengawal selia, pelabur, penganalisis dan agensi penarafan, prestasi sektor perniagaan menerusi pendekatan RAPM dan keputusan ujian tekanan.

INISIATIF MODAL SEPANJANG TAHUN 2014

Kumpulan menguruskan kedudukan modalnya secara proaktif bagi memastikan ia dapat memenuhi keperluan modal Basel III yang ketat, jangkaan pemegang kepentingan dan menyokong objektif perniagaan strategik. Berikut adalah beberapa inisiatif utama yang telah dilaksanakan oleh Kumpulan pada 2014.

- Maybank menyelesaikan Pelan Pelaburan Semula Dividen (DRP) Kesembilan bagi dividen akhir TK2013 dan dividen interim TK2014 dengan kadar pelaburan semula masing-masing sebanyak 85.9% dan 84.0%. Selain memberikan peluang kepada pemegang kepentingan untuk terus melabur dalam saham Maybank, DRP juga memastikan tahap modal Kumpulan sentiasa kukuh.
- Maybank menebus Sekuriti Modal Bukan Inovatif Basel II Tahap 1 berjumlah RM3.4 bilion dan menerbitkan Sekuriti Modal Tambahan Tahap 1 pematuhan Basel III bernilai RM3.5 bilion daripada program Sekuriti Modal Tambahan Tahap 1 yang baru berjumlah RM10 bilion. Terbitan ini membolehkan Maybank untuk mengukuhkan asas modal Tambahan Tahap 1 dan menambahbaik modal bercampurnya daripada instrumen modal pematuhan Basel III.
- Maybank menerbitkan Nota Subordinat Tahap 2 pematuhan Basel III sebanyak RM1.6 bilion. Selain mengukuhkan jumlah asas modalnya, ia juga telah meningkatkan gabungan modalnya dengan instrumen modal subordinat pematuhan Basel III.

STRUKTUR MODAL

Kumpulan meletakkan penekanan yang kukuh terhadap kualiti modalnya bagi memastikan ia terus dapat memenuhi keperluan peraturan minimun dan menyokong pertumbuhan perniagaan dan risiko yang diambil. Sehubungan itu, Kumpulan memegang sejumlah besar modal dalam bentuk ekuiti biasa yang kekal dan mempunyai keupayaan penyerapan kerugian tertinggi secara berterusan.

Selain daripada ekuiti biasa, Kumpulan juga mengekalkan jenis-jenis instrumen modal seperti Sekuriti Modal Tambahan Tahap 1 dan Hutang Bersubordinat untuk mengoptimumkan campuran modal dan mengurangkan kos modal keseluruhan.

NISBAH KECUKUPAN MODAL

Kumpulan perlu memenuhi pematuhan Rangka Kerja Kecukupan Modal Bank Negara Malaysia bagi menentukan modal dan pengiraan nisbah kecukupan modal (CAR) yang tertakluk kepada siri aturan peralihan, bermula pada 1 Januari 2013 dan akan berkuat kuasa menjelang 2019. Di bawah rangka kerja kecukupan modal BNM yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2013, kami perlu mengekalkan keperluan minimun Ekuiti Biasa Tahap 1 (CET1), Nisbah Modal Tahap dan Jumlah Nisbah Modal masing-masing sebanyak 3.5%, 4.5% dan 8.0% di peringkat Bank dan Kumpulan. Ini akan ditingkatkan secara berperingkat-peringkat dari semasa-ke-semasa masing-masing kepada 4.5%, 6.0% dan 8.0% menjelang 1 Januari 2015. Keperluan modal minimum yang ditetapkan akan turut meliputi pengenalan Penampan Pemuliharaan Modal sebanyak 2.5% yang akan dimulakan secara berperingkat-peringat dari 1 Januari 2016 hingga 1 Januari 2019.

Pengurusan Modal



Sebagai tambahan kepada Penampan Pemuliharaan Modal, BNM juga mungkin memperkenalkan Modal Penampan Menentang Kitaran antara 0% dan 2.5% daripada jumlah aset berwajaran risiko dan keperluan tambahan menyerap kerugian untuk kepentingan sistemik bagi institusi perbankan. Modal Penampan Menentang Kitaran akan menentukan keperluan purata wajaran Penampan Menentang Kitaran semasa dikenakan dalam bidang kuasa yang mana institusi perbankan mempunyai pendedahan kredit dan penampan modal lain yang dianggap sesuai dengan mengambil kira profil risiko khusus institusi perbankan. Keperluan tambahan menyerap kerugian bagi institusi perbankan sistemik penting akan dinilai kemudian oleh BNM jika terdapat keperluan untuk institusi perbankan yang besar untuk beroperasi dengan tahap modal yang tinggi.

Jadual berikut menunjukkan nisbah kecukupan modal Kumpulan dan Bank untuk tahun kewangan 2013 dan 2014.

	Kumpulan		Bank		Peraturan Minimum BNM	
Nisbah Kecukupan Modal	**2014**	**2013**	**2014**	**2013**	**2014**	**2013**
Nisbah Modal CET1 (%)	11.747	11.253	16.275	15.925	4.0	3.5
Nisbah Modal Tahap 1 (%)	13.539	13.059	16.275	15.925	5.5	4.5
Jumlah Nisbah Modal (%)	16.235	15.664	16.275	15.925	8.0	8.0

DIVIDEN

Kumpulan mengekalkan dasar dividen jangka panjang antara 40% hingga 60% untuk menyediakan pemegang saham dengan pendapatan dividen yang stabil setiap setengah tahun. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 (TK2014), Lembaga Pengarah telah mencadangkan pengisytiharan dividen interim berjumlah RM2.2 bilion atau 24 sen sesaham, yang terdiri daripada bahagian tunai 4 sen sesaham dan bahagian boleh pilih 20 sen sesaham. Lembaga Pengarah turut mencadangkan dividen akhir berjumlah RM3.1 bilion atau 33 sen sesaham, yang terdiri daripada bahagian tunai 10 sen sesaham dan bahagian boleh pilih 23 sen sesaham yang mewakili dividen akhir 33 sen sesaham berharga RM1 setiap satu. Jumlah pembayaran dividen bagi TK2014 adalah 57 sen sesaham.

Bahagian boleh pilih bagi dividen akhir Maybank yang mewakili DRP kali ke-10 juga akan menyediakan peluang kepada pemegang saham untuk terus melabur semula saham mereka ke dalam Maybank.

MENUJU KE HADAPAN

Kumpulan akan terus proaktif dan cekap dalam menguruskan modal dan akan sentiasa memantau secara berterusan perkembangan yang melibatkan keperluan modal yang ditetapkan serta perkembangan pasaran modal yang berkaitan. Kumpulan juga komited untuk memastikan tahap modal yang menggalakkan dengan campuran modal optimum untuk memberikan sokongan kepada agenda strategik Kumpulan dan pada masa yang sama memaksimumkan nilai kepada para pemegang saham.

Prestasi Kewangan

RINGKASAN LIMA TAHUN KEWANGAN KUMPULAN

	Kumpulan				
	TK2011	**FP2011[1]**	**TK2012**	**TK2013**	**TK2014**
KEPUTUSAN OPERASI (RM' juta)[2]					
Hasil operasi	21,040	12,892	31,227	33,251	**35,712**
Keuntungan operasi	6,135	3,497	7,744	8,730	**8,948**
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	6,270	3,571	7,896	8,870	**9,112**
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	4,450	2,587	5,746	6,552	**6,716**
PENYATA UTAMA MAKLUMAT KEDUDUKAN KEWANGAN (RM' juta)[2]					
Jumlah aset	411,254	451,632	494,757	560,319	**640,300**
Portfolio pelaburan kewangan[3]	76,871	84,669	92,820	107,672	**115,911**
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	255,018	276,253	311,825	355,618	**403,513**
Jumlah liabiliti	377,522	415,747	450,942	512,576	**585,559**
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	282,797	314,692	347,156	395,611	**439,569**
Komitmen dan tanggungan luar jangkaan	292,109	369,792	379,695	433,829	**551,960**
Modal berbayar	7,478	7,639	8,440	8,862	**9,319**
Ekuiti pemegang-pemegang saham	32,395	34,337	42,095	45,997	**52,975**
MAKLUMAT SAHAM[2]					
Sesaham (sen)					
Pendapatan asas	61.4	34.5	72.7	75.8	**74.2**
Pendapatan dicairkan	61.4	34.5	72.7	75.7	**74.1**
Dividen kasar	60.0	36.0	65.0	53.5	**57.0**
Aset bersih (sen)	433.2	449.5	498.8	519.0	**568.5**
Harga saham pada 31 Dis/30 Jun (RM)	8.94	8.58	9.20	9.94	**9.17**
Pemodalan pasaran (RM' juta)	66,855	65,546	77,648	88,088	**85,455**
NISBAH KEWANGAN (%)[2]					
Nisbah Keuntungan/Penguasaan Pasaran					
Margin faedah bersih atas aset pendapatan faedah purata	2.6	2.5[6]	2.6	2.5	**2.3**
Faedah bersih atas aset wajaran risiko purata	3.6	4.0[6]	4.2	4.2	**3.9**
Pulangan bersih dana pemegang saham purata	14.5	15.2[6]	16.0	15.1	**13.8**
Pulangan bersih aset purata	1.2	1.2[6]	1.2	1.2	**1.1**
Pulangan bersih aset berwajaran risiko purata	1.8	2.0[6]	2.1	2.2	**2.0**
Nisbah kos kepada pendapatan[4]	49.2	49.7	48.6	47.8	**48.9**
Penguasaan pasaran domestik dalam:					
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	18.1	17.9	18.2	18.4	**18.4**
Deposit daripada pelanggan - Akaun Simpanan	27.9	27.6	27.7	27.7	**27.6**
Deposit daripada pelanggan - Akaun Semasa	20.7	19.5	20.2	20.4	**21.1**
NISBAH KECUKUPAN MODAL (%)					
Nisbah Modal CET 1	-	-	-	11.253	**11.747**
Nisbah Modal Tahap 1	-	-	-	13.059	**13.539**
Jumlah Nisbah Modal	-	-	-	15.664	**16.235**
Nisbah Modal Teras[5] (selepas ditolak cadangan dividen akhir)	11.2 - 11.8	11.0 - 11.7	12.8 - 13.5	-	**-**
Nisbah Modal Berwajaran Risiko[5] (selepas ditolak cadangan dividen akhir)	14.7 - 15.4	15.7 - 16.4	16.6 - 17.4	-	**-**
NISBAH KUALITI ASET[2]					
Nisbah pinjaman rosot nilai bersih/pinjaman tidak berbayar bersih (%)	2.25	1.86	1.09	0.95	**1.04**
Liputan kerugian pinjaman (%)[7]	82.3	86.9	105.6	107.5	**100.0**
Pinjaman bersih kepada nisbah deposit (%)	90.2	87.8	89.8	89.9	**91.8**
Deposit kepada dana pemegang saham (gandaan)	8.7	9.2	8.2	8.6	**8.3**
PENILAIAN ATAS SAHAM[2]					
Hasil dividen kasar (%)	6.7	4.2	7.1	5.4	**6.2**
Nisbah pembayaran dividen (%)	74.9	79.9	74.7	71.9	**78.5**
Harga kepada pendapatan berganda (gandaan)	14.6	24.9	12.7	13.1	**12.4**
Harga kepada penyata berganda (gandaan)	2.1	1.9	1.8	1.9	**1.6**

[1] Keputusan kewangan meliputi tempoh kewangan selama enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan akhir tahun kewangan dari 30 Jun ke 31 Disember.
[2] Angka-angka perbandingan telah dinyatakan semula berikutan perubahan dalam dasar perakaunan.
[3] Portfolio pelaburan kewangan terdiri daripada aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pelaburan kewangan tersedia untuk dijual dan pelaburan kewangan dipegang hingga matang.
[4] Nisbah kos kepada pendapatan dikira berdasarkan jumlah kos berbanding pendapatan bersih. Jumlah kos Kumpulan adalah jumlah perbelanjaan overhed tidak termasuk pelunasan aset tidak ketara bagi PT Bank Internasional Indonesia Tbk dan Maybank Kim Eng Holdings Limited.
[5] Nisbah kecukupan modal bagi Disember 2012, Disember 2011, dan Jun 2011 memberikan dua kemungkinan yang ekstrem, iaitu
(i) bahagian boleh pilih penuh tidak dilabur semula; dan
(ii) bahagian boleh pilih penuh dilabur semula dalam saham biasa baru selaras dengan Pelan Pelaburan Semula Dividen
[6] Secara Tahunan.
[7] Liputan kerugian pinjaman untuk Disember 2014 merangkumi Rizab dikawal selia.

Prestasi Kewangan

Bank		
	TK2013	TK2014
	18,723	**20,507**
	6,127	**7,344**
	6,127	**7,344**
	4,886	**5,903**
	397,605	**452,559**
	75,433	**92,156**
	237,971	**264,524**
	357,106	**406,387**
	273,670	**306,939**
	399,786	**519,486**
	8,862	**9,319**
	40,500	**46,173**
	56.5	**65.2**
	56.5	**65.2**
	53.5	**57.0**
	457.0	**495.5**
	-	**-**
	-	**-**
	2.0	**1.8**
	3.1	**2.9**
	12.9	**13.9**
	1.3	**1.4**
	2.3	**2.5**
	40.5	**40.6**
	18.4	**18.4**
	27.7	**27.6**
	20.4	**21.1**
	15.925	**16.275**
	15.925	**16.275**
	15.925	**16.275**
	-	**-**
	-	**-**
	0.94	**1.05**
	116.2	**103.0**
	87.0	**86.2**
	6.8	**6.6**
	-	**-**
	-	**-**
	-	**-**
	-	**-**

Keuntungan sebelum Cukai dan Zakat

RM9.11 bilion



Keuntungan boleh diagih kepada Pemegang-pemegang Ekuiti Bank

RM6.72 bilion



Jumlah Aset

RM640.3 bilion



Jumlah Liabiliti

RM585.6 bilion



Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

RM403.5 bilion



Deposit-deposit daripada Pelanggan-pelanggan

RM439.6 bilion



Ekuiti Pemegang-pemegang Saham

RM53.0 bilion



Modal Berbayar

RM9.3 bilion



Prestasi Kewangan

RINGKASAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN

JUMLAH ASET



Pada 31 Disember 2013 | Pada 31 Disember 2014

JUMLAH LIABILITI & EKUITI PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM



Pada 31 Disember 2013 | Pada 31 Disember 2014

PRESTASI SUKU TAHUNAN KEWANGAN KUMPULAN

	TK2014				
RM' juta	**S1**	**S2**	**S3**	**S4**	**TAHUN**
Hasil operasi	**8,357**	**8,759**	**8,934**	**9,662**	**35,712**
Pendapatan faedah bersih (termasuk pendapatan daripada Skim Operasi Perbankan Islam)	**3,201**	**3,217**	**3,310**	**3,247**	**12,975**
Perolehan premium insurans bersih	**922**	**1,029**	**968**	**1,027**	**3,946**
Pendapatan operasi lain	**1,232**	**1,365**	**1,396**	**1,547**	**5,540**
Jumlah pendapatan operasi	**5,356**	**5,611**	**5,673**	**5,821**	**22,461**
Keuntungan operasi	**2,171**	**2,210**	**2,181**	**2,386**	**8,948**
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	**2,208**	**2,247**	**2,226**	**2,431**	**9,112**
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	**1,602**	**1,575**	**1,608**	**1,931**	**6,716**
Pendapatan sesaham (sen)	**18.09**	**17.47**	**17.62**	**20.75**	**74.15**
Dividen sesaham (sen)	**-**	**24.00**	**-**	**33.00**	**57.00**

	TK2013				
RM' juta	**S1**	**S2**	**S3**	**S4**	**TAHUN**
Hasil operasi	8,117	8,589	8,276	8,269	33,251
Pendapatan faedah bersih (termasuk pendapatan daripada Skim Operasi Perbankan Islam)	3,047	3,048	3,127	3,173	12,395
Perolehan premium insurans bersih	1,126	1,136	813	866	3,941
Pendapatan operasi lain	1,364	1,703	1,488	1,327	5,882
Jumlah pendapatan operasi	5,538	5,886	5,428	5,367	22,219
Keuntungan operasi	2,091	2,047	2,308	2,284	8,730
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	2,127	2,089	2,352	2,302	8,870
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	1,506	1,568	1,746	1,732	6,552
Pendapatan sesaham (sen)	17.89	18.25	20.07	19.58	75.79
Dividen sesaham (sen)	-	22.50	-	31.00	53.50

FAEDAH UTAMA BERKAITAN ASET DAN LIABILITI

	TK2013			TK2014		
	Pada 31.12.2013 RM' juta	**Kadar Hasil Efektif %**	**Faedah Pendapatan/ Perbelanjaan RM' juta**	**Pada 31.12.2014 RM' juta**	**Kadar Hasil Efektif %**	**Faedah Pendapatan/ Perbelanjaan RM' juta**
Faedah aset pendapatan						
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	355,618	5.09	16,556	**403,513**	**5.30**	**18,446**
Tunai dan dana jangka pendek & deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	55,224	2.18	953	**68,959**	**2.13**	**960**
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	19,167	3.95	711	**23,705**	**4.30**	**801**
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	82,837	3.76	2,311	**82,631**	**4.14**	**2,698**
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	5,668	5.23	113	**9,575**	**4.97**	**285**
Faedah berkaitan liabiliti						
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	395,611	1.96	6,909	**439,569**	**2.08**	**8,496**
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	42,139	1.60	900	**57,387**	**1.96**	**1,165**
Pinjaman	13,322	3.24	432	**18,522**	**3.25**	**461**
Tanggungan subordinat	12,645	5.36	561	**15,640**	**4.16**	**701**
Sekuriti modal	5,921	6.54	385	**5,902**	**5.73**	**384**

Prestasi Kewangan

PENYATA NILAI TAMBAH

NILAI TAMBAH	TK2013 RM'000	TK2014 RM'000
Pendapatan faedah bersih	9,585,280	**9,703,703**
Pendapatan daripada operasi Skim Perbankan Islam	2,810,182	**3,271,211**
Perolehan premium insurans bersih	3,941,346	**3,946,068**
Pendapatan operasi lain-lain	5,882,062	**5,540,439**
Manfaat insurans dan tuntutan ditanggung bersih, perbelanjaan yuran dan komisen bersih, perubahan dalam liabiliti perbelanjaan dan cukai dana hayat dan takaful	(3,680,510)	**(3,930,819)**
Perbelanjaan overhed tidak termasuk perbelanjaan kakitangan, susut nilai dan pelunasan	(3,508,866)	**(3,529,338)**
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan penghutang lain, bersih	(729,586)	**(400,392)**
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih	(150,522)	**(70,440)**
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	139,267	**163,125**
Nilai tambah sedia ada untuk pengagihan	14,288,653	**14,693,557**

PENGAGIHAN NILAI TAMBAH	TK2013 RM'000	TK2014 RM'000
Kepada kakitangan:		
Perbelanjaan kakitangan	4,943,884	**5,019,296**
Kepada kerajaan:		
Percukaian	2,098,261	**2,200,540**
Kepada penyedia modal:		
Dividen dibayar kepada pemegang saham	4,365,481	**4,939,066**
Kepentingan tidak dikawal	218,942	**194,588**
Untuk dilabur semula dalam Kumpulan:		
Susut nilai dan pelunasan	475,175	**562,678**
Keuntungan terkumpul	2,186,910	**1,777,389**
Nilai tambah sedia ada untuk pengagihan	14,288,653	**14,693,557**



Kepada Kakitangan:
Perbelanjaan kakitangan

Kepada kerajaan:
Percukaian

Kepada penyedia modal:
Dividen dibayar kepada pemegang saham
Kepentingan tidak dikawal

Untuk dilabur semula di dalam Kumpulan:
Susut nilai dan pelunasan Keuntungan terkumpul



Prestasi Kewangan

MAKLUMAT SEGMEN

ANALISIS MENGIKUT KEDUDUKAN GEOGRAFI

	Pendapatan Operasi Bersih		Keuntungan Sebelum Cukai	
	TK2013 RM'000	TK2014 RM'000	TK2013 RM'000	TK2014 RM'000
Malaysia	14,711,450	**14,941,392**	8,464,785	**8,898,151**
Singapura	2,732,243	**3,073,428**	1,251,904	**1,307,960**
Indonesia	2,511,268	**2,239,999**	658,575	**276,612**
Lokasi-lokasi lain	1,132,028	**1,368,317**	779,569	**1,035,481**
Penyingkiran	(2,548,629)	**(3,092,534)**	(2,285,239)	**(2,406,621)**
	18,538,360	**18,530,602**	8,869,594	**9,111,583**

Pendapatan Operasi Bersih (RM' juta)



Nota: Jumlah pendapatan operasi bersih termasuk pendapatan operasi antara segmen yang disingkirkan semasa penyatuan berjumlah RM3,092 juta untuk TK 31 Disember 2014 dan RM2,548 juta untuk TK 31 Disember 2013.

Keuntungan Sebelum Cukai (RM' juta)



Nota: Jumlah keuntungan sebelum cukai termasuk keuntungan antara segmen yang disingkirkan semasa penyatuan berjumlah RM2,406 juta untuk TK 31 Disember 2014 dan RM2,285 juta untuk TK 31 Disember 2013.

Prestasi Kewangan

ANALISIS MENGIKUT AKTIVITI

	Pendapatan Operasi Bersih		Keuntungan Sebelum Cukai	
	TK2013 RM'000	TK2014 RM'000	TK2013 RM'000	TK2014 RM'000
Perkhidmatan Kewangan Komuniti	7,318,023	**7,515,148**	3,224,468	**4,271,546**
Perbankan Korporat	2,270,424	**2,382,067**	1,614,106	**1,633,098**
Pasaran Global	1,695,516	**1,690,732**	1,396,614	**1,489,607**
Perbankan Pelaburan	1,536,275	**1,515,299**	461,807	**478,811**
Pengurusan Aset	72,551	**100,240**	21,492	**760**
Perbankan Antarabangsa	5,330,225	**5,676,692**	2,536,707	**2,370,135**
Insurans dan Takaful	1,479,208	**1,679,475**	778,262	**896,677**
Ibu Pejabat dan lain-lain	(1,163,862)	**(2,029,051)**	(1,163,862)	**(2,029,051)**
	18,538,360	**18,530,602**	8,869,594	**9,111,583**

Pendapatan Operasi Bersih (RM' juta)



Nota: Jumlah pendapatan operasi bersih termasuk perbelanjaan Ibu Pejabat dan lain-lain berjumlah RM2,029 juta untuk TK 31 Disember 2014 dan RM1,164 juta untuk TK 31 Disember 2013.

Keuntungan Sebelum Cukai (RM' juta)



Nota: Jumlah keuntungan sebelum cukai termasuk perbelanjaan Ibu Pejabat dan lain-lain berjumlah RM2,029 juta untuk TK 31 Disember 2014 dan RM1,164 juta untuk TK 31 Disember 2013.

Maklumat Pelabur

PERHUBUNGAN PELABUR

Kami sedar pentingnya untuk berhubung dengan pelabur kami dan percaya bahawa komunikasi yang baik, jelas dan boleh dipercayai akan memupuk keyakinan dan membina pemahaman serta membawa kepada nilai maksimum pemegang saham.

Pada 2014, kami terus bersiap sedia untuk menyediakan para pelabur kami dengan maklumat secara sama rata, segera dan dengan cara yang jelas serta konsisten. Ini boleh dilaksanakan menerusi kerjasama yang berkesan antara kumpulan kerja Perhubungan Pelabur dan pelbagai penyedia maklumat dan ketua-ketua di dalam Kumpulan Maybank.

Matlamat yang strategik bagi Perhubungan Pelabur Maybank pada 2014 adalah untuk mengukuhkan liputan dengan pelabur di rantau ini dan mempromosikan pemahaman mendalam terhadap visi dan misi strategik kami dengan komuniti pelabur dalam persekitaran ekonomi yang berubah dan lanskap yang berdaya saing. Ini termasuk:

- Penyertaan dalam promosi bergerak merentasi pelbagai pasaran, termasuk pasaran seperti Jepun dan Amerika Syarikat.
- Meningkatkan penglibatan dengan pelabur pendapatan tetap, termasuk pelaksanaan promosi bergerak dan persidangan dalam tahun kewangan.
- Perwakilan di persidangan bertemakan ASEAN adalah selaras dengan aspirasi Kumpulan untuk menjadi peneraju perkhidmatan kewangan serantau.

Dalam tahun kewangan, sebagai tambahan kepada pengumuman keputusan dan mesyuarat dalaman, kami menyertai 5 persidangan dan 5 promosi bergerak di lokasi terpilih. Pilihan persidangan pelabur adalah berdasarkan kepada faktor-faktor seperti: perwakilan pelanggan dan pelarasannya dengan asas pemegang saham dan tumpuan persidangan. Selain menyertai persidangan pelabur, Kumpulan turut menganjurkan mesyuarat dengan pemegang saham asing menerusi persidangan telefon dan video untuk memastikan penglibatan dengan pemegang saham berterusan.

Dalam mesyuarat pelabur dan taklimat keputusan kewangan, pengurusan berkongsi strategi dan prestasi kewangan serta kedudukan kewangan Kumpulan. Kami bertemu dengan seramai 378 penganalisis dan pengurus dana daripada 242 syarikat, kurang berbanding setahun yang lalu berikutan sentimen pasaran yang lemah. Bagaimanapun, kami terus aktif mendapatkan maklum balas bagi memastikan kami sentiasa berada pada jangkaan pemegang saham.

Sorotan Utama

- Menyertai 10 promosi bergerak dan persidangan untuk meningkatkan penglibatan pelabur.
- Terus mendapat pengiktirafan menerusi anugerah pelaporan korporat dan perhubungan pelabur (Anugerah Laporan Tahunan Korporat Kebangsaan dan Alpha Southeast Asia).
- Mengekalkan analisis daftar saham untuk lebih memahami pemegang saham kami.

TAKLIMAT PENGUMUMAN ANALISIS KEPUTUSAN SUKU TAHUN

Pada 2014, Pengurusan Kanan Maybank menganjurkan dua taklimat media dan penganalisis di Kuala Lumpur, Malaysia untuk berkongsi keputusan enam bulan dan setahun penuh Kumpulan. Taklimat ini juga dibuka kepada peserta asing menerusi persidangan telefon. Selari dengan amalan terdahulu, taklimat keputusan suku pertama dan ketiga telah dianjurkan secara persidangan telefon. Semua bahan berkaitan pengumuman keputusan Maybank telah disediakan di laman sesawang korporat. Ini termasuk pek taklimat pengumuman yang terdiri daripada:

- Ringkasan prestasi kewangan sukuan Kumpulan dan kedudukan kewangan.
- Sorotan pencapaian Maybank terhadap objektif strategik 5 tahun.
- Tinjauan ekonomi dan panduan untuk TK2014.
- Maklumat lain yang dianggap berguna kepada para pelabur.

Acara Utama	Tarikh
Pengumuman Keputusan	
Suku Keempat TK2013	27 Februari 2014
Suku Pertama TK2014	29 Mei 2014
Suku Kedua TK2014	28 Ogos 2014
Suku Ketiga TK2014	26 November 2014
Lain-lain Acara	
Mesyuarat Agung Tahunan Ke-54 bagi TK2013	7 April 2014

Sila layari **www.maybank.com/ir** *untuk maklumat lanjut.*

Maklumat Pelabur

Bilangan Penganalisis dan Pengurus Dana Ditemui (Mesyuarat di Pejabat dan Promosi Bergerak)



Persidangan Pelabur & Promosi Bergerak Tanpa Urus Niaga



Jumlah Syarikat Ditemui (Mesyuarat di Pejabat dan Promosi Bergerak)



PERSIDANGAN DAN PAMERAN BERGERAK

Dalam tahun kewangan ini, Maybank menyertai 10 persidangan dan pameran bergerak di mana Pengurusan Kanan bertemu dengan pelabur sedia ada dan berpotensi serta mengemaskini maklumat mengenai fokus strategik Maybank, prestasi mutakhir dan visi masa hadapan.

Tempat	Acara	Tarikh	Penganjur
Singapura	Persidangan Bank of America Merrill Lynch ASEAN Stars 2014	5-6 Mac 2014	Bank of America Merrill Lynch
Singapura	Persidangan Global FIG 2014 Nomura	12 Mac 2014	Nomura
Singapura	Persidangan Invest ASEAN 2014 Maybank Kim Eng	1-2 April 2014	Maybank Kim Eng
Hong Kong	Maybank Kim Eng NDR Hong Kong	10-11 April 2014	Maybank Kim Eng
Kuala Lumpur	Invest Malaysia 2014	9-10 Jun 2014	CIMB & Bursa Malaysia
Jepun	Invest Malaysia Tokyo	7-8 Julai 2014	Nomura
UK	Invest Malaysia UK	1-2 September 2014	Maybank Kim Eng
Hong Kong	Forum Pelabur CLSA 2014	15-16 September 2014	CLSA
Singapura	Hari Korporat UBS Malaysia 2014	2 Oktober 2014	UBS
USA	Invest Asia 2014	4-7 November 2014	Maybank Kim Eng

AGM/EGM

Mesyuarat Agung Tahunan kami yang ke-54 tahun berlangsung 7 April 2014 di Kuala Lumpur, Malaysia. Pemegang saham berpeluang menyediakan maklum balas dan menujukan soalan kepada Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan. Kesemua penyelesaian yang dicadangkan telah diluluskan oleh pemegang saham.

LAMAN SESAWANG

Laman sesawang korporat Maybank di www.maybank.com terus menarik perhatian dengan pelbagai persoalan dari dalam dan luar negara. Kumpulan Perhubungan Pelabur terus memastikan bahagian Perhubungan Pelabur di laman sesawang korporat berkenaan sentiasa dikemaskinikan dengan maklumat terbaharu Kumpulan.

ANALISIS DAFTAR SAHAM

Dalam tahun kewangan ini, dua analisis daftar saham telah dikendalikan bagi membolehkan pemahaman yang lebih baik terhadap struktur pegangan saham Kumpulan dan membantu perancangan program pelaburan. Analisis pendaftaran saham termasuk pecahan mengenai pemegang saham mengikut jenis, corak pelaburan dan lokasi geografi.

PENARAFAN KREDIT

Untuk menyediakan pemegang saham dan orang awam dengan pandangan bebas Kumpulan selari dengan dasar kami, kami terus mengekalkan penarafan kredit dengan enam buah agensi penarafan: RAM Ratings, Malaysian Rating Corporation (MARC), Standard and Poor's (S&P), Moody's Investors Service, Fitch Ratings dan Capital Intelligence.

LIPUTAN PENGANALISIS

Sehingga Disember 2014, Maybank telah mendapat liputan daripada 25 firma penyelidikan dan ini menunjukkan minat yang kukuh oleh firma penyelidikan jualan ekuiti tempatan dan asing.

No.	Firma Penyelidik	No.	Firma Penyelidik
1	Affin Hwang Investment Bank Berhad	13	JP Morgan
		14	KAF Seagroatt & Campbell
2	AllianceDBS Research Sdn Bhd	15	Kenanga Investment Bank
3	AmResearch Sdn Bhd	16	Macquarie
4	Bank of America Merrill Lynch	17	MIDF Research
5	CIMB	18	Morgan Stanley
6	Citigroup	19	Nomura Securities
7	CLSA Asia Pacific	20	RHB Research Institute
8	Credit Suisse	21	S&P Capital IQ
9	Deutsche Bank AG	22	Standard Chartered
10	Goldman Sachs	23	TA Securities
11	Hong Leong Investment Bank	24	UBS Securities
12	HSBC	25	UOB Kay Hian

Maklumat Pelabur

Bidang utama perbincangan dalam perbincangan dengan pelabur pada 2014 sebahagian besarnya berkenaan keadaan ekonomi mikro di pasaran utama Kumpulan, tinjauan mengenai pemacu prestasi kewangan Kumpulan, pertumbuhan pinjaman dan deposit, pengurusan modal dan strategi serantau. Bidang khusus yang menjadi minat sepanjang sesi pelabur termasuk:

Bidang Tumpuan	
• Pertumbuhan KDNK di pasaran utama di Malaysia, Singapura dan Indonesia	• Dalam tempoh kewangan, pelabur agak berhati-hati dengan tinjauan ekonomi di rantau ini. Bagaimanapun, sebahagian daripada pasaran utama seperti Singapura dan Malaysia dilihat berpeluang untuk mendapat manfaat daripada ekonomi diterajui eksport berikutan momentum ekonomi yang berterusan di Amerika Syarikat (AS), selain terdapat juga kebimbangan terhadap kenaikan inflasi di Malaysia dan pertumbuhan perlahan yang ditunjukkan di Indonesia dan China. • Menjelang akhir tahun, turun naik harga minyak telah menimbulkan isyarat terhadap impak kepada bagi pasaran-pasaran pengeksport termasuk Malaysia. Menyedari hakikat ini, Maybank telah menyediakan maklumat tambahan terhadap pendedahan kepada segmen komoditi di pasaran utama Kumpulan dalam TK2014 ketika pengumuman keputusan kewangan.
• Pertumbuhan pinjaman	• Pertumbuhan pinjaman Maybank pada 2014 disasarkan kepada 13% di peringkat Kumpulan, yang disokong oleh Malaysia sebanyak 9%-10%, Singapura 13% dan Indonesia 16%-17%. Umumnya, pelabur berminat terhadap pertumbuhan di segmen-segmen utama dan berbincang mengenai kedudukan pembiayaan isi rumah di pasaran terpilih. Dalam hal ini, Maybank memberi panduan kepada pelabur tentang strategi di setiap pasaran utama dan bagaimana kedudukan kualiti aset akan diuruskan.
• Pertumbuhan deposit	• Maybank telah menetapkan sasaran pertumbuhan deposit antara 10%-12%. Dalam suku pertama tahun kewangan, Kumpulan tidak merekodkan pertumbuhan deposit dan pelabur telah melahirkan kebimbangan terhadap langkah mengetatkan mudah tunai di pasaran. Bagaimanapun, seperti ditunjukkan dalam suku berikutnya, Kumpulan telah berupaya untuk mencatatkan pertumbuhan deposit dua digit dan memenuhi sasarannya dengan pencapaian 11.1%.
• Prestasi Margin Faedah Bersih	• Pelabur bimbang dengan kos pembiayaan yang tinggi dan persaingan harga aset mungkin boleh meyumbang kepada tekanan terhadap margin faedah bersih. Maybank telah memberi panduan sasaran tahap NIM pelabur, dan menunjukkan potensinya yang stabil sepanjang 2014 sejajar dengan panduan yang ditetapkan serta disiplin harganya.
• Pendapatan berasaskan fi	• Pelabur terus menilai kualiti pendapatan berasaskan fi di keseluruhan bank. Sehingga kini, Maybank telah berkongsi banyak maklumat, rekod lama prestasi pendapatan berasaskan fi mengikut komponen dan berbincang tentang tinjauan aktiviti pasaran modal bagi 2014. Seperti ditunjukkan dalam keputusan keseluruhan tahun, walaupun aktiviti pasaran modal agak sederahana pada 2014, segmen berasaskan fi bagi Kumpulan Maybank, seperti Pasaran Global dan Perbankan Pelaburan telah merekodkan prestasi stabil di sebalik kedudukan pasaran.
• Overhed	• Pelabur terus menunjukkan minat terhadap Program Pengurusan Kos Strategik (SCMP). Sebagai sebahagian daripada perbincangan, pihak pengurusan melibatkan diri dengan pelabur tentang strategi untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan di seluruh Kumpulan, dan jangkaan nisbah kos kepada pendapatan dalam tempoh jangka sedarhana.
• Kualiti Aset	• Pelabur kekal berminat untuk memahami apakah kadar purata kredit bersih yang akan dikenakan ketika pasaran berada dalam persekitaran yang lebih mencabar. Kerap kali juga mereka mendapatkan maklum balas mengenai sama ada Kumpulan ada mengalami risiko sistemik, Kumpulan mengekalkan pendedahannya petunjuk kualiti aset di peringkat Kumpulan, mengikut pasaran dan bagi segmen perniagaan utama pada setiap taklimat keputusan kewangan. Dalam taklimat keputusan tahun kewangan penuh, Kumpulan telah berkongsi pendedahan portfolionya untuk komoditi terpilih. Ketika sesi taklimat pengumuman keputusan kewangan ini, Kumpulan turut berkongsi maklumat mengenai isu kualiti aset sebanyak mungkin.
• Pengurusan Modal & Dasar Dividen	• Pelabur mendapat maklumat mengenai nisbah modal Kumpulan, strategi pengurusan modal, dasar dividen dan nisbah pembayaran tertinggi yang pernah dibayar. Pihak pengurusan bukan sahaja telah menyediakan pendedahan mengenai nisbah modal dalam beberapa senario, tetapi turut mendedahkan maklumat sebanyak mungkin mengenai nisbah modal Basel III setiap suku tahun. Pengurusan turut menyediakan buah fikirannya kepada pelabur mengenai sebarang potensi tentang keperluan yang mungkin akan memberi kesan terhadap kedudukan tahap modal Kumpulan/Bank.
• Strategi	• Pelabur kekal berminat untuk memahami strategi serantau Kumpulan dan kedudukan persaingan di Malaysia, serta pasaran utama dan di rantau ini. Sehingga hari ini, Maybank telah menyediakan pendedahan terhadap prestasinya di pasaran utama, dan turut menyediakan apendiks penuh mengenai prestasi di tunggak perniagaan utama dalam fail untuk pelabur. Kumpulan kerja Perhubungan Pelabur turut mengendalikan sesi penglibatan pelabur dengan ketua-ketua perniagaan tertentu dalam Kumpulan. Bidang lain yang menjadi minat di kalangan pelabur, termasuk strategi penggabungan dan pengambilalihan (M&A) Maybank dan sehingga hari ini pihak pengurusan telah berkongsi mengenai tinjauan M&A di pasaran utama dan parameter yang luas yang akan diberi pertimbangan ketika menilai potensi bagi peluang-peluang pertumbuhan bukan organik.

Menuju ke tahun 2015, Perhubungan Pelabur Maybank akan meneruskan penglibatan dengan masyarakat pelabur dan menyediakan pendedahan berstandard tinggi untuk komuniti berkenaan.

Maklumat Pelabur

PENARAFAN KREDIT

Maybank diberi penarafan oleh enam buah agensi penarafan, di mana empat daripadanya terdiri daripada agensi penarafan asing (S&P, Moody's, Fitch dan Capital Intelligence) telah memberikan penarafan kredit A- atau bersamaan dengannya, yang juga setaraf dengan penarafan kedaulatan Malaysia. Dua penarafan agensi domestik, RAM Ratings dan MARC, telah memberikan penarafan AAA terhadap Maybank.

Sepanjang 2014, penarafan kredit dan tinjauan oleh semua agensi penarafan kekal tidak berubah dengan semua agensi penarafan meletakkan Maybank pada tinjauan Stabil kecuali Fitch Ratings yang memberikan tinjauan Negatif. Fitch telah mengubah tinjauannya kepada Negatif dari Stabil pada Julai 2013 apabila ia menurunkan tinjauan penarafan kedaulatan Malaysia.

Maybank kerap berhubung dengan agensi penarafan kredit dan pengawal selia bagi memastikan ia sentiasa menggunapakai amalan pengurusan modal yang berhemah dan kekal komited untuk mengekalkan penarafan kredit gred pelaburan.

Penarafan Kredit Maybank

Agensi Penarafan	Tarikh Dikeluarkan	Klasifikasi Penarafan	Penarafan	Tinjauan
Standard & Poor's	15 Dis 2014	Penarafan Kredit Timbalawan	A/ A-2	Stabil
		Skala Penarafan ASEAN	axAA/--/axA-1	
		Saham Keutamaan	BB+	
		Senior Tidak Berjamin (Skala Serantau Wilayah Besar China)	cnAA	
		Senior Tidak Berjamin	A- / A-2	
		Subordinat	BBB+	
Moody's Investors Service	16 Mei 2014	Deposit Bank Matawang Asing	A3/P-2	Stabil
		Deposit Bank Matawang Tempatan	A1/P-1	
		Penarafan/Tinjauan Kekukuhan Kewangan Bank	C	
		Penilaian Kredit 'Baseline'	a3	
		Penilaian Kredit 'Baseline' Diselaraskan	a3	
		Subordinat 'Junior'	Baa2 (hyb)	
Fitch Ratings	6 Okt 2014	Penarafan Kemungkiran Terbitan Asing Jangka Panjang	A-	Negatif
		Penarafan Kemungkiran Terbitan Tempatan Jangka Panjang	A-	
		Penarafan Berdaya Maju	a-	
		Penarafan Sokongan	2	
		Penarafan Sokongan Minimum	BBB	
		Nota Tidak Berjamin Senior	A-	
		Nota Subordinat Tahap 2 (AS$ dan SG$)	BBB+	
		Nota Hibrid Tahap 1 (Sekuriti Modal SG$ Tahap 1)	BB+	
RAM Ratings	Dis 2014	Penarafan Institut Kewangan Skala Nasional	AAA / P1	Stabil
		Penarafan Institut Kewangan Skala ASEAN	AAA / P1	
		Program Sekuriti Inovatif Tahap 1 sehingga RM4.0 bilion (2008/2073)	AA2	
		Program Sekuriti Bukan Inovatif Tahap 1 sehingga RM3.5 bilion (2008/2108)	AA2	
		Program Nota Subordinat Tahap 2 RM3 bilion (2011/2031)	AA1	
		Program Nota Subordinat RM7 bilion (2012/2032)	AA1	
		Program Nota Subordinat Tambahan Tahap 1 sehingga RM10.0 bilion	AA3	
Malaysian Rating Corporation Berhad	19 Mei 2014	Penarafan Institusi Kewangan Jangka Panjang	AAA	Stabil
		Penarafan Institusi Kewangan Jangka Pendek	MARC-1	
Capital Intelligence	17 Feb 2015	Matawang Asing – Jangka Panjang	A-	Stabil
		Matawang Asing – Jangka Pendek	A2	
		Kekukuhan Kewangan	A-	
		Sokongan	1	

LAIN-LAIN MAKLUMAT

Tahun Kewangan Berakhir
31 Disember

Pegangan Saham Asing

31 Disember 2014	22.54%
31 Disember 2013	21.70%

Kod Penanda

Bursa Malaysia	MYX:1155
Bloomberg	MAY MK EQUITY
Reuters	MBBM.KL

American Depository Receipts (ADR)

Bloomberg	MLYBY US
Reuters	MLYBY.PK

Pendaftar Saham
Tricor Investor Services Sdn Bhd
(dulu dikenali Tenaga Koperat Sdn Bhd)
Tingkat 17, The Gardens North Tower
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur
Malaysia

ANALISIS PEMEGANG SAHAM

- Maybank memiliki asas pemegang saham yang luas dengan 62,814 pemegang saham di seluruh dunia sehingga 31 Disember 2014, yang berjumlah 6.3% lebih tinggi berbanding setahun lalu.
- Analisis pegangan saham mengikut rantau (tidak termasuk pemegang saham utama) menunjukkan bahawa 15.5% datang dari Asia, diikuti 8.3% dari Amerika Utara, 4.2% dari UK, 1.8% dari Eropah (tidak termasuk UK) dan 9.5% dari lain-lain lokasi geografi.
- Kebanyakan saham Maybank dipegang oleh pelabur institusi (90.4%) diikuti oleh pelabur swasta (2.3%) manakala baki sebanyak 7.3% dipegang oleh lain-lain jenis pelabur.
- Analisis pemegang saham mengikut stail menunjukkan 67.0% merupakan dana teras/stail nutral, 5.2% adalah dana indeks, 4.4% adalah dana nilai, 3.9% adalah dana pelbagai stail, 1.7% adalah dana quant, 1.2% adalah dana pertumbuhan manakala baki 16.6% dipegang oleh dana lain-lain stail pelaburan.



Jumlah Pemegang Saham







Maklumat Pelabur

PEGANGAN SAHAM ASING

Pegangan saham asing Maybank telah merekodkan peningkatan untuk tempoh tiga tahun berturut-turut. Pada 2014, pegangan saham asing meningkat 0.84% mata, peningkatan dari tahap terendah 21.1% pada 14 Mac ke tahap tertinggi 23.14% pada 17 Oktober tetapi turun pada akhir tahun selari dengan kelemahan dalam pasaran ekuiti dan aliran keluar dana portfolio asing.

AMERICAN DEPOSITORY RECEIPTS (ADRS)

Maybank telah diniagakan di Amerika Syarikat sejak 2005 menerusi kemudahan ADR tajaan penyenaraian NYSE dengan The Bank of New York Mellon sebagai pendeposit, dalam usaha untuk mempelbagai dan meningkatkan pemilikan AS dan juga meningkatkan profil Maybank di pasaran AS. ADR diniagakan di New York Stock Exchange di bawah penanda MLYBY US di Bloomberg dan MLYBY.PK di Reuters.

Pegangan Saham Asing Maybank: 2012-2014



	2012		2013		2014	
Tinggi	13.33%	6 Jan	19.58%	4 Jan	21.11%	14 Mac
Rendah	19.58%	21 Dis	25.99%	24 Mei	23.14%	17 Okt
Tutup	19.54%	31 Dis	21.70%	31 Dis	22.54%	31 Dis
Perubahan T-ke-T	6.26%		2.16%		0.84%	

SAHAM MAYBANK

Walaupun pasaran ekuiti lemah pada 2014, jumlah pulangan pemegang saham Maybank telah mengatasi indeks penanda aras dengan menyalurkan pembayaran dividen yang tinggi.

RINGKASAN

- Jumlah Pulangan Pemegang Saham sebanyak -2.49% adalah lebih tinggi daripada FBM KLCI dan Indeks Kewangan KL masing-masing sebanyak -2.62% and -3.82%.
- Dividen sebanyak 57 sen sesaham pada 2014 adalah 6.5% lebih tinggi daripada tahun sebelumnya.
- Nisbah pembayaran dividen meningkat kepada 78.5% berbanding 71.9% pada 2013.

PRESTASI HARGA SAHAM

Pergerakan harga saham Maybank untuk tempoh dua sukuan pertama pada 2014 adalah selari dengan Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) dan Indeks Kewangan Bursa Malaysia (Indeks Kewangan BM), turun 2.62% dalam suku pertama diikuti kenaikan 1.55% dalam suku kedua.

Bagaimanapun, selepas FBM KLCI mencecah paras tertinggi baru 1,892.6 pada 8 Julai, ia mulai turun berikutan kejatuhan harga minyak dunia. Harga saham Maybank bertahan selama dua bulan lagi apabila ia mencecah paras tertinggi untuk tahun berkenaan pada RM10.16 pada 4 September sebelum jatuh berikutan kebimbangan terhadap pendapatan korporat yang perlahan, penurunan nilai ringgit, kejatuhan harga minyak dan tinjauan ekonomi yang lemah memandangkan Malaysia adalah negara pengeksport minyak. Perkembangan ini telah melemahkan sentimen luaran dan meningkatkan kebimbangan terhadap cabaran fiskal Malaysia dan kebarangkalian kepada aliran keluar dana asing.

Walaupun dalam suku ketiga Maybank masih berupaya mencatat kenaikan 1.32%, penurunan yang bermula pada September telah berlanjutan hingga suku keempat dalam tahun kewangan apabila harga minyak terus menjunam di bawah paras AS$60. Pada 16 Disember 2014, harga saham Maybank, Indeks FBM KLCI dan Indeks Kewangan KL kesemuanya telah mencecah paras terendah dalam tempoh 52 minggu masing-masing pada RM8.29, 1,673.94 mata dan 14,857.75 mata sebelum naik semula pada akhir tahun untuk ditutup pada RM9.17, 1,761.25 mata dan 15,704.35 mata masing-masing.

Pada penutup 2014, harga saham Maybank adalah 7.7% lebih rendah berbanding pada akhir tahun sebelumnya manakala FBM KLCI dan Indeks Kewangan BM turut mencatat kerugian masing-masing pada 5.7% dan 7.4%.

Harga Saham Maybank dan Jumlah Urus Niaga 2014



Harga Saham (RM)	S1		S2		S3		S4		TK2014	
Tinggi	9.96	7 Jan	10.00	23 Apr	10.16	4 Sep	9.96	2 Okt	10.16	4 Sep
Rendah	9.47	27 Jan	9.67	1 Apr	9.83	1 Jul	8.29	16 Dis	8.29	16 Dis
Tutup	9.68	31 Jan	9.83	30 Jun	9.96	30 Sep	9.17	31 Dis	9.17	31 Dis
Jajaran Dagangan	0.49		0.33		0.33		1.67		1.87	

Purata	S1	S2	S3	S4	TK2014
Harga (RM)	9.71	9.85	9.99	9.40	9.73
Jumlah Urus niaga Harian (juta)	6.832	7.404	7.318	8.781	7.599

Maklumat Pelabur

Prestasi Relatif Harga Saham Maybank berbanding Penanda Aras



	31 Dis 2013	Harga Saham dan Prestasi Indeks					Jumlah Pulangan Pemegang Saham
		S1	S2	S3	S4	TK2014	TK2014
Maybank (RM)	9.94	9.68	9.83	9.96	9.17	9.17	
Perubahan (sen)		(0.26)	0.15	0.13	(0.79)	-0.77	
% Perubahan		-2.62%	1.55%	1.32%	-7.93%	-7.75%	-2.49%
FBM KLCI	1,866.96	1,849.21	1,882.71	1,846.31	1,761.25	1761.25	
Perubahan (mata asas)		(17.75)	33.50	(36.40)	(85.06)	-105.71	
% Perubahan		-0.95%	1.81%	-1.93%	-4.61%	-5.66%	-2.62%
Indeks Kewangan KL	16,955.60	16,630.83	17,172.35	17,229.35	15,704.35	15,704.35	
Perubahan (mata asas)		(324.77)	541.52	57.00	(1,525.00)	-1,251.25	
% Perubahan		-1.92%	3.26%	0.33%	-8.85%	-7.38%	-3.82%

ANGKA-ANGKA UTAMA BERKAITAN SAHAM

	TK2007	TK2008	TK2009	TK2010	TK2011	FP2011	TK2012	TK2013	TK2014
Permodalan Pasaran (RM bilion)	46.7	34.4	41.8	53.5	66.9	65.5	77.6	88.1	85.5
Jumlah Pulangan Pemegang Saham, TSR (%)	19.3	-21.4	-3.9	31.7	28.1	-0.16	13.3	14.3	-2.49
Dividen sesaham (sen)	57.5	44.0	8.0	55.0	60.0	36.0	65.0	53.5	57.0
Hasil Dividen (%)	6.7	7.4	1.4	7.3	6.7	4.2	7.1	5.4	6.2
Harga Penutup, 31 Dis (RM)	8.62	6.33	5.90	7.56	8.94	8.58	9.20	9.94	9.17
Purata harga saham (RM)	8.46	8.00	5.25	6.94	8.60	8.45	8.81	9.80	9.74
Harga saham penutup tertinggi (RM)	9.84	9.20	7.14	7.72	9.29	8.99	9.46	10.74	10.16
Harga saham penutup terendah (RM)	7.47	6.33	3.57	5.60	7.53	7.51	8.19	8.84	8.29
Pendapatan asas sesaham (sen)	58.5	53.3	12.0	53.9	61.4	34.5	72.7	75.8	74.2

FP = Tempoh Kewangan

JUMLAH PULANGAN PEMEGANG SAHAM

Jumlah Pulangan Pemegang Saham (TSR) merupakan pengukur bagi peningkatan nilai pemegang saham yang mengukur jumlah pulangan yang diraih daripada keuntungan modal (kenaikan harga saham) dan dividen.

Pada 2014, walaupun pasaran ekuiti lebih lemah yang menyaksikan saham Maybank mencatatkan penurunan besar berbanding indeks pasaran ekuiti, Maybank telah mengatasi kedua-dua indeks dengan TSR pada -2.49% iaitu 0.13% lebih baik berbanding FBM KLCI dan 1.33% lebih tinggi berbanding Indeks Kewangan Bursa Malaysia.

Pulangan Jumlah Pemegang Saham	TK07	TK08	TK09	TK10	TK11	FP11	CY11	TK12	TK13	TK14
Maybank	19.30%	-21.43%	-3.88%	31.69%	28.13%	-0.16%	8.37%	15.60%	14.30%	-2.49%
Indeks FBM KLCI	54.30%	-8.20%	-5.26%	26.09%	24.83%	-1.11%	4.45%	14.27%	14.11%	-2.62%
Indeks Kewangan Bursa Malaysia	53.23%	-19.79%	1.70%	43.81%	32.86%	-5.69%	4.58%	16.99%	15.09%	-3.82%

Prestasi Relatif Maybank	TK07	TK08	TK09	TK10	TK11	FP11	CY11	TK12	TK13	TK14
Indeks FBM KLCI	-35.00%	-13.23%	1.38%	5.60%	3.30%	0.95%	3.92%	1.33%	0.19%	0.13%
Indeks Kewangan Bursa Malaysia	-33.93%	-1.64%	-5.58%	-12.12%	-4.73%	5.53%	3.79%	-1.39%	-0.79%	1.33%

Nota

FP11 merujuk kepada tahun kewangan 6-bulan apabila Maybank menukar tahun kewangannya berakhir pada 31 Disember daripada 30 Jun.
TK07 hingga TK11 adalah tempoh 12 bulan berakhir 30 Jun. CY11 pula merujuk tempoh 12-bulan tahun kalendar yang telah diaudit dan ditunjukkan untuk tujuan ilustratif sahaja.
CY merujuk kepada Tahun Kalendar.

Harga Saham Jangka Panjang dan Prestasi Dagangan Maybank



Maklumat Pelabur

KEUNTUNGAN EKONOMI

- Keuntungan ekonomi merupakan ukuran utama bagi penciptaan nilai pemegang saham. Maybank telah menjejaki Prestasi Keuntungan Ekonomi sejak 2005, dan menggunakan jajaran pengukur yang berkaitan sebagai sebahagian daripada proses pengurusan prestasi dalamannya.
- Keuntungan ekonomi dicadangkan oleh Jawatankuasa Putrajaya mengenai Prestasi Tinggi GLC (PCG) yang digembeleng oleh Program Transformasi GLC (Syarikat Berkaitan Kerajaan) untuk membangunkan entiti berprestasi tinggi bagi menyokong pembangunan ekonomi Malaysia.
- Pada 2014, keuntungan ekonomi Maybank meningkat 7.2% kepada RM2.09 bilion daripada RM1.95 bilion dalam tahun kewangan sebelumnya berikutan keuntungan bersih yang tinggi dan kos ekuiti yang rendah.

Keuntungan Ekonomi Maybank: TK2006 hingga TK2014 (RM juta)



** belum diaudit*

DASAR DIVIDEN

Kumpulan mempunyai dasar dividen dengan Nisbah Pembayaran Dividen antara 40% hingga 60% daripada pendapatan boleh diagih seluruh tahun kepada pemegang saham. Walau bagaimanapun, dengan Pelan Pelaburan Semula Dividen yang diperkenalkan pada tahun kewangan 2010, Kumpulan telah dapat memberikan nisbah pembayaran yang lebih tinggi antara 71.9% (FY2013) dan 79.9% (FP2011).

DIVIDEN DAN PELAN PELABURAN SEMULA DIVIDEN

Pada 7 April 2015 di Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Pengarah akan mencadangkan dividen peringkat tunggal sebanyak 33 sen. Bersama dengan dividen interim sebanyak 24 sen, jumlah dividen bagi TK2014 berjumlah 57 sen, iaitu 6.5% lebih tinggi berbanding 53.5 sen yang dibayar dalam tahun sebelumnya.

Dividen tahun penuh sebanyak 57 sen ini diterjemahkan kepada nisbah pembayaran dividen sebanyak 78.5%, lebih tinggi berbanding 71.9% yang dibayar dalam tahun sebelumnya dan melebihi kadar dasar dividen iaitu antara 40% dan 60%.

Dividen akhir akan diterbitkan berikutan Pelan Pelaburan Semula Dividen (DRP) ke-10 yang mana dividen tunggal peringkat tunggal sebanyak 33 sen akan merangkumi bahagian boleh pilih sebanyak 23 sen, yang boleh dipilih untuk dilabur semula dalam saham biasa baru, dan bahagian tunai sebanyak 10 sen.

Maybank akan terus menggunakan DRP sebagai sebahagian daripada strategi pentingnya untuk mengekalkan modal ekuiti dan pada masa yang sama menyediakan pendapatan dividen yang stabil kepada pemegang saham.

DRP yang lalu telah mendapat sambutan baik daripada pemegang saham dengan purata kadar pelaburan semula sebanyak 87.1%, dengan jajaran dari 84.0% hingga 91.1% sepanjang sembilan DRP yang lalu, menunjukkan keyakinan pemegang saham terhadap Maybank.

Dividen Kasar (sen) dan Nisbah Pembayaran (%)



* *Kadar pelaburan semula untuk Pelan Pelaburan Semula Dividen*

** *Pelarasan untuk Terbitan Bonus 1:4 pada Februari 2008 dan Terbitan hak 9:20 pada RM2.74 pada Mac 2009*

\# *Dividen Bersih adalah 28.5 sen yang mana 15 sen merupakan dividen peringkat tunggal*

Maklumat Pelabur

SEJARAH DIVIDEN

				Pelan Pelaburan Semula Dividen										
		Dividen sesaham (sen)		DRP No.	Dividen sesaham (sen)		Kadar Pelaburan Semula	Harga Terbitan RM	Diskaun	Pengistiharan	Tarikh Penetapan Harga Untuk DRP	Lepas Tarikh	Tarikh Rekod	Tarikh Bayaran
		Sebenar	Diselaraskan*		Tunai	Bahagian boleh pilih								
TK2007	Interim	40	28.7							21 Feb 07		10 Apr 07	12 Apr 07	26 Apr 07
	Akhir	40	28.7							29 Ogos 07		30 Okt 07	1 Nov 07	15 Nov 07
	Jumlah	80	57.5											
TK2008	Interim Pertama	17.5	12.6							15 Nov 08		31 Dis 07	3 Jan 08	16 Jan 08
	Bonus 1:4									24 Jan 08		18 Feb 08	20 Feb 08	20 Feb 08
	Interim Kedua	15	13.5							20 Feb 08		24 Mac 08	26 Mac 08	7 Apr 08
	Akhir	20	18							27 Ogos 08		7 Okt 08	9 Okt 08	21 Okt 08
	Jumlah	52.5	44											
TK2009	Hak 9:20									1 Mac 09		31 Mac 09	2 Apr 09	-
	Akhir	8	-							25 Ogos 09		13 Okt 09	15 Okt 09	27 Okt 09
	Jumlah	8												
TK2010	Interim	11	-							9 Feb 10		2 Mac 10	4 Mac 10	16 Mac 10
	Akhir	44	-	1	4	40	88.6%	7.70	9.90%	20 Ogos 10	4 Nov 10	18 Nov 10	22 Nov 10	20 Dis 10
	Jumlah	55												
TK2011	Interim	28	-	2	4	24	91.1%	7.70	9.60%	21 Feb 11	31 Mac 11	12 Apr 11	14 Apr 11	12 Mei 11
	Akhir	32	-	3	4	28	86.1%	7.70	7.83%	22 Ogos 11	15 Nov 11	25 Nov 11	30 Nov 11	28 Dis 11
	Jumlah	60												
FP2011	Akhir	36	-	4	4	32	88.5%	8.00	5.77%	23 Feb 12	17 Apr 12	27 Apr 12	2 Mei 12	4 Jun 12
	Jumlah	36												
TK2012	Interim	32	-	5	4	28	88.2%	8.40	4.65%	16 Ogos 12	7 Sep 12	20 Sep 12	24 Sep 12	25 Okt 12
	Akhir	33	-	6	4	29	85.7%	8.80	5.17%	21 Feb 13	12 Apr 13	25 Apr 13	29 Apr 13	29 Mei 13
	Jumlah	65												
TK2013	Interim	22.5	-	7	6.5	16	85.9%	9.20	5.40%	21 Ogos 13	10 Sep 13	24 Sep 13	26 Sep 13	25 Okt 13
	Akhir	31	-	8	4	27	85.9%	8.95	5.09%	27 Feb 14	16 Apr 14	29 Apr 14	2 Mei 14	30 Mei 14
	Jumlah	53.5												
TK2014	Interim	24	-	9	4	20	84.0%	9.30	5.49%	28 Ogos 14	12 Sep 14	25 Sep 14	29 Sep 13	28 Okt 14
	Akhir	33	-	10	10	23	-	-	-	26 Feb 15	-	-	-	-
	Jumlah	57												

* Diselaraskan untuk Terbitan Bonus 1: 4 pada Februari 2008 dan Terbitan Hak 9:20 pada RM2.74 pada Mac 2009

Sila layari **www.maybank.com/drp** *untuk maklumat lanjut.*

Maklumat Pelabur

PENCIPTAAN NILAI PEMEGANG SAHAM JANGKA PANJANG

Maybank sentiasa berusaha mewujudkan nilai jangka panjang untuk pemegang saham. Kami percaya dengan berusaha untuk menyeimbangkan pelbagai keperluan pemegang saham, kami boleh mewujudkan nilai pemegang saham untuk jangka panjang. Ini kami lakukan dengan meneruskan peluang-peluang perniagaan, mengoptimumkan modal dan menguruskan risiko, mengurangkan kos supaya kakitangan kami boleh memberikan produk dan perkhidmatan berinovasi secara berkesan mengikut tumpuan pelanggan sambil memberikan impak positif kepada masyarakat dan persekitaran di tempat kami beroperasi.

PENINGKATAN HARGA SAHAM

Pemegang saham lazimnya menjejaki prestasi harga saham bagi saham-saham mereka dalam jangka pendek seperti setiap hari, setiap minggu atau setiap bulan sebagai satu cara mudah untuk menentukan sejauh mana prestasi pelaburan mereka. Bagaimanapun, dalam jangka panjang, seperti setiap tahun atau beberapa tahun, pulangan tambahan daripada dividen, khususnya untuk saham pembayaran dividen yang tinggi seperti Maybank, mempunyai impak ketara ke atas jumlah pulangan kepada pemegang saham seperti ditunjukkan di bawah.

Carta dan jadual di bawah menunjukkan harga semasa saham Maybank pada akhir 2014 iaitu pada RM9.17 dan aliran yang diikuti sejak bermulanya pelarasan harga saham sebanyak RM1.15, 25 tahun lalu (harga sebenar RM13.00, pelarasan untuk pecahan saham, bonus dan terbitan hak). Bagaimanapun, Nilai Pelarasan Dividen termasuk dividen yang dilabur semula ke dalam saham Maybank akan menyediakan nilai sebanyak RM23.18 daripada pelaburan awal pada RM1.15. Secara ringkasnya, jumlah pulangan adalah sebanyak 1,914% dalam tempoh 25 tahun atau kira-kira 19 kali daripada pelaburan awal dibuat iaitu pelaburan sebanyak RM1,000 kini bernilai RM19,143.

Untuk kaedah yang seragam mengukur keuntungan seperti di atas iaitu pulangan daripada peningkatan modal dan pendapatan dividen, kami mengukur dan menjejakinya menggunakan Jumlah Pulangan Pemegang Saham.

JUMLAH PULANGAN PEMEGANG SAHAM (TSR)

Kami menggunakan Jumlah Pulangan Pemegang Saham untuk mengukur nilai yang diberikan kepada pemegang saham untuk kedua-dua kenaikan harga saham dan dividen yang diterima. Kami turut menjejaki prestasi kami berbanding dua indeks penanda aras domestik, terutamanya, indeks pasaran iaitu Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) dan indeks sektor kewangan, Indeks Kewangan Bursa Malaysia (Indeks Kewangan BM).

Jadual dan carta di bawah menunjukkan Jumlah Pulangan Pemegang Saham terkumpul untuk pelbagai tempoh pegangan selama 25 tahun.

Sekali lagi, kami boleh menyaksikan tempoh pegangan selama 25 tahun menyediakan TSR Terkumpul sebanyak 1,914%. Ia adalah melebihi penanda aras Indeks TSR FBM KLCI iaitu 213%. Saham Maybank telah terbukti memberikan pulangan positif dalam jangka masa panjang yang kompetitif atau lebih kukuh bagi TSR berbanding dua indeks penanda aras.

Harga Maybank: Harga Saham dan Nilai Dividen Diselaraskan sejak 1989 (25 tahun)



RM	1989	1994	1999	2004	2009	2011	2013	2014
Harga yang diselaraskan	1.15	3.69	6.47	8.48	6.86	8.58	9.94	9.17
Nilai dividen diselaraskan	1.15	4.05	7.55	11.40	12.67	18.05	23.70	23.18

Jumlah Pulangan Terkumpul (%)	1989	1994	1999	2004	2009	2011	2013	2014
Maybank	0	252	556	890	1,001	1,468	1,960	1,914
KLCI FBM	0	73	44	61	126	172	232	213
Nilai Pelaburan RM1,000 (RM)	1,000	2,522	5,560	8,903	10,006	14,681	19,599	19,143

Sumber: Bloomberg

Maklumat Pelabur

JUMLAH PULANGAN PEMEGANG SAHAM JANGKA PANJANG

Tempoh Pemegang (tahun)	25	20	15	10	5	3	1
Tarikh Pelaburan (31 Dis)	**1989**	**1994**	**1998**	**2004**	**2009**	**2011**	**2013**
Jumlah Pulangan Pemegang Saham							
Maybank	1914.27%	471.94%	207.06%	103.39%	83.02%	28.45%	-2.49%
KLCI FBM	213.24%	239.62%	262.67%	179.91%	62.17%	26.43%	-2.62%
Indeks Kewangan BM	Tiada	130.75%	143.60%	204.23%	75.36%	28.99%	-3.82%
Kadar Pulangan Tahunan Efektif							
Maybank	12.75%	9.10%	7.76%	7.35%	12.84%	8.69%	-2.49%
KLCI FBM	4.67%	6.30%	8.96%	10.83%	10.15%	8.13%	-2.62%
Indeks Kewangan BM	Tiada	4.27%	6.11%	11.76%	11.88%	8.84%	-3.82%

Prestasi Relatif 25-tahun: Maybank berbanding KLCI FBM



PENCIPTAAN NILAI DARIPADA SYARIKAT SEKUTU DAN SUBSIDIARI

Maybank memiliki kepentingan sebanyak 20% dalam MCB Bank Ltd di Pakistan dan An Binh Bank di Vietnam yang diambilalih pada 2008 masing-masing pada harga RM2.9 bilion dan RM0.4 bilion.

Nilai syarikat-syarikat sekutu ini boleh dijejaki menerusi keuntungan yang disumbangkan kepada Kumpulan. Pada TK2014, keuntungan sebelum cukai bagi MCB Bank dan An Binh Bank meningkat kepada RM158 juta, 17.6% lebih tinggi berbanding pada 2013, berikutan pertumbuhan pendapatan yang kukuh dan overhed yang ditampung.

PT Bank Internasional Indonesia Tbk (BII) dan Maybank Kim Eng (MKE) masing-masing diambilalih sebagai syarikat subsidiari pada 2008 dan 2011 masing-masing pada harga RM8 bilion dan RM4 bilion. Berkenaan BII dan MKE, operasi kedua-dua syarikat ini sebahagian besarnya telah diintegrasikan ke dalam Kumpulan, justeru menyediakan nilai kepada Kumpulan secara keseluruhan.

Pengambilalihan Maybank terhadap BII telah menyediakan Kumpulan dengan penglibatan perniagaan di Indonesia – ekonomi terbesar ASEAN. Sehingga 31 Disember 2014, BII merupakan bank yang kesembilan terbesar dari segi aset di Indonesia, dengan 428 cawangan.

Pengambilalihan Kim Eng telah menjadikan Maybank Kim Eng antara peneraju pemimpin serantau dalam perbankan pelaburan dan nasihat. Dengan penyata imbangan yang kukuh Maybank dan kumpulan liputan pelanggan serantau Perbankan Global ditambah dengan rangkaian pengedaran luas yang dimiliki Maybank Kim Eng di seluruh dunia, Kumpulan memiliki platform yang lengkap untuk menyediakan perkhidmatan perbankan pelaburan kepada pelanggan di seluruh rantau.

Kedua-dua BII dan Kim Eng (kini Maybank Kim Eng) merupakan bahagian penting dalam visi Kumpulan untuk menjadi peneraju perkhidmatan kewangan serantau. Prestasi kukuh Kumpulan dari segi keuntungan dan Jumlah Pulangan Pemegang Saham sebahagiannya adalah hasil pengambilalihan syarikat-syarikat ini yang telah diintegrasikan ke dalam perniagaan Kumpulan.

Perkhidmatan Kewangan Komuniti

DATUK LIM HONG TAT

Ketua Kumpulan,
Perkhidmatan Kewangan Komuniti (CFS)

TINJAUAN 2015

Kami yakin dengan keupayaan dan kedudukan kami untuk memanfaatkan peluang-peluang yang muncul daripada pertumbuhan ekonomi domestik yang kekal antara 4.5%-5.5%. Di sebalik pasaran yang semakin mencabar dan dibanjiri dengan tekanan kawal selia dan persekitaran dengan tekanan fi, kami terus yakin untuk meningkatkan pendapatan dengan mensasarkan peluang baru dan memanfaatkan saluran baru. Keutamaan kami pada 2015 kekal tidak berubah. Kami mensasarkan untuk terus mengatasi industri bagi mengukuhkan portfolio pinjaman dan deposit serta menambah kekuatan pertumbuhan perolehan. Dengan keupayaan kuasa jualan dan perbankan digital yang dipertingkatkan, tumpuan utama kini adalah untuk meningkatkan keuntungan, produktiviti, serta pengurusan kos dan risiko. Kami kekal yakin untuk menonjolkan potensi penuh model perniagaan kami di dalam dan luar negara untuk mencapai peningkatan perniagaan dan memanfaatkan sinergi.

2015

Keutamaan Kami

- Menambah kekuatan pertumbuhan.
- Mendalamkan peranan segmentasi.
- Meneruskan strategi digital untuk terus memahat kedudukan sebagai pemimpin pasaran.
- Meraih nilai daripada inisiatif Kecemerlangan Operasi.
- Merealisasikan potensi penuh model perniagaan tempatan dan serantau.

2014

Ulasan Prestasi

- Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) sebanyak RM4.3 bilion dan perolehan sebanyak RM7.5 bilion bagi TK2014.
- Mengatasi pertumbuhan industri bagi pinjaman dan deposit masing-masing sebanyak 11.1% dan 7.9%.
- Pembiayaan gadai janji berkembang 13.3% dan automotif 10.5%, juga mengatasi pertumbuhan industri. Portfolio pembiayaan PKS berkembang 24.4%, dua kali ganda kadar industri sebanyak 12.0%.
- Kualiti asset stabil dengan nisbah rosot nilai pinjaman kasar (GIL) sebanyak 2.0% dan nisbah GIL bagi segmen pengguna sebanyak 0.5%.

ULASAN

Perkhidmatan Kewangan Komuniti merupakan sektor di Maybank untuk menyediakan perkhidmatan kepada segmen Konsumer, PKS dan Perbankan Perniagaan. Kami menerajui industri perkhidmatan kewangan untuk membawa ke pasaran nilai perkhidmatan yang berbeza menerusi operasi pengedaran kami yang luas dan penyediaan perbankan digital yang tiada tandingan. Selaras dengan aspirasi 2015, usaha yang telah dilaksanakan dalam tahun-tahun kebelakangan ini adalah tertumpu kepada pembinaan asas untuk menetapkan laluan kami ke arah menjadi Penyedia Perkhidmatan Kewangan Runcit No.1 yang tiada tandingan di Malaysia. Bagi mencapai matlamat ini, kami telah menetapkan kedudukan untuk menyerlahkan potensi yang belum diterokai dalam segmen perniagaan dan merebut peluang yang wujud di dalam landskap yang lebih luas di pasaran kami beroperasi.

Perkhidmatan Kewangan Komuniti

Tahun 2014 telah menyaksikan kami mula meraih ganjaran daripada usaha berterusan yang dilaksanakan beberapa tahun kebelakangan ini. Kami melangkah maju dengan matlamat yang jelas untuk mencapai aspirasi 2015, mengatasi industri dan mencatatkan pertumbuhan dua angka yang kukuh dalam portfolio perniagaan utama. Walaupun kami menajamkan tumpuan di pasaran utama kami di Malaysia, kami juga telah memulakan lembaran baru dengan mengejar strategi serantau. Berpandukan tema penerokaan terkawal dan didorong oleh semangat untuk menyerlahkan potensi sepenuhnya di dalam dan luar negara, kami menetapkan tumpuan kepada misi kami untuk Menginsankan Perkhidmatan Kewangan.

Perolehan CFS & Keuntungan Sebelum Cukai (RM' bilion)



Pinjaman CFS (RM' bilion)



Deposit CFS (RM' bilion)



PENCAPAIAN UTAMA PADA 2014

Kami mendalamkan segmentasi perniagaan dengan mewujudkan perbezaan bukan hanya dari segi penawaran produk dan perkhidmatan tetapi juga melalui saluran konfigurasi semula. Model sasaran operasi cawangan BTOM 2.0 kami dibina mengikut konsep kesederhanaan dan mudah diperolehi. Mentakrifkan semula sokongan pelanggan di cawangan kami melibatkan manfaat rangkaian dalaman dan luaran yang bersepadu untuk menggalakkan penggunaan saluran yang dioptimumkan untuk bank. Kakitangan kami merupakan sebahagian penting dalam perkembangan ini. Tahun 2014 menyaksikan peningkatan semula pasukan jualan kami dalam usaha untuk memupuk budaya kerja jualan berprestasi tinggi dan terus mengukuhkan penglibatan pelanggan dalam segmen tertentu untuk meningkatkan perkongsian dalam peruntukan penyelesaian kewangan, perbankan dan pengurusan kekayaan yang menyeluruh.

Bagi meluaskan horizon kami di luar Malaysia, kami telah menyediakan asas dan memulakan rentak dalam perniagaan merentas sempadan yang bernilai tinggi. Melangkah ke hadapan, kami bersedia untuk beroperasi sebagai perniagaan serantau bersepadu dalam bidang perbankan runcit dan komersial.

RM' bilion	TK2013	TK2014	T-ke-T (%)
Pinjaman Kasar CFS	151.9	168.8	11.1%
- Gadai janji	53.8	60.9	13.3%
- Automotif	35.0	38.6	10.5%
- Pinjaman Runcit	27.6	30.4	9.9%
- Pinjaman Kad & Tidak Berjamin	5.6	5.8	4.5%
- PKS & Perbankan Perniagaan yang terdiri daripada:	29.9	33.1	10.5%
PKS	6.0	7.5	24.4%
Perbankan Perniagaan	23.9	25.5	6.9%
Deposit CFS	172.9	186.6	7.9%
- Konsumer	107.5	116.9	8.8%
- PKS & Perbankan Perniagaan	65.4	69.7	6.5%
Nisbah Rosot Nilai Pinjaman Kasar CFS	1.9%	2.0%	0.1%
- Konsumer	0.5%	0.5%	0.0%
- PKS & Perbankan Perniagaan	7.4%	8.5%	1.1%

Nisbah Rosot Nilai Pinjaman Kasar CFS



Perkhidmatan Kewangan Komuniti

ULASAN PRESTASI CFS MALAYSIA 2014

Tahun 2014 merupakan tahun yang penuh cabaran. Jangkaan penggabungan mega di kalangan pesaing, ketidaktentuan ekonomi dan peningkatan sentimen kadar faedah semuanya mendedahkan kepada cabaran dalam operasi tempatan kami. Kesan daripada jangkaan pelaksanaan GST turus menjejaskan sentimen. Kami berjaya mengharungi cabaran-cabaran ini dan mempertahankan keuntungan kami dengan merekodkan perolehan sebanyak RM7.5 bilion, meningkat 2.7% berbanding 2013. Namun demikian, PBT merekodkan pertumbuhan PBT sebanyak 32.5% kepada RM4.3 bilion pada akhir 2014. Ini disebabkan oleh pemulihan portfolio perbankan perniagaan yang di luar jangkaan. Kami kekal sebagai penyumbang perolehan terbesar kepada Kumpulan Maybank.

Kami terus mendapat manfaat daripada pengurusan portfolio yang lebih baik yang bertumpu kepada margin lebih tinggi dan pengurusan kos yang berdisiplin. Selain itu, komitmen berterusan kami ke arah kecekapan yang lebih tinggi dalam perniagaan kami memberikan hasil yang ketara. Kami terus mendapat manfaat daripada inisiatif berterusan terhadap kecemerlangan operasi dan turut memperkenalkan inisiatif baharu untuk terus meraih nilai daripada sistem, pemprosesan dan kakitangan kami.

Sekali lagi kami menerajui industri perkhidmatan kewangan dalam bidang utama iaitu pinjaman dan deposit, yang masing-masing mencatatkan pertumbuhan 11.1% dan 7.9%. Pinjaman gadai janji berkembang 13.3%, lebih tinggi daripada kadar industri sebanyak 13.1%. Portfolio PKS, sementara itu, mencatatkan pertumbuhan menggalakkan sebanyak 24.4%, melebihi 12.0% yang dicatatkan dalam industri. Deposit sekali lagi mengatasi pertumbuhan industri disokong oleh segmen pengguna dan Perbankan Perniagaan yang masing-masing berkembang 8.8% dan 13.7%.

Kualiti aset kekal kukuh selari dengan usaha kami yang begitu teliti menjaga kualiti aset. Kami mengekalkan nisbah GIL sebanyak 2.0% pada 2014. Ini merupakan petunjuk kejayaan usaha berterusan kami dalam mengukuhkan rangka kerja kualiti aset kredit, meneruskan aktiviti pencegahan dan pemulihan proaktif serta memastikan kualiti punca pinjaman.

Nisbah kos kepada pendapatan semakin baik di paras 49.4% berbanding 50.6% pada 2013. Kami menjangkakan ia akan menurun dalam tahun-tahun akan datang apabila kami terus mengamalkan pengurusan kos yang berhemah dan menggunapakai disiplin budaya “Lean Sigma” di seluruh organisasi.

PERBANKAN PELANGGAN BERPENDAPATAN TINGGI (HNW) DAN MEWAH

- Kami mencapai pertumbuhan pengguna masing-masing sebanyak 10.4% dan 6.2% bagi segmen HNW dan Mewah.
- Jumlah aset kewangan (TFA) berkembang 14.1% dan 11.1% bagi segmen HNW dan Mewah.
- Pendapatan pelaburan berasaskan fi mencapai pertumbuhan 56.0% T-ke-T daripada 2013, dengan bahagian yang ketara datang daripada pertumbuhan portfolio unit amanah.

Pada 2014, kami menambah bilangan Pusat Kekayaan Perdana dan Lounge daripada 73 kepada 92 untuk menampung jumlah pelanggan yang pesat berkembang. Inisiatif dan inovasi produk diberi tumpuan untuk aliran pendapatan baru. Sebagai sebahagian daripada pacuan regionalisasi, kami memulakan inisiatif penawaran produk dan perkhidmatan yang merentas sempadan dan rantau. Pelanggan-pelanggan Kekayaan Peribadi dan Kekayaan Perdana kini boleh menikmati perkhidmatan yang diiktiraf serantau di seluruh Malaysia, Singapura, Indonesia, Kemboja dan Filipina.

Sebagai sebahagian daripada Program Transformasi Pengalaman Pelanggan, kami terus memperkenalkan inisiatif untuk meningkatkan perkhidmatan pelanggan di semua pusat sentuhan. Usaha berterusan untuk mengembangkan perniagaan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pelanggan telah membolehkan kami memenangi pelbagai anugerah dalam tahun kewangan. Kami terus melabur bagi membina keupayaan seperti meningkatkan platform digital kami untuk menambah baik perhubungan perbankan dan menjadi rakan perbankan pilihan untuk segmen HNW dan Mewah.

Melangkah ke hadapan, kami akan meneroka lebih jauh ke dalam perkembangan ekonomi yang berterusan dan peningkatan bilangan pelanggan kaya untuk menambah pendapatan berasaskan fi dan selanjutnya mengukuhkan platform pengurusan kekayaan kami.

PEMBIAYAAN GADAI JANJI & PERUMAHAN

- Pembiayaan perumahan berkembang 14.6% dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM45.8 bilion.
- Pembiayaan rumah kedai naik 15.8% dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM10.2 bilion, melepasi pertumbuhan industri dan mencatatkan penguasaan pasaran sebanyak 14.6%.
- Nisbah GIL terus turun kepada 0.6%.
- Purata tempoh masa kelulusan (TAT) adalah 2.01 hari berbanding sasaran 3.0 hari.

Pada 2014, pembiayaan gadai janji dan kediaman mencatatkan pertumbuhan dua digit yang kukuh untuk tempoh lima tahun berturut-turut. Ini merupakan satu bukti kepada tumpuan berterusan kami di pasaran sekunder melalui pelbagai kempen dan perkongsian strategik dengan Institut Ejen-ejen Estet Malaysia (MIEA). Kami menjalin hubungan dengan FIABCI-Malaysia dan The EDGE untuk mengekalkan kehadiran dan kedudukan kami sebagai bank peneraju dalam perniagaan pasaran utama. Selain itu, kami memperkenalkan pinjaman perumahan Flexi yang disasarkan kepada segmen pelanggan mewah kerana mereka lebih menggemari syarat pembayaran balik yang fleksibel dan keupayaan kewangan untuk mengurus sendiri pembayaran balik pinjaman rumah mereka. Kami turut mengukuhkan program anti pergeseran untuk mengelakkan ketirisan pinjaman yang baik.

Nisbah GIL gadai janji turun sedikit kepada 0.6% berbanding 0.7% dalam tahun sebelumnya apabila kami mengalihkan tumpuan kepada hartanah dalam jajaran harga tertentu dengan kualiti aset dan segmen pelanggan terpilih.

Pada 2014, inisiatif kecekapan operasi berfungsi untuk menambahbaik keseluruhan proses pinjaman gadai janji dengan matlamat untuk meningkatkan pengalaman pelanggan. Peningkatan amat ketara dengan 86.9% kelulusan pinjaman perumahan mematuhi TAT selama tiga hari berbanding 84.6% pada 2013.

Kami telah mendapat anugerah berprestij, Euromoney Real Estate Award sebagai “Bank Terbaik Keseluruhan di Malaysia” dalam tahun kewangan.

PEMBIAYAAN AUTOMOTIF

- Pinjaman berkembang 10.5% kepada RM38.6 bilion, lebih tinggi daripada pertumbuhan industri sebanyak 4.4%.
- Kadar GIL kekal paling rendah dalam industri iaitu pada 0.5%, berbanding kadar industri sebanyak 1.3%.
- Mengekalkan kedudukan No.1 dalam pembiayaan automotif Islam. Kami berkembang 22.9% berbanding 10.5% oleh industri, dengan asas pinjaman sebanyak RM27.9 bilion.

Kami memperkenalkan Pakej Pembayaran Balik Dipercepatkan (ARP) untuk segmen pelanggan peringkat atas. Kami mensasarkan untuk memenuhi keperluan tinggi segmen kelas atasan ini menerusi pakej yang berbeza yang melibatkan peningkatan perkhidmatan untuk merangkumi perkhidmatan “concierge” dan jemputan khas ke acara istimewa.

Kami memenangi anugerah Kecemerlangan dalam Perkhidmatan Runcit Antarabangsa The Asian Banker bagi Anugerah Pemberian Pinjaman Automotif Terbaik untuk tempoh dua tahun berturut-turut. Ini merupakan bukti terhadap kedudukan kami sebagai peneraju inovasi tiada tandingan dalam lanskap pembiayaan automotif di Malaysia.

Perkhidmatan Kewangan Komuniti

Industri automotif di Malaysia kekal dengan daya saing yang tinggi dan tertakluk kepada persaingan harga yang sengit. Pelan dan strategi kami untuk masa hadapan dalam sektor ini adalah menumpukan kepada usaha menjana pertumbuhan pendapatan, termasuk pengembangan portfolio hasil yang tinggi iaitu pembiayaan barisan kenderaan dan kemudahan diskaun secara blok.

PEMBIAYAAN RUNCIT

- No.1 dalam Pembiayaan Unit Amanah di Malaysia dengan penguasaan pasaran 52.7%.
- Pembiayaan unit amanah berkembang 7.4% dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM28.3 bilion.
- Pembiayaan mikro berjaya diperkenalkan di 22 cawangan pada 2014 berbanding 9 cawangan dalam tahun sebelumnya dan merekodkan pertumbuhan pinjaman 157.2%.

Pada 2014, kami terus memperkenalkan kepelbagaian produk dan pertumbuhan pesat portfolio yang memberikan hasil yang tinggi dengan cara yang bertanggungjawab dan berhemah. Kami terus menyesuaikan produk pembiayaan kami untuk memenuhi keperluan pelanggan HNW.

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk menyediakan pembiayaan untuk pembangunan negara, kita bekerjasama dengan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputra (YPPB) untuk skim pembiayaan pendidikan - Skim Prihatin Pendidikan 1Malaysia (SPP1M).

Tiga Hab Mikro Kredit telah ditubuhkan pada tahun ini dengan lima lagi hab disasarkan pada 2015. Ini bermatlamat untuk menyediakan laluan lebih besar terhadap pembiayaan untuk segmen untuk “tidak mendapat perkhidmatan perbankan” dan “tidak memiliki akaun bank”.

KAD KREDIT

- No.1 dari segi asas kad pelanggan dengan pemegang kad seramai 1.6 juta dan penguasaan pasaran sebanyak 18.9%.
- No.1 dari segi pengebilan, naik 13.3% kepada RM34.8 bilion dengan penguasaan pasaran sebanyak 29.0%.
- No.1 dari segi jualan pedagang, naik 12.6% kepada RM41.3 bilion dengan penguasaan pasaran sebanyak 36.3%.
- Pinjaman berkembang 4.5%, beberapa kali kadar industri sebanyak 0.9% untuk mencapai RM5.8 bilion, dengan penguasaan pasaran sebanyak 16.2% .

Kami mencatat peningkatan dengan momentum yang kukuh dan terus meraih penguasaan pasaran dalam bidang utama. Bukan sahaja kami masih diiktiraf sebagai peneraju pasaran dalam industri kad kredit, kami telah mencapai kemajuan besar dalam sektor kad caj (naik 12.2%) dan kad debit (naik 21.0%). Kami juga menyaksikan pemulihan dalam pendaftaran kad baru. Asas kad berkembang 4.0% berbanding pencuncupan 1.7% dalam industri. Di sebalik momentum pertumbuhan yang kukuh, nisbah pinjaman rosot nilai kami berada pada paras paling rendah dalam sejarah iaitu di bawah 0.7% berbanding 1.2% yang dicatat dalam industri.

Kami telah mengukuhkan kedudukan dalam segmen premium super dengan meningkatkan penembusan produk utama kami, menyusun semula nilai produk kami dan menjalankan kempen taktikal sepanjang tahun bagi segmen pelanggan yang disasarkan.

Pelancaran kad baru dalam tahun kewangan termasuk MasterCard Ikhwan Card, M2C Premier (Maybank 2 Cards Reserve American Express Card), Visa Signature dan Kad Visa Debit Platinum. Dengan tumpuan terhadap inovasi, kami melancarkan Maybank Visa payWave dan Micro Tag. Kami turut memperkenalkan inisiatif Kad Serantau pada 2014 termasuk Kempen Merentas Sempadan Serantau, Program Golf Serantau dan Program Perolehan Kad Serantau.

Pelbagai anugerah berprestij diterima pada tahun ini yang mencerminkan kekuatan kami semakin meningkat dan pengaruh landskap kewangan bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh ASEAN.

DEPOSIT DAN PEMBAYARAN

- Deposit CFS berkembang 7.9% T-ke-T dengan kesemua 3 segmen melepasi pertumbuhan industri.
- Konsumer, PKS dan Segmen BB masing-masing merekodkan pertumbuhan kukuh 8.8%, 4.1% dan 13.7%, dengan segmen konsumer meningkat dari segi penguasaan pasaran daripada 19.0% pada Disember 2013 kepada 19.4% pada Disember 2014.
- Nisbah Pinjaman kepada Deposit (LDR) mencatat sebanyak 90.5% dalam 2014, berbanding 87.8% pada 2013.
- Pembayaran merupakan penyumbang utama bagi pendapatan berasaskan fi yang berjumlah RM337 juta.

Kami terus mencatatkan pertumbuhan menggalakkan pada 2013, di sebalik tahun yang mencabar berikutan kebimbangan terhadap ketidaktentuan kedudukan ekonomi tempatan dan serantau serta perang harga yang sengit ke atas deposit menjelang pengenalan rangka kerja Nisbah Liputan Mudah Tunai (LCR) pada pertengahan 2015.

Dalam portfolio deposit, Deposit Tetap mencatatkan pertumbuhan yang ketara sebanyak RM10.8 bilion atau 12.8% manakala CASA meningkat RM3.6 bilion didorong oleh kedua-dua Deposit Permintaan dan Simpanan Deposit.

Pertumbuhan portfolio kami didorong oleh program perhubungan yang dipertingkatkan dalam segmen HNW dan Mewah serta inisiatif untuk menarik dana baru menerusi kempen deposit pasaran wang, akaun matawang asing, pelaburan dwi matawang dan penggajian. Kami seterusnya melancarkan program pemindahan baki CASA untuk meningkatkan portfolio deposit kami.

Dari segi pembayaran, kami mengekalkan momentum sumbangan pendapatan berasaskan fi walaupun terdapat cabaran yang besar daripada tekanan margin fi. Kami melakukannya menerusi integrasi aliran pendapatan baru serta inovasi produk dan perkhidmatan melalui saluran dan segmen baru.

Kami melancarkan Visa Direct pada 2014 yang membolehkan kami menghantar wang menerusi Maybank2u ke kad Visa luar negara dengan hanya menekan butang menerusi platform Visa. Kami juga memperkenalkan penyelesaian pemprosesan langsung untuk pembayaran gaji melalui Sistem Maybank Autokredit (MAS) untuk kemudahan para pelanggan. Akaun Pelaburan Emas Maybank turut dikembangkan kepada komuniti perniagaan.

Produk Simpanan yang meluas untuk memenuhi keperluan setiap pelanggan

Perkhidmatan Kewangan Komuniti

BANKASURANS

- Penguasaan saham Insurans Hayat Biasa perniagaan baru dikekalkan pada 26%.
- Peningkatan penembusan asas Pelanggan Mewah didorong oleh pelancaran produk konvensional dan Takaful baru.

Pelancaran Smart Cash Xtra iaitu pelan endowmen dan Takaful Smart Link yang merupakan penyumbang biasa kepada pelan takaful keluarga berkaitan pelaburan, telah meningkatkan kadar penembusan insurans di kalangan Pelanggan Mewah dan Bernilai Tinggi.

Peningkatan penembusan segmen Mewah dengan perkhidmatan penasihat jualan dan selepas jualan terbaik

Hasrat Bank untuk memberi perkhidmatan lebih baik kepada pelanggan mewah terus disokong menerusi pelancaran peranan jualan baru iaitu Penasihat Kewangan Peribadi (PFA). PFA akan memberikan segmen berkenaan dengan nasihat jualan dan selepas jualan terbaik. Hasil daripada strategi transformasi bank telah menunjukkan penambahbaikan yang mampan dalam kualiti aset dan mempercepatkan pertumbuhan pendapatan berasakan fi. Dengan pelancaran produk untuk keperluan khusus segmen ini dan Model Penasihat Peribadi, kami jangkakan akan terus menerajui pasaran dalam industri Insurans Hayat Biasa.

PERBANKAN PKS

- Jumlah pinjaman berkembang 24.4%, kepada RM7.5 bilion.
- GIL berkurangan kepada 2.4% daripada 3.5% pada 2013.
- Deposit berkembang 4.1% kepada sejumlah RM51.3 bilion.

Pengenalan produk baru seperti Pinjaman PKS Tanpa Cagaran dan Jaminan Portfolio (PG) RM1 bilion untuk modal kerja telah diterima dengan modal kerja telah diterima baik oleh pasaran. Pengenalan PG untuk Bumiputera telah mengukuhkan permodalan pasaran dalam segmen PKS Runcit (RSME).

Pemusatan pungutan di Pusat Pemulihan Awal pada 2014 telah mengukuhkan teras skala dan pertumbuhan PKS Runcit kami. Langkah ini menyediakan kami dengan gambaran menyeluruh bagi setiap pelanggan PKS dan memperkayakan kawalan kualiti aset dan membolehkan strategi pungutan pinjaman yang lebih berstruktur. Perbankan PKS dengan kerjasama Credit Guarantee Corporation (CGC) telah menghulurkan pinjaman bernilai lebih RM1.2 bilion kepada peruncit PKS kecil untuk menyokong agenda pertumbuhan sektor ini.

Sebagai sebahagian daripada transformasi portfolio perniagaan PKS, kami menyatukan proses kelulusan di Pusat Kredit RSME (RSCC). Kami turut meletakkan kumpulan PKS yang berdedikasi di cawangan-cawangan strategik dan juga memperkemaskan dasar dan pemprosesan untuk meningkatkan TAT dan liputan perniagaan. Penubuhan RSCC berserta dengan kad skor RSME yang distruktur dengan jelas telah mewujudkan kepakaran dalam bidang pengunderitan dan menambahbaik sistem peyampaian dengan ketara menerusi pemprosesan dan pengunderitan kredit yang dipermudahkan. Kami juga telah menggunapakai model hibrid bagi pengenalan Eksekutif Jualan Pelanggan PKS (CSE PKS) untuk menyokong pertumbuhan Perniagaan PKS untuk masyarakat di luar bandar.

Pada 2015, kami akan memanfaatkan momentum pertumbuhan kukuh kami dan bergerak ke hadapan dengan tumpuan kepada perolehan aset, menyeimbangkan portfolio untuk mengoptimumkan pulangan.

PERBANKAN PERNIAGAAN

- Jumlah pinjaman adalah sebanyak RM25.5 bilion dengan pertumbuhan 6.9% pada 2014 walaupun berada dalam tahun yang mencabar.
- Terus menerajui pasaran pinjaman komersial dengan penguasaan pasaran sebanyak 18.3%.
- Deposit berjumlah RM18.4 bilion dengan pertumbuhan 13.7% pada 2014.

Persaingan kukuh pada 2014 memberi kesan terhadap tekanan margin sebanyak 10 mata asas berbanding tahun sebelumnya. Walaupun persekitaran mencabar, kami menumpukan usaha untuk mengembangkaan portfolio menerusi program pemerolehan pelanggan baru, pertumbuhan organik dan kerjasama dengan segmen khususnya segmen Korporat dan HNW. Inisiatif untuk memanfaatkan enjin pertumbuhan negara iaitu projek ETP turut menyumbang kepada pertumbuhan aset kami pada 2014. Berdasarkan faktor ini, termasuk inisiatif penambahbaikan proses yang berterusan telah menghasilkan produktiviti yang tinggi dari segi pulangan kepada ekuiti keseluruhan.

Dari segi kualiti aset, kami terus memacu pinjaman penyumberan strategik dengan mensasarkan pelanggan yang memiliki penarafan yang baik, menumpukan kepada segmen yang tepat dan menggunapakai penedekatan “Ketahui Pelanggan Anda”. Langkah ini telah menghasilkan penyumberan kualiti pinjaman yang lebih baik pada 2014. Sebanyak 96% daripada pinjaman baru diperoleh daripada segmen “Fokus dan Berkembang”.

SALURAN DIGITAL

- Maybank2u kekal berada di tempat pertama dengan lebih 2.8 juta pengunjung unik setiap bulan berada dalam senarai “Tiga puluh Laman Web Tempatan Terbaik dari Komputer Meja di Malaysia”.
- Kami terus menerajui pasaran perbankan internet dengan penguasaan pasaran sebanyak 43.5% dan pengguna berdaftar hampir 7.8 juta.
- Maybank2u memproses sejumah 1.6 bilion transaksi bernilai RM141.7 bilion dalam tahun kewangan. Ini mewakili kenaikan 26.0% dari segi jumlah transaksi dan naik 38.5% dari segai nilai transaksi berbanding 2013.

Perkhidmatan Kewangan Komuniti

Aplikasi baru Maybank2u dengan ciri-ciri inovasi

Sebagai penyedia perbankan dalam talian terbesar, kami terus bergerak ke hadapan dengan tumpuan terhadap inovasi. Aplikasi mudah alih M2U Pay 'Snap & Sell' merupakan satu lagi aplikasi pertama di Malaysia, yang menggabungkan kemudahan fotografi telefon pintar dengan keselesaan perdagangan peribadi dalam talian.

Dalam tahun kewangan, kami turut memperkenalkan aplikasi Maybank2u dengan ciri-ciri baharu termasuk pengeluaran wang tanpa kad, pembayaran bil untuk sekali, pemberitahuan mengenai promosi, tawaran hebat berdekatan dan lain-lain. Maybank2u Mobile telah dipilih sebagai Produk Tahunan 2014 di bawah kategori Perkhidmatan Kewangan oleh Kaji Selidik Inovasi Produk.

Pusat Panggilan Kumpulan Maybank (MGCC) mencatatkan peningkatan ketara dalam tahap perkhidmatan dan kadar maklum balas yang didorong oleh inisiatif berstruktur perancangan kepimpinan dan peningkatan kecekapan. Inisiatif ini bermatlamat untuk meningkatkan standard perkhidmatan kami. Kemuncaknya apabila MGCC menerima 11 anugerah berprestij daripada Persatuan Industri Pengalaman Pelanggan Malaysia bagi kategori Korporat dan Individu.

Perbankan digital akan terus menjadi bidang tumpuan. Pelbagai insentif dirancang dengan pelaburan disalurkan selari dengan aliran semasa yang akan terus memacu perubahan besar dalam lanskap perbankan.

SALURAN FIZIKAL

- Jejak pengedaran operasi kami yang meliputi 402 cawangan dan 3,896 terminal perkhidmatan layan diri (ATM, Mesin Deposit Tunai dan Mesin Kitar Semula Wang Pintar), masing-masing menguasai pasaran sebanyak 20% dan 23%. Lain-lain pusat sentuhan termasuk 86 buah kios Maybank One Solution dan 350 cawangan Pos Malaysia yang mana kami menawarkan transaksi perbankan asas untuk kumpulan yang tidak mendapat perkhidmatan perbankan.
- Segmen perkhidmatan lengkap menawarkan perkhidmatan yang berbeza untuk perkongsian pelanggan yang lebih besar. Ini ditunjukkan dengan 600 bilangan Penasihat Kewangan Peribadi di cawangan untuk membina perhubungan dengan segmen pelanggan Mewah.
- Penyediaan persekitaran operasi yang senang dimasuki, kesederhanaan dan keselesaan menerusi inisiatif Kecemerlangan Operasi dengan perkhidmatan lengkap di cawangan untuk masa memberi perkhidmatan kelas yang terbaik.

Ketika kami mengejar meningkatkan tahap kecemerlangan perkhidmatan pelanggan, kami terus mentransformasikan rangkaian cawangan kami dan menyelaras rangkaian fizikal dan digital dalam dalam usaha untuk menjadi bank pelbagai saluran yang sebenar. Ini khususnya diperolehi menerusi model perniagaan pacuan segmen, kos yang rendah untuk menyediakan perkhidmatan dengan proses yang mudah dan memaksimumkan sumber.

Kami sentiasa komited untuk terus meningkatkan perkhidmatan kami menerusi kecemerlangan operasi. Kami bermatlamat untuk meningkatkan tahap perkhidmatan pada 2014 dan melaksanakan rangka kerja kecekapan, risiko dan pematuhan. Rangka kerja ini membantu mengurangkan, automasi dan menghapuskan tugas-tugas operasi cawangan yang berkos tinggi serta kompleks.

Ini telah menghasilkan pemprosesan pinjaman dengan TAT yang lebih cepat dan menyumbang kepada penjimatan kepada perniagaan dan mengelakkan kos dengan sejumlah RM36.4 juta pada 2014. Kami terus menggalakkan penyelesaian kreatif dan radikal untuk mengoptimumkan kos operasi perbankan.

Kakitangan cawangan kami menumpukan kepada penglibatan pelanggan dan memanfaatkan keupayaan dan nasihat jualan CRM. Kami memperkayakan pengalaman pelanggan mengikut segmen menggunakan pendigitalan dan sentuhan peribadi untuk meningkatkan menarik pelanggan baru.

Melangkah ke hadapan, kami akan membina kekuatan kami secara kolektif untuk memberikan keselesaan kepada pelanggan ketika kami meneruskan usaha mencapai pertumbuhan yang mampan dalam berkongsi pelanggan dalam segmen yang kami sasarkan. Kami kekal komited untuk menerajui pasaran selari dengan visi kami untuk menjadi penyedia yang menginsankan perkhidmatan kewangan.

Pusat pengedaran tiada tandingan dengan pelbagai kemudahan

PERKHIDMATAN KEWANGAN KOMUNITI KUMPULAN (GCFS)

Dengan jangkaan terhadap Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), Perkhidmatan Kewangan Komuniti Kumpulan (GCFS) mengintegrasikan sektor perbankan retail dan komersial di pasaran utama di mana kami beroperasi. Ini bermatlamat untuk mematerikan kedudukan Maybank menerusi penjenamaan yang konsisten, produk dan model operasi bernilai. Penyeragaman proses utama, sistem dan strategi ke pasaran bersama penggembelengan bakat tenaga mahir untuk peranan serantau telah menyebabkan bercambahnya inisiatif berimpak tinggi merentas sempadan serantau untuk memacu aspirasi serantau kami. Tahun 2014 menyaksikan pengukuhan nilai kami di dalam negara dan di seluruh rantau untuk meningkatkan daya saing dan kesediaan kami untuk berdepan dengan cabaran persaingan yang lebih besar.

Pada 2014, kami telah menubuhkan Pusat Kecemerlangan Serantau (COE) yang memberi tumpuan kepada tindakan yang dapat dilaksanakan berskala tertentu dan skala ekonomi dalam pasaran utama masing-masing. Dengan COE untuk Kad Serantau, Kekayaan Swasta Serantau, Perdana Serantau dan Perbankan Mewah serta RSME Serantau, kami kekal fokus dengan kekuatan utama kami dalam setiap pasaran utama. Kami turut memanfaatkan amalan perkongsian terbaik ketika kami memacu nilai-nilai merentas sempadan yang sewajarnya untuk meluaskan capaian kami.

Dengan struktur serantau dan pengurusan tadbir urus yang sebahagian besarnya sudah diletakkan pada kedudukan pada 2014, kami kini telah sedia untuk beroperasi sebagai perniagaan serantau bersepadu untuk memacu peningkatan perniagaan dan sinergi serantau.

Perbankan Global

AMIRUL FEISAL WAN ZAHIR

Ketua Kumpulan,
Perbankan Global

ULASAN

Perbankan Global menyediakan pelbagai penyelesaian pembiayaan, pelaburan dan pasaran modal kepada pelanggan korporat dan institusi di lebih 20 pasaran di dunia. Model perniagaan kami yang memusat kepada pelanggan diterajui oleh pasukan Liputan Pelanggan yang disokong oleh lima kumpulan produk utama: Perbankan Pelaburan, Pasaran Global, Perbankan Korporat, Perbankan Transaksi dan Pengurusan Aset. Komitmen kami dengan pelanggan untuk membina perhubungan jangka panjang, yang dipercayai dan mampan merupakan bahagian penting dalam pendekatan perhubungan kami. Kami menggabungkannya dengan perkembangan pasaran tempatan dan keupayaan serantau untuk menyokong keperluan perniagaan mereka di seluruh lokasi geografi kami.

Perbankan Global mencapai pertumbuhan positif Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) sebanyak 3.1% dalam tahun kewangan walaupun 2014 merupakan tahun yang sukar bagi industri perbankan dalam iklim dan persekitaran makroekonomi perniagaan yang mencabar. Dalam tahun akan datang kami akan memberi tumpuan untuk mengekalkan momentum dalam memberi perkhidmatan lebih baik kepada pelanggan dan mengukuhkan lagi kedudukan kami sebagai sebuah bank serantau terkemuka di Asia.

2014 Pencapaian Strategik

- Menambahbaik model liputan kami untuk memacu tumpuan konsisten bagi mengeratkan hubungan pelanggan. Meningkatkan penglibatan pelanggan kami menerusi seminar kepimpinan antarabangsa dan dialog strategi.
- Meningkatkan keupayaan Pasaran Modal Ekuiti (ECM) dan Pasaran Modal Hutang (DCM). Mencatatkan pendapatan operasi yang menggalakkan dan menambahbaik kedudukan di ASEAN, walaupun beroperasi dalam persekitaran ekonomi yang sukar dan aktiviti pasaran modal yang lembap.
- Terus meningkatkan platform Perbankan Transaksi serantau – menubuhkan pakatan strategik dengan Dagang NeXchange Bhd (DNeX) untuk menawarkan dagangan dalam talian yang lengkap dan produk rantaian bekalan untuk PKS di Malaysia.
- Mengukuhkan keupayaan kami sebagai pembuat pasaran Renminbi (RMB) – mengekalkan kedudukan sebagai peneraju penentu pasaran RMB berbanding Ringgit Malaysia dan dilantik oleh People's Bank of China sebagai pembuat pasaran rasmi RMB berbanding Dolar Singapura.
- Memperluaskan perniagaan pengurusan aset serantau dengan melancarkan dana baru yang lebih menonjol seperti Dana Pendapatan Tetap 1 Maybank dan dana Sukuk Global Maybank. Menubuhkan perhubungan strategik dengan rakan pengedaran (iFast, Philip Mutual dan Standard Financial) serta Bosera Asset Management Int. Co. Ltd yang berpangkalan di Hong Kong untuk membangunkan dana berlandaskan Syariah.

2014 Tinjauan Prestasi

- Pertumbuhan PBT tahunan positif sebanyak 3.1% kepada RM3.6 bilion.
- Pinjaman berkembang sebanyak 4.4% kepada RM74.8 bilion dan deposit sebanyak 6.7% kepada RM90.3 bilion.
- Mengekalkan kedudukan No.1 yang tiada tandingan dalam pinjaman korporat, deposit bukan runcit dan pembiayaan perdagangan.
- Meningkatkan kedudukan dalam liga ASEAN: No.1 dalam pasaran modal ekuiti, No.4 dalam pasaran modal hutang dan No.3 dalam pinjaman bersindiket – pengatur.
- Francais ekuiti terbesar dari segi nilai perdagangan di ASEAN untuk tempoh dua tahun berturut-turut.

Perbankan Global

Tahun 2014 menandakan tahun kedua terakhir bagi perjalanan lima tahun transformasi kami akan berakhir. Kami percaya kami berada pada laluan yang betul untuk terus menegakkan falsafah kami untuk meletakkan keperluan pelanggan di barisan hadapan dalam apa yang kita lakukan. Kami tetap tekun meningkatkan nilai perniagaan kami menerusi pelaburan dalam platform serantau bersepadu, penambahbaikan proses dan pembangunan kakitangan. Tahun 2015 merupakan tahun yang penting bagi kami. Bukan hanya ia merupakan tahun untuk kami merealisasikan aspirasi 2015, tetapi ia akan menjadi tahun untuk kami membina asas yang lebih kukuh untuk cemerlang pada masa akan datang ketika kami bergerak ke era yang lebih mencabar dalam industri perbankan.

PRESTASI KEWANGAN

Perbankan Global kekal berdaya tahan walaupun beroperasi dalam keadaan pasaran yang mencabar pada tahun 2014. Disebalik kelembapan pasaran, geo-politik tidak stabil dan keperluan peraturan yang kompleks, kami terus berkembang maju dan menunjukkan prestasi setanding, malah dalam bidang-bidang tertentu kami telah membuktikan kekuatan, ketekalan dan ketangkasan bagi model perniagaan serantau.

Walaupun terdapat tekanan margin yang berterusan, kami mengekalkan perolehan sebanyak RM5.7 bilion pada 2014. PBT meningkat sebanyak 3.1% untuk mencapai sebanyak RM3.6 bilion, kerana kami mengekalkan disiplin dalam mengoptimumkan kos dan pendirian proaktif dalam menguruskan risiko.

Sehingga Disember 2014, pinjaman Perbankan Global berjumlah RM74.8 bilion (2013: RM71.7 bilion), 4.4% lebih tinggi berbanding tahun terdahulu. Kami turut mengembangkan deposit sebanyak 6.7% kepada RM90.3 bilion, dengan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 20.6% dalam akaun semasa.

Perolehan (RM' bilion)



PBT (RM' bilion)



Jumlah Pinjaman dan Deposit Perbankan Global (RM' bilion)



PENGIKTIRAFAN & ANUGERAH

Kami telah diberkati dengan sokongan berterusan daripada pelanggan dan rakan-rakan kami, yang telah membantu kami untuk terus meningkatkan keluasan dan kedalaman produk yang kami tawarkan. Kami berbangga untuk melaporkan bahawa usaha kami telah mendapat pengiktirafan yang luas menerusi 121 anugerah dan penghargaan dari penerbitan serantau terkemuka seperti Asiamoney, Alpha Southeast Asia, The Asian Banker, Global Custodian dan The Asset Triple A.

Perbankan Global

ULASAN PRESTASI

LIPUTAN PELANGGAN

Pasukan petugas Liputan Pelanggan merupakan bahagian penting bagi model perniagaan yang berteraskan pelanggan Perbankan Global. Kami percaya dengan membina perkongsian jangka panjang dan perkongsian yang boleh dipercayai dengan pelanggan kami. Kami melakukannya dengan menyokong mereka dari segi kewangan apabila mereka berkembang dan berada di samping mereka apabila operasi mereka menjangkau keluar daripada negara asal masing-masing terutamanya di rantau ASEAN dan Asia di mana kami bertapak.

Kami telah mencapai kemajuan yang ketara dalam membina nilai perniagaan kami dengan menggabungkan kepakaran tempatan dan pandangan jauh terhadap pasaran dengan liputan serantau dan infrastruktur yang meluas. Melalui penglibatan secara berterusan dengan pelanggan, kami berada pada kedudukan yang baik untuk menyokong mereka mengambil kesempatan daripada peluang-peluang perniagaan serantau dan berada di hadapan dalam perniagaan ini. Ini terbukti berdasarkan urus niaga-urus niaga utama yang dimuktamadkan pada tahun 2014:

MALAYSIA	Nota Berjangka Sederhana Pelbagai Matawang bernilai AS$2.5 bilion bagi Cagamas Global PLC
	Terbitan Sukuk Pelbagai Matawang AS$1 bilion bagi EXIM Bank
	IPO bernilai RM1.15 bilion untuk Boustead Plantation Berhad
	Kertas Komersial & Nota Jangka Sederhana Islam bernilai sehingga RM1.5 bilion bagi Northport (M) Bhd
	Sukuk RM1 bilion bagi Malaysia Airports Holdings Berhad
	Kemudahan Bersindiket Pelbagai Matawang bernilai RM16.5 bilion untuk SapuraKencana TMC Sdn Bhd
	Sukuk Murabahah RM3 bilion untuk IJM Corporation Berhad
	Saham Hak RM1.979 bilion bagi Bumi Armada Berhad.
SINGAPURA	Pinjaman Pusingan Bersindiket bernilai AS$2.49 bilion bagi Wilmar (Wii Pte Ltd)
	Janji Niaga Kelab bernilai S$1.8 bilion untuk Frasers Centrepoint Limited
	Nota Berjangka Sederhana Pelbagai Matawang S$750 juta bagi Lembaga Perumahan dan Pembangunan
	Sukuk sehingga RM2 bilion bagi Bumitama Agri Limited
	Penswastaan Superbowl Holdings Ltd bernilai S$241 juta
INDONESIA	Kemudahan Pinjaman Bersindiket AS$1 bilion bagi PT Adaro Indonesia
	Pinjaman Berjangka Bersindiket AS$330 juta bagi PT Astra Sedaya Kewangan
HONG KONG & WILAYAH BESAR CHINA	Pinjaman Berjangka Bersindiket AS$1 bilion bagi Xiaomi H.K. Limited
	Pinjaman Berjangka Bersindiket AS$200 juta bagi GDH Limited
	Pinjaman Berjangka Bersindiket AS$150 juta untuk Yue Xiu Enterprises Holdings Limited
FILIPINA	Pinjaman Berjangka Bersindiket AS$480 juta & PHP5 bilion untuk Petron Corporation
	Pinjaman Berjangka Bersindiket AS$315 juta untuk EDC Burgos Wind Power Corporation
	Penempatan Sekunder AS$120.1 juta bagi Petron Corporation
THAILAND	Tawaran Hak dan Penempatan Persendirian AS$1.981 bilion bagi TRUE
	IPO AS$488.2 juta bagi Impact REIT
	IPO AS$300 juta bagi Kaset Thai International Sugar
	Terbitan Hak dan Penempatan Persendirian AS$266.2 juta untuk Dana Hartanah Pajakan Pertumbuhan Runcit CPN

Datuk Abdul Farid Alias (PCEO Maybank) (enam dari kiri) pada majlis penutup perjanjian RM16.5 bilion dengan SapuraKencana Petroleum Berhad

Perbankan Global

Pada tahun 2014, kami meningkatkan penglibatan pelanggan secara kerjasama dengan Jabatan Pelanggan Berpendapatan Tinggi dalam Perkhidmatan Kewangan Komuniti. Kami juga menaja sebuah seminar antarabangsa mengenai kepimpinan pemikiran dan dialog-dialog strategi untuk memudahcara pertukaran idea dan pandangan dengan pelanggan-pelanggan utama kami.

Pada tahun 2015 kami akan memperhalusi model Liputan Pelanggan kami untuk menumpukan sumber-sumber dengan lebih berkesan kepada pelanggan kami dengan tujuan untuk mengadakan hubungan yang lebih mendalam, mewujudkan perniagaan bernilai tambah dan menguasai peluang-peluang pertumbuhan yang lebih baik di rantau ini.

Perbankan Global meningkatkan penglibatan pelanggan korporat dan institusi melalui seminar kepimpinan pemikiran, dialog-dialog strategi dan majlis makan malam korporat pada tahun 2014

Perbankan Global

ULASAN PRESTASI

PERBANKAN PELABURAN

Maybank Kim Eng kini beroperasi di 10 buah negara, dengan penguasaan pasaran yang signifikan di Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia, Vietnam dan Filipina serta perniagaan yang berkembang di Hong Kong dan India. Capaian kami juga meliputi seluruh dunia dengan adanya pejabat-pejabat jualan yang mantap di United Kingdom dan Amerika Syarikat. Kami juga berada di Timur Tengah melalui Anfaal Capital, syarikat bersekutu kami di Arab Saudi yang berkepakaran dalam perkhidmatan perbankan pelaburan dan pengurusan aset Islam.

Kami menawarkan pelanggan-pelanggan kami dengan rangkaian lengkap produk dan perkhidmatan dalam segmen, perbankan pelaburan dan broker saham. Produk dan perkhidmatan kami adalah berdasarkan pada dua tunggak perniagaan kami - Perbankan Pelaburan & Penasihat dan Ekuiti, dengan perkhidmatan seperti kewangan korporat, pasaran modal hutang, pasaran modal ekuiti, ekuiti dan derivatif komoditi serta pembrokeran runcit dan institusi. Perniagaan kami di seluruh rantau ini bekerjasama rapat untuk menyediakan penyelesaian kewangan yang lengkap dan sempurna, termasuk produk inovatif dan khidmat nasihat atau rundingan.

Pada tahun 2014, Kumpulan Maybank Kim Eng mencatatkan pendapatan operasi yang menggalakkan sebanyak RM1.5 bilion dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM479 juta meskipun berdepan dengan persekitaran ekonomi yang agak sukar selain kelembapan dalam aktiviti pasaran modal. PBT meningkat sebanyak 3.7% berbanding tahun sebelumnya.

Perbankan Pelaburan & Penasihat

Pasukan Penasihat kami telah terlibat dalam beberapa tawaran yang besar pada tahun 2014. Kami telah terlibat dalam pengambil alihan Felda Investment Corporation (FIC) ke atas Encorp Berhad, yang menandakan penglibatan sulung FIC dalam pembangunan hartanah. Kami juga menyediakan khidmat nasihat kepada Koperasi MCIS Berhad dan Sanlam Emerging Markets Pty Ltd (SEM) dalam usaha SEM menjadi pemegang saham majoriti dalam MCIS Berhad. SEM merupakan sebuah syarikat di bawah Sanlam, salah sebuah kumpulan insurans terbesar di Afrika Selatan. Perjanjian ini menandakan peluasan berterusan SEM di Malaysia, selepas menceburi bidang perniagaan insurans am sebelum ini. Di Singapura, kami memberi khidmat kepada StarChase Motorsports (Singapore) Pte Ltd, ahli kumpulan syarikat StarChase berkaitan pengambil alihan bahagian automotif WBL Corporation Limited.

Pada bulan Ogos 2014, kami bertindak sebagai Pengatur Utama Bermandat dan Pengurus Buku kepada pembiayaan bersindiket S$1.8 bilion yang diberikan kepada Frasers Amethyst Pte Ltd (anak syarikat milik penuh Frasers Centrepoint Limited) untuk pengambil alihan Kumpulan Hartanah Australand. Pengambil alihan yang bernilai kira-kira A$2.6 bilion itu adalah tawaran terbesar buat Frasers Centrepoint Limited sejak syarikat berkenaan dipisahkan dari Fraser & Neave Ltd. Maybank juga mengambil bahagian sebagai pembiaya dalam pinjaman bersindiket itu.

Francais DCM kami mengesahkan kedudukan kami sebagai peneraju dalam kedua-dua pasaran modal hutang Malaysia dan serantau pada tahun 2014. Ia menduduki tempat pertama dalam senarai Jadual Liga Pengurus Buku Pinjaman Malaysia dan Pengatur Bermandat Malaysia. Ia berada pada kedudukan kedua teratas dalam senarai Bon Ringgit Malaysia (MYR), Bon Islam MYR dan Bon Domestik ASEAN serta tiga teratas dalam Bon Islam Global dan Jadual Liga Penanggung Utama Pinjaman ASEAN menurut tinjauan Bloomberg.

Kami merupakan Pengurus Utama Bersama dan Pengurus Buku Bersama bagi Bon Emas Tiger CNH1.5 bilion Cagamas Global yang memenangi pelbagai anugerah bersejarah. Kami juga menerokai pasaran baharu, membantu Maybank membuat kemunculan sulung dalam pasaran modal Jepun dan Taiwan melalui terbitan Pro Bond Maybank JPY31.1 bilion dan terbitan Maybank AS$500.0 juta dalam pasaran sekuriti GRE-Tai.

Kami juga mengukuhkan kedudukan dalam pasaran bon S$ dan bon IDR. Kami menyertai Sekuriti Tidak Bertempoh Subordinat FCL Treasury bernilai S$600 juta yang terkini merupakan salah satu terbitan sekuriti berterusan terbesar di Singapura serta bon lestari IDR800.0 bilion PT Petanda Ottomitra Multiarthai.

Dari segi produk Islam, kami kekal menjadi salah satu daripada penaja jamin sukuk utama dunia. Kami juga berada di barisan hadapan inovasi, merentasi sempadan di dalam sukuk dan kewangan Islam. Dengan bertindak sebagai Pengatur Bersama Utama, Pengurus Utama Bersama dan Pengurus Buku Bersama untuk sukuk kekal RM1.0 bilion Malaysia Airport, Maybank IB telah memperkenalkan sukuk kekal hibrid pertama diberi taraf di dunia. Kami juga memainkan peranan penting dalam penawaran Sukuk Wakalah EXIM Bank Malaysia sebanyak AS$300.0 juta, terbitan sulung sukuk dalam matawang AS$ oleh mana-mana EXIM Bank di seluruh dunia.

Kami juga adalah pengurus utama tunggal bon permodalan bank bernilai RM6.6 bilion Basel III untuk Kumpulan Maybank. Maybank IB juga menjadi Penasihat Utama Tunggal, Pengatur Utama Tunggal dan Pengurus Utama Tunggal RM300.0 juta Sukuk Musharakah untuk Etiqa Takaful, sektor sukuk subordinat Takaful pertama di dunia.

Kami bertindak sebagai Penyelaras Bersama, Pengatur Utama Bermandat dan Pengurus Buku Kemudahan Bersendiket Battersea bernilai GBP1.35 bilion. Pembiayaan yang digabungkan ini bertujuan membiayai Fasa 2 dan 3 projek Stesen Janakuasa Battersea menjadikan ia pinjaman terbesar yang pernah disediakan dalam pasaran hartanah London.

Francais Pasaran Modal Ekuiti (ECM) kami mencatat satu lagi tahun bersejarah; mengungguli senarai kedudukan Penanggung Utama Dealogic ASEAN dan berada di tempat kedua dalam Jadual Liga Bloomberg di Malaysia. Di Malaysia, kami berjaya melaksanakan tiga Tawaran Awam Permulaan (IPO) : IPO AS$368.6 juta untuk Boustead Plantations Berhad, IPO AS$339.8 juta ICON Offshore Berhad (ICON) dan IPO AS$259.8 juta 7-Eleven Malaysia Holdings Berhad (7-Eleven). Di rantau ini, kami menjadi pengurus utama dalam urus niaga ekuiti terbesar seperti IPO AS$490.9 juta Impact Growth REIT, penyenaraian pertama REIT di Thailand dan IPO AS$297.4 juta Kaset Thai International Sugar Corp PCL, IPO ketiga terbesar Thailand. Maybank Kim Eng juga memainkan peranan yang penting dalam Terbitan Hak AS$1,137.3 juta True Corporation serta Terbitan Hak dan Penempatan AS$266.2 juta oleh CPN Retail Growth Leasehold Property Fund (CPN), yang terbesar dan kedua terbesar secara susulan di Thailand.

Keupayaan dan pelaksanaan ECM yang kukuh terbukti dengan penempatan sekunder SAKP AS$306.9 juta oleh Seadrill Ltd, di mana kami bertindak sebagai Ejen Penempatan Tunggal untuk transaksi itu dan berjaya memperoleh lebih 30 pelabur tempatan dan antarabangsa berkualiti tinggi, menyebabkan jumlah tempahan penuh dalam masa beberapa jam selepas pelancarannya.

Francais ECM kami telah diiktiraf oleh beberapa penerbitan dan jawatankuasa anugerah kerana telah membawa kepada pasaran beberapa tawaran paling cemerlang tahun ini. IPO AS$259.8 juta 7-Eleven Malaysia Holdings Berhad telah dianugerahkan Urus niaga Terbaik Malaysia oleh Triple A dan Asiamoney serta IPO Terbaik (Malaysia) oleh The Edge, menjadikannya salah satu daripada terbitan ekuiti paling mendapat penghargaan. Kami juga memenangi anugerah Firma Ekuiti Terbaik Alpha Southeast Asia (ASEAN) bagi tahun 2014, yang merupakan pengiktirafan industri bagi prestasi cemerlang francais yang dicapai oleh ECM kami.

EKUITI

Kami berbesar hati melihat usaha yang dilakukan pada tahun 2014 dihargai dengan jumlah rekod anugerah dan pengiktirafan yang diterima. Pasukan ekuiti dan penyelidikan kami mendapat 55 anugerah daripada pelbagai pihak termasuk Firma Broker Saham Terbaik oleh The Asset Triple A, Broker Runcit Terbaik oleh Finance Asia, Broker Tahunan Terbaik oleh The Asian Banker dan Broker Terbaik di Asia Tenggara oleh Alpha Southeast Asia.

Kami juga berbangga dianugerahkan sebagai Broker Terbaik Runcit oleh Alpha Southeast Asia bagi Malaysia, Thailand, Indonesia, Filipina dan Vietnam.

Dalam usaha untuk menyerlahkan pertumbuhan francais serantau kami, kami menjadi tuan rumah persidangan Invest ASEAN di Fullerton Hotel di Singapura. Persidangan itu dihadiri peserta dari 17 buah negara termasuk 70 buah syarikat korporat dengan modal pasaran berjumlah AS$134.8 bilion dan menyertai dana berjumlah AS$14.2 trilion dalam Aset Di bawah Pengurusan. Kami juga menjadi tuan rumah kepada persidangan tahunan kedua Invest Asia Amerika Syarikat meliputi New York, Boston dan San Francisco yang menyaksikan 18 buah syarikat paling pantas berkembang dari

Perbankan Global

bursa saham utama di Asia membuat perbentangan kepada lebih daripada 80 pelabur Tahap 1. Di United Kingdom, kami menganjurkan Invest Malaysia dengan kerjasama Bursa Malaysia, dengan membawa 13 buah syarikat korporat Malaysia menemui para pelabur-pelabur di negara tersebut.

Rangkaian runcit kami kini menjangkaui lebih 220 buah pusat operasi dengan 2,200 tenaga jualan yang mantap dan kami terus mencapai kejayaan di seluruh rantau ini. Pasukan kami di Thailand mengungguli penguasaan pasaran bagi tahun ke-13 berturut-turut dan kami mencatatkan pertumbuhan sebanyak 30% dalam pasaran di Malaysia apabila kami melancarkan produk inovatif seperti EzyInvest serta inisiatif Niaga & Wakaf yang pertama dalam pasaran.

Kami juga melancarkan inisiatif Trade [&Give] pertama di Malaysia dengan kerjasama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Ia merupakan dana pembiayaan mikro disumbangkan sebahagiannya daripada yuran broker saham yang diterima oleh Maybank IB; kami membuat sumbangan lebih banyak apabila pelanggan kami tambah berurus niaga. Sehingga bulan Disember 2014, kami telah memperuntukkan RM1.1 juta kepada dana ini yang akan digunakan untuk membantu usahawan yang kurang berkemampuan tetapi mempunyai perniagaan yang berpotensi. Kami juga menyediakan bimbingan dari segi beberapa aspek dalam menjalankan perniagaan. Kami merancang untuk memperkenalkan inisiatif ini di seluruh ASEAN.

Memandangkan landskap pasaran ekuiti terus mengalami perubahan dengan meningkatnya penggabungan dan kehadiran pesaing-pesaing bukan tradisional yang baharu, kami juga akan berkembang bersama dengannya. Kami melabur lebih banyak daripada biasa dalam teknologi dan membangunkan platform dagangan generasi akan datang dengan keupayaan persisian untuk menambah perkhidmatan broker lengkap kami. Kami juga telah melancarkan alat menjana idea yang unik, "Market Insight", sebagai ciri terbaharu aplikasi perdagangan kami. Market Insight menyatukan idea terbaik dan menyediakan pelanggan kami dengan maklumat pasaran masa sebenar dan idea urus niaga terbaik untuk membolehkan mereka membuat keputusan yang cepat dan mudah. Dalam melangkah ke hadapan, kami akan memberi tumpuan ke arah kecekapan serantau dan meningkatkan kerjasama dengan Kumpulan Maybank untuk terus menyediakan produk dan perkhidmatan yang terkemuka di pasaran.

Francais Institusi kami terus bergerak ke hadapan dengan agenda serantaunya. Kami terus melakukan penambahan kepada pasukan jualan berpengalaman serantau dan melengkapkan mereka dengan penyelidikan berkualiti untuk menyediakan perkhidmatan jualan, urus niaga dan penyelidikan yang lebih baik. Francais kami mendapat pengiktirafan pelanggan keseluruhan yang lebih tinggi dalam sebutan Penyelidikan dan Ekuiti Institusi, masing-masing meningkat sebanyak 99% dan 30% dalam Undian Broker Asiamoney baru-baru ini. Kami menerima sebanyak 26 penarafan tiga tertinggi untuk Penyelidikan dan 9 untuk Ekuiti Institusi. Kami juga mencapai 82 penarafan 10 tertinggi untuk Penyelidikan dan 30 untuk Ekuiti Institusi. Selain itu, kami telah dianugerahkan Broker Institusi Terbaik di Malaysia, Singapura, Indonesia dan Filipina oleh Alpha Southeast Asia.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank Kim Eng John Chong dan Pengerusi Cathay Securities Corporation Stanley Chu

Buat julung kali untuk Maybank Kim Eng, kami telah meluaskan jejak broker saham kami ke Asia Utara selepas memeterai perjanjian dengan Cathay Securities Corporation. Perjanjian ini akan membolehkan kami memanfaatkan rakan kongsi tempatan yang kukuh di samping membenarkan Cathay Securities memanfaatkan francais terkemuka kami di seluruh ASEAN. Untuk bergerak selari dengan keperluan pelanggan kami, kami melabur dalam platform urus niaga yang baharu dengan keupayaan urus niaga DMA dan algo. Kami juga mengukuhkan infrastruktur IT kami untuk memastikan produk dan perkhidmatan kami mengekalkan standard yang tinggi.

Kumpulan Ekuiti dan Derivatif Komoditi (ECDG) kami menawarkan kepada pelanggan penyelesaian khusus melalui derivatif ekuiti dan komoditi. Ini termasuk memberi pelanggan struktur inovatif, idea-idea khusus dan perkhidmatan pelaksanaan yang lancar bagi membolehkan pelaksanaan pelaburan, lindung nilai dan strategi pembiayaan. Perniagaan kami terdiri daripada dua pasaran utama: diniagakan di bursa dan produk ekuiti dan komoditi melalui kaunter. Di Malaysia, kami merupakan pengeluar utama dalam pasaran waran berstruktur berdasarkan jumlah terbitan pada tahun 2014. Kami telah melancarkan sebanyak 154 waran berstruktur beli dan jual. Di Thailand, kami berada pada kedudukan keempat antara 13 penerbit waran terbitan berdasarkan baki terbitan pada akhir tahun 2014, dengan 134 waran beli dan jual di terbitkan.

Selain daripada menyediakan bahan-bahan penyelidikan yang proaktif dan menepati masa serta memberi idea kepada pelanggan institusi dan runcit di dalam dan luar negara, penyelidikan kami menganjurkan persidangan bertema, bengkel dan lawatan kerja pada tahun 2014. Ini membolehkan pelabur institusi mendapatkan kefahaman lebih mendalam tentang profil perniagaan syarikat-syarikat awam tersenarai. Penyelidikan ekuiti asas kami adalah khusus untuk pelanggan institusi, dengan liputan menyeluruh lebih daripada 600 buah syarikat tersenarai awam di kesemua lapan buah negara - Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Vietnam, Hong Kong/China dan India. Tumpuan diberikan kepada campuran modal pasaran saham yang besar dan juga sederhana. Kami juga mengambil kira saham-saham yang bermodal kecil yang dijejaki rapat oleh dana-dana khusus dan pelanggan runcit. Selain ekuiti, pasukan penyelidikan kami juga berada di peringkat akar umbi dalam membuat liputan makro-ekonomi serantau dan negara serta terlibat dalam penyelidikan pendapatan tetap dan penyelidikan pertukaran asing. Kami mempunyai rangkaian penganalisis penyelidikan yang berkepakaran dan mereka bekerjasama dengan pasukan jualan kami yang berpengalaman dan profesional untuk mengenal pasti peluang dan menyediakan perspektif untuk melahirkan idea-idea urus niaga yang meliputi negara-negara utama di rantau ini dan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Zon Eropah dan China.

Kami percaya bahawa dengan kehadiran yang meluas di peringkat serantau, kami berada di kedudukan yang baik untuk menguasai peluang pertumbuhan yang pelbagai di seluruh dunia. Selaras dengan ini, keutamaan kami pada tahun 2015 adalah untuk terus membina produk dan membangunkan keupayaan pengedaran global, termasuk dalam menyediakan akses terus ke pelbagai bursa di rantau ASEAN.

PERBANKAN KORPORAT

Perbankan Korporat menawarkan pelbagai penyelesaian pembiayaan daripada pembiayaan modal kerja jangka pendek hinggalah penyelesaian pinjaman seperti pembiayaan projek merentasi sempadan, pinjaman bersindiket dan pinjaman penyambung. Kami bekerjasama dengan rakan kongsi produk kami, termasuk Perbankan Transaksi, Pasaran Global, Perbankan Pelaburan dan Maybank Islamic Berhad, mempergunakan kepakaran yang ada di semua peringkat untuk menstruktur pinjaman berkualiti tinggi.

Jumlah perolehan Perbankan Korporat meningkat sebanyak 4.9% kepada RM2.4 bilion (2013: RM2.3 bilion) pada tahun 2014, di sebalik pertumbuhan pinjaman lebih perlahan dalam pasaran. Keuntungan sebelum cukai pula meningkat sebanyak 1.2% kepada RM1.6 bilion, sama seperti tahun 2013.

Bagi tujuan menyokong pertumbuhan yang berkekalan, kami terus memastikan kawalan yang kuat ke atas kualiti aset dan pengurusan kunci kira-kira. Ini dicerminkan oleh pertumbuhan pinjaman tahunan Perbankan Korporat sebanyak 4.4% kepada RM74.8 bilion pada tahun 2014 (2013: RM71.7 bilion). Kami juga mencatatkan pertumbuhan deposit sebanyak 6.7% kepada RM90.3 bilion (2013: RM84.6 bilion) berdasarkan perbandingan tahun-ke-tahun.

Perbankan Global

Selain mengembangkan kunci kira-kira kami secara bertanggungjawab dalam tahun kewangan berikutnya, kami juga komited untuk menyediakan tahap perkhidmatan yang konsisten dan menyeluruh di seluruh rantau ini. Matlamat ini akan dilakukan dengan memudahkan prosedur kami, menyelaraskan proses pemberian pinjaman kredit dan menyeragam pinjaman serantau kami.

PERBANKAN TRANSAKSI

Perbankan Transaksi mengandungi empat barisan perniagaan iaitu Pembiayaan Perdagangan & Rangkaian Perbekalan, Pengurusan Tunai, Perkhidmatan Sekuriti dan Institusi-Institusi Kewangan. Keupayaan serantau bersama-sama dengan kehadiran kami di 14 buah pasaran di seluruh dunia, menempatkan kami pada kedudukan untuk mengambil faedah dari perdagangan merentasi sempadan dan aliran pembayaran antara ASEAN dan rakan-rakan dagangan utama di China, Eropah dan Amerika Syarikat.

Dalam usaha untuk kekal relevan dalam pasaran dan bersaing dengan penyedia perkhidmatan transaksi, kami terus meningkatkan platform elektronik serantau serta mengukuhkan kedalaman serta keluasan penawaran produk merentasi sempadan. Dalam satu kerjasama yang pertama seumpamanya di Malaysia dan Asia Tenggara, kami membentuk satu pakatan strategik dengan Dagang NeXchange Bhd (DNeX) untuk menawarkan rangkaian lengkap produk berkaitan perdagangan dalam talian untuk Industri Kecil dan Sederhana di Malaysia. Produk-produk ini boleh didapati melalui kemudahan myTrade2Cash Maybank di atas platform B2B DNeX ini.

Di Malaysia, kami berjaya mengekalkan kedudukan sebagai peneraju yang kukuh dalam Pembiayaan Perdagangan dengan penguasaan pasaran sebanyak 25.9% serta Pengurusan Tunai di mana penguasaan pasaran dari segi jumlah dan nilai, masing-masing sebanyak 41.3% dan 30.7%.

Kami bangga dengan pengiktirafan industri yang diterima pada tahun 2014, termasuk daripada syarikat penerbitan kewangan terkemuka serantau terhadap usaha kami untuk menyediakan perkhidmatan yang inovatif dan menawarkan nilai tambah kepada pelanggan. Anugerah ini termasuk Penyelesaian Pengurusan Tunai Serantau Terbaik (Keppel Logistics) oleh The Asset Triple A, Aplikasi Perbankan Mudah Alih Terbaik [Maybank2e] di Asia Pasifik oleh Global Finance dan Perdagangan Penyelesaian Yuan Terbaik di Asia Tenggara oleh Alpha Southeast Asia.

Pada tahun 2015, kami akan meneruskan usaha meningkatkan keupayaan pelaksanaan kami untuk terus memenuhi keperluan pelanggan melangkaui sempadan yang ada. Kami percaya kehadiran kami di kesemua 10 buah pasaran ASEAN memerlukan kami untuk memainkan peranan penting dalam menyokong integrasi ekonomi serantau yang akan timbul daripada pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) pada tahun tersebut.

John Wong, Pengarah Urusan Perbankan Transaksi (paling kiri) dan Amirul Feisal, Ketua Kumpulan Perbankan Global (tiga dari kiri) bersama Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (tengah) semasa pelancaran rasmi myTrade2Cash

PASARAN GLOBAL

Pasaran Global menyediakan satu rangkaian bersepadu produk dan perkhidmatan perbendaharaan termasuk pertukaran matawang asing, instrumen pasaran wang, sekuriti pendapatan tetap, derivatif matawang/kadar faedah dan penyelesaian berstruktur lain.

Model perniagaan yang tangkas membolehkan Pasaran Global untuk membina asas pendapatan yang pelbagai sehingga membolehkannya cukup kuat untuk menghadapi ketidaktentuan pasaran dan persekitaran urus niaga yang kurang menggalakkan pada tahun 2014. Di sebalik tebaran yang ketat, perolehan Pasaran Global meningkat sebanyak 8.6% kepada RM2.6 bilion (2013: RM2.4 bilion) di seluruh rantau ini. Sehubungan itu, keuntungan sebelum cukai (PBT) kami meningkat sebanyak 9.0% kepada RM2.2 bilion (2013: RM2.0 bilion). Kami juga mencatatkan pertumbuhan tinggi di rantau ini, disumbangkan terutamanya oleh pusat perbendaharaan di Singapura dan Wilayah Besar China.

Kami terus membangunkan kekuatan penawaran melalui produk-produk kami yang memperlihatkan pencapaian yang ketara pada tahun 2014.

- Dilantik oleh People's Bank of China sebagai pengerak pasaran rasmi RMB berbanding S$.
- Mengekalkan kedudukan kami sebagai pengerak pasaran utama RMB terhadap RM.
- Memuktamadkan Nota Terbitan Berstruktur Kumpulan yang pertama memenangi anugerah, sekali gus memperluaskan asas pelabur-pelabur Maybank di Asia.
- Dianugerahkan firma Tukaran Matawang Asing (FX) Terbaik hasil undian korporat oleh Asiamoney.

Pada tahun 2015, usaha untuk memacu pertumbuhan pendapatan melalui rangkaian serantau kami terutama di Asia Utara dan Indochina akan diteruskan. Keutamaan inisiatif kami termasuk usaha menambahbaik kerjasama dengan bank-bank pusat di rantau ini dan mencari peluang-peluang pelaburan dalam pasaran modal di mana impaknya dapat dilihat mempunyai kesan yang besar kepada kunci kira-kira Kumpulan.

Dari kanan: Leslie Foo Chek Shen, Pengarah Urusan Pasaran Global menerima anugerah dari Richard Morrow, Editor Asiamoney bagi kemenangan sebagai Bank Pembekal FX Dalam Negeri Terbaik di Malaysia hasil undian korporat

Perbankan Global

PENGURUSAN ASET

Pengurusan Aset Maybank merupakan cabang pengurusan dana Kumpulan Maybank. Kami menyediakan rangkaian luas penyelesaian pelaburan berbilang aset, baik konvensional mahupun Islam, melalui bahagian pengurusan dana dan ekuiti persendirian. Teras kecekapan kami terletak pada kepakaran yang menjurus kepada rantau Asia dengan kehadirannya di peringkat akar umbi yang kuat di pasaran utama ASEAN - Malaysia, Singapura, Thailand dan Indonesia - memberikan kami kelebihan secara langsung kepada pengawasan pasaran tempatan dan serantau.

Kami amat berbangga kerana dapat meluaskan kepakaran pelaburan kami pada tahun 2014, dan juga mengukuhkan keupayaan pengeluaran dan pengedaran produk kami.

Ulasan bagi tahun 2014:

- Melancarkan Maybank "Constant Income Fund 1", dana tertutup bertempoh matang tetap selama 3 tahun. Dana itu mendapat sambutan hangat daripada pelabur, mencecah saiz dana sebanyak RM203 juta dalam tempoh 30 hari dari tarikh penubuhannya.
- Melancarkan dana Sukuk Global Maybank pada Forum Ekonomi Islam Dunia di Dubai, produk sukuk global kami yang pertama dalam matawang AS$ yang disasarkan kepada individu kaya.
- Mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Kewangan Singapura (MAS) untuk mengedarkan dua dana iaitu Dana Ekuiti Asia Maybank dan Dana Pendapatan Asia Maybank di bawah Skim Pelaburan Kolektif ASEAN (ASEAN CIS).
- Menubuhkan usaha sama strategik dengan rakan kongsi pengedaran terkemuka iaitu iFast, Philip Mutual dan Standard Financial.
- Menubuhkan satu perkongsian strategik dengan Bosera Asset Management Int. Co Ltd di Hong Kong untuk bersama-sama membangunkan dana patuh Syariah yang memberi tumpuan kepada ASEAN dan rantau Wilayah Besar China.

Ketika kami meneruskan usaha untuk membina asas kami di ASEAN, kami terdorong dengan pertumbuhan sebanyak 21.3% dalam Aset Di Bawah Pengurusan (AUM) pada tahun 2014, meningkat daripada RM12.5 bilion pada 31 Disember 2013 kepada RM15.2 bilion pada 31 Disember 2014.

Melangkah ke hadapan, kami akan terus mengejar aspirasi untuk menjadi pemain utama dalam ASEAN menjelang tahun 2017. Untuk mencapai matlamat ini, kami akan terus memanfaatkan keupayaan dan pengalaman serantau kami untuk menyediakan pelabur dengan penyelesaian pelaburan lengkap di seluruh saluran yang khas, memberikan perkhidmatan pelanggan unggul dan memaksimumkan prestasi aset.

Kiri ke kanan: Datuk Mohaiyani Shamsudin, Pengerusi Maybank Asset Management Group Berhad, Nor 'Azamin Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Asset Management Group Berhad, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, Dr Wu YaoDong, Ketua Pegawai Eksekutif Bosera Asset Management (International) Co Ltd, Tun Musa Hitam, Pengerusi Forum Ekonomi Islam Dunia (WIEF)

Perbankan Global

Hong Kong	Hong Kong	Hong Kong	Hong Kong	Hong Kong	Hong Kong	Hong Kong
Yue Xiu Enterprises Holdings Ltd	**Poly Property Group Co. Ltd**	**GDH Limited**	**China Modern Dairy Holdings Limited**	**First Pacific Company Limited**	**AMVIG Holding Limited**	**Xiaomi H.K. Limited**
AS$150 juta Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengatur Mandat Utama Tunggal Pengurus Buku	**AS$500 juta** Janji Niaga Kelab Pengatur Mandat Utama	**AS$200 juta** Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengatur Mandat Utama Tunggal Pengurus Buku	**AS$200 juta** Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengatur Mandat Utama	**AS$200 juta** Janji Niaga Kelab Pengatur Mandat Utama	**HK$2.6 bilion** Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengantur Utama	**AS$1 bilion** Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengatur Mandat Utama
Feb 2014	Mei 2014	Jul 2014	Jul 2014	Sep 2014	Sep 2014	Sep 2014

Singapura	Singapura	Singapura	Singapura	Singapura	Singapura	Singapura
Wii Pte Ltd	**Bumitama Agri Ltd**	**Housing & Development Board**	**PT Astra Sedaya Finance**	**Superbowl Holdings Ltd**	**Suntec Real Estate Investment Trust**	**JK Tech Holdings Ltd**
AS$2.49 bilion Pinjaman Berputar Bersindiket Pengatur Mandat Utama Pengurus Buku	**Sehingga RM2 bilion** Sukuk Penasihat Utama Bersama, Pengatur Utama Bersama, Pengurus Utama Bersama Pengurus Buku Bersama	**S$750 juta** Nota Berjangka Sederhana Pelbagai Matawang Pengatur Utama Bersama	**AS$330 juta** Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengatur Mandat Utama Pengurus Buku	**S$241 juta** Penswastaan Penasihat Utama	**S$800 juta** Kemudahan Pinjaman Bersindiket Pengatur Mandat Utama	**S$60 juta** Penempatan Saham Ejen Penempatan Bersama
Mac 2014	Mac 2014	Mac 2014	Apr 2014	Jun 2014	Jun 2014	Ogos 2014

Singapura	Singapura	Singapura	Singapura	Singapura	Singapura	Indonesia
Frasers Centrepoint Limited	**Sabana Shari'ah Compliant REIT**	**Frasers Centrepoint Limited**	**Petron Corporation**	**Cordlife Group Limited**	**First Resources Ltd**	**PT Prima Bangun Investama & City Charms Enterprise Ltd**
S$1.8 bilion Pinjaman Berjangka Kelab Pengatur Mandat Utama	**S$100 juta** Sukuk Pengurus Buku Bersama	**S$600 juta** Sekuriti Modal Berterusan Koordinator Global Bersama dan Pengatur Utama	**AS$475 juta** Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengatur Mandat Utama Pengurus Buku	**S$120 juta** Bon Pengatur Utama Tunggal dan Pengurus Buku	**Sehingga RM2 bilion** Sukuk Pengatur Utama Bersama	**AS$200 juta** Janji Niaga Kelab Pengatur Mandat Utama Ejen Sekuriti Daratan
Sept 2014	Sept 2014	Sept 2014	Sept 2014	Okt 2014	Okt 2014	Mac 2014

Perbankan Global

Indonesia	Indonesia	Indonesia	Indonesia	Filipina	Filipina	Filipina
Government of Indonesia	**PT Adaro Indonesia**	**PT Bajradaya Sentranusa**	**PT Perusahaan Listrik Negara**	**National Grid Corporation of the Philippines**	**COSCO Capital, Inc.**	**International Container Terminal Services, Inc.**
RP19.3 trillion Sukuk Runcit SR-006 Ejen Penjual	**AS$1 billion** Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengatur Mandat Utama	**AS$267 juta** Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengatur Mandat Utama Bersama	**IDR1 trillion** Pinjaman Berjangka Bersindiket Pemberi Pinjaman Pengantur Bersama	**PhP21.0 bilion** Pinjaman Berjangka Bersindiket Pemberi Pinjaman	**PhP5.0 bilion** Pinjaman Berjangka Bersindiket Pemberi Pinjaman	**AS$350.0 juta** Pinjaman Berjangka Bersindiket Pemberi Pinjaman
Mac 2014	**Ogos 2014**	**Okt 2014**	**Dis 2014**	**Apr 2014**	**Mei 2014**	**Jul 2014**

Filipina	Filipina	Filipina	Filipina	India	Saudi Arabia	Malaysia
P.A. Alvarez Properties & Development Corp	**Petron Corporation**	**EDC Burgos Wind Power Corporation**	**DoubleDragon Properties Corporation**	**United Seamless Tubulaar Pvt Ltd**	**The Islamic Development Bank**	**Maybank Shared Services Sdn Bhd**
PhP2.0 bilion Nota Korporat Pemberi Pinjaman Pemegang Amanah Cagaran Maybank ATR Kim Eng Penasihat Kewangan dan Pengatur Utama Bersama	**AS$480.0 juta** Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengatur Utama Bersama Maybank ATR Kim Eng Capital Partners Inc Pengatur Mandat Utama & Pengurus	**AS$315.0 juta** **PhP 5.0 bilion** Pinjaman Berjangka Bersindiket Pemberi Pinjaman	**PhP7.4 bilion** Pinjaman Berjangka Bersindiket Pemberi Pinjaman	**Rs. 1,024 Crores (AS$165 juta)** Bon Tidak Boleh Tukar Pengatur Utama Bersama	**AS$1.5 bilion** Sijil Amanah (“Sukuk”) Pengurus Utama Bersama Pengurus Buku Bersama	**RM3.5 bilion** Nota Berjangka Sederhana Penasihat Prinsipal Pengatur Utama
Ogos 2014	**Sep 2014**	**Okt 2014**	**Nov 2014**	**Sep 2014**	**Sep 2014**	**Jan 2014**

Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia
Sapura Kencana Petroleum Berhad	**Export-Import Bank of Malaysia Berhad**	**Media Chinese International Limited**	**Syarikat Prasarana Negara Berhad**	**SapuraKencana TMC Sdn Bhd**	**Armada Kraken Pte Ltd**	**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional**
RM700 juta Sukuk Murabahah Ejen Urusniaga Belian Balik	**AS$1 bilion** Program Terbitan Sukuk Pelbagai Matawang Penasihat Prinsipal Bersama Pengatur Utama Bersama Pengurus Utama Bersama Pengurus Buku Bersama Ejen Penyenaraian Penasihat Syariah	**RM500 juta** Nota Berjangka Sederhana Penasihat Prinsipal Bersama Pengatur Utama Bersama Pengurus Utama Bersama Pengurus Buku Bersama	**RM2 bilion** Sukuk Murabahah Pengatur Utama Bersama Pengurus Utama Bersama Penasihat Syariah	**RM16.50 bilion** Kemudahan Pelbgai Matawang Bank Koordinasi Bersama Pengatur Utama Mandat Ejen Kemudahan Ejen Sekuriti	**AS$750 juta** Kemudahan Penambungan Bersindiket Pengatur Utama Mandat	**Sehingga RM5 bilion** Sukuk Murabahah Pengatur Utama Bersama Pengurus Utama Bersama Ejen Kemudahan Penasihat Syariah Bersama
Feb 2014	**Feb 2014**	**Feb 2014**	**Mac 2014**	**Mac 2014**	**Mac 2014**	**Mac 2014**

Perbankan Global

Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia
MEASAT Global Network Systems Sdn Bhd	**MEASAT International (South Asia) Ltd**	**IJM Corporation Berhad**	**Maybank Islamic Berhad**	**Seadrill Ltd**	**Midciti Sukuk Berhad (JV KLCC REIT)**	**Perisai Petroleum Teknologi Berhad**
RM660.0 juta Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengatur Utama Mandat Bersama Pemberi Pinjaman Ejen Kemudahan	**AS$225.2 juta** Pembiayaan Kemudahan Pelbagai Pengatur Utama Mandat Bersama Pemberi Pinjaman Tidak Dilindungi	**RM3 billion** Sukuk Murabahah Pengatur Utama Bersama Pengurus Utama Bersama	**RM10 bilion** Sukuk Murabahah Penasihat Prinsipal Pengatur Utama Pengurus Utama Ejen Kemudahan	**RM989 juta** Penempatan Saham Sekunder Ejen Penempatan Tunggal	**Sehingga RM3 bilion** Kertas Komersial Islam & Program Nota Berjangka Sederhana Islam Penasihat Prinsipal Bersama Pengatur Utama Bersama Pengurus Utama Bersama Pengurus Buku Bersama Ejen Kemudahan	**RM165.88 juta** Penempatan Persendirian Ejen Penempatan Bersama
Mac 2014	Apr 2014	Apr 2014	Apr 2014	Apr 2014	Apr 2014	Apr 2014

Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia
7-Eleven Malaysia Holdings Berhad	**Pengurusan Aset Air Berhad**	**Icon Offshore Berhad**	**Boustead Plantation Berhad**	**Etiqa Insurance Berhad**	**ICBCIL Finance Co. Ltd**	**Felda Investment Corporation Sdn Bhd**
RM834 juta Tawaran Awam Permulaan ("IPO") Penasihat Prinsipal Bersama Koordinator Global Bersama Pengurus Buku Bersama Penajajamin Pengurusan Bersama Penajajamin Bersama	**RM600 juta** Sukuk Murabahah Pengurus Utama Tunggal	**RM945 juta** Tawaran Awam Permulaan ("IPO") Penasihat Prinsipal Bersama Koordinator Global Bersama Pengurus Buku Bersama Penajajamin Pengurusan Bersama Penajajamin Bersama	**RM1.15 bilion** Tawaran Awam Permulaan ("IPO") Koordinator Global Bersama Pengurus Buku Bersama Penajajamin Bersama	**RM300 juta** Sukuk Penasihat Prinsipal Pengatur Utama	**AS$300 juta** Kemudahan Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengatur Utama Mandat Bersama Pengurus Mandat Bersama	**RM329 juta** Tawaran Pengambilalihan untuk Encorp Berhad Penasihat
Mei 2014	Mei 2014	Mei 2014	Jun 2014	Jul 2014	Jul 2014	Jul 2014

Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia
Khazanah Nasional Berhad	**Trans Thai-Malaysia (Malaysia) Sdn Bhd**	**IOIP Capital Management Sdn Bhd**	**Cagamas Global P.L.C.**	**Sasteria (M) Pte Ltd**	**Bumi Armada Capital Management Sdn Bhd**	**Bumi Armada Berhad**
RM1.5 bilion Sukuk Murabahah Pengurus Utama Bersama	**AS$188.2 juta** Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengatur Utama Mandat Tunggal	**Sehingga RM1.5 bilion** Nota Berjangka Sederhana Islam Tiada Penarafan Penasihat Prinsipal Pengatur Utama Pengurus Utama Ejen Kemudahan	**AS$2.5 bilion** Nota Berjangka Sederhana Pelbagai Matawang Pengurus Utama Bersama Pengurus Buku Bersama	**RM312 juta** Tawaran Pengambilalihan Penasihat Prinsipal Pembiaya Tunggal	**RM1.5 bilion** Sukuk Tiada Penarafan Penasihat Prinsipal Tunggal Pengatur Utama Tunggal Pengurus Utama Bersama	**RM636.4 juta** Penempatan Sekunder Ejen Penempatan Bersama
Ogos 2014	Sep 2014	Sep 2014	Sep 2014	Sep 2014	Sep 2014	Okt 2014

Perbankan Global

Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia
Kesas Sdn Bhd	**Bumi Armada Berhad**	**Jambatan Kedua Sdn Bhd**	**Westport Holdings Berhad**	**CB Industrial Product Holding Berhad**	**Malaysia Airports Holdings Berhad**	**Northport (M) Bhd**
Sehingga RM735 juta Nota Berjangka Sederhana Islam Penasihat Pengatur Utama Pengurus Utama	**RM1.979 bilion** Saham Hak Penasihat Prinsipal Bersama Koordinator Global Bersama Penajajamin Bersama	**RM1.5 billion** Pinjaman Kredit-i Berputar Berjangka Pendek Pengatur Utama Mandat Bersama Pengurus Buku Bersama Ejen Kemudahan Penasihat Kewangan	**RM468.4 juta** Ejen Penempatan Tunggal Penempatan Sekunder	**RM136.0 juta** Terbitan Bonus Saham dan Waran Tersenarai Penasihat Prinsipal	**RM1 bilion** Sukuk Penasihat Prinsipal Bersama Pengatur Utama Bersama Pengurus Utama Bersama	**Sehingga RM1.5 bilion** Kertas Komersial Islam Nota Berjangka Sederhana Islam Penasihat Prinsipal Bersama Pengatur Utama Bersama Pengurus Utama Bersama
Okt 2014	**Okt 2014**	**Okt 2014**	**Nov 2014**	**Nov 2014**	**Dis 2014**	**Dis 2014**

Malaysia	Malaysia	Malaysia
Axis Real Estate Investment Trust	**Mono Growth Holdings Limited**	**The Intermark Sdn Bhd**
RM288 juta Penempatan Persendirian Ejen Penempatan Bersama	**AS$400 juta** Pinjaman Berjangka Bersindiket Bank Koordinasi Pengatur Utama Mandat Pengurus Buku Pemberi Pinjaman Ejen Sekuriti dan Kemudahan	**RM1.2 bilion** Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengatur Utama Mandat Pengurus Buku Pemberi Pinjaman Ejen Sekuriti dan Kemudahan
Dis 2014	**Dis 2014**	**Dis 2014**

Operasi Luar Negara
Antarabangsa

POLLIE SIM
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Antarabangsa

TINJAUAN 2015

Kami kekal yakin dengan prospek pertumbuhan ekonomi di Asia, disokong oleh asas-asas yang kukuh, perdagangan dan aliran pelaburan menarik, serta integrasi ekonomi yang lebih mendalam di rantau ini. Dengan kehadiran yang kukuh di semua 10 negara ASEAN, kami juga bersedia untuk merebut peluang-peluang perniagaan yang menarik dengan memanfaatkan jangkauan pasaran kami yang luas dan keupayaan serantau.

2015
Keutamaan Kami

- Meningkatkan produktiviti dan keuntungan, sambil mendalamkan kehadiran kami di rantau ini.
- Menggunakan rangkaian global kami yang luas untuk menguasai aliran merentas sempadan.
- Memberi tumpuan kepada pertumbuhan pendapatan dan pulangan yang lebih tinggi atas modal.

2014
Pencapaian Utama

- Setelah menetapkan struktur organisasi serantau baru dan tumpuan strategik untuk memacu agenda serantau, Antarabangsa mencatatkan 28.3% pertumbuhan pendapatan dalam tahun kewangan, disokong oleh pertumbuhan pinjaman yang kukuh.
- Keseluruhannya, Antarabangsa (termasuk syarikat bersekutu) memberikan sumbangan PBT yang tinggi sebanyak RM994 juta kepada Kumpulan pada 2014.
- Pada Oktober 2014, Maybank merupakan satu daripada bank-bank terpilih, yang diberikan lesen perbankan asing oleh Central Bank of Myanmar untuk beroperasi di negara berkenaan.

PENCAPAIAN UTAMA PADA 2014

Memacu Agenda Regionalisasi

Setelah memperkenalkan struktur baru organisasi serantau untuk menyelia operasi Antarabangsa (termasuk syarikat bersekutu) di 14 buah negara, kami telah memperkenalkan tiga strategi teras utama:

- Menyelaras Asas kami – Memberi keutamaan kepada inisiatif transformasi diterajui perniagaan, dengan penekanan terhadap produktiviti dan keuntungan di seluruh pasaran kami.
- Membina Pembeza Serantau – Mengenal pasti nilai perniagaan utama dalam pasaran kami dan menggerakkan kekuatan dalam Kumpulan Maybank untuk mencapai sinergi yang lebih besar.
- Menumpukan kepada Pertumbuhan Kecekapan Modal – Memberi penekanan terhadap pulangan atas modal, dan pada masa sama mengembangkan penglibatan kami dalam operasi luar negara.

Operasi Luar Negara
Antarabangsa

Tahun 2014 telah menjadi tahun yang menarik untuk Bahagian Antarabangsa kerana kami menaikkan tempo untuk memacu agenda serantau, dan memberikan sumbangan yang lebih tinggi kepada keseluruhan PBT Kumpulan.

Tahun ini, kami akan meningkatkan usaha untuk meneruskan rancangan pengembangan, meningkatkan produktiviti dan mempercepatkan keuntungan di francais perniagaan Bahagian Antarabangsa kami. Dengan membina capaian pasaran yang luas dan keupayaan serantau, kami berhasrat untuk mewujudkan nilai sinergi untuk pelanggan dan pemegang saham, serta menyumbang kepada komuniti di mana kami beroperasi.

Kami mencapai prestasi menggalakkan berikutan pelaksanaan struktur baru dan tumpuan strategik untuk memacu agenda serantau itu.

Membina Sinergi Lebih Besar menerusi Usaha sama Serantau

Dengan manfaat keupayaan serantau iaitu Pusat Kecemerlangan Kumpulan, kami membina sinergi lebih besar dan mengukuhkan portfolio perniagaan. Kami mencapai peningkatan kekuatan pelaksanaan, masa pemprosesan yang lebih baik dan kemampuan serta kelebihan bakat tenaga mahir di seluruh rantau ini. Kami terus meningkatkan kehadiran dan transformasi pasaran inisiatif kami di pasaran Wilayah Besar China dan Filipina.

Antarabangsa mencatatkan pertumbuhan keuntungan yang kukuh, peningkatan profil pulangan risiko dan produktiviti yang tinggi menerusi usaha sama serantau. Kami turut membuat pencapaian besar yang memberikan kedudukan yang baik kepada Maybank untuk menyediakan para pelanggan dengan laluan pasaran ke China Selatan dan Myanmar.

Mempercepatkan Keuntungan

Perolehan bagi Antarabangsa berkembang sebanyak 28.3% T-ke-T, disokong oleh pinjaman dan pertumbuhan deposit yang kukuh masing-masing sebanyak 48.0% dan 37.1%. Pendapatan fi berkembang sebanyak 13.0% T-ke-T, bersandarkan yuran yang lebih tinggi diperolehi daripada pinjaman bersindiket. Overhed turut naik sebanyak 25.0% T-ke-T, selari dengan aktiviti pengembangan dalam tahun kewangan. Keseluruhannya, PBT* Antarabangsa meningkat sebanyak 13.3% kepada RM836 juta pada 2014.

Perolehan dan PBT (RM' juta)



Pinjaman kasar dan Deposit (RM' juta)



* *PBT tidak termasuk Keuntungan Saham dari syarikat sekutu yang berjumlah sebanyak RM158.3 juta pada 2014 (2013: RM134.6 juta)*

Operasi Luar Negara
Antarabangsa

WILAYAH BESAR CHINA

ULASAN

Maybank Wilayah Besar China menyediakan perkhidmatan perbankan pemborongan dan pelaburan kepada pelanggan-pelanggan komersial dan korporat, khususnya bagi penyelesaian merentas sempadan untuk memudahkan aliran antara Wilayah Besar China dan ASEAN. Ketika ini, kami memiliki sebuah cawangan di Hong Kong dan tiga cawangan di China (di Shanghai, Beijing dan Kunming).

TINJAUAN 2015

- Walaupun unjuran pertumbuhan yang perlahan di China (7.1%) dan Hong Kong (2.6%), kami yakin pelan reformasi sektor perbankan dan penyeimbangan semula China akan memanfaatkan pertumbuhan Wilayah Besar China dalam jangka panjang.
- Kami kekal yakin dengan lanskap pertumbuhan perdagangan dan pelaburan China-ASEAN.

2015 Keutamaan Kami

- Meneruskan usaha mengukuhkan keupayaan Perbankan Transaksi dan Perbendaharaan untuk menyokong aliran China-ASEAN yang lebih baik.
- Mengukuhkan Hong Kong sebagai hub luar pesisir untuk perniagaan Wilayah Besar China, dan pada masa sama mengembangkan rangkaian China untuk membolehkan laluan lebih bagi para pelanggan untuk memasuki China.
- Mengukuhkan keupayaan RMB, dengan membina pencapaian kami sebagai pembuat pasaran untuk CNY/S$ dan CNY/RM.

2014 Tinjauan Utama
Prestasi Kewangan

- Maybank Wilayah Besar China mencapai rekod pertumbuhan 29.9% T-ke-T, disokong oleh pertumbuhan kukuh perolehan dari China dan Hong Kong.
- Keseluruhannya, pinjaman berkembang sebanyak 33.9% dalam tahun kewangan, bersandarkan kepada kekukuhan bersindiket. Deposit merekodkan pertumbuhan menggalakkan sebanyak 20.9% T-ke-T.

ULASAN PENCAPAIAN UTAMA 2014

Cawangan Kunming, cawangan kami yang keempat di China, mula beroperasi pada 2014 untuk menjadi pintu masuk antara Barat Daya China dan Indochina yang memudahkan aliran merentas sempadan yang lebih besar.

Maybank diberi mandat sebagai Pengatur Utama (MLA) untuk beberapa janji niaga utama seperti Xiaomi H.K. Ltd, Poly Property Group Co Ltd dan GDH Ltd.

Kami meraih pencapaian besar dalam perniagaan Perbendaharaan dan Transaksi Perbankan. Selain disenaraikan sebagai Pembuat Pasaran #1 CNY/RM, kami telah dilantik sebagai Pembuat Pasaran CNY/S$.

Kami melancarkan penyenaraian transaksi GreTai Securities Market (GTSM) di Taiwan, yang meraih AS$500 juta daripada pelabur institusi profesional dan berjaya memuktamadkan janji niaga utama Pembiayaan Perdagangan Berstruktur.

Kami turut meraih peningkatan dalam pertumbuhan perniagaan Pasaran Modal Hutang dengan 11 janji niaga pada 2014.

Perolehan dan PBT (RM' juta)



Pinjaman Kasar dan Deposit (RM' juta)



Operasi Luar Negara
Antarabangsa

FILIPINA

ULASAN

Maybank Philippines Incorporated (MPI) merupakan bank komersial perkhidmatan penuh yang menyediakan perkhidmatan runcit dan pemborongan. Dengan 79 cawangan di seluruh Manila, Luzon, Visayas dan Mindanao, MPI memiliki rangkaian cawangan terbesar di kalangan bank asing di Filipina.

TINJAUAN 2015

- Ekonomi Filipina dijangka berkembang pada kadar sepantas 6.7% pada 2015 daripada 6.4% pada 2014, sebahagian besarnya didorong oleh reformasi struktur, pertumbuhan kukuh dalam penggunaan domestik dan peningkatan pelaburan dalam sektor infrastruktur, kesihatan dan pendidikan.

2015
Keutamaan Kami

- Mempelbagaikan perkhidmatan perbankan pengguna, ketika kami memanfaatkan kekuatan dalam perniagaan Pembiayaan Automotif dan rangkaian cawangan kami.
- Mengukuhkan pengurusan kualiti aset.
- Mengembangkan asas pelanggan korporat ketika kami memanfaatkan kemahiran perbankan pelaburan kami di Maybank ATR Kim Eng (MATRKE), untuk menawarkan penyelesaian menyeluruh menerusi laluan pasaran modal.

2014
Tinjauan Utama
Prestasi Kewangan

- Perolehan meningkat sebanyak 17.4% T-ke-T, berikutan pertumbuhan pinjaman melebihi tahap industri sebanyak 38.0% pada 2014, yang disumbangkan terutamanya oleh perniagaan Perbankan Konsumer. Keseluruhannya, MPI mencapai pertumbuhan PATAMI sebanyak 82.6% T-ke-T, disumbangkan oleh perolehan dan pengiktirafan pendapatan cukai tertunda.

ULASAN PENCAPAIAN UTAMA 2014

Pasaran kami dalam Pembiayaan Automotif naik sebanyak 6.9%, dengan meningkatnya perhubungan pengedar dan kelancaran proses perniagaan untuk memacu kecekapan.

Produk dan perkhidmatan baru ditawarkan pada TK2014 untuk memacu pertumbuhan perbankan konsumer – seperti perkhidmatan Kekayaan Perdana untuk memenuhi keperluan segmen mewah; dan kad kredit Manchester United, kad kredit jenama bersama francais sukan antarabangsa di Filipina. Cawangan pertama yang beroperasi 24/7 jam sehari dibuka di Resorts World, Filipina sebagai menandakan komitmen kami terhadap perkhidmatan pelanggan.

Di peringkat perbankan global, dua janji niaga utama korporat besar iaitu P.A Alvarez Properties & Development Corp dan Petron Corporation, berjaya dimuktamadkan dan ia hasil daripada usaha sama sinergi dengan MATRKE.

Perolehan dan PBT (RM' juta)



Pinjaman Kasar dan Deposit (RM' juta)



Operasi Luar Negara
Antarabangsa

INDOCHINA

ULASAN

Dalam rantau Indochina, Maybank memiliki 21 cawangan menerusi syarikat subsidiarinya, Maybank Cambodia PLC (MCP), dua cawangan di Vietnam, satu di Laos dan sebuah syarikat perwakilan di Myanmar.

TINJAUAN 2015

- KDNK bagi rantau Indochina pada 2015 dijangka berkembang pada purata sebanyak 6.5%, dengan kemunculannya sebagai pangkalan pembuatan untuk syarikat yang beralih daripada China.
- Pertumbuhan dalam perdagangan dan pelaburan dijangka naik dengan kewujudan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) serta lain-lain peraturan Perdagangan Bebas.
- Kami yakin dengan pasaran utama Indochina di Vietnam dan Kemboja, yang dijangka akan menyaksi pertumbuhan KDNK masing-masing sebanyak 5.6% dan 7.5%.

2015
Keutamaan Kami

- Mengukuhkan keupayaan Perbankan Transaksi dan Perbendaharaan di rantau ini untuk memudahkan keperluan merentas sempadan pelanggan-pelanggan kami.
- Meningkatkan usaha sama antara Indochina-ASEAN dan Indochina-China, sambil meneruskan agenda pengembangan di rantau Indochina.
- Meningkatkan tahap perniagaan perbankan pengguna kami di Kemboja dan Laos untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan yang lebih luas buat pelanggan.

2014
Tinjauan Utama
Prestasi Kewangan

- Perolehan bagi Indochina berkembang dengan baik sebanyak 15.4%, didorong oleh Kemboja dan Laos.
- PBT berkembang sebanyak 7.5% T-ke-T, berikutan overhed yang lebih tinggi disebabkan oleh aktiviti pengembangan sepanjang tahun kewangan.
- Keseluruhannya, Pinjaman Kasar berkembang dengan rekod terbaik 31.9%, dengan deposit pengguna meningkat 19.2% T-ke-T.

ULASAN PENCAPAIAN UTAMA 2014

Maybank merupakan satu daripada beberapa bank terpilih untuk mendapat lesen perbankan oleh Bank Pusat Myanmar pada Oktober 2014. Operasi kami yang bakal muncul di Myanmar akan menyokong keperluan pelanggan serta pertumbuhan negara berkenaan.

Di Vietnam, kami telah memperolehi lesen perdagangan bon oleh State Bank of Vietnam, yang meningkatkan lagi keupayaan Perbendaharaan kami untuk melaksanakan urus niaga bon kerajaan Vietnam.

Di Kemboja, kami menambah lima lagi cawangan untuk meningkatkan liputan kami di Phnom Penh dan meluaskan lagi capaian kami di tiga buah wilayah baru. Kami melancarkan perkhidmatan Kekayaan Perdana untuk memenuhi keperluan segmen mewah yang semakin berkembang di Kemboja.

Operasi Laos kami mula mencatat keuntungan pada 2014, selepas dua tahun memulakan operasi – sekali gus menunjukkan daya tarikan kami di pasaran ini. Laos mencapai rekod pertumbuhan perolehan sebanyak 734.8% pada 2014.

Perolehan dan PBT (RM' juta)



Pinjaman Kasar dan Deposit (RM' juta)



Operasi Luar Negara
Antarabangsa

LAIN-LAIN OPERASI LUAR NEGARA

ULASAN

Rangkaian global kami berkembang dari hab kewangan utama kepada pasaran yang menawarkan banyak peluang menerusi lapan lagi cawangan di New York, London, Bahrain, Brunei, Papua New Guinea, termasuk cawangan luar pesisir di Labuan.

TINJAUAN 2015

- Kami percaya bahawa ekonomi United Kingdom akan terus berkembang pada kadar yang stabil pada 2015 dengan purata 2.7% (2014: 3.2%) dengan perbelanjaan isi rumah kekal menjadi pemacu utama.
- Kami kekal positif terhadap tinjauan di Amerika Syarikat yang diunjurkan berkembang 3.0% (2014: 1.9%), disokong oleh harga minyak yang rendah.

2015
Keutamaan Kami

- Mengukuhkan operasi luar pesisir kami di Labuan sebagai Pusat Kecemerlangan Kumpulan untuk kredit matawang asing.
- Mengukuhkan keupayaan Perbendaharaan di New York dan London.
- Membina sinergi yang lebih besar dengan Maybank Kim Eng di pasaran AS dan UK bagi menyediakan penyelesaian kewangan yang menyeluruh untuk pelanggan-pelanggan serantau kami.

2014
Tinjauan Utama
Prestasi Kewangan

- Melalui kerjasama sinergi dengan lain-lain operasi luar negara Kumpulan, pertumbuhan pendapatan kukuh sebanyak 33.8% T-ke-T telah dicatatkan, dengan pertumbuhan pendapatan fi yang amat menggalakkan sebanyak 39.4% dalam tahun kewangan.
- Pinjaman kasar dan Deposit meningkat ketara dengan pertumbuhan T-ke-T masing-masing sebanyak 69.8% dan 67.1%.
- Keseluruhannya, PBT meningkat sebanyak 4.9% T-ke-T, sebahagian besarnya disebabkan oleh pengiraan elaun kolektif yang lebih baik yang menyebabkan kos kredit lebih tinggi.

ULASAN PENCAPAIAN UTAMA 2014

Struktur matriks kami, ditambah dengan agenda serantau, menghasilkan kerjasama yang lebih erat antara pasaran kami dengan Kumpulan Maybank.

Ini telah ditunjukkan menerusi pencapaian yang berikut:

- Kami mencatatkan pertumbuhan perolehan sebanyak 78.3% sepanjang tahun kewangan dalam operasi luar pesisir di Labuan.
- Maybank dilantik sebagai Mandat Pengatur Utama untuk pembiayaan berjumlah AS$860 juta bagi projek Kondominium Museum Kesenian Moden di New York.
- Maybank turut menjadi Mandat Pengatur Utama untuk pembiayaan GBP750 juta bagi projek Fasa 2 Battersea di United Kingdom.

Perolehan dan PBT (RM' juta)



Pinjaman Kasar dan Deposit (RM' juta)



SYARIKAT SEKUTU

2014
Tinjauan Utama
Prestasi Kewangan

- Keuntungan daripada Syarikat Sekutu, iaitu MCB Bank dan An Binh Bank, meningkat sebanyak 17.6% daripada RM135 juta pada 2013 kepada RM158 juta pada 2014, bersandarkan kepada pertumbuhan pendapatan kukuh dan overhed yang dikawal.

Keuntungan Syarikat Sekutu (RM' juta)



Operasi Luar Negara
Singapura

DATUK LIM HONG TAT
Ketua Pegawai Eksekutif, Singapura

VISI

Visi Maybank Singapura untuk menjadi kumpulan perkhidmatan kewangan asing utama di Singapura untuk menjangkaui jangkaan pelanggan. Untuk itu, Ketua Perkhidmatan Kewangan Komuniti (CFS) Kumpulan Datuk Lim Hong Tat telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Singapura pada 2014 untuk memacu aspirasi di negara ini.

Visi kami akan dilaksanakan menerusi dua strategi utama iaitu:

1) Mengukuhkan perniagaan di Singapura
2) Mengembangkan capaian serantau

Teraju dalam strategi perniagaan ini adalah Model Kapten Tunggal yang bermatlamat untuk menggabungkan keupayaan produk dan pengedaran Kumpulan untuk memberikan penyelesaian kewangan berdaya saing dan lengkap kepada pelanggan.

2015
Keutamaan Kami

- Memanfaatkan Model Kapten Tunggal untuk mendapatkan sinergi yang lebih besar antara Maybank Singapura, Maybank Kim Eng dan Etiqa.
- Mendalamkan Penglibatan Pelanggan menerusi gabungan produk dan strategi pelbagai saluran.
- Mengambil peluang pembiayaan merentas sempadan dengan mengukuhkan keupayaan perbendaharaan dan pasaran modal kami.
- Mengukuhkan kualiti aset menerusi strategi pengurusan risiko dan kawalan operasi.
- Membangunkan keupayaan Perbankan Islam untuk meraih aliran modal di rantau ini.

RINGKASAN 2014

Prestasi kewangan meningkat.
Keuntungan sebelum cukai (PBT) Singapura bagi tahun kewangan 2014 adalah S$433 juta, naik 4.4% berbanding setahun yang lalu. Pertumbuhan ini didorong oleh pendapatan berasaskan dana yang melonjak 20.7% hasil daripada peningkatan dalam margin dan pertumbuhan pinjaman.

Pendapatan berasaskan fi meningkat sebanyak 3.3%, diterajui oleh pertumbuhan dalam bidang pengurusan kekayaan, kad dan perbendaharaan.

Jumlah pinjaman meningkat sebanyak 13.4% kepada S$35.0 bilion pada bulan Disember 2014. Ini adalah lebih cepat daripada kadar pertumbuhan industri sebanyak 9.2%. Malahan, kualiti aset kami kekal menggalakkan, dengan kedudukan nisbah pinjaman rosot nilai kasar sebanyak 0.24% pada bulan Disember 2014, peningkatan daripada 0.30% pada bulan Disember 2013.

Sementara itu, deposit kami bertambah sebanyak 16.5% mencecah S$39.6 bilion pada bulan Disember 2014, mengatasi deposit seluruh sistem yang berkembang sebanyak 7.1%.

Kapten Tunggal - Menjayakan kerjasama sinergi
Pengenalan Model Kapten Tunggal telah membolehkan kami mendapatkan sinergi yang lebih besar dari seluruh entiti Kumpulan di Singapura. Sebagai contoh, Maybank Singapura dan Maybank Kim Eng telah bekerjasama secara kolektif dalam 15 urus niaga pasaran modal tahun ini dengan nilai berjumlah S$14 bilion. Sementara itu, pelancaran perniagaan insurans hayat Etiqa di Singapura pada bulan Ogos 2014 telah membolehkan kami untuk membuat jualan silang pelbagai produk insurans (contoh: rumah, motor dan insurans hayat) melalui saluran bankasurans.

Operasi Luar Negara
Singapura

Tahun 2014 merupakan tempoh yang benar-benar menarik, berikutan pelantikan dwi peranan saya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Singapura dan Ketua Kumpulan, Perkhidmatan Kewangan Komuniti (CFS), pada bulan Januari. Matlamat kami adalah untuk mengukuhkan lagi francais Singapura dengan mengoptimumkan sinergi, memanfaatkan peluang-peluang perniagaan dan membangunkan segmen pasaran baharu.

TINJAUAN

Sebagai Bank Kelayakan Penuh (QFB), Maybank Singapura telah mewujudkan kedudukan penting dalam pasaran perbankan runcit dan pemborongan, dengan saiz aset bersih kira-kira S$57 bilion dan lebih 1,800 kakitangan.

Rangkaian kami meliputi 27 buah lokasi perkhidmatan di Singapura, dan kami juga adalah sebahagian daripada rangkaian ATM atm5-Singapura di kalangan tujuh QFB yang mengambil bahagian, dengan jangkauan gabungan lebih daripada 200 ATM.

Teras strategik kami adalah mengukuhkan francais domestik dan meletakkan kami pada kedudukan strategik untuk memanfaatkan kedudukan Singapura sebagai pusat kewangan dengan tujuan menerajui aspirasi serantau Kumpulan melalui beberapa keutamaan yang ditetapkan.

Di peringkat bank, Model Kapten Tunggal telah dilaksanakan di seluruh 22 buah cawangan pada bulan Mac 2014, memberikan kepada pengurus cawangan autonomi yang lebih besar dalam memacu perniagaan melibatkan semua segmen pelanggan dan pada masa sama mengekalkan standard yang tinggi dalam kualiti perkhidmatan. Inisiatif ini menekankan objektif kami untuk berada di tengah-tengah masyarakat dengan membolehkan pelanggan mendapat akses mudah kepada perkhidmatan kewangan berdasarkan keperluan mereka.

Segmentasi Pelanggan
Kekayaan Perdana telah dilancarkan pada bulan Januari 2014 untuk menawarkan perkhidmatan kepada kumpulan pelanggan mewah Singapura yang semakin berkembang dengan dana di bawah pengurusan (AUM) sekurang-kurangnya S$200,000. Sejak penubuhannya, AUM Kekayaan Perdana telah meningkat lebih daripada lima belas kali ganda.

Kami juga telah menubuhkan sebuah unit Perusahaan Kecil Sederhana Runcit (RSME) yang baharu dengan menyasarkan perniagaan kecil (perolehan tahunan sehingga S$20 juta dan pendedahan pinjaman S$2 juta atau kurang) yang mewakili kira-kira 90% daripada PKS di Singapura. Disokong oleh model pengedaran baharu dan produk-produk yang kompetitif, portfolio RSME kami telah melonjak sebanyak 73% berdasarkan perbandingan tahun-ke-tahun pada akhir bulan Disember 2014 dan akan berfungsi sebagai enjin pertumbuhan baharu untuk Maybank Singapura.

Memperluaskan capaian serantau kami
Melihat kepada infrastruktur ekonominya dan penarafan kredit yang kukuh, Singapura bertindak sebagai platform utama Kumpulan untuk merebut peluang-peluang pembiayaan merentas sempadan di rantau ini.

Pada bulan Januari 2014, kami memulakan operasi Meja Malaysia bagi memudahkan pelaburan oleh PKS Singapura ke Iskandar Malaysia dan kawasan-kawasan lain di Malaysia. Melalui penubuhan platform kelulusan kredit tunggal, kami dapat menyelaraskan proses kelulusan kredit untuk kedua-dua pinjaman dalam matawang dolar Singapura dan Ringgit Malaysia dan memendekkan masa yang diperlukan untuk menyelesaikan urusan bagi kemudahan pelanggan PKS. Sehingga bulan Disember 2014, jumlah pinjaman merentas sempadan dipermudahkan dengan Meja Malaysia telah meningkat lebih daripada S$500 juta berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Kami juga telah menubuhkan sebuah pasukan Perniagaan Serantau untuk mengenal pasti dan membawa masuk syarikat terbesar dari seluruh rangkaian Kumpulan (contohnya Malaysia, Indonesia) yang ingin mendapatkan modal sama ada dalam matawang dolar Amerika Syarikat atau Singapura. Dengan menggunakan Singapura sebagai pusat pembiayaan, kami dapat membantu pelanggan-pelanggan korporat kami menyedari tentang pembiayaan yang lebih besar dan juga keberkesanan cukai.

Memperkukuhkan Nilai Perniagaan Perbankan Islam kami
Sebagai bank Islam yang terkemuka di Singapura, kami akan terus memperkenalkan produk baharu untuk menyediakan penyelesaian pembiayaan yang berbeza kepada pelanggan-pelanggan kami. Inisiatif "Mendahulukan Islam" telah dilaksanakan di cawangan-cawangan kami pada tahun 2014 untuk meningkatkan kesedaran pelanggan terhadap kepelbagaian produk runcit utama Islam seperti pembiayaan kereta, gadai janji, pinjaman jangka perniagaan dan deposit matawang asing. Inisiatif ini telah mendapat faedah yang kukuh daripada pelanggan-pelanggan kami, terutama pembiayaan kenderaan yang telah meningkat lebih daripada lapan belas kali ganda dalam tempoh 12 bulan hingga bulan Disember 2014.

TINJAUAN 2015

Ekonomi Singapura dijangka berkembang sebanyak 2% hingga 4% pada tahun 2015. Ketidaktentuan ekonomi global dijangka menjejaskan prospek sektor berorientasikan luaran seperti pembuatan. Tinjauan bagi sektor berorientasikan dalam negeri seperti perdagangan runcit dan F & B agak lebih kukuh, dengan pasaran pekerjaan yang kukuh menyokong penggunaan isi rumah. Sebaliknya pula, perniagaan akan terus berdepan kos kenaikan gaji disebabkan oleh pasaran buruh yang ketat. Dalam pasaran hartanah, harga mungkin jatuh apabila inventori unit-unit yang belum dijual terus meningkat. Kenaikan kadar faedah domestik mungkin juga melembapkan sentimen membeli. Walaupun begitu, harga hartanah tidak mungkin menjunam kerana kerajaan mempunyai skop untuk memperincikan beberapa langkah untuk menstabilkan pasaran perumahan.

Operasi Luar Negara
Indonesia

TASWIN ZAKARIA
Presiden Direktor, Bank Internasional Indonesia (BII)

TINJAUAN 2015

Ekonomi Indonesia dijangka berkembang sebanyak 5.50% pada tahun 2015 berbanding 5.02% pada tahun 2014, disumbangkan terutamanya oleh sektor infrastruktur, kebajikan awam dan perlombongan. Kegiatan ekonomi dalam negeri dijangka mengalami peningkatan apabila Kerajaan menyalurkan bajet daripada pembaharuan subsidi bahan api kepada program infrastruktur dan kebajikan awam.

Sektor perlombongan dijangka bertambah baik apabila Kerajaan melonggarkan peraturan eksport bagi syarikat-syarikat yang mempunyai program membangunkan kilang peleburan.

Inflasi Indonesia dijangka turun daripada 8.36% pada tahun 2014 kepada 5.01% pada tahun 2015. Keputusan kerajaan untuk menghapuskan subsidi petrol dalam bajet negara sejak 1 Januari 2015 dan mengehadkan jumlah bantuan diesel kepada IDR1,000 per liter dijangka menjadi faktor utama menyebabkan kadar inflasi yang lebih rendah tahun ini. Oleh itu, terdapat kemungkinan dasar monetari dilonggarkan lagi oleh Bank Indonesia (BI, bank pusat Indonesia). Tren kewangan ketat yang dilaksanakan di hampir semua negara membangun mungkin akan menyaksikan bank pusat Indonesia mengurangkan kadar monetarinya sebanyak 50 mata asas daripada 7.75% pada tahun 2014 ke 7.25% pada tahun 2015. Sebaliknya, Rupiah mungkin lemah berbanding dolar Amerika daripada 12.440 pada tahun 2014 kepada 12,800 pada tahun 2015 apabila kadar BI dijangka dilonggarkan manakala Rizab Persekutuan Amerika Syarikat akan mengembalikan kadar monetarinya ke paras normal.

PT BANK INTERNASIONAL INDONESIA TBK

PT Bank Internasional Indonesia Tbk (BII) adalah salah sebuah bank terbesar di Indonesia yang ditubuhkan 55 tahun lalu dan terkenal dari segi kecemerlangan perkhidmatan perbankan. Perkhidmatan perbankan kami bertujuan berkhidmat untuk pelanggan individu dan korporat melalui segmen perniagaan Perbankan Runcit, Perbankan Perniagaan dan Perbankan Global dan juga melalui anak-anak syarikat kami, PT Petanda Ottomitra Multiartha Tbk (WOM Kewangan) dan PT BII Kewangan (BII Kewangan), masing-masing menyediakan pembiayaan motosikal dan kereta.

Kehadiran operasi perbankan kami di semua wilayah Indonesia di 428 buah cawangan, dengan rangkaian serantau 426 buah cawangan tempatan termasuk syariah dan dua buah cawangan luar negara di Mauritius dan Mumbai, India. BII juga menyediakan perkhidmatan e-perbankan dengan perbankan mudah alih, perbankan Internet, perbankan tunai mudah alih (MKK) dan 1,530 ATM termasuk mesin deposit tunai (CDM) di seluruh negara. Kami juga merupakan salah satu daripada beberapa buah bank di Indonesia yang mempunyai hubungan dengan kesemua rangkaian ATM di Indonesia, iaitu ATM PRIMA, ATM BERSAMA, ALTO, dan CIRRUS serta rangkaian MEPS Malaysia dan ATM Maybank di Malaysia dan Singapura.

Matlamat kami adalah untuk menjadi penyedia perkhidmatan kewangan terkemuka di Indonesia, dengan di dokong oleh kakitangan komited dan inovatif, mewujudkan nilai dan berbakti kepada masyarakat. Oleh itu, kami percaya boleh mencapai matlamat ini dengan menginsankan perkhidmatan kewangan.

PRESTASI KEWANGAN

Keuntungan operasi kami sebelum peruntukan mencecah IDR2.87 trilion bagi tempoh setahun penuh berakhir pada 31 Disember 2014 berbanding dengan IDR 2.90 trilion bagi setahun penuh yang berakhir pada 2013, manakala keuntungan bersih selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) berjumlah IDR699 bilion pada bulan Disember 2014 berbanding dengan IDR1.5 trilion dalam tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Keputusan bagi tahun tersebut telah terjejas akibat peruntukan yang lebih tinggi melibatkan beberapa pelanggan korporat dalam sektor-sektor yang banyak dipengaruhi oleh keadaan pasaran yang buruk dan syarat kawal selia serta peningkatan kos dana sepanjang tahun yang menekan margin faedah bersih pada tahun 2014.

Bank menyaksikan pertumbuhan pinjaman sebanyak 4.2% kepada IDR106.3 trilion pada 31 Disember 2014 daripada IDR102.0 trilion setakat 31 Disember 2013. BII terus mencatatkan pertumbuhan pinjaman yang kukuh dalam Perbankan Perniagaan dan Perbankan Runcit. Pinjaman Perbankan Runcit mencatatkan pertumbuhan 15.7% dari IDR35.8 trilion kepada IDR41.5 trilion manakala pinjaman Perbankan Perniagaan meningkat sebanyak 15.5% dari IDR35.3 trilion kepada IDR40.8 trilion. Walau bagaimanapun, jumlah pertumbuhan pinjaman Bank telah menerima kesan daripada pengurangan portfolio Perbankan Global yang jatuh sebanyak 22.2% kepada IDR24.0 trilion pada bulan Disember 2014 daripada IDR30.9 trilion pada bulan Disember 2013. Ini disebabkan terutamanya oleh tindakan Bank pada tahun 2014, menyusun semula profil portfolio pinjaman Perbankan Global bagi memastikan pengagihan risiko adalah sejajar dengan kehendak risiko yang ada. Langkah memprofil semula pelanggan ini memberikan tumpuan yang lebih besar kepada syarikat-syarikat tempatan utama dan perusahaan milik negara.

Strategi Bank untuk melaksanakan penetapan harga yang lebih ketat terhadap deposit sepanjang tahun ini telah menyumbang kepada pengurangan jumlah deposit pelanggan apabila mencatatkan penguncupan sebanyak 4.4% kepada IDR 102.5 trilion pada akhir bulan Disember 2014. Nisbah Pinjaman-berbanding-Deposit (LDR) (Bank sahaja, tidak termasuk anak-anak syarikat) kekal pada tahap yang sihat, mencapai 92.7% setakat 31 Disember 2014, manakala LDR Bank yang disatukan dan diubah suai termasuk pinjaman, sekuriti yang diterbitkan, sub hutang dan deposit pelanggan kekal pada paras 85.2%.

Pendapatan faedah bersih Bank meningkat 7.5% kepada IDR5.9 trilion pada bulan Disember 2014 daripada IDR5.5 trilion pada bulan Disember tahun sebelumnya. Mudah tunai yang ketat dialami oleh industri perbankan sepanjang tahun menyebabkan kos dana meningkat sehingga menjejaskan Margin Faedah Bersih Bank (NIM) yang susut daripada 4.94% kepada 4.76%. Untuk meningkatkan NIM, Bank akan terus mengutamakan pertumbuhan portfolio dengan melaksanakan disiplin harga yang ketat untuk pinjaman dan mudah tunai.

Kualiti aset telah dapat dikekalkan pada paras 3.34% (rosot nilai kasar pinjaman) dan 2.44% (rosot nilai bersih pinjaman) setakat 31 Disember 2014 berbanding 2.85% (rosot nilai kasar pinjaman) dan 2.24% (rosot nilai bersih pinjaman) setakat 31 Disember 2013. Bank telah mengetatkan lagi prosedur kelulusan kredit dan melaksanakan matriks kelulusan dan had baharu untuk memastikan kawalan yang lebih ketat ke atas kelulusan dan pemantauan yang lebih

Operasi Luar Negara
Indonesia

Kami telah memulakan perjalanan transformasi pada tahun 2014 dengan menumpukan kepada konsolidasi, segmentasi pelanggan, dan memantapkan asas-asas untuk membina portfolio yang berterusan dan menyokong pertumbuhan masa depan. Di sebalik keadaan ekonomi yang mencabar, kami mencatat pertumbuhan sebanyak 23% dalam pendapatan faedah kasar dan Perbankan Runcit kami selain segmen Perbankan Perniagaan kami yang terus positif.

kerap terhadap portfolio yang sedia ada. Selain itu, bank terus memantau dengan teliti keadaan pasaran yang boleh memberi kesan negatif kepada peminjam korporat sambil memperhebatkan mekanisme amaran awal portfolionya.

Untuk mengukuhkan asas modal kami, Bank telah menerbitkan hutang subordinat berjumlah IDR1.5 trilion pada bulan Julai 2014 dan juga mengadakan Terbitan Hak VII IDR1.5 trilion yang telah selesai pada bulan Disember 2014. Ini meningkatkan Nisbah Kecukupan Modal (CAR) Bank kepada 15.72%.

PENCAPAIAN

Segmen Perbankan Perniagaan telah melancarkan perkhidmatan perbankan mikro dipanggil "BII PIJAR" (BII Pilihan Bijak Mitra Usaha). BII PIJAR menyokong konsep perbankan yang memperkasakan masyarakat dengan mewujud, memupuk dan membangunkan komuniti mikro ini sama ada pembabitan secara langsung atau perkongsian pihak ketiga melalui pendidikan perniagaan dan pengurusan kewangan. Selain itu, kami memaksimumkan pembiayaan rantaian bekalan sebagai kelebihan istimewa Perbankan Perniagaan yang terus menunjukkan pertumbuhan yang semakin baik.

Perbankan runcit juga mencatatkan prestasi yang bertambah baik sejajar dengan anak-anak syarikat BII Finance dan WOM Finance untuk memberikan kesan positif kepada prestasi keseluruhan Bank. Perbankan elektronik juga telah menunjukkan pembangunan yang pesat apabila urus niaga elektronik Bank terus berkembang.

Berikutan pelaksanaan Strategi Mendahulukan Islam dan model perniagaan yang disusun semula pada tahun 2014, unit perniagaan Syariah memberikan hasil yang positif. Unit perniagaan Syariah juga mencapai pelbagai anugerah termasuk Anugerah Tiga Institusi Perbankan Islam Terbaik 2014 daripada KARIM Consulting Indonesia, Akaun Simpanan Tiga Terbaik Perbankan Islam bagi unit perniagaan Syariah dalam Anugerah Kesetiaan Perbankan Indonesia (IBLA) 2014 daripada majalah Markplus Insight dan Infobank dan kategori "Sangat baik" untuk "unit perniagaan Syariah dengan aset lebih daripada Rp 1 trilion" dalam Anugerah Infobank Kewangan Syariah 2014 daripada Infobank.

Perbankan Mudah Alih kami menerima anugerah "Aplikasi Perbankan Mudah Alih Terbaik" oleh tabloid Forsel dan "Pertumbuhan Terpantas dari Pengguna Perbankan Mudah Alih" di malam pengiktirafan Rekor Bisnis (ReBi) oleh Yayasan Tera dan akhbar SINDO.

Sementara itu, Modal Insan kami terpilih sebagai Pembangunan Kakitangan Terbaik dan Pengambilan dan Tarikan Pekerja Terbaik dalam Anugerah Kecemerlangan HR 2014 oleh majalah SWA dan Lembaga Manajemen Universiti Indonesia. Selain itu, kami juga diiktiraf sebagai antara 100 teratas Majikan Ideal Indonesia 2014 daripada Universum.

Kami juga menerima dua anugerah bagi amalan pelaporan kami. Pertama sebagai pemenang ketiga dalam Anugerah Laporan Tahunan 2013 bagi kategori "Syarikat Kewangan Swasta Tersenarai" dan kedua pula "Penghargaan Pertama Kali Laporan G4 2013" dan "Penghargaan Tahun Pertama Laporan Kemampanan 2013" dalam Anugerah Laporan Kemampanan (SRA) 2014. Selain itu, kami menerima pengiktirafan Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terbaik dalam Persidangan dan Penganugerahan Tadbir Urus Korporat Ke-6 IICD yang menghargai pencapain kami.

Senarai penuh anugerah dan pengiktirafan boleh diperoleh pada muka surat 220.









Insurans & Takaful

KAMALUDIN AHMAD

Ketua Kumpulan, Insurans & Takaful
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Maybank Ageas Holdings Berhad

Etiqa berhasrat untuk menjadi peneraju terunggul di Malaysia dan muncul sebagai syarikat insurans dan takaful serantau. Etiqa berazam untuk berkembang dan tunjang kukuh Kumpulan melalui perolehan yang agak besar dan sumbangan keuntungan lebih tinggi.

Kami bekerjasama erat dengan rakan-rakan perniagaan dan para pelanggan supaya insurans dan takaful berkembang selaras dengan aspirasi Kumpulan ke arah menginsankan perkhidmatan kewangan. Keazaman Etiqa disokong oleh kekuatan, kepakaran dan kekukuhan asas yang dimiliki oleh Kumpulan dengan dorongan profesionalisme, peka, berani dan integriti kakitangan Etiqa.

Kami memberikan keutamaan yang tinggi kepada keupayaan pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan melalui rangkaian agensi yang kukuh terdiri dari lebih 15,000 ejen dan 31 buah cawangan di seluruh Malaysia. Kami juga mempunyai rangkaian pengedaran Bankasurans dan Bankatakaful di lebih 400 buah cawangan Maybank dan bank-bank pihak ketiga yang lain. MotorTakaful dan Maybank2u menawarkan jualan secara langsung melalui internet. Etiqa juga boleh didapati melalui koperasi, broker dan institusi yang membawa kami lebih dekat dengan pelanggan, sekali gus meningkatkan capaian kami dalam pasaran di Malaysia.

Jenama Etiqa menawarkan perkhidmatan yang unik dengan sentuhan peribadi bagi setiap jenis insurans hayat dan am, begitu juga bagi pelan takaful keluarga dan am. Penawarannya meliputi rangkaian pengedaran pelbagai saluran, termasuk Bankasurans, Broker dan Pengagihan Langsung. Produk insurans hayat dan takaful keluarga yang luas termasuklah produk endowmen, pelan berjangka, kemalangan peribadi, pendidikan, insurans berkaitan pelaburan dan insurans perubatan manakala produk insurans am konvensional dan takaful am pula terdiri dari pelan kebakaran, kenderaan, penerbangan, marin dan kejuruteraan.

Etiqa Insurance Berhad (EIB), cabang insurans konvensional Etiqa, mengekalkan penarafan "A" yang diberikan oleh Fitch Ratings. Penarafan terhadap keutuhan kewangan penanggung (IFS) mencerminkan liputan pasaran dan statusnya sebagai salah sebuah subsidiari operasi teras di bawah Maybank Ageas Holdings Berhad (MAHB). Kekukuhannya dalam pasaran terletak kepada keupayaannya menyalurkan produk insurans melalui pelbagai saluran pengedaran daripada agensi kepada internet.

Sementara itu, penarafan 'A' yang diterima oleh Etiqa Takaful Berhad (ETB), mencerminkan prestasi keuntungan operasi dan mudah tunai yang baik selain kedudukannya yang menguasai pasaran Takaful am dan Takaful keluarga. Penarafan itu juga mengiktiraf kedudukan ETB sebagai subsidiari operasi teras dalam Kumpulan.

2014 merupakan tahun yang penting bagi Kumpulan Insurans dan Takaful memandangkan kami telah berjaya untuk bertapak kukuh di Singapura melalui penubuhan Etiqa Insurance Pte. Ltd. (EIPL), menjadikan Etiqa sebagai sebuah syarikat insurans hayat dan am di Singapura. Langkah itu bertujuan untuk mengukuhkan kewujudan kami dan turut menguasai pasaran di negara itu.

TINJAUAN 2015

Industri insurans dan takaful di Malaysia dijangka kekal stabil pada tahun 2015 dengan kemungkinan timbulnya beberapa cabaran. Industri ini menunjukkan daya tahan yang berterusan dengan penggunaan swasta dan peningkatan kesedaran pengguna terhadap insurans dilihat sebagai asas pertumbuhan, terutamanya dengan meningkatnya kos perubatan dan perbelanjaan sara hidup. Permintaan terhadap insurans perubatan dan produk berkaitan pelaburan akan menjadi pemacu pertumbuhan utama. Kenaikan kos penjagaan kesihatan memperlihatkan kemungkinan para pelanggan menyemak semula keperluan perlindungan dan menentukan semula keutamaan terhadap penjagaan kesihatan mereka. Permintaan bagi produk berkaitan pelaburan akan terus memacu pertumbuhan dalam sektor hayat bila kehendak risiko pengguna meningkat di tengah-tengah kadar faedah yang rendah.

Penggunaan swasta yang lebih tinggi akan mengekalkan pertumbuhan dalam produk jenis peribadi untuk insurans am. Potensi pertumbuhan dalam segmen takaful dijangka kekal tinggi walaupun adanya peraturan-peraturan baharu, dengan disokong oleh perkembangan rangkaian produk dan pengedaran yang lebih luas. Pengawal selia industri insurans di Malaysia akan terus melaksanakan keperluan modal yang lebih ketat dan amalan pengurusan risiko yang dipertingkatkan dalam sektor insurans dan takaful. Kami menjangkakan lebih banyak aktiviti penggabungan dan pengambilalihan, terutamanya dalam sektor takaful kerana pengendali kecil yang memiliki skala operasi terhad tidak mempunyai fleksibiliti kewangan untuk memenuhi keperluan baharu Modal Berasaskan Risiko (RBC). Pada masa yang sama, sesetengah pengendali takaful akan terdorong mencari sumber pembiayaan alternatif bagi memenuhi keperluan modal mereka. Permodalan yang kukuh dalam industri ini dijangka berterusan kerana nisbah RBC secara keseluruhannya dalam industri insurans dan takaful pada tahun 2014 adalah kukuh. Kekukuhan itu bersama-sama dengan pembaharuan dalam kawal selia, akan meningkatkan daya saing syarikat insurans Malaysia memandangkan ekonomi negara-negara Asia Tenggara menjadi lebih berintegrasi.

Beberapa cabaran akan dihadapi oleh syarikat insurans pada tahun 2015 berikutan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), perubahan dalam kawal selia dan liberalisasi pasaran. Syarikat insurans yang berdepan kos operasi lebih tinggi mungkin meraih margin yang kecil dan boleh melihat kesan pelaksanaan GST ke atas keputusan kewangan mereka. Syarikat-syarikat mungkin terpaksa menyusun semula strategi sesetengah produk mereka terutamanya insurans perubatan. Liberalisasi tarif kenderaan pada tahun 2016 mungkin memberikan cabaran baharu kepada syarikat-syarikat insurans am terutamanya dalam mendapatkan pelanggan baharu dan mengekalkan pelanggan mereka. Tarif insurans kenderaan telah dinaikkan pada awal tahun 2014 sebagai langkah ke arah pembatalan kawal selia sepenuhnya segmen berkenaan pada tahun 2016. Kami menjangkakan kerugian ketara dalam insurans kenderaan yang wajib diambil akan menjadi bertambah baik meskipun tidak mencapai tahap pulang modal. Penanggung insurans dan pengendali takaful komposit juga akan berdepan dengan perubahan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang mengasingkan perniagaan Hayat dan Am menjelang tahun 2018. Keadaan ini menimbulkan keperluan untuk mendapatkan tambahan modal dan sumber manusia.

Insurans & Takaful

Sepanjang tiga tahun lalu, kami telah menetapkan sasaran pertumbuhan dan perluasan serantau yang tinggi perlu dicapai pada akhir tahun 2015. Kami mengambil langkah yang amat penting untuk mencapainya dengan mengukuhkan kehadiran kami di Singapura pada tahun lalu. Mencapai matlamat itu merupakan satu kejayaan besar dan membuktikan strategi kami serta kejayaan hasil kerja keras pihak pengurusan dan semua kakitangan. Melihat ke hadapan, kami kekal memfokuskan kepada memesatkan pelaksanaan strategi pertumbuhan sambil membina kekukuhan jenama kami. Kami menghidupkan usaha menginsankan insurans dan takaful.

2015

Keutamaan Kami

- Mengekalkan perniagaan dengan mengukuhkan Premium Biasa Perniagaan Baru.
- Meningkatkan pengambilan Ejen Hayat dan meningkatkan produktiviti Ejen Takaful Keluarga.
- Kekal berdaya tahan dan mampan, dan mengoptimumkan kos dan produktiviti.
- Menghayati Pendigitalan dengan menyediakan pengalaman pelanggan yang konsisten di seluruh saluran di mana pilihan penyertaan terletak di tangan pelanggan.
- Melancarkan produk baru yang memberi tumpuan terhadap produk berkaitan pelaburan, persaraan dan endowmen.

2014

Ulasan Prestasi

- Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2014 (TK2014), premium kasar Etiqa berkembang sebanyak 5% kepada RM5.0 bilion berbanding RM4.8 bilion pada 2013.
- Keuntungan sebelum cukai (PBT) Etiqa berkembang 5% kepada RM766.4 juta.
- Jumlah aset meningkat 12% kepada RM31.6 bilion berbanding RM28.3 bilion pada 2013.
- Kami merupakan satu-satunya syarikat insurans dan pengendali takaful di Malaysia yang diberikan penarafan 'A' untuk Keutuhan Kewangan untuk kedua-dua Etiqa Insurance Berhad (EIB) dan Etiqa Takaful Berhad (ETB) oleh Fitch Ratings.
- Etiqa merupakan peneraju pasaran dalam perniagaan Am.
- No.1 dalam perniagaan takaful dengan penguasaan pasaran sebanyak 47.3% bagi Takaful Am dan 20.5% bagi Takaful Keluarga.
- No.1 bagi Bankasurans dengan penguasaan pasaran sebanyak 16.8% untuk Jumlah Premium bagi Perniagaan Baru Insurans Hayat.

Insurans & Takaful

PRESTASI KEWANGAN

Gabungan premium kasar dan sumbangan mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 5% kepada RM5.0 bilion, berikutan peningkatan yang kukuh dicatatkan oleh perniagaan Insurans Am dan Takaful Am.

Premium / Sumbangan Kasar



* Dis 2011 angka dinyatakan semula 12-bulan
(Dis 2011 angka sebanyak RM2.3 bilion adalah berdasarkan prestasi 6 bulan berikutan perubahan Tahun Kewangan dari Jun kepada Disember)

Etiqa turut mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 5% dalam Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) bagi 2014, melonjak ke paras tertinggi sebanyak RM766.4 juta hasil daripada pemindahan lebihan dari Insurans Hayat dan Takaful Keluarga yang meningkat. Jumlah aset meningkat 12% kepada RM31.6 bilion dari RM28.3 bilion pada tahun sebelumnya.

Keuntungan Sebelum Cukai



* Dis 2011 angka dinyatakan semula 12-bulan
(Dis 2011 angka sebanyak RM280 juta berdasarkan prestasi 6 bulan berikutan perubahan Tahun Kewangan dari Jun kepada Disember)
** Angka dinyatakan semula disebabkan pelarasan audit tahun sebelumnya

Jumlah Aset



* Angka dinyatakan semula disebabkan pelarasan audit tahun sebelumnya

Dalam tempoh tersebut, perniagaan insurans Hayat/Takaful Keluarga terjejas akibat penurunan perniagaan berkaitan kredit tetapi mengekalkan jumlah keseluruhan pada tahap yang sama seperti tahun sebelumnya disebabkan oleh pertumbuhan yang ketara dicatatkan dalam segmen produk lain. Perniagaan Insurans/Takaful Am meningkat 10% berbanding tahun sebelumnya disebabkan oleh lonjakan dalam semua kelas perniagaan, terutamanya Marin, Penerbangan dan Transit (MAT).

Sumbangan perniagaan dari pelbagai segmen ditunjukkan di bawah:





Secara keseluruhan, premium kasar insurans konvensional meningkat 15% T-ke-T kepada RM2.8 bilion, mewakili sumbangan 56% kepada jumlah premium/sumbangan kasar Etiqa manakala sumbangan kasar takaful susut 6% T-ke-T kepada RM2.2 bilion. Walaupun berlakunya penurunan, perniagaan takaful kekal teratas dalam industri dengan menguasai pasaran sebanyak 47.3 % dalam Takaful Am dan 20.5% dalam perniagaan baharu Takaful Keluarga (Perangkaan ISM 12 bulan berakhir 30 September 2014).

INOVASI PRODUK

Pada tahun 2014, kami terus mengotakan janji kami untuk menginsankan Insurans dan Takaful untuk para pelanggan. Kami menyediakan kepada pelanggan produk untuk melindungi nilai aset individu atau korporat. Untuk pelanggan individu atau terlibat dengan kumpulan seperti kakitangan syarikat, kami mempunyai produk yang menyediakan pembayaran sekiranya berlakunya kematian, kecacatan, penyakit yang serius, atau dimasukkan ke hospital atau sekiranya berlaku kerosakan dari kejadian yang tidak diduga seperti kebakaran, kecurian, kemalangan dan banjir. Produk kami juga membolehkan pelanggan menyimpan dan melabur untuk masa depan, untuk tujuan-tujuan seperti pendidikan anak, persaraan atau dana simpanan untuk waktu kecemasan.

Insurans & Takaful

Dalam tahun kewangan ini, produk-produk sedia ada telah ditawarkan melalui pelbagai saluran untuk meluaskan tarikannya kepada para pelanggan kami. Kami juga menetapkan semula harga atau menaik taraf manfaat beberapa produk dalam usaha memastikan kami terus dapat memenuhi keperluan pelanggan dalam pasaran.

Berikut adalah produk-produk baharu yang dilancarkan pada tahun 2014:

Smart Cash and Smart Cash Xtra

Produk ini membolehkan pelanggan mendapat manfaat apabila berlaku kematian, hilang upaya atau kelangsungan hidup, sepanjang tempoh lebih 20 tahun dengan premium dibayar oleh pelanggan selama enam tahun. Selain itu, peluang juga ditawarkan untuk berkongsi pulangan yang dipertingkatkan dari keuntungan dana yang mengambil bahagian.

Takaful Elite and Takaful SmartLink

Dua pelan berkaitan pelaburan dengan caruman secara tetap yang menawarkan perlindungan apabila berlaku kematian dan hilang upaya kekal sepenuhnya, dengan faedah jaminan minimum termasuk hasil dana berkaitan pelaburan. Pelanggan mempunyai pilihan untuk memilih perlindungan tambahan, sebagai contoh untuk menampung kos rawatan di hospital, penyakit kritikal tertentu, atau pelepasan premium apabila berlaku kejadian-kejadian tertentu yang tidak diingini.

Senior Life Secured

Pelan perlindungan sepanjang hayat ini dijual melalui mel langsung atau melalui tele-pemasaran. Produk ini membolehkan proses permohonan diselaraskan, mengurangkan maklumat yang perlu diminta daripada pelanggan, seperti yang berkaitan dengan tahap kesihatan mereka.

World Traveller and Lifestyle Travel Care

Produk ini menyediakan perlindungan untuk kos rawatan perubatan kecemasan, serta kerugian luar jangkaan dan peningkatan tanggungan atau liabiliti ketika mengembara di dalam dan luar negara. Terdapat empat peringkat pelan dengan pilihan untuk melanjutkan perlindungan dan faedah kepada pasangan dan anak-anak, mengikut keperluan dan bajet pelanggan.

KECEMERLANGAN PENGEDARAN DAN PERKHIDMATAN

Etiqa kekal menumpukan kepada strategi untuk menjadi peneraju utama di Malaysia dan syarikat muncul di peringkat serantau dalam sektor Insurans dan Takaful. Etiqa Insurance dan Takaful telah menunjukkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 5.0% dalam PBT dan Premium Kasar (GWP).

Saluran Bankasurans kami telah mencatatkan pertumbuhan yang baik dalam perniagaan terasnya iaitu Premium Biasa berbanding dengan tahun sebelumnya. Pada tahun 2014, Etiqa melaksanakan strategi untuk mengalih tumpuan perniagaan kepada menembusi segmen pelanggan Berpendapatan Tinggi dan Mewah. Ini dilakukan dengan memperkenalkan produk seperti Smart Cash/Smart Cash Xtra dan Smart Retirement/Smart Retirement Xtra. Sebagai contoh, melalui produk Smart Retirement Xtra, kami kini menembusi 64% daripada segmen pelanggan Berpendapatan Tinggi dan Mewah berbanding purata sebanyak 11.5% sebelumnya. Usaha ini membawa kepada pertumbuhan tahunan sebanyak 47% dalam perniagaan baharu Premium Biasa. Sebagai salah satu saluran perniagaan utama Etiqa, Bankasurans menguasai pasaran industri sebanyak 24% dalam Premium Biasa, hampir dua kali lebih besar berbanding pesaingnya yang terdekat. Bankasurans mewakili 34% daripada keseluruhan premium Etiqa.

Kemantapan Etiqa dalam Takaful terbukti apabila ia muncul sebagai pengendali Takaful No.1. Kami juga mengekalkan kedudukan yang teratas apabila digabungkan perniagaan Insurans Am dan Takaful Am. Bagi perniagaan am – dengan mengguna pakai pendekatan yang lebih menumpukan kepada kelas-kelas insurans yang menguntungkan, ia telah dapat mengukuhkan kedudukan kami apabila mencatat pertumbuhan keseluruhan sebanyak 10% dalam perniagaan am. Selain itu, Etiqa juga telah mengetatkan pengurusan vendor dan panel bengkel kereta serta pengurusan kos membaik pulih sambil memastikan perkhidmatan berkualiti diberikan kepada pelanggan. Portfolio Risiko Besar dan Khusus telah diuruskan dengan lebih ketat untuk memastikan pengoptimuman portfolio sambil menguruskan potensi berlakunya risiko.

Etiqa meneruskan proses pendigitalan untuk mengambil faedah dari kemudahan dalam talian dan media sosial dengan menyaksikan projek pemprosesan secara terus bagi Agensi Hayat dan Agensi Keluarga siap pada tahun 2014. Selain itu, aplikasi mudah alih Motor Takaful yang baharu telah dipertingkatkan dengan ciri-ciri seperti SOS Alert, Penjejakan Waktu Ketibaan Auto Assist dan pembaharuan dan pembelian Polisi Motor Takaful. Perniagaan dalam talian Motor Takaful mencatat prestasi luar biasa dalam TK 2014 dengan pertumbuhan sebanyak 41% berbanding tahun lepas. Dari segi kiraan polisi, bilangan pengguna Motor Takaful meningkat kepada 111,242 dari 80,915 pada tahun lepas.

KEHADIRAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Perluasan operasi ke peringkat antarabangsa adalah satu peluang yang menarik buat Etiqa untuk memastikan kehadirannya yang ketara dalam pasaran pertumbuhan tinggi. Etiqa akan melakukannya dengan menggunakan dua aset utama: operasi luar negara Maybank dan kepakaran Etiqa dalam takaful dan bankasurans.

Portfolio Insurans dan Takaful berhasrat menjadi pelengkap kepada pertumbuhan Maybank di peringkat antarabangsa, tambahan kepada kehadirannya di Singapura, Brunei dan Pakistan. Penubuhan Etiqa Insurance Pte. Ltd baru-baru ini mencerminkan komitmen kami untuk terus berkembang di peringkat antarabangsa.

Etiqa Insurance Pte. Ltd.

Etiqa memasuki pasaran insurans hayat Singapura pada 6 Ogos 2014. Kejayaan ini menyaksikan syarikat ini berkembang dari kegiatan insurans am, dengan mengambil faedah dari 22 buah cawangan Maybank di negara pulau itu.

GWP bagi perniagaan hayat mencecah S$22.7 juta. Syarikat ini melancarkan 13 pelan asas dan sembilan penggerak dalam TK2014. Peningkatan jumlah warga tua dan mewah di Singapura membuka peluang bagi syarikat ini menawarkan pelan persaraan dan perancangan kekayaan yang inovatif sebagai usaha memenuhi keperluan pelanggan.

Etiqa Insurance Berhad (Cawangan Singapura)

Cawangan Etiqa di Singapura mencatatkan peningkatan sebanyak 10% dalam keuntungan sebelum cukai (PBT) atau S$6.09 juta pada TK2014 berbanding S$5.56 juta pada tahun sebelumnya yang disumbangkan terutamanya oleh segmen Pelbagai. Perolehan yang diraih mencatatkan peningkatan sebanyak 25% atau S$50.82 juta berbanding S$40.75 juta pada tahun sebelumnya. Terdapat peningkatan dalam segmen Pelbagai dari 46% kepada 56 % manakala segmen Marin, Penerbangan dan Transit kekal pada 4%.

Secara keseluruhannya, kepelbagaian saluran pengedaran bertambah baik dengan Agensi menjadi penyumbang utama sebanyak 50% dari jualan. Memandang ke hadapan, cawangan ini berhasrat untuk mengambil peluang dari segmen pasaran baharu dengan meningkatkan penawaran produk untuk meluaskan pasaran sambil mengekalkan keuntungan.

Di masa hadapan, tumpuan akan diberikan untuk mengembangkan Agensi dan melancarkan e-dagang untuk menyediakan kepada pengguna-pengguna celik Internet saluran pembelian alternatif bagi produk insurans am yang terpilih.

Etiqa Insurance Berhad (Cawangan Brunei)

Cawangan Etiqa Insurance di Brunei mencatatkan pertumbuhan GWP sebanyak 17% dari tahun lepas, disumbangkan terutamanya oleh segmen Kebakaran dan Pelbagai, masing-masing sebanyak 44% dan 46%. Perniagaan insurans amnya dikuasai oleh saluran Agensi sebagai penyumbang utama (88%), dengan tumpuan kebanyakannya kepada risiko korporat dan projek. Perniagaan yang paling menguntungkan adalah daripada segmen Kebakaran. Melangkah ke hadapan, cawangan itu memberikan tumpuan kepada pengukuhan Agensi dan membentuk kelebihan tersendiri dalam perniagaan bukan motor.

Insurans & Takaful

Pak-Kuwait Takaful Company Limited (PKTCL) Pakistan

Menerusi pegangan sebanyak 32.5% dalam PKTCL, Etiqa Oversea Insurance Private Limited (EOIPL) merupakan pelabur yang terbesar dan pertama dalam syarikat takaful di Pakistan. Walaupun terdapat banyak cabaran pada TK2014, GWP syarikat meningkat 19% berbanding tahun sebelumnya.

MENINGKATKAN PENGALAMAN PELANGGAN

Sebagai peneraju utama, kami bukan sekadar mementingkan angka. Kami memberikan perhatian berat terhadap keupayaan untuk mendekati pelanggan dan memenuhi janji-janji kami kepada mereka. Etiqa sentiasa berusaha untuk memastikan janji ditunai dalam "Menginsankan Insurans dan Takaful". Perkhidmatan pelanggan yang baik merupakan nadi mana-mana perniagaan. Tumpuan adalah kepada mendapatkan pelanggan dan menjadikan mereka gembira dengan apa yang ditawarkan - cukup gembira untuk memberikan maklum balas positif tentang perniagaan kami kepada orang lain. Inti pati perkhidmatan pelanggan yang baik adalah memupuk hubungan baik dengan para pelanggan yang membuatkan pelanggan sentiasa terkenang.

Kami sentiasa berpegang kepada semua nilai Etiqa. Kami amat berminat untuk mewujudkan hubungan yang kental dengan para pemegang polisi kami dengan bersikap proaktif dan menunaikan janji kami kepada mereka. Semangat menginsankan jenama yang diamalkan di Etiqa menggalakkan kami supaya melayan pelanggan kami sebagai 'individu' dan bukan sebagai 'polisi insurans'.

Untuk mengukur bagaimana para pelanggan menghargai hubungan mereka dengan kami, kami memulainya Skor Perhubungan Pelanggan. Pada ketika ini, maklum balas diperoleh daripada dua tempat iaitu pusat hubungan dan cawangan di mana pelanggan ditanya sama ada mereka akan mengesyorkan Etiqa kepada rakan-rakan dan keluarga mereka.

Kami akan terus mencabar diri sendiri untuk meningkatkan tahap perkhidmatan dan secara berterusan akan meningkatkan piawaian kami bagi mencapai wawasan Etiqa untuk menjadi syarikat insurans dan pengendali takaful yang teratas di rantau ini.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

1. CEO Takaful Terbaik – 25 Februari 2014

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Etiqa Takaful, Ahmad Rizlan Azman telah dinamakan "CEO Takaful Terbaik" pada Anugerah Takaful Antarabangsa 2014 yang diadakan di Abu Dhabi. Penganugerahan itu dilakukan bersempena berlangsungnya Sidang Kemuncak Takaful Antarabangsa Ke-8, di mana Rizlan menjadi ahli panel penceramah berkongsi pencapaiannya tentang kejayaan strategi pengedaran di Malaysia.

Encik Ahmad Rizlan Azman, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Etiqa Takaful Berhad menerima anugerah "CEO Takaful Terbaik Tahunan" di Anugerah Takaful Antarabangsa 2014 yang berlangsung di Abu Dhabi

2. Produk Terbaik – Mabrur – 24 Jun 2014

Produk Mabrur Etiqa Takaful memenangi anugerah "Produk Terbaik" pada majlis anugerah "Kaji Selidik Pengguna untuk Inovasi Produk 2014/15" yang bertaraf antarabangsa. Mabrur merupakan pelan tabungan dan perlindungan komprehensif Takaful yang melengkapkan persediaan seseorang untuk menunaikan ibadah Haji dan Umrah. Etiqa menyediakan pusat sehenti kepada umat Islam untuk merancang Haji dan Umrah mereka dengan memudahkan proses membuka akaun Tabung Haji dan pendaftaran Haji apabila bayaran tunai pertama dilakukan.

Encik Shahril Azuar Jimin menerima anugerah "Produk Tahunan Terbaik" untuk Mabrur di Anugerah Kaji Selidik Pengguna Untuk Inovasi Produk 2014/15

3. Penyedia Takaful Terbaik – 13 Julai 2014

Etiqa Takaful merangkul anugerah "Penyedia Takaful Terbaik" pada majlis anugerah Islamic Finance News Best Service Providers Awards 2014, iaitu tahun ketiga berturut-turut Etiqa Takaful memenangi anugerah berkenaan sejak tahun 2012.

4. Syarikat Insurans Bukan Hayat Terbaik di Malaysia – 7 November 2014

Buat tahun kedua berturut-turut, Etiqa Insurance Berhad merangkul anugerah "Syarikat Insurans Bukan Hayat Terbaik" semasa majlis anugerah World Finance Insurance Awards 2014 di London.

5. Syarikat Takaful Paling Cemerlang – 11 November 2014

Etiqa Takaful sekali lagi menerima anugerah sebagai "Syarikat Takaful Paling Cemerlang" semasa majlis Anugerah Kewangan Islam KLIFF 2014 di Kuala Lumpur. Ini merupakan tahun keenam Etiqa Takaful Berhad memenangi anugerah ini.

Encik Ahmad Rizlan Azman, Ketua Pegawai Eksekutif Etiqa Takaful Berhad menerima anugerah "Syarikat Takaful Cemerlang" Anugerah Kewangan Islam KLIFF 2014

6. Firma Pelaburan Terbaik Malaysia Bagi Bon Matawang Tempatan Asia - 25 November 2014

Etiqa Insurance Berhad dinamakan "Firma Pelaburan Terbaik Malaysia Bagi Bon Matawang Tempatan Asia" pada majlis anugerah The Asset Benchmark Research Awards 2014 di Singapura.

Insurans & Takaful

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

1. Cabaran Ice Bucket – 29 Ogos 2014

Enam pegawai kanan Etiqa mendahului Cabaran Ice Bucket yang diadakan untuk Baharudin Buhari, seorang budak lelaki berusia 12 tahun yang telah berusaha menyara keluarganya selepas bapa tirinya meninggal dunia dalam kemalangan pada tahun lepas. Cabaran Ice Bucket berjaya mengumpul RM11,238.

Encik Kamaludin Ahmad, Ketua Kumpulan Insurans & Takaful menyerahkan replika cek hasil kutipan dari Cabaran Ice Bucket kepada Baharudin Buhari

2. Bengkel Master Builder – 27 September 2014

Warga Etiqa mengambil bahagian dalam Hari Tanggungjawab Korporat Dunia Kumpulan Maybank yang dianjurkan oleh Etiqa Insurans dan Takaful di empat buah lokasi seluruh negara - Dataran Maybank Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kuantan dan Johor Bahru. Bertemakan "Bengkel Master Builder", kanak-kanak berusia antara lapan hingga 18 dari lima buah rumah kebajikan diberi peluang untuk meningkatkan daya kreativiti mereka melalui pembinaan blok-blok Lego selain menyerlahkan bakat-bakat mereka yang tersembunyi.

3. Mencari Harta Karun "Hunt With a Heart" – 1 November 2014

Etiqa bekerjasama dengan Soroptimist International Club dari Bangsar, Kuala Lumpur menganjurkan pertandingan mencari "harta karun" bertujuan mengumpul dana dan meningkatkan kesedaran tentang perlunya menghentikan keganasan terhadap wanita. Kegiatan amal yang dianjurkan pada setiap tahun, disertai 110 peserta melibatkan 27 buah kereta bersaing ke garisan penamat sambil menyelesaikan teka-teki yang menawarkan hadiah-hadiah yang menarik.

4. "Walk the Talk: Men on Board to Stop Violence Against Women" – 30 November 2014

Etiqa bekerjasama dengan Soroptimist International Cawangan Malaysia untuk menganjurkan program "Walk the Talk: Men on Board to Stop Violence Against Women" yang bertujuan untuk meningkat kesedaran kaum lelaki tentang perlunya menghentikan keganasan terhadap wanita. Lebih 600 peserta menyertainya dengan berkumpul di Taman Jaya sebelum berjalan kaki sejauh 4 kilometer ke Dewan Tunku Canselor di Universiti Malaya.

Peserta larian 4km di acara "Walk The Talk: Men on Board to Stop Violence Against Women" dari Taman Jaya ke Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya

5. Bantuan Mangsa Banjir – Disember 2014

Etiqa telah mengambil beberapa inisiatif untuk membantu kakitangan dan ejennya yang terjejas akibat banjir berlaku pada bulan Disember. Etiqa telah mengerahkan tiga pasukan sukarelawan ke Kota Baharu, Kelantan dan Temerloh, Pahang untuk membersihkan rumah-rumah kakitangan dan ejennya sambil membekalkan juga air minuman kepada mangsa-mangsa banjir.

6. Jejak Prihatin – 6 September 2014

6.1 Kg. Seberang Jaya, Kuala Sala

Melalui program ini sebilangan besar sukarelawan memberikan bantuan segera kepada masyarakat terutamanya nelayan yang memerlukannya di Kuala Sala. Etiqa Takaful mengagihkan 10 set pukat tangsi dan peralatan menangkap ikan kepada 10 nelayan terpilih di kawasan itu. Sukarelawan mengambil peluang untuk menghulurkan bantuan mereka dengan membaiki dan mengecat bot nelayan serta membersihkan jeti selain memasak makanan untuk menjamu masyarakat setempat. Pada majlis yang sama, Etiqa Takaful mengagihkan sebanyak 100 kotak berisi barang keperluan harian seperti beras, minyak masak, biskut, gula dan susu bernilai RM70, termasuk sumbangan wang tunai sebanyak RM50 bagi setiap keluarga melibatkan 100 buah keluarga miskin di Kuala Sala. Penerima bantuan sebahagian besarnya mereka yang kurang bernasib baik seperti ibu tunggal, warga tua dan orang kurang upaya.

6.2 Sekolah Rendah Islam Raudhatul Muslimin, Kuala Ketil

Di Kuala Ketil, Etiqa Takaful menyumbang RM430,532.01 untuk membina bangunan bilik darjah di Sekolah Rendah Islam Raudhatul Muslimin dan juga 100 kotak berisi barangan keperluan asas dan wang tunai kepada 100 keluarga yang tinggal di sekitar kawasan sekolah. Seramai 300 kanak-kanak di sekolah itu merasai pengalaman yang menyeronokkan dengan menyertai pelbagai permainan dan pertandingan.

7. Program Kembali Ke Sekolah

7.1 Batu Pahat – 29 November 2014

7.1.1 Etiqa Takaful menyumbang RM316,000 bertujuan menukar sebuah bangunan kilang kepada sekolah dan juga untuk membina sebuah kantin baharu untuk pelajar Sekolah Rendah Integrasi Tahfiz Ismail Kamari, Batu Pahat, Johor.

7.1.2 Seramai 200 pelajar kurang bernasib baik dari Sekolah Kebangsaan Senggarang, Batu Pahat, Johor menerima dua set pakaian seragam sekolah, kasut, sarung kaki dan beg sekolah setiap orang.

7.2 Kelantan – 6 Disember 2014

7.2.1 Seramai 200 pelajar sekolah rendah yang kurang bernasib baik dari empat buah sekolah di seluruh Machang menerima dua set pakaian seragam sekolah, kasut, sarung kaki dan beg sekolah bagi setiap pelajar di Sekolah Kebangsaan Pangkal Gong, Pulau Chondong, Kelantan.

7.2.2 Etiqa Takaful menyumbang 10 pukat menangkap ikan kepada 10 nelayan dan lapan set penapis air kepada lapan buah sekolah agama Islam seluruh Kelantan di Sudara Beach Resort, Tok Bali, Bachok, Kelantan.

Perbankan Islam Kumpulan

MUZAFFAR HISHAM

Ketua Kumpulan, Perbankan Islam
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO),
Maybank Islamic Berhad

STRATEGI, ASPIRASI, TINJAUAN

Memandangkan 2014 sudah sampai ke penghujungnya, kami menyemak semula perjalanan transformasi Perbankan Islam Kumpulan Maybank (MGIB) dan hala tuju yang akan dilaluinya. Dalam tempoh 4 tahun lalu, kami telah menumpukan kepada pertumbuhan yang disasarkan dan mencipta nilai dalam mencapai skala global. Aspirasi ini telah menetapkan laluan kami daripada mencapai cita-cita menjadi peneraju serantau dalam kewangan Islam kepada hasrat untuk menjadi peneraju global dalam kewangan Islam. Ketika kami maju ke fasa seterusnya, tugas yang menanti MGIB adalah untuk membina kepimpinan dengan lebih tumpuan terhadap penciptaan nilai tambah untuk pelanggan, pemegang saham dan komuniti secara keseluruhan. Dalam konteks ini jugalah kami telah mendefinisikan semula prinsip-prinsip perniagaan MGIB dan menjadikannya sebuah 'Institusi Kewangan Islam Global Terkemuka'.

Usaha untuk menjadi institusi kewangan Islam global utama terdiri daripada tiga teras:

- Memperkasakan perniagaan untuk berkembang;
- Meningkatkan kekayaan untuk individu; dan
- Menyumbang ke arah pembangunan komuniti secara bertanggungjawab.

Kami percaya pembangunan ekonomi yang menyeluruh ini akhirnya akan membolehkan kami untuk berfungsi dan beroperasi dengan cara yang mampan untuk memberikan pulangan seperti yang disasarkan kepada pemegang saham.

Pada tahun 2015, kami berharap akan memulakan inovasi sistemik bagi MGIB yang menumpukan kepada usaha membuka nilai dan peluang yang unik untuk kewangan Islam. Teras ini adalah inovasi asas dalam pengurusan risiko ketika kami mula mengembangkan elemen penyertaan risiko dan perkongsian risiko antara Bank dan pemegang kepentingan kami dalam pelbagai produk dan perkhidmatan. Ini akan terus memajukan usaha kami dalam menghubungkan kewangan kepada aktiviti ekonomi sebenar ketika kami terus mendefinisikan semula kerjasama dengan badan-badan korporat dan komuniti dalam memacu pertumbuhan yang lebih terangkum dan seimbang.

2014
Ulasan Prestasi

- Maybank Islamic mencapai rekod keuntuntungan sebelum cukai (PBT) berjumlah RM1.6 bilion iaitu pertumbuhan yang menggalakkan sebanyak 11.8% T-ke-T 2014 dengan mengekalkan pertumbuhan dua digit sepanjang tahun kewangan dan Pulangan atas Ekuiti (ROE) sebanyak 16.4%.
- Jumlah pembiayaan bagi Maybank Islamic menunjukkan pertumbuhan yang luar biasa sebanyak 24.9% daripada tahun kewangan sebelumnya kepada RM108.5 bilion. Ini menyebabkan sumbangan pembiayaan Maybank Islamic kepada jumlah pinjaman dan pembiayaan Kumpulan Maybank di Malaysia telah meningkat kepada 43.8%.
- Maybank Islamic terus mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju, dengan penguasaan pasaran jumlah aset, pembiayaan dan deposit masing-masing sebanyak 30.1%, 32.7% dan 24.9%. (Sumber: Buletin Perangkaan Bulanan BNM Disember 2014).
- Mengikut asas disatukan, jumlah pendapatan bagi Perbankan Islam Kumpulan Maybank telah meningkat kepada RM3.3 bilion, menunjukkan pertumbuhan T-ke-T yang luar biasa sebanyak 16.4%, dengan sumbangan yang bertambah baik daripada pasaran antarabangsa.

Perbankan Islam Kumpulan

Pada 2014, kami terus maju di mana operasi kami telah mengukuh dan menunjukkan prestasi cemerlang yang menetapkan kedudukan kami sebagai peneraju kepimpinan. Kami akan terus memajukan agenda serantau dan membuka peluang-peluang antarabangsa. Selari dengan visi Kumpulan untuk 'Menginsankan Perkhidmatan Kewangan', kami berusaha untuk menyediakan produk dan perkhidmatan berinovasi ketika kami memikul tanggungjawab sosial. Perjalanan kami diteruskan sebagai 'Peneraju Institusi Kewangan Islam Global'.

Jumlah Pendapatan Maybank Islamic (RM juta)



Keuntungan Sebelum Cukai Maybank Islamic (RM juta)



Pembiayaan Maybank Islamic (RM juta)



Deposit Maybank Islamic (RM juta)



PRESTASI PERNIAGAAN

Keputusan Segmen Perniagaan

Pembiayaan

- Bagi TK2014, pembiayaan mengalami pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 24.9% T-ke-T, yang menghasilkan peningkatan RM21.7 bilion. Ini disokong oleh modal yang menggalakkan dengan jumlah nisbah modal sebanyak 16.09%.
- Pertumbuhan ini telah mengatasi pertumbuhan pembiayaan industri sebanyak 16.9%.
- Pembiayaan CFS berkembang 25.5% T-ke-T atau RM16.8 bilion manakala pembiayaan yang diberikan oleh GB naik sebanyak 23.1% daripada tahun sebelumnya atau RM4.8 bilion.



PEMBIAYAAN



DEPOSIT

Perbankan Islam Kumpulan

Deposit

- Deposit daripada pelanggan meningkat sebanyak RM16.7 bilion atau 20.1% berdasarkan T-ke-T memandangkan CFS dan GB, masing-masing berkembang sebanyak 32.7% dan 9.1%, untuk ditutup pada RM51.4 bilion dan RM48.3 bilion.
- Pertumbuhan Deposit juga mengatasi pertumbuhan industri yang meningkat sebanyak 14.8%.

MAKLUMAT PRODUK UTAMA & PERKHIDMATAN - PERBANKAN RUNCIT & PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA/PERBANKAN PERNIAGAAN (PKS/BB)

Inisiatif Produk Baharu Penuhi Keperluan Pengguna

Seperti mana menjadi aspirasi oleh Maybank Islamic untuk terus berkembang memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berubah-ubah, tahun 2014 antara lain menyaksikan pengenalan kad-i Ikhwan Maybank MasterCard yang memberi pilihan tambahan kepada pelanggan untuk memiliki kad bank yang berlandaskan prinsip Syariah dalam meningkatkan gaya hidup mereka.

Bagi pemegang kad itu, kad-i Ikhwan Maybank MasterCard memberi ganjaran berupa peluang memenangi pakej umrah untuk dua orang dengan perbelanjaan ditanggung sepenuhnya, pada setiap minggu bagi setiap perbelanjaan minimum sebanyak RM200 dalam satu resit tunggal.

Selari dengan misi Maybank Islamic iaitu “Menginsankan Perkhidmatan Kewangan,” kad ini menawarkan peluang kepada pelanggan untuk berbakti kepada mereka yang kurang bernasib baik. Maybank Islamic akan menyumbang 0.1% daripada jumlah setiap perbelanjaan untuk kegiatan amal. Selain itu, mereka menikmati 5% pulangan balik tunai bagi pembelian petrol dan barangan runcit setiap hari Jumaat dan Sabtu.

Sejak pelancaran kad itu pada 17 Jun 2014, pihak Bank telah mencatatkan 11,324 pemegang kad baharu dengan jumlah bil sebanyak RM20.7 juta pada 30 November 2014. Bank yakin mampu memperoleh 22,000 pemegang kad bagi kad-i Ikhwan Maybank Mastercard yang baru dilancarkan, menjelang bulan Jun 2015.

Pelancaran kad itu akan mengukuhkan kedudukan Maybank Islamic sebagai pengeluar kad kredit terkemuka dalam segmen Islamik dengan bilangan pemegang kad sedia ada seramai 126,614 pada 30 November 2014.

Maybank Islamic telah melancarkan Akaun-i Perbankan Persendirian (PBA-i), akaun semasa yang direka untuk memenuhi keperluan perbankan canggih dalam kalangan pelanggan-pelanggan kami yang berpendapatan tinggi. PBA-i menawarkan kepada pemegang akaun peribadi perkhidmatan perbankan dan faedah tambahan seperti kadar keuntungan yang menarik, kemudahan cek serta kelebihan-kelebihan eksklusif yang lain.

PBA-i telah mencatatkan jumlah dana terkumpul kira-kira RM500 juta daripada lebih 3,000 akaun dengan prestasi yang semakin meningkat sejak diperkenalkan dan merupakan faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan deposit sebanyak 20.1% berdasarkan perbandingan tahun ke tahun.

Mengukuhkan Penawaran Produk Berasaskan Prinsip Syariah

Kami percaya kepada usaha mengukuhkan penawaran produk kami dengan meningkatkan pengalaman pelanggan dan menyediakan perkhidmatan yang terbaik dari segi kemudahan, faedah istimewa dan perlindungan kepada pelanggan kami.

Sehubungan itu, Maybank Islamic melancarkan ‘Liquidity Concentration Services’ (Perkhidmatan Pengumpulan Mudah Tunai) (LCS) bagi segmen Korporat bawah Akaun Semasa PMA-i dalam Suku ke-3 TK2014. LCS di bawah skim prinsip Syariah ditawarkan kepada pelanggan korporat untuk tujuan supaya dana yang terbiar dalam akaun semasa juga menjana keuntungan dan sebagai langkah pertahanan untuk melindungi deposit sedia ada dan sebagai sebahagian daripada penyelesaian pengurusan tunai keseluruhan bagi pengambilalihan deposit. LCS mempunyai mekanisma pembayaran keuntungan kepada Dana Terbiar dan Pengalihan Fizikal melalui Pemindahan Tambatan Dana yang membolehkan pelanggan menikmati dividen yang lebih tinggi ke atas baki jumlah deposit itu. Sehingga 25 Disember 2014, jumlah dana terkumpul di bawah LCS mencatatkan pertumbuhan RM2 bilion sejak dilancarkan.

Maybank Islamic baru-baru ini juga memulakan pelaksanaan kontrak Komoditi Murabahah (CM) bagi produk pembiayaan runcit.

Berkuat kuasa mulai 9 Jun 2014, permohonan-permohonan baharu yang diterima oleh pelanggan ditawarkan berdasarkan kontrak CM.

Pelaksanaan kontrak CM dikenakan kepada produk-produk seperti pembiayaan-i Amanah Saham Bumiputera (ASB), pembiayaan-i Amanah Hartanah Bumiputera (AHB), Pembiayaan Peribadi-i, Pembiayaan Gaji untuk Kakitangan GLC, pelanggan Korporat Utama dan syarikat besar, Pembiayaan Gaji untuk Kakitangan GLC, Korporat Utama dan syarikat besar, Skim Prihatin Pendidikan 1 Malaysia (SPP1M), Pembiayaan Gaji untuk Kakitangan Kerajaan melalui Perkongsian Bersama dan Pembiayaan Mikro-i.

Dengan pelaksanaan ini, proses dan dokumentasi untuk pelanggan-pelanggan adalah lebih mudah selain mengurangkan pendedahan akibat kegagalan operasi di cawangan-cawangan dan juga menangani isu-isu ketidakpatuhan Syariah, sekali gus meningkatkan lagi perkhidmatan Bank kepada pelanggan.

Kempen ‘Save & Drive’ Maybank Islamic adalah kempen CASA yang diadakan selama setahun untuk memenuhi keperluan pelanggan segmen PKS/BB. Dilancarkan pada 1 April 2014 dan berakhir pada 31 Mac 2015, kempen itu dibuka kepada pelanggan sedia ada dan baharu Akaun-i Premier Mudarabah (PMA-i) yang secara automatik layak untuk menyertainya selagi mereka mengekalkan purata tambahan harian minimum kira-kira RM1,000. Objektif kempen bertujuan memacu pertumbuhan deposit dengan membayar dividen bulanan yang menarik sehingga 1%. Kempen ini menawarkan Hadiah Utama 4 Toyota Hilux dan 40 Saguhati Hadiah Kad Petronas kepada 40 Pemenang bertuah pada setiap suku tahun. Maybank Islamic komited untuk memenuhi keperluan pelanggan PKS dan BB serta memacu pertumbuhan deposit Bank, yang sejajar dengan objektif kami untuk mengembangkan aktiviti pembiayaan bank kepada PKS. Maybank Islamic telah menjana pertumbuhan deposit kira-kira RM1 bilion dalam tempoh enam bulan untuk PMA-i sejak pelancaran Kempen ‘Save & Drive’.

Menyokong Inisiatif Kerajaan

Maybank Islamic menyedari hakikat bahawa PKS merupakan tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan mempercayai bahawa produk dan perkhidmatan perbankan Islam akan terus memacu pertumbuhan PKS.

Sebagai menyokong inisiatif kerajaan menggalakkan dan merangsang ekonomi yang digerakkan oleh enjin pertumbuhan negara, iaitu segmen PKS, beberapa produk telah dilancarkan oleh Maybank Islamic pada tahun 2014.

Sebagai bank yang memberikan penekanan untuk menginsankan perkhidmatan kewangan dan mahu sentiasa berada di tengah-tengah komuniti, kami di Kumpulan Maybank akan terus mengukuhkan jangkauan kepada PKS melalui produk-produk kami.

Perbankan Islam Kumpulan

SME Portfolio Guarantee Bumi-i (SPG Bumi-i) telah berjaya dilancarkan pada bulan Februari 2014 menawarkan had portfolio sebanyak RM50 juta dengan kerjasama Syarikat Jaminan Kredit (CGC). Selain membangunkan pengalaman dan hubungan dengan pelanggan, SPG Bumi-i juga merangkumi pasaran yang lebih luas daripada portfolio PKS. Berikutan sambutan yang positif, SPG Bumi-i Tahap 2 telah dilancarkan pada bulan Mei 2014 dengan had portfolio sebanyak RM100 juta. Setakat bulan Disember 2014, sebanyak 375 permohonan telah diluluskan bernilai RM94.9 juta.

Maybank Islamic pada bulan April juga melancarkan kempen selama setahun bagi memenuhi keperluan pelanggan segmen PKS/BB dan bagi tempoh enam bulan pertama kempen itu, bank telah dapat menjana pertumbuhan deposit kira-kira RM1 bilion bagi Akaun-i Premier Mudarabah.

Pada bulan November 2014, Skim-i Keusahawanan Maybank - Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) atau (EMES -I) telah dilancarkan. Ini adalah skim pembiayaan di mana kerajaan Malaysia melalui Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) bersetuju untuk memberi subsidi sehingga separuh daripada kadar keuntungan efektif kepada pelanggan PKS Maybank Islamic yang layak.

Berikutan itu, pada bulan Disember 2014, Maybank Islamic memeterai perkongsian dengan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) untuk menyediakan peruntukan dana RM600 juta untuk membiayai PKS Bumiputera yang berprestasi tinggi. Dana ini akan membantu PKS mendapatkan modal kerja untuk mengembangkan perniagaan mereka dan membeli aset.

Mendekati Orang Ramai

Maybank Islamic melibatkan diri dalam program majalah tiga musim di TV Al-Hijrah yang menyediakan maklumat nasihat dan pendidikan mengenai hartanah. Maybank Islamic juga berpeluang untuk berkongsi beberapa tip berkaitan pembiayaan gadai janji di bawah segmen HPG dalam program yang dinamakan sebagai “Tanyalah Bank”. Tanyalah Bank disiarkan dalam 13 episod sejak 17 Ogos 2014 dengan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic, Encik Nor Shahrizan Sulaiman bertindak sebagai tuan rumah. Sehingga kini, program ini telah berjaya menarik 103,000 penonton.

Selain itu, Maybank Islamic juga menyertai Program Mendekati Masyarakat PKS yang diadakan dengan kerjasama Maybank dan SME Corporation Malaysia. Program ini telah ditubuhkan untuk melengkapkan usahawan PKS yang berpotensi dengan pengetahuan khusus dan strategi yang berkesan dalam usaha membantu meningkatkan pertumbuhan perniagaan mereka. Melalui program ini, Maybank Islamic mampu meluaskan capaian kami ke arah sasaran pasaran usahawan Bumiputera. Program ini berlangsung dari bulan April hingga November 2014, dengan melibatkan sejumlah 12 buah negeri (luar bandar, kawasan pinggir bandar dan bandar) dan lebih 600 peserta dari seluruh negara.

SUKUK DAN PEMBIAYAAN KORPORAT

Kami terus menawarkan produk perbankan dan pasaran modal Islam yang berkualiti tinggi. Pada tahun 2014, Maybank Islamic meneruskan usaha untuk memperluaskan capaian serantau bagi pelanggan-pelanggan korporat melalui kehadiran Kumpulan Maybank di peringkat dunia dengan diperkukuhkan oleh pasaran serantau termasuk Indonesia, Singapura dan Hong Kong, sejajar dengan aspirasi kami untuk menjadi ‘Pemimpin Global dalam Kewangan Islam menjelang tahun 2015’.

Pada tahun 2014, Maybank Islamic juga telah menyerlah dalam bidang sukuk. Transaksi pembiayaan memperlihatkan kejayaan Maybank dengan keupayaan yang bersesuaian dengan kedudukannya sebagai sebuah firma kewangan dengan pelbagai keupayaan.

Transaksi Utama Ringgit Malaysia

No	Nama	Jumlah
SUKUK		
1	MIDCITI SUKUK BERHAD	RM3,000,000,000
2	MALAYSIA AIRPORTS HOLDINGS BERHAD	RM2,500,000,000
3	BUMITAMA AGRI LTD	RM2,000,000,000
4	FIRST RESOURCES LTD	RM400,000,000
PEMBIAYAAN		
1	PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL	RM1,000,000,000
2	SIME DARBY HOLDINGS BERHAD	RM1,000,000,000
3	LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN	RM1,000,000,000
4	JAMBATAN KEDUA SDN BHD	RM500,000,000

Transaksi Matawang Asing Utama

No	Nama	Jumlah
SUKUK		
1	IDB TRUST SERVICES LIMITED	USD1,500,000,000
2	EXIM SUKUK MALAYSIA BERHAD	USD1,000,000,000
PEMBIAYAAN		
1	BATTERSEA PHASE 3 HOLDING CO. LTD	GBP200,000,000
2	PRESS METAL BINTULU SDN BHD	USD235,000,000
3	UMW DRILLING 6 (L) LTD	USD170,000,000

Melalui penguasaan kami dalam pasaran dan juga sumbangan kepada pasaran Sukuk Malaysia dan serantau, Maybank secara konsisten diiktiraf oleh industri sebagai sebuah firma Sukuk terkemuka. Pelbagai anugerah yang dimenangi menjadi bukti kepada kepemimpinan kami sebagai peneraju dalam pasaran modal hutang patuh Syariah.

Maybank berada pada kedudukan tiga teratas dalam Jadual Liga Bon Islam Global Bloomberg dan kedua teratas dalam Jadual Liga Ringgit Malaysia Bloomberg dengan penguasaan pasaran masing-masing 9.9% dan 22.7%.

Maybank Islamic juga membuat terbitan sulung Sukuk Murabahah Subordinat RM1.5 bilion yang mematuhi Basel III pada bulan April 2014. Ini adalah penerbitan tunggal terbesar Modal Sukuk Tahap 2 yang mematuhi Basel III oleh institusi perbankan Islam di Malaysia pada tahun 2014.

Perbankan Islam Kumpulan

PASARAN ANTARABANGSA

Kehadiran kami di pasaran antarabangsa pada tahun 2014 terus dikukuhkan dengan penyertaan aktif kami dalam urus niaga merentasi sempadan, melalui kehadiran kami di peringkat serantau iaitu Singapura dan Indonesia.

Pada Forum Ekonomi Dunia Islam ke-10 yang diadakan di Dubai, kami mengumumkan penglibatan kami sebagai penyumbang terbesar kemudahan bersindiket Islam sebanyak GBP 200 juta untuk Power Station Battersea sekali gus mengukuhkan kehadiran kami di pasaran London. Bersama dengan Maybank Investment Bank, kami mengekalkan kedudukan sebagai salah satu daripada tiga penaja jamin utama dalam Jadual Liga Bon Islam Global Bloomberg dengan penguasaan pasaran sebanyak 9.9% pada tahun 2014.

Operasi Syariah di Singapura terus berkembang dengan pelancaran Pembiayaan Berjangka Perniagaan; satu-satunya pembiayaan yang mematuhi prinsip Syariah yang ditawarkan oleh bank, khusus untuk segmen runcit dan PKS yang semakin meningkat di Singapura. Kami juga telah melancarkan kemudahan perdagangan Islam dan deposit matawang asing selari dengan strategi kami untuk mengambil kesempatan daripada kekuatan Singapura sebagai hab pembiayaan dan pengurusan kekayaan serantau.

Sebagai bukti kepada prestasi dan perkhidmatan cemerlang kami, Perbankan Islam Maybank Singapura telah dinamakan oleh Global Finance sebagai Institusi Kewangan Islam Terbaik Dunia - Pemenang Negara Singapura (World's Best Islamic Financial Institution - Country Winner for Singapore) selama dua tahun berturut-turut pada tahun 2013 dan 2014.

Kehadiran kami di Indonesia melalui Unit Usaha Syariah Bank Internasional Indonesia (BII UUS) menyaksikan kejayaan pelaksanaan strategi Mendahulukan Syariah di seluruh bank pada bulan Mei 2014 di mana produk Syariah terpilih telah diperkenalkan kepada pelanggan. Keberkesanan pelaksanaan strategi ini terbukti apabila terdapat pertumbuhan pembiayaan sebanyak 50% dan pertumbuhan deposit sebanyak 34%. Sebagai pelengkap kepada strategi Mendahulukan Syariah, kami juga telah memperkenalkan dua produk baharu berasaskan deposit, SuperKidz-IB dan Akaun Semasa Mudharabah untuk menawarkan pelbagai rangkaian produk kepada pelanggan kami. Selain itu, kami telah menggandakan bilangan pusat pengedaran kami kepada 9 buah cawangan Syariah yang beroperasi sendiri dan 450 cawangan dwi operasi dalam Tahun Kewangan 2014 dengan cawangan baharu letaknya di Medan dan Makasar. Pembukaan cawangan baharu ini akan membantu kami mengembangkan rangkaian penghantaran dan meningkatkan akses pelanggan selaras dengan matlamat untuk berkhidmat kepada pelbagai komuniti dan memberi perkhidmatan kewangan secara menyeluruh. Strategi ini akan diteruskan pada tahun 2015 sebagai sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk membina skala ekonomi dalam operasi di Indonesia selari dengan komitmen kami dalam mengembangkan perniagaan perbankan Syariah di Indonesia.

Tahun Kewangan 2014 juga menyaksikan kejayaan penting apabila kami memuktamadkan pembiayaan AS$100 juta kepada Garuda Indonesia, pembiayaan Islam yang pertama untuk syarikat penerbangan Indonesia dan pembiayaan bilateral Syariah terbesar di Indonesia. Ini adalah selaras dengan wawasan kami untuk menjadi bank korporat pilihan yang menumpukan kepada penyelesaian merentas sempadan dengan memanfaatkan kekuatan kami sebagai institusi ASEAN bersepadu. BII turut mengeluarkan Sukuk bernilai IDR300 bilion, Sukuk terbesar yang pernah dikeluarkan oleh mana-mana institusi kewangan di negara ini, untuk menjana lagi perbankan Syariah di Indonesia. BII UUS telah diiktiraf sebagai antara penyedia terkemuka perkhidmatan perbankan Islam di Indonesia dengan memenangi beberapa anugerah industri pada tahun 2014 termasuk Anugerah Kesetiaan Bank Indonesia INFOBANK 2014, Perkhidmatan Bank Cemerlang INFOBANK 2014, Anugerah Global Finance untuk Institusi Kewangan Islam Terbaik di Indonesia dan Anugerah Bank Islam Terbaik di Indonesia daripada The Banker's.

Sebagai sebuah institusi kewangan Islam global yang terkemuka, kami menyasarkan untuk mengukuhkan dan memperkuat kedudukan kami sebagai peneraju peyedia kewangan pilihan dengan memanfaatkan kekuatan dalam pengedaran dan kepakaran sumber di rantau ini bagi menyediakan penyelesaian kewangan inovatif yang memenuhi semua segmen komuniti daripada pelanggan individu sehinggalah korporat dan kerajaan luar.

BERBAKTI KEPADA MASYARAKAT

Pada tahun 2014, kami meneruskan misi untuk menginsankan perkhidmatan kewangan dengan melaksanakan aktiviti dan inisiatif berimpak tinggi dalam usaha kami untuk meningkatkan kehidupan dan kesejahteraan rakyat Malaysia yang kurang bernasib baik, sekali gus mendekatkan kami kepada masyarakat dalam pelbagai cara.

Program Tanggungjawab Korporat dan inisiatif kami adalah pelbagai. Antaranya menyediakan peluang-peluang pendidikan untuk pelajar-pelajar sekolah menengah, mengurangkan beban ke atas keluarga yang memerlukan bantuan makanan dalam bulan Ramadhan, hinggalah memberi bantuan kos pembedahan kepada kanak-kanak yang menghidap penyakit jantung.

Pada tahun 2014, aktiviti kami terdiri daripada yang berikut:

Program Berkaitan Zakat

Hasil keuntungan yang diraih pada Tahun Kewangan 2013, sumbangan zakat kami berjumlah RM21.46 juta. Daripada jumlah itu, RM15.65 juta telah diperuntukkan kepada mereka yang kurang bernasib baik melalui Pusat Zakat Negeri.

Jumlah baki RM5.81 juta telah disalurkan secara langsung kepada mereka yang memerlukan dalam bidang seperti pendidikan, kesihatan, pembasmian kemiskinan dan juga program daerah angkat untuk membantu masyarakatnya berdikari.

Pelbagai inisiatif zakat yang berlaku pada tahun 2014, dari Ramadhan Relief hinggalah pengagihan zakat kepada negeri-negeri

Perbankan Islam Kumpulan

Antara program dan inisiatif Zakat kami ialah:

- "Ramadan Relief"
  Diadakan sempena bulan Ramadhan, hampir 9,000 keluarga yang kurang bernasib baik di seluruh negara menerima bekalan makanan asas sebagai sebahagian daripada program Maybank Islamic yang bernilai RM1 juta. Usaha ini diadakan dengan kerjasama Islamic Relief Malaysia di mana penyerahan bekalan makanan telah diadakan di 34 buah buah masjid terpilih di seluruh negara.

- Program Tuisyen
  Seramai 2,700 pelajar dari keluarga yang kurang bernasib baik telah ditaja oleh Maybank Islamic untuk menyertai Program Tuisyen Yayasan Pelajaran Mara pada tahun 2014. Jumlah ini meningkat daripada 1,940 pada tahun 2013 berikutan keputusan cemerlang yang diperoleh oleh calon-calon tahun 2013. Maybank Islamic berbangga dapat memainkan peranan dalam pencapaian apabila kira-kira 200 pelajar yang mendaftar di bawah Program Tuisyen mendapat keputusan 6A dan ke atas.

Kerjasama dengan Institut Jantung Negara

Program 5 tahun bersama Institut Jantung Negara (IJN) mencipta satu kelainan pada tahun 2014 apabila buat pertama kalinya, acara berbasikal dianjurkan untuk mengumpul dana bagi membantu pesakit jantung kanak-kanak. Juga buat pertama kalinya, seorang pesakit serantau dari Indonesia telah diterbangkan ke Kuala Lumpur untuk menjalani pembedahan jantungnya.

- Acara Berbasikal Amal "Cycle Save a Child's Heart"
  Dana berjumlah RM50,000 berjaya dikutip sempena acara berbasikal yang diadakan dan disampaikan kepada Yayasan IJN. Antara tahun 2012 dan 2014, seramai 36 kanak-kanak tempatan dan seorang kanak-kanak dari rantau ini telah mendapat manfaat daripada kerjasama Maybank Islamic-IJN. Dalam tempoh dua tahun akan datang, sebanyak 58 pesakit kanak-kanak akan menerima pembedahan jantung mereka, 18 daripadanya adalah daripada negara-negara serantau di mana Kumpulan Maybank bertapak.

Kakitangan MIB menyertai aktiviti CR dengan pesakit di IJN

PUSAT KECEMERLANGAN SYARIAH (SCOE)

Ini merupakan sebuah inisiatif strategik Kumpulan Maybank dalam usahanya untuk menjadi Pemimpin Global dalam industri kewangan Islam. Bagi mencapai matlamat ini, Maybank Islamic telah memulakan sebuah inisiatif berimpak tinggi yang dinamakan sebagai Pusat Kecemerlangan Syariah (Shariah Centre of Excellence) (SCOE).

Misi SCOE adalah untuk menjadi pusat rujukan terulung bagi operasi dan praktis terbaik dalam industri kewangan Islam peringkat global. Inisiatif ini merangkumi pelbagai usaha bersepadu antara lainnya adalah pengukuhan tadbir urus Syariah, fungsi Syariah dalaman yang kukuh, jawatankuasa penasihat Syariah yang berwibawa, pembangunan modal insan, pengagihan zakat yang berkesan, mempelopori wakaf, dan terlibat secara aktif bersama seluruh institusi dan tokoh terulung kewangan Islam dalam bidang kajian dan pembangunan.

Misi ini telah diterjemahkan kepada inisiatif berimpak tinggi seperti penawaran Biasiswa Syariah kepada lepasan graduan, penerbitan artikel dalam akhbar-akhbar arus perdana dan menaja penerbitan yang berkaitan dengan bidang kewangan Islam.

Biasiswa Syariah
Bermula sejak tahun 2013, Maybank telah menaja beberapa pelajar untuk mengikuti pengajian peringkat sarjana dalam Praktis Kewangan Islam 'Master in Islamic Finance Practice' (MIFP) secara ekslusif di Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF). Penajaan ini meliputi yuran pengajian dan elaun sara hidup. Di samping itu, Kumpulan Maybank juga telah menyediakan peluang pekerjaan kepada para pemerima biasiswa. Para graduan yang ditaja adalah daripada Malaysia, Indonesia dan Singapura. Kriteria utama pemilihan adalah kecemerlangan akademik dan kualiti kepimpinan yang dipamerkan oleh para graduan.

Artikel & Media Penerbitan
Sebagai sebahagian usaha kami untuk berbakti kepada masyarakat, Maybank Islamic secara konsisten telah menyumbang artikel-artikel dalam akhbar-akbar tempatan sejak Februari 2014. Objektif artikel ini adalah untuk mendidik orang awam mengenai isu-isu semasa dalam bidang perbankan dan kewangan Islam di dalam dan luar negara. Hingga kini, maklum balas para pembaca adalah positif dan siri artikel ini telah berjaya membuat pencerahan terhadap beberapa isu yang mendapat perhatian ramai mengenai produk dan kontrak dalam perbankan Islam.

Kami berkeyakinan bahawa penerbitan merupakan sumbangan yang amat berkesan untuk masyarakat. Oleh itu kami amat berbesar hati kerana berpeluang untuk bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia untuk menerbitkan sebuah buku bertajuk 'Sejarah Kewangan Islam di Malaysia' yang telah dilancarkan pada Disember 2014. Maybank Islamic juga melestarikan sumbangannya kepada industri kewangan Islam dengan menerbitkan sebuah karya bersama dengan salah seorang penasihat Syariahnya, Prof. Madya Dr. Ahcene Lahsasna yang bertajuk "Pengurusan Risiko Tidak patuh Syariah dan Dokumentasi Perundangan dalam Kewangan Islam".

Teknologi Kumpulan

GEOFF STECYK

Ketua Pegawai Teknologi Kumpulan

Strategi keutamaan kami dalam tahun 2014 tertumpu kepada:

- Meningkatkan keuntungan serantau dengan inisiatif yang dapat dijejaki dengan pantas;
- Mewujudkan pengalaman perbankan selesa untuk pelanggan kami; dan
- Meningkatkan produktiviti dan kecekapan dengan mendorong kecemerlangan perkhidmatan untuk memenuhi jangkaan pelanggan.

Kami mengoptimumkan penggunaan teknologi, menambahbaik masa pemulihan operasi dan perkhidmatan pelanggan serta menyediakan keupayaan yang berbeza melalui penyelesaian inovatif dengan ketangkasan dan kelajuan untuk menuju ke pasaran bagi mencapai keutamaan kami dan menyokong pertumbuhan aspirasi perniagaan serantau.

Melalui kerjasama erat dan perkongsian dengan sektor perniagaan, kami dapat memperkenalkan inisiatif IT utama dan projek yang menyediakan keupayaan digital kepada para pelanggan, meningkatkan operasi perniagaan dan produk perbankan serta membina sistem dan platform baru untuk menyokong pelanggan kami dengan produk perbankan yang lebih baik.

2015

Keutamaan Kami

- Terus menerajui segmen strategik & membina keupayaan penjanaan perolehan baru.
- Mengoptimumkan kos dan produktiviti IT, membina bakat & keupayaan serta meningkatkan tahap perkhidmatan & pemprosesan.
- Memaksimumkan pulangan terhadap projek transformasi dan Elaun Cukai Pelaburan (ITA) boleh dituntut.
- Mempercepatkan pengembangan perniagaan serantau, membina sinergi serantau serta memacu tadbir urus serantau dan pelaporan dengan teliti.

2020

Aspirasi Kami

- Antara 5 Peneraju Produktiviti di kalangan pesaing utama:
  - Menguruskan program pelaksanaan piawaian global;
  - Membina Pelan Pembangunan Serantau dalaman untuk meminimumkan masa yang diambil, kos penyesuaian dan kadar kerosakan; dan
  - Mencapai tahap sumber dan kakitangan yang sewajarnya dan meningkatkan kemahiran serta melengkapkan bakat tenaga mahir yang sesuai untuk mobiliti global.
- Peneraju Global dalam Perkhidmatan Kewangan Digital:
  - Menyelaras dan membangunkan usaha perniagaan melalui platform digital bersepadu untuk pelanggan korporat;
  - Enjin pelaburan lengkap;
  - Pelaburan dalam talian; dan
  - Platform pinjaman langsung digital.

Teknologi Kumpulan

Kami memberikan keupayaan yang berbeza kepada sektor perniagaan kami dan berusaha untuk mendalamkan lagi usaha sama ini supaya mencapai aspirasi serantau Kumpulan. Untuk melayani pelanggan kami dengan cara yang paling kos efektif, kami terus berusaha dan memupuk budaya produktiviti dan prestasi dalam Teknologi Kumpulan.

Kepesatan Pendigitilan menerusi Pusat Sentuhan Inovatif

Platform Perbankan Mudah Alih Serantau (RMBP)

Maybank Malaysia mengembangkan kedudukannya sebagai peneraju pasaran bidang dalam talian dan mudah alih dengan melancarkan Platform Perbankan Mudah Alih Serantau (RMBP) pada 8 September 2014 untuk operasi Malaysia. Ciri-ciri aplikasi ini membolehkan pelanggan untuk:

- Melaksanakan pindahan wang dengan talian mudah alih "Mobile-to-Mobile" (M2M) yang mana ia memudahkan pengeluaran wang tanpa kad menerusi penggunaan nombor telefon mudah alih penerima dan bukannya nombor akaun.
- Melaksanakan Penempatan Deposit Tetap (FD), pertanyaan unit amanah dan tukaran matawang asing.
- Mengesan cawangan terdekat, mesin ATM dan promosi menerusi pengesanan realiti.

Paparan peranti juga diseragamkan untuk semua jenis peranti mudah alih yang memberikan pengalaman pelanggan yang konsisten untuk perbankan pada bila-bila masa dan di mana jua.

Platform Perbankan Mudah Alih Serantau (RMBP) Filipina

Keupayaan serantau membolehkan Maybank untuk memperkenalkan perbankan mudah alih di Filipina, yang telah berjaya diperkenalkan kepada pelanggan pada 23 November 2014, diikuti oleh Indonesia pada 16 Februari 2015.

Teknologi Kumpulan

Aplikasi Mudah Alih M2U Pay

Selaras dengan trend media sosial, Maybank memperkenalkan M2U Pay Snap&Sell pada 26 Jun 2014, aplikasi mudah alih baru yang membolehkan individu untuk memanfaatkan kemudahan penggunaan fotografi telefon pintar yang digabungkan dengan kemudahan perdagangan dalam talian. Pelanggan kami kini boleh mendapat manfaat daripada capaian viral Media Sosial untuk mengiklan dan menjual produk mereka dengan menangkap gambar barangan untuk dijual, berkongsi di Facebook atau Twitter dan pembeli akan dapat membuat pembelian melalui M2U Pay.

Ketua Pegawai Informasi Kumpulan, Mohd Suhail Amar Suresh (kiri), bersama Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Abdul Farid Alias, dan Ketua Perkhidmatan Kewangan Komuniti (CFS), Hamirullah Boorhan, di pelancaran rasmi Aplikasi baru e-Pembayaran Maybank (17 Julai 2014)

Pelancaran M2U di BII

Sistem Perbankan Internet BII yang diperbaharui dilancarkan kepada umum pada Mac 2014, bagi menggantikan sistem sedia ada yang telah menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan BII lebih daripada 10 tahun. Ia menyediakan pelanggan dengan jenama baru perbankan dalam talian yang memberi tumpuan kepada keselesaan dan kepantasan transaksi. Maklum balas daripada pelanggan amat menggalakkan dan jumlah urus niaga meningkat sebanyak 180,380 transaksi setiap bulan sejak Ogos 2014.

Platform untuk Jualan Silang Produk

Rangkuman Harga dan Produk

Pada September 2014, keupayaan rangkuman harga dan produk dimulakan. Keupayaan utama ini membolehkan Maybank untuk memanfaatkan portfolio produk yang luas, serta menetapkan pakej dan harga ke dalam rangkuman penawaran yang mensasarkan kepada keperluan asas pelanggan dengan lebih cepat.

Sistem Pengesanan Panduan Serantau

Sebagai sebahagian daripada inisiatif jualan/rujukan rentas utama Maybank, Sistem Pengesanan Panduan Serantau dilancarkan buat pertama kalinya kepada pengguna di Singapura dan Malaysia pada 4 Disember 2014. Sistem ini memudahkan pemprosesan rujukan dan jualan silang yang telus dan diuruskan dengan ketat dalam sektor perniagaan dan juga sektor perniagaan yang berbeza serta segmen dan negara yang berbeza.

Peningkatan Operasi Perniagaan

Sistem Pengurusan Tunai Serantau (RCMS)

Pada 2013, RCMS dilancarkan sebagai platform serantau yang diseragamkan dengan keupayaan untuk menawarkan pelanggan korporat dengan kawalan mudah tunai yang lebih baik. Pada 2014, tumpuannya lebih kepada setempat untuk memberi perkhidmatan lebih baik kepada pelanggan di negara-negara utama kami. Ini membolehkan pelanggan serantau untuk membuat transaksi serantau yang lancar dan pada masa sama terus mendapat keselesaan dari segi fleksibiliti pelbagai pembayaran di pasaran utama.

Meneruskan Permodenan Sistem Utama

Permodenan Perbankan Teras untuk BII dan Singapura

Bagi memastikan infrastruktur teknologi Maybank terus menyokong dan memudahcara perniagaan, kami telah memulakan usaha pemodenan Sistem Perbankan Teras BII untuk membolehkan keupayaan perbankan Syariah dalam masa dua tahun akan datang. Pelaksanaan Fasa 1 melibatkan produk pinjaman dan deposit baru telah selesai pada November 2014.

Begitu juga dengan Sistem Perbankan Teras Singapura yang sedang menjalani peningkatan untuk diselaras dengan permintaan bagi meningkatkan keupayaan penciptaan produk. Inisiatif ini dijangka selesai pada 2016.

Memenuhi Keperluan Pengawal Selia

Teknologi Kumpulan (GT) terus membolehkan Maybank untuk memberi tindak balas terhadap perubahan peraturan kawal selia dengan cara yang tepat pada masanya dan lancar, tanpa gangguan kepada keupayaan kami untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan luaran dan dalaman.

Pada 2014, kami menyiapkan dua projek pematuhan kritikal untuk memastikan kami sentiasa melindungi pelanggan dan bank.

Projek Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) – Akta Pematuhan Cukai Akaun Luar Negara (FATCA) (Pelaksanaan Malaysia dan Negara-negara lain)

Pada Jun 2014, Maybank mempertingkatkan semua sistem pusat sentuhan pelanggannya (aplikasi saluran) untuk memenuhi keperluan peraturan kawal selia bagi kedua-dua PDPA dan FATCA. Pelaksanaan PDPA menempatkan Maybank untuk berada selari dengan keperluan baru pengawal selia yang memerlukan Bank mendapatkan persetujuan pelanggan untuk pemasaran produk. Pematuhan Maybank terhadap FATCA bagi menyediakan laporan untuk pelanggan Amerika mengenai pegangannya dalam Maybank kepada Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri (IRS) Amerika Syarikat. Ini selari dengan persetujuan kerajaan Malaysia dengan kerajaan Amerika Syarikat.

Teknologi Kumpulan

Projek Fasa 2 Swift Alliance Versi 7.0

Maybank terus meningkatkan keupayaan pembayaran sambil mematuhi piawaian pembayaran Swift menerusi peningkatan sistem daripada perisian antara paparan Swift sedia ada kepada Versi 7.0 yang terbaru pada Jun 2014. Dengan peningkatan ini, Maybank dapat mengurangkan lagi risiko gangguan terhadap operasi perniagaan antarabangsa seperti pembayaran & pindahan wang, perdagangan kredit dokumentari, penyelesaian perdagangan, penyata Pasaran Tukaran Asing & Pasaran Wang yang boleh memberikan impak besar terhadap perkhidmatan kepada pelanggan Maybank di seluruh dunia.

Pengurusan Risiko Tersembunyi GT

Sejajar dengan penekanan kepada budaya risiko berprestasi tinggi di seluruh Kumpulan, Pasukan Risiko Tersembunyi terus memastikan keberkesanan pelaksanaan dan amalan pengurusan risiko di dalam GT. Pelaksanaan Petunjuk Risiko Utama (KRI) berkaitan teknologi maklumat (IT) menerusi PICASO di dalam GT dan di seluruh rantau membolehkan pengukuran dan pemantauan risiko terhadap komponen teknologi maklumat IT utama seperti berikut:

- P – Project & release management (Project & Pengurusan Pengeluaran)
- I – Incidents (Insiden)
- C – Capacity (Keupayaan)
- A – Availability of Systems (Kewujudan Sistem)
- S – Security (Sekuriti)
- O – Operation (Operasi)

Nilai rintangan risiko kritikal bagi setiap komponen ditetapkan dengan sewajarnya bagi membolehkan amaran dicetuskan apabila risiko diukur menyentuh tahap yang ditetapkan. Segala kelemahan kemudiannya dikenalpasti untuk tindakan susulan dan bantuan selanjutnya akan ditentukan untuk mengurangkan dan mengatasi risiko yang berlaku.

Alat Penilaian Risiko diperkenalkan untuk membolehkan penilaian yang lebih mendalam terhadap aplikasi dan infrastruktur risiko. Ketika ini, penilaian risiko telah dikendalikan terhadap aplikasi dan infrastruktur yang kritikal seperti RCMS, M2U dan Perbankan Teras oleh Saluran Perkhidmatan.

Melangkah ke hadapan, kumpulan kerja Risiko Tersembunyi telah mengembangkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi (TRM) ke lain-lain negara dengan memperluaskan dasar sokongan TRM yang sewajarnya.

Dengan pelaksanaan dan aplikasi PICASO, Alat Penilaian Risiko dan Rangka Kerja TRM & dasar-dasar, kami kini berupaya untuk memantau secara berterusan mengenai risiko yang diambil, kecekapan kawalan risiko dan melaksanakan penilaian risiko dengan jayanya.

Dengan perubahan dan peningkatan ancaman keselamatan siber dalam industri perbankan, kami turut menilai dan memantau kawalan keselamatan serta risikonya. Ini memerlukan pemantauan berterusan terhadap sistem keselamatan Bank dan semakan insiden global yang melibatkan ancaman siber yang disokong menerusi usaha sama dengan profesional keselamatan pihak ketiga.

Operasi Kumpulan

JEROME HON
Ketua Pegawai Operasi Kumpulan

2015
Keutamaan Kami

- Terus memacu Kecemerlangan Perkhidmatan dengan memberikan perkhidmatan berkualiti dengan cara yang paling cekap untuk memenuhi jangkaan pelanggan.
- Memperkemaskan proses operasi untuk mencapai kecekapan dan produktiviti yang lebih tinggi.
- Mengukuhkan budaya risiko di seluruh sektor.

STRATEGI OPERASI KUMPULAN PADA 2015

Pada 2015, kami akan meneruskan usaha untuk meningkatkan produktiviti dalam semua bidang operasi melalui kecemerlangan operasi dan pemusatan.

Kami akan menumpukan kepada usaha-usaha bagi meningkatkan pemprosesan perniagaan, menambahbaik sistem pengurusan dan membangunkan tenaga kerja yang cekap dengan matlamat untuk mewujudkan budaya prestasi tinggi dalam sektor. Mengukuhkan kesedaran terhadap pengurusan risiko dan menanamkan budaya risiko di seluruh operasi serantau juga akan menjadi keutamaan.

Beberapa inisiatif utama yang kami rancang untuk digerakkan pada 2015 termasuk memulakan operasi hab serantau di Kuala Lumpur bagi menyediakan perkhidmatan sokongan kepada Perdagangan Singapura, transaksi Perbendaharaan dan Pembayaran, memperkenalkan teknologi seperti Sistem Pembacaan Karektor Pintar/Optik (ICR/OCR) untuk Operasi Perdagangan Malaysia bagi meningkatkan proses mengimbas transaksi dan memusatkan fungsi Pejabat Sokongan di China dan Indonesia.

ULASAN OPERASI KUMPULAN 2014

Kami memulakan tahun kewangan ini dengan menubuhkan struktur tadbir urus baru di seluruh Kumpulan sebagai sektor baru dan telah berjaya mengendalikan pelbagai projek yang sedang dalam pelaksanaan seperti:-

1. Fungsi Pemusatan Pusat Pentadbiran Kredit (CAC):
   - Amanah Saham Bumiputra (Malaysia) – semua transaksi telah ditempatkan di CAC Wilayah Persekutuan.
   - Pemprosesan gadai janji pinjaman bagi Wilayah Persekutuan, Selangor dan Negeri Sembilan telah ditempatkan di CAC Wilayah Persekutuan.
   - Pemprosesan Pinjaman Komersial (PKS) ditempatkan di CAC Shah Alam.

   Ini telah menghasilkan peningkatan ketara dalam sistem pemprosesan kami yang membawa kepada peningkatan produktiviti sebanyak 10% pada 2014.

2. CAC berjaya mengambil alih penjagaan sampul surat keselamatan fizikal bagi cawangan-cawangan di Malaysia pada Mac 2014. Ini dilakukan menerusi pelaksanaan sistem pengurusan dokumen dengan keupayaan kod bar. Pendekatan ini menambahbaik masa yang diambil apabila dokumen keselamatan perlu dipungut oleh pelanggan.

   Sampul surat keselamatan fizikal dari cawangan di seluruh negara kini dipusatkan di 7 buah pusat CAC terpilih yang terletak di Selangor, Johor, Penang, Kuantan, Ipoh, Sabah dan Sarawak. Kaedah ini melegakan pejabat sokongan di cawangan dan lebih banyak masa kini diperuntukkan untuk meningkatkan perkhidmatan pelanggan.

3. Penyumberan luar bagi penyelesaian cek keluar telah berjaya dilaksanakan di seluruh negara dengan siapnya empat lagi negeri (iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan dan Terengganu) pada Ogos 2014. Inisiatif perniagaan ini mengurangkan kos operasi Bank.

4. Pada Ogos 2014, kami bekerjasama rapat dengan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menerajui inisiatif Penukaran Wang Kertas Bank oleh BNM, dengan matlamat untuk melancarkan pemprosesan wang kertas dalam industri selain menggalakkan kecekapan kitaran wang kertas. Inisiatif ini membolehkan bank-bank untuk menukar wang kertas di antara sesama institusi menerusi pelantikan pengendali pusat tunai tanpa perlu mengeluarkannya dari BNM. Pendekatan ini meningkatkan kecekapan operasi dalam proses pengurusan tunai pihak bank.

Operasi Kumpulan

“Kami akan terus memacu dan menginstitusikan budaya prestasi tinggi di seluruh Operasi Kumpulan. Usaha ini akan menjadi satu daripada faktor kejayaan bagi meningkatkan produktiviti dan pemprosesan yang akan menambahbaik perkhidmatan pelanggan dan mengurangkan kos operasi.”

5. Satu lagi inisiatif oleh SST Pembayaran adalah merintis pakatan strategik dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membolehkan pelanggan-pelanggan Bank untuk melakukan pertanyaan dan pembayaran saman trafik menerusi rangkaian mesin juruwang automatik (ATM) Maybank.

6. Kecenderungan Proses Perniagaan utama terpilih untuk Operasi Perdagangan dan Pembayaran bagi meningkatkan Pemprosesan Langsung yang telah meningkatkan tahap perkhidmatan.

7. Melancarkan Operasi Pejabat Sokongan Cawangan di BII, Indonesia dan penyumberan luar perkhidmatan tanpa nilai tambahan, sekali gus meningkatkan kecekapan dan kos. Peranti Sistem Keselamatan Penggera telah dilaksanakan di 61 buah cawangan di BII bagi meningkatkan keselamatan.

8. Berjaya melengkapkan rangkaian yang menghubungkan An Binh Bank (ABBank) di Vietnam bagi membolehkan pelanggan Maybank untuk mengeluarkan wang di 143 Terminal Layan Diri tanpa dikenakan sebarang caj pengeluaran. Selain daripada meningkatkan pengalaman pelanggan, kaedah ini juga menggalakkan pertumbuhan pendapatan tukaran matawang asing, akaun semasa dan akaun simpanan Bank ini.

9. Pemusatan Operasi Pejabat Sokongan Cawangan dan proses penambahbaikan di Operasi Kewangan Perdagangan Maybank Singapura telah menghasilkan peningkatan kecekapan operasi dan pengurusan kos yang lebih baik.

Memandangkan kami telah berjaya menyempurnakan inisiatif-inisiatif ini, kami kini akan menumpukan kepada pelbagai inisiatif yang digariskan pada 2015 sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan produktiviti operasi Kumpulan.

Akses perbankan yang sama di 4,300 SST di seluruh dunia pada masa sebenar

Kami cuba sebaik mungkin menjadi produktif dan inovatif...



Cara tradisional membuat periuk tanah
oleh **Mohamad Danial Bin Mohamad Saad**
Anugerah Fotografi Maybank 2012
Jurugambar Terbaik Tahunan

Diecut

Kesibukan di pasar lama
oleh **Basuki Roesman Mangkusudarmo**
Anugerah Fotografi Maybank 2013
Fotografi Budaya dan Warisan

...dan fahami pentingnya untuk mendengar suara komuniti, seterusnya melakukan perubahan positif dan efektif dalam cara kami bekerja.

TADBIR URUS KORPORAT & AKAUNTABILITI

Penyata Tadbir Urus Korporat	**166**
Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman	**181**
Laporan Jawatankuasa Audit	**184**
Pengurusan dan Pematuhan Risiko	**188**
Laporan Jawatankuasa Syariah Kumpulan	**196**
Tanggungjawab Korporat	**198**

PENCAPAIAN

Maybank Dalam Media	**206**
Ulasan Peristiwa 2014	**212**
Anugerah & Pengiktirafan	**220**

MAKLUMAT LAIN

Analisis Pemegang Saham	**224**
Klasifikasi Pemegang Saham	**226**
Perubahan dalam Modal Saham	**226**
Hartanah dimiliki oleh Kumpulan Maybank	**229**
Senarai 10 Hartanah Utama Dimiliki oleh Kumpulan Maybank	**230**
Maklumat Korporat	**231**
Direktori Kumpulan	**232**

MAKLUMAT AGM

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-55	**235**
Penyata Iringan Notis Mesyuarat Agung Ke-55	**237**
Kalendar Kewangan	**238**

• Borang Proksi

Diecut

BEKERJASAMA DENGAN KOMUNITI

2003

Bank pertama melancarkan kios perbankan internet di Malaysia

2011

Melancarkan usaha sama strategik dengan Pos Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan Maybank di lebih 400 cawangan Pos Malaysia

Barangan dijual di atas sampan di Pasar Terapung Khlong
oleh **Ahmad Zaini Bin Jahaya @ Yahaya**
Anugerah Fotografi Maybank 2013
Fotografi Budaya dan Warisan

2013

Projek H.E.A.R.T. memberi cahaya di 200 rumah

2014

Maybank Investment Bank memperkasakan usahawan terpinggir menerusi inisiatif Trade [&Give]

Penyata Tadbir Urus Korporat

PENGENALAN

Lembaga Pengarah Maybank percaya bahawa tadbir urus korporat yang baik bukan hanya sekadar kenyataan untuk dipatuhi, bahkan kami komited mencapai piawaian tertinggi integriti perniagaan, etika dan profesionalisme merentasi seluruh aktiviti Kumpulan. Dengan komitmen ini dan selari dengan aspirasi serantau Kumpulan untuk menginsankan perkhidmatan kewangan, Lembaga Pengarah menyasarkan untuk mempertingkatkan kemakmuran perniagaan dan memupuk budaya dengan nilai-nilai etika, sambil terus memberikan dan mengekalkan nilai proposisi Kumpulan untuk manfaat pihak-pihak berkepentingan di dalam dan luar negara.

Pendekatan utama Lembaga Pengarah dalam perkara ini adalah memastikan adanya kepimpinan eksekutif yang berwibawa serta strategi dan kawalan dalaman bagi pengurusan risiko. Lembaga juga akan terus menyemak model tadbir urus untuk memastikan ia kekal relevan, berkesan dan mampu menghadapi cabaran pada masa akan datang.

Penyata Tadbir Urus Korporat ini bertujuan memberi gambaran yang penting mengenai amalan tadbir urus korporat Kumpulan kepada para pelabur. Model tadbir urus korporat Kumpulan Maybank mengguna keperluan dan garis panduan berikut:

1. Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 (dirujuk di sini sebagai “Kod” atau MCCG 2012);
2. Garis Panduan Tadbir Urus Korporat Bank Negara Malaysia (BNM) bagi Institusi Berlesen (“BNM/GP1”) yang disemak semula;
3. Keperluan Penyenaraian (“Keperluan Penyenaraian”) Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia);
4. Buku Hijau Peningkatan Kecekapan Lembaga Pengarah (Buku Hijau) oleh Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC);
5. Panduan Tadbir Urus Korporat: Ke Arah Kecemerlangan Lembaga Pengarah Edisi kedua (Panduan CG) oleh Bursa Malaysia; dan
6. Kad Skor Tadbir Urus Korporat Malaysia-ASEAN oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG).

Model tadbir urus korporat Maybank telah direka khas untuk memelihara serta meningkatkan nilai pemegang saham melalui sistem peraturan, amalan dan proses yang menyeimbangi kepentingan pemegang kepentingan. Selain mematuhi keperluan dan garis panduan tempatan yang telah ditetapkan, Maybank juga memantau perkembangan piawaian tadbir urus korporat institusi yang terkemuka dan terkenal di rantau ini dan di seluruh dunia untuk memastikan tadbir urus kami berada pada peringkat tertinggi.

Komitmen kukuh Kumpulan dalam hal ini terbukti apabila Maybank telah menerima beberapa penghargaan pada tahun 2014 kerana mempamerkan piawaian tinggi dalam tadbir urus korporat termasuk Anugerah Emas untuk Laporan Tahunan Paling Cemerlang dan juga Anugerah Kecemerlangan Industri bagi kategori Kewangan untuk syarikat-syarikat yang tersenarai di Pasaran Utama pada Anugerah Laporan Korporat Tahunan Nasional 2014. Bagi Anugerah CG MSWG tahun 2014, Maybank telah dinobatkan sebagai pemenang dalam kategori berikut:-

(i) Pengktirafan Keseluruhan 5 CG Terbaik
(ii) Kecemerlangan Tadbir Urus Industri – Sektor Kewangan; dan
(iii) Amalan Teladan bagi Persekitaran, Sosial & Tadbir Urus (ESG)

Selain itu, Maybank juga telah menerima anugerah di dalam kategori Pematuhan Tadbir Urus Koporat Paling Kuat di Anugerah Pelabur Korporat Tahunan Keempat 2014 Alpha Southeast Asia.

Carta di bawah menunjukkan model tadbir urus korporat yang digunakan oleh Maybank.



Penyata Tadbir Urus Korporat

Lembaga Pengarah sukacita memaklumkan kepada para pemegang saham mengenai model tadbir urus korporat, lapan prinsip dan 26 cadangan Kod serta tahap pematuhan Kod sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, seperti yang dinyatakan di bawah.

Umumnya, Maybank mematuhi prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam MCCG 2012 dan penggunaan prinsip masing-masing akan dinyatakan dalam pelbagai bahagian dalam Penyata Tadbir Urus Korporat serta Laporan Tahunan ini.

LEMBAGA PENGARAH

Piagam Lembaga Pengarah

Sebagai mengiktiraf bahawa amalan tadbir urus korporat yang mantap dan difikirkan dengan baik adalah penting untuk melindungi kepentingan para pemegang kepentingan Kumpulan, Lembaga Maybank berpandukan kepada Buku Panduan Lembaga Pengarah (Buku Panduan) berkenaan peranan, kuasa, tugas dan fungsi Lembaga Pengarah. Buku Panduan Lembaga Pengarah dikaji semula sekurang-kurangnya dua tahun sekali (*Prinsip 1, Cadangan 1.1 dan 1.7 dalam MCCG 2012*).

Buku Panduan ini bukan sahaja mencerminkan amalan semasa terbaik dan kaedah-kaedah serta peraturan yang diguna pakai, ia juga menggariskan proses dan prosedur untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan pada Lembaga Pengarah Kumpulan dan jawatankuasanya. Ia merupakan sebuah dokumen dinamik yang perlu dikemas kini dari semasa ke semasa untuk mencerminkan perubahan dasar, proses dan prosedur serta pindaan kepada peraturan dan kawal selia yang berkenaan.

Lembaga-lembaga subsidiari Kumpulan dan syarikat bersekutu, di dalam dan luar negara, digalakkan untuk menggunakan Buku Panduan yang seumpamanya untuk setiap entiti korporat masing-masing.

Buku Panduan ini, antara lain mengandungi terma-terma rujukan yang nyata serta had kuasa Lembaga Pengarah dan jawatankuasanya, dan pelbagai dasar dalaman yang berkenaan.

Buku Panduan ini mengandungi bab-bab seperti berikut:

1. Piawaian pelaksanaan perniagaan Kumpulan *(Cadangan 1.3 daripada MCCG 2012)*;
2. Tugas dan kewajipan Pengarah;
3. Pelantikan dan perletakan jawatan Pengarah;
4. Struktur Tadbir Urus;
5. Prosiding Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya;
6. Imbuhan dan manfaat untuk para Pengarah;
7. Penyaluran maklumat kepada Lembaga Pengarah;
8. Program latihan dan induksi;
9. Penilaian Tahunan Lembaga Pengarah;
10. Konflik kepentingan dan transaksi pihak berkaitan; dan
11. Dasar-dasar utama lain bagi Bank dan Kumpulan.

Peranan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah *(Cadangan 1.2 daripada MCCG 2012)*

Perniagaan dan hal ehwal Maybank serta Kumpulan adalah diurus di bawah arahan dan pengawasan Lembaga Pengarah Maybank, yang juga mempunyai tanggungjawab untuk mengkaji semula dan meluluskan strategi keseluruhan perniagaan, organisasi dan dasar-dasar penting Maybank dan Kumpulan secara berkala.

Lembaga Pengarah juga menetapkan nilai teras Kumpulan dan mengguna pakai piawaian yang sesuai bagi memastikan Maybank beroperasi dengan integriti dan selaras dengan peraturan dan kawal selia yang bersesuaian.

Lembaga Pengarah mempunyai jadual rasmi berkaitan hal-hal untuk diputuskan yang meliputi antara lain, seperti yang berikut:

- Mengkaji semula dan meluluskan strategi dan pelan perniagaan untuk Maybank dan Kumpulan bagi memastikan ianya salaras dengan wawasan dan misi Kumpulan;
- Mengenal pasti dan menguruskan risiko utama yang mempengaruhi Kumpulan termasuk mewujudkan dan meluluskan dasar-dasar yang relevan untuk pencegahan pengubahan wang haram, dan amalan anti-persaingan;
- Mengkaji semula kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan;
- Mengawasi pengendalian dan prestasi perniagaan Kumpulan;
- Mengkaji semula perancangan penggantian dan rancangan pengurusan bakat bagi Kumpulan, dan meluluskan pelantikan dan pampasan kakitangan pengurusan kanan;
- Meluluskan dasar baharu berkaitan kepelbagaian lembaga pengarah, gaji kakitangan dan faedah;
- Meluluskan perubahan struktur organisasi korporat;
- Meluluskan pelantikan para Pengarah dan emolumen serta faedah selaras dengan undang-undang yang sesuai;
- Meluluskan dasar yang berkaitan dengan program penjenamaan korporat, perhubungan awam, perhubungan pelabur dan program komunikasi pemegang saham; dan
- Mengkaji semula strategi Kumpulan mengenai promosi kemampanan yang memberi tumpuan kepada aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) *(Cadangan 1.4 daripada MCCG 2012)*.

Selain daripada peruntukan khusus untuk Lembaga Pengarah dalam Terma Rujukan seperti ditetapkan dalam Buku Panduan, tanggungjawab untuk menguruskan aktiviti perniagaan Maybank diserahkan kepada Pengarah Eksekutif dan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif (PCEO) Kumpulan, yang akan melaporkan kepada Lembaga Pengarah.

Komposisi dan Keseimbangan Lembaga Pengarah

Ketika ini terdapat 12 Pengarah dalam Lembaga Pengarah Maybank. Sembilan orang merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, dua Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif (penama bagi Permodalan Nasional Berhad (PNB)) dan seorang Pengarah Eksekutif Bukan Bebas (PCEO Kumpulan) *(Prinsip 3, Cadangan 3.5 daripada MCCG 2012)*.

Komposisi Lembaga Pengarah semasa ini mematuhi Bab 15.02 Keperluan Penyenaraian kerana lebih separuh daripada anggotanya ialah Pengarah Bebas *(Prinsip 2, Cadangan 2.1 MCCG 2012)*.

Para Pengarah berpengetahuan luas, berpengalaman dan berkemahiran dalam bidang-bidang utama seperti perakaunan, undang-undang, sekuriti, operasi dan pembangunan perniagaan antarabangsa, kewangan dan pengurusan risiko antara lain. Profil ringkas setiap anggota Lembaga Pengarah tertera di muka surat 50-56 dalam Laporan Tahunan ini.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Kepelbagaian dan Keterangkuman

Lembaga Pengarah komited untuk memastikan kepelbagaian dan keterangkuman dalam komposisi dan pertimbangan, dan Kumpulan percaya bahawa kepelbagaian itu akan memberi kesan positif dan nilai yang relevan kepada Kumpulan. Dalam hal ini, Lembaga mempertimbangkan kepelbagaian dari beberapa aspek yang berbeza, termasuk jantina, umur, latar belakang budaya dan pendidikan, etnik, bangsa, pengalaman profesional, kemahiran, pengetahuan dan tempoh perkhidmatan.

Berasaskan kepada prinsip ini, Dasar Kepelbagaian Jantina Lembaga Pengarah Kumpulan Maybank (Dasar Kepelbagaian Jantina) menunjukkan komitmennya untuk mempunyai peningkatan perwakilan wanita dalam Lembaga Pengarah. Di bawah Dasar Kepelbagaian Jantina, Lembaga Pengarah menerima pakai matlamat yang boleh diukur daripada semasa ke semasa iaitu mengekalkan sekurang-kurangnya seorang (1) Pengarah wanita dalam Lembaga Pengarah dan mempunyai minimum 20% perwakilan wanita menjelang tahun 2016. Untuk mencapai matlamat ini, proses pemilihan bagi pelantikan Pengarah melibatkan penyenaraian pendek calon yang berpotensi termasuk sekurang-kurangnya seorang (1) wakil wanita bila mana dirasakan perlu dan keutamaan diberikan pada pelantikan seorang Pengarah wanita untuk mengisi jawatan yang kosong kerana persaraan atau peletakan jawatan Pengarah wanita. Lembaga Pengarah juga bercita-cita untuk mencapai manfaat yang besar dengan memberi tumpuan kepada bakat individu, kebolehan dan pengalaman untuk memenuhi objektif Kumpulan untuk menjadi penyedia perkhidmatan kewangan serantau yang menuntut kecekapan, kemahiran dan pengalaman yang lebih luas. Dalam hal ini, pelantikan Datuk R. Karunakaran dan Encik Cheng Kee Check pada tahun ini menggariskan komitmen Maybank dalam membawa kepelbagaian yang lebih besar kepada komposisi Lembaga Pengarah bukan sahaja dari segi perwakilan yang seimbang daripada kumpulan etnik utama di negara ini tetapi juga meningkatkan kebijaksanaan kolektif Lembaga Pengarah yang diwakili oleh kemahiran yang pelbagai dan pengalaman yang mereka bawa bersama.

Kesimpulannya, pelantikan Lembaga Pengarah adalah berdasarkan merit.

Pengarah Bukan Eksekutif

Komposisi semasa Lembaga Pengarah, dengan sebahagian besarnya terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif membantu memastikan dan menyediakan pandangan pengurusan yang kukuh dan bermakna. Komposisi Lembaga Pengarah juga mencerminkan kepentingan pemegang saham majoriti yang diwakili secukupnya oleh pelantikan pengarah penama, pemegang saham majoriti dan menyeimbangkan dengan kepentingan pemegang saham minoriti. Pengarah Bukan Eksekutif tidak mengambil bahagian dalam pengurusan harian Maybank dan tidak terlibat dalam mana-mana urusan perniagaan atau hubungan lain dengan Maybank (selain daripada situasi yang dibenarkan oleh peraturan) dalam memastikan mereka benar-benar mampu melaksanakan penilaian bebas dan bertindak untuk kepentingan Kumpulan dan pemegang saham. Seterusnya, Lembaga Pengarah berpuas hati dan yakin, tiada individu atau kumpulan Pengarah mempunyai kuasa yang berpotensi menimbulkan konflik kepentingan. Berlandaskan keperluan BNM/GP1, tiada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Maybank mempunyai lebih daripada 5% ekuiti kepentingan dalam institusi berlesen atau syarikat berkaitan dan tidak seorang pun daripada mereka mempunyai hubungan dengan pemegang saham utama institusi berlesen.

Pengarah Bukan Eksekutif Maybank terus proaktif dalam melibatkan diri dengan pengurusan kanan dan pihak lain yang berkaitan seperti juruaudit luaran/dalaman serta unit-unit Pematuhan dan Risiko Maybank. Mereka memastikan bahawa pelbagai kebimbangan dan isu relevan kepada pengurusan serta pengawasan perniagaan dan operasi Bank dan Kumpulan ditangani dengan baik. Komitmen Lembaga Pengarah untuk memastikan tadbir urus yang baik dalam mempertimbangkan isu-isu utama terbukti dengan pengenalan “waktu Perbincangan Lembaga Pengarah Tanpa Pengurusan” (di mana sesi ini hanya melibatkan Pengarah Bukan Eksekutif) sebagai item kekal dalam agenda mesyuarat bulanan Lembaga Pengarah (di akhir setiap mesyuarat).

Lembaga Pengarah memastikan semua Pengarah Bukan Eksekutif memiliki kualiti-kualiti berikut:

- Mampu mencabar andaian, pendapat atau pandangan orang lain dengan persoalan bijak, perdebatan yang membina dan teliti, dan tidak dipengaruhi perasaan dalam membuat keputusan melibatkan kepentingan Maybank;
- Sentiasa bersedia untuk mempertahankan pandangan, kepercayaan dan pendapat sendiri untuk kepentingan utama Maybank; dan
- Memiliki pemahaman yang baik mengenai aktiviti perniagaan Bank untuk memberi maklum balas tepat berhubung isu-isu strategik dan teknikal yang dikemukakan oleh Lembaga Pengarah.

Dasar Kebebasan Pengarah

Dasar Kebebasan Pengarah Kumpulan ini merumuskan pendekatan Maybank dalam menentukan sejauh mana pengarah itu adalah bebas. Ia menyediakan satu garis panduan bagi pihak Lembaga Pengarah dan subsidiari berlesen yang berkaitan dalam penilaian kebebasan bagi setiap Pengarah Bebas.

Sejajar dengan Dasar Kumpulan mengenai Kebebasan Pengarah dan Cadangan 3.1 daripada MCCG 2012, pihak Lembaga Pengarah melalui NRC menilai kebebasan Pengarah Bebas berikutan pelantikannya, semasa pelantikan semula dan dalam setiap tahun. Selaras dengan Cadangan 3.2 dan 3.3 daripada MCCG, tempoh perkhidmatan bagi Pengarah Bebas telah dihadkan pada tempoh maksimum sembilan tahun, yang mana apabila selesai tempoh ini, Pengarah Bebas hanya boleh terus berkhidmat dalam Lembaga selepas penjawatan semula sebagai sebagai Pengarah Bukan Bebas. Dalam keadaan tertentu, para pemegang saham boleh memutuskan bahawa seorang Pengarah Bebas boleh kekal selepas tempoh sembilan tahun, tertakluk kepada penilaian NRC, cadangan Lembaga Pengarah serta justifikasi yang kuat diberikan kepada para pemegang saham di mesyuarat agung. Lembaga menyatakan bahawa pada masa ini tiada di kalangan ahli bebas yang telah mencapai sembilan tahun jangka terkumpul di Maybank.

NRC mengendalikan penilaian bebas melalui Lembaga Pengarah dan Penilaian Tahunan Golongan Setara serta juga proses Penilaian Kesesuaian dan Kelayakan dengan mengambil kira kemahiran pengarah, pengalaman, sumbangan, latar belakang, hubungan ekonomi dan keluarga, tempoh jawatan pengarah dan akuan diri Pengarah Bebas mengenai kepatuhan mereka dengan kriteria kebebasan di bawah BNM/GP1, Keperluan Penyenaraian dan juga Dasar Maybank mengenai Kebebasan Pengarah.

NRC menentukan keupayaan Pengarah Bebas untuk terus memberikan pertimbangan yang bebas dan objektif terhadap perbincangan Lembaga Pengarah serta juga menimbangkan jika terdapat apa-apa alasan atau sebab yang mendapat perhatian NRC yang boleh menjejaskan status kebebasan para Pengarah Bebas Maybank.

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa kesemua sembilan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (NED), iaitu Dato’ Mohd Salleh Hj Harun, Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil, Dato’ Seri Ismail Shahudin, Dato’ Dr Tan Tat wai, Dato’ Johan Ariffin, En Cheah Teik Seng, Datuk Mohaiyani Shamsudin, En Erry Riyana Hardjapamekas dan Datuk R. Karunakaran memenuhi kriteria kebebasan yang dinyatakan di bawah BNM/ GP1, Keperluan Penyenaraian serta Dasar Bank mengenai Kebebasan Pengarah.

Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif

Selari dengan amalan terbaik tadbir urus korporat, Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil terus memainkan peranan beliau sebagai Pengarah Kanan Bebas (SID) dalam Lembaga Pengarah di mana sebarang isu atau kebimbangan pemegang saham dan pemegang kepentingan boleh diajukan kepada beliau.

Beliau bertanggungjawab untuk menangani isu-isu yang telah dikemukakan oleh para pemegang saham. Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dan anggota Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan.

Beliau boleh dihubungi di alamat e-mel beliau: adenan.aj@maybank.com.my.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Proses Pelantikan Lembaga Pengarah

Terdapat prosedur formal dan telus bagi pelantikan Pengarah baharu ke dalam Lembaga Pengarah, tanggungjawab utama yang telah diberikan kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan ("NRC"). Tanggungjawab tersebut termasuk penyaringan, mengendalikan pemilihan awal terhadap calon dalaman dan luar, melaksanakan penilaian yang diperlukan dan menaksir keupayaan calon-calon untuk melaksanakan tugas mereka dengan berkesan dan cekap sebelum mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusannya. NRC juga memastikan calon memenuhi syarat-syarat yang relevan daripada segi kemahiran dan kecekapan teras, pengalaman, integriti dan masa untuk menjalankan tugas sebagai pengarah.

Prosedur ini adalah sejajar dengan Dasar Kesesuaian dan Kelayakan Kumpulan yang berkuat kuasa sejak bulan Ogos 2006 dan baru-baru ini disemak dan dipinda untuk menggabungkan Peruntukan baharu seperti dikehendaki di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan (FSA), Garis Panduan BNM bagi Kriteria Kesesuaian dan Kelayakan dan BNM/GP1. Selaras dengan prosedur ini, NRC mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah calon yang sesuai untuk jawatan pengarah dan pelantikan pengurusan kanan utama Maybank dan subsidiari-subsidiari yang berkenaan.

Dasar Kesesuaian dan Kelayakan menggariskan sifat dan kelayakan calon untuk menentukan kesesuaiannya, antara lain dalam hal pengurusan dan pengalaman kepimpinannya, yang seharusnya berada di tahap yang paling kanan dalam kumpulan perkhidmatan kewangan tempatan atau antarabangsa terkemuka, syarikat awam atau firma/badan profesional. Daripada segi kemahiran keahlian dan latar belakang calon, beliau sebaik-baiknya mempunyai pelbagai kemahiran, termasuklah dalam bidang perniagaan, undang-undang dan kewangan, pengetahuan profesional dan pengalaman dalam industri kewangan serta pengalaman dalam pasaran serantau dan antarabangsa. Dasar Kesesuaian dan Kelayakan turut membantu mengenalpasti jurang kemahiran dalam komposisi Lembaga Pengarah.

Aspek-aspek ini dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah dalam membuat pemilihan, dengan bantuan NRC:

1. Jujur, integriti dan reputasi – seseorang itu perlu mempunyai kualiti-kualiti utama seperti jujur, integriti, tekun, pemikiran terbuka dan keadilan.
2. Cekap dan berupaya – seseorang itu mestilah mempunyai kemahiran yang sewajarnya serta keupayaan dan komitmen untuk melaksanakan tugas-tugasnya.
3. Integriti kewangan – seseorang itu mampu menguruskan hutang atau hal ehwal kewangannya secara berhemah.

Permohonan pelantikan calon-calon tersebut akan dihantar kepada BNM untuk pengesahan di bawah FSA atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) (mana-mana yang berkenaan), tertakluk kepada kelulusan lembaga berkaitan di dalam Kumpulan.

Proses pelantikan bagi Pengarah Eksekutif juga ketat untuk memastikan calon terbaik akan dipillih untuk pelantikan jawatan eksekutif tertinggi demi kepentingan Kumpulan. Prosedur tersebut merangkumi pengenalpastian calon berpotensi (sama ada dalaman atau luaran) oleh jawatankuasa istimewa Lembaga Pengarah, yang dikawal oleh jangkaan peranan dan keupayaan yang diterangkan dan dikehendaki oleh Lembaga Pengarah. Proses ini termasuk menemuramah, diikuti dengan penyerahan kepada NRC untuk perbincangan sebelum pemberian cadangan muktamad kepada Lembaga Pengarah untuk pengesahan dan akhirnya diserahkan kepada BNM untuk kelulusan.

Maybank juga mengadakan penilaian tahunan berdasarkan kesesuaian Lembaga Pengarah untuk terus menduduki kedudukan kepimpinan strategik selepas proses pelantikan, sejajar dengan Dasar Kesesuaian dan Kelayakan Kumpulan dan selari dengan Garis Panduan BNM bagi Kriteria Kesesuaian dan Kelayakan dan BNM/GP1. Penilaian kesesuaian dan kelayakan melibatkan akuan diri oleh para Pengarah serta pemeriksaan bebas ke atas kepentingan perniagaan mereka dengan mematuhi seksyen 59 FSA, seksyen 68 IFSA (di mana berkenaan) dan BNM / GP1 untuk memastikan kesesuaian kepada para Pengarah untuk terus berkhidmat sebagai pengarah Maybank.

Pelan Penggantian

Dasar Kesesuaian dan Kelayakan yang diperkenalkan pada tahun 2006 menggariskan had terhadap tempoh jawatan pengarah untuk Pengarah Bukan Eksekutif Maybank yang telah mencapai usia 70 dan ke atas, dan mereka yang telah berkhidmat sebagai Lembaga Pengarah selama 12 tahun atau lebih. Seterusnya, Dasar Tempoh Jawatan Pengarah (Tempoh Dasar) telah dilaksanakan pada tahun 2014 untuk menggabungkan kedua-dua peruntukan yang berkait untuk tempoh pengarah seperti yang tertera dalam Dasar Kesesuaian dan Kelayakan dan juga Dasar Kebebasan Pengarah. Ini bertujuan untuk mengukuhkan dasar Kumpulan dalam mengehadkan tempoh Lembaga Pengarah Bukan Bebas Maybank dan juga Kumpulan.

Pelantikan Lembaga Pengarah Maybank bukan merupakan pertimbangan persendirian tetapi sebagai komponen pelan penggantian Lembaga. Di dalam konteks ini, had umur dan tempoh pengarah seperti yang dinyatakan di dalam Dasar Tempoh membolehkan Lembaga Pengarah untuk meneliti dan menilai rancangan penggantian secara berkala, bukan sahaja untuk memastikan kesinambungan dalam memenuhi objektif tempoh jangka panjang dan pendek tetapi juga untuk mengesahkan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran ahli yang selari untuk memenuhi keperluan landskap industri kewangan yang sentiasa berubah.

Dengan bantuan NRC, maklumat peribadi calon-calon berkenaan yang diperolehi dari semasa ke semasa dari sumber dalaman dan juga luaran (termasuk institusi yang mengekalkan maklumat-maklumat penting bagi pengarah yang mempunyai latar belakang industri kewangan) akan disemak semula untuk memastikan bahawa Lembaga Pengarah akan sentiasa ada calon-calon yang berwibawa untuk dipilih jika ia diperlukan.

Proses pencalonan dibuat dengan jelas dan telus seperti ditetapkan dalam dasar proses pencalonan bagi pelantikan Pengerusi, Pengarah dan CEO sebuah Institusi Berlesen dalam Kumpulan (Dasar Proses Pencalonan). Proses pencalonan ini melibatkan lima tahap seperti berikut:-

Penyata Tadbir Urus Korporat

Persaraan, Pemilihan Semula dan Pelantikan Semula Pengarah

Semua Pengarah Maybank termasuk PCEO Kumpulan sebagai Pengarah Eksekutif adalah tertakluk kepada pemilihan semula oleh para pemegang saham. Mereka juga tertakluk kepada persaraan mengikut giliran sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun mengikut Keperluan Penyenaraian dan Artikel 96 dan 97 Artikel Tataurusan Maybank. Sokongan Lembaga Pengarah untuk pemilihan semula Pengarah bukan automatik dan tertakluk kepada penilaian prestasi yang memuaskan.

Pertamanya, NRC menilai para Pengarah yang akan dipilih semula pada Mesyuarat Agung Tahunan dan kemudian akan mengemukakan cadangannya kepada Lembaga Pengarah untuk perbincangan dan kelulusan. Setelah mendapat pengesahan Lembaga Pengarah, maklumat yang relevan termasuk justifikasi mengenai pelantikan semula itu kemudiannya dikemukakan kepada BNM untuk kelulusan jika tempoh pelantikan Pengarah ini hampir tamat.

Tan Sri Datuk Dr Hadenan dan Dato' Johan bin Ariffin dan Datuk Mohaiyani Shamsudin, yang bersara menurut Artikel 96 dan 97 dalam Artikel Tataurusan Maybank akan memohon pemilihan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang. Dato' Mohd Salleh bin Haji Harun yang juga akan bersara menurut Artikel 129 Akta Syarikat, 1965, selepas mencecah umur 70, juga akan memohon untuk dilantik semula pada AGM yang akan datang.

Datuk R. Karunakaran dan Encik Cheng Kee Check masing-masing telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Bukan Bebas dan Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Maybank yang berkuatkuasa pada tahun ini. Mereka akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan menurut Artikel 100 dalam Tataurusan Bank. Mereka akan memohon pemilihan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan.

Seperti yang dinilai oleh NRC dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah, kesemua Pengarah telah memenuhi keperluan Lembaga Pengarah dan telah melakukan tugas yang baik selain menjadi teladan kepada yang lain serta menyumbang kepada perbincangan Lembaga Pengarah. Justeru, Lembaga akan mengesyorkan kepada pemegang saham semasa pemilihan semula mereka, dan di dalam kes Dato' Mohd Salleh bin Haji Harun, kemasukan semula ke dalam Lembaga Pengarah.

Kecekapan Lembaga Pengarah dan Pengarah Individu

NRC mengikut proses yang formal dan telus untuk menilai keberkesanan setiap Pengarah, Lembaga Pengarah serta keseluruhan majlis, serta prestasi PCEO Kumpulan (berdasarkan Kad Skor Seimbang) mengikut kemahiran dan pengalaman masing-masing selaras dengan Penilaian Tahunan Lembaga Pengarah dan Rakan Kerja. Prosedur ini akan dijalankan selepas penyempurnaan setiap tahun kewangan.

Penilaian ini terutamanya berdasarkan jawapan ke atas soal selidik yang disediakan di peringkat dalaman oleh Perkhidmatan Korporat dan Perundangan Maybank yang mengambil kira amalan terbaik yang sedia ada. Borang penilaian diagihkan kepada semua ahli Lembaga Pengarah dan meliputi topik termasuk tanggungjawab Lembaga Pengarah berhubung perancangan strategik, pengurusan risiko, pengurusan prestasi, laporan kewangan, audit dan proses dalaman, pengurusan sumber manusia, tanggungjawab sosial korporat, komunikasi, tadbir urus korporat serta kepentingan dan nilai pemegang saham. Bidang lain yang dinilai termasuk komposisi dan saiz Lembaga Pengarah, sumbangan setiap ahli Lembaga Pengarah di mesyuarat termasuk maklumat dan sokongan yang diberikan kepada Lembaga Pengarah.

Penilaian ini juga memerlukan program tindakan penambahbaikan dikenal pasti apabila keputusan Lembaga Pengarah disemak semula dan penilaian jawatankuasa dijalankan oleh NRC dan Lembaga Pengarah. Program-program tersebut termasuk keperluan latihan pengarah individu, yang akan dikaji semula setiap setengah tahun seterusnya. Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengerusi NRC akan berbincang dengan anggota individu berkenaan bidang-bidang peningkatan prestasi.

Selepas mempertimbangkan komposisi, kalibar dan kepelbagaiannya, Lembaga Pengarah mesti berpuas hati bahawa ia akan memastikan kecekapan dan keberkesanan dalam melaksanakan perbincangan mengikut BNM/GP1. Saiz Lembaga Pengarah buat masa ini membolehkan ia untuk melaksanakan peranannya secara profesional dengan mengambil kira komposisi, keluasan dan kerumitan aktiviti perniagaan Kumpulan, di dalam negara mahupun antarabangsa. Perubahan Lembaga Pengarah pada masa hadapan mungkin dibuat untuk meningkatkan kemahiran atau membolehkan perancangan pengganti secara teratur.

Sebagaimana kelazimannya, Pengerusi akan sentiasa cuba memastikan bahawa keputusan Lembaga Pengarahnya berdasarkan persetujuan bersama (jika tidak, sekurang-kurangnya berdasarkan kehendak majoriti), dan sebarang kebimbangan atau percanggahan pendapat Pengarah tentang masalah yang dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa serta keputusan mesyuarat, akan ditangani sewajarnya dan dicatatkan dalam minit mesyuarat berkenaan.

Peranan dan Tanggungjawab Pengerusi dan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan *(Prinsip 1 , Cadangan 1.1 dan Prinsip 3, Cadangan 3.4 daripada MCCG 2012)*

Peranan dan tanggungjawab Pengerusi dan PCEO Kumpulan dibahagikan dengan jelas, ditakrif dan didokumentasikan serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah, selari dengan amalan terbaik dan pemantauan oleh Pengurusan. Perbezaan ini membolehkan pemahaman yang lebih baik dan pengagihan tanggungjawab bidang kuasa dan akauntabiliti. Struktur hierarki yang jelas dengan pendekatan fokus dan had kuasa berkaitan juga memudahkan kecekapan dan mempercepatkan proses membuat keputusan.

Pengerusi

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor ialah Pengerusi Maybank sejak 1 Oktober 2009. Sebelum dilantik sebagai Pengerusi Maybank, beliau merupakan seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Maybank dari bulan Julai 2004 hingga Februari 2009. Beliau tidak pernah memegang jawatan eksekutif di Maybank.

Beliau sebelum ini pernah menjadi pengerusi bagi dua buah syarikat senarai awam iaitu Shell Refining Company Berhad dan Maxis Communications Berhad.

Pengerusi menerajui Lembaga Pengarah serta bertanggungjawab untuk memastikan prestasi Lembaga Pengarah yang berkesan. Pengerusi sentiasa bekerjasama dengan ahli Lembaga Pengarah lain dalam merangka dasar untuk menyelaraskan aktiviti perniagaan yang diterajui oleh pengurusan kanan selaras dengan matlamat dan aspirasi Kumpulan, di samping memantau pelaksanaannya. Pengerusi juga memastikan pelaksanaan dan prosiding teratur Lembaga Pengarah, di mana perbincangan dan penghujahan yang bermanfaat mengenai sesuatu isu yang dibahaskan adalah digalakkan bagi mencerminkan tahap keraguan dan kebebasan yang sewajarnya.

Pengerusi akan mengetuai usaha untuk memastikan kesesuaian dan keberkesanan program perancangan pengganti untuk Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan. Beliau juga menggalakkan hubungan kerja yang sihat dengan PCEO Kumpulan dan menyediakan sokongan yang diperlukan serta nasihat yang sesuai. Beliau menunjukkan standard tertinggi amalan tadbir urus korporat dan memastikan bahawa amalan-amalan ini dimaklumkan kepada pemegang kepentingan secara kerap.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Datuk Abdul Farid Alias ialah Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengarah Eksekutif Maybank sejak 2 Ogos 2013.

Datuk Abdul Farid telah diberikan tanggungjawab tertentu oleh Lembaga Pengarah atas kapasiti jawatannya dan mengawasi operasi harian bagi memastikan pengurusan Kumpulan berjalan dengan lancar dan berkesan.

Selain itu, beliau bertanggungjawab untuk menggariskan rancangan jangka sederhana dan panjang untuk mendapat kelulusan Lembaga Pengarah dan bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar dan keputusan Lembaga Pengarah, serta menyelaras pembangunan dan pelaksanaan strategi perniagaan dan korporat, khususnya dengan memastikan semuanya dikendalikan untuk mencapai hasil yang diharapkan, khasnya pembentukan tindakan pembaikan bagi mengatasi masalah yang dikenal pasti. Beliau juga bertanggungjawab untuk membangunkan dan menterjemah strategi menjadi matlamat dan keutamaan, serta menetapkan dasar strategik dan arah operasi perniagaan, pelaburan dan aktiviti lain mengikut kawalan pengurusan risiko yang berkesan.

PCEO Kumpulan memastikan amalan pengurusan kewangan dilaksanakan pada tahap tertinggi daripada segi integriti dan ketelusan untuk manfaat pemegang saham serta perniagaan dan hal ehwal Maybank dijalankan secara beretika dan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

PCEO Kumpulan turut diberi tanggungjawab untuk memastikan faktor sosial dan persekitaran tidak diabaikan walaupun matlamat utama memaksimumkan pulangan pemegang saham. Beliau ditugaskan membangun dan mengekalkan program komunikasi dan dialog yang kukuh dengan pemegang saham, pelabur, penganalisis dan juga kakitangan, selain menyediakan kepimpinan yang berkesan bagi Kumpulan. Beliau juga bertanggungjawab memastikan tahap kecekapan pengurusan yang tinggi serta pelaksanaan rancangan penggantian pengurusan yang cekap bagi mempertahankan kemampanan operasi. PCEO Kumpulan, berdasarkan kedudukannya sebagai ahli Lembaga Pengarah, juga berfungsi sebagai perantara Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mengadakan mesyuarat setiap bulan berserta mesyuarat tambahan apabila terdapat masalah mendesak yang perlu diputuskan di antara tempoh mesyuarat yang telah dijadualkan. Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, Lembaga Pengarah bermesyuarat sebanyak 13 kali untuk berunding dan mempertimbangkan pelbagai perkara penting yang memerlukan panduan dan kelulusannya.

Semua Pengarah telah memenuhi syarat bahawa Pengarah harus menghadiri sekurang-kurangnya 75% daripada mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan pada tahun kewangan selari dengan BNM/GP1, dan menghadiri sekurang-kurangnya 50% daripada mesyuarat yang diadakan selaras dengan Keperluan Penyenaraian.

Amalan semasa adalah memilih ahli Lembaga Pengarah untuk menganggotai Lembaga Pengarah syarikat subsidiari, terutamanya di luar negara. Ia diteruskan untuk mengekalkan kawalan dan memastikan operasi subsidiari masing-masing selaras dengan strategi dan matlamat Kumpulan.

Pada masa yang sama, lebih ramai anggota utama Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan akan menyertai Lembaga Pengarah subsidiari bagi memastikan tadbir urus Kumpulan sentiasa memberi tumpuan kepada strategi dan operasi, selaras dengan aspirasi korporat Maybank dan pembesaran operasi serantau. Ini berdasarkan Dasar Pelantikan Eksekutif Kanan Kumpulan Maybank sebagai Pengarah Anak Syarikat Kumpulan Maybank yang merangkumi prinsip panduan, proses kelulusan yang perlu dan pemilihan entiti untuk pelantikan Eksekutif Kanan Kumpulan sebagai Pengarah. Eksekutif Kanan yang telah dilantik adalah dari Majlis Eksekutif Kumpulan, Pengurusan Kanan dan eksekutif lain seperti yang diperkenankan oleh PCEO Kumpulan. Tambahan pula, pelantikan dan penamaan calon bagi Eksekutif Kanan sebagai pengarah anak syarikat adalah berdasarkan tier anak-anak syarikat mengikut Rangka Kerja Tier Matriks Kumpulan.

Maklumat kehadiran setiap Pengarah di dalam Lembaga Pengarah serta Jawatankuasanya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:-

	Bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah			Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Kredit (CRC)			Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Audit (ACB)		
Nama Pengarah	**Bilangan**	**Hadir**	**%**	**Bilangan**	**Hadir**	**%**	**Bilangan**	**Hadir**	**%**
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor	13	13	100	-	-	-	-	-	-
Dato' Mohd Salleh bin Hj Harun	13	10	77	-	-	-	-	-	-
Datuk Abdul Farid bin Alias	13	13	100	13	10	77	-	-	-
Tan Sri Datuk Dr Hadenan bin A. Jalil	13	12	93	-	-	-	14	14	100
Dato' Seri Ismail bin Shahudin	13	11	85	13	10	77	-	-	-
Dato' Dr Tan Tat Wai	13	13	100	-	-	-	-	-	-
En Zainal Abidin bin Jamal[1]	3	3	100	3	1	33	-	-	-
En Cheah Teik Seng	13	13	100	-	-	-	14	14	100
Dato' Johan bin Ariffin	13	13	100	13	12	92	14	14	100
Datuk Mohaiyani binti Shamsudin	13	13	100	13	13	100	-	-	-
En Erry Riyana Hardjapamekas	13	11	85	-	-	-	14	12	86
Datuk R. Karunakaran[2]	7	6	86	6	6	100	-	-	-
En Cheng Kee Check[3]	2	2	100	1	1	100	-	-	-

Nota:-

* *Kesemua ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya telah memenuhi peratusan minimum kehadiran mesyuarat yang diperlukan. Bagi CRC, keperluannya adalah kehadiran minimum sebanyak 60% pada mana-mana tahun kewangan.*

[1] *Bersara sebagai ahli Lembaga Pengarah dan CRC berkuat kuasa dari 7 April 2014.*

[2] *Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah dan CRC pada penutupan perniagaan masing-masing pada 16 Julai 2014 dan 1 Ogos 2014.*

[3] *Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah berkuatkuasa dari 19 Nov 2014 serta ACB dan CRC berkuat kuasa 1 Disember 2014.*

Penyata Tadbir Urus Korporat

Nama Pengarah	Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)			Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Penamaan & Imbuhan (NRC)			Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan (ESS)		
	Bilangan	Hadir	%	Bilangan	Hadir	%	Bilangan	Hadir	%
Dato' Mohd Salleh bin Hj Harun	-	-	-	10	10	100	6	6	100
Tan Sri Datuk Dr Hadenan bin A. Jalil	-	-	-	10	10	100	6	6	100
Dato' Seri Ismail bin Shahudin	9	8	89	-	-	-	-	-	-
Dato' Dr Tan Tat Wai	9	9	100	10	10	100	6	5	83
En Zainal Abidin bin Jamal[4]	-	-	-	3	3	100	2	2	100
En Cheah Teik Seng	9	9	100	-	-	-	-	-	-
Datuk R. Karunakaran[5]	-	-	-	4	4	100	2	2	100

Notes:-

[4] *Bersara sebagai anggota NRC dan ESS berkuat kuasa 7 April 2014.*

[5] *Dilantik sebagai anggota NRC dan ESS berkuat kuasa 1 August 2014.*

Imbuhan Para Pengarah *(Prinsip 2, Cadangan 2.3 daripada MCCG 2012)*

Lembaga Pengarah percaya bahawa satu perkara yang perlu diberi perhatian supaya Lembaga kekal efektif dalam menjalankan tugas-tugas serta tanggungjawabnya adalah menetapkan satu pakej imbuhan yang adil dan komprehensif. Pakej tersebut perlu setimpal dengan kepakaran, kemahiran, tanggungjawab serta risiko sebagai seorang pengarah dalam sebuah institusi kewangan.

Penentuan pakej imbuhan bagi Pengarah Bukan Eksekutif (NED) termasuk Pengerusi Bukan Eksekutif, adalah perkara yang ditentukan Lembaga Pengarah secara keseluruhan menurut cadangan relevan yang dibuat oleh NRC, selepas semakan dengan penanda aras bebas bagi jawatan seumpamanya di bank-bank lain.

Komponen imbuhan Pengarah Eksekutif distrukturkan supaya ia selari dengan imbuhan jangka pendek dan panjang bagi prestasi korporat dan individu.

Bahagian yang ketara bagi pakej imbuhan Pengarah Eksekutif telah dibuat dengan pendekatan boleh berubah-ubah bergantung kepada prestasi Kumpulan sepanjang tahun, mengikut Prestasi Petunjuk Utama serta kad skor yang selaras dengan matlamat korporat, yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Selari dengan tadbir urus korporat yang baik, Lembaga Pengarah telah menetapkan hasratnya untuk menyemak imbuhan NED untuk Maybank dan syarikat-syarikat di bawah kumpulan tersebut secara berkala sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tiga tahun. Rangka kerja imbuhan sedia ada diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan para pemegang saham di AGM ke-50 Maybank yang diadakan pada 29 September 2010. Inisiatif dalaman, yang dipacu oleh Perkhidmatan Korporat dan Undang-Undang Kumpulan juga dilakukan untuk terus mengesahkan rangka kerja imbuhan yang sedia ada.

Pada tahun 2013, Lembaga Pengarah telah melantik firma perunding antarabangsa dengan kepakaran untuk membangunkan dasar imbuhan yang komprehensif untuk menyemak imbuhan NED secara bebas dan holistik yang meliputi seluruh Kumpulan ("Firma"). Penyemakkan telah membawa kepada penggubalan Rangka Kerja Imbuhan Maybank untuk mengikut objektif utama:-

1. Untuk membolehkan Lembaga Pengarah menarik bakat-bakat yang cekap dan berkelayakan tinggi pada peringkat tempatan dan antarabangsa untuk berkhidmat kepada Lembaga Pengarah dalam meneruskan perjalanan untuk menjadi sebagai penyedia perkhidmatan kewangan terbesar di rantau ini.
2. Untuk selari dengan kepakaran, kemahiran, kerja, peningkatan risiko dan tanggungjawab serta masa yang disumbangkan oleh pengarah dan pada masa yang sama mengintergrasikan lokasi geografi yang pelbagai di mana Maybank beroperasi. Ini bagi memastikan mekanisme imbuhan yang kompetitif dengan bang-bank negara lain ke arah menjadi bank serantau sebenar.
3. Untuk memastikan kos pentadbiran adalah selari dengan prestasi syarikat (seperti dari segi saiz perolehan).

Untuk memenuhi aspirasi Maybank dalam menjadi penyedia perkhidmatan kewangan serantau, skop kaji selidik yang dilaksanakan oleh Firma telah distrukturkan untuk menjadi penanda aras dengan rakan-rakan serantau. Kaji selidik tersebut juga dianggap sebagai salah satu faktor penting dalam imbuhan NED seperti perolehan/saiz syarikat tersebut mengikut korelasi positif di antara saiz syarikat dan kos pentadbiran kerana skalanya besar dan merumitkan. Maka sudah tiba masanya untuk peningkatan supaya dapat menarik dan mengekalkan bakat-bakat yang berkelayakan pada peringkat tempatan dan antarabangsa memandangkan peningkatan risiko dan tanggungjawab NED di dalam industri kewangan yang sering dikawal selia sebagai Bank serantau. Selepas beberapa perbincangan di antara Lembaga Pengarah dan NRC, struktur imbuhan tersebut akan dicadang untuk diluluskan oleh pemegang saham semasa AGM yang akan datang.

Fi Lembaga Pengarah	Semasa	Dicadangkan
Pengerusi	300,000	610,000
Naib Pengerusi	285,000	440,000
Ahli	190,000	295,000

Struktur fi di atas tidak merangkumi Yuran dan Elaun Jawatankuasa Lembaga Pengarah Mesyuarat yang tidak akan berubah.

Di Mesyuarat Agung Luar biasa Maybank yang diadakan pada 13 Jun 2011 (EGM), para pemegang sahamnya telah meluluskan Skim Saham Pekerja (ESS) yang menyediakan tawaran dan memberikan opsyen kepada kakitangan yang layak. Pemegang saham telah seterusnya meluluskan peruntukan opsyen dan/atau geran sebanyak 3,342,000 saham Maybank untuk PCEO Kumpulan semasa Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-54. Jumlah saham yang akan ditawarkan kepada PCEO Kumpulan/Pengarah Eksekutif sebagai kakitangan yang layak, di bawah ESS akan berdasarkan prestasi Maybank dan dirinya sendiri pada akhir tahun kewangan, seperti yang dinyatakan di dalam Kad Skor Seimbang Kumpulan/GPCEO.

Para NED tidak layak menyertai ESS ini.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Ringkasan jumlah imbuhan Pengarah yang membezakan antara Pengarah Eksekutif dan Bukan-Eksekutif, secara agregat dalam kategori komponen bersesuaian bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	Gaji (RM)	Bonus (RM)	Yuran Pengarah (RM)	Emolumen Lain (RM)	Faedah Seumpamanya (RM)	ESS (RM)	Jumlah (RM)
Pengarah eksekutif							
Datuk Abdul Farid bin Alias	1,560,000	1,950,000		778,708	22,735	1,139,464	5,450,907
JUMLAH	**1,560,000**	**1,950,000**		**778,708**	**22,735**	**1,139,464**	**5,450,907**
Pengarah Bukan-Eksekutif							
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor			300,000	571,000	38,107		909,107
Dato' Mohd Salleh bin Hj Harun			375,000	35,500	34,003		444,503
Tan Sri Datuk Dr Hadenan bin A. Jalil			295,000	52,500	2,961		350,461
Dato' Seri Ismail bin Shahudin			265,000	37,000	375		302,375
Dato' Dr Tan Tat Wai			295,000	49,000	150		344,150
En Zainal Abidin bin Jamal[1]			75,444	10,500	1,354		87,298
En Cheah Teik Seng			250,000	45,000	3,111		298,111
Dato' Johan bin Ariffin			250,000	47,000	3,186		300,186
Datuk Mohaiyani binti Shamsudin			220,000	36,000	50		256,050
En Erry Riyana Hardjapamekas			220,000	30,000	50		250,050
Datuk R. Karunakaran[2]			125,111	22,500	246		147,857
En Cheng Kee Check[3]			27,167	4,000	-		31,167
JUMLAH			**2,697,722**	**940,000**	**83,593**		**3,721,315**
JUMLAH KESELURUHAN	**1,560,000**	**1,950,000**	**2,697,722**	**1,718,708**	**106,328**	**1,139,464**	**9,172,222**

Nota:-

1. *Besara sebagai Pengarah Bukan-Eksekutif Bukan-Bebas berkuat kuasa dari 7 April 2014.*
2. *Dilantik sebagai Pengarah Bukan-Eksekutif Bebas berkuat kuasa dari 16 Julai 2014.*
3. *Dilantik sebagai Pengarah Bukan-Eksekutif Bukan-Bebas berkuat kuasa dari 19 November 2014.*

Emolumen lain bagi Pengarah Eksekutif termasuk kos pencen, elaun, ganjaran persaraan dan pembayaran balik. Manfaat berupa barangan (BIK) bagi NED termasuk keahlian kelab golf manakala BIK bagi Pengerusi dan Naib Pengerusi termasuk pemandu, kereta dan elaun minyak.

Kualiti dan Penyediaan Maklumat untuk Lembaga Pengarah *(Cadangan 1.5 daripada MCCG 2012)*

Lembaga Pengarah mempunyai akses penuh dan tidak terbatas terhadap semua maklumat berkaitan perniagaan dan hal ehwal serta nasihat dan khidmat pengurusan kanan Kumpulan. Selain daripada mesyuarat Lembaga Pengarah rasmi, Pengerusi juga mengekalkan komunikasi yang kerap dengan PCEO Kumpulan untuk membincangkan hal-hal khusus dan dibantu pula oleh Setiausaha Syarikat dalam memastikan komunikasi yang kerap dan pada waktunya antara pengurusan kanan dan Lembaga Pengarah pada setiap masa.

Para Pengarah juga kerap dimaklumkan tentang sebarang peraturan dan garis panduan baharu, serta sebarang pindaan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia Securities Berhad, Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan pihak berkuasa lain, termasuk cadangan perubahan dalam undang-undang korporat Malaysia mahupun antarabangsa, terutamanya kesan daripada perubahan atau pindaan tersebut ke atas para Pengarah khususnya, dan Bank serta Kumpulan secara amnya.

Tujuan utama Garis Panduan Agenda Tahunan Lembaga Pengarah adalah untuk membawa perhatian Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengarah yang berkaitan serta pengurusan kanan berhubung hal-hal selain dari "kebiasaan" bagi sepanjang tahun tersebut untuk memudah cara perancangan yang lebih baik di samping lebih berkesan daripada segi masa untuk pelbagai pihak yang terbabit. Ia juga mewujudkan disiplin yang lebih tinggi bagi pihak pengurusan kanan terhadap agenda tersebut. Pada masa yang sama, tumpuan sebegini membolehkan Lembaga Pengarah menimbang dan menyumbang ke arah perbincangan yang lebih bernilai dan berkesan tentang sesuatu isu pilihan dan hal-hal berkaitan. Sebagai reaksi kepada kemajuan teknologi dalam dunia digital, pihak Pengurusan telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan mesyuarat Lembaga Pengarah secara elektronik di mana kertas-kertas berkaitan di muat naik ke dalam platform yang selamat, iaitu, BoardPAC yang boleh diakses melalui peranti tablet.

Sebelum setiap mesyuarat Lembaga Pengarah, agenda bersama dengan laporan menyeluruh untuk setiap senarai agenda yang bakal dibahaskan, akan dikemukakan kepada setiap Pengarah sekurang-kurangnya lima hari genap sebelum mesyuarat yang diadakan untuk membolehkan pengarah-pengarah mendapatkan penjelasan lanjut di mana perlu, agar dimaklumkan sepenuhnya sebelum mesyuarat.

Selain itu, minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah dan pelbagai Jawatankuasa Pengarah Bank memasukkan perbincangan oleh ahli-ahli pada setiap mesyuarat dalam mencapai keputusan. Minitnya adalah tepat dan padat. Draf minit mesyuarat dikeluarkan untuk edaran kepada Lembaga Pengarah dalam tempoh satu minggu selepas mesyuarat untuk maklum balas awal dan cadangan sebelum dikemukakan pada mesyuarat yang berikutnya untuk pengesahan rasmi.

Ahli pengurusan kanan dijemput untuk menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah untuk melaporkan mengenai perkara berkaitan bidang masing-masing, dan juga untuk memberi ringkasan dan mengemukakan maklumat terperinci kepada Pengarah-pengarah tentang cadangan yang dikemukakan untuk pertimbangan. Maklumat tambahan atau penjelasan mungkin diperlukan, khususnya berkaitan isu yang rumit dan teknikal yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Bagi memastikan kualiti laporan pihak Lembaga adalah yang tertinggi dan disediakan selaras dengan keperluan amalan terbaik dan berdasarkan jangkaan Lembaga tersebut, para Pengarah diberikan ruang untuk mengemukakan maklum balas bertulis ketika setiap mesyuarat untuk memberi penarafan terhadap kualiti laporan-laporan tersebut dan juga sesi membincangkannya.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Setiausaha Syarikat

Dalam tugasnya sebagai Setiausaha Syarikat, Penasihat Perundangan dan Setiausaha Syarikat bertanggungjawab menasihati Lembaga Pengarah mengenai isu berkaitan pematuhan korporat terhadap undang-undang peraturan dan prosedur berkaitan yang memberi kesan kepada Lembaga Pengarah dan Kumpulan serta amalan tadbir urus terbaik. Beliau juga bertanggungjawab memberi nasihat kepada Pengarah mengenai tanggungjawab dan tugas mereka untuk mendedahkan kepentingan mereka dalam sekuriti, pendedahan sebarang konflik kepentingan dalam transaksi yang melibatkan Maybank, larangan menjalankan transaksi sekuriti dan halangan ke atas pendedahan bagi maklumat yang sensitif harga (Prinsip 1 dan Cadangan 1.6 daripada MCCG 2012). Semua Pengarah mempunyai akses kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat dan Indeks Kepuasan Lembaga Pengarah bertindak sebagai mekanisme penilaian kepada sokongan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Setiausaha Syarikat kepada Lembaga Pengarah, dalam tahun kewangan.

Indeks Kepuasan Lembaga Pengarah

Indeks Kepuasan Lembaga Pengarah (BSI) yang dibuat setiap tahun, menunjukkan inisiatif penting untuk memastikan sokongan berterusan yang mencukupi disediakan oleh Setiausaha Syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk membantu Pengarah dalam melaksanakan tugas mereka dengan berkesan. BSI telah dijalankan pada Disember 2014 untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

Bidang penilaian termasuk transaksi dan kecekapan operasi, termasuk kualiti minit Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, kertas dan pengaturan mesyuarat, pengurusan latihan dan pengetahuan, serta khidmat nasihat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan tugas Pengarah seperti pendedahan kepentingan dan larangan terhadap dagangan. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada ahli Lembaga Pengarah, mereka secara umumnya berpuas hati dengan sokongan yang diberikan dalam tahun kewangan yang ditinjau dan beberapa bidang telah dikenal pasti untuk ditingkatkan.

Nasihat Profesional Bebas

Nasihat profesional bebas boleh diperolehi oleh mana-mana pengarah, menerusi perbelanjaan Maybank di mana perlu, dalam menjalankan tugas mereka selaras Dasar dan Prosedur Maybank Mengenai Akses kepada Nasihat Profesional Bebas, Pengurusan Kanan dan Setiausaha Syarikat oleh Pengarah Kumpulan Maybank. Salinan mana-mana laporan, nasihat dan cadangan yang diberikan oleh penasihat profesional bebas kepada Pengarah yang berkenaan akan dikemukakan oleh Pengarah tersebut kepada Setiausaha Syarikat, dan di mana perlu, beliau akan mengedarkannya kepada Pengarah lain untuk memastikan mereka dimaklumkan tentang isu-isu yang boleh memberi kesan kepada kepentingan, pertumbuhan dan prestasi Kumpulan (*Cadangan 1.5 daripada MCCG 2012*).

Latihan Para Pengarah

Lembaga Pengarah mengakui pentingnya pendidikan secara berterusan kepada pengarah-pengarah untuk memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang perlu untuk menjalankan tugas-tugas mereka dan menghadapi cabaran-cabaran Lembaga Pengarah.

Menerusi Program Latihan Berstruktur bagi Pengarah (STPD), setiap pengarah perlu menghadiri sekurang-kurangnya satu program latihan yang dirancang khusus oleh organisasi untuk para pengarah dalam tahun kewangan yang dikaji (Cadangan 4.2 daripada MCCG 2012).

Bagi tahun kewangan dalam kajian, kesemua ahli Lembaga Pengarah mematuhi dasar dalaman yang memerlukan mereka menghadiri pelbagai program latihan dan bengkel mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Kumpulan, yang dianjurkan secara dalaman, dan juga secara kerjasama dengan penyedia latihan luar. Ahli-ahli Lembaga Pengarah telah menghadiri program latihan utama iaitu Pendidikan Pengarah-pengarah Institusi Kewangan (FIDE) yang bermula sejak tahun 2010. Selain itu, Kumpulan Maybank merupakan anggota korporat berdaftar bagi FIDE Forum sejak tahun 2012.

FIDE Forum ditubuhkan dengan matlamat untuk membolehkan ahli alumninya mempengaruhi amalan tadbir urus serta pemikir utama dalam institusi kewangan, dan antara lain mendapat manfaat tadbir urus korporat melalui rundingan meja bulat, dan sesi maklumat terkini industri serta maklumat oleh pakar bidang berkenaan. Untuk maklumat terperinci mengenai FIDE Forum, sila rujuk kepada www.fide.org.my.

Perkhidmatan Korporat & Perundangan menyelaras program induksi komprehensif untuk Pengarah-pengarah baharu untuk menyediakan maklumat dan gambaran menyeluruh yang diperlukan bagi membantu mereka memahami operasi Kumpulan dan menghargai cabaran isu-isu yang dihadapi Kumpulan dalam mencapai matlamatnya. Program ini meliputi perkara-perkara seperti strategi dan perniagaan Kumpulan, pemprosesan kerja dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, serta tugas-tugas dan tanggungjawab Pengarah-pengarah institusi berlesen.

Lembaga Pengarah secara berterusan menilai keperluan latihan para Pengarah dengan merujuk kepada penilaiannya dan mengenal pasti bidang-bidang utama yang menjadi tumpuan bagi program latihan.

Program latihan, persidangan dan forum yang dihadiri oleh para Pengarah bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

<u>FIDE/ICLIF</u>

- Program Teras FIDE: Modul A (Insurans) – Kedinamikan Lembaga Pengarah: Bual Bicara bersama Pengerusi
- Program Teras FIDE Modul (B) – Pengawasan Lembaga Pengarah Mengenai Pengurusan, Penetapan Strategi dan Mencegah Kegagalan; serta Menangani Isu Hubungan Sesama Insan dan Etika Kuandari
- Pelan Pemulihan & Penyelesaian (RRP) dalam Institusi Kewangan: Lembaga Pengarah Membuka Jalan
- Pengurusan Modal Insan dalam Kamar Lembaga Pengarah & "C-Suite" – Kelengkapan dan Teknik untuk Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan
- "Risiko: Datang Dari Mana?", anjuran FIDE
- Sesi Penglibatan dengan Institusi Kewangan – Jawatankuasa Penamaan Lembaga Pengarah
- Kaji Selidik Imbuhan Pengarah 2014: Temuduga Pengarah oleh FIDE Forum & PwC
- Penggabungan & Pengambilalihan oleh Institusi Kewangan

<u>Seminar/Persidangan Luar</u>

- Persidangan Pengarah-Pengarah Penama PNB 2014
- Invest ASEAN 2014, dianjurkan oleh Maybank Investment Bank Bhd
- Forum Kewangan Islam Global, dianjurkan oleh Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia
- Persidangan Pengarah-Pengarah Wanita 2014 - 2020 Memanfaatkan Kepelbagaian Prestasi Lembaga, yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Siri Syarahan Kewangan Antarabangsa Labuan 2014, anjuran Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan
- "Syarikat Hebat memerlukan Lembaga Pengarah Yang Hebat dan Lembaga Pengarah Yang Hebat Membuka Laluan bagi Syarikat Berinovasi Tinggi" oleh Beverly Behan, anjuran PNB
- Sesi Penglibatan MITI dan BNM bersama Institusi Perbankan, anjuran BNM
- "Menguruskan Jangkaan Pemegang Saham dalam Aliran Perniagaan Yang Pantas Berubah ke Arah Penciptaan Nilai", dianjurkan oleh PNB
- "Daya Saing Global dan Pengalaman Malaysia", anjuran PNB
- "Meningkatkan Amalan Audit Dalaman", anjuran Bursa Malaysia
- Forum Khazanah Megatrends 2014 – Mengskalakan Kecekapan Institusi Terkehadapan, Inovasi, Keterangkuman
- "Kesan Sekuriti Siber di Peringkat Lembaga Pengarah", dianjurkan oleh Institut Jawatankuasa Audit
- "Tugasan Tahunan Pengarah, Tadbir Urus dan Pengawalseliaan Terkini ", anjuran Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia
- "Kesalahan lazim yang dilakukan oleh Pengarah di bawah Akta Syarikat 1965 - Perangkap & Pemulihan ", anjuran MAICSA
- "Urus niaga, Tren Global dan Hala Tuju Derivatif Masa Hadapan", anjuran Bursa Malaysia
- "Indeks Persekitaran, Social & Tadbir Urus (ESG)", anjuran Bursa Malaysia

Penyata Tadbir Urus Korporat

Latihan Dalaman Maybank

- Siri Bengkel Harvard 2014: Prof Richard Vietor dan Prof Madya Diego Comin
- Persidangan Undang-undang Maybank
- "Guru Series: Dari Swasta ke Awam: Perjalanan Setakat Ini" oleh YB Dato' Sri Abdul Wahid Omar
- "Guru Series: Pengambilan Risiko dan Membuat Keputusan" oleh Casper Berry
- Taklimat FATCA-PDPA untuk Lembaga Pengarah
- Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Menangani Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) Sesi Ulangan
- Bengkel Tahunan Risiko Maybank

Pada akhir tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, semua Pengarah telah mematuhi Program Akreditasi Mandatori (MAP), selaras dengan Keperluan Penyenaraian, kecuali Encik Cheng Kee Check, yang hanya dilantik baru-baru ini iaitu pada 19 November 2014. (*Encik Cheng Kee Check telah berjaya menyelesaikan MAP yang telah diadakan pada 11 dan 12 Februari 2015*.)

Selain daripada menghadiri pelbagai program latihan, sebilangan Pengarah juga telah dijemput untuk berucap di persidangan dan seminar yang dianjurkan oleh badan-badan kawal selia dan persatuan profesional.

PROFESIONALISME LEMBAGA PENGARAH

Jawatan Pengarah dalam Syarikat-syarikat lain

Sebagai mematuhi syarat Keperluan Penyenaraian dan selari dengan amalan terbaik saranan Buku Hijau, setiap ahli Lembaga Pengarah tidak boleh memegang lebih daripada lima jawatan Pengarah dalam syarikat senarai awam. Ini adalah supaya mereka boleh melaksanakan tugas secara berkesan bagi memastikan komitmen, sumber dan masa ditumpukan sepenuhnya ke arah melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan.

Walaupun Lembaga Pengarah menghargai pengalaman dan perspektif yang diperoleh oleh Pengarah Bukan Eksekutif daripada perkhidmatan mereka di syarikat-syarikat, pertubuhan dan persatuan lain, Buku Panduan Lembaga Pengarah yang dikeluarkan sejak 2010 menetapkan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif mesti berunding dengan Pengerusi untuk penerimaan apa jua pelantikan syarikat-syarikat lain supaya memastikan ia tidak akan menjejaskan komitmen masa dan tanggungjawab kepada Lembaga Pengarah Maybank dan Kumpulan *(Cadangan 4.1 daripada MCCG 2012)*.

NRC menilai kebebasan seseorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dalam subsidiari berlesen Kumpulan Maybank berdasarkan satu deklarasi yang menyatakan mereka tidak menerima arahan dari mana-mana pihak termasuk Maybank *(Cadangan 3.1 daripada MCCG 2012)*. Dalam hal ini, semua Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Maybank telah mematuhi keperluan BNM/GP1 yang berkaitan. Selain itu, setiap subsidiari utama dalam Kumpulan juga telah melantik Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang bukan ahli kepada Lembaga Pengarah Maybank untuk memastikan keseimbangan optimum di antara ahli lembaga pengarah daripada segi pengarah bebas dalaman dan luaran.

Percanggahan kepentingan

Sememangnya menjadi amalan Kumpulan Maybank memerlukan ahli-ahli Lembaga Pengarah membuat deklarasi pada mesyuarat Lembaga Pengarah sekiranya mereka mempunyai kepentingan dalam cadangan yang sedang dipertimbangkan termasuk kepentingan yang wujud menerusi keluarga rapat ahli Lembaga Pengarah, selari dengan pelbagai keperluan berkanun mengenai pendedahan kepentingan Pengarah. Dalam setiap keadaan, mana-mana pengarah yang berkepentingan akan mengecualikan diri mereka dari menghadiri perbincangan dan perbahasan. Ini ditunjukkan dalam minit mesyuarat tersebut.

Urus niaga Dalaman

Pengarah, kakitangan pengurusan utama dan pegawal kanan Kumpulan Maybank dilarang terbabit dalam transaksi sekuriti atau apa jua yang berkaitan hartanah berdasarkan maklumat dan pengetahuan sensitif yang belum dimaklumkan kepada awam. Peraturan ini selari dengan Keperluan Penyenaraian dan peruntukan yang berkaitan dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Notis untuk tempoh dagangan saham Maybank ditutup diedarkan terlebih dahulu kepada para Pengarah, kakitangan pengurusan utama dan pegawai-pegawai kanan yang berpotensi memiliki maklumat dan pengetahuan sensitif. Apa jua urusan saham oleh para Pengarah dan pegawai kanan akan didedahkan kepada umum, selaras dengan peruntukan yang berkaitan dalam Keperluan Penyenaraian.

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Pengagihan tanggungjawab tadbir urus tertentu telah dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah bagi pihak jawatankuasa-jawatankuasa Pengarah yang beroperasi menurut terma rujukan yang jelas bagi membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Walaupun Lembaga Pengarah telah memberi kuasa kepada jawatankuasa-jawatankuasa ini untuk membin cangkan dan membuat keputusan untuk beberapa perkara operasi, tugas utama membuat keputusan akhir tetap milik Lembaga Pengarah keseluruhannya. Pengerusi Jawatankuasa Lembaga akan mengusulkan dan membentangkan laporan mengenai aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berkenaan di mesyuarat Lembaga pada setiap bulan.

Jawatankuasa Lembaga Pengarah adalah seperti berikut: -

1. Jawatankuasa Audit
2. Jawatankuasa Semakan Kredit
3. Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan
4. Jawatankuasa Pengurusan Risiko
5. Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit telah diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti mengikut Terma-terma Rujukannya dan memiliki akses tanpa had dalam audit luaran dan dalaman serta ahli pengurusan kanan Kumpulan.

Aktiviti yang dilakukan oleh Jawatankuasa Audit yang bermesyuarat 14 kali dalam tahun kewangan, telah diringkaskan dalam Laporan Jawatankuasa Audit dan Terma-terma Rujukannya sebagaimana dinyatakan di muka surat 184 Laporan Tahunan ini. Ahli Jawatankuasa Audit adalah seperti yang tertera di muka surat 184 dalam Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa Semakan Kredit

Tanggungjawab Jawatankuasa Semakan Kredit termasuk, antara lain, yang berikut:

1. Untuk menyemak/menolak pinjaman yang di luar kuasa budi bicara Jawatankuasa Kredit Pengurusan Kumpulan (GMCC);
2. Mengkaji semula/menolak, dengan kuasa untuk membantah atau menyokong, semua cadangan yang dikemukakan oleh GMCC kepada Lembaga untuk kelulusan/pengesahan;
3. Mengkaji semula/menolak, dengan kuasa untuk membantah atau menyokong, semua had global (dan mana-mana peningkatan ke atasnya) yang disarankan oleh GMCC kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Juga untuk mengesahkan setiap tahun had global sedia ada yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan dicadangkan oleh GMCC untuk pembaharuan;
4. Menjalankan lain-lain tanggungjawab yang mungkin diserahkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa; dan
5. Untuk mengawasi keseluruhan fungsi pengurusan kredit yang meliputi, tetapi tidak terhad kepada, portfolio, proses awal-ke-akhir, infrastruktur, sumber dan tadbir urus.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Jawatankuasa bertemu sebanyak 13 kali semasa tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2014. Ahli Jawatankuasa Semakan Kredit dan butiran lanjut tentang kehadiran mesyuarat telah dinyatakan pada muka surat 171 Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan (NRC)

NRC terdiri daripada Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif, majoritinya terdiri daripada pengarah bebas dan ketika ini dipengerusikan oleh Naib Pengerusi Bebas Maybank *(Prinsip 2, Cadangan 2.1 dan 2.3 daripada MCCG 2012)*.

Tanggungjawab NRC antara lain adalah seperti berikut:-

1. Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan, kenaikan pangkat dan imbuhan serta dasar pampasan bagi eksekutif dalam jawatan pengurusan utama;
2. Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, rangka kerja bagi Pembangunan Kepimpinan Kumpulan.
3. Untuk menyelia pemilihan Pengarah dan komposisi am Lembaga Pengarah Maybank (saiz, kemahiran dan keseimbangan antara Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif);
4. Untuk mengkaji keberkesanan Lembaga Pengarah bagi memastikan ia selari dengan hala tuju strategik Kumpulan.
5. Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Maybank, rangka kerja dan dasar imbuhan para Pengarah meliputi yuran, elaun dan faedah barangan akibat menjalankan tugas mereka sebagai Pengarah bagi semua Lembaga Pengarah dan jawatankuasa serta bagi PCEO Kumpulan dan para pegawai pengurusan kanan;
6. Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Maybank tentang dasar berkaitan tempoh perkhidmatan Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif;
7. Untuk menilai prestasi dan keberkesanan individu dan ahli-ahli Lembaga Pengarah secara kumpulan termasuk Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan subsidiari-subsidiarinya serta prosedur bagi membuat penilaian;
8. Untuk mencadangkan langkah-langkah dalam meningkatkan keberkesanan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasanya:
9. Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Maybank, satu rangka kerja /model pengurusan prestasi, termasuk mengadakan parameter bagi sasaran prestasi yang sesuai dan penanda aras bagi Kad Skor Seimbang PCEO Kumpulan di awal setiap tahun kewangan;
10. Untuk menyediakan perancangan penggantian, pengurusan bakat dan penilaian prestasi eksekutif dalam jawatan pengurusan utama;
11. Untuk menimbang dan mencadangkan penyelesaian kepada isu-isu konflik kepentingan yang menjejaskan Pengarah-pengarah;
12. Untuk membuat penilaian tahunan supaya memastikan para Pengarah, individu utama yang bertanggungjawab dan Setiausaha Syarikat tidak hilang kelayakan di bawah subseksyen 59 (1) Akta Perkhidmatan Kewangan; dan
13. Untuk menyemak keperluan dan program latihan untuk para Pengarah

Ringkasan aktiviti utama pada tahun 2014 adalah antara lain, seperti berikut:-

1. Sebahagian daripada taksiran tahunan Lembaga Pengarah, NRC telah mentaksirkan antara lain, prestasi pengarah yang akan bersara pada Mesyuarat Umum Tahunan dan telah memberi cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk pemilihan semula;
2. NRC telah memberi cadangan kepada Lembaga Pengarah saiz dan keseimbangan yang sesuai dengan kemahiran dan pengalaman untuk memastikan keberkesanan Lembaga Pengarah.
3. NRC telah mentaksirkan prestasi Lembaga Pengarah secara menyeluruh seperti yang terdapat di dalam Taksiran Tahunan Lembaga Pengarah yang merangkumi prestasi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan ahli Pengarah untuk memastikan keberkesanan Lembaga Pengarah.
4. NRC telah mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah program latihan yang sesuai untuk dihadiri yang releven kepada industry dan di mana Maybak beroperasi.
5. NRC telah mengesyorkan semakan semula Lembaga Pengarah untuk Syarat-Syarat Rujukan sedia ada NRC untuk memastikan ia konsisten dengan undang-undang dan peraturan;
6. NRC telah menilai dan mengenal pasti kelayakan dan kesesuaian Lembaga Pengarah dan Eksekutif Kanan mengenai pelantikan ke dalam Lembaga Pengarah Maybank dan anak-anak syarikat.
7. NRC telah mengesyorkan pelantikan/pelantikan semula calon yang sesuai untuk menjadi ahli Jawatankuasa Syariah Maybank Islamic Berhad;
8. NRC telah menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tentang imbuhan bagi Pengarah Bukan-Bebas Maybank;
9. NRC telah menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tentang prestasi ahli Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan selain mengkaji semula imbuhan mereka.
10. NRC telah menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tentang pelantikan eksekutif kanan untuk jawatan pengurusan utama di dalam Kumpulan.
11. NRC telah mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tentang dasar pelantikan eksekutif kanan Lembaga Pengarah Kumpulan Maybank.
12. NRC menyelia rancangan penggantian dan pengurusan bakat eksekutif kanan Maybank;
13. NRC telah mengesyorkan kepada Kumpulan sebuah rangka kerja berkaitan dengan pengkategorian Kumpulan Syarikat Maybank; dan
14. NRC telah mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah sebuah kajian tahunan jumlah imbuhan untuk Kumpulan.

NRC telah mengadakan 10 mesyuarat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. Ahli-ahli NRC dan butir-butir kehadiran mesyuarat oleh ahli-ahli tertera pada muka surat 172 dalam Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)

Peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi pengawasan risiko termasuk yang berikut:-

1. Untuk mengkaji semula dan meluluskan strategi pengurusan risiko, rangka kerja risiko, dasar-dasar risiko, toleransi risiko dan had penerimaan risiko;
2. Untuk mengkaji semula dan menilai kecukupan dasar dan rangka kerja pengurusan risiko dalam mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko dan sejauh mana mereka beroperasi dengan berkesan;
3. Untuk memastikan infrastruktur, sumber dan sistem tersedia untuk pengurusan risiko, iaitu memastikan kakitangan yang bertanggungjawab melaksanakan sistem risiko pengurusan menjalankan tugas berkenaan secara bebas daripada kegiatan pengambilan risiko institusi kewangan; dan
4. Untuk mengkaji semula laporan berkala tentang pendedahan risiko, komposisi portfolio risiko dan kegiatan pengurusan risiko.

Tugas khusus Jawatankuasa Pengurusan Risiko dalam mengurus risiko meliputi yang berikut:-

1. Untuk mengkaji semula kesan risiko ke atas kecukupan modal serta keuntungan dan kualiti aset di bawah senario tekanan;
2. Mengkaji semula dan menilai proses penilaian kecukupan modal dalaman (ICAAP), tahap modal kawal selia dan dalaman bagi Maybank, berbanding profil risikonya;
3. Mengkaji semula dan mencadangkan tindakan strategik yang perlu diambil oleh Bank akibat peraturan kawal selia yang memberi kesan kepada amalan pengurusan risiko untuk kelulusan Lembaga Pengarah;
4. Untuk mengkaji semula, mencadangkan dan meluluskan langkah-langkah pembetulan untuk menangani kebimbangan terhadap risiko seperti yang diketengahkan oleh pelbagai pihak berkuasa kawal selia setempat, di mana berkaitan;
5. Untuk mengkaji semula dan meluluskan produk dan perkhidmatan baharu dan memastikan pematuhan dengan garis panduan sedia ada yang dikeluarkan oleh BNM atau badan kawal selia yang berkenaan;
6. Untuk menyelia resolusi keputusan Penarafan Risiko Komposit BNM bagi Kumpulan Maybank;
7. Menyediakan pengawasan mengenai kebimbangan pengurusan risiko khusus dalam Sektor Perniagaan Kumpulan;
8. Menyerahkan isu-isu operasi yang bersesuaian kepada Pengurusan untuk tindakan mereka yang selanjutnya;
9. Untuk menjalankan tanggungjawab lain yang diserahkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa; dan
10. Mengkaji semula dan meluluskan Terma Rujukan (TORs) Jawatankuasa Risiko Eksekutif dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko di peringkat cawangan subsidiari atau luar negeri.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Jawatankuasa RMC lazimnya bertemu sembilan kali sepanjang tahun kewangan dengan mesyuarat tambahan diadakan untuk menangani isu-isu segera yang memerlukan pertimbangan mereka. Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, sembilan mesyuarat telah diadakan. Pengerusi dan kesemua ahli Jawatankuasa merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Ahli RMC dan maklumat kehadiran ahli-ahlinya dinyatakan dalam muka surat 172 Laporan Kewangan ini.

Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan (Jawatankuasa ESS)

Skim Saham Kakitangan (ESS) ditubuhkan bagi memberikan pelan insentif jangka panjang dan juga untuk menyelaraskan kepentingan kakitangan dengan matlamat Kumpulan Maybank. Ini bagi mewujudkan peningkatan nilai yang berterusan bagi organisasi dan pemegang saham. Tawaran pertama di bawah ESS ini diberikan pada 23 Jun 2011 kepada semua kakitangan yang layak.

Lembaga Pengarah telah menyerahkan tanggungjawab kepada Jawatankuasa ESS untuk menentukan semua persoalan terhadap dasar dan kewajaran daripada pentadbiran ESS dan untuk melaksanakan langkah-langkah perlu untuk menjana yang terbaik bagi pihak Bank.

Tanggungjawab menyeluruh Jawatankuasa ESS seperti digariskan dalam Terma Rujukan termasuk untuk mentadbir ESS dan untuk mencadangkan sasaran/kriteria kewangan dan prestasi kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan sebelum pelaksanaan serta apa jua syarat yang dirasakan sesuai.

Semua ahli Jawatankuasa ESS merupakan Pengarah Bukan Eksekutif. Mesyuarat diadakan pada bila-bila masa Jawatankuasa ESS diperlukan untuk mempertimbangkan hal-hal penting dengan kadar segera.

Sebanyak enam mesyuarat Jawatankuasa ESS telah diadakan dalam tahun kewangan yang dikaji. Ahli Jawatankuasa ESS dan maklumat mengenai kehadiran mesyuarat ahli-ahlinya dinyatakan dalam muka surat 172 Laporan Tahunan ini.

JAWATANKUASA PENGURUSAN PERINGKAT EKSEKUTIF (ELC)

Dengan sokongan Lembaga Pengarah, PCEO Kumpulan telah mewujudkan pelbagai ELC dan memberikan sebahagian kuasanya untuk membantu dan menyokong Jawatankuasa Lembaga Pengarah berkaitan operasi Bank. ELC utama, yang mana kebanyakan dipengerusikan oleh PCEO Kumpulan atau Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan
- Jawatankuasa Pengurusan Kredit Kumpulan
- Jawatankuasa Audit Dalaman
- Jawatankuasa Risiko Eksekutif
- Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti
- Jawatankuasa Kakitangan Kumpulan
- Jawatankuasa Pemerolehan Kumpulan
- Jawatankuasa Hala Tuju IT Kumpulan

PERHUBUNGAN PELABUR DAN KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM

Perhubungan Pelabur (IR) merupakan fungsi penting dalam rangkai kerja tadbir urus korporat Maybank yang memastikan para pemegang saham, pemegang kepentingan, pelabur dan komuniti pelaburan di dalam dan luar negara diberikan maklumat yang sewajarnya, tepat pada masa dan komprehensif tentang Kumpulan. Unit IR Maybank komited dalam menyediakan komunikasi terbuka dan efektif untuk memperbaiki tahap pendedahan dan ketelusan.

Maybank berpandukan kepada Dasar Perhubungan Pelabur yang merupakan rangka kerja dasar-dasar, prosedur dan proses-proses yang merupakan asas kepada program Perhubungan Pelabur dan ia juga menonjolkan aliran komunikasi oleh jurucakap Maybank yang dilantik.

Program Perhubungan Pelabur dilaksanakan sepanjang tahun kewangan bagi memastikan aktiviti yang terancang dikendalikan untuk memaklumkan strategi, prestasi operasi, keputusan kewangan, dan perkembangan Maybank kepada Bursa Malaysia, penganalisis, pelabur, pemegang saham dan lain-lain pemegang kepentingan dalam tempoh masa yang tepat serta terbuka dan secara komprehensif.

Keputusan Suku Tahun

Keputusan kewangan suku tahunan Maybank dikeluarkan pada waktu rehat dagangan tengah hari yang segera diikuti dengan taklimat media dan penganalisis dan/atau sidang panggilan. Taklimat media dan penganalisis dikendalikan serentak dengan sidang panggilan dalam tempoh separuh tahun dan tahun kewangan penuh. Sidang panggilan pula diadakan dalam suku pertama dan ketiga. Penyata kewangan, kertas pembentangan dan siaran media turut dihantar secara e-mel selain disediakan untuk tontonan umum di laman sesawang korporat bagi menyediakan pemahaman lebih baik kepada pemegang saham mengenai prestasi Maybank. Tempoh berdiam diri selama dua minggu sebelum pengumuman keputusan kewangan diambil bagi mengelakkan prestasi kewangan terkini terdedah secara tidak sengaja.

Persidangan dan Jelajah Promosi

Perhubungan pihak berkepentingan dikendalikan melalui persidangan dan jelajah promosi yang dianjurkan di dalam atau luar negara, di mana pengurusan kanan akan berkomunikasi mengenai strategi Kumpulan, kemajuan pelbagai inisiatif dan maklumat terkini untuk membolehkan pihak berkepentingan memahami operasi Maybank dengan lebih baik.

Mesyuarat Pelabur

Unit Perhubungan Pelabur mengadakan mesyuarat pertemuan secara bersemuka dan berkumpulan dengan penganalisis, pelabur dan pelabur berpotensi sepanjang tahun bagi menyediakan maklumat yang konsisten untuk komuniti pelabur. Pertemuan dengan pengurusan kanan turut disediakan bagi memastikan penganalisis dan pelabur-pelabur yang penting boleh bertemu dengan eksekutif utama. Unit Perhubungan Pelabur turut berhubung dengan rakan di Indonesia, menyelaras aktiviti IR bagi penganalisis dan pelabur untuk bertemu dengan pengurusan syarikat subsidiari Maybank, Bank Internasional Indonesia.

Hari Pelabur

Hari pelabur dianjurkan beberapa kali dalam setahun untuk menyediakan platform bagi unit-unit perniagaan terpilih, diketuai oleh ahli Jawatankuasa Eksekutif masing-masing, bertemu dengan para penganalisis dan pelabur. Ia bertujuan menjelaskan mengenai strategi perniagaan, operasi dan prestasi kewangan yang membolehkan ketelusan lebih besar dan pemahaman lebih terperinci mengenai fungsi-fungsi perniagaan utama dalam Kumpulan Maybank.

Laman Sesawang Korporat

Laman sesawang korporat Maybank di www.maybank.com menyediakan laluan lengkap dan mudah untuk maklumat terkini mengenai Kumpulan. Maklumat yang terkandung di laman sesawang ini termasuk profil korporat, profil pengurusan kanan, maklumat saham dan dividen termasuk Pelan Pelaburan Semula Dividen, pembentangan kertas kerja pelabur, keputusan kewangan, laporan tahunan, berita korporat, serta operasi Maybank dan syarikat subsidiarinya di seluruh dunia. Sebagai tambahan, maklumat tentang Struktur Tadbir Urus dan rangka kerja Kumpulan juga disiarkan dalam laman web Korporat Kumpulan.

Pengunjung laman sesawang ini juga boleh mendapatkan maklumat terkini mengenai Maybank menggunakan e-mel dan saluran RSS menerusi langganan di laman sesawang. Selain itu, pemegang kepentingan boleh mendapatkan pengumuman yang dibuat oleh Maybank kepada Bursa Malaysia di laman sesawang Bursa Malaysia di www.bursamalaysia.com.

Laporan Tahunan

Laporan tahunan Maybank menyediakan laporan yang lengkap mengenai operasi dan prestasi kewangan Kumpulan bagi tahun dalam kajian. Ia menyediakan pendedahan penuh dan mematuhi peraturan yang sewajarnya untuk memastikan ketelusan. Laporan tahunan juga dicetak dalam bentuk ringkasan disertakan bersama dengan CD-ROM. Laporan tahunan versi dalam talian juga boleh didapati di laman sesawang korporat Maybank.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Liputan Media

Liputan media mengenai Maybank dan pengurusan kanan, sama ada menerusi media cetak atau liputan TV turut menjadi alat perhubungan untuk menyediakan publisiti yang meluas dan meningkatkan pemahaman umum mengenai perniagaan Maybank di kalangan pelabur dan awam.

Penarafan Kredit

Penarafan kredit Maybank disediakan oleh lima agensi penarafan iaitu Standard and Poor's, Fitch Ratings, Moody's Investors Services, RAM Ratings Services Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC) sebagai sebahagian daripada penyediaan pendapat yang bebas mengenai kedudukan kewangan dan kewajaran kredit Maybank serta terbitan hutang kepada pelabur pendapatan tetap dan lain-lain pemegang kepentingan.

Maklumat Terperinci Jurucakap IR

Mohamed Rafique Merican
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan
Hubungi: (6)03 2074 7878
E-mel: rafique@maybank.com.my

Narita Naziree
Ketua, Pelaporan Prestasi Kumpulan & Perhubungan Pelabur
Hubungi: (6)03 2074 8017
E-mel: naritanaziree.a@maybank.com.my

Untuk maklumat mengenai aktiviti perhubungan pelabur yang dikendalikan dalam tahun kewangan, sila rujuk di muka surat 103.

MESYUARAT AGUNG

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) Kumpulan merupakan platform utama untuk interaksi dua hala antara pemegang-pemegang saham, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kumpulan. Selari dengan demokrasi pemegang saham dan polisi ketelusan yang digunapakai oleh Kumpulan, kelulusan pemegang saham diperlukan dalam setiap perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada pemilihan dan pelantikan pengarah-pengarah, penggabungan yang signifikan, pembelian dan penjualan serta pelantikan juruaudit dan pembayaran dividen.

Kehadiran pemegang saham pada mesyuarat agung Kumpulan adalah tinggi sebagaimana ditunjukkan dengan kehadiran 3,145 pemegang saham dalam AGM ke-54 bagi tahun kewangan 2013. Penyertaan aktif pemegang saham adalah digalakkan semasa AGM, yang menjadi platform terbuka kepada pemegang saham untuk mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan item-item dalam agenda AGM. Tindak balas serta penjelasan yang wajar diberikan segera oleh ahli Lembaga kepada para pemegang saham.

Maybank meneruskan amalan menggalakkan para pemegang saham untuk menghantar soalan-soalan secara bertulis lebih awal sebelum mesyuarat bermula, menggunakan borang-borang yang disediakan semasa pendaftaran. Saluran tambahan ini yang memberi peluang kepada pemegang saham menanyakan soalan mereka, membolehkan Bank menyediakan jawapan lebih awal dan mengumpulkan soalan-soalan yang sama supaya jawapan yang lebih komprehensif dapat diberikan. Langkah ini menyebabkan mesyuarat berjalan secara lebih berkesan dan memberikan Bank peluang menangani lebih banyak soalan daripada peserta. Ia bukanlah untuk menyekat hak para pemegang saham daripada bercakap di dalam mesyuarat. Malah para pemegang saham masih lagi boleh mengutarakan soalan atau memberi pandangan selepas sesi soal jawab bertulis selesai.

Selain itu, pertanyaan yang dibuat oleh MSWG mengenai perniagaan Maybank atau isu-isu tadbir urus penting lain yang ditimbulkan sebelum mesyuarat serta maklum balas Maybank akan dikongsi dengan semua para pemegang saham semasa AGM. Keputusan undian bagi setiap resolusi juga diumumkan segera kepada para pemegang saham di dalam AGM selepas proses undian. Minit mesyuarat AGM turut disediakan di laman sesawang Maybank.

Selari dengan Cadangan 8.2 MCCG 2012 mengenai undian pemilihan, Maybank sentiasa membuat persediaan bagi pemilihan untuk semua resolusi di AGM termasuk pelantikan pemerhati luar untuk memastikan prosedur proses pemilihan yang memuaskan sebelum AGM dan memantau pengiraan undi semasa AGM sekiranya terdapat permintaan yang sah untuk pungutan suara. Lembaga Pengarah turut memberi perhatian terhadap Cadangan 8.1 dan 8.2 MCCG 2012 mengenai pemilihan dalam talian, 'e-voting' dan akan mencari kesesuaian dan kemungkinan untuk menggunakan pendekatan elektronik bagi kedua-dua proses mengangkat tangan dan undian pemilihan. Ini dapat memudahkan penyertaan pemegang saham berikutan asasnya yang lebih besar dan kerumitan berkaitan logistik dengan mengambil kira tentang keutuhan aplikasi itu, kesesuaian penggunaannya, kos dan keberkesanannya.

Selain daripada AGM dan EGM, para pemegang saham dan pemerhati pasaran juga dialu-alukan untuk mengemukakan persoalan pada bila-bila masa melalui Bahagian Hal Ehwal Korporat dan Bahagian Perhubungan Pelabur Kumpulan.

STRUKTUR PEMILIKAN

Saham-saham Maybank kebanyakannya dipegang oleh pemegang saham institusi yang menguasai struktur pemilikannya. Sehingga 31 Disember 2014, tiga pemegang saham teratas ialah Skim Amanah Saham Bumiputra (ASB) dengan pegangan 38.46%, Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebanyak 12.44% dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) 5.37%, menjadikan jumlah keseluruhan 56.27%.

Walaupun ketiga-tiga pemegang utama saham Maybank menguasai lebih separuh daripada jumlah modal berbayarnya, Maybank tidak tertakluk kepada sebarang pengaruh daripada para pemegang saham utama yang juga tidak memegang jawatan pengurusan dalam Kumpulan. Pengaturan sebegini memastikan tahap tadbir urus korporat berada pada paras tertinggi dan membolehkan Kumpulan sentiasa berusaha untuk mewujudkan nilai bagi pemegang sahamnya.

Struktur pemegang saham adalah telus dan dinyatakan di muka surat 224 Laporan Tahunan ini. Sebarang maklumat terkini dalam struktur pemegangan saham boleh didapati dengan mengemukakan permintaan kepada kakitangan pengurusan yang menjaga Perhubungan Pelabur. Struktur pemegangan saham sedia ada secara keseluruhannya mengandungi Saham Biasa dan tidak mempunyai perbezaan kelas.Tiada had bagi pemegangan Asing dan Tatacara dan Tataurus Syarikat tidak mempunyai sebarang peruntukan jelas yang menghalang sebarang pemerolehan. Bagaimanapun, Bank adalah tertakluk kepada FSA, yang mengandungi sekatan tertentu terhadap pemilikan saham.

Sebagai sebahagian daripada usaha Maybank untuk mengembangkan mudah tunai dan asas pemegang saham, ia telah menubuhkan Program American Depository Receipt (ADR) Tajaan Tahap 1 yang diurus niaga secara tidak rasmi di Amerika Syarikat sejak bulan Mei 2005 pada asas satu ADR bersamaan dua saham Maybank. Perkhidmatan Kustodi Maybank pula memegang sekuriti untuk Maybank dan jumlah baki ADR ialah 10,312,447 setakat 31 Disember 2014. Peratusan sekuriti yang mana ADR telah diterbitkan berbanding modal saham terbitan dan berbayar Maybank ialah 0.11%.

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

Pelaporan Kewangan dan Pendedahan

Pelaporan Kewangan

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab fidusiari untuk membentangkan penilaian yang jelas, seimbang dan bermakna terhadap kedudukan kewangan, prestasi dan prospek Kumpulan dan bank kepada para pemegang saham dan awam. Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Audit untuk menyelia proses laporan kewangan dan mutu penyata kewangan tersebut.

Pendedahan mengenai Ulasan, Petunjuk dan Laporan Kewangan

Ulasan kewangan Kumpulan dan Maybank serta petunjuk bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 dikemukakan pada muka surat 96 hingga 102 dalam Laporan Tahunan ini.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Penyata kewangan Maybank untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 telah diumumkan pada 26 Februari 2015, kurang daripada 60 hari selepas tahun kewangan Maybank berakhir.

Penyata Tanggungjawab Pengarah

Lembaga Pengarah juga memastikan bahawa penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang disediakan setiap tahun kewangan memberi satu pandangan yang benar dan adil selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Penyata Tanggungjawab Pengarah berhubung persediaan penyata kewangan beraudit bagi Kumpulan dan Bank dinyatakan dalam muka surat 12 buku Penyata Kewangan Laporan Kewangan 2014.

Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah secara keseluruhannya bertanggungjawab memastikan sistem kawalan dalaman yang kukuh, merangkumi kawalan kewangan, operasi dan pematuhan serta pengurusan risiko bagi memastikan pelaburan pemegang saham, kepentingan pelanggan dan aset Kumpulan dilindungi. Keberkesanan pengurusan risiko dan kawalan dalaman sentiasa disemak secara berterusan untuk dipastikan mampu berfungsi dengan baik.

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (ACB) menilai dari semasa ke semasa, keberkesanan dan kecukupan sistem kawalan dalaman Kumpulan dengan meninjau tindakan yang diambil terhadap kesilapan/kekurangan yang dikenal pasti dalam laporan-laporan yang disediakan oleh Audit Kumpulan di mesyuarat-mesyuarat yang dijadualkan. Jawatankuasa Audit juga menyemak cadangan dan maklum balas pengurusan untuk memastikan perkara tersebut ditangani dengan secukupnya dan segera.

Penyata berhubung Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman telah dikemukakan pada muka surat 181 Laporan Tahunan ini dan ia memberikan gambaran keseluruhan keadaan kawalan dalaman Kumpulan.

Dasar Pemberi Maklumat

Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa rangka kerja pemberi maklumat dikenali sebagai Talian Pendedahan Integriti (sebelum ini dikenali sebagai Talian Pendedahan Pelaporan Penyelewengan) yang dilaksanakan pada tahun 2004 mencukupi. Semua kakitangan Kumpulan boleh melaporkan sebarang penyelewengan atau salah laku termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kejadian tidak beretika seperti kegiatan jenayah atau pelanggaran undang-undang/peraturan oleh kakitangan lain atau sesiapa yang berurusan dengan Kumpulan melalui saluran-saluran berikut tanpa bimbang dengan akibat yang akan timbul:

- Talian Bebas Tol bagi Rakaman Mesej 1-800-38-8833 atau dari seberang laut 603-20268112
- Alamat e-mel yang dilindungi di integrity@maybank.com.my
- Alamat Peti Surat Terjamin, Peti Surat 11635, 50752 Kuala Lumpur, Malaysia

Saluran-saluran ini melindungi kakitangan yang khuatir untuk memberi maklumat kerana bimbang dengan akibat yang akan timbul berikutan membuat laporan yang benar, dan jaminan identiti mereka dirahsiakan. Semua maklumat dan identiti pemberi maklumat dilindungi di bawah dasar tersebut. Aduan yang dibuat tanpa menyatakan nama juga boleh dipertimbangkan sekiranya aduan itu jelas dan spesifik. Maklumat lanjut tentang dasar itu dinyatakan pada muka surat 196 Laporan Tahunan ini.

Hubungan dengan juruaudit

Audit Dalaman

Audit Kumpulan melaporkan kepada ACB dan mempunyai akses tidak terhad kepada ACB. Fungsinya adalah bebas daripada sebarang aktiviti atau operasi unit-unit lain. Audit Kumpulan secara kerap menilai keberkesanan proses pengurusan berisiko, mengkaji semula keberkesanan sistem kawalan dalaman dan kawalan pematuhan di seluruh Bank dan Kumpulan. Ketua Audit Eksekutif Kumpulan dijemput untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk memudah cara penyampaian laporan audit. Minit mesyuarat itu kemudiannya akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman dan rujukan berguna khususnya jika terdapat isu-isu penting yang ingin diketengahkan kepada Lembaga Pengarah.

Juruaudit Luar

ACB dan Lembaga Pengarah memberikan tumpuan yang penting terhadap objektif dan kebebasan Juruaudit Bank, iaitu Tetuan Ernst & Young, dalam menyediakan laporan yang relevan dan telus kepada pemegang saham. Sebagai pengukur bagi memastikan pendedahan penuh perkara berkenaan, Juruaudit Bank kerap kali dipelawa untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit (dan juga Mesyuarat Agung Tahunan), selain daripada perbincangan dua kali setahun dengan Jawatankuasa Audit tanpa kehadiran pengurusan kanan.

Laporan penuh Jawatankuasa Audit yang menggariskan peranan berkenaan kepada juruaudit dalam dan luaran dikemukakan dalam muka surat 184 hingga 187 Laporan Tahunan ini.

Kod Etika dan Perilaku Kumpulan Maybank

Selain BNM/GP1 dan Kod Etika Pengarah Syarikat yang diwujudkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Kumpulan juga mempunyai Kod Etika dan Perilaku yang menyatakan prinsip-prinsip dan piawaian amalan terbaik dalam industri perkhidmatan kewangan, yang dipatuhi oleh para Pengarah dan kakitangannya. Kedua-dua pihak itu dikehendaki supaya menjunjung integriti yang tertinggi ketika menjalankan tugas dan berurusan dengan pihak berkepentingan, pelanggan, rakan pekerja dan pengawal selia. Ini adalah selaras dengan Nilai-nilai Teras Kumpulan yang menekankan etika perilaku ketika berurusan dengan pihak ketiga dan kakitangan (*Cadangan 1.3 daripada MCCG 2012*).

Program yang diadakan pada peringkat Kumpulan untuk menerapkan etika yang betul dan juga pematuhan kepada Kod Etika Maybank buat seluruh kakitangan Maybank adalah seperti berikut:-

1. E-Pembelajaran tahunan bagi Pengisytiharaan Kod Etika;
2. Latihan untuk kakitangan yang baru; dan
3. E-kapsul – mesej ditayangkan melalui MyPortal untuk mengingatkan dan memastikan pematuhan kepada Kod Etika.

Ikrar Integriti Korporat

Kumpulan Maybank mengukuhkan komitmen terhadap kebertanggungjawaban dan ketelusannya pada tahap yang tinggi apabila menjadi institusi kewangan pertama di Malaysia memeterai Ikrar Integriti Korporat Malaysia pada bulan Ogos 2011.

Ikrar ini adalah hasil daripada usaha sama antara:-

- Bursa Malaysia Berhad;
- Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- Institut Integriti Malaysia;
- Suruhanjaya Anti-Rasuah Malaysia & Jabatan Pemantauan Rasuah & Koordinasi NKRA;
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan
- Transparency International Malaysia dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri.

Ikrar ini membuktikan kepada umum sokongan Kumpulan dan pendiriannya terhadap anti rasuah di Malaysia dan juga berusaha untuk mewujudkan persekitaran bebas rasuah dalam pelaksanaan perniagaan dan juga interaksi dengan rakan perniagaan serta kerajaan.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Tanggungjawab Korporat

Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa satu keseimbangan yang baik berjaya dicapai antara usaha mewujudkan nilai dengan tanggungjawab korporat. Perincian inisiatif tanggungjawab korporat Kumpulan dinyatakan pada muka surat 198 hingga 205 Laporan Tahunan ini.

MAKLUMAT PEMATUHAN TAMBAHAN PADA 31 DISEMBER 2014

1. Penggunaan Perolehan

   Nota berikut diketengahkan untuk tujuan yang berikut:

   (i) Membiayai modal kerja Maybank, perbankan am dan lain-lain tujuan korporat:

   (a) Nota Subordinat Tahap 2 RM1.6 bilion diterbitkan pada 29 Januari 2014
   (b) Nota Senior JPY30.0 bilion diterbitkan pada 6 Februari 2014
   (c) Nota Senior AUD56.0 juta diterbitkan pada 5 Mei 2014
   (d) Nota Senior AS$50.0 juta diterbitkan pada 12 Mei 2014
   (e) Nota Senior AS$50.0 juta diterbitkan pada 20 Mei 2014
   (f) Nota Senior JPY31.1 bilion diterbitkan pada 22 Mei 2014
   (g) Nota Senior AS$45.0 juta diterbitkan pada 18 Jun 2014
   (h) Nota Senior HK$284.0 juta diterbitkan pada 27 Jun 2014
   (i) Nota Senior HK$707.0 juta diterbitkan pada 15 Ogos 2014
   (j) Nota Senior JPY20.0 bilion diterbitkan pada 21 Ogos 2014
   (k) Nota Senior HK$310.0 juta diterbitkan pada 10 November 2014
   (l) Nota Senior AS$500.0 juta diterbitkan pada 28 November 2014
   (m) Nota Senior CNH200.0 juta diterbitkan pada 19 Disember 2014

   (ii) Membiayai modal kerja Maybank, perbankan am dan lain-lain tujuan korporat termasuk pembiayaan semula sebarang pinjaman yang dibuat dan/atau instrumen hutang yang diterbitkan oleh Maybank dan/atau yang berkaitan:

   (a) Sekuriti Modal Tambahan Tahap 1 RM3.5 bilion diterbitkan pada 10 September 2014.

   (iii) Pembayaran balik kemudahan sedia ada dan/atau modal kerja, perbankan am dan lain-lain tujuan korporat:

   (a) Pinjaman Berjangka AS$700.0 juta dikeluarkan pada 29 Disember 2014.

   (iv) Pelan Pelaburan Semula Dividen (DRP) – Sedang dijalankan

   (a) Jumlah bersih daripada DRP (selepas ditolak anggaran perbelanjaan DRP) adalah bertujuan membiayai pertumbuhan berterusan dan pengembangan Kumpulan Maybank.

2. Belian Balik Saham

   Maybank tidak membuat sebarang cadangan bagi pembelian balik saham pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

3. Opsyen, Waran atau Sekuriti Boleh Tukar

   Maybank tidak menerbitkan sebarang opsyen, waran atau saham boleh tukar sepanjang tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014, kecuali opsyen berkaitan Skim Saham Kakitangan.

4. Pengenaan Sekatan dan/atau Penalti

   Tiada sebarang sekatan dan/atau penalti material telah dikenakan ke atas Maybank dan subsidiarinya, pengarah atau pihak pengurusan oleh badan-badan kawal selia berkaitan, yang diumumkan kepada pihak awam dalam tahun berakhir pada 31 Disember 2014.

5. Fi Bukan Audit

   Fi Bukan Audit dibayar kepada juruaudit-juruaudit luar, Ernst & Young, untuk tahun ini berjumlah RM8,086,000 untuk Kumpulan dan RM5,509,000 untuk Maybank.

6. Kelainan dalam Keputusan

   Tiada unjuran keuntungan yang dikeluarkan oleh Maybank dan subsidiarinya dalam tahun kewangan berahir 31 Disember 2014.

7. Jaminan Keuntungan

   Tiada sebarang jaminan keuntungan dikeluarkan oleh Maybank dan subsidiarinya dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

8. Kontrak Material

   Tiada kontrak material telah dimeterai oleh syarikat dan subsidiarinya melibatkan pengarah-pengarah dan pemegang saham utama, sama ada masih lagi kekal wujud pada akhir tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2014 atau dimeterai sejak akhir tahun kewangan sebelumnya.

9. Dasar Penilaian

   Kumpulan tidak menilai semula hartanah bertanah yang dikelaskan di bawah Hartanah dan Peralatan. Dasar penilaian semula hartanah bertanah diklasifikasi sebagai Pelaburan Hartanah dinyatakan dalam Nota 2.3(xii) Penyata Kewangan Laporan Tahunan 2014.

10. Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan dalam Bentuk Perolehan atau Perdagangan (RRPT)

    Syarikat tidak memeterai atau mendapatkan mandat daripada para pemegang sahamnya terhadap sebarang RRPT bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

Penyata ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 28 Januari 2015.

TAN SRI DATO' MEGAT ZAHARUDDIN MEGAT MOHD NOR
Pengerusi Lembaga Pengarah

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman

Tahun Kewangan berakhir pada 31 Disember 2014

PENGENALAN

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman ini disediakan selaras dengan Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad yang memerlukan Lembaga Pengarah untuk memasukkan ke dalam Laporan Tahunan syarikat mengenai keadaan kawalan dalamannya. Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang telah disemak semula memerlukan semua syarikat tersenarai untuk mewujudkan rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman yang kukuh demi menguruskan risiko dan menjaga pelaburan para pemegang saham serta aset-aset syarikat. Oleh itu, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya menyediakan Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman yang selaras dengan "Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman – Garis Panduan untuk Pengarah Syarikat Senarai Awam" yang disahkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah sedar akan seluruh tanggungjawab dalam mewujudkan rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman yang kukuh disamping menyemak kecukupan dan keberkesanannya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman adalah direka untuk menguruskan risiko-risiko Kumpulan di dalam lingkungan tahap risiko yang boleh diterima dan bukan untuk melenyapkan risiko kegagalan dalam mencapai matlamat perniagaan serta objektif Kumpulan. Justeru ia hanya boleh memberi kepastian yang munasabah dan bukan kepastian sepenuhnya terhadap sebarang kesilapan penyata kewangan material, kerugian atau penipuan.

Lembaga Pengarah telah menyediakan struktur tadbir urus untuk memastikan pendapat efektif terhadap risiko dan kawalan dalam Kumpulan. Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa Kumpulan telah melaksanakan satu proses yang berterusan untuk mengenal pasti, menilai, memantau, mengurus dan bertindak balas terhadap risiko penting yang dihadapi oleh Kumpulan dalam pencapaian matlamat dan objektif perniagaan dengan mengambil kira perubahan dalam persekitaran perniagaan dan keperluan kawal selia. Hasil daripada proses ini telah dipantau dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan. Proses berterusan ini telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan yang dikaji sehingga tarikh kelulusan Penyata ini untuk dimasukkan dalam Laporan Tahunan.

Lembaga Pengarah menerima laporan pada setiap bulan berkaitan dengan perkembangan peraturan dan kekurangan pematuhan yang dikenal pasti dalam Kumpulan. Lembaga memberi tumpuan kepada kekurangan dilaporkan, memahami punca dan mengarahkan Pengurusan untuk mengambil semua langkah yang perlu untuk membetulkan keadaan yang telah menyebabkan kekurangan pematuhan. Ini termasuk pelan pemulihan khusus dan susulan tindakan untuk memastikan kekurangan ditangani.

Tanggungjawab Pengurusan

Pengurusan bertanggungjawab secara keseluruhannya dalam melaksanakan dasar Lembaga Pengarah dan prosedur risiko serta kawalan dan peranannya termasuk:

- Mengenal pasti dan menilai risiko-risiko yang dihadapi dan pencapaian matlamat perniagaan dan strategi-strateginya;
- Membentuk dasar yang berkaitan dan prosedur untuk mengurus risiko-risiko tersebut;
- Merangka, melaksana dan memantau keberkesanan rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman;
- Melaksanakan dasar-dasar yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- Melaksanakan tindakan pemulihan untuk menangani kekurangan pematuhan diarahkan oleh Lembaga; dan
- Melaporkan kepada Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa mengenai sebarang perubahan berkenaan risiko dan tindakan pembetulan.

Struktur Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

Proses-proses utama yang telah diwujudkan oleh Pengarah di dalam menyemak semula kecukupan serta kecekapan rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman termasuk seperti berikut:

Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Komponen utama rangka kerja pengurusan risiko yang ditubuhkan oleh Lembaga termasuk:

- <u>Tanggungjawab, Bidang Kuasa dan Akauntabiliti Yang Jelas</u>
  Lembaga Pengarah telah mewujudkan satu struktur organisasi yang mempunyai garis-garis tanggungjawab yang jelas, had bidang kuasa serta akauntabiliti yang seiring dengan keperluan-keperluan perniagaan dan operasi yang menyokong penyelenggaraan kawalan persekitaran yang kukuh.

- <u>Pengawasan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)</u>
  Lembaga Pengarah juga telah menyerahkan tanggungjawab untuk menyemak semula keberkesanan pengurusan risiko kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC). Keberkesanan sistem pengurusan risiko diawasi dan dinilai oleh fungsi Pengurusan Risiko Kumpulan (GRM) secara berterusan. RMC membantu Lembaga Pengarah untuk memantau kecekapan pengurusan risiko Bank, yang mana fungsi GRM adalah untuk membantu pemantauan berterusan dan penilaian sistem pengurusan risiko bank. Sebarang kelulusan dasar dan kerangka yang dibentuk untuk mengenal pasti, mengukur dan memantau pelbagai komponen risiko akan disemak semula dan dicadangkan oleh RMC kepada Lembaga Pengarah. Selain itu, RMC juga menyemak dan menilai tahap kecukupan dasar-dasar pengurusan risiko bagi memastikan yang infrastruktur, sumber dan sistem sentiasa tersedia bagi pengurusan risiko. Maklumat lanjut mengenai RMC dimasukkan dalam Penyata Tadbir Urus Korporat dari halaman 176-177.

- <u>Struktur Tadbir Urus Risiko diselaraskan Kumpulan</u>
  Struktur risiko tadbir urus diselaraskan di seluruh unit perniagaan, unit luar negara, dan subsidiari Kumpulan. Pelarasan ini dibuat dengan cara memperhalusi rangka kerja risiko, dasar-dasar dan struktur organisasi bagi menanamkan dan meningkatkan pengurusan risiko serta budaya risiko.

- <u>Maklumat Terkini dan Komunikasi mengenai Prinsip Pengurusan Risiko, Dasar, Prosedur dan Amalan</u>
  Prinsip pengurusan, dasar, prosedur dan amalan risiko dikemaskini dengan kerap untuk memastikan ia relevan dan mematuhi undang-undang dan peraturan semasa dan boleh digunapakai. Ia juga disediakan dan diberi maklum kepada semua kakitangan. Kumpulan turut menggunapakai dasar pemberi maklumat, menyediakan saluran kepada kakitangan untuk membuat laporan terhadap penyelewengan yang berlaku atau yang disyaki, salah laku atau pencabulan dasar-dasar Kumpulan dan peraturan, dengan menggunakan pendekatan yang selamat dan sulit.

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman

Tahun Kewangan berakhir pada 31 Disember 2014

- Dasar Kawalan Bertulis
  Dasar Kawalan Pengurusan (MCP) dan Dasar Kawalan Dalaman (ICP) secara bertulis juga disediakan daripada Pengurusan. MCP menggariskan tanggungjawab khusus pelbagai pihak termasuk Pengurusan, Jawatankuasa Audit Dalaman (IAC) dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah berkaitan kawalan dalaman. ICP bertujuan mewujudkan kesedaran di kalangan semua kakitangan mengenai komponen kawalan dalaman dan dasar kawalan asas.

- Garis Panduan Anti-Penipuan Kumpulan
  Terdapat Garis Panduan Anti-Penipuan dilaksanakan yang menyediakan prinsip, strategi dan dasar meluas bagi Kumpulan untuk digunapakai dalam urusan berkaitan penipuan bagi menggalakkan piawaian integriti yang tinggi. Garis panduan ini mewujudkan program dan kawalan yang mantap dan lengkap bagi Kumpulan dan juga mengetengahkan mengenai peranan dan tanggungjawab pada setiap tahap bagi mengelak serta bertindak balas terhadap penipuan.

- Tiga Barisan Pertahanan yang Ditakrifkan dan Disampaikan Dengan Jelas
  Kumpulan telah menubuhkan tiga barisan konsep Pertahanan – unit pengambilan risiko, unit kawalan risiko dan audit dalaman. Unit pengambilan risiko menguruskan pengurusan risiko dalam aktiviti perniagaan setiap hari, manakala unit kawalan risiko bertanggungjawab bagi menetapkan garis panduan pengurusan risiko dan membangunkan keperluan dan pendekatannya. Audit dalaman pula menjadi pelengkap dengan menyediakan jaminan bebas mengenai kecekapan pendekatan pengurusan risiko.

- Rangka Kerja Pengurusan Pematuhan Kumpulan
  Rangka kerja ini menyediakan dasar dan panduan asas mengenai pengurusan pematuhan dan pengawasan bagi Kumpulan Maybank. Rangka Kerja ini berfungsi sebagai alat utama untuk Pegawai Pematuhan bersama Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan, Pengurus Barisan/Pertengahan dan semua kakitangan, untuk memahami, mematuhi dan menguruskan pematuhan risiko.

- Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan
  Pelaksanaan proses Penilaian Risiko dan Kawalan Kendiri (RCSA) bagi membolehkan pihak Pengurusan untuk mengenal pasti dan menilai risiko di bawah bidang pengawasan dan pengendalian masing-masing secara berterusan. Keputusan profil risiko operasi disahkan menerusi data kerugian dalaman daripada Pengurusan Insiden dan Pengumpulan Data (IMDC) dan ia juga berfungsi sebagai titik pencetus untuk menentukan jenis Petunjuk Risiko Utama (KRI) yang perlu diguna pakai dan memantau pendedahan risiko operasi. Proses keseluruhan ini dikendalikan oleh Risiko Kumpulan.

- Tadbir Urus dan Pematuhan Syariah Kumpulan
  Aspek pengawasan Pematuhan Syariah Lembaga Pengarah ditubuhkan menerusi Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Kumpulan Maybank (MGSGF) dan Dasar Pematuhan Syariah Kumpulan Maybank (MGSCP). MGSGF menetapkan jangkaan terhadap struktur tadbir urus Syariah serta proses dan pengaturan semua negara dan perniagaan yang melaksanakan transaksi perniagaan Islam dalam Kumpulan. Ini bagi memastikan bahawa aktiviti operasi dan perniagaannya adalah selaras dengan Syariah. Mekanisma tadbir urus pematuhan Syariah dari peringkat awal ke akhir ini dilaksanakan menerusi empat barisan pertahanan yang memenuhi kedua-dua pra-pelaksanaan dan pasca-pelaksanaan. Empat barisan pertahanan ini adalah terdiri daripada Unit Pengurusan dan Perniagaan; Penasihat Syariah dan Penyelidikan; Risiko Syariah; serta Audit dan Semakan Syariah. Bagi MGSCP pula, ia melaksanakan proses mengenalpasti, mengukur dan menguruskan risiko bukan pematuhan Syariah dan menggariskan pengukur Syariah bagi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kumpulan yang menyediakan pengukur untuk pematuhan Syariah.

- Pengurusan Risiko Teknologi Kumpulan
  Pengurusan Risiko Teknologi merupakan disiplim yang bersistematik untuk mengenal pasti punca kegagalan dalam fungsi berkaitan teknologi dalam organisasi, menilai impak risiko kepada perniagaan dan mengambil tindakan pemulihan risiko yang sewajarnya. Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi yang lengkap memastikan perhatian secukupnya terhadap amalan terbaik untuk mengawal reputasi Kumpulan. Ia mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi untuk pelanggan, dan juga unit perniagaan dalam Kumpulan. Ini dilakukan dengan pertimbangan yang sewajarnya diberikan kepada garis panduan peraturan serantau.

Maklumat lanjut mengenai Pengurusan Risiko disediakan dalam muka surat 188 hingga 195 dalam Laporan Tahunan ini.

Sistem Kawalan Dalaman

Elemen penting bagi kawalan dalaman yang diperkenalkan oleh Lembaga Pengarah dalam menyediakan tadbir urus dan pengawasan kawalan dalaman yang berkesan termasuk:

- Pelan Perniagaan dan Bajet Tahunan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah
  Pelan perniagaan dan bajet tahunan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Pencapaian prestasi dikaji semula terhadap keputusan yang disasarkan setiap bulan. Ini membolehkan tindak balas dan tindakan pembetulan diambil untuk mengurangkan risiko. Lembaga Pengarah mengkaji laporan daripada pengurusan tentang perangkaan operasi utama, dan juga perkara berkaitan undang-undang dan peraturan. Lembaga Pengarah turut meuluskan sebarang perubahan atau pindaan dasar Kumpulan.

- Lain-lain Jawatankuasa Lembaga
  Lain-lain Jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Semakan Kredit, Jawatankuasa Penamaan dan Ganjaran dan Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan ditubuhkan untuk membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawab tadbir urus dan fungsi pengawasannya seperti diserahkan oleh Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk menyemak semua perkara dalam skop yang ditakrifkan dalam terma rujukan masing-masing dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai cadangan mereka. Maklumat lanjut mengenai pelbagai Jawatankuasa Lembaga dimasukkan dalam Penyata Tadbir Urus Korporat dari muka surat 175 hingga 177.

- Jawatankuasa Pengurusan Peringkat Eksekutif
  Pelbagai Jawatankuasa Pengurusan Peringkat Eksekutif (ELCs) turut ditubuhkan oleh Pengurusan untuk membantu dan menyokong pelbagai Jawatankuasa Lembaga dalam memantau bidang teras operasi perniagaan. Ini termasuk Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan, Jawatankuasa Kredit Pengurusan Kumpulan, Jawatankuasa Risiko Eksekutif, Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti, Jawatankuasa Pemerolehan Kumpulan, Jawatankuasa Pemandu IT Kumpulan dan Jawatankuasa Kakitangan Kumpulan .

- Dasar dan Garis Panduan Sumber Manusia Kumpulan
  Terdapat dasar dan garis panduan yang ditetapkan dalam Kumpulan untuk pengambilan dan kenaikan pangkat untuk memastikan bahawa individu yang tepat dan sesuai dipilih untuk mengisi kekosongan jawatan. Program latihan formal sama ada secara berhadapan atau menerusi e-pembelajaran, penilaian prestasi separuh tahun dan setahun sekali dan lain-lain prosedur yang wajar diletakkan untuk memastikan bahawa kakitangan diberikan latihan yang mencukupi dan berupaya untuk membolehkan mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan. Garis panduan yang wajar juga disediakan bagi penamatan kakitangan.

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman

Tahun Kewangan berakhir pada 31 Disember 2014

- Nilai Teras serta Kod Etika dan Perilaku Kumpulan
  Nilai teras Kumpulan, T.I.G.E.R. (Kerja Berpasukan, Integriti, Kemajuan, Kecemerlangan dan Keberkesanan, Menjalin Perhubungan) merupakan prinsip panduan yang penting untuk memacu etika tingkah laku. Ia seterusnya dilengkapkan dengan Kod Etika dan Perilaku yang menetapkan prinsip yang padu dan standard amalan baik yang dipatuhi semua.

- Rangka Kerja Pemerolahan Kumpulan dan Kuasa Budi Bicara Bukan Kredit
  Ia mentakrifkan rangka kerja yang jelas dengan pemberian kuasa dan had bidang kuasa yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi aktiviti pemerolehan, pengambialihan dan pelupusan aset, hapus kira operasi, derma, dan juga perbelanjaan am dan operasi.

- Arahan Amalan Standard Kumpulan
  Terdapat polisi dan prosedur yang ditetapkan untuk memastikan pematuhan kawalan dalaman serta undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Dasar-dasar dan prosedur ini ditetapkan dalam Arahan Amalan Standard Kumpulan dan dikemas kini dari semasa ke semasa sejajar dengan perubahan dalam persekitaran perniagaan atau peraturan pengawal selia.

Audit Dalaman

- Fungsi Audit Dalaman
  Fungsi Audit Dalaman berpandukan Piagam Audit dengan Ketua Eksekutif Audit Kumpulan (GCAE) melaporkan terus kepada ACB Bank serta kepada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GPCEO), dan bebas daripada aktiviti atau operasi operasi lain-lain unit. Audit Dalaman akan menyemak secara kerap operasi Kumpulan dan sistem kawalan dalaman untuk memeriksa dan menilai kecukupan dan keberkesanan kawalan kewangan dan operasi. Risiko-risiko penting dan amalan tidak memenuhi pematuhan yang memberi kesan kepada Kumpulan diketengahkan dan cadangan penambahbaikan berkenaan disediakan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman dan proses tadbir urus. Pengurusan memastikan tindakan pemulihan diambil dengan segera, mencukupi dan berkesan. Laporan status penemuan audit juga dibentangkan kepada ACB dan IAC dengan kerap untuk pertimbangan dan pengesanan.

- Jawantankuasa Audit Lembaga Pengarah (ACB)
  ACB merupakan Jawatankuasa Lembaga yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah untuk membantu dalam pelaksanaan tadbir urus dan pengawasan tanggungjawab terhadap Fungsi Audit Dalaman seperti yang ditugaskan oleh Lembaga Pengarah dan ini termasuk penilaian kawalan dalaman Kumpulan melalui fungsi Audit Dalaman. ACB bertemu pada masa yang ditetapkan untuk menyemak isu kawalan dalaman dalam laporan yang disediakan oleh Audit Dalaman, dan seterusnya menyemak keberkesanan dan kecukupan sistem kawalan dalaman Kumpulan. ACB meninjau secara aktif perkara berkaitan kebebasan Audit Dalaman, skop kerja dan sumber. Ia turut menyemak fungsi Audit Dalaman, khususnya mengenai skop pelan audit tahunan dan kekerapan aktiviti-aktiviti audit dalaman. Minit mesyuarat ACB kemudiannya akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Maklumat terperinci aktiviti yang dikendalikan oleh ACB dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit seperti yang dinyatakan dalam muka surat 184 hingga 187.

- Jawatankuasa Audit Dalaman (IAC)
  Jawatankuasa Audit Dalaman (IAC) ialah jawatankuasa pengurusan yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan (GCFO) dan terdiri daripada wakil-wakil kanan dari barisan perniagaan yang berbeza. IAC bermesyuarat dengan kerap bagi mempertimbangkan semua hasil audit dan laporan penyiasatan yang telah ditandatangani dan memutuskan tindakan bersesuaian yang diperlukan untuk menyelesaikan isu-isu audit yang meliputi segala aspek perniagaan Bank dan operasinya. Apabila diperlukan, wakil dari pihak yang sedang diaudit akan diminta menghadiri mesyuarat IAC bagi membolehkan perbincangan yang lebih terperinci dan penyelesaian pantas bagi perkara yang dibincangkan. Minit mesyuarat IAC kemudiannya dibentangkan bersama laporan audit. IAC juga menyusuli sebarang tindakan yang diputuskan oleh ACB.

Jaminan Pihak Pengurusan

Lembaga telah menerima jaminan yang munasabah daripada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan bahawa pengurusan risiko Kumpulan dan sistem kawalan dalaman adalah beroperasi dengan cukup baik dan berkesan dalam semua aspek material dalam tahun kewangan yang dikaji, dan sehingga tarikh kelulusan Penyata ini untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan berdasarkan kepada pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman yang digunapakai oleh Kumpulan. Dengan mengambil kira jaminan daripada Pengurusan dan input daripada penyedia jaminan yang berkaitan, Lembaga berpendapat bahawa pengurusan risiko Kumpulan dan sistem kawalan dalaman beroperasi secukupnya dan berkesan untuk melindungi pelaburan pemegang saham dan aset syarikat.

Ulasan Penyata oleh Juruaudit Luar

Juruaudit luar telah membuat semakan mengenai Penyata Kawalan Dalaman ini untuk dimuatkan ke dalam laporan tahunan berakhir pada 31 Disember 2014. Juruaudit luar mengendalikan semakan ini selaras dengan Cadangan Panduan Amalan 5 (Pindaan): Panduan untuk Juruaudit bagi Ulasan Penyata Pengarah mengenai Kawalan Dalaman (RPG 5) yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. Semakan ini telah dijalankan bagi menilai sama ada Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman telah disokong oleh kedua-dua dokumen yang telah disediakan oleh atau untuk para Pengarah dan secara wajarnya mencerminkan proses-proses yang digunapakai oleh para Pengarah dalam mengkaji semula kecukupan dan integriti system kawalan dalaman Kumpulan tersebut. RPG 5 tidak memerlukan juruaudit luar untuk mempertimbangkan sama ada Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman Pengarah merangkumi semua risiko dan kawalan, atau untuk membentuk satu pendapat tentang keberkesanan prosedur risiko dan kawalan Kumpulan. RPG 5 juga tidak memerlukan juruaudit luar untuk mempertimbangkan sama ada proses untuk berdepan dengan aspek kawalan dalaman yang penting bagi sebarang perkara besar yang didedahkan di dalam laporan tahunan, sebenarnya akan mengurangkan risiko yang telah dikenalpasti atau memulihkan masalah yang akan timbul. Berdasarkan kepada ulasan mereka, juruaudit luar telah melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada perkara yang timbul pada pemerhatian mereka, yang boleh menyebabkan mereka percaya bahawa Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman ini tidak konsisten dengan pemahaman mereka berkaitan proses-proses yang telah digunapakai oleh Lembaga Pengarah di dalam kajian semula mengenai kecukupan dan integriti kawalan dalaman Kumpulan.

Laporan Jawatankuasa Audit

Ahli Jawatankuasa Audit Maybank:

Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil (Pengerusi) | En Cheah Teik Seng (ahli) | Dato' Johan Ariffin (ahli) | En Erry Riyana Hardjapamekas (ahli) | En Cheng Kee Check (ahli)

A. KOMPOSISI DAN TERMA RUJUKAN

Komposisi

1. Jawatankuasa dilantik oleh Lembaga Pengarah daripada kalangan pengarah-pengarah bukan eksekutif dan haruslah mempunyai sekurang-kurangnya tiga orang ahli. Pengerusi dan majoriti daripada Ahli Jawatankuasa Audit mestilah merupakan pengarah-pengarah bebas dan sekurang-kurangnya seorang daripada mereka mestilah:
   - merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA); atau
   - jika bukan ahli MIA, beliau mesti mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja; dan
     i. beliau mesti telah lulus peperiksaan yang dikhususkan di bawah Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967; atau
     ii. beliau mestilah seorang ahli bagi satu (1) daripada persatuan akauntan yang telah dikhususkan di bawah Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967.
2. Apabila Pengerusi tidak dapat menghadiri mesyuarat, ahli-ahli hendaklah melantik salah seorang daripada mereka sebagai Pengerusi.
3. Semakan semula keahlian adalah dilakukan sekali setiap tiga (3) tahun. Semakan semula ini adalah berkenaan dengan terma-terma penjawatan dan prestasi ahli.

Mesyuarat

1. Mesyuarat harus diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan atau mengikut kekerapan yang akan diputuskan oleh Jawatankuasa. Jawatankuasa boleh menjemput mana-mana individu perseorangan untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu perbincangannya. Sekurang kurangnya sekali setahun, Jawatankuasa boleh mengadakan pertemuan dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan.
2. Jawatankuasa akan mengawal selia prosedurnya sendiri terutamanya yang berkaitan dengan panggilan mesyuarat, notis yang perlu diberikan untuk mengadakan mesyuarat-mesyuarat tersebut, pengundian serta perjalanan mesyuarat, penyimpanan minit-minit mesyuarat serta penjagaan, penerbitan dan pemeriksaan minit-minit tersebut.
3. Atas permintaan juruaudit luar, suatu mesyuarat akan diadakan untuk menimbang sebarang perkara yang difikirkan perlu untuk diberi perhatian oleh para pengarah dan pemegang saham.

Korum

Korum terdiri daripada dua (2) orang yang mana kedua-duanya perlu merupakan pengarah bebas.

Setiausaha

Kaunsel Am & Setiausaha Syarikat, En Mohd Nazlan Mohd Ghazali adalah Setiausaha bagi Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (ACB).

Bidang Kuasa

Jawatankuasa diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk:

1. Menyiasat mana-mana kegiatan atau perkara di dalam lingkungan terma-terma rujukannya.
2. Melaporkan dengan segera kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") mengenai perkara-perkara yang tidak dapat diselesaikan dengan cara yang memuaskan, yang melanggar Keperluan Penyenaraian Bursa Securities.
3. Mendapatkan nasihat profesional daripada pihak luar yang berkecuali, sama ada dari segi perundangan atau apa-apa yang dirasakan perlu.
4. Mengekalkan saluran-saluran komunikasi secara terus dengan juruaudit luar yang mengendalikan fungsi atau aktiviti juruaudit dalaman, dan juga dengan pengurusan kanan Bank serta syarikat-syarikat subsidiarinya.
5. Mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar dan juruaudit dalaman tanpa kehadiran pihak pengurusan, bilamana perlu.

Dalam menjalankan fungsi-fungsi yang di atas, ACB telah diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mempunyai:

- Sumber-sumber yang diperlukan untuk melaksanakan tugas-tugasnya.
- Akses penuh tanpa had kepada sebarang maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan aktiviti-aktivitinya.

B. TUGAS-TUGAS & TANGGUNGJAWAB

Tugas-tugas utama serta tanggungjawab Jawatankuasa Audit (ACB) berkenaan dengan fungsi Audit Dalaman Kumpulan Maybank, juruaudit-juruaudit luar, laporan kewangan, urus niaga pihak yang berkaitan, laporan tahunan dan penyiasatan adalah seperti berikut:

1. Audit Dalaman

- Menyemak semula kecukupan skop audit dalaman dan perancangannya, fungsi-fungsi serta sumber-sumber, Piagam Audit dan sama ada ia mempunyai kuasa yang perlu untuk menjalankan tugasnya.
- Menyemak semula laporan-laporan audit dalaman bagi memastikan bahawa tindakan pembaikan yang perlu telah diambil oleh pihak Pengurusan dengan kadar segera bagi menangani kecuaian kawalan atau prosedur yang dikenalpasti oleh Audit Dalaman.
- Meluluskan pelantikan atau pemberhentian Ketua Eksekutif Audit serta Ketua-Ketua Jabatan Audit Dalaman.
- Menilai prestasi kakitangan Audit Dalaman, menentukan dan meluluskan pembayaran serta kenaikan gaji tahunan kakitangan audit dalaman.
- Mengenal pasti peletakan jawatan kakitangan Audit Dalaman dan sebab-sebabnya.

2. Audit Luar

- Menyemak semula pelantikan dan prestasi juruaudit luar, yuran audit dan sebarang persoalan mengenai peletakan jawatan atau pemecatan, serta mengusulkan cadangan-cadangan kepada Lembaga Pengarah.
- Menilai kelayakan, kepakaran, sumber-sumber serta keberkesanan juruaudit luar.
- Memantau keberkesanan prestasi juruaudit luar serta keberkecualian dan objektiviti mereka.
- Menyemak semula skop serta perancangan juruaudit luar, termasuk sebarang perubahan terhadap skop kepada pelan audit yang dirancang.
- Menyemak semula penemuan utama yang dikemukakan oleh juruaudit luar serta tindak balas pihak Pengurusan termasuk status usul-usul audit terdahulu.

Laporan Jawatankuasa Audit

- Menyemak semula bantuan kerjasama yang diberikan oleh pegawai-pegawai Kumpulan kepada juruaudit luar serta apa-apa kesukaran yang ditempuhi semasa menjalankan tugasan tersebut, termasuk sebarang halangan terhadap skop aktiviti atau akses kepada maklumat yang diperlukan.
- Meluluskan perkhidmatan-perkhidmatan bukan audit yang diberikan oleh juruaudit luar.

3. **Laporan Kewangan**
Menyemak semula penyata-penyata kewangan suku tahunan dan akhir tahun dengan memberi tumpuan kepada:-
   - Sebarang perubahan dalam dasar perakaunan serta amalannya.
   - Peristiwa yang ketara dan di luar kelaziman.
   - Pematuhan terhadap Piawaian Laporan Kewangan yang diguna pakai serta lain-lain peraturan perundangan dan peraturan kawal selia.

4. **Urus niaga Pihak Yang Berkaitan**
Menyemak semula mana-mana urus niaga pihak yang berkaitan serta situasi percanggahan kepentingan yang mungkin timbul di dalam bank atau Kumpulan Maybank termasuk urus niaga, prosedur atau perlakuan yang boleh menimbulkan pertikaian mengenai integriti pihak Pengurusan.

5. **Laporan Tahunan**
Melaporkan aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan.

6. **Penyiasatan**
Mengarahkan sesuatu penyiasatan dilakukan ke atas mana-mana aktiviti atau perkara di dalam lingkungan terma rujukannya.

7. **Perkara-perkara lain**
Bertindak di atas perkara-perkara lain yang dianggap perlu atau sebagaimana yang diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah.

C. AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

Pada tahun kewangan ini, Jawatankuasa Audit dalam melaksanakan pertugasannya, telah melakukan aktiviti-aktiviti berikut:

Kehadiran Mesyuarat
Sebanyak 14 mesyuarat telah diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014. Maklumat mengenai kehadiran setiap ahli Jawatankuasa mesyuarat sepanjang tahun adalah seperti berikut:

Komposisi dan nama ahli jawatankuasa	Bilangan mesyuarat yang dihadiri sepanjang tempoh yang dikaji
1. Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil (Pengerusi) - Dilantik pada 15/7/2009 - Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	14/14
2. En Cheah Teik Seng (ahli) - Dilantik pada 26/8/2009 - Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	14/14
3. Dato' Johan Ariffin (ahli) - Dilantik pada 26/8/2009 - Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	14/14
4. En Erry Riyana Hardjapamekas (ahli) - Dilantik pada 25/6/2012 - Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	12/14
5. En Cheng Kee Check (ahli) - Dilantik pada 1/12/2014 - Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	-

Jawatankuasa Audit terdiri daripada empat (4) Pengarah-pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Seorang daripada ahlinya (En Cheah Teik Seng) merupakan ahli Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales. Ini memenuhi syarat Peraturan Penyenaraian Bursa Securities yang memerlukan sekurang-kurangnya seorang akauntan yang bertauliah sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan (GCFO)) diundang untuk menghadiri semua mesyuarat untuk memudahkan perbincangan dan menyediakan penjelasan terhadap isu berkaitan audit manakala Pihak pengurusan yang berkaitan perkara berkenaan audit dijemput untuk menyediakan penjelasan kepada Jawatankuasa Audit terhadap sebarang kekurangan kawalan khusus dan isu-isu yang timbul daripada laporan audit yang berkaitan. Ketua Eksekutif Audit Kumpulan (GCAE) dan Ketua-ketua Jabatan di setiap fungsi Audit Kumpulan turut menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk membentangkan tentang laporan audit dalaman masing-masing. Juruaudit Luar juga dipelawa untuk membincangkan Surat-surat Pihak Pengurusan, Memorandum Perancangan Audit dan perkara-perkara lain yang berkenaan.

Sebagai tambahan kepada mesyuarat yang telah dijadualkan, ahli-ahli Jawatankuasa Audit juga mengadakan dua (2) sesi pertemuan dengan Juruaudit Luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan.

Jawatankuasa Audit juga bertemu bagi membincang dan menyemak hasil keputusan kewangan suku tahunan yang belum diaudit dan penyata kewangan tahunan yang telah diaudit bagi Bank dan Kumpulan Maybank. Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GPCEO) dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan (GCFO) dijemput menghadiri mesyuarat tersebut, bersama-sama dengan Juruaudit Luar.

Audit Dalaman

1. Meluluskan gunapakai Kawalan Dalaman COSO – Rangka Kerja Bersepadu untuk memperbaiki dan melengkapkan lagi penilaian audit mengenai kecukupan dan keberkesanan kawalan dengan menggunakan pendekatan yang konsisten dan tersusun, selaras dengan rangka kerja kawalan diiktiraf di peringkat antarabangsa.
2. Meluluskan pelaksanaan kelengkapan Pengauditan Berterusan (CA) untuk meningkatkan proses audit dan meningkatkan kecekapan keseluruhan melalui automasi pengekstratan data & penggerakkan parameter audit secara berjadual.
3. Meluluskan pelan audit tahunan bagi Tahun Kewangan 2014 untuk memastikan skop perlindungan adalah mencukupi dan sumber-sumber yang mencukupi untuk membolehkan audit dalaman melaksanakan dan menjalankan fungsinya dengan berkesan.
4. Memberi perhatian kepada laporan prestasi audit bulanan mengenai status dan kemajuan tugasan audit dalaman terhadap Pelan Audit yang diluluskan, pengambilan, pertukaran dan peletakan jawatan kakitangan audit dalaman.
5. Meluluskan Carta Organisasi Audit Dalaman bagi memastikan kebebasan fungsi audit. Pelantikan jawatan penting dalam Audit Dalaman seperti yang disyorkan oleh GCAE yang timbul daripada pindaan Carta Organisasi juga telah dibincangkan dan diluluskan.
6. Menyemak dan meluluskan Piagam Audit yang dipinda dan telah dimasukkan dengan bahan-bahan terkini berkaitan dengan syarat-syarat keperluan Syariah dan aktiviti perundingan yang dijalankan oleh audit dalaman.
7. Membincangkan keputusan Kad Skor Seimbang GCAE (BSC) TK 2013 bagi dan meluluskan pencapaian BSC. BSC dan KPI bagi GCAE untuk 2014 telah dipertimbangkan dan diluluskan.
8. Meluluskan ganjaran berkaitan prestasi terhadap kakitangan Audit Dalaman termasuk GCAE bagi TK 2013 berdasarkan kepada matriks yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
9. Membincangkan jurang prestasi dan kawalan yang dikemukakan dalam laporan audit dalaman, cadangan audit dan maklum balas Pengurusan terhadap kawalan kelemahan dan cadangan. Di mana perlu, mengarahkan GCFO untuk mengetengahkan kelemahan kawalan dan cadangan kepada EXCO Kumpulan untuk perbincangan.

Laporan Jawatankuasa Audit

10. Mengkaji dan membincangkan Laporan Status Penemuan Audit terhadap tindakan yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan bagi membetulkan isu-isu audit yang tertunggak untuk memastikan kelemahan kawalan ditangani.
11. Menyemak semula laporan audit yang dikemukakan oleh pihak pengawal selia, maklum balas pihak Pengurusan terhadap usul yang dikemukakan oleh pengawal selia, dan tindakan penyelesaian yang diambil untuk memperbaiki kelemahan yang telah dikesan.
12. Menyemak minit-minit mesyuarat ACB syarikat-syarikat subsidiari untuk meninjau pengurusan risiko serta sistem kawalan dalaman syarikat-syarikat subsidiari tersebut.
13. Mengarahkan siasatan diambil terhadap aktiviti atau perkara dalam bidang tugasnya.
14. Menyemak semula Laporan Jawatankuasa Audit serta Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman.
15. Menyemak semula minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalaman bagi meninjau perbincangan serta tindakan-tindakan pembaikan yang telah diambil oleh pihak Pengurusan terhadap kecuaian kawalan yang dikemuka oleh juruaudit dalaman.

Laporan Kewangan

16. Menyemak semula keputusan kewangan suku tahunan yang belum diaudit serta penyata kewangan tahunan Bank serta Kumpulan Maybank yang telah diaudit bagi memastikan laporan kewangan serta keperluan pendedahan maklumat adalah mematuhi piawaian perakaunan, dengan tumpuan khusus diberikan kepada perubahan dalam dasar perakaunan, dan juga transaksi/kejadian ketara dan luar biasa.

Audit Luar

17. Menyemak semula bersama juruaudit luar:
    - Memorandum Perancangan Audit dan skop kerja mereka untuk tahun tersebut.
    - Hasil audit, laporan-laporan audit yang berkenaan dan Surat-surat Pihak Pengurusan berserta penerimaan/komen pihak Pengurusan terhadap hasil penemuan tersebut.
18. Menilai prestasi juruaudit luar dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan semula mereka.
19. Meluluskan pelantikan juruaudit berkanun luar bagi peruntukan perkhidmatan bukan audit. Ketika mempertimbangkan kelulusan untuk perkhidmatan ini, ACB mengambil kira proses dan keperluan (termasuk had yuran) yang telah diwujudkan di bawah dasar pelantikan berkenaan.

Skim Saham Kakitangan (ESS)

20. Mengkaji peruntukan ESS untuk memastikan bahawa ia adalah selaras dengan garis panduan yang diluluskan.

Transaksi Pihak Berkaitan (RPT)

21. Mengkaji semula laporan transaksi pihak berkaitan dan membincangkan bentuk transaksi dan pendedahan yang betul telah dibuat selaras dengan keperluan penyenaraian.

Latihan Para Pengarah

22. Dalam tahun yang dikaji, Jawatankuasa yang berkenaan telah menghadiri pelbagai latihan dan maklumat mengenai latihan-latihan ini telah dilaporkan di bawah Penyata Tadbir Urus Korporat di muka surat 166 hingga 188.

D. FUNGSI AUDIT DALAMAN

Fungsi Audit Dalaman Kumpulan Maybank dilaksanakan secara dalaman untuk membantu Lembaga Pengarah mengawasi pihak Pengurusan dalam menyediakan pengurusan risiko, kawalan dalaman serta sistem tadbir urus yang kukuh. Fungsi Audit Dalaman adalah berpandukan Piagam Audit dengan GCAE melaporkan terus kepada ACB Bank serta kepada GPCEO, dan bebas daripada aktiviti atau operasi unit-unit lain. Jumlah kos yang ditanggung untuk mengekalkan fungsi Audit Dalaman bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 adalah kira-kira RM65 juta, yang kebanyakannya terdiri daripada gaji, perjalanan, perbelanjaan penginapan dan elaun sara hidup bagi tugasan audit.

Lokasi	RM (juta)
Malaysia	35
Serantau	30
Jumlah Kumpulan	65

Tanggungjawab utama Audit Dalaman adalah untuk menjalankan ujian berkala ke atas keberkesanan dan kecekapan rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa rangka kerja dan sistem tersebut terus beroperasi dengan cekap dan berkesan. Aktiviti audit dalaman dijalankan berdasarkan kepada pelan audit berasaskan risiko yang merangkumi kedua-dua aktiviti jaminan dan perundingan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit. Skop liputan merangkumi semua unit dan operasi Bank dan Kumpulan Maybank. Dalam usaha untuk melaksanakan fungsinya dengan berkesan, juruaudit akan dihantar secara berterusan menjalani latihan untuk melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan produk dan kemahiran yang diperlukan terutamanya dalam bidang Syariah, Perbendaharaan, Kredit, Perbankan Pelaburan, Teknologi Maklumat dan Insurans & Takaful.

Fungsi Audit Dalaman bagi operasi Maybank dan syarikat-syarikat subsidiarinya di Malaysia dan Papua New Guinea disusun mengikut asas Kumpulan dalam Maybank. Fungsi Audit Dalaman bagi setiap syarikat subsidiari di Filipina, Indonesia, Singapura, Thailand dan Kemboja diselaraskan dengan baik dan disokong oleh kumpulan Audit Dalaman tempatan dengan tanggungjawab langsung kepada Jawatankuasa Lembaga Audit/Pengawal seliaan bagi syarikat-syarikat subsidiari yang berkenaan. Sokongan teknikal dan latihan dalam bidang audit tertentu seperti kredit, perbendaharaan, teknologi maklumat, pengurusan aset dan perbankan pelaburan, disediakan oleh Audit Kumpulan, bila-bila perlu bagi memastikan keseragaman dalam guna pakai standard dan pemprosesan pengauditan.

Laporan-laporan audit yang memberikan hasil audit yang dijalankan dari segi risiko pengurusan unit tersebut, keberkesanan operasi kawalan-kawalan dalaman, pematuhan keperluan-keperluan dalaman serta pengawalan dan keseluruhan pengurusan unit, diserahkan kepada Jawatankuasa Audit masing-masing untuk semakan semula. Isu-isu kawalan utama, risiko-risiko ketara serta usul-usul adalah diketengahkan, bersama dengan jawapan serta pelan tindakan pihak Pengurusan untuk penambahbaikan dan/atau pembetulan, di mana sesuai. Ini membolehkan Jawatankuasa Audit melakukan fungsi kawal selia dengan membentuk satu pendapat mengenai kecukupan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Pengurusan. Di mana sesuai dan berkenaan, Jawatankuasa Audit mengarahkan pengurusan untuk mengambil tahu tentang isu-isu yang dibangkitkan dan mewujudkan langkah-langkah yang perlu untuk mengukuhkan sistem kawalan dalaman berdasarkan cadangan Audit Dalaman.

Laporan Jawatankuasa Audit

Semua aktiviti audit dikendalikan selari dengan matlamat dan dasar Bank; sejajar dengan gunapakai undang-undang dan peraturan. Ini juga sejajar dengan pematuhan dasar dan garis panduan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti dan yang dinyatakan dalam Kod Etika dan Standard Antarabangsa bagi Amalan Profesional Audit Dalaman (Standard) yang dikeluarkan oleh Institut Audit Dalaman (IIA).

Untuk mengekalkan kualiti fungsi Audit Dalaman, GCAE telah membangunkan dan mengekalkan program jaminan kualiti dan penambahbaikan (QAIP). The QAIP merangkumi semua aspek aktiviti audit dalaman dan program menilai kecekapan dan keberkesanan fungsi dan mengenal pasti peluang-peluang untuk peningkatan melalui penilaian dalaman dan luaran. Penilaian dalaman yang dilakukan setiap setengah tahun oleh pasukan Jaminan Kualiti bebas dalam Audit Dalaman di bawah pengawasan GCAE manakala penilaian kualiti luaran dijalankan oleh penilai bebas yang bertauliah setiap lima tahun. Peluang untuk peningkatan yang dikenalpasti dari kedua-dua penilaian dalaman dan luaran dibentangkan dan dibincangkan pada mesyuarat Ketua-ketua untuk membangunkan pelan tindakan bagi tujuan penambahbaikan. Keputusan bagi kedua-dua penilaian dalaman dan luaran juga dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit untuk perbincangan dan maklumat.

Berikut adalah aktiviti yang dijalankan oleh Audit Dalaman bagi tahun kewangan (TK) 2014:

1. Mengguna pakai Rangka Kerja COSO di Malaysia untuk penglibatan audit terpilih bagi menilai kawalan dalaman. Rangka Kerja ini memastikan pendekatan yang lebih menyeluruh dan berstruktur untuk menilai kawalan formal (keras) dan tidak formal (lembut) dan juga menyediakan komunikasi yang lebih besar dengan Pengurusan untuk meningkatkan pemahaman mereka tentang konsep kawalan, justeru meningkatkan kecekapan operasi.
2. Melaksanakan Pengauditan Berterusan (CA) untuk meningkatkan proses audit dan meningkatkan kecekapan keseluruhan. CA adalah kaedah yang digunakan untuk melakukan kawalan dan risiko penilaian secara automatik secara berterusan berdasarkan data yang dikeluarkan dan ini menyediakan pemberitahuan tepat pada masanya masalah atau masalah yang mungkin berlaku kepada pemilik proses/perniagaan untuk memeriksa penyelewengan dan melaksanakan tindakan pembetulan untuk membetulkan pengecualian. Penggunaan CA juga meningkatkan kecekapan kerana lawatan audit dapat dikurangkan dan tempoh dipendekkan. Dalam tahun kewangan, tiga projek perintis CA iaitu Operasi Kad, Ketekunan Wajar Pelanggan AML/CFT dan ketidakpatuhan Syariah telah dilaksanakan. Pengecualian yang dihasilkan telah dikemukakan kepada setiap pemilik proses/perniagaan untuk semakan dan pemulihan. Tindakan telah dilaksanakan untuk membetulkan pengecualian ini.
3. Menjalankan kajian serantau (termasuk anak-anak syarikat di luar negara dan cawangan) di kawasan kritikal seperti Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (ICAAP), Pemetaan Barisan Perniagaan (BLM) bagi Operasi Caj Modal Risiko, Perbankan Internet, Pengurusan Tunai, Pembiayaan Perdagangan, Bajet Penggunaan, Mesin juruwang Automatik Global (ATM), dan lain-lain. Ini bagi menyediakan penilaian menyeluruh terhadap kawalam daripada sudut pandangan Kumpulan. Ulasan bersama membolehkan pendedahan di kalangan pasukan Audit Dalaman serantau terhadap dasar dan amalan Kumpulan, mempercepatkan pemindahan pengetahuan dari Kumpulan Audit Dalaman dengan fungsi IA serantau, serta menyediakan bekalan sumber yang berkeupayaan kepada perniagaan dan menyokong fungsi Kumpulan.
4. Menyediakan pelan audit tahunan menggunakan pendekatan berasaskan risiko dengan mengambil kira rancangan pengembangan perniagaan Kumpulan serta input daripada Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Audit. Pelan Audit telah dibentangkan dan diluluskan oleh ACB untuk diterima pakai bagi tahun kewangan yang dikaji.
5. Mengendalikan ujian berkala di unit dan operasi yang dikenal pasti dalam pelan audit tahunan dan menyediakan penilaian bebas dan jaminan objektif terhadap kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus unit diaudit. Laporan Audit yang menyediakan keputusan audit yang dijalankan bersama-sama dengan pemerhatian audit terperinci, maklum balas pengurusan kepada pemerhatian audit dan cadangan Audit Dalaman bagi memperbaiki dan meningkatkan sistem yang sedia ada kawalan dalaman dan prosedur/proses kerja, di mana perlu, telah dikeluarkan kepada pihak pengaudit, pengurusan kanan dan ACB.
6. Menyediakan ulasan bebas dan objektif mengenai kecukupan dan kewajaran kawalan dalaman yang dikuatkuasakan untuk mengurangkan pendedahan risiko dalam memperkenalkan produk baru dan pelaksanaan sistem baru IT.
7. Selain daripada aktiviti jaminan risiko, IA juga menjalankan audit ke atas perkakasan komputer, sistem operasi dan aplikasi serta teknologi komunikasi maklumat (ICT) rangkaian Kumpulan Maybank.
8. Mengambil bahagian dalam Pengurusan Kesinambungan Perniagaan seperti Simulasi Krisis Enterpris, program Pemulihan Bencana Rentas, “Treasury Live Split Operations” dan Simulasi Pemulihan Bencana untuk mengukur dan menilai kesediaan perniagaan/sistem untuk meneruskan/pulih (sekiranya berlaku bencana) dalam tempoh masa yang dipersetujui.
9. Mengkaji semula tahap pematuhan dengan dasar dan prosedur yang telah diwujudkan serta keperluan berkanun untuk memastikan unit-unit perniagaan mematuhi kehendak dan apa-apa ketidakpatuhan telah dikemukakan kepada Pengurusan untuk pemulihan.
10. Mengendalikan semakan fungsi IA di kalangan anak-anak syarikat di luar negara untuk menilai pematuhan dengan Piawaian IIA dan untuk mengenal pasti peluang dan memberikan cadangan untuk penambahbaikan, di mana perlu.
11. Mengendalikan siasatan terhadap aktiviti atau perkara yang diarahkan oleh Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Kanan. Hasil dari siasatan itu telah dibentangkan masing-masing kepada IAC dan ACB.
12. Menyaksikan proses pembukaan tender bagi perolehan perkhidmatan atau aset. Proses penyaksian ini adalah untuk memastikan aktiviti-aktiviti dalam proses tender dijalankan secara adil, telus dan konsisten.
13. Mengendalikan tugasan spontan dan semakan khas yang diarahkan oleh Jawatankuasa Audit.
14. Penyediaan Laporan Jawatankuasa Audit dan Penyata Pengurusan Risiko serta Kawalan Dalaman untuk Laporan Tahunan Syarikat bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2014.

Pengurusan Risiko & Pematuhan

DR JOHN LEE

Ketua Pegawai Risiko Kumpulan

Keupayaan pengurusan risiko kami telah mencapai kemajuan yang menggalakkan untuk menjadi yang terbaik di dalam kelasnya, dan akan terus diperkukuhkan dan dipertingkatkan untuk mewujudkan nilai dan kelebihan daya saing bagi menyokong aspirasi Kumpulan.

2015 Keutamaan Kami

- Menyokong pertumbuhan strategik Kumpulan menerusi peningkatan kedinamikan pulangan risiko.
- Terus memberi tumpuan kepada produktiviti dan inovasi bagi mengoptimumkan amalan modal dan mudah tunai, serta menggabungkan risiko bukan tradisional ke dalam proses pengurusan risiko kami.
- Terus mengukuhkan dan membina infrastruktur risiko untuk menjadi yang terbaik dalam kelasnya.
- Mengukuhkan risiko dan budaya pematuhan di seluruh Kumpulan.
- Terus membangunkan bakat risiko di seluruh Risiko Kumpulan.

2014 Pencapaian Utama

Kami terus meningkatkan keupayaan pengurusan risiko untuk mewujudkan nilai kepada Kumpulan dalam tiga tema strategik utama:

- Mengukuhkan fungsi pengurusan risiko: Peningkatan berterusan dalam amalan pengurusan risiko kami, kualiti penaja jamin kredit dan budaya risiko.
- Meningkatkan kedinamikan pulangan risiko: Menginstitusikan langkah-langkah prestasi risiko diselaraskan untuk mengoptimumkan pulangan risiko dan pengurusan modal.
- Membangunkan bakat tenaga mahir risiko: Terus melabur dalam pembangunan bakat tenaga mahir risiko melalui peningkatan kepada Rangka Kerja Pengurusan Bakat Risiko kami.

Pengurusan Risiko & Pematuhan

2014 menyaksikan kami terus mewujudkan nilai kepada Kumpulan dan berkembang menjadi rakan niaga untuk menyokong aspirasi Kumpulan. Bagaimanapun, pengurusan risiko merupakan satu proses yang berkembang dan kami akan terus menjadi dinamik dalam menambahbaik keupayaan selari dengan arah aliran yang berlaku termasuk menguruskan risiko bukan kewangan dengan lebih baik seperti risiko siber dan tingkah laku.

TINJAUAN RISIKO 2014

Di sebalik keadaan ekonomi global yang tidak menentu, pembaharuan selanjutnya dalam pengawal seliaan dan aspirasi serantau Kumpulan, terdapat keperluan untuk Risiko Kumpulan ditingkatkan supaya diintegrasi lebih lancar dengan perniagaan dan berusaha lebih efektif untuk mewujudkan sinergi dan nilai lebih besar kepada Kumpulan pada tahun 2014. Tahun ini juga menyaksikan Kumpulan berhadapan dengan sejumlah halangan, seperti:

Persekitaran ekonomi makro

Meskipun ekonomi Amerika Syarikat mengalami pemulihan, keadaan ekonomi makro global kekal tidak menentu berikutan terdapat kelemahan yang nyata di Eropah dan China. Ekonomi global juga menyaksikan kesan daripada dasar kewangan yang kembali normal selepas pengurangan pelaksanaan program kelonggaran kuantitatif di AS. Keadaan ekonomi makro global yang rapuh terus diuji menjelang akhir tahun dengan kejatuhan harga minyak, mengakibatkan keadaan pasaran yang tidak menentu terutamanya dalam ekonomi negara-negara anggota ASEAN.

Kadar faedah yang rendah

Kelonggaran kuantitatif yang mula dilaksanakan sejak Krisis Kewangan Dunia pada tahun 2008 menyebabkan wujudnya rejim kadar faedah tiruan. Tindakan melanjutkan tempoh kadar faedah yang rendah membawa kesan kepada berlakunya herotan dalam mudah tunai atau kecairan pasaran serta kos pembiayaan. Berikutan kadar faedah yang rendah, pelabur telah berusaha mendapatkan hasil pelaburan lebih tinggi, mengakibatkan aliran mudah tunai beralih dari pasaran perbankan tradisional ke pasaran-pasaran lain seperti hartanah. Tambahan pula, rejim kadar faedah yang rendah membawa kepada pembentukan hutang yang tidak diingini dalam sektor awam dan swasta seperti sektor isi rumah.

Peningkatan Risiko Siber

Kekerapan dan kecanggihan serangan siber semakin menjadi-jadi. Dengan meningkatnya penggunaan peranti mudah alih dalam perkhidmatan perbankan, risiko ini dijangka akan meningkat, apabila penjenayah memiliki pengetahuan teknikal yang lebih tinggi berbanding pengguna biasa perkhidmatan kewangan. Pelaku jenayah yang semakin canggih dibantu dengan kemudahan dan keupayaan memindahkan maklumat dengan cepat secara elektronik, menyebabkan semua saluran terdedah untuk dieksploitasi, walaupun sejumlah besar sumber-sumber dibelanjakan untuk memerangi jenayah siber .

Kekurangan bakat

Peraturan-peraturan baharu, peningkatan pengawasan pengawal seliaan dan meningkatnya kepentingan pengurusan risiko dan pematuhannya menyebabkan berlaku lonjakan terhadap permintaan bagi bakat risiko dan pematuhan. Cabaran bagi industri perbankan kekal mendapatkan tenaga kerja dengan kemahiran yang tepat untuk menguruskan risiko yang semakin kompleks.

KEUTAMAAN STRATEGI RISIKO KUMPULAN 2014

Keutamaan Strategik Risiko Kumpulan pada 2014 terus dibangunkan mengikut Tranformasi Risiko yang bermula sejak tahun 2011. Ia telah melalui perkembangan yang menggalakkan dan mencapai objektif yang ditetapkan setakat ini. Pencapaian pengurusan risiko yang ketara setakat ini dinyatakan di bawah.



Pengurusan Risiko & Pematuhan

Ketika menetapkan Keutamaan Strategik pada 2014, Risiko Kumpulan khususnya mengambilkira cabaran luar dan dalaman, seperti mana dinyatakan di bawah.

Kunci Faktor Luar dan Dalaman Tahun 2014



Di sebalik latar belakang ini, Keutamaan Strategik 2014 menumpukan kepada tiga tema utama yang ditunjukkan di bawah, untuk menyokong pertumbuhan perniagaan Kumpulan melalui amalan pengurusan risiko yang lebih baik:

Tema-tema Keutamaan Strategik Risiko Kumpulan 2014

Kerjasama dan inovasi	• Memperkukuhkan peranan pengurusan risiko sebagai rakan kongsi perniagaan di seluruh Kumpulan. • Meningkatkan pengurusan hubungan dengan pihak-pihak kepentingan di seluruh Kumpulan.
Risiko Serantau	• Meregionalisasikan sumber risiko, sistem, rangka kerja dan proses. • Memastikan peruntukan pengurusan risiko yang lancar di seluruh Kumpulan.
Pengoptimuman dan kecekapan	• Mengoptimumkan sumber dengan cekap dan berkesan seluruh Kumpulan. • Menambahbaik sinergi dengan perniagaan melalui pengurusan risiko sebagai kelebihan bersaing untuk mendapatkan pulangan optimum. • Memastikan penambahbaikan secara tekal proses-proses risiko untuk kecekapan yang lebih baik.

PENDEKATAN RISIKO PENGURUSAN

Risiko merupakan komponen yang wujud dalam semua aspek perniagaan Kumpulan. Pengurusan risiko telah berkembang menjadi penggerak perniagaan yang penting dalam membuat keputusan strategik bagi menyokong matlamat perniagaan Kumpulan, mengimbangkan tahap risiko yang sesuai yang diambil dengan tahap ganjaran yang dikehendaki, di samping mengekalkan kedudukan kewangan dan modal Kumpulan yang kukuh.

Pendekatan Kumpulan terhadap pengurusan risiko melibatkan penubuhan prinsip-prinsip risiko dan strategi sebagai asas utama ke arah memacu budaya dan amalan pengurusan risiko yang kukuh di seluruh Kumpulan. Kumpulan menguruskan risiko secara aktif, dengan enam elemen utama yang menyokong tadbir urus dan rangka kerja pengurusan risiko:

PRINSIP-PRINSIP PENGURUSAN RISIKO

Disiplin teras Kumpulan yang bertindak sebagai asas bagi amalan dan proses pengurusan risiko Kumpulan

Pendekatan Maybank terhadap pengurusan risiko melibatkan tujuh prinsip risiko yang luas:

i. Mewujudkan selera risiko dan strategi yang jelas tentang sifat, jenis dan tahap risiko Kumpulan yang sanggup diambil dan perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah Kumpulan (“Lembaga”).
ii. Pengurusan modal didorong oleh objektif strategik Kumpulan dan mengambilkira persekitaran pengawal selia, ekonomi dan komersial yang berkaitan di mana Kumpulan beroperasi.
iii. Tadbir urus dan pengawasan yang betul melalui struktur tadbir urus Kumpulan yang jelas, berkesan dan mantap dengan tanggungjawab yang ada dalam Kumpulan dinyata secara jelas, telus dan konsisten.
iv. Mempromosi budaya risiko mantap yang menyokong dan menyediakan standard dan insentif yang sesuai bagi tingkah laku profesional dan yang bertanggungjawab.
v. Pelaksanaan rangka kerja dan polisi risiko yang bersepadu untuk memastikan amalan dan proses-proses pengurusan risiko yang berkesan di semua peringkat.
vi. Pelaksanaan proses pengurusan risiko yang betul untuk mengenal pasti, mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan risiko yang wujud secara aktif dalam semua produk, aktiviti, proses, sistem dan pendedahan Kumpulan.
vii. Memastikan sumber yang mencukupi dan infrastruktur sistem diwujudkan bagi membolehkan pengurusan risiko yang berkesan.

SELERA RISIKO SELURUH KUMPULAN DAN STRATEGI

Rangka kerja selera risiko seluruh Kumpulan untuk menentukan sempadan dan penggerak dalam menjalankan perniagaan

Selera risiko Kumpulan adalah komponen kritikal dalam rangka kerja pengurusan risiko Maybank yang pesat dan digerakkan oleh kepimpinan Lembaga secara berkomunikasi daripada atas-ke-bawah dan penglibatan pengurusan di semua peringkat secara bawah-ke- atas. Selera risiko Kumpulan Maybank membolehkan Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan berkomunikasi, memahami dan menilai jenis dan tahap risiko yang sedia diambil oleh Kumpulan dalam usaha mencapai objektif perniagaannya.

Pembangunan selera risiko Kumpulan Maybank telah diintegrasikan dalam perancangan dan strategi perniagaan tahunan Kumpulan dan boleh disesuaikan dengan keadaan perniagaan dan pasaran yang berubah-ubah. Selera risiko Kumpulan mengimbangkan keperluan semua pihak-pihak kepentingan dengan menjadi faktor pentadbir risiko, serta sebagai penggerak aktiviti perniagaan semasa dan masa depan.

Penyataan tentang selera risiko itu dilakukan melalui satu set penyata selera risiko yang merangkumi pandangan menyeluruh terhadap semua risiko ketara kepada Kumpulan.

Pengurusan Risiko & Pematuhan

TADBIR URUS & PENGAWASAN RISIKO

Pendekatan pengurusan risiko bersepadu ke arah pengurusan risiko yang efektif di seluruh Kumpulan

Sejajar dengan struktur dan aspirasi serantau Kumpulan, Risiko Kumpulan secara berterusan telah mempertingkatkan pendekatan pengurusan risikonya yang bersepadu untuk mencapai pengurusan efektif risiko di seluruh entepris. Model tadbir urus risiko Kumpulan menyediakan satu struktur tadbir urus yang telus dan berkesan yang menggalakkan penglibatan aktif daripada Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan dalam proses pengurusan risiko bagi memastikan wujudnya pandangan yang seragam di seluruh Kumpulan.

- **Model tadbir urus**

  Model tadbir urus bertujuan untuk meletakkan tanggungjawab dan keempunyaan sambil memudahcara tahap yang sesuai dalam kebebasan dan pembahagian tugas. Struktur ini berasaskan kepada tiga peringkat pertahanan dan mentakrifkan garis kuasa, peranan dan tanggungjawab untuk mengurus risiko secara cekap di seluruh Kumpulan.

Tiga Barisan Pertahanan Kumpulan Maybank



Barisan Pertahanan Pertama: Unit Pengambilan Risiko
- Terdiri daripada unit perniagaan dan sokongan yang bertanggungjawab dalam mengurus risiko harian yang ada dalam perniagaan dan aktiviti Kumpulan.
- Memastikan pengawasan risiko yang berkesan, selari dengan pelaksanaan rangka kerja risiko, dasar dan prosedur serta kejelasan fungsi dan amalan pengurusan risiko.

Barisan Pertahanan Kedua: Unit Kawalan Risiko
- Termasuk fungsi pengurusan risiko dan pematuhan dalam menyediakan pengawasan dan bimbingan yang efektif terhadap keberkesanan operasi rangka kerja pengurusan risiko.
- Unit-unit ini mempunyai tanggungjawab yang sama dengan barisan pertahanan pertama dalam proses dan aktiviti yang perlu dijalankan. Unit-unit ini juga bertanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko, dasar dan alatan.

Barisan Pertahanan Ketiga: Audit Dalaman
- Audit dalaman membentuk barisan pertahanan ketiga dan menyediakan penilaian bebas dan pengesahan bahawa rangka kerja dan amalan pengurusan risiko adalah mencukupi bagi menyokong Kumpulan serta konsisten dengan standard kawal selia.

- **Struktur Tadbir Urus Risiko Kumpulan Maybank**

Struktur tadbir urus risiko Kumpulan dinyatakan seperti di bawah.



Lembaga Pengarah Kumpulan Maybank
Lembaga Pengarah Badan pentadbiran utama Kumpulan bertanggungjawab secara keseluruhan mengawasi risiko termasuk mendefinisikan struktur tadbir urus yang sesuai dan pengagihan kuasa.
Jawatankuasa Risiko Peringkat Lembaga Pengarah Kumpulan Maybank
Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC"): Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini bertanggungjawab mengawasi risiko termasuk, tetapi tidak terhad kepada meluluskan strategi pengurusan risiko, rangka kerja dan polisi untuk risiko yang dihadapi oleh Kumpulan.
Jawatankuasa Penilaian Kredit ("CRC"): CRC ditugaskan oleh Lembaga Pengarah untuk mengkaji/menyetujui/ mengenakan kuasa veto bagi pinjaman baharu atau tambahan tertakluk kepada had kuasa yang ditentukan lebih awal.
Jawatankuasa Risiko Peringkat Pengurusan Kumpulan Maybank
Jawatankuasa Pengurusan Aset & Liabiliti ("ALCO") Kumpulan: ALCO bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko pasaran dan kecairan melalui penggubalan strategi luas setelah mengambil kira profil kunci kira-kira dan struktur pembiayaan Kumpulan.
Jawatankuasa Risiko Eksekutif Kumpulan ("ERC"): ERC bertanggungjawab melaksanakan strategi pengurusan risiko, rangka kerja dan polisi Kumpulan.
Jawatankuasa Pengurusan Kredit Kumpulan ("GMCC"): GMCC bertanggungjawab terhadap kelulusan pinjaman/cadangan berdasarkan had kuasa yang ditetapkan.
Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan Risiko Operasi Kumpulan ("GORMC"): GORMC bertindak sebagai juara dan pemandu pengurusan risiko operasi seluruh Kumpulan.

Pengurusan Risiko & Pematuhan

- **Pengawasan Risiko**

  Sebagai sebahagian daripada pengawasan risiko Kumpulan, petunjuk-petunjuk risiko utama dan isyarat amaran awal diwujudkan menjadi sebahagian daripada amalan pengurusan risiko. Petunjuk-petunjuk dan isyarat-isyarat dipantau secara kerap untuk memastikan tindakan yang secukup dan tepat pada masanya boleh diambil untuk mengurangkan potensi risiko terhadap Kumpulan.

  Pengukuran kuantitatif dan kualitatif diberikan kepada petunjuk dan isyarat, dan berdasarkan kepada risiko utama Kumpulan, iaitu risiko pulangan, modal, kecairan dan pembiayaan, kategori risiko, tumpuan dan pematuhan. Petunjuk telah diseragamkan di seluruh Kumpulan, tetapi dengan penyesuaian mengikut keutamaan strategik negara/setiap unit perniagaan dan model perniagaan. Tahap Kumpulan kepada petunjuk-petunjuk ini dilaporkan kepada ERC, RMC dan Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa, sekali gus memastikan bahawa pengurusan dan Lembaga Kumpulan sedar dan kekal mengawas risiko yang dihadapi oleh Kumpulan.

BUDAYA RISIKO DAN PEMATUHAN

Rukun asas amalan pengurusan risiko Kumpulan dan tadbir urus risiko yang efektif

Satu komponen penting dalam mengukuhkan struktur tadbir urus risiko Kumpulan adalah risiko dan budaya pematuhan. Ia membentuk satu prinsip asas pengurusan risiko dan berfungsi sebagai asas di mana struktur pengurusan risiko secara bersepadu yang kukuh dibina.

Risiko dan budaya pematuhan Kumpulan dipandu dari atas serta disokong di peringkat pertengahan, dan berakar umbi dalam semua peringkat aktiviti dan perniagaan. Sebagai blok bangunan penting untuk tadbir urus risiko yang berkesan, ia terus dipromosi untuk memastikan risiko dan budaya pematuhan yang betul dan dipamerkan dalam tingkah laku setiap individu dalam organisasi.

Sebagai sebahagian daripada risiko dan budaya pematuhan, Kumpulan juga telah menanamkan budaya pematuhan yang mana Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan semua kakitangan Kumpulan komited dalam mematuhi keperluan undang-undang berkaitan, peraturan-peraturan dan garis panduan kawal selia. Komitmen Kumpulan jelas ditunjukkan melalui penubuhan dasar dan garis panduan pematuhan yang ketat untuk memastikan risiko ketidakpatuhan Kumpulan diuruskan dengan berkesan. Langkah-langkah tersebut membantu mengurangkan kos menjalankan perniagaan yang timbul daripada penalti pihak kawal selia dan juga melindungi integriti dan reputasi Kumpulan.

Selain itu, pasukan pematuhan Kumpulan secara berterusan terlibat dalam latihan pematuhan yang khusus dimana pengesahan juga dilakukan secara semasa dan teguh. Inisiatif pembelajaran dan program juga diadakan sepanjang tahun untuk mengurangkan sebarang jurang pematuhan serta menyemai secara berterusan budaya pematuhan di seluruh Kumpulan.

AMALAN PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Pendekatan bersepadu pengurusan risiko dan pematuhan serta komponen penting dalam prinsip pengurusan risiko

Pengurusan Risiko

Amalan pengurusan risiko Kumpulan Maybank membolehkan Kumpulan secara sistematik mengenal pasti, mengukur, mengawal, mengawasi dan melaporkan pendedahan seluruh Kumpulan.

Lima peringkat utama proses pengurusan risiko Maybank dinyatakan di bawah.



Pengurusan Risiko & Pematuhan

- **Pengenalpastian**

  Mengenal pasti risiko adalah langkah awal dalam proses pengurusan risiko Kumpulan pertama mengenal pasti, memahami dan menilai risiko yang wujud dalam semua produk, aktiviti, inisiatif perniagaan, pasaran dan persekitaran. Pengenalpastian risiko dalam Kumpulan melibatkan satu proses berstruktur menentukan peristiwa atau senario yang boleh memberi kesan buruk kepada Kumpulan. Objektif Kumpulan adalah untuk membolehkan pengesanan awal risiko dan memastikan kawalan dan prosedur pengurusan risiko yang mencukupi bagi memastikan pengurusan yang sesuai bagi risiko-risiko ini dengan cara yang bermaklumat dan strategik.

- **Pengukuran**

  Kumpulan telah membangunkan teknik pengukuran risiko kuantitatif dan kualitatif yang komprehensif di seluruh dimensi yang berbeza dari segi faktor risiko. Ukuran risiko ini menunjukkan pendedahan agregat Kumpulan, perniagaan individu dan negara, kategori risiko dan juga jangka pendek dan jangka panjang kesan pendedahan.

  Ujian tekanan juga digunakan untuk mengenal pasti dan mengukur peristiwa yang mungkin berlaku atau perubahan masa depan dalam keadaan kewangan dan ekonomi yang boleh memberi kesan buruk kepada Kumpulan. Ujian tekanan Kumpulan dijalankan secara berkala atau apabila diperlukan untuk lebih memahami profil risiko, menilai kesan ke atas perniagaan dan mengurangkan risiko itu dengan sewajarnya.

- **Kawalan dan Mitigasi**

  Kumpulan telah mewujudkan kawalan yang betul untuk mengawal pendedahan risiko dan memastikan penjajaran dengan selera risiko yang ditubuhkan oleh Kumpulan. Kawalan kedua-dua kualitatif dan kuantitatif termasuk pencetus risiko dan had juga telah ditubuhkan untuk menyelia dan mengurus pendedahan risiko yang dikenal pasti. Kumpulan juga telah melaksanakan teknik mengurangkan risiko yang disasarkan untuk mengurangkan risiko sedia ada atau mengelakkan risiko baharu daripada berlaku.

- **Pengawasan dan Pelaporan**

  Sebagai sebahagian daripada pengawasan Kumpulan terhadap pengurusan risiko, maklumat pengurusan yang tepat dan jelas adalah penting untuk memantau dan melaporkan pendedahan dan pengecualian risiko kepada pengurusan kanan dan jawatankuasa yang berkaitan dari semasa ke semasa. Proses pemantauan dan pelaporan adalah penting kerana ia membolehkan Kumpulan untuk mengetahui pendedahan sedia ada dan memudahcara pengenalpastian peringkat awal risiko yang timbul, membuat keputusan segera dan memaklumkan strategi mitigasi.

Dengan proses pengurusan risiko berada ditempatnya, risiko prinsipal atau utama dan bagaimana Kumpulan mengurus risiko-risiko ini adalah seperti di bawah *(butiran lanjut mengenai risiko utama boleh didapati dalam pendedahan Tunggak (Pillar) 3)*

Kategori Risiko	Definisi Meluas	Amalan Pengurusan Risiko Maybank
Kredit	Kerugian kredit atau pendapatan yang timbul daripada kegagalan seorang pembayar atau pihak terbabit untuk melaksanakan obligasi kontrak mereka mengikut terma yang dipersetujui.	• Kumpulan memiliki budaya kredit yang baik melalui dasar kredit yang jelas, penilaian dan kelulusan kredit yang kukuh serta pengurusan portfolio kredit yang mantap. • Risiko kredit dalam portfolio yang berterusan adalah dinilai dan dikaji semula oleh sektor perniagaan bersama-sama dengan unit risiko. Pengurusan kanan dan Lembaga Pengarah mempunyai pengawasan yang baik tentang risiko kredit dan memainkan peranan aktif dalam pengurusan risiko kredit secara menyeluruh.
Konsentrasi	Pendedahan konsentrasi yang berpotensi menyebabkan kerugian cukup besar sehingga mengancam kedudukan kewangan Kumpulan dan operasi utamanya.	• Kumpulan menerima pakai pendekatan proaktif, pesat dan dasar yang dikawal dalam kepelbagaian portfolio. • Prinsip panduan Kumpulan dalam aktiviti pemberian pinjaman adalah untuk mempelbagaikan gabungan portfolio pinjamannya dan mengelakkan tumpuan yang tidak sepatutnya akibat risiko kredit dalam portfolionya. Penilaian bebas terhadap profil portfolio Kumpulan yang diambil untuk mengurangkan risiko konsentrasinya.
Operasi	Kerugian operasi disebabkan oleh kegagalan proses dalaman, manusia atau sistem atau peristiwa luaran.	• Kumpulan mempunyai Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi yang bertujuan menguruskan risiko operasi di seluruh Kumpulan. Kajian dibuat dari semasa ke semasa dan dipastikan sejajar dengan strategi perniagaan dan hala tuju bagi memastikan objektif perniagaan dan pengurusan risiko operasi Kumpulan adalah sejajar dan konsisten. • Pelbagai alat dan teknik juga digunakan untuk mengurangkan risiko operasi ke tahap yang boleh diterima. • Di samping itu, Kumpulan juga telah melaksanakan pengurusan krisis dan program pengurusan kesinambungan perniagaan yang mantap bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan perniagaan yang penting sekiranya berlaku kejadian luar jangka.
Pasaran	Kerugian atau kesan buruk ke atas pendapatan atau modal akibat perubahan tidak menentu kadar pasaran atau harga seperti kadar faedah, kadar pertukaran asing, harga komoditi dan harga ekuiti pasaran.	• Kumpulan mengambil langkah mengukur, mengurus dan mengawal pendedahan risiko pasarannya menggunakan amalan terbaik dalam industri. • Sekiranya sesuai, Kumpulan juga mengimbangi kesan pendedahan risiko pasarannya melalui penggunaan pelbagai instrumen lindung nilai.
Mudah Tunai dan Pembiayaan	Risiko bahawa Kumpulan tidak akan dapat memenuhi aliran tunai dan keperluan cagaran semasa dan masa depan dengan berkesan atau efektif tanpa menjejaskan operasi harian atau kedudukan kewangan Kumpulan.	• Kumpulan menggunakan pelbagai alat untuk memantau dan mengawal pendedahan risiko kecairan seperti jurang kecairan, petanda amaran awal, petunjuk kecairan dan ujian tekanan . • Kedudukan kecairan Kumpulan dipantau secara kerap mengikut dasar, prosedur dan had yang ditetapkan.
Kadar Faedah	Risiko yang timbul daripada perubahan dalam kadar faedah pasaran yang memberi kesan buruk kepada keadaan kewangan Kumpulan dari segi pendapatan atau nilai ekonomi.	• Kumpulan mengukur, mengurus dan mengawal risiko kadar faedah dengan menggunakan amalan terbaik industri. • Risiko ini adalah di bawah pengawasan Kumpulan ALCO.

Pengurusan Risiko & Pematuhan

Kategori Risiko	Definisi Meluas	Amalan Pengurusan Risiko Maybank
Reputasi	Risiko dimana reputasi Kumpulan terjejas disebab sama ada berlakunya satu atau lebih peristiwa akibat publisiti yang negative tentang amalan perniagaan, cara kendalian atau kedudukan kewangan Kumpulan.	• Reputasi Kumpulan dipelihara melalui pengurusan semua risiko yang memberi kesan kepada imej Kumpulan melalui tadbir urus korporat yang baik , proses pengurusan risiko yang berkesan dan pengurusan secara tersusun peristiwa reputasi apabila mereka berlaku.
IT dan Siber	Risiko yang memberi kesan kepada maklumat dan perkhidmatan berkaitan dengan penggunaan teknologi oleh Kumpulan. Ini termasuklah risiko dimana pelanggan atau Kumpulan mungkin mengalami gangguan perkhidmatan, kerugian yang timbul daripada kecacatan sistem, penggunaan sistem komputer yang menyalahi undang-undang dan pelanggaran data melalui sistem komputer yang dilakukan sama ada oleh pihak dalaman atau luaran, termasuk apa-apa kerosakan kepada reputasi Kumpulan.	• Kumpulan sentiasa mengkaji dan mengembangkan amalan teknologi bagi memastikan hanya kaedah dan standard terbaik digunakan. • Kumpulan juga memastikan dan mewujudkan kesedaran dalam kalangan pelanggan mengenai risiko ini.
Kawal selia	Perubahan dalam peraturan-peraturan yang boleh mengancam kedudukan kompetitif Kumpulan dan keupayaan untuk menjalankan perniagaan dengan berkesan.	• Kumpulan meneliti semua perkembangan peraturan utama di seluruh dunia untuk menjangka perubahan dan kesannya terhadap prestasi dengan tumpuan berterusan diberikan kepada memperbaiki struktur dan rangka kerja tadbir urus risiko.
Risiko Perniagaan dan Strategik	Risiko daripada kesan semasa atau yang bakal menjejaskan Kumpulan dari segi pendapatan, modal, reputasi atau kedudukan akibat perubahan persekitaran operasi kerana membuat keputusan strategik yang menjejaskan, melaksanakan keputusan secara tidak wajar atau kurang responsif kepada perubahan industri ekonomi atau teknologi.	• Kumpulan mempunyai struktur tadbir urus risiko yang mantap dan pasukan yang mengkaji risiko strategik keseluruhan yang dihadapi oleh Kumpulan . • Kumpulan menerima pakai strategi yang sesuai bagi mengimbangi risiko dan pulangan dengan mengambil kira perubahan keadaan melalui kitaran dan pemantauan rapi tren ekonomi di pasaran serta mengkaji semula kesesuaian polisi dan kawalan risiko.

Pematuhan

- **Perlindungan Data dan Privasi**

  Kumpulan komited terhadap pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang bertujuan untuk melindungi privasi pelanggan. Keperluan itu telah diterapkan dalam proses dalaman, prosedur dan sistem Kumpulan bagi mencerminkan komitmen Kumpulan dalam menjaga kepentingan pelanggan-pelanggan kami.

- **AML/CFT**

  Kumpulan komited ke arah mewujudkan kawalan dalaman yang efektif untuk AML/CFT dan telah menubuhkan Dasar Kumpulan, Garis Panduan Prosedur dan Amalan Piawaian AML/CFT. Dasar dan garis panduan ini bertujuan menyediakan pendekatan seragam kepada semua pekerja dalam menguruskan risiko AML/CFT.

  Sebagai sebahagian daripada komitmen Kumpulan untuk memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan aktiviti keganasan, Kumpulan telah menempatkan Pegawai Pematuhan di kesemua unit tempatan, luar negara dan anak syarikat bertujuan memantau dan melaporkan sebarang transaksi yang mencurigakan serta memastikan penyimpanan rekod yang mencukupi, menyediakan latihan pekerja secara berterusan, melaporkan kepada pengurusan kanan dan menjalankan kajian bebas berkaitan langkah-langkah AML/CFT dalaman.

- **Amalan Anti-Rasuah/Kod Etika**

  Kumpulan juga berpegang kepada integriti sebagai salah satu nilai teras dan komited untuk bertindak secara profesional, adil dan berintegriti dalam semua urusan perniagaan dan perhubungannya. Kumpulan telah mewujudkan Kod Etika & Dasar Tatalaku dan Dasar Hadiah Korporat & Polisi Keraian bagi memastikan semua pekerja mempunyai standard tingkah laku yang beretika tinggi dan professional.

  Kumpulan juga telah mewujudkan Talian Khas Integriti sebagai saluran kepada kakitangan untuk melaporkan sebarang insiden penyalahgunaan atau pemintasan proses dan kawalan yang ditetapkan. Semua kakitangan diberi peluang untuk melaporkan melalui talian itu dengan jaminan bahawa ia akan diuruskan secara rahsia dan identiti pelapor dilindungi.

INFRASTRUKTUR SUMBER & SISTEM

Sistem pengurusan risiko bersepadu dan program pengurusan bakat tenaga mahir risiko seluruh Kumpulan untuk menyokong amalan pengurusan risiko yang berubah

Sumber yang sesuai dan infrastruktur sistem menjadi pemboleh utama kepada amalan dan proses pengurusan risiko yang berkesan.

- **Bakat**

  Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Kumpulan untuk meningkatkan kemahiran kakitangan risiko, penambah baikan dilakukan pada Rangka Kerja Pengurusan Bakat Risiko bagi memastikan kecekapan risiko teras dikemaskini dan sejajar dengan landskap risiko yang berubah-ubah. Rangka Kerja Pengurusan Bakat Risiko menyediakan kakitangan risiko seluruh Kumpulan kefahaman yang jelas tentang kemahiran yang diperlukan, pelan hala tuju pembelajaran dan laluan kerjaya.

  Sebagai sebahagian daripada pembangunan pengurusan pengetahuan Risiko Kumpulan, Kelas Kepakaran Risiko telah dianjurkan setiap tahun. Bagi tahun 2014, Kumpulan menyaksikan penyertaan terbesar dari kakitangan risiko seluruh rantau ini. Kumpulan juga menjemput pemimpin pemikir daripada industri sebagai penceramah tama untuk berkongsi pandangan mereka tentang pengurusan risiko masa depan.

- **Infrastruktur Sistem**

  Terdapat keperluan yang sentiasa berubah untuk mendapatkan gambaran menyeluruh dan tepat pada masanya tentang risiko kami seluruh Kumpulan. Menyedari hakikat ini, Kumpulan telah memulakan membangunkan perniagaan yang digerakkan risiko seni bina IT untuk meningkatkan pengawasan pengurusan risiko di seluruh Kumpulan.

Pengurusan Risiko & Pematuhan

Program Seni Bina Risiko IT (RITA) sedang dijalankan, bermula dengan pelaksanaan inisiatif asas untuk pengagregatan data risiko, iaitu Pangkalan Data Risiko Entepris (ERDM) yang akan dilaksanakan bagi mencapai objektif utama seperti berikut:

- Menyediakan repositori data tunggal bagi data risiko;
- Memenuhi keperluan pelapuran kawalselia bertepatan masa; dan
- Menyokong keutamaan strategik Kumpulan yang menumpukan kepada keserantauan, peningkatan berterusan dalam produktiviti dan budaya prestasi tinggi.

Program RITA juga akan berusaha memastikan Maybank mematuhi sepenuhnya dengan amalan antarabangsa, khususnya bagi menangani Prinsip Penyeliaan Perbankan Pengagregatan Risiko Data & Risiko Pelaporan Jawatankuasa Basel (BCBS 239). Dalam menangani BCBS 239, program RITA akan membantu dalam mengoptimumkan dan mengintegrasikan risiko dalam perniagaan untuk memacu penciptaan nilai bagi Kumpulan.

STRATEGI PENGURUSAN RISIKO 2015

Tinjauan Risiko 2015

Mengenal pasti dan memantau risiko utama dan yang baru muncul adalah penting kepada pendekatan Kumpulan dalam menguruskan risiko. Pengenalpastian dan memberikan keutamaan terhadap risiko besar yang dihadapi oleh Kumpulan adalah penting untuk membolehkan perancangan proaktif dalam melakukan antara lain pengurusan menyeluruh risiko-risiko ini, di seluruh Kumpulan. Antara kebimbangan utama Kumpulan memasuki 2015 ialah:

- **Persekitaran Perniagaan Yang Mencabar**

  Prospek pertumbuhan ekonomi pada tahun 2015 kekal membimbangkan dengan kesukaran ekonomi terus berlaku di Eropah, pertumbuhan yang lebih perlahan dalam pasaran baru muncul serta ekonomi China yang perlahan. Kesan akibat harga minyak dan komoditi yang lebih rendah juga dijangka membawa kepada ketidakpastian dalam pertumbuhan ekonomi. Di samping itu, keyakinan yang menipis dalam institusi kewangan masih boleh dirasai selepas Krisis Kewangan 2008, dengan tahap keyakinan pengguna masih rendah.

- **Perubahan Kawalselia dan Keperluan**

  Salah satu risiko utama dalam melangkah masuk ke tahun 2015 adalah lanskap yang sentiasa berubah dalam keperluan kawal selia dan beban yang ada dalam peraturan-peraturan baharu. Kerajaan dan pengawal selia dalam pelbagai bidang kuasa dijangka terus membangunkan peraturan-peraturan yang mungkin mengenakan syarat-syarat baharu, termasuk tetapi tidak terhad kepada bidang risiko modal dan kecairan, struktur korporat, pengendalian perniagaan, tadbir urus korporat dan operasi. Di samping itu, dengan bermulanya liberalisasi yang lebih besar dan pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN pada tahun 2015, peraturan yang harmoni adalah penting dalam kalangan negara-negara anggota. Kos pematuhan adalah tinggi bagi bank-bank yang beroperasi di pasaran-pasaran ini kerana mereka perlu mematuhi peraturan-peraturan yang berbeza. Dengan kehadiran Maybank di peringkat serantau, Kumpulan perlu lebih berhati-hati dalam memastikan pematuhan terhadap keperluan undang-undang di negara-negara di mana kami beroperasi.

- **Risiko Teknologi**

  Dengan meningkatnya pergantungan perniagaan terhadap teknologi, kebimbangan tentang kemunculan ancaman serta kos kegagalan kompromi dan sistem telah mendapat perhatian segera melalui tajuk-tajuk berita berkaitan pelanggaran peraturan keselamatan, penggodaman dan serangan malware. Rumitnya ancaman siber berkembang dengan syarikat-syarikat yang berdepan dengan peristiwa canggih yang jauh mengatasi pertahanan tradisional. Oleh kerana lanskap ancaman siber berkembang cepat, risiko berkaitan merupakan kebimbangan utama dan perlu ditangani sebagai isu seluruh perusahaan.

- **Risiko Tatalaku**

  Risiko tatalaku adalah salah satu topik paling hangat dalam perkhidmatan kewangan. Ungkapan “risiko tatalaku” terdiri daripada pelbagai aktiviti dan jenis tingkah laku yang berada di luar kategori risiko utama lain, seperti risiko pasaran, kredit, kecairan dan operasi. Pada dasarnya ia merujuk kepada cara sebuah firma dan kakitangannya menjalankan tugas. Secara umumnya ia merangkumi perkara-perkara seperti bagaimana pelanggan dilayan, saraan kakitangan, mencegah penyalahgunaan pasaran, membina prosedur audit yang mantap di seluruh proses pembangunan produk baharu dan bagaimana syarikat menangani konflik kepentingan.

Dengan senarai risiko utama dan baru muncul dikenal pasti, iaitu yang berpotensi memberi kesan kepada Kumpulan, Kumpulan akan lebih berhati-hati dalam mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa ia mempunyai tindakan susulan perlu dilaksanakan. Pengurusan risiko Maybank juga merupakan proses yang sentiasa berubah di mana Kumpulan terus meningkatkan keupayaannya selaras dengan aliran dalam pasaran kewangan. Sebagai kumpulan perkhidmatan kewangan, menguruskan risiko kewangan menjadi semakin mudah tetapi kini, tumpuan juga diberikan kepada menambahbaik dan meningkatkan keupayaan pengurusan risiko bukan kewangan.

Strategi Risiko 2015

Dengan mengenal pasti risiko utama dan risiko yang baru muncul dalam Kumpulan serta penjajaran keutamaan strategik Kumpulan, Risiko Kumpulan akan memberi tumpuan kepada menyokong Kumpulan ke arah “Menyampaikan Wawasan”. Strategi Risiko Kumpulan akan memberi tumpuan kepada bidang-bidang yang ditunjukkan di bawah.

Strategi Risiko Kumpulan pada 2015

- Meningkatkan kedinamikan pulangan risiko di seluruh Kumpulan
- Terus mengoptimumkan amalan modal dan mudah tunai Kumpulan
- Menginstitusikan budaya produktiviti dan inovasi
- Meningkatkan penyertaan Risiko Kumpulan dalam keputusan strategik
- Mendorong peningkatan bakat
- Meningkatkan pengurusan pengawal selia serantau
- Membangunkan amalan dan model pengurusan risiko inovatif
- Mengukuhkan budaya risiko dan pematuhan
- Meningkatkan model serantau untuk menambahbaik sokongan kepada perniagaan
- Meningkatkan tumpuan terhadap risiko bukan kewangan, seperti Risiko Siber, Risiko Tindakan dan Risiko Maklumat ke dalam proses pengurusan risiko kami

Laporan Jawatankuasa Syariah Kumpulan

PENGENALAN

Jawatankuasa Syariah menyelia perkara berkaitan Syariah yang berhubung kait dengan operasi dan aktiviti Kumpulan berasaskan Syariah.

AHLI JAWATANKUASA SYARIAH

Jawatankuasa Syariah mempunyai tujuh ahli. Sila rujuk pada muka surat 64 dan 65 untuk profil ahli Jawatankuasa Syariah.

PELANTIKAN PENGERUSI BARU

Pada TK 2014, Jawatankuasa Syariah menyaksikan pelantikan Prof. Dr Aznan bin Hasan sebagai ahli pada bulan Mei 2014 dan beliau seterusnya dilantik sebagai Pengerusi baru untuk menggantikan Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Harussani Haji Zakaria yang telah bersara pada April 2014.

TUGAS, TANGGUNGJAWAB DAN AKAUNTABILITI

1. **Tanggungjawab dan akauntabiliti**
   Jawatankuasa Syariah dianggap dapat memahami bahawa semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang ahli Jawatankuasa Syariah, mereka bertanggungjawab untuk semua keputusan Syariah, pendapat dan pandangan yang mereka berikan.

2. **Menasihati Lembaga Pengarah dan negara atau perniagaan yang terlibat**
   Jawatankuasa Syariah dijangka untuk menyokong dan memberi input untuk hal-hal berasaskan Syariah untuk negara-negara atau perniagaan-perniagaan dalam memastikan mereka patuh kepada undang-undang Syariah pada setiap masa.

3. **Menyokong polisi dan prosedur Syariah**
   Jawatankuasa Syariah dijangka untuk menyokong polisi dan prosedur Syariah dan memastikan isi kandungan tidak mempunyai unsur yang tidak sejajar dengan Syariah.

4. **Menyokong dan mengesahkan dokumen yang berkaitan**
   Untuk memastikan produk mematuhi undang-undang Syariah, Jawatankuasa Syariah mesti mengesahkan:
   i) Terma dan syarat yang terkandung dalam borang, kontrak, perjanjian atau dokumentasi undang-undang yang digunakan untuk melakukan transaksi; dan
   ii) Manual produk, iklan pemasaran, ilustrasi jualan dan risalah yang digunakan untuk menggambarkan produk.

5. **Menilai kerja yang dijalankan oleh Kajian Syariah dan Audit Syariah**
   Untuk menilai kerja yang dilakukan oleh Kajian Syariah dan Audit Syariah bagi memastikan kepatuhan pada unsur Syariah yang merangkumi sebahagian daripada tugas mereka dalam menyediakan penilaian mereka pada kepatuhan Syariah dan jaminan pada maklumat yang tertera di dalam laporan tahunan.

6. **Membantu pihak berkenaan dalam hal ehwal Syariah.**
   Pihak yang berkenaan di dalam Kumpulan seperti peguam bela, juru audit dan perunding boleh mendapatkan khidmat nasihat berkaitan hal ehwal Syariah dari Jawatankuasa Syariah dan mereka dijangka untuk memberi pertolongan yang perlu kepada permintaan pihak tersebut.

7. **Memberi nasihat tentang perkara yang perlu dirujuk kepada pihak berkuasa yang berkenaan dengan Syariah**
   Jawatankuasa Syariah boleh menasihati Kumpulan untuk berunding dengan pihak berkuasa Syariah lain mengenai perkara-perkara berkaitan Syariah yang tidak dapat diselesaikan.

8. **Pematuhan**
   Jawatankuasa Syariah hendaklah pada setiap masa mematuhi dasar dan prosedur dalaman yang diguna pakai untuk melaksanakan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Kumpulan serta keperluan dan piawaian yang ditetapkan oleh pengawal selia yang berkenaan berhubung perkara-perkara berkaitan Syariah, tadbir urus dan pematuhan.

Laporan Jawatankuasa Syariah Kumpulan

MESYUARAT DAN MUZAKARAH

Jawatankuasa Syariah telah bermersyuarat sebanyak 12 kali dan kesemua ahli telah memenuhi keperluan minimum mesyuarat di bawah Lampiran 5: Prosedur Operasi untuk Jawatankuasa Syariah di bawah Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah BNM yang menyatakan bahawa ahli Jawatankuasa Syariah perlu hadir sekurang-kurangnya 75% daripada kesemua mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang berlangsung pada setiap tahun kewangan.

Sebagai tambahan kepada mesyuarat Jawatankuasa Syariah, ada juga diadakan 11 mesyuarat Jawatankuasa Kerja Syariah di mana kertas penyerahan segera telah dibincangkan dan dihadiri oleh ahli-ahli Jawatankuasa Syariah yang berkaitan.

Dalam usaha untuk memupuk hubungan merentas sempadan dan pengetahuan lebih lanjut tentang hal ehwal Syariah di dalam Kumpulan, Jawatankuasa Syariah telah mengadakan muzakarah bersama pada Jun 2014 dengan rakan-rakan mereka dari Dewan Pengawas Syariah, Bank Internasional Indonesia Tbk.

PENILAIAN JAWATANKUASA SYARIAH

Mematuhi Rangka Kerja Tadbir Syariah BNM, Jawatankuasa Syariah akan melalui proses untuk menilai keberkesanan setiap ahli dan juga Jawatankuasa secara menyeluruh pada setiap tahun. Penilaian tahunan itu berdasarkan jawapan soal selidik yang terperinci yang disediakan secara dalaman selari dengan kaedah kaji selidik yang digunapakai oleh lembaga pengarah Maybank dan entiti-entiti yang lain. Soal selidik tersebut telah diedarkan kepada ahli Jawatankuasa dan merangkumi pertimbangan keberkesanan Jawatankuasa dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka selain tahap kemahiran dan kecekapan setiap ahli dalam jangkaan bidang kepakaran untuk setiap ahli Jawatankuasa Syariah, seperti Syariah (usul fiqh atau fiqh muamalat) serta perbankan dan kewangan Islam. Selain itu, komposisi dan saiz Jawatankuasa Syariah dan tahap pencapaian setiap ahli juga akan dinilai. Keputusan penilaian Jawatankuasa Syariah dibentangkan kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran (NRC) untuk dikaji semula dan memberi cadangan ke atas langkah-langkah yang perlu untuk meningkatkan keberkesanan ahli yang sebelumnya.

Tanggungjawab Korporat

Kemampanan di Maybank bermaksud mengendalikan perniagaan untuk meningkatkan prestasi yang bertanggungjawab – hari ini dan untuk jangka masa yang panjang. Kami akan terus berkhidmat untuk komuniti ASEAN selain memperkukuhkan dan mengembangkan operasi kami di rantau ini. Perjalanan kemampanan kami adalah refleksi kedudukan Maybank sebagai pemimpin serantau dalam menyediakan perkhidmatan kewangan yang menyokong pertumbuhan perniagaan melalui pendekatan berasaskan impak.

Lebih kurang **1%** daripada **PATAMI** telah digunakan untuk tanggungjawab korporat

Kedudukan **20** teratas dalam Indeks Bursa Malaysia **FTSE4Good**

129,921 jam sukarelawan

RM245 juta diagihkan melalui Skim Pembiayaan Teknologi Hijau

Tanggungjawab Korporat

Kami berkerja keras untuk memastikan usaha kemampanan selari dengan strategi korporat untuk mencapai pertumbuhan yang holistik buat kesemua pihak berkepentingan. Cita-cita kemampanan kami adalah selari dengan misi kami untuk menginsankan perkhidmatan kewangan yang berasal dari model perniagaan dan cara kami beroperasi. Bagaimana kami membuat keputusan, bagaimana kami melibatkan pihak-pihak berkepentingan dan bagaimana kami melaporkan kemajuan kami merupakan aspek-aspek tadbir urus kemampanan yang penting bagi Maybank.

Kami komited untuk memperbaiki kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi. Sekitar Asia, kami mencuba untuk melaksanakan projek yang memberi kesan positif kepada modal sosial. Dalam tempoh laporan ini, sebagai tambahan kepada sokongan berbentuk kewangan, hampir 25,000 kakitangan kami telah menyumbang lebih daripada 125,000 jam sukarelawan dan telah menyediakan kepakaran dan pengetahuan mereka untuk memperkasakan pelbagai program berasaskan komuniti.

Kami telah mencapai kemajuan yang baik dalam meningkatkan usaha kemampanan kami pada tahun 2014. Melangkah kehadapan, kami akan berpandukan Pelan Kemampanan 20/20, yang merangkumi komitmen-komitmen kami dalam bidang yang berkaitan dengan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) termasuk masyarakat dan kewarganegaraan, penglibatan pekerja selain produk dan perkhidmatan. Bukti kepada usaha kami terdiri daripada kedudukan 20 teratas bagi FTSE4Good Bursa Malaysia Indeks dan pelbagai anugerah lain untuk laporan kemampanan kami.

Laporan Kemampanan Kami untuk 2014

Laporan kemampanan kami adalah selari dengan rangka kerja Global Reporting Initiative (GRI) G4-Core. Laporan kami telah menyatakan dengan jelas tentang erti kemampanan kepada kami dan bagaimana ia digabungkan dalam perniagaan kami serta komitmen utama kami secara menyeluruh. Pada tahun 2014, kami telah menggabungkan lebih banyak pandangan pihak berkepentingan dalaman dan luaran. Sejauh mungkin, kami juga mengenal pasti jurang di dalam keutamaan teratas kami dan usaha kami untuk merapatkan jurang tersebut.

Laporan kemampanan menyediakan pihak berkepentingan dengan prestasi bersepadu sesebuah organisasi. Kami telah berjaya untuk melaporkan prestasi kewangan kami yang cemerlang untuk setiap tahun. Tetapi, hasil tersebut tidak melambangkan semangat sebenar organisasi. Kami menjaga kepentingan masyarakat kami, pelanggan kami, dan komuniti kami dekat di hati. Melaporkan kemampanan memberi kami peluang untuk menumpukan perhatian dalam bagaimana kami beroperasi sebagai penyedia perkhidmatan kewangan serantau yang terkemuka dengan kehadiran yang kukuh di ASEAN.

Untuk tahun kedua berturut-turut, Maybank telah muncul sebagai pemenang keseluruhan dalam kategori Laporan Kemampanan Terbaik bagi anugerah tahunan Association of Chartered Certified Accountants Malaysia Sustainability Reporting Awards (ACCA MaSRA) tahun 2014. Kami juga telah dinobatkan anugerah Best Workplace Practices bagi perbincangan yang menyeluruh tentang amalan tempat kerja di dalam laporan kemampanan yang merangkumi kepelbagaian dan penglibatan dalam inisiatif yang melibatkan bakat-bakat kami ke seluruh pelusuk pasaran dan demografi utama.

Tanggungjawab Korporat

KOMUNITI DAN KEWARGANEGARAAN

Untuk memastikan perniagaan kami senantiasa berkembang, kami perlu memperkukuhkan hubungan dengan komuniti, mewujudkan hubungan yang berkekalan melalui produk dan perkhidmatan yang dapat menolong mereka pada jangka masa panjang. Untuk mencapai aspirasi tersebut, kami telah melabur dalam pelbagai program yang memperkasakan komuniti.

Pada tahun 2013, kami telah menanda aras pelaburan komuniti bersama rakan setara kami dan telah melabur dalam lima bahagian utama iaitu pendidikan, pemerkasaan komuniti, gaya hidup sihat, seni dan budaya, serta kepelbagaian alam sekitar. Program sukarelawan pekerja kemegahan kami, Cahaya Kasih, telah berjaya mendaftarkan lebih daripada 125,000 jumlah jam sukarelawan oleh 20,000 orang sukarelawan yang menyumbangkan kemahiran dan pengetahuan untuk membina dan memperkasakan pelbagai komuniti.

MENJANA PENDIDIKAN PADA SEMUA PERINGKAT

Biasiswa Yayasan Maybank | **PEERS** | **Celik Kewangan**

Biasiswa Yayasan Maybank

Sejak penubuhannya pada tahun 1972, Maybank telah membiayai lebih daripada 1,000 orang pemegang biasiswa selain memberi mereka peluang pekerjaan. Menjana pendidikan di semua peringkat membolehkan kami untuk membina modal insan di seluruh rantau ini di mana kami beroperasi. Pelaburan utama kami dalam biasiswa dan pelbagai program sekolah dapat memupuk bakat generasi seterusnya untuk memimpin pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan yang akan datang. Insiatif kami telah berjaya menghasilkan impak kepada komuniti, sama ada di dalam atau luar bandar.

Melalui Yayasan Maybank, kami menyokong dan menggalakkan sebahagian daripada bakat-bakat yang muda terbaik dari Asia, terutama sekali pelajar cemerlang dari golongan berpendapatan rendah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Biasiswa kami merangkumi yuran pengajian, kos sara hidup, komputer riba dan latihan praktikal berbayar untuk pemegang biasiswa. Pada tahun 2014, keseluruhan biasiswa yang telah diberi melebihi RM12 juta, untuk 112 orang pelajar yang melanjutkan pengajian ke universiti tempatan dan antarabangsa.

Biasiswa Yayasan Maybank			
Tahun	**2012**	**2013**	**2014**
Jumlah pelajar	41	51	**65**
Yuran Pengajian	RM9,368,500 perbelanjaan dari tahun ke tahun	RM11,260,504.50 perbelanjaan dari tahun ke tahun	**RM13,760,497 perbelanjaan dari tahun ke tahun**

Pada tahun ini, Maybank telah memperkenalkan 'Kategori Tajaan' untuk pelajar cemerlang dari keluarga yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM24,000 setahun. Tajaan tersebut tidak mempunyai ikatan wajib dan telah dianugerahkan kepada 15 peserta untuk melanjutkan pelajaran mereka di pusat pengajian awam atau swasta di Malaysia untuk mana-mana subjek yang berkaitan kewangan atau bidang keutamaan negara.

Tanggungjawab Korporat

Sebanyak 50 lagi biasiswa telah diberikan kepada para pelajar yang layak untuk meneruskan pendidikan tinggi di dalam dan luar negara untuk kursus yang berkaitan pengurusan perniagaan atau perkhidmatan kewangan. Yayasan Maybank turut menawarkan biasiswa kepada 33 pelajar di Indonesia untuk meneruskan pendidikan tinggi di Indonesia, Malaysia dan Singapura. Regionalisasi anugerah biasiswa akan menjadi pemacu utama bagi sokongan kami terhadap program pendidikan pada masa hadapan.

Menggalakkan Kecemerlangan Pendidikan di Sekolah-sekolah Luar Bandar (PEERS)

Di bawah program sekolah angkat kami, PEERS, kami telah menetapkan untuk memperbaiki standard pendidikan di sekolah-sekolah luar bandar menerusi sokongan akademik dan juga perkembangan peribadi serta pembinaan kapasiti. Bersama beberapa rakan usaha sama, kami telah mengambil 15 sekolah angkat dalam tiga bidang utama di bawah program PEERS iaitu ganjaran pencapaian, menyediakan kemudahan ICT serta menggalakkan kecekapan bahasa dalam Bahasa Inggeris. Kemudahan ICT disediakan untuk mengurangkan perbezaan teknologi maklumat, mengembangkan pengetahuan dan mempromosi inovasi serta kreativiti.

Celik Kewangan menerusi CashVille Kidz

Program celik kewangan kami mendidik para pelajar mengenai kepentingan pengurusan kewangan yang baik dan memberi tumpuan terhadap pendidikan kewangan dengan pendekatan yang menyeronokkan. Pada tahun 2013, kami melancarkan musim kedua siri animasi yang memenangi anugerah, CashVille Kidz dengan matlamat untuk mendidik golongan muda dalam pengurusan wang yang baik. Episod perintis mencapai 1.5 juta penonton iaitu lebih daripada 10 kali daripada sasaran awal. Program ini turut sampai ke 660 sekolah yang melibatkan 102,580 pelajar dan 2,660 guru. Pada 2014, kami mengembangkan program ini untuk meliputi lebih daripada 42.5 peratus. Kami juga menilai impak dan perkembangan program melalui jumlah penyertaan dalam pertandingan yang dianjurkan, cabaran celik kewangan dan juga minat yang ditunjukkan melalui media sosial. Penglibatan dalam talian melalui Facebook dan YouTube juga amat penting untuk mewujudkan kesedaran, mengendalikan peraduan, berkongsi muat naik berunsur pendidikan, mendapatkan maklum balas dan berkongsi pengalaman.

2013

CashVille Kidz mendekati
180 sekolah
72,000 pelajar
540 guru

2014

CashVille Kidz mendekati
660 sekolah
102,580 pelajar
2,660 guru

Kami komited untuk menyokong rangkuman kewangan dengan mendekati golongan yang terpinggir di Asia, menggalakkan kesamaan jantina dan memperkasakan wanita serta mengurangkan penderitaan kepada insan yang menjadi mangsa bencana alam. Menyediakan akses kewangan merupakan langkah pertama untuk membantu golongan yang kurang diberi perhatian. Kami melabur dalam inisiatif berimpak besar yang akan menyediakan komuniti dengan alat pembangunan keupayaan dan kemahiran untuk membantu mereka mendapatkan pendapatan untuk tahun-tahun akan datang.

MEMPERKASAKAN KOMUNITI



Program CashUP

Program ini bertujuan untuk menggalakkan keluarga berpendapatan rendah untuk menanamkan tabiat menyimpan wang. Maybank Singapura bekerjasama dengan Majlis Pembangunan Komuniti Singapura pusat untuk membolehkan keluarga-keluarga yang terpilih untuk menyertai program celik kewangan selama sembilan bulan. Program CashUP menyediakan nisbah pembayaran 1-1 yang sepadan untuk keluarga yang mengambil bahagian, yang pada dasarnya meningkatkan simpanan mereka sebanyak dua kali ganda. Program ini telah memberi impak kepada 150 keluarga pada tahun 2014 dan disasarkan untuk mencapai 200 keluarga pada tahun 2015. Sejak pengenalan program ini, sejumlah RM876,000 telah disumbangkan kepada 664 peserta.

Program Perlindungan Keluarga Maybank

Program ini telah memanfaatkan 600 keluarga dengan membiayai perlindungan insurans pencari nafkah bagi sesebuah keluarga yang meliputi kemalangan dan kecederaan berkaitan pekerjaan. Penerima manfaat disasarkan telah dipilih daripada keluarga yang memiliki jumlah pendapatan isi rumah yang kurang daripada RM5,000. Kami telah melabur sebanyak RM800,000 untuk menyediakan perlindungan insurans penerima manfaat untuk tempoh lima tahun, di mana setiap seorang individu menerima perlindungan maksimum sebanyak RM130,000. Polisi insurans ini melindungi penerima manfaat pada setiap masa, di seluruh dunia. Program yang telah memberi impak kepada 700 keluarga ketika ini, menyasarkan penambahan sebanyak 350 keluarga lagi pada tahun 2015.

Tanggungjawab Korporat

Pembiayaan Mikro

Pembiayaan Mikro mempunyai potensi untuk memperkasakan golongan wanita dalam industri berasaskan rumah dan kampung, membolehkan mereka untuk mencari nafkah dengan peningkatan dalam ilmu pengetahuan dan kemahiran. Sejak tahun 2012, program Pembiayaan Mikro BII Berbagi kami telah memberi kesan yang baik buat lebih 6,000 wanita di 200 perusahaan mikro dalam enam wilayah. Kami bermula pada tahun 2012, melalui sebuah kerjasama dengan Koperasi Mitra Dhuafa (KOMIDA), sebuah institusi pembiayaan mikro Indonesia. Pada tahun 2013, BII telah mengembangkan usahanya dengan melancarkan dua program pembiyaan micro tambahan bersama Baitul Maal wat Tamwil (BMT) dan Asosiasi Perempuan Usaha Kecil (ASPUK). Setiap program mempunyai dana pusingan sebanyak RP1 bilion (anggaran RM300,000). BMT menumpukan perhatian kepada perusahaan mikro manakala ASPUK tertumpu kepada wanita pemilik perniagaan mikro. ASPUK sekarang mempunyai 9,812 pengusaha wanita yang diberi pembiayaian mikro di 22 wilayah.

Reach Independence & Sustainable Entrepreneurship (R.I.S.E)

Bermula pada September 2014, R.I.S.E. merupakan sebuah program pemerkasaan ekonomi untuk orang kurang upaya (OKU). Objektif R.I.S.E. adalah untuk memperbaiki kebolehan penjanaan pendapatan untuk golongan OKU dalam usaha untuk membantu mereka berdikari dari segi kewangan tanpa memerlukan geran kewangan. Program perintis setahun akan berjalan dengan modul latihan khas untuk golongan OKU dengan sasaran seramai 280 peserta telah ditetapkan.

BANTUAN BENCANA DAN SOKONGAN PASCA BENCANA

Banjir di Malaysia

Banjir di Malaysia | **Bantuan pasca bencana: Xavier Ecoville** | **Bantuan pasca bencana: Gunung Merapi**

Semasa bencana banjir yang melanda bahagian Pantai Timur Malaysia pada Disember 2014, lebih 200,000 orang dari pelbagai lapisan masyarakat telah terjejas. Kami merupakan bank pertama untuk menyediakan khidmat moratorium ke atas pembayaran pinjaman serta pengecualian caj-caj tertentu. Mangsa yang menerima pinjaman Maybank telah ditawarkan dengan moratorium selama enam bulan dan pengecualian caj-caj tertentu berdasarkan kes. Kami telah membantu mangsa yang mempunyai pembiayaan gadai janji dan amanah saham sedia ada yang telah membayar sebahagian daripada pinjaman mereka untuk mengeluarkan wang dari akaun pinjaman dengan had sebanyak RM50,000 seorang. Bantuan kami merangkumi perbankan Islam dan am. Terdapat juga pengecualian caj bagi mangsa yang ingin menggantikan kad ATM, buku cek dan kad kredit.

Selepas mengambil kira akibat bencana tersebut, termasuk kos untuk pembersihan dan pemulihan kami telah meningkatkan had kredit pelanggan. Etiqa mempercepatkan proses tuntutan untuk pelanggan yang telah mengambil insurans bencana banjir. Kami juga mengambil kira perniagaan yang telah "dibekukan", membuka permohonan untuk modal kerja tambahan bagi memudahkan perniagaan yang terjejas akibat banjir. Syarikat PKS yang terjejas telah diberi diskaun untuk kadar faedah, tambahan kepada moratorium dalam pembayaran balik.

Selain membantu melalui rangkaian produk dan perkhidmatan warga Maybank mengamalkan semangat "Bank with a Heart" dengan bersama-sama menjadi sukarelawan, mengagihkan kit kebersihan dan bahan makanan untuk mangsa banjir. Bersama-sama dengan Yayasan Maybank, kami telah memberi sokongan kewangan sebanyak RM1 juta kepada MERCY Malaysia. Sumbangan tersebut adalah sebahagian daripada perjanjian selama tiga tahun di antara Yayasan Maybank dan MERCY Malaysia.

Kerjasama tersebut menumpukan kepada tindak balas bencana, usaha membina semula (selepas bencana) dan program pengurangan risiko. Dana yang didermakan kepada MERCY Malaysia akan digunakan untuk mengatur tindak balas kecemasan, pembelian bekalan perubatan dan menetapkan semula kedudukan program persediaan Pengurangan Risiko Bencana (DRR). Yayasan Maybank juga sedang membangunkan peruntukan sukarelawan dalaman di kesemua negara ASEAN di mana Maybank berada.

Bantuan Selepas Bencana

BII menyokong pemulihan 15 reaktor biogas (atau biodigesters) melalui Program Pembangunan Biogas Gunung Merapi yang telah musnah akibat letusan Gunung Merapi pada tahun 2010. Sumber tenaga biodigesters tersebut sudah boleh digunakan oleh 240 orang penduduk di sembilan desa di lereng Gunung Merapi. Tambahan pula, melalui program ini, BII juga akan menyokong pembinaan 10 biodigesters baru berpotensi yang boleh digunakan oleh 150 orang penduduk kampung di tujuh desa. Sebelum ini, melalui Program Pemulihan Merapi, BII menyokong pembinaan dan pemulihan infrastruktur air di 10 desa di Muntilan, di mana air bersih tersebut telah dinikmati lebih 1,800 penduduk. Pada masa yang sama, BII juga telah menyediakan peralatan pertanian seperti traktor, pengulit biji jagung, mesin pembanting beras, mesin pembanting rumput dan pam air selain membantu penanaman sebanyak 10,000 batang pokok. Usaha ini merupakan sebahagian daripada program alam sekitar kami di lereng Gunung Merapi.

Maybank Filipina terus menyokong Penempatan Semula Komuniti Xavier Ecoville yang telah menempatkan sebanyak 600 buah keluarga. Penempatan semula komuniti mesra alam yang sebesar lima hektar tersebut telah di bina untuk mangsa Taufan Sendong yang berlaku pada tahun 2011. Pusat Komuniti Maybank menyokong masyarakat melalui pelbagai jenis aktiviti dan pembangunan kemahiran untuk membolehkan keluarga-keluarga tersebut mempunyai kehidupan yang lebih baik.

Tanggungjawab Korporat

SENI DAN KEBUDAYAAN

Kami menyokong acara tahunan Pameran Seni Nukilan Jiwaku. Program tersebut mempamerkan hasil kerja pelukis OKU dari seluruh Malaysia. Pada tahun 2014, kami memulakan program mentor Nukilan Jiwaku – V.S.A (Very Special Arts) dengan objektif untuk meningkatkan kemahiran teknikal dan tahap keyakinan para pelukis kurang upaya melalui program pembelajaran berstruktur.

Tahun	2013	2014
Bil. pelukis yang disokong	23	**28**

Pada tahun 2014, kami telah menganjurkan bersama Abilympics untuk 28 pelukis kurang upaya yang telah mengambil bahagian dalam Abilympics peringkat negeri untuk negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan di Menara Maybank. Abilympics merupakan sebuah pertandingan kemahiran vokasional untuk golongan OKU untuk membolehkan mereka mempamerkan dan meningkatkan bakat seni mereka. Pertandingan tersebut turut membantu untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang keupayaan mereka.

Kesukarelawan Kakitangan

Program terkemuka kesukarelawan kakitangan Maybank, Cahaya Kasih menggalakkan warga Maybank untuk bersatu dan menjadi ejen pengubah. Pada masa yang sama, melalui penglibatan mereka, warga Maybank telah mewujudkan kerjasama jangka masa panjang dengan pihak berkepentingan dengan mempromosikan kepercayaan, membina hubungan yang lebih erat dan muhibbah. Pada tahun ini, hari Global CR kami yang kelima bertemakan 'Menginspirasikan Komuniti Global'. Lebih 96 inisiatif telah dilaksanakan.

Tahun	2012	2013	2014
Sukarelawan	21,147 kakitangan, 178,422 jam sukarelawan	23,000 kakitangan, 119,000 jam sukarelawan	**24,971 kakitangan, 129,921 jam sukarelawan**

GAYA HIDUP SIHAT

Insitut Jantung Negara

Untuk mempromosikan akses kepada penjagaan kesihatan, Maybank Islamic telah membuat komitmen selama lima tahun melalui Yayasan Maybank untuk menyumbang sebanyak RM1.7 juta kepada Pusat Jantung Pediatrik Serantau Institut Jantung Negara. Program itu ditingkatkan lagi pada tahun 2014, di mana buat julung kalinya, sebuah acara berbasikal diadakan untuk mengumpul dana. Selain itu, buat pertama kalinya, dua kanak-kanak Indonesia telah berjaya menjalani pembedahan jantung di Kuala Lumpur. Program The Cycle Saves a Child's Heart telah mengumpul sebanyak RM50,000, menjadikan jumlah dana keseluruhan kepada Pusat tersebut berada pada RM2.25 juta. Kolaborasi tersebut telah memanfaatkan seramai 42 orang kanak-kanak sejak tahun 2012.

Pusat Pemindahan Hepar Maybank di Hospital Selayang

Ditubuhkan pada tahun 2002, Pusat Pemindahan Hepar Hospital Selayang menyediakan khidmat pemindahan hepar pada caj yang berpatutan, membolehkan golongan kurang berkemampuan mendapat akses perubatan pada kadar yang lebih rendah berbanding yuran yang dikenakan oleh hospital swasta di Malaysia dan luar negara. Dana seterusnya telah diberi sejak jumlah awal sebanyak RM5 juta. Pada tahun 2010, Maybank telah menyumbangkan sebanyak RM50,000 kepada Pusat tersebut melalui (nama sebelum) Tabung Kebajikan Kumpulan Maybank (TKKM) untuk membeli peralatan perubatan. Sebagai tanda sokongan yang berterusan, pada tahun 2014, Yayasan Maybank telah menyumbangkan sebanyak RM250,000 untuk membiayai pembelian dan penyelenggaraan peralatan perubatan untuk pemerolehan organ di Malaysia. Setakat ini, Pusat tersebut telah menjalankan sebanyak 63 perolehan. Ia dijangkakan bahawa di antara enam hingga sepuluh pesakit menjalani pemindahan hepar di Pusat tersebut setiap tahun. Dengan sokongan Yayasan Maybank, jumlah tersebut dijangka akan meningkat kepada 15 orang pesakit setahun. Sepanjang program itu berlangsung, kami telah melaksanakan pelbagai kempen hepar sihat dan telah meningkatkan dana semasa acara sukan tahunan Terbuka Malaysia Maybank (MMO).

Sukan

Acara tahunan latihan Maybank-MGA Junior Golf Camp Champions Academy dan klinik golf junior semasa acara Terbuka Malaysia Maybank (MMO) menyediakan peluang kepada pemain junior berumur dari enam hingga 12 tahun untuk diperkenalkan kepada sukan golf selain untuk dipilih dan dilatih melalui kombinasi latihan kemahiran golf (asas) dan pembangunan fizikal (senaman berasaskan golf). Pada tahun 2014, kami mempunyai 20 pemain junior bawah akademi tersebut. Program tahunan itu akan dilangsungkan selama empat tahun (2012-2015), membolehkan lebih ramai pemain junior berpotensi untuk dilatih dan dikembangkan sebagai pemain golf.

Sejak tahun 2006, kami juga telah menyokong Maybank Junior Golf – National Camp. Pemain junior dari seluruh negara akan menjalani kem latihan intensif selama tiga hari untuk setahun. Program tersebut dijalankan setiap tahun dan menyokong seramai 100 pemain golf junior, memfokuskan pembelajaran teknik golf lanjutan dan memberi pengetahuan buat pemain golf junior berumur di antara 12 hingga 16 tahun.

Tanggungjawab Korporat

Pada tahun ini, pengeluaran GHG kami secara keseluruhan adalah 104,667 tCO_2e, pengurangan sebanyak 13-76 peratus dari tahun 2011. Tambahan kepada pengembangan operasi kami, kami juga meletakkan inisiatif untuk meminimumkan lagi pengeluaran GHG kami. Beberapa usaha kami ke arah ini merangkumi penggunaan teknologi penyaman udara kipas jet, memperoleh peralatan IT mesra alam, telesidang dan sidang video.

Bergerak ke hadapan, kami merancang untuk menggabungkan perjalanan perniagaan dalam pengeluaran GHG kami. Kami berada pada sasaran kami untuk mengurangkan pengeluaran GHG sebanyak sepuluh peratus menjelang tahun 2015.

Pengeluaran GHG (Skop 1 dan 2 sahaja)				
Tahun	**2011**	**2012**	**2013**	**2014**
Jumlah (tCO_2e)	121,368	122,671	105,143	**104,667**

Nota: *tCO_2e – Padanan tan karbon dioksida*
Skop 1 – Semua pengeluaran GHG secara langsung (penyaman udara)
Skop 2 – Semua pengeluaran GHG secara langsung (pembayaran tenaga elektrik – penggunaan)
Skop 3 – Pengeluaran secara tidak langsung lain (perjalanan perniagaan)

Program Transformasi IT (ITTP) kami bersama dengan Property Go Green Council (PGGC) telah berkerja keras untuk memperbaiki pengunaan secara tidak langsung lain seperti penggunaan kertas, air dan sisa-sisa. Kami juga telah bergerak ke arah kepada perbankan tanpa kertas untuk pelanggan kami. Selain daripada perbankan internet melalui Maybank2U, pelanggan kad kredit kami mempunyai pilihan untuk menerima surat penyata secara dalam talian sebagai ganti kepada surat penyata bercetak. Kami menggalakkan pelanggan kami untuk menggunakan perkhidmatan pembayaran bil elektronik kami dan bertukar kepada penyata dalam talian.



Untuk maklumat mengenai dasar dan inisiatif Maybank di tempat kerja, sila rujuk di bahagian Modal Insan Kumpulan, muka surat 72 – 75.

AKSES KEPADA PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Kami komited untuk mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai pelanggan kami, termasuk memahami keperluan sosial dan alam sekitar mereka. Pada masa yang sama, kami percaya bahawa perniagaan kami hanya akan berkembang jika ia digabungkan dengan unsur-unsur tadbir urus yang baik, inovasi sosial dan integriti alam sekitar. Usaha kami setakat ini telah dicipta untuk menambahbaik mutu perkhidmatan kami dengan meningkatkan akses dan kemudahan kepada pelanggan kami dan membuat sumbangan berharga kepada komuniti di mana kami beroperasi.

Tumpuan kepada Pelanggan

Pada tahun 2014, kami meneruskan misi kami untuk menginsankan perkhidmatan kewangan serantau dengan pelancaran pelbagai produk dan perkhidmatan untuk meningkatkan akses dan kecekapan perkhidmatan kami, mencapai kepada mereka yang memerlukan, dan mengembangkan jejak langkah fizikal dan digital tanpa mengkompromi keselamatan data dan informasi pelanggan kami.

Strategi Digital Kumpulan Maybank sedang melihat dalam perubahan tingkah laku pelanggan kami di mana ruang sosial dan persendirian kami yang saling berkait rapat, membolehkan perbankan berada lebih dekat dengan pelanggan.

Akses kepada Kewangan

Sebagai institusi kewangan, perkhidmatan kami memberi akses kepada kewangan di seluruh Asia. Kami mempunyai salah satu rangkaian terbesar di Malaysia dan merupakan satu-satunya bank yang mempunyai 18 cawangan di kawasan pedalaman di Malaysia. 16 daripada cawangan tersebut merupakan mesra orang kurang upaya manakala kesemua 55 cawangan Maybank di Filipina menyediakan kemudahan untuk orang kurang upaya. Kami telah menerajui pinjaman bersih SME untuk membolehkan waktu pemprosesan selama tujuh hari dan juga produk tujuh dalam satu, Maybank One solution, yang boleh diaktifkan dalam masa sepuluh minit dan menawarkan akses yang lebih cepat dan lebih mudah kepada pelanggan dan PKS.

Pengawasan Produk

Komitmen kami untuk memperkasakan akses kepada pembiayaan untuk semua peringkat syarikat PKS telah dinyatakan dalam persetujuan Portfolio Guarantee (PG) dengan Credit Guarantee Corporation (CGC). Dana sebanyak RM1 bilion telah diperuntukkan untuk menyediakan khidmat pembiayaan kepada PKS berdaya maju di bawah skim PG, di mana sebahagian daripada jumlah tersebut akan diperuntukkan kepada segmen Bumiputera, sekali gus membuat perjanjian tersebut yang terbesar yang pernah dilakukan di antara CGC dan institusi kewangan di Malaysia. Kami memberi sokongan lanjut kepada syarikat PKS dengan menandatangani kerjasama dengan Bumiputera Agenda Steering Unit (TERAJU) untuk pendanaan sebanyak RM600 juta kepada PKS Bumiputera yang berdaya maju. Kerjasama ini telah menambah Dana Teras kepada RM2.2 bilion. Dana tersebut yang telah diwujudkan oleh TERAJU akan membantu syarikat PKS dalam mendapat modal kerja untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Kewarganegaraan korporat kami diteruskan dengan kerjasama dengan East Coast Economic Region Development Council (ECERDC) untuk menyediakan dana sebanyak RM110 juta kepada usahawan pantai timur, yang dianggarkan untuk memberi manfaat kepada lebih kurang 2,000 perniagaan mikro dan perusahaan kecil dan sederhana di rantau Ekonomi Pantai Timur dan Mersing menjelang tahun 2015.

MELANGKAH KEHADAPAN

Menerusi Pelan Kemampanan 20/20 kami, kami akan terus meningkatkan lagi program-program untuk kesan jangka panjang dan pengesanan mudah. Kami memikirkan semula pertumbuhan kami untuk berhadapan dengan isu-isu yang sukar yang dihadapi oleh perniagaan kami. Perancangan kami adalah untuk mewujudkan laluan kepada pemikiran dan usaha sama baru ketika kami melangkah ke hadapan. Kemampanan merupakan perjalanan berterusan yang kami wujudkan untuk diri kami sendiri. Tahun hadapan kami akan mampu membuat laporan yang dibandingkan dengan Pelan Kemampanan 20/20. Kami mahu mengelakkan tumpuan terhadap pendekatan berasaskan penunjuk dengan sasaran tahun-ke-tahun. Sebaliknya, kami menetapkan sasaran untuk menggunapakai pendekatan berasaskan impak yang akan menjadikan amalan kemampanan kami lebih terurus, membina keselarasan untuk mempercepatkan penambahbaikan dan menggalakkan inovasi. Sebagai institusi kewangan yang melaporkan tentang inisiatif kemampanan setiap tahun, kami mengenalpasti cabaran yang membelenggu akses kepada kewangan, kekangan sumber, modal insan dan pembangunan sosial. Pelan Kemampanan 20/20 akan menjadi panduan kepada kami untuk menanamkan ciri kemampanan ke dalam perniagaan dan persediaan buat kami untuk masa hadapan.

Untuk maklumat lanjut mengenai ikhtiar kemampanan kami, sila rujuk di Laporan Kemampanan Maybank 2014.

Sila layari **www.maybank.com/sustainability** *untuk maklumat lanjut.*

Maybank Dalam Media

JANUARI

Sila layari **www.maybank.com/news** *untuk maklumat lanjut.*

Maybank gets Towers Watson honour

PETALING JAYA: Malayan Banking Bhd (Maybank) is the first and only Asian organisation to be included in the Towers Watson Global High Performing Company Norm, which is an internationally recognised benchmark for high performing organisations.

Organisations qualify for the norm by meeting two criteria namely, superior financial performance, defined by a net profit margin and/or return on invested capital that exceeds industry average; and superior human resource practices, defined by employee opinion scores near the top among the most financially successful organisations surveyed by Towers Watson.

Maybank was distinguished as being one of the best organisations with consistent leadership from the top management in terms of setting strategy, directions, communication, stakeholder engagement, employee development and benefits.

Towers Watson sees Maybank as performing admirably in terms of leadership, communication and encouraging a healthy competitive workplace environment.

Maybank group chief human capital officer, Nora Abd Manaf said, Maybank's recognition as one of only 26 high performing organisations from a pool of about 450 organisations Towers Watson partnered globally in 2013, puts us on par with some of the world's admired organisations. Being ranked alongside organisations with excellent financial performance and superb human resource practices such as Shangri-La Hotels, RHC Financial Group, to name a few is an honour to our existing 43,000 Maybankers without whom this recognition would not have been possible".

Tower Watson managing director Lim Chin Han said, "Maybank has received this recognition for three consecutive years since 2010 and they are the only Asian organisation to do so". This is a commendable achievement for an Asian organisation as it recognises only a handful of organisations globally that have successfully leveraged on their human capital to gain a competitive edge in bottom-line resulting in sustained growth".

36股晉百億。國能大躍進

馬銀行連3冠

Yayasan Maybank tambah dana RM20,000

马银行号召公众为贫困区送上曙光

Lim Hong Tat is new CEO of Maybank Singapore

MAYBANK UNTUNG BERSIH RM6.55B

Pencapaian meningkat 14 peratus cecah rekod baharu

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Malayan Banking Bhd (Maybank) terus mencatatkan prestasi kewangan kukuh dengan keuntungan bersihnya melonjak 14 peratus ke paras tertinggi baharu, RM6.55 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 berbanding RM5.75 bilion tahun sebelumnya.

Pendapatan meningkat

Pendapatan bersih kumpulan perbankan terbesar tempatan itu meningkat 20.5 peratus kepada RM18.54 bilion, disumbangkan oleh kenaikan 14.6 peratus dalam pendapatan berasaskan fi bersih dan peningkatan 8.4 peratus pendapatan bersasarkan dana bersih.

Bisnes B2

Datuk Abdul Farid Alias, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank

Maybank donates wheelchairs

Maybank biayai pelanggan di China dalam ringgit

FEBRUARI

MAC

Etiqa raih anugerah takaful

ETIQA Takaful Bhd, anak syarikat Malayan Banking Bhd (Maybank) meraih anugerah Pengendali Takaful Terbaik dalam majlis anugerah Jakim: Finance News (IFN) Awards Best Service Poll 2013 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Etiqa Takaful Ahmad Ridlan Azman berkata, syarikat itu banyak mencapai kejayaan pada 2013, termasuk pelancaran pelan Takaful Mabrur kalis pelbagai simpanan dan perlindungan komprehensif untuk persediaan pelanggan merangkajkan haji dan umrah.

"Ini merupakan satu daripada tawaran utama Etiqa Takaful pada tahun ini, dan kami berharap agar pelan ini terus diterima dengan baik pada tahun ini dan tahun-tahun akan datang," katanya.

Menurut Ahmad Ridlan, untuk memastikan pelanggan sentiasa mendapat produk dan perkhidmatan terbaik, Etiqa Takaful akan memperkenalkan produk-produk pelaburan takaful pada tahun ini, iaitu tawaran pertama Etiqa Takaful dalam segmen berkaitan dengan pelaburan.

"Kami melihatnya sebagai produk yang berpotensi memberikan peluang untuk mencapai segmen mewah serta menarik minat pelanggan baru dalam pasaran di Malaysia," katanya.

Anugerah-bilamik: Finance News adalah anugerah yang ditaksir oleh pasaran modal Islam dunia.

Maybank peruntuk RM1 bilion pinjaman PKS

► **Maybank to set up insurance subsidiary in Singapore**

MALAYAN Banking Bhd's (Maybank) indirect subsidiary Maybank Aggas Holdings Bhd, will set up a wholly owned insurance subsidiary to be known as Etiqa Pte Ltd in Singapore. Maybank, in a filing to the stock exchange yesterday said Maybank Aggas had received the conditional approval from the Monetary Authority of Singapore, for the application to set up an insurance company as a direct insurer, to carry on life and general insurance business in the island republic. Maybank's insurance arm, Maybank Aggas runs the business under the brand name of Etiqa International Holdings Sdn Bhd, wholly owned by Maybank.

Etiqa Takaful Berhad bantu 7 pusat tahfiz

Ledang: Tujuh pusat tahfiz dan rumah anak yatim di Johor, antara lebih 50 institusi kebajikan dan 2,000 anak yatim seluruh negara yang menerima bantuan menerusi Program Tanggungjawab Zakat Korporat Etiqa Takaful Berhad.

– Bantuan terbaharu, Projek Bekalan Air Bersih disalurkan kepada Madrasah An Nur, Kesang Laut, dekat sini hasil kerjasama dengan Islamic Aid Malaysia (IAM). Ia berupa tujuh penapis air yang akan memanfaatkan 150 pelajar pusat pengajian itu mendapat bekalan air dijamin bersih.

Program agihan zakat

Ketua Pegawai Eksekutif Wilayah Selatan Etiqa Takaful Berhad, Yunus Sood, berkata sumbangan itu sebahagian program pengagihan zakat tahunan yang disalurkan kepada institusi kebajikan di seluruh negara yang layak.

"Setakat ini lebih 50 institusi kebajikan dan 2,000 anak yatim serta golongan asnaf di seluruh negara sudah dibantu. Sepanjang tahun lalu, kami menyalurkan RM11.5 juta dalam bentuk bantuan kewangan, kemudahan asrama, kelas, kantin dan pelbagai lagi kepada pertubuhan kebajikan," katanya.

Yunus berkata, selain projek air bersih ke Madrasah An Nur, pihaknya turut menaburkan biasiswa kepada pelajar tahfiz dalam bentuk tiket penerbangan kepada mereka yang berjaya melanjutkan pengajian keagamaan di Asia Barat.

Sementara itu, Naib Mudim Madrasah An Nur, Hanafi Ali, 35, berkata penapis air itu antara kemudahan dinanti-nantikan pelajar yang sangat memerlukan bekalan air bersih untuk kegunaan harian.

Maybank Expects Another Stellar Year

Maybank Dalam Media

BERITA

APRIL

投資致富

阿都法立

Maybank a step closer to becoming an Asean bank

KUCHING: Malayan Banking Bhd (Maybank) is a step closer to becoming an Asean bank as a result of prior mergers and acquisitions (M&As), allowing it to now be more geographically diversified with an extended position in fast developing emerging Asean markets.

Maybank mahu perluas operasi di China

» Syarikat sedang runding dengan CBRC buka cawangan baharu

Oleh Mahanum Abdul Aziz

Maybank Islamic teroka antarabangsa

» Langkah UK buka peluang pasaran kewangan Islam kembang operasi

MAYBANK MALAYSIAN OPEN

WESTWOOD BAWA PULANG RM1.48 JUTA

Maybank sasar jualan RM180j

MEI

BII, Garuda Indonesia perkukuh kerjasama

» Sedia kemudahan pembiayaan Islam bernilai RM325.8 juta

馬銀行響應捐100萬

Maybank

Maybank SME Clean Loan:

满足不同规模中小企业的需要

Maybank Kim Eng sees stronger market in H2

Maybank biayai pelanggan di China dalam ringgit

MAYBANK perkenal aplikasi baru

Georgetown: MAYBANK Investment Bank (MAYBANK IB) memperkenalkan ciri terbaru aplikasi perdagangan yang dikenali sebagai Market Insight bagi meningkatkan laman aplikasi perdagangannya.

Inovasi terkini itu menyediakan akses lengkap seperti pandangan profesional, idea perdagangan, data dan maklumat sepat bagi pelanggan Hong Kong, Singapura dan Malaysia.

Ketua Serantau Ekuiti MAYBANK Kim Eng, Ami Morii berkata, Market Insight yang direka khusus kepada pelanggan ciri ini menyimpan ciri menarik dengan data pemetujuan mengenai saham tersenarai dan dilarangkan dalam bahasa Inggeris.

Beliau berkata, ia membolehkan pelanggan MAYBANK IB membandingkan cadangan penyelidikan MAYBANK terhadap pandangan yang dipersetujui bersama termasuk daripada segi segmentasi pilihan saham ke dalam portfolio bagi memenuhi profil risiko pelabur berbeza.

"Market Insight boleh diakses oleh pengguna Android menaikatu versi iOS guna dijangka dilancarkan pada September dengan.

"Ia berpotensi membuat isu-isu lepasan pelanggan, maupun kami sepaya mereka boleh membuat keputusan pelaburan termaklumat," katanya pada majlis pelancaran Maybank IB cawangan baru di Pulau Pinang dan di Menara Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jalan Sultan Ahmad Shah, di sini.

JUN

Maybank peruntuk RM1 bilion pinjaman PKS

KUALA LUMPUR, Kuala - Malayan Banking Bhd. (Maybank) memperuntukkan kira-kira RM1 bilion tahun ini dalam bentuk pinjaman untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini.

Ketua Kumpulan Maybank Singapura bagi Perkhidmatan Kewangan Komuniti merangkap Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Lim Hong Tat berkata, daripada jumlah itu, antara 50 dan 60 peratus itu diketepikan untuk PKS Bumiputera.

"PKS yang layak mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman dalam perniagaan mereka," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian antara Maybank dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC).

Perjanjian jaminan itu adalah untuk portfolio baharu bagi meningkatkan akses kewangan kepada PKS.

"Penjanjian itu akan menguntungkan 1,000 PKS yang memerlukan modal kerja tambahan untuk maius dan mengembangkan perniagaan mereka," kasnya.

Mengikut skim itu, permohonan pemiayaan minimum ialah RM50,000 untuk setiap PKS, manakala jumlah maksimum boleh mencapai RM1.5 juta dengan 70 peratus dijamin oleh CGC.

Maybank juga telah melaksanakan satu kaedah penilaian risiko lebih baik untuk menilai pelanggannya mengikut profil risiko mereka, sekali gus mempercepat proses permohonan pinjaman itu antara tujuh hingga dua minggu sebelum ini.

"Maybank sudah lama menyokong PKS. Sejak beberapa tahun lalu kami telah meningkatkan portfolio PKS kepada lebih RM40 billion dan menjangkakan penguasaan pasaran kami akan terus berkembang tahun ini," kata Lim.

Maybank merancang menambah penyertaan pasaran PKS kepada antara 30 peratus dan 40 peratus tahun ini berbanding 21 peratus masa kini.

"Maybank terlibat dalam satu siri seminar dan bengkel sepanjang tahun sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk membantu mengembangkan PKS," kata Lim.

Sementara itu, Presiden CGC merangkap Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Wan Azhar Wan Ahmad berkata, kumpulan itu menyasarkan untuk menyediakan pinjaman dan pembiayaan RM2.7 bilion untuk PKS dengan mention tumpuan kepada empat segmen.

Satu usahawan Bumiputera, syarikat terbitan, sektor pertumbuhan baharu dan pembiayaan berasaskan Syariah.

– Bernama


Maybank Expands Into Bancassurance Annuity Market With Smart Retirement Xtra

Maybank is expanding into the deferred annuity market through its "Smart Retirement Xtra" Plan, the first-ever deferred annuity insurance plan in Malaysia made available through the Bancassurance channel.

"Smart Retirement Xtra" (SRX) complettes Maybank's range of retirement plans and expands Maybank's portfolio of life insurance offerings which currently includes endowment, investment-linked, general life and Takaful life insurance products.

Targeting to generate RM48 million in premiums in 2014, SRX aims to tap into the potential of the life insurance market in Malaysia which currently has a relatively low penetration rate of 41.22%.

SRX is designed to enable customers to plan for their future retirement, while at the same time, benefit from the special tax relief offered for the purchase of such plans.

The plan includes bonuses coverage of RM10,000 on Death or Total and Permanent Disablement and Guaranteed Cash Payouts of 10.5% per annum of the total annual contracted premiums paid. This is payable on a yearly basis for 10 years, commencing at the end of the year at age 60. In addition, the Plan offers guaranteed acceptance for applicants aged 30 to 50 years. Tax Relief entitlement is subject to a maximum of RM8,000 per year and applicable until the year 2021. Apart from this, customers stand to benefit from additional non-guaranteed returns of the maturity value.

"Smart Retirement Xtra" is underwritten by Etiqa Insurance Bhd, the insurance arm of Maybank Group.

Majikan prihatin

» MTIC bukti Maybank peka terhadap kebajikan kakitangan

Kad kredit tawar ganjaran umrah

» Maybank Islamic lancar MasterCard patuh syariah

Maybank Dalam Media

Sila layari **www.maybank.com/news** *untuk maklumat lanjut.*

JULAI

Etiqa Takaful's savings and protection plan Mabrur named product of the year

by K VINOTHARAN

ETIQA Takaful Bhd's Mabrur, the savings and protection plan that complements pregnation for haj and umrah, has been named product of the year based on product innovation consumer survey for 2014.

Etiqa Insurance & Takaful chief commercial officer Shahrul Azuan Jamin said with the Product of The Year accolade at the recently held Consumer Survey of Product Innovation 2014/2015, the company aims to continue developing new insurance and takaful products moving forward.

"We're delighted to have been recognised by the nation's consumers for our product innovation and we will continue our commitment in improving the lives of customers and strive to innovate and deliver more value to our new and existing customers," he said in a statement to the media yesterday.

Etiqa's Mabrur provides a comprehensive cover to individuals to plan their haj and umrah by facilitating the process of opening the Tabung Haji account together with the registration for the haj when the first cash payment is paid with our any bank.

The plan comes with cash payments payable at the end of third certificate year and every nine thereafter with the cash payments of 50% in the third year.

Furthermore, the cash payment benefit will be accumulated at the Tabung Haji account together with the

Maybank Dalam Media

BERITA

OKTOBER

Chance to earn an income

Maybank named brand of the year

Another first for Maybank

It is the first Malaysian bank awarded banking licence in Myanmar

By WONG WEI-SHEN

Maybank Islamic's RM20m to Waqf fund

Maybank among top 100 sustainable companies in Asia

NOVEMBER

馬銀行冀捎5000萬收入與蜆殼美國運通合推預付卡

Maybank eyes RM5b SME trade financing

COLLABORATION WITH DNEX:
myTrade2cash offers loan facilities of between RM500,000 and RM3m

DHIPA PALAHI

Maybank and DNeX target RM5b online trade financing

Maybank hosts investors' conference in the US

Maybank nets RM1.61b in Q3

DISEMBER

Maybank launches inaugural GreTai Securities Market-listed US$500mil notes

Maybank diiktiraf Towers Watson

Maybank eyes 5,000 users for Visa payWave Micro Tag

Maybank offers moratorium for flood victims

PETALING JAYA: Malayan Banking Bhd (Maybank) will offer a six-month moratorium on a case-to-case basis for monthly instalment payments of loans, as well as waiver of certain charges for customers affected by the floods in various states in the country immediately.

The suspension includes waiver of charges for affected customers seeking replacement of ATM cards, cheque books and passbooks which have been destroyed in the floods.

Maybank will also consider requests from affected credit card customers for waivers of late/finance charges and

the difficulties faced by those who are affected by the flood and that they will require some form of financial relief during the period. Hence, in line with Maybank's mission to humanise financial services, we initiate this programme to lessen the burden of our customers," Maybank's head of community financial services Malaysia Hamirullah Boorhan said in a statement yesterday.

He added that Maybank would process the request for relief assistance on a case-to-case basis, and it applied to both conventional and Islamic facilities.

Meanwhile, the group's insurance arm, Etiqa Takaful

Mercy sediakan RM348,759 untuk bantu mangsa Hagupit

Maybank Dalam Media

06 JANUARI

TV3 - Maybank memperkenalkan perkhidmatan Pengeluaran Wang Tanpa Kad untuk pelanggan mengeluarkan wang mereka tanpa menggunakan kad ATM.

20 FEBRUARI

TV1 - BII mengumumkan pendapatan sebelum cukai pada suku keempat dengan peningkatan 29% dari suku yang sebelumnya.

19 MAC

TV2 - Maybank memperuntukan dana sebanyak RM1 billion untuk perbankan Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera.

02 MEI

Astro Awani - Maybank memperkenalkan Kad Debit Visa Platinum Debit Card, iaitu kad Debit Visa Platinum pertama yang boleh menggunakan perkhidmatan Visa payWave di mana-mana di Malaysia.

10 JUN

Astro Awani - Maybank Go Ahead Challenge kembali untuk tahun ketiga dengan jangkaan sebanyak 10,000 permohonan bagi program tersebut.

20 JULAI

TV3 - Maybank sekali lagi tersenarai di dalam 20 Bank Terkukuh Dunia Bloomberg untuk tahun kedua berturut-turut.

28 OGOS

Bernama TV - Maybank mengumumkan keuntungan sebelum cukai (PBT) Kumpulan bagi pertengahan tahun berakhir 30 Jun 2013 meningkat sebanyak 5.7% dari tahun yang sebelumnya kepada RM4.45 bilion.

09 SEPTEMBER

Bernama TV - Maybank menlancarkan aplikasi Maybank2U.

01 OKTOBER

TV3 - Maybank mendapat lesen perbankan di Myanmar untuk meningkatkan kehadiran Bank tersebut di negara itu.

03 NOVEMBER

Astro Awani - Maybank melancarkan myTrade2Cash dengan sasaran pembiayaan perdagangan sebanyak RM5 bilion untuk pengeksport PKS.

10 DISEMBER

TV1 - Yayasan Maybank menyumbangkan sebanyak RM1 juta kepada MERCY Malaysia untuk membantu mangsa Taufan Hagupit.

Maybank Dalam Media

Maybank kian berkembang sebagai peneraju media digital. Maybank ditempatkan pada #10 bagi peringkat global dalam senarai "The Power 100 Banks on Social Media" pada tahun 2014.

Melangkau lebih dari berita, promosi dan pemasaran, penggunaan media sosial kami seperti Facebook dan Twitter telah membolehkan kami berinteraksi secara kasual untuk menggalakan komunikasi, menyelesaikan masalah yang dihadapi pelanggan, menerima maklumbalas yang telus dan membina kepercayaan di dalam komuniti selain memberi gambaran yang mendahulukan masyarakat.

Maybank **@MyMaybank** **MaybankVideos**

YouTube

29 SEPTEMBER

Kempen ulang tahun Maybank yang ke-54 telah menjana sebanyak 1.5 juta pengunjung, jumlah kunjungan yang tertinggi bagi saluran YouTube Maybank.

Imbas untuk melihat video

Facebook

17 FEBRUARI

Penyerahan kerusi roda untuk Tahun Baru Cina.

25 JUN

Maybank Go Ahead Challenge 2014 peringkat universiti.

28 JUN

Gambar di belakang tabir penggambaran video Hari Raya Maybank.

8 SEPTEMBER

Acara-acara yang dijalankan untuk mempromosi aplikasi Maybank2U.

9 NOVEMBER

Majlis Anugerah Majikan Graduan #1 tahun 2014.

Twitter

11 JANUARI

Acara badminton untuk kebajikan yang berlangsung sempena Kejohanan Badminton Terbuka Maybank Malaysia 2014.

26 FEBRUARI

Promosi untuk produk kewangan, Pembiayaan Mikro PKS.

12 MEI

Yayasan Maybank memberi sumbangan sebanyak RM1 juta kepada Pusat Transplan Hepar Hospital Selayang.

29 DISEMBER

Gambar tidak formal mesyuarat tergempar yang diadakan untuk banjir yang melanda Pantai Timur.

13 OKTOBER

Pengumuman sebagai pemenang anugerah Jenama Terbaik Tahunan.

Ulasan Peristiwa 2014

JANUARI

06 JANUARI

Maybank melancarkan perkhidmatan Pengeluaran Wang Tanpa Kad melalui mesin ATM – perkhidmatan pertama di Malaysia yang membolehkan pelanggan mengeluarkan wang tanpa menggunakan kad ATM. Pelanggan yang menggunakan perkhidmatan perbankan dalam talian boleh "menghantar" wang mereka terus kepada sesiapa sahaja di Malaysia yang memiliki nombor telefon bimbit yang didaftarkan di Malaysia.

15 JANUARI

Perkhidmatan Kekayaan Perdana Maybank telah diperkenalkan di Singapura dan Malaysia sebagai sebahagian daripada strategi segmentasi serantau yang menawarkan khidmat nasihat peribadi kepada pelanggan kaya (HNW). Pelanggan boleh menikmati akses keutamaan dan layanan istimewa di seluruh cawangan Maybank dan cawangan Bank Internasional Indonesia (BII) di Indonesia.

16 JANUARI

Maybank melancarkan 'Maybank Tiger Cubs Childcare Centre' (MT3C), untuk anak-anak kakitangan Maybank di mana ia menawarkan perkhidmatan penjagaan untuk waktu-waktu kecemasan. Pusat ini merupakan yang pertama di Malaysia beroperasi untuk waktu kecemasan.

23 JANUARI

BII Syariah memperkenalkan "Pajakan Korporat IB BII" untuk sektor korporat. Produk ini merupakan perkhidmatan pelaburan kewangan dengan skim pajakan Syariah.

25 JANUARI

Lebih 100 sukarelawan Maybank di Singapura menghadiri jamuan tengah hari sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina bersama 140 warga emas, yang ditaja oleh Maybank. Acara tersebut adalah sebahagian daripada kempen SMILES di mana pihak bank mengiktiraf perkhidmatan terbaik para kakitangan dengan janji sumbangan S$ 1, yang disandarkan atas setiap kad pujian SMILES yang diterima. Lebih 5,000 kad SMILES telah diterima daripada para pelanggan dan kakitangan.

FEBRUARI

04 FEBRUARI

Naib Presiden Kanan dan Ketua Pelaburan dan Pengurusan Aset Maybank Filipina, Atty. Arlene Joan T. Agustin telah diserap ke Jawatankuasa ACI Filipina, organisasi perniagaan rasmi untuk profesional pasaran kewangan dan juga ahli Association Cambistelnternationale. Amando M. Tetangco Jr. gabenor Bangko Sentral ng Pilipinas (BSP) mengetuai majlis induksi bersama yang berlangsung di Sofitel Philippine Plaza Manila dan dihadiri oleh wakil utama bank-bank ahli dan institusi kewangan.

04 FEBRUARI

Maybank merupakan bank yang pertama menawarkan kepada pelanggan seluruh China dengan pembiayaan perdagangan dalam Ringgit Malaysia (RM) melalui rangkaian cawangan di Beijing dan Shanghai. Melalui perkhidmatan ini, pelanggan dari China dapat menikmati kemudahan untuk menyelesaikan transaksi antara sempadan dengan rakan-rakan dagang dari Malaysia terus dalam RM.

13 FEBRUARI

Maybank mengumumkan pelantikan John Chong sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank Kim Eng dan Maybank IB.

14 FEBRUARI

BII melancarkan perkongsian strategik dengan GSB BII untuk menjadi bank yang menyediakan perkhidmatan kewangan kepada pelanggan GSB di Indonesia, termasuk pelanggan korporat dan runcit. Perkhidmatan yang ditawarkan termasuk perkhidmatan akaun, pembiayaan, pinjaman, kiriman wang, pembiayaan perniagaan, pertukaran asing dan produk perbendaharaan.

14 FEBRUARI

Maybank menganjurkan perayaan Tahun Baru Cina di Yayasan Beautiful Gate (BGF) di mana pihak bank menyampaikan kerusi roda bernilai RM100,000. Yayasan tersebut beroperasi di lapan buah cawangan sekitar negara dengan menawarkan perkhidmatan pembangunan kerjaya, pemulihan, pendidikan, kaunseling dan pelbagai lagi latihan kemahiran buat mereka yang kurang upaya.

18 FEBRUARI

Sambutan Tahun Baru Cina dimeriahkan lagi apabila Maybank menganjurkan sambutan perayaan tersebut di Menara Maybank untuk 50 warga emas dan 20 orang kurang upaya dari Pusat Warga Emas Tong Sim, Little Sisters of the Poor dan Persatuan Kanak-Kanak Cacat Klang.

19 FEBRUARI

PT Bank Internasional Indonesia Tbk mengumumkan keuntungan bersih sebanyak IDR1.55 trilion bagi tahun yang berakhir 31 Disember 2013, meningkat sebanyak 28% dari IDR1.2 trilion yang diperolehi pada suku tahunan yang berakhir pada 31 Disember 2012. Ia merupakan peningkatan PATAMI yang tertinggi bagi tahun kewangan. Keuntungan Bank sebelum cukai juga telah meningkat sebanyak 29% kepada IDR2.2 trilion dari IDR1.7 trilion pada tahun sebelumnya.

Sila layari **www.maybank.com/events** *untuk maklumat lanjut.*

Ulasan Peristiwa 2014

MAC

24 FEBRUARI

Maybank Filipina dan Maybank ATR Kim Eng telah menyumbangkan 200 buku kanak-kanak kepada Institut Pediatrik, Pusat Perubatan St. Luke. Buku-buku tersebut telah dikumpul semasa kempen derma buku antara kakitangan Maybank yang berlangsung baru-baru ini.

25 FEBRUARI

Maybank Filipina (MPI) menerima Anugerah Pengiktirafan Khas dari Bureau of Internal Revenue (BIR) bagi peningkatan cukai pendapatan yang berjumlah lebih daripada PHP100 juta dan kadar pertumbuhan yang meningkat lebih daripada 20% pada tahun 2013, menunjukkan sumbangan yang diberi kepada ekonomi Filipina. MPI merupakan satu-satunya bank asing yang diiktiraf oleh BIR.

27 FEBRUARI

Maybank melaporkan keuntungan bersih yang meningkat sebanyak 14.0% kepada RM6.55 bilion untuk tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2013. Keuntungan kasar Kumpulan bagi tahun telah meningkat sebanyak 12.3% kepada RM8.87 bilion berbanding RM7.90 bilion pada tahun 2012.

28 FEBRUARI

Maybank Kemboja melancarkan kempen menderma "Bundle of Prosperity", inisiatif pertama yang dianjurkan oleh Kumpulan untuk menyumbangkan barang keperluan kepada rumah-rumah orang kurang upaya terpilih di seluruh negara ini.

02 MAC

Maybank Kemboja menganjurkan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Melukis Akaun Kanak-Kanak Yippie untuk memupuk sikap menabung dikalangan belia. Maybank menyampaikan sumbangan sebanyak AS$1,000 kepada sekolah yang memenangi tempat pertama dalam usaha untuk menyokong inisiatif berasaskan komuniti.

06 MAC

BII menandatangani perkongsian strategik dengan PT Asuransi Bintang Tbk (ASBI) untuk menyediakan insurans kenderaan bag pemegang kad kredit BII. Melalui perjanjian tersebut, pelanggan BII boleh membayar bil insurans premium menggunakan mana-mana kad kredit BII.

10 MAC

BII dan Yayasan Maybank menyokong pemuliharaan seni dan budaya dengan memuliharakan taman dan bangunan Istana Maimun di Medan, selain menyokong perayaan tahunan kesenian dan budaya untuk mengekalkan seni tarian dan muzik tradisional di kawasan tersebut.

13 MAC

BII dan Japan International Cooperation Agency (JICA) telah menandatangani perjanjian untuk menyediakan perkhidmatan kewangan dua-langkah yang merupakan pinjaman yang pertama disediakan melalui pelan Pelaburan Kewangan Sektor Swasta.

17 MAC

Maybank Singapura memperkenalkan FAST untuk menyediakan pelanggan dengan perkhidmatan pemindahan dana berhampiran masa nyata kepada 13 buah bank yang mengambil bahagian.

18 MAC

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Maybank menandatangani perjanjian Jaminan Portfolio (PG) untuk meningkatkan akses pembiayaan bagi syarikat Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negara ini. Maybank juga mengumumkan ia akan memperuntukkan RM1 bilion untuk syarikat PKS di bawah skim PG dengan sebahagian daripada wang tersebut akan diagihkan kepada segmen Bumiputera.

22 MAC

Yayasan Maybank menyumbang geran pengangkutan kepada 411 pelajar sekolah menengah di Singapura yang kurang bernasib baik untuk menanggung bebanan kos pengangkutan yang sedang meningkat. Maybank Singapura menyumbang S$318,600 sepanjang tempoh tiga tahun program ini berlangsung, yang telah memanfaatkan sebanyak 885 pelajar.

APRIL

09 APRIL

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, Dato' Sri Mustapa Mohamed melancarkan secara rasmi kempen "Simpan dan Pandu" Maybank Islamic bersempena Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2014 di Kuala Lumpur. Kempen sepanjang tahun itu menawarkan syarikat-syarikat Perniagaan Kecil dan Sederhana peluang untuk memenangi sebuah 4WD Toyota HILUX serta kad hadiah Petronas.

15 APRIL

Yayasan Maybank menganjurkan acara "Bersama Bintang Membuat Amal" di mana peminat setia sukan golf di negara ini telah dijemput untuk bermain perlawanan golf amal dengan empat pemain bintang terkemuka iaitu Lee Westwood, Louis Oosthuizen, Matteo Manassero dan Thongchai Jaidee. Dana yang terkumpul dari acara tersebut telah disalurkan ke Dana Kanak-Kanak Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF). Sejumlah RM50,000 yang didermakan oleh 10 individu yang bermurah hati telah ditambah dengan sumbangan berjumlah sama oleh Yayasan Maybank, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM100,000.

Ulasan Peristiwa 2014

APRIL

20-27 APRIL

Kumpulan Maybank sekali lagi menjadi rakan kongsi utama Minggu Saham Amanah Malaysia di Kota Bharu untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat tentang amalan menabung dan juga melabur untuk masa depan. Cabang insurans Kumpulan, Etiqa telah mementaskan gerai satelit di pelbagai lokasi di Kota Bharu di mana keluarga serta kanak-kanak mengambil bahagian untuk melakukan aktiviti yang menarik seperti tayangan pawagam luar, melukis batik dan pertandingan mewarna.

22 APRIL

Maybank berkembang ke dalam pasaran anuiti tertunda melalui pelan 'Smart Retirement Xtra' iaitu produk insurans anuiti tertunda melalui saluran bankasurans yang pertama di Malaysia.

24 APRIL

Maybank melancarkan "Maybank GO Ahead Challenge 2014", sebuah pertandingan kes perniagaan antarabangsa terkemuka yang menawarkan anak-anak muda berpotensi tinggi dari serata dunia peluang untuk meluntur bakat mereka di dalam program antarabangsa yang melibatkan pelbagai disiplin yang berbeza.

Sila layari **www.maybank.com/events** *untuk maklumat lanjut.*

28 APRIL

BII mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Pemegang Saham.

29 APRIL

Program biasiswa BII-Maybank dilancarkan untuk memberi peluang kepada para pelajar dari 34 buah wilayah melanjutkan pelajaran di sembilan buah universiti di Indonesia, lima buah di Malaysia dan dua buah di Singapura.

29 APRIL

BII mengumumkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) dalam suku pertama 2014 sebanyak IDR189 bilion iaitu 39% lebih rendah berbanding tahun sebelumnya.

30 APRIL

Maybank memperkenalkan kad Visa Debit Platinum yang pertama di Malaysia yang membolehkan pelanggan menggunakan perkhidmatan Visa payWave di Malaysia. Kad tersebut membolehkan pemegang kad untuk membuat pembayaran dengan hanya melambai kad mereka di mesin pengesan Visa payWave.

MEI

05 MEI

BII melancarkan perkongsian strategic dengan Garuda Indonesia untuk memperkenalkan Pembayaran Atas Talian Korporat BII (BII CoOLPAY) yang membolehkan agen pelancongan untuk membuat pembayaran atas talian kepada Garuda Indonesia dan anak syarikatnya, Citilink.

07 MEI

Yayasan Maybank telah menghadiahkan insentif berupa wang dan komputer tablet atas pencapaian akademik pelajar-pelajar terbaik dari empat buah sekolah rendah di Selangor yang berada di bawah program PEERS (Menggalakkan Kecemerlangan Pendidikan di Sekolah Luar Bandar).

08 MEI

BII menyerahkan hadiah kepada pemenang pertandingan melukis "Konsert Secara Langsung bersama Katy Perry di London" dan Piala Dunia FIFA 2014, ihsan dari VISA.

12 MEI

BII melancarkan pertandingan "Biingkisan Beruntun 2014" untuk tahun yang kelima dengan menawarkan hadiah utama berupa pakej pelancongan ke lima benua buat pemenang dan keluarga.

12 MEI

Kumpulan Maybank mengukuhkan komitmen ke atas Pusat Pemindahan Hepar Hospital Selayang dengan mendermakan sumbangan sebanyak RM1 juta untuk membolehkan hospital tersebut menyediakan perkhidmatan pemindahan dan perubatan yang berpatutan untuk pesakit penyakit hepar. Pemberian cek tersebut telah disaksikan oleh Menteri Kesihatan Malaysia, Dato' Seri S Subramaniam bersempena pelancaran "Kempen Hepar Sihat" Hospital Selayang.

17 MEI

Maybank dan Maybank Islamic bekerjasama untuk melangsungkan 'Ceramah Hartanah Maybank 2014' di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang yang dihadiri lebih 900 pelanggan HNW dan kaya.

23 MEI

Maybank melancarkan transaksi tersenarai pasaran TOKYO PRO-BOND yang pertama, menjana JPY31.1 bilion (sekitar AS$305 juta) untuk tempoh tiga tahun. Ini merupakan Pro-Bond yang pertama diterbitkan melalui program Nota Matawang Pelbagai Berjangka Sederhana (MTN).

Ulasan Peristiwa 2014

JUN

28 MEI

Maybank Filipina telah memeterai perjanjian pinjaman dengan pengedar tempatan bagi kereta Subaru untuk pinjaman tempoh 3 tahun yang berjumlah PHP120.0 juta bersama Motor Image Manila Inc. dan PHP30.0 juta bagi Omnibus Line bersama Motor Image Pilipinas Inc.

29 MEI

Maybank melaporkan keuntungan bersih suku pertama berakhir 31 Mac 2014 meningkat 6.3% kepada RM1.60 bilion. Keuntungan sebelum cukai Kumpulan meningkat sebanyak 3.8%, kepada RM2.21 bilion dibandingkan dengan RM2.13 bilion pada tahun sebelumnya.

29 MEI

Maybank menyertai rangkaian EFTPOS terbesar di Singapura untuk menyediakan kepada pelanggan kemudahan untuk menggunakan kaedah PIN membuat bayaran yang selamat dengan kad ATM dan Debit Maybank.

29 MEI

Maybank Filipina menyumbang beg dan peralatan sekolah kepada 163 kanak-kanak yang mempunyai masalah pendengaran pada peringkat rendah, menengah dan vokasional sempena pembukaan semester baru pada bulan Jun. Penerima terdiri daripada kanak-kanak My Children's House of Hope, sebuah pusat komuniti untuk orang yang mempunyai masalah pendengaran. Pusat ini merupakan salah satu penerima manfaat di bawah projek sukarelawan yang dijalankan oleh pihak Bank.

17 JUN

Yayasan Maybank menyumbang Anugerah Tahunan Biasiswa Maybank bernilai RM2.5 juta kepada 65 pelajar yang memerlukan, sebagai sebahagian daripada komitmen tanggungjawab korporat terhadap pendidikan.

17 JUN

Maybank Islamic melancarkan MasterCard Ikhwan Card-i, kad pertama yang menawarkan peluang untuk menunaikan ibadah Umrah secara percuma selain memberi sedekah bagi setiap sen yang digunakan. Pada masa yang sama, Maybank Islamic juga telah menyumbang beg galas dan sejadah berharga RM1.5 juta kepada jemaah haji di bawah program Sahabat Koperat Tabung Haji 2014.

18 JUN

BII menerbitkan hutang subordinat berjumlah IDR1.5 trilion dan Sukuk Mudharabah berjumlah IDR300 bilion yang akan digunakan untuk membangunkan perniagaan BII.

19 JUN

Maybank menganjurkan acara tahunan Treats Fair 2014 yang berlangsung selama 4 hari. Ia merupakan pameran penebusan yang terbesar di Kuala Lumpur untuk pemegang kad.

20 JUN

Yayasan Maybank melancarkan musim kedua siri televisyen terkemuka antarabangsa, CashVille Kidz dalam 3D. Program yang memupuk kecelikan kewangan ini dihasilkan atas kerjasama bersama MoneyTree Malaysia, penyedia latihan celik kewangan terbesar di Asia Tenggara.

21 JUN

Maybank (Kemboja) Plc. terlibat dalam Forum Kerjaya 2014 yang dianjurkan oleh EuroCham Kemboja. Sekitar 15,000 pengunjung hadir untuk forum tersebut.

21 JUN

Etiqa menganjurkan pertandingan golf Etiqa & Rakan-rakan di mana 110 pemain golf terdiri daripada rakan-rakan korporat, pelanggan, dan rakan-rakan niaga bertarung di Kelab Golf Seri Selangor di Petaling Jaya.

21 JUN

Maybank Islamic telah menyumbangkan barang-barang keperluan seperti beras, minyak masak, tepung dan gula kepada 9,000 keluarga yang kurang bernasib baik bersempena bulan Ramadhan.

28 JUN

Maybank Singapura memperkenalkan kempen "Pinjaman Pendidikan Amal Maybank". Bagi setiap permohonan pinjaman pendidikan yang diluluskan, Maybank akan menyumbang sebanyak S$30 kepada Tabung Wang Poket Sekolah The Straits Times untuk kanak-kanak dari keluarga yang berpendapatan rendah. Untuk acara ini, 150 sukarelawan Maybank telah membawa 100 pelajar ke River Safari untuk beriadah dan bergembira, sebelum tamat tempoh cuti sekolah.

30 JUN

Maybank melancarkan kempen Akaun Premier 1 – kad pertama di Malaysia yang memberi ganjaran buat pelanggan setia. Kempen ini menawarkan kepada pelanggan faedah tambahan sebanyak 1.5% setiap tahun iaitu lebih daripada kadar faedah Premier 1 yang sedia ada, dengan hanya perlu melakukan transaksi harian bersama Maybank.

Ulasan Peristiwa 2014

JULAI

08 JULAI

